

EROPAH MODEN

ARUS SOSIOPOLITIK
DAN PEMERINTAHAN

EDISI KEDUA

QASIM AHMAD



EROPAH MODEN

ARUS SOSIOPOLITIK
DAN PEMERINTAHAN

EDISI KEDUA

EROPAH MODEN

ARUS SOSIOPOLITIK
DAN PEMERINTAHAN

EDISI KEDUA

QASIM AHMAD

Dewan Bahasa dan Pustaka
Kuala Lumpur
2000

Cetakan Pertama 1985
Edisi Kedua Cetakan Pertama 1994
Edisi Kedua Cetakan Kedua 1997
Edisi Kedua Cetakan Ketiga 2000
© Qasim Ahmad 1985

Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian artikel, ilustrasi, dan isi kandungan buku ini dalam apa juga bentuk dan dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman, atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Ketua Pengarah, Dewan Bahasa dan Pustaka, Peti Surat 10803, 50926 Kuala Lumpur, Malaysia. Perundingan tertakluk kepada perkiraan royalti atau honorarium.

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Qasim Ahmad

Eropah Moden : arus sosiopolitik dan pemerintahan / Qasim

Ahmad. - Ed. ke-2.

Bibliografi: hlm. 249-254

Mengandungi indeks

ISBN 983-62-4027-6

1. Europe – History. 2. Europe – Politics and government.

3. Europe – Social conditions. I. Judul.

940

Dicetak oleh
Percetakan Dewan Bahasa dan Pustaka
Lot 1037, Mukim Perindustrian PKNS
Ampang/Hulu Kelang
Selangor Darul Ehsan

Kandungan

Prakata Edisi Pertama	vii
Prakata Edisi Kedua	ix
Pengenalán	xi
Bab 1	
REVOLUSI PERANCIS	1
Bab 2	
NAPOLEON BONAPARTE	37
Bab 3	
REVOLUSI-REVOLUSI 1848	63
Bab 4	
BISMARCK, PRUSIA DAN JERMAN	105
Bab 5	
REVOLUSI RUSIA	142
Bab 6	
ZAMAN STALIN	176
Bab 7	
FAHAM FASIS DI JERMAN	203
Lampiran I	241
Lampiran II	245
Lampiran III	247
Bibliografi	249
Indeks	255

Prakata Edisi Pertama

Buku *Eropah Moden: Arus Sosiopolitik dan Pemerintahan* ini menyentuh peristiwa yang sudah diketahui umum – sekurang-kurangnya di Barat. Tujuan penulisan ini bukanlah sekadar untuk mengulangi sahaja penceritaan peristiwa tersebut. Perkara yang diutamakan di sini ialah melihat bagaimana para sarjana Barat mentafsirkan peristiwa tersebut berdasarkan beberapa andaian tertentu sama ada yang tersurat atau tersirat. Dengan perkataan lain, saya bukan sahaja ingin menulis tentang sejarah tetapi juga tentang penulisan sejarah. Untuk mencapai matlamat ini, saya perlu membuat rujukan dan petikan yang kerap, mungkin agak amat kerap pada pendapat setengah-setengah orang. Di samping mengetengahkan dan menghuraikan pentafsiran yang berbeza, saya juga cuba mencelah sedikit sebanyak dengan sumbangan saya sendiri.

Walaupun sejarah bukan hanya peristiwa dan cerita, namun peristiwa dan cerita adalah juga mustahak sebagai asas kepada pentafsiran dan aspek lain penulisan sejarah. Oleh itu, dalam penulisan ini aspek penceritaan tidak diketepikan begitu sahaja. Yang saya cuba lakukan ialah untuk mengimbangkan antara aspek penceritaan dengan aspek pentafsiran dan aspek-aspek yang lain.

Secara keseluruhannya, perbincangan dalam buku ini terhad. Perbincangan hanya tertumpu kepada pemikiran dan pergerakan politik dalam sejarah Eropah moden. Ini pula dibataskan lagi dengan pemilihan tajuk yang tertentu sahaja. Buku ini cuba menggambarkan sedikit sebanyak pergolakan masyarakat Eropah dalam usahanya mencari, membentuk dan mengekalkan satu-satu sistem pemerintahan demi menyelesaikan konflik yang terdapat dalam masyarakat itu. Konflik ini berbangkit daripada keadaan ekonomi, politik, sosial dan juga idea yang ditimbulkan oleh setengah-setengah pemikir Eropah. Oleh itu, dirumuskan bahawa persengketaan tersebut boleh diselesaikan dengan melahirkan satu sistem yang dapat mengimbangkan antara kuasa pemerintahan dengan hak yang diperintah, dan juga antara keistimewaan si kaya dengan kesejahteraan si miskin. Sistem pemerintahan yang disentuh atau yang dikaji termasuklah sistem yang dinamakan sebagai feudalisme, demokrasi dan kediktatoran.

Dalam beberapa bab, soal hubungan antarabangsa, perbincangan tentang pemikiran politik Eropah yang tertentu, dan isu khusus yang sering timbul dalam penulisan sejarah,

misalnya isu pengkuantitian, moral dan penentangan juga dibincangkan. Penulisan buku ini merujuk (hampir keseluruhannya) kepada bahan rujukan yang terdapat di perpustakaan Universiti Sains Malaysia. Istilah bahasa asing yang digunakan dalam buku ini telah dikekalkan atau diterjemahkan. Istilah yang dikekalkan telah ditulis dengan huruf condong. Jika istilah asing ini sudah dijadikan istilah bahasa Melayu, maka huruf condong tidak digunakan. Terdapat juga beberapa ungkapan yang dikekalkan dalam bahasa asalnya. Hampir kesemua istilah ini dapat difahami berdasarkan konteksnya atau istilah itu memang sudah dijelaskan dalam teks.

Terjemahan istilah telah saya lakukan menurut cara yang saya fikirkan cara biasa. Misalnya *Social Democratic Party* telah diterjemahkan sebagai Parti Demokratik Sosial, *Social Democrats* sebagai para Demokrat Sosial, *Catholic Centre Party* sebagai Parti Tengah Katolik, *Social Revolutionaries* sebagai Revolusioner Sosial, dan *Reinsurance Treaty* sebagai Perjanjian Insurans Berlapis. *War Communism* pula pernah diterjemahkan sebagai Perang Komunisme, tetapi saya menterjemahkannya sebagai Komunisme Perang. Pada pendapat saya, yang ditekankan di sini ialah komunisme bukan perang.

Draf awal dan sebahagian besar draf kedua penulisan ini telah ditaip oleh para jurutaip di Unit Pengajian Luar Kampus. Draf akhir telah ditaip oleh Puan Che Morah Md. Noor. Kos menyediakan draf akhir ini telah ditampung oleh peruntukan yang diperoleh daripada Universiti Sains Malaysia menerusi Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan. Beberapa orang rakan sejawat di Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan telah memberikan nasihat dan galakan kepada saya. Idea untuk menulis buku ini timbul dalam salah satu perbincangan antara saya dengan Dr. Suntharalingam. Jadi, amat wajar saya merakamkan ucapan terima kasih dan penghargaan kepada semua individu serta badan (dan kakitangannya) dan khususnya kepada Dewan Bahasa dan Pustaka kerana bersetuju menerbitkan buku ini.

Penulisan ini saya persembahkan kepada keluarga saya, dan para penuntut sejarah di Universiti Sains Malaysia.

Qasim bin Ahmad
Universiti Sains Malaysia
Pulau Pinang
1985

Prakata Edisi Kedua

Buku *Eropah Moden: Arus Sosiopolitik dan Pemerintahan* edisi kedua ini di samping membuat pembetulan dan pembaikan di beberapa tempat, ia juga memuatkan bahagian Pengenalan. Bahagian Pengenalan ini diharap dapat memberi penerangan yang jelas tentang keseluruhan isi buku ini. Tema yang ditekankan dalam bahagian Pengenalan ini ialah *Arus Sosiopolitik dan Pemerintahan*. Dalam Pengenalan ini dibicarakan pendemokrasian kuasa, iaitu bagaimana kuasa dipindahkan atau cuba dipindahkan daripada tangan raja feudal kepada khalayak yang lebih ramai. Kajian tentang proses ini, yang merangkumi perbandingan tentang liberalisme dan kelas menengah serta sosialisme dan kelas bawahan, juga melibatkan pelbagai masalah dan ini turut diberikan perhatian. Seterusnya, bahagian Pengenalan ini juga mengaitkan faktor dan pergolakan sosiopolitik di Eropah sejak Revolusi Perancis, biarpun secara ringkas, dengan isu yang masih relevan dalam masyarakat semasa.

Ingin juga dimaklumkan di sini bahawa sebahagian daripada isi Bab 3 buku ini, iaitu “Revolusi-revolusi 1848”, telah juga saya muatkan dalam penulisan saya dalam R. Suntharalingam dan Abdul Rahman Haji Ismail (ed.) 1985, *Nasionalisme: Satu Tinjauan Sejarah*, Fajar Bakti, Petaling Jaya, (lihat Bab 11 “1848: Gagalnya Revolusi di Tangan Nasionalisme?”).

Di sini, sukacita saya merakamkan penghargaan kepada Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) kerana usaha menerbitkan edisi kedua ini. Penghargaan dan ucapan terima kasih juga ditujukan kepada editor buku ini, iaitu Encik Baharin Aiyob dan Puan Noraini Abdul Hamid, rakan sejawat saya Encik Richard Mason di Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan yang telah membaca Pengenalan edisi kedua ini serta memberikan komen yang berfaedah, dan Puan Maziyah Ariffin di Pusat Pengajian Luar Kampus yang telah menyempurnakan tugas penaipan bahagian Pengenalan. Indeks telah disediakan dengan kerjasama Encik Baharin Aiyob dan Nor Hafidzah. Bantuan juga telah diterima daripada Muhammad ‘Alauddin dan Fatahah. Kepada mereka dan semua pihak yang membantu penerbitan ini secara langsung atau tidak langsung, saya ucapkan berbilang terima kasih. Semua pihak, melainkan penulis, tidaklah dipertanggungjawab jika terdapat sebarang kekurangan dan kesilapan dalam buku ini.

Qasim Ahmad
Universiti Sains Malaysia
Pulau Pinang
1994

Pengenalan

Buku *Eropah Moden: Arus Sosiopolitik dan Pemerintahan* ini membincangkan unsur utama sosiopolitik di Eropah di ambang Revolusi Perancis dan seterusnya ke peringkat hampir pertengahan abad ke-20. Pencetusan dan perkembangan unsur ini telah membawa kepada konflik antara golongan yang diperintah dengan para pemerintah. Punca, perjalanan dan akibat konflik yang berkenaan diperjelas bukan hanya dengan menilai peristiwa sejarah yang bersabit tetapi juga pandangan para sejarawan yang telah mengkaji dan menulis tentangnya. Ini bermakna bahawa, unsur pensejarahan turut dimuatkan dalam buku ini.

Walaupun terdapat penumpuan tema seperti yang telah dikatakan di atas, iaitu *arus sosiopolitik dan pemerintahan*, pertalian yang mengikat keseluruhan perbincangan dalam buku ini mungkin kadangkala terselindung atau hanya tersirat di setengah-setengah tempat. Ini mungkin berlaku kerana terdapatnya tajuk-tajuk yang merentasi beberapa negara Eropah serta kewujudan aspek penceritaan yang agak terperinci tentang pelbagai peristiwa. Bagi setengah-setengah pihak, ini boleh menimbulkan sesuatu yang kurang menyenangkan. Lantas bahagian Pengenalan ini bertujuan mengatasi permasalahan ini, iaitu jika betul ia merupakan satu permasalahan.

Isu sosiopolitik yang mula-mula sekali ditangani dalam Bab 1 buku ini ialah yang bersabit dengan kebangkitan golongan borjuis. Medannya ialah Revolusi Perancis tahun 1789. Berbekalkan falsafah sekular *Enlightenment* atau Kesedaran dan prinsip ekonomi bebas, golongan borjuis Perancis telah menentang golongan bangsawan semasa. Istilah borjuis digunakan di sini bagi merangkumi golongan peniaga kaya, profesional dan intelektual yang terdapat pada masa itu. Selama ini golongan bangsawan telah menjadikan feudalisme serta kepercayaan yang berteraskan agama Kristian sebagai landasan kekuasaan mereka. Susun lapis atau hierarki masyarakat feudal pula adalah berdasarkan darah keturunan. Para borjuis mendapati semua ini sebagai sesuatu yang amat menekan, membelenggu dan juga menghina. Lantas bagi membela diri dari segi sosial, politik dan juga ekonomi, mereka berminat dan berkepentingan untuk mengubah sistem sosiopolitik dan ekonomi yang terdapat pada masa itu.

Kewujudan dan penyebaran pemikiran Kesedaran yang mempersoal dan mengecam

peraturan semasa, atau *status quo*, amat dialu-alukan oleh golongan borjuis. Pemikiran Kesedaran menegaskan bahawa manusia tidak seharusnya dibezakan berdasarkan darah keturunan. Peningkatan karier atau mobiliti sosial seseorang juga tidak patut dibataskan semata-mata kerana ia tidak berketurunan bangsawan. Namun begitu, para borjuis ini bukanlah pula merupakan golongan yang memperjuang prinsip demokrasi dan egalitarianisme – hasrat mereka tidak sampai jauh ke situ. Mereka tetap yakin bahawa hierarki sosial berupaya memberikan faedah kepada masyarakat secara keseluruhannya. Yang membezakan pandangan golongan borjuis daripada pandangan golongan bangsawan pada masa itu bukannya isu keakuran kepada prinsip dan amalan hierarki, tetapi pendapat tentang asas yang patut mendasari hierarki tersebut. Golongan bangsawan percaya bahawa hierarki wajar dilandaskan kepada darah keturunan zaman-berzaman, walhal golongan borjuis mahu bakat dijadikan landasan tersebut. Bagaimanakah pula bakat seseorang ahli masyarakat itu diukur? Para borjuis dan sekutu mereka mengatakan bahawa seseorang ahli masyarakat itu diukur berasaskan harta yang dimilikinya. Alasan di sebalik pendirian borjuis ini tidak sukar diselami. Pada pandangan golongan borjuis, mereka yang berharta tentulah berupaya dan berbakat, jika tidak, masakan mereka boleh berjaya menghasilkan harta. Pendeknya, harta dilihat sebagai petanda kepada bakat. Seterusnya, bakat yang mahu diiktiraf mestilah pula sampai ke paras yang tertentu dan paras ini pula diukur berdasarkan jumlah cukai yang dibayar oleh seseorang itu kepada negara. Lantas, selepas Revolusi Perancis tahun 1789, hak mengundi telah diberikan secara agak meluas kepada rakyat yang berbakat atau “warganegara aktif”. Kriteria atau ukuran yang digunakan bagi menentukan mereka yang benar-benar berbakat, iaitu yang layak mengundi, ialah pembayaran cukai bernilai atau bersamaan sekurang-kurangnya tiga hari gaji buruh kasar. Seterusnya, mereka yang diberikan hak mengundi ini mestilah juga berumur 25 tahun ke atas. Orang gaji atau kuli serta mereka yang ditakrifkan bankrap tidak diberikan hak mengundi ini.

Fenomena mengaitkan pemilikan harta dengan bakat dan seterusnya menjadikan pemilikan harta yang tertentu jumlahnya, yang dicerminkan dengan kadar bayaran cukai kepada negara, bagi menentukan tahap bakat seseorang, bukanlah sesuatu yang berlaku di Perancis sahaja pada masa itu. Fenomena ini sudah pun terdapat di negara Barat yang lain ekoran revolusi politik mereka masing-masing. Misalnya, di Britain selepas Revolusi Inggeris tahun 1688 hak mengundi dan hak untuk menjadi ahli Parlimen amat terhad. Menurut Akta 1710, seseorang yang ingin menjadi ahli Parlimen mestilah mempunyai pendapatan yang lumayan. Akibatnya, hanya beberapa ribu orang yang layak untuk menjadi ahli Parlimen; walhal jumlah rakyat Britain pada masa itu dianggarkan menjangkau angka lebih 6 juta orang. Kekayaan golongan atasan di Britain pada masa itu dilandaskan kepada pemilikan tanah. Pada zaman inilah negara itu dikatakan diperintah oleh golongan tuan tanah bangsawan. Pendemokrasian hak mengundi atau penurunan kadar bayaran cukai bagi para pengundi berlaku secara beransur-ansur di Britain menerusi beberapa akta. Hak mengundi bagi semua lelaki dewasa (dua puluh satu tahun ke atas) tanpa mengambil kira kedudukan harta hanya terlaksana menerusi *Representation of the People Act 1918*. Tetapi bagi kaum wanita British, menurut akta yang sama, hanya mereka yang mempunyai harta yang tertentu nilainya atau lulusan universiti sahaja yang dibenarkan mengundi. Wanita British berumur 21 tahun ke atas, memperoleh hak mengundi yang sama dengan lelaki hanya pada tahun 1928.

Di Amerika, selepas Revolusi Amerika atau Peperangan Kemerdekaan menentang Britain pada tahun 1776, hak mengundi juga tidak diberikan kepada semua orang. Sebaliknya, hak mengundi hanya diberikan kepada golongan berharta. Golongan kulit hitam yang masih menjadi hamba langsung tidak masuk di dalam perkiraan politik. Memandangkan hal ini semua, perkembangan politik ekoran Revolusi Perancis yang memperluas hak mengundi di kalangan rakyat memang sudah merupakan sesuatu yang radikal dalam konteks zaman itu. Namun begitu, sesuatu yang lebih radikal lagi ialah peruntukan yang terdapat dalam Perlembagaan Perancis tahun 1793. Perlembagaan tersebut memperuntuk hak mengundi kepada semua rakyat Perancis tanpa batasan harta. Walau bagaimanapun, Perlembagaan Perancis tahun 1793 tidak dikuatkuasakan. Pihak berkuasa revolusi menyatakan bahawa keadaan politik semasa yang tidak stabil memaksa mereka mengambil langkah menggantungkan pelaksanaan perlembagaan tersebut.

Dalam pada itu pun, harus diingat bahawa aliran demokrasi untuk seluruh rakyat ini bukanlah sesuatu yang umum diterima oleh golongan berkuasa dan berkepentingan. Golongan menengah mempunyai prasangka yang tidak jauh berbeza daripada golongan bangsawan terhadap golongan bawahan. Golongan menengah yang menerajui revolusi bertekad untuk memastikan perjuangan mereka tidak berkesudahan dengan kesamarataan dari segala segi dan bagi semua pihak. Tekad sebegini jelas terbayang dalam Perisytiharan Hak-hak Manusia dan Warganegara tahun 1791, dokumen yang pernah disifatkan sebagai sesuatu yang “kekal menjadi piagam liberalisme sepanjang abad ke-19”.¹ Fasal pertama perisytiharan ini menegaskan bahawa “Manusia dilahirkan dan kekal bebas dan mempunyai hak sama. Perbezaan sosial hanya boleh diwujudkan berdasarkan kemanfaatan umum”. Tidak rumit bagi kita memahami perkara yang dimaksudkan dengan ungkapan “Perbezaan sosial hanya boleh diwujudkan berdasarkan kemanfaatan umum”.² Di sini, golongan menengah sudah ketara mahu meleraikan golongan bawahan daripada barisan atau kumpulan kelas menengah. Justifikasi yang mereka utarakan ialah demi pemeliharaan keutuhan masyarakat. Semua ini tentu dihitungkan menurut tanggapan golongan menengah sendiri. Ringkasnya, sekiranya golongan menengah berfikir bahawa persamaan politik, dalam bentuk memberikan hak mengundi kepada semua orang misalnya, akan menjejaskan kesejahteraan umum, maka hak mengundi akan tidak diberikan kepada semua orang. Perkiraan di sini ialah golongan yang tidak berbakat, tidak berkeupayaan, tidak sepatutnya diberikan tanggungjawab untuk menentukan persoalan penting seperti pemilihan ahli parlimen dan anggota pemerintah. Jika mereka diberikan juga tanggungjawab tersebut maka akan terjejaslah kesejahteraan umum. Inilah pandangan biasa golongan menengah.

Andainya diperhalusi lagi Perisytiharan Hak Manusia dan Warganegara ini, pengaruh pemikiran Kesedaran nyata kelihatan dan kelihatan juga di dalamnya unsur diskriminasi yang memihak kepada golongan menengah dan berharta. Tidak timbul langsung, misalnya, prinsip pemilikan harta bersama seperti yang diperjuangkan oleh ideologi sosialis atau komunis kemudiannya. Tentang pemilikan harta, Perisytiharan Hak Manusia dan Warganegara menegaskan bahawa,

1 D. Thomson (terj. DBP) 1982. *Eropah Sejak Napoleon*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, Jil. I, hlm. 15.

2 Untuk teks perisytiharan ini, lihat Lampiran I.

“Oleh sebab harta adalah hak yang tidak boleh digugat dan yang suci, maka tiada sesiapa pun boleh dilarang daripada memilikinya melainkan untuk tujuan nyata bagi keperluan awam, disahkan oleh undang-undang, dan dengan syarat sagu hati yang sewajarnya diberikan terlebih dahulu.”³

Dalam penulisan para pemikir Kesedaran sendiri, terdapat sikap yang mencurigai golongan bawahan atau masyarakat awam. Pendirian sebegini, misalnya, diperlihatkan oleh Jean Jacques Rousseau (1712–1778), satu-satunya tokoh Kesedaran yang boleh dikatakan memperjuang demokrasi secara radikal. Apabila menjelaskan konsep kehendak umumnya, Rousseau menulis,

“Selalu terdapat perbezaan yang besar antara kehendak semua orang dengan kehendak umum; yang akhir ini hanya mengira kepentingan umum sementara yang terdahulu itu lebih mengira kepentingan peribadi dan ia hanyalah sejumlah kehendak per-sendirian”⁴

Ini membayangkan orang ramai mungkin tidak dapat memisahkan diri mereka daripada unsur mementingkan diri sendiri, lantas membuat pilihan yang salah. Sikap yang serupa juga dipamerkan oleh Voltaire (1694–1774). Voltaire, atau nama sebenarnya Francois-Marie Arouet, berpendapat hanya segolongan kecil manusia sahaja yang betul-betul berkeupayaan dan dengan itu wajar diberikan kuasa dan kebebasan yang secukupnya. Ini telah menyebabkan Palmer dan Colton mengetengahkan pendapat bahawa “yang Voltaire paling hajatkan ialah kebebasan bagi mereka yang berkesedaran [sahaja].”⁵

Secara umumnya, kemenangan golongan borjuis dalam Revolusi Perancis telah dipertahankan dan diteruskan ke zaman-zaman yang berikutnya, walaupun terdapat gangguan daripada semasa ke semasa. Misalnya, di Perancis pada zaman Napoleon Bonaparte (1769–1821), dan ini menjadi topik bagi Bab 2, kuasa politik golongan menengah tidak syak lagi nampak terhakis. Napoleon yang mahu diperalatkan oleh Abbes Sieyes (1748–1836), seorang *ideologue* ulung Revolusi Perancis, untuk menumpaskan percubaan golongan bangsawan mendapatkan semula kuasa, telah akhirnya mematahkan rancangan Abbes Sieyes itu sendiri. Kuasa Parlimen Perancis, kubu kuasa kelas menengah telah dihadkan oleh Napoleon. Parlimen selama ini merupakan lambang perjuangan dan pencapaian penting kelas menengah. Pencapaian atau kejayaan inilah yang kini dirampas oleh Napoleon. Sebagai ganti kepada kehilangan ini, Napoleon telah menjanjikan kelas menengah kestabilan, keuntungan ekonomi dan keselamatan daripada desakan dan ugutan kelas bawahan. Napoleon juga telah menambat hati golongan bawahan sebelum dia memegang teraju pemerintahan negara lagi dengan ketangkasannya di medan perang. Setelah berkuasa, dia telah mengetatkan lagi ikatan antara dirinya dengan rakyat melalui pungutan suara yang mengesahkannya sebagai Konsul seumur hidup (1802) dan kemudian Maharaja Perancis (1804).

3 *Ibid.*

4 Jean-Jacques Rousseau, (terj. Puteri Rashidah Megat Ramli) 1991. *Darihal Perjanjian Sosial*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 38.

5 R.R. Palmer dan J. Colton 1983. *A History of the Modern World*. New York, hlm. 309.

Pemilihan Napoleon sebagai konsul seumur hidup dan maharaja yang dengan sendirinya menjejaskan kekuasaan dan kewibawaan parlimen, lebih meyakinkan golongan menengah dan atasan bahawa pemberian hak politik kepada golongan bawahan bukanlah merupakan jalan yang harus dilalui untuk mereformasikan politik dan masyarakat. Napoleon juga cuba membentuk dinastinya sendiri dan menyepadukan elemen tradisi raja-raja Perancis dan Eropah ini dengan elemen demokratik kelas menengah, iaitu sistem pengundian. Kacukan yang dilakukan oleh Napoleon ini menyakitkan hati bukan sahaja pihak bangsawan tetapi juga pihak kelas menengah. Pada pandangan kedua-dua golongan ini, tindakan Napoleon merayu terus kepada masyarakat hanyalah bertujuan untuk memanfaatkan rasa keterpekunan rakyat kepada Napoleon. Bagi mereka, Napoleon telah memperkudakan sentimen rakyat bagi menambahkan dan memperkukuhkan kuasanya jauh melebihi kuasa raja feodal Perancis yang telah ditumbangkan oleh Revolusi 1789.

Tidak semua ahli golongan menengah terpedaya dengan manifestasi sentimen demokratik Napoleon; mereka sedar Napoleon sudah pun mengambil langkah mengehadkan kuasa Parlimen Perancis. Jadi, dari satu segi, Napoleon boleh dilihat, seperti yang dilakukan oleh David Thomson, sebagai seorang “oportunist besar yang didorong oleh nafsu besar”.⁶ Maksudnya, Napoleon tidak dapat menahan dirinya daripada menggunakan keadaan tidak stabil di negaranya, keterpegungan rakyat terhadap karier dan karismanya, untuk mengukuhkan kuasanya dan kemudian tidak dapat juga mengelakkan dirinya daripada tindakan melancarkan dasar demi dasar, kempen demi kempen bagi merealisasikan impian Perancis (atau dirinya) di Eropah.

Dalam tindak-tanduknya, Napoleon tidak memperhitungkan kos yang terpaksa dibayar oleh rakyat Perancis dan negara Eropah yang lain. Benua Eropah ditaburi oleh ratusan ribu pusara pemuda Eropah, tunas yang terkorban di medan perang bagi memenuhi impian Napoleon. Secara keseluruhannya, hampir satu juta nyawa terkorban dalam peperangan semasa pemerintahan Napoleon yang tidak sampai pun enam belas tahun (1799–1814). Oleh sebab pemerintahan Napoleon menghasilkan juga pembaharuan dalam aspek pentadbiran, persekolahan dan sebagainya, maka terdapat juga sejarawan yang bersedia memperkata sesuatu yang baik tentang pemerintahan Napoleon. Maka lahirlah ungkapan seperti *utilitarian* dan *despotisme berihsan* bagi menggambarkan dasar Napoleon. Walau bagaimanapun, seseorang itu tidak dapat lari daripada hakikat bahawa pemerintahan Napoleon memang berunsur diktator: terdapat pemusatan kuasa rejimnya, penapisan akhbar yang ketat, peraturan *lettres de cachet*, sistem polis rahsia dan sebagainya. Dilihat dalam konteks tradisi Revolusi Perancis yang mahu memperluas kuasa politik di kalangan lebih banyak rakyat, sekurang-kurangnya agar ahli kelas menengah terlibat secara aktif dalam proses politik negara, kediktatoran Napoleon jelas merupakan suatu pembantutan terhadap perkembangan demokrasi. Umumnya ini diakui oleh para sejarawan, termasuk mereka yang cenderung menekankan sumbangan positif Napoleon. Kerap juga kesan buruk pemerintahan Napoleon terhadap perkembangan demokrasi ditonjolkan tanpa selindung. Perhatikan kata-kata Cobban ini misalnya,

“Dia [Napoleon] telah memberikan Perancis, semasa negara itu sangat memerlukannya selepas kemelut Revolusi, satu korset besi, lantas Perancis menjadi amat tergantung

6 D. Thomson, *op. cit.*, hlm. 49.

padanya dan hanya berjaya membebaskan dirinya secara perlahan dan amat perit dan tidak sekali-kali secara keseluruhannya.”⁷

Biarpun betapa antidemokrasi atau reaksionernya pemerintahan Napoleon Bonaparte, keruntuhan kemaharajaannya telah membuka laluan kepada bentuk pemerintahan yang jauh lebih reaksioner lagi. Kuasa-kuasa besar Eropah yang turut bertanggungjawab terhadap kekalahan Napoleon, mulanya di Eropah Timur dan akhirnya di Waterloo, telah merencanakan dan mengamalkan dasar konservatif. Bersabit hal ehwal dalam negeri, kuasa-kuasa besar berkenaan, Austria-Hungary, Britain, Perancis, Prusia dan Rusia, bertekad untuk membasmi gerakan politik yang radikal, antimonarki dan prorepublik atau ala Jacobin. Dari segi hubungan antarabangsa pula, negara-negara utama Eropah ini mahu memastikan perimbangan kuasa dan persefahaman di kalangan mereka tidak dijejaskan oleh kegiatan perang dan penaklukan seperti yang dialami dalam era Napoleon Bonaparte. Peraturan politik pada zaman konservatif ini dikenali sebagai Sistem Kongres atau Sistem Metternich, sempena nama Menteri Luar Austria, Klemens von Metternich (1773–1859).

Walau bagaimanapun, neo-konservatisme abad ke-19 ini terpaksa menghadapi cabaran dan tekanan daripada arus liberalisme yang sudah pun dicetuskan oleh Revolusi Perancis. Benih politik peninggalan Revolusi Perancis bercambah terus. Semangat nasionalisme yang mendapat rangsangan daripada penaklukan Perancis di beberapa daerah di Eropah, terutamanya di Itali dan Jerman, juga turut berkembang. Manifestasi liberalisme dan nasionalisme awalan ini mengakibatkan revolusi-revolusi pada tahun 1820 dan tahun 1830 di beberapa negara dan daerah di Eropah. Ideologi-ideologi ini menjadi rangsangan kepada golongan yang menentang pemerintah-pemerintah yang didapati tidak menepati aspirasi politik golongan progresif semasa. Di Perancis misalnya, semasa pemerintahan Charles X (1757–1836), pihak istana telah membuat percubaan paling nekad untuk mengembalikan semula kuasa mutlak raja dan autoriti menyeluruh pihak Gereja. Percubaan itu gagal dan akhirnya dinasti Bourbon telah digulingkan. Raja pilihan golongan kelas menengah liberal, Louis Philippe (1773–1850), telah menaiki takhta dan sistem raja berperlembagaan berasaskan demokrasi (berlandaskan pemilikan harta) telah diperkukuhkan. Peraturan sedemikian itu amat memuaskan hati golongan menengah dan liberal sezaman. Seperti yang dikatakan oleh Palmer dan Colton, bagi golongan tuan tanah yang kaya, sistem pemerintahan semasa Louis Philippe merupakan “penyempurnaan dan titik penyudah progres politik”.⁸ Penonjolan kedua-dua idea atau *isme* ini bertambah lebih nyata dalam Revolusi-revolusi 1848. Sempena revolusi tersebut, sosialisme juga telah mula muncul secara berkesan sebagai satu ideologi politik. Ideologi sayap kiri ini telah memberi suatu cabaran baru kepada pemerintah semasa di Eropah dan telah mewarnai arena politik Eropah secara berterusan. Revolusi-revolusi 1848 ini dibincangkan dalam Bab 3.

Revolusi-revolusi 1848, walaupun merupakan suatu kebangkitan yang rata-rata gagal dalam jangka pendeknya, tetap merupakan suatu detik yang penting dalam sejarah Eropah moden. Dalam pergolakan tersebut, pelbagai arus sosiopolitik seperti yang

7 A. Cobban 1965. *A History of Modern France Vol. 2: 1799–1871*. Middlesex, London: Penguin Books Ltd., hlm. 22–3.

8 Palmer dan Colton, *op. cit.*, hlm. 458.

disebutkan di atas, liberalisme, nasionalisme dan sosialisme, telah mempengaruhi proses perubahan dan konflik semasa. Konflik telah berlaku antara rakyat dengan pemerintah dan juga di kalangan rakyat sendiri. Perbalahan di kalangan rakyat amat sering memperlihatkan jurang atau perbezaan kelas antara mereka. Oleh sebab golongan menengah di Perancis menganggap sistem liberal demokrasi bersyarat berserta raja berperlembagaan sebagai puncak kemajuan politik, maka mereka tidak pun menuntut sesuatu yang radikal. Yang dipinta hanyalah sekadar sistem yang sedia wujud di Perancis pada masa itu dikendalikan secara bersih, cekap dan berkesan serta syarat untuk membolehkan orang mendapatkan hak mengundi dilonggarkan sedikit. Kelonggaran syarat mengundi ini bertujuan untuk membolehkan lebih banyak ahli kelas menengah yang kian bertambah pada masa itu terlibat sama dalam proses politik. Pembabitan kelas bawahan dalam hal ehwal pemerintahan masih tidak terlintas dalam pemikiran aktivis politik kelas menengah ini. Pemikiran kelas menengah di Perancis ini dikongsi juga oleh rakan mereka di tempat lain di Eropah. Tuntutan para liberal di parlimen di Frankfurt, Budapest atau di Palermo tidak jauh berbeza daripada desakan para liberal di Paris.

Para pemimpin nasionalis yang bangkit memberontak pada tahun 1848 juga jelas berada di atas landasan liberal. Pemimpin utama nasionalis Itali, Joseph Mazzini (1805–1872) misalnya, berkeras mahu menanggukkan segala langkah memperbaiki keadaan sosioekonomi rakyat sehingga selepas perjuangan nasionalis Itali selesai. Pemimpin nasionalis Magyar di Hungary pula, Louis Kossuth (1802–1894) misalnya, tidak berhajat untuk memperluas nasionalisme sebagai konsep yang juga boleh meliputi atau diperjuangkan oleh rumpun bangsa lain di Hungary. Kossuth juga tidak mempunyai agenda untuk menjalankan reformasi ekonomi bagi membela golongan buruh, petani dan *serf* (hamba) di Hungary. Para liberal dan nasionalis di Parlimen Frankfurt yang memperjuangkan penyatuan Jerman juga memperlihatkan belang politik yang sama. Para perwakilan yang kebanyakannya terdiri daripada para intelek, usahawan, peguam dan profesional lain ini tidak pun menganggap perjuangan nasionalis Bohemia sebagai sesuatu yang wajar biarpun ketua nasionalis Bohemia, Frantisek Palacky (1798–1876), seperti juga Kossuth, tidak pun mahu menarik keluar bakal negaranya daripada naungan kemaharajaan Austria. Menurut pandangan para liberal dan nasionalis Jerman yang berhimpun di Frankfurt, bangsa Bohemia (Czech) patut berasa beruntung berada dalam lindungan tamadun Jerman (Austria ialah negara atau kemaharajaan Jerman). Oleh itu, tidak munasabah, menurut kaca mata para liberal Jerman semasa, bagi bangsa yang mereka anggap tidak ampuh dan tidak bersejarah menuntut autonomi daripada kemaharajaan Austria.

Sikap dan tindakan mengetengahkan hierarki bangsa, sama ada ia dilakukan oleh para nasionalis Jerman di Frankfurt atau oleh Kossuth dan sekutunya di Budapest, pada prinsipnya, tidak jauh berbeza daripada hierarki kelas atau ekonomi yang didukung oleh para liberal golongan menengah amnya. Seperti yang telah dibicarakan sebelum ini, rakyat bawahan yang tidak berharta dikatakan tidak berbakat lantas tidak wajar diberikan peranan politik. Dalam konteks nasionalisme pula, rumpun bangsa yang tidak berkuasa atau tidak bersejarah dianggap tidak penting lantas dikatakan tidak berkelayakan memperjuangkan nasionalisme sendiri. Pada zaman yang politiknya stabil, ekonominya baik, pemikiran konservatif merupakan sesuatu yang dominan dan orang ramai merasa selesai serta tidak dilamun harapan menggunung, hierarki kelas atau bangsa mungkin diterima atau ditoleransi sahaja. Sesungguhnya, umum beranggapan, hierarki, biar apa pun yang dijadikan

landasannya, terpaksa juga wujud dalam sesuatu masyarakat dan pentadbiran.

Tetapi tahun 1848 bukanlah suatu era yang stabil atau yang mempunyai ciri-ciri yang sering dikaitkan dengan kestabilan. Pada tahun 1848, hak-hak politik yang dianggap oleh kelas menengah sebagai sesuatu yang tidak lagi boleh dipersoalkan masih juga tidak dikecapi oleh mereka sepenuhnya. Dalam pada itu pula, hierarki kelas dan bangsa yang wujud atau mahu terus diwujudkan pada masa itu menjadi sasaran golongan yang merasakan kepentingan mereka tidak dan tidak akan diambil kira langsung. Golongan yang dimaksudkan di sini ialah kelas bawahan atau bangsa yang tertekan. Inilah yang meng-radikal dan menyemarakkan lagi Revolusi-revolusi 1848. Kemaraan pesat Revolusi Industri selama ini telah juga menimbulkan masalah kepada para pekerja. Romantisisme yang timbul sebelum ini, iaitu sebagai reaksi kepada Kesedaran, telah pun mendorong bangsa Eropah menilai dan mementingkan budaya masing-masing. Timbulnya hal-hal sebegini telah meninggalkan kesan yang mendalam dalam masyarakat Eropah dari beberapa segi, sama ada sosioekonomi atau politik.

Penyuaran semula aspirasi liberal secara lebih lantang, telah dengan sendirinya memberikan nafas dan harapan baru kepada golongan menengah. Tetapi ideologi berdasarkan bakat dan amalan *laissez-faire* ini tidak menunjukkan kemampuan untuk mengatasi masalah sosioekonomi yang muncul seiringan dengan Revolusi Industri; maka lahirlah pemikiran sosialis yang mendakwa boleh menyelesaikan isu ini. Sekiranya sosialisme mahu membela kelas bawahan maka nasionalisme pula merupakan suatu alat atau perantaraan bagi bangsa bawahan menuntut hak kebangsaan masing-masing. Ia juga menyebabkan Revolusi-revolusi 1848 sering digelar sebagai Revolusi Tiga Penjuru. Kelas menengah yang selama ini menentang kelas atasan secara satu lawan satu (dan sering juga dengan sokongan kelas bawahan) kini ditentang pula dari penjuru lain oleh kelas bawahan.

Walau bagaimanapun, sekurang-kurangnya dalam jangka pendek, Revolusi-revolusi 1848 telah gagal. Kegagalan ini membawa implikasi yang berlainan kepada golongan liberal, sosialis dan nasionalis. Para liberal telah menghadapi satu kejutan dan akhirnya terpaksa memberikan konsensi kepada golongan bawahan sama ada secara segera atau beberapa lama selepas itu. Antara konsensi yang telah diberikan di Perancis, misalnya, ialah pengurangan masa kerja bagi buruh industri kepada sepuluh jam sehari.⁹ Hak mengundi pula telah diberi kepada semua lelaki Perancis berumur dua puluh satu tahun ke atas. Oleh itu, jumlah pengundi telah meningkat daripada sekitar dua ratus ribu kepada lebih kurang sembilan juta.¹⁰ Dalam jangka panjangnya, aliran atau perkembangan bagi membaiki taraf pekerja industri dan peluasan hak mengundi ini berterusan di Perancis dan di Eropah. Dalam pada itu pun pertelagahan antara puak kiri yang umumnya prorakyat bawahan dengan puak kanan yang umumnya menyokong golongan atasan berlaku juga dari semasa ke semasa.

Oleh sebab golongan liberal mempunyai peranan besar sebagai pemimpin di dalam gerakan Revolusi-revolusi 1848 untuk meliberalkan lagi pemerintahan, atau sebagai nasionalis untuk mewujudkan negara-bangsa, maka mereka, tidak dapat tidak, terpaksa

9 D. Thomson, *op. cit.*, hlm. 258. Walau bagaimanapun, had masa bekerja sepuluh jam sehari ini dibataskan ke kawasan kota Paris sahaja; di wilayah lain paras maksimum masa bekerja ialah sebelas jam sehari.

10 Hak politik sebegini hanya dikuatkuasakan di Britain pada tahun 1918.

turut dipertanggungjawab terhadap kegagalan revolusi tersebut. Kegagalan para liberal menghalang pemerintahan autokratik bertapak semula di Eropah dan ketidakupayaan mereka mewujudkan negara-bangsa telah dilihat ramai sebagai bukti betapa tidak berkesannya liberalisme.

Kecundangnya liberalisme telah memberi laluan kepada kemunculan arus politik yang lebih nekad. Arus ini memberikan tumpuan utama kepada pencapaian matlamat tanpa mengambil kira soal etika dan moral. Pegangan matlamat menghalalkan cara ini dikenali sebagai *realpolitik* atau Machiavellianisme. Camillo Beriso di Cavour (1810–1861) dan Otto Eduard von Bismarck (1815–1898) merupakan lambang utama aliran politik ini – sesuatu yang sebenarnya memang telah wujud dalam sejarah Eropah dan dunia sejak zaman-berzaman lagi. Cavour yang menyatukan Itali pada tahun 1761 tidak dibincangkan dalam buku ini, namun pembicaraan tentang Bismarck dan penyatuan Jerman seperti yang terdapat dalam Bab 4 buku ini dirasakan sudah dapat memaparkan intipati Machiavellianisme secara jelas. Seperti Napoleon sebelumnya, Bismarck juga tidak mengendahkan kedaulatan parlimen dan hanya berminat untuk menggunakan cara berparlimen demi menjejaskan kekuasaan institusi itu sendiri. Bismarck juga tidak teragak-agak memberikan hak mengundi kepada semua lelaki dewasa kerana dia yakin rakyat adalah konservatif, proraja dan tentu bersimpati terhadap sikap keras pemerintahannya di Jerman. Bismarck sedar bahawa hak mengundi bagi semua rakyat telah tidak mengakibatkan puak sosialis menang di Perancis pada tahun 1848. Namun begitu, apabila terdapat pula tanda-tanda menunjukkan para pengundi cenderung menyokong parti sayap kiri Jerman, Parti Demokrat Sosial, pada tahun-tahun akhir pemerintahannya, Bismarck telah berura-ura pula untuk membatalkan sahaja peruntukan hak mengundinya yang amat liberal itu. Begitulah sinisnya sikap Bismarck terhadap hak mengundi dan amalan demokrasi secara amnya.

Machiavellianisme Bismarck kelihatan amat menonjol sekali dalam tindak-tanduknya menyatukan Jerman. Dengan strategi licik yang merangkumi tipu muslihat, penganiayaan, penyelewengan dan mungkir janji, Bismarck mengendalikan tiga peperangan dalam masa sembilan tahun pertama pemerintahannya. Dengan penyatuan Jerman, Bismarck berjaya memenuhi aspirasi ramai para nasionalis Jerman. Bagi Bismarck, kejayaan itulah yang penting. Ini memudahkan Bismarck membuat dakwaan bahawa segala perilakunya boleh dibela atas perhitungan kepentingan negara: *raison d'état*. Seperti kata A.J.P. Taylor, “Bismarck tidak menganggap nasionalisme sebagai unggul atau bermoral; dia hanya melihatnya sebagai sesuatu yang tidak dapat dielakkan dan dia ingin berada di pihak yang menang.”¹¹

Para liberal Jerman turut terpengaruh, atau terpedaya, dengan kejayaan Bismarck menyatukan Jerman (biarpun tanpa Austria, satu-satunya negara Jerman, selain Prusia, yang terpenting pada masa itu). Para liberal Jerman yang memihak kepada Bismarck sebenarnya telah merelakan Canselor Besi tersebut memusnahkan prinsip dan amalan liberal yang mereka junjung selama ini. Tarikan nasionalisme telah memukau dan memerangkap mereka. Pendeknya, nasionalisme sudah menjadi satu bahan pemujaan baru dan untuknya segala pengorbanan tidak lagi dianggap keterlaluan; seolah-olahnya begitu-

11 A.J.P. Taylor 1967. *Bismarck: The Man and the Statesman*. New York, hlm. 63.

lah. Bagi Jerman, ini telah membawa akibat yang tragik. Militarisme telah disepadukan dengan nasionalisme. Benih kebangkitan Nazi pada abad ke-19 kemudiannya dapat digalurkan kepada tradisi nasionalisme yang keterlaluan ini.

Sosialisme juga mengalami nasib malang dalam Revolusi-revolusi 1848 dan, seperti juga liberalisme, terpaksa berkongsi tanggungjawab terhadap kegagalan tahun 1848. Kritikan pedas terhadap para sosialis angkatan tahun 1848 datang daripada kalangan para sosialis sendiri. Karl Marx (1818–1883) menuduh para sosialis seperti Louis Auguste Blanqui (1805–1881) dan watak lain yang aktif mahu mewujudkan masyarakat sosialis pada masa itu sebagai *utopian socialists*. Mereka wajar dianggap sebagai dilamun impian kerana, bagi Marx, masyarakat sosialis atau komunis hanya boleh diusahakan dan dibentuk setelah proses perindustrian dan perkembangan kapitalisme mencapai tahapnya yang paling puncak. Tahap tersebut, iaitu semasa golongan pekerja, atau proletariat, sudah menjadi majoriti ahli masyarakat dan ditindas pula secara amat teruk oleh para majikan, masih belum tiba di Eropah pada pertengahan abad ke-19. Marx percaya teorinya adalah teori ekonomi yang jitu dan saintifik. Jadi, bagi Marx, dalam konteks yang sedemikian itu percubaan para aktivis sosialis pada tahun 1848 untuk merealisasikan cita-cita mereka adalah sia-sia belaka. Bagi Marx juga, para majikan, kapitalis dan sekutu mereka yang menumpaskan Revolusi-revolusi 1848 sebenarnya hanyalah membuat persediaan lanjut bagi penumpasan diri mereka sendiri akhirnya, iaitu di tangan para proletariat. Pengaruh ideologi Marxis ini, biarpun dalam bentuk dan konteks yang tidak ditelahi oleh Marx sendiri, nyata kelihatan dalam pencetusan Revolusi Rusia tahun 1917 yang menjadi bahan perbincangan Bab 5 buku ini.

Bagi memudahkan sedikit penelitian terhadap pengaruh Marxisme di Rusia, elok dipaparkan secara ringkas dahulu latar belakang politik Rusia sejurus sebelum Revolusi Rusia tahun 1917 tercetus. Ekoran kekalahan Rusia di tangan Jepun dalam Perang Rusia-Jepun tahun 1904–05 dan penglibatan Rusia dalam Perang Dunia Pertama yang bermula pada tahun 1914, kerajaan pimpinan Tzar Nicholas II (1894–1917) telah dilanda pelbagai masalah sosial, ekonomi dan politik. Tzar terpaksa membuat konsensi demi konsensi: mengizinkan pilihan raya dan membenarkan persidangan parlimen atau *duma* serta mengendalikan reformasi pertanian. Dengan adanya konsesi Tzar, Rusia antara tahun 1906 hingga tahun 1916 telah diperintah melalui suatu sistem bermiripkan raja berperlembagaan. Walau bagaimanapun, Nicholas II masih berfikiran corak lama dan mendukung konsep kemutlakan kuasa raja. Lantas berlakulah perentapan kuasa antara raja dengan parti-parti politik Rusia. Parti politik telah mula muncul di Rusia pada awal abad ke-20, iaitu Parti Demokratik Berperlembagaan, Revolusioner Sosial dan Sosial Demokratik. Pertelagahan ini bertambah runcing semasa Perang Dunia Pertama. Perang Dunia Pertama telah mengakibatkan lebih dua juta tentera Rusia terbunuh, cedera atau tertangkap; inflasi bertambah buruk; pasukan keselamatan negara menghadapi krisis kepercayaan diri dan enggan mengawal rakyat kota yang merusuh. Bagi memastikan kuasanya tidak terancam dalam keadaan yang tidak menentu, atau yang agak huru-hara itu, Tzar telah memansuhkan parlimen. Sebagai reaksi kepada tindakan Tzar pula, para ahli parlimen telah menubuhkan Kerajaan Sementara di bawah pimpinan Putera Lvov (1861–1925). Dalam keadaan genting yang berterusan ini, Nicholas II akhirnya bersetuju untuk turun daripada takhta. Saudara kandungnya, Grand Duke Michael, dijangka akan menggantikannya. Walau bagaimanapun, Michael tidak bersedia untuk berbuat begitu. Maka pada 17 Mac

1917, Rusia menjadi sebuah republik.

Putera Lvov yang memimpin Kerajaan Sementara Republik Rusia mempunyai agenda politik dalam acuan liberal klasik Eropah semasa. Dia bercadang untuk mengendalikan pilihan raya baru dan memberikan hak mengundi kepada semua lelaki dewasa. Dia juga telah menjanjikan pembahagian semula tanah bagi faedah para petani, golongan terbesar rakyat Rusia pada masa itu.

Dalam konteks pembicaraan tentang perkembangan dan perubahan sosiopolitik di Eropah yang menjadi tema buku ini, bolehlah dikatakan bahawa semangat revolusi yang melanda Perancis pada tahun 1789 telah hanya tiba di Rusia satu abad, dua dekad dan lapan tahun kemudian. Ia sampai begitu lambat kerana Rusia selama ini merupakan sebuah negara yang amat tertutup sehingga ledakan Revolusi-revolusi 1848 pun tidak tertempias ke Rusia. Rusia tersekat dan terbantut sebagai negara feudal tanpa perkembangan politik dan industri yang pesat.

Oleh sebab Rusia masih belum mengalami perkembangan kapitalisme liberal, maka wajarlah terdapat para sosial demokrat atau sosialis yang beranggapan bahawa masanya belum lagi tiba bagi melancarkan satu revolusi sosialis. Inilah pendirian para Menshevik, salah satu daripada dua puak yang lahir apabila Parti Demokratik Sosial berpecah dua pada tahun 1903. Ahli parti Menshevik berpendapat Rusia mestilah dibiarkan diperintah dahulu oleh golongan kapitalis liberal. Pendirian ini jelas menggambarkan kesetiaan mereka kepada teori “saintifik” Marx.

Oleh itu, para Menshevik tidak merestui kebangkitan pada bulan Julai tahun 1917 yang dikemudikan oleh Bolshevik bagi menggulingkan Kerajaan Sementara. Walau bagaimanapun, kebangkitan tersebut gagal. Selepas peristiwa kebangkitan ini, Alexander Kerensky (1881–1970), seorang sosialis dari Parti Sosial Revolusioner, telah menggantikan Putera Lvov sebagai ketua Kerajaan Sementara. Sebagai petanda kepada tanggapan mereka bahawa masa untuk revolusi sosialis masih belum tiba, para Menshevik rela untuk turut serta dalam kerajaan Kerensky. Sekali lagi jelas kelihatan betapa terpengaruhnya mereka dengan saranan teori “saintifik” Marx.

Sebaliknya, pemimpin Bolshevik, Vladimir Ilich Ulyanov atau Lenin (1870–1924), mahu Rusia terus menuju ke tahap negara sosialis. Hakikat bahawa para proletariat belum menjadi golongan majoriti di Rusia dan belum berupaya mengemudikan revolusi dan seterusnya menubuhkan kediktatoran proletariat (seperti yang disarankan oleh Marx) tidak mengganggu perkiraan Lenin. Lagipun, Lenin menganggap para proletariat perlukan bimbingan daripada golongan elit revolusioner demi mencapai kesedaran revolusioner tulen. Lenin mengatakan bahawa tanpa bimbingan sedemikian rupa, golongan bawahan hanya berupaya mencapai “kesedaran kesatuan sekerja” sahaja. Tokokan kepada teori Marx inilah kemudiannya lebih dikenali sebagai Marxisme-Leninisme.

Majoriti besar ahli Bolshevik tidak merestui strategi Lenin untuk merampas kuasa daripada Kerajaan Sementara, lebih-lebih lagi selepas terkandas dan terbasahnya kebangkitan pada bulan Julai. Oleh itu, Lenin terpaksa menggesa dan mengeret partinya untuk merampas kuasa dan melancarkan revolusi pada bulan Oktober 1917.

Perlu diperhatikan bahawa pada tahun 1848, Blanqui cuba mewujudkan revolusi sosialis di Jerman yang pada masa itu belum lagi mengalami tahap kemuncak industri. Blanqui gagal dan dia dicap sebagai sosialis bermimpi. Lenin melancarkan revolusinya juga di negara yang belum tiba ke puncak perindustrian; malah majoriti besar pendu-

duknya adalah petani. Walau bagaimanapun, Lenin berjaya dan namanya tersenarai di kalangan tokoh sosialis revolusioner hingga kini.

Bagi pendukung Marxisme-Leninisme, dan banyak orang lain juga, kejayaan Lenin membuktikan ketangkasan Lenin. Tetapi kejayaan Lenin melancarkan revolusi sosialis ini tentu juga membuktikan betapa tidak kental atau tidak saintifiknya teori Marx yang dikatakan “saintifik” itu. Jelaslah bahawa pencetusan Revolusi Rusia tidak menepati landasan dan tahap perubahan serta perkembangan masyarakat seperti yang disarankan oleh Marx. Namun begitu, ia terus dianggap sebagai satu revolusi sosialis kerana matlamatnya ialah perwujudan sebuah negara sosialis. Oleh itu, bagi para sosialis dan golongan yang bersimpati dengan mereka, Revolusi Rusia pada tahun 1917 merupakan pembalasan dendam bagi kegagalan Revolusi-revolusi 1848. Revolusi Rusia pada tahun 1917 memberangsangkan semangat golongan kiri ke merata Eropah. Perasaan mereka melonjak dengan harapan akan terlaksananya pembentukan suatu masyarakat *ideal* tanpa kelas, tanpa eksploitasi serta penuh keharmonian.

Sekiranya kebangkitan Bolshevik amat dramatik, perkembangan yang menyusulnya juga tidak kurang dramatiknya. Salah satu peristiwa dramatik ini ialah pembubaran parlimen oleh Lenin setelah partinya mengalami kekalahan teruk dalam pilihan raya pada bulan November tahun 1917. Alasan Lenin bagi menjustifikasikan tindakannya ialah demi menyelamatkan revolusi. Lenin mengatakan bahawa parlimen telah jatuh ke tangan golongan antirevolusi. Maksud daripada penegasan Lenin ini ialah rakyat Rusia, apabila diberikan kebebasan untuk memilih pemimpin politik mereka, telah tidak bertindak bersesuaian dengan (menurut Lenin) kepentingan rakyat itu sendiri. Jadi, bagi memelihara kepentingan rakyat Lenin terpaksa membetulkan “kesalahan” tersebut dengan membatalkan pilihan raya.

Tindakan Lenin memanglah selaras dengan pendiriannya yang menegaskan bahawa rakyat perlukan bimbingan para *revolutionary vanguards*, atau pengawal revolusioner. Di samping itu, hal ini tentulah mengingatkan kita kepada dilema Rousseau, demokrat radikal Revolusi Perancis, yang juga khuatir dan sangsi terhadap keupayaan rakyat jelata mengendalikan tanggungjawab politik mereka. Lantas Rousseau merasakan wajar untuk membezakan sesuatu yang dinamakannya *kehendak umum* daripada sesuatu yang ditakrifkannya hanya sebagai “kehendak semua individu”. Pendirian Rousseau bahawa orang ramai tidak semestinya berupaya memperaku sesuatu yang benar atau baik telah akhirnya memberi laluan kepada para pemimpin politik untuk bertindak secara individu bagi pihak rakyat. Apabila seorang individu bertindak bagi pihak ramai, demokrasi langsung dengan sendirinya termansuh.

Sekiranya rakyat ramai boleh terbabas daripada sesuatu *ideal* yang dihajatkan, tentu tidak dapat dijamin bahawa seseorang individu atau sesuatu kumpulan minoriti (biarpun elit) tidak akan tergelincir daripada landasan dan matlamat yang diidam-idamkan. Dalam hal ini juga bebanan tanggungjawab yang berat terpaksa dipikul oleh individu atau golongan minoriti yang terbabit. Walau bagaimanapun, corak dan kualiti peraturan masyarakat yang bakal dihasilkan tidak hanya bergantung pada ketangkasan dan keupayaan individu dan atau minoriti elitis semata-mata. Ideologi yang dianuti tentu juga memainkan peranan penting untuk mencorakkan kesudahan tersebut.

Tanpa mengenteng-entengkan hujah dan rumusan di atas, kita, sekadar memelihara kesinambungan dalam bahagian Pengenalan ini, harus kembali semula kepada tema yang

penting dalam Revolusi Perancis. Dalam revolusi tersebut kuasa telah dipindahkan dengan jayanya kepada golongan menengah. Usaha untuk melanjutkan proses itu telah dikendalikan pada tahun 1848, iaitu agar kuasa daripada kelas menengah dapat dipindahkan pula kepada kelas bawahan. Langkah tersebut gagal. Lantas pencetusan Revolusi Rusia (biarpun pada tahun 1848 Rusia tidak mengalami revolusi) yang menjanjikan pemindahan kuasa kepada kelas bawahan, dan dengan itu menebus kekalahan pada tahun 1848, telah tidak dapat tidak, dan seperti yang dikatakan sebelum ini, menaikkan semangat ramai golongan kiri di serata Eropah. Tetapi apabila para Bolshevik mengambil alih kuasa atas nama rakyat bawahan, kesnya, dari satu segi, menjadi amat hampir kepada kes golongan bangsawan memerintah tanpa penglibatan golongan lain dalam era sebelum Revolusi Perancis. Tidak hairanlah terdapat kritikan yang mencerca Bolshevik dan mendakwa di Rusia bukanlah kediktatoran proletariat yang wujud tetapi kediktatoran terhadap proletariat.

Memang betul terdapat juga perbezaan asas antara pendirian dan sikap bangsawan feudal dengan Bolshevik radikal Rusia. Golongan bangsawan feudal jelas tidak ingin memberikan kelas bawahan kuasa kerana mereka memang menganggap kelas bawahan tidak berkeupayaan. Mereka berpendapat golongan bawahan sememangnya begitu, iaitu tidak berkeupayaan, secara semula jadinya. Bangsawan feudal memang percaya kepada keperluan dan keunggulan hierarki dalam masyarakat. Sebaliknya, para Bolshevik hanya menganggap, pada teorinya, bahawa golongan bawahan masih belum berupaya atau bersedia untuk berkuasa dan oleh itu, perlukan bimbingan buat sementara waktu. Secara teorinya juga, para Bolshevik, seperti sosialis lain, tidak akur kepada sistem masyarakat yang berhierarki dan amat memusuhinya.

Jadi, berpandukan penjelasan di atas, dari segi teorinya memang wujud perbezaan antara pandangan dan pendirian elit bangsawan dengan elit Bolshevik terhadap kelas bawahan. Namun begitu, dari segi praktiknya, dalam struktur kedua-dua masyarakat berkenaan ketara terdapat jurang perpisahan antara golongan pemerintah dengan golongan yang diperintah. Dalam masyarakat feudal di Eropah, rakyat jelata yang miskin umumnya memang tidak mempunyai hak politik langsung. Dalam masyarakat komunis Rusia, hak politik rakyat juga telah dipupuskan. Penafian suara rakyat yang dilambangkan oleh, malah dikuatkuasakan dengan, pembatalan keputusan pilihan raya pada bulan November tahun 1917 oleh Lenin menjadi satu-satunya bukti awal tentang hakikat tersebut.

Jurang antara golongan pemerintah dengan golongan yang diperintah ini menjadi amat menonjol semasa pemerintahan Joseph Stalin (1879–1953). Perkara ini dibincangkan dalam Bab 6 buku ini. Stalin mula memegang teraju kuasa di Rusia selepas kematian Lenin pada tahun 1924. Prinsip Lenin yang menganjurkan golongan elit revolusioner bertindak bagi pihak rakyat jelata telah dilanjutkan oleh Stalin ke tahap atau pinggirnya yang ekstrem. Lenin, semasa memburu matlamat membentuk masyarakat sosialis, kelihatan bersedia berkompromi. Malah terdapat pemerhati yang mendakwa bahawa bagi Lenin tugas pemimpin tidaklah melebihi tindakan memanifestasikan ke dunia politik sesuatu yang memang sudah sentiasa terpendam dilubuk hati rakyat jelata. Sebaliknya, Stalin dalam program politiknya, pemerhati yang sama menyatakan, tidak memperlihat ketekunan dan kesabaran yang diperlukan bagi tujuan tersebut.¹² Contoh paling menonjol

12 Lihat Bab 6 buku ini.

sikap Stalin yang diperkata di atas ialah program pengkolektifan pertaniannya yang menjadi sebahagian penting Rancangan Lima Tahun Pertama Rusia (1928–1933). Sebagai langkah membasmi ciri-ciri kapitalis yang telah muncul selari dan seiringan dengan Dasar Ekonomi Baru Lenin, Stalin telah memaksakan dasar memiliknegerakan kegiatan pertanian dan perindustrian secara besar-besaran. Akibatnya, rakyat yang menentang dasarnya atau bersikap acuh tak acuh telah menjadi sasaran tindak balas kerajaan Stalin. Akhirnya, menurut sesetengah anggaran antara 5 juta hingga 10 juta rakyat Rusia telah terkorban sama ada sebagai mangsa langsung atau tidak langsung dasar dan tindakan Stalin. Angka ini adalah angka bersabit dengan program pengkolektifan pertanian Stalin sahaja.¹³

Bagi Stalin dan pengikut setianya, mereka yang dihukum mati merupakan musuh revolusi dan oleh itu, wajar menerima habuan tragik mereka. Stalin telah membuat kiraan sendiri dan memutuskan sendiri tentang perkara yang dikira baik untuk rakyat. Di sinilah seseorang itu mungkin teringat akan perbezaan yang Rousseau ingin sarankan dan tegaskan antara “kehendak umum” dengan “kehendak semua individu”. Inilah yang dimaksudkan dengan pernyataan bahawa teori sebegini boleh memberi laluan kepada para pemimpin politik untuk bertindak secara individu bagi pihak rakyat. Seterusnya, sekiranya individu atau pemimpin tersebut mempraktikkan prinsip ini secara amat ekstrem sekali, dan sekiranya sistem politik atau masyarakatnya tidak mempunyai mekanisme untuk mengekang tindakannya, atau sengaja tidak mahu berbuat begitu, maka masalah besar dan rumit pula mungkin timbul. Dalam kes pemerintahan Stalin dan dasarnya, masalah besar yang timbul bukan hanya setakat pengorbanan nyawa yang telah berlaku pada zamannya tetapi membabitkan juga tindakan pucuk pimpinan komunis Rusia selepasnya. Setelah matinya Stalin, terdapat pucuk pimpinan Rusia sendiri yang telah tidak memperakukan tindakan dan program Stalin itu. Lantas berlakulah, selepas pemerintahan Stalin, proses yang dikenali sebagai *de-Stalinisation*.

Sistem komunis yang dipaksakan ini mengalami pukulan nahasnya pada zaman kita, apabila Mikhail Gorbachev (1931–), Presiden Kesatuan Republik Soviet Sosialis (KRSS), menandatangani draf perjanjian pada 25 Jun 1991, dokumen yang memberi kuasa kepada parlimen di republik-republik dalam KRSS dan membenarkan pilihan raya yang melibatkan pelbagai parti politik. Inilah permulaan kepada penerapan dasar ekonomi bebas di Rusia dan, dari satu segi, kemuncak kepada proses *de-Stalinisation*. Dengan ini, seperti yang kerap dikatakan oleh orang Inggeris dalam keadaan sebegini, *the rest is history*.

Di mana letaknya “kehendak umum” atau “kesedaran revolusioner” dalam kes Rusia sekarang ini? Seseorang itu boleh mengatakan bahawa rakyat Rusia tersilap lagi selepas tahun 1989 dan oleh itu, pemimpin komunis perlu mengulangi semula tindakan ala Lenin dan membatalkan proses pendemokrasian Rusia masa kini. Selari dengan ini, seseorang itu tentu juga boleh meminjam kata-kata Pierre Joseph Proudhon (1809–1865), seorang anarkis sosialis, ketika dia menzahirkan rasa ketidakpuasan hatinya terhadap tindakan rakyat Perancis memilih seorang populis, Louis Napoleon (1808–1873), ekoran Revolusi-revolusi 1848 di Eropah. Ketika itu, semua lelaki dewasa Perancis telah diberi hak

13 Lihat Qasim Ahmad, “Stalinisme: Kekerasan Sebagai Kaedah” dalam Qasim Ahmad (ed.) 1993. *Kekerasan Dalam Sejarah: Masyarakat dan Pemerintah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, Bab 13.

mengundi dan hak mengundi yang meluas begini, *male universal suffrage*, tidak pernah diperuntukkan kepada rakyat oleh pemerintah Perancis sebelum ini; rakyat telah menggunakan kesempatan itu bukan untuk mengundi calon liberal atau sosialis yang mendukung aspirasi demokratik untuk menjadi presiden tetapi seorang dimagog yang akhirnya telah mengekang perkembangan demokrasi di negara tersebut. Oleh itu, Proudhon menegaskan, *Universal suffrage is counter-revolution*.¹⁴

Pendirian di atas mungkin boleh diambil. Mungkin, oleh orang tertentu atas sebab tertentu. Walau bagaimanapun, pada tahun 1989, berlainan dari tahun 1848, golongan kiri (komunis dalam kes di Rusia), merupakan kuasa yang bertahan atau memerintah (*status quo*), dan bukannya kumpulan yang bangun menentang sesuatu peraturan lama. Golongan sayap kiri mungkin mahu menganggap penentangan ini sebagai satu revolusi balas yang datang lambat dan dikendalikan secara serang hendap. Namun begitu, bagi golongan sayap kanan pula ini tentulah jelas merupakan suatu revolusi rakyat, cuma, seperti yang telah dikatakan, yang menjadi sasarannya bukanlah institusi politik sayap kanan tetapi sayap kiri. Peristiwa tahun 1989, apabila satu demi satu republik sosialis di KRSS jatuh ke tangan rakyat dalam arus yang memperjuangkan demokrasi dan ekonomi bebas menurut acuan Eropah Barat dan Amerika Syarikat, kelihatan ketara sebagai keterbalikan kepada peristiwa pada tahun 1848. Dalam Revolusi-revolusi 1848, sederetan kerajaan sayap kanan jatuh setelah menghadapi desakan dan tindakan para liberal dan sosialis yang memang merupakan golongan sayap kiri pada abad ke-19. Namun begitu, dalam kelainan antara tahun 1848 dengan tahun 1989 ini terdapat juga persamaan. Michael Walzer mengatakan bahawa,

“Tahun gemilang 1848 tentu mengingatkan kita hari ini kepada tahun gemilang 1989 (kini sudah pun berlalu sebagai satu zaman), apabila para profesor falsafah dan teori politik tiba-tiba mendapati diri mereka menggubal perlembagaan dan berdebat tentang kenegaraan, kedaulatan, rakyat, perimbangan kuasa, peraturan pilihan raya dan kemungkinan mewujudkan peruntukan daftar hak [asasi].”¹⁵

Tidak menghairankan sekiranya golongan kanan mahu menegaskan bahawa suara pada tahun 1989 memang merupakan “kehendak umum” sebenarnya. Pada akhir sebuah buku baru tentang peristiwa dramatik di Eropah Tengah Timur, penulisnya jelas mengatakan keyakinannya tentang penerusan perkembangan negara-negara seperti Poland, Hungary dan Czechoslovakia (sekarang Czeck dan Slovakia) di atas landasan kapitalisme Barat. Judy Batt mengatakan bahawa,

“Kemuncak keyakinan ini adalah diasaskan kepada pemahaman saya tentang motif dan kekuatan perkembangan negara-negara ini semenjak Perang Dunia Kedua, yang berkesudahan pada tahun 1989: kematangan *kehendak ramai* untuk ‘bergabung semula dengan Barat’, hidup di bawah pemerintahan kerajaan demokratik dan bekerja dalam [sistem] ekonomi bebas.”¹⁶

14 Lihat A.J.P. Taylor 1977. *Europe: Grandeur and Decline*. Middlesex, London: Penguin Books Ltd., hlm. 30.

15 Michael Walzer, “Between Nation and World: Welcome to some new ideologies” dalam *The Economist*, 11–17 September 1993, hlm. 45.

16 Judy Batt 1991. *East Central Europe: From Reform to Transformation*. London, hlm. 104. Penekanan ditambah.

Kini ketara kelihatan bahawa proses pemindahan kuasa daripada orang perseorangan atau autokrat kepada golongan lebih ramai atau kelas menengah (sama ada disekalikan dengan hak mengundi terhad atau tidak) dan seterusnya tindakan atau percubaan untuk memindahkan kuasa kepada keseluruhan rakyat (sama ada melalui pilihan raya, atau, menerusi daya usaha kumpulan elit bagi pihak rakyat jelata) tidak memaparkan sesuatu proses yang lancar. Ia juga bukan merupakan sesuatu yang boleh diagak dengan mudah.

Walau bagaimanapun, di Eropah ternyata bahawa rakyat bawahan kerap miring ke kanan dalam politik mereka. Sikap ini dizahirkan apabila mereka diberikan peluang untuk menyatakan cita rasa politik mereka melalui pilihan raya, pungutan suara dan sebagainya. Malah kadangkala sikap dan pendirian mereka terlalu ke kanan sehingga melewati batasan selamat lantas menjunam ke daerah hampir bahaya atau amat bahaya. Jadi, sekiranya Proudhon mengatakan bahawa peruntukan yang memberikan hak mengundi tanpa batas kepada rakyat membantutkan gerakan revolusi, A.J.P. Taylor melihat jelas bagaimana faktor atau petua ini telah dimanfaatkan oleh ketua politik kanan yang ekstrem di Eropah. A.J.P. Taylor mengatakan bahawa,

“Petua ini diaplikasikan oleh Bismarck dan, kemudian Hitler dan Mussolini. Hitler, dengan menerapkan Kehendak Umum rakyat Jerman, menyatukan Nasionalisme dan Sosialisme dan membentuk semula peta Eropah, berpandukan prinsip Jerman pada tahun 1848.”¹⁷

Pembicaraan tentang Adolf Hitler (1889–1945) di Jerman merupakan isu yang dibincangkan dalam Bab 7 buku ini. Hitler sememangnya telah membuaikan sentimen rakyat Jerman agar mendukung versi nasionalismenya yang ekstrem. Dia telah memanfaatkan alat institusi liberal, iaitu parlimen dan pilihan raya, bagi mendapat dan memperkukuh kuasa biarpun operasi institusi itu telah diganggunya. Dalam pilihan raya pada tahun 1933, pilihan raya tunggal Jerman semasa Hitler menjadi Canselor, parti Nazi hanya mendapat 43.9 peratus daripada keseluruhan undi berjumlah hampir 38 juta dan 188 kerusinya tidak melepasi paras separuh daripada jumlah kerusi parlimen yang berjumlah 633, namun peratus rakyat Jerman yang mengundi Nazi tetap besar. Seperti kata Allan Bullock, “walaupun betul majoriti orang Jerman tidak pernah mengundi menyokong Hitler, namun begitu adalah betul juga bahawa tiga belas juta orang Jerman telah melakukannya.”¹⁸

Setelah berkuasa dengan restu pilihan raya Jerman dan parlimennya juga, Hitler membolot kuasa dan cuba mengendalikan “penyelesaian muktamad”nya. Dalam percubaan tersebut, lebih enam juta Yahudi, kecil besar, tua muda, lelaki dan wanita telah terkorban. Stalinisme dan Hitlerisme (Nazisme), cetusan daripada spektrum politik yang berbeza, telah menghantui Eropah dan dunia kesekian lama. Stalinisme berpunca daripada ideologi kiri yang cuba mewujudkan ciri-ciri idealisme politik kiri: masyarakat tanpa kelas, pemilikan bersama harta, perkongsian kuasa (malah penghapusan kerajaan) dan

17 A.J.P. Taylor, *Europe: Grandeur and Decline*, hlm. 30.

18 A. Bullock 1985. *Hitler: A Study In Tyranny*. Middlesex, London: Penguin Books Ltd., hlm. 807.

sebagainya. Nazisme bertunjang ke dasar politik kanan dan tanpa segan silu menonjol dan memperjuang ciri-ciri politik kanan: kemutlakan kuasa ketua, hierarki kuasa, hierarki bangsa dan hal-hal seumpamanya. Ideologi ekstrem kiri dan ideologi ekstrem kanan ini masing-masing berakhir dengan bentuk “impian menjadi igauan”. Nazisme “ditamatkan” kerana Hitler kalah dalam Perang Dunia Kedua. Stalin berada di pihak yang memenangi perang tetapi lanjutan daripada Stalinisme kini “ditamatkan” setelah Rusia kalah dalam “perang” lain. Dalam konteks perkembangan selama ini di Eropah, dan lebih-lebih perkembangan terakhir di Eropah Timur, kata-kata Francis Fukuyama tentu mudah mendapat tempat di hati banyak orang. Antara lain, Francis Fukuyama mengatakan bahawa,

“... bagi sebahagian amat besar dunia ini, tidak terdapat ideologi yang boleh mendakwa mempunyai unsur kesejagatan dan berada dalam keadaan yang boleh mencabar demokrasi liberal, dan tidak ada prinsip kesahan sejagat melainkan kedaulatan rakyat. Monarkisme dalam pelbagai bentuknya telah umumnya dikalahkan pada awal abad ini. Faham Fasis, komunisme, pesaing utama demokrasi liberal hingga kini, telah keduanya memperlihatkan kelemahan masing-masing.”¹⁹

Pendapat Fukuyama tidak semestinya dipersetujui oleh pihak (-pihak) lain. Buku ini tentu tidak akan melanjutkan perdebatan tentangnya.²⁰ Walau bagaimanapun, memadai disebut di sini bahawa tanggapan yang mendakwa sesuatu masyarakat itu telah sampai ke puncak proses politik bukanlah suatu tanggapan yang hanya dibuat pada masa kita ini sahaja. Seperti yang telah dilihat sebelum ini, para liberal pada abad ke-19 telah juga mendakwa bahawa sistem politik yang mereka junjung pada masa itu, iaitu raja berperlembagaan berasaskan demokrasi terhad, adalah merupakan puncak proses politik.²¹ Tetapi dunia mereka berubah juga akhirnya, mungkin lebih cepat daripada yang mereka sangkakan.

Berbalik kepada Fukuyama, kini, monarkisme yang Fukuyama katakan sudah tidak lagi mempunyai tempatnya pada zaman moden atau pasca moden ini, masih bertapak di beberapa negara dan dalam bentuk yang berpelbagai juga. Fukuyama memang mengakui kewujudan peraturan lain yang mempunyai atau didakwa mempunyai unsur kesejagatan yang menyaingi atau mampu menyaingi demokrasi liberal berasaskan kedaulatan rakyat. Fukuyama, dan orang lain juga, berhak mempertahankan pendapat bahawa saingan yang lain itu tidak akan ke mana-mana juga akhirnya.

Walaupun bagaimanapun, liputan ringkas dalam bahagian Pengenalan ini telah menunjukkan betapa mudah dan juga seriusnya masalah yang boleh timbul daripada liberalisme, demokrasi dan kedaulatan rakyat. Masalah-masalah ini masih bersama kita. Sama ada keadaannya sudah bertambah baik atau lagi kompleks tentulah merupakan sesuatu yang perlu diperhalusi lagi dan boleh didebat. Kedaulatan rakyat yang digunakan oleh Hitler

19 Francis Fukuyama 1992. *The End of History And The Last Man*. New York: Free Press, hlm. 45.

20 Namun begitu, sila lihat beberapa ulasan tentang buku ini, antaranya oleh Michael S. Roth, dalam *History and Theory*, Jil. 32, No. 2, Mei 1993, hlm. 188–196; Jerald Hage & Rogers Hollingsworth, “The End of History, or a New Crisis?” dalam *Contemporary Sociology*, Jil. 22, No. 2, Mac 1993, hlm. 199–202; ulasan oleh Peter Fritzsche dalam *The American Historical Review*, Jil. 97, No. 3, Jun 1992, hlm. 817-819; dan Alan Ryan “Professor Hegel Goes to Washington” dalam *The New York Review*, 26 Mac 1992, hlm. 7–8.

21 Lihat di atas.

pada tahun 1930-an, misalnya, masih juga digunakan oleh pemimpin politik kanan pada tahun 1990-an. [Ingat referendum di Serbia yang diusahakan oleh Slobodan Milosevic (1941–) pada tahun 1993?

Kebangkitan ciri-ciri politik kanan ini juga dapat dikesan dengan jelas di Perancis, Britain, Itali dan Jerman pada awal tahun 1990-an, malah lebih awal daripada itu. Memandangkan sejarahnya dalam hal ini, fenomena yang berlaku di Jerman telah menarik perhatian ramai. Pada akhir tahun 1992 sebuah majalah Inggeris terkenal telah membuat pemerhatian yang berikut, “Samseng melaungkan slogan nazi telah muncul semula di lorong-lorong di Jerman. Mereka menggerunkan orang asing dan telah mengorbankan 16 nyawa sepanjang tahun ini.”²² Biarpun majalah yang sama mengatakan bahawa mungkin tidak begitu tepat untuk memperkata tentang “kebangkitan semula Nazisme”, ia tetap menegaskan bahawa Jerman tidak harus mengambil sikap bersahaja.²³ Amaran ini menjadi sesuatu yang lebih serius apabila kekerasan sayap kanan terus berlaku di Jerman (dan juga di negara lain di Eropah) pada tahun 1993. Kini, undang-undang liberal Jerman yang telah memberi kesempatan kepada ribuan orang bukan Jerman mendapat perlindungan politik, sesuatu yang pada asalnya digubal sebagai langkah menebus jenayah Nazi, telah pun dimansuhkan.

Buku ini bukan bertujuan untuk mempermudah optimisme Fukuyama tetapi sekadar memperingat bahawa saatnya untuk mengadakan perayaan atau berpesta mungkin masih belum lagi diambang pintu kita. Jika ia sudah amat hampir, sepatutnyalah kita bersedia untuk bergembira. Sekiranya ia masih agak jauh, sewajarnya kita berusaha dengan lebih gigih untuk mendekatkannya. Dalam pada itu, kita juga harus berani, bersedia dan berkemampuan untuk merentasi paradigma ekonomi dan sosiopolitik konvensional yang dunia kenali selama ini. Seterusnya, kita harus juga ingat bahawa sistem politik Barat juga tidak dapat dipisahkan daripada sesuatu andaian atau premis tentang sifat semula jadi manusia serta juga matlamat hidupnya. Sistem liberal, demokratik, sosialis, fasis mahupun diktator yang disentuh atau dikaji dalam buku ini memang sudah diasaskan kepada tanggapan yang berbeza-beza tentang perkara ini. Premis dan matlamat yang diutarakan itu tidak semestinya dipersetujui oleh semua kita dengan begitu sahaja. Bahagian Pengenalan ini dan seterusnya buku ini tidak menghampiri apatah lagi mendalami daerah ini semua memandangkan ia adalah penulisan sejarah, dan sejarah Eropah moden bertemakan sosiopolitik dan pemerintahan. Namun begitu daripada sejarah yang disampaikan di sini, maka diharapkan sesuatu sumbangan dapat juga dibuat ke arah pemahaman yang lebih luas itu.

²² *The Economist*, 5 Disember 1992, hlm. 15.

²³ *Ibid.*

BAB 1

REVOLUSI PERANCIS

“Manusia Adalah Pengukur Bagi Segala Sesuatu”

Pada umumnya, ahli sejarah sering menganggap Revolusi Perancis sebagai titik sejarah yang penting dalam perkembangan masyarakat Barat. Revolusi Perancis dikatakan lebih penting daripada Revolusi Amerika (1776) dan Revolusi Inggeris (1688). Ia dianggap sebagai garis pemisah antara peraturan lama dengan peraturan baru kerana dengan berlakunya Revolusi Perancis, feudalisme dikatakan telah diganti oleh sistem masyarakat terbuka. Dalam sistem feodal, kedudukan seseorang itu adalah berlandaskan hak, kuasa dan keistimewaan yang diwarisi turun-temurun. Walhal dalam sistem masyarakat terbuka, segala kejayaan yang bakal diperoleh oleh seseorang itu bergantung pada bakat dan kemampuannya. Revolusi Perancis juga dikatakan sebagai permulaan peringkat kemerosotan pengaruh dan kedudukan agama dalam sistem pemerintahan dan pemikiran. Sebaliknya, pengaruh pemikiran dan falsafah yang menegaskan atau menyanjungi sepe-nuhnya keupayaan akal manusia, mula bertapak dan membiak. Kini akal diberikan peranan utama untuk menentukan nilai dan matlamat kehidupan. Seterusnya, benih yang kemudiannya membuahkan ideologi moden seperti komunisme, faham Fasis atau totalitarianisme juga dikatakan mula tertanam. Sekali lagi Revolusi Perancis dapat ditakrifkan sebagai tahap pemisah antara peraturan lama dengan peraturan baru di Eropah.

LATAR BELAKANG MASYARAKAT

Oleh sebab garis pemisah yang diperkatakan ini dianggap penting, maka eloklah ditinjau sepintas lalu rupa bentuk masyarakat Eropah pada abad ke-18. Pada masa itu negara Eropah mempunyai banyak ciri persamaan. Itulah sebabnya apa yang berlaku di Perancis pada tahun 1789 menggemparkan dan menjangkiti benua Eropah pada keseluruhannya. Sebenarnya, negara di Eropah yang wujud pada abad ke-18 adalah berbeza daripada negara-negara yang terdapat pada hari ini. Contohnya, negara Belgium sekarang ini masih belum wujud. Ia adalah sebahagian daripada Empayar Austria. Czech dan Slovakia pula ialah sebahagian daripada Empayar Rusia. Jerman masih merupakan nama untuk beberapa daerah yang kecil. Seterusnya, banyak negara Eropah yang wujud pada masa itu, dan masih kekal sekarang sudah pula mempunyai kawasan atau sempadan daerah yang berlainan.

Pada abad ke-18, satu-satunya cara pemerintahan yang berkesan ialah pemerintahan secara monarki. Sistem monarki atau beraja yang dimaksudkan di sini ialah sistem monarki berkuasa mutlak. Dengan perkataan lain, raja merupakan sumber kepada segala kekuasaan dan undang-undang di dalam sebuah negara. Tanggapan begini sering diper-
teguhkan oleh dakwaan bahawa apa yang dimimpikan oleh Maharani Catherine II, Maharani Rusia (1729–96) pada waktu malam akan menjadi undang-undang pada keesokan harinya atau oleh kata-kata Raja Louis ke-XIV, Raja Perancis (1638–1715), *L'état c'est moi* (Negara adalah beta).¹

Namun gambaran monarki Eropah sebagai satu bentuk pemerintahan berkuasa mutlak tidak dipersetujui oleh semua sarjana. Palmer, misalnya, mengatakan bahawa istilah monarki berkuasa mutlak ini hanya digunakan oleh ahli sejarah. Palmer menegaskan yang kekuasaan raja Eropah sebenarnya adalah terhad. Ia dihadkan oleh pengaruh dan tekanan yang datang dari berbagai-bagai sudut yang lain. Antaranya ialah pengaruh golongan bangsawan, para peniaga dan juga majlis perwakilan atau parlimen (meskipun keahlian dalam parlimen yang terdapat pada masa itu masih terhad kepada kaum yang berada). Seterusnya Palmer turut mengingatkan kita bahawa pemerintahan secara monarki bukanlah terdapat pada di semua negara di Eropah.²

Memang ada benarnya juga pernyataan Palmer ini. Kemunculan raja-raja Eropah adalah hasil keupayaan mereka menundukkan pesaing lain yang juga mahu mendapatkan takhta pemerintahan. Oleh sebab raja-raja itu sebenarnya tidak dapat menundukkan para pesaing mereka seratus peratus, maka banyak antara pencabar mereka terpaksa dipujuk atau didamaikan dengan penganugerahan gelaran bangsawan, daerah kekuasaan dan juga pelbagai keistimewaan yang tertentu. Dari segi ini sahaja kita sudah dapat melihat imbalan kuasa yang perlu diawasi oleh pihak raja. Pihak raja juga terpaksa memperhitungkan kepentingan Gereja. Raja Perancis, misalnya, dikenakan berikrar pada masa pertabalannya untuk mempertahankan kepercayaan negara, iaitu agama Kristian (mazhab Katolik). Pihak raja juga terpaksa mengambil kira kepentingan para saudagar.

Namun setelah mengakui ciri-ciri kebenaran pernyataan Palmer itu, perlu pula dilihat betapa berkesanannya, atau tidak berkesanannya, institusi lain dalam menghadkan kuasa raja. Jika kita berpanduan kepada beberapa kes tertentu, maka terdapat bukti yang menunjukkan bahawa pengehadannya adalah tidak menyeluruh. Misalnya, pada satu ketika Raja Louis ke-XVI, Raja Perancis (1754–93) diberitahu bahawa dia sepatutnya tidak mengeluarkan satu arahan yang bertentangan dengan undang-undang. Lantas Raja Louis ke-XVI mengatakan bahawa, “Ia adalah sah, sebab itu adalah kesukaan beta.”³ Lagipun, parlimen di Perancis sebenarnya tidak bersidang sejak tahun 1614. Dalam keahlian parlimen pula, golongan yang mendapat perwakilan terbesar ialah golongan atasan. Sistem undi untuk semua rakyat dewasa masih merupakan satu sistem yang belum diketahui di Perancis (dan di Eropah) pada masa sebelum Revolusi Perancis.

Jika terdapat ahli sejarah yang cuba mempertikaikan kemutlakan kuasa raja Eropah secara praktisnya, dijangka tidak ada sesiapa pun yang mahu menyangkal pendapat yang

1 Lihat T.W. Wallbank, A.M. Taylor & N.M. Bailkey (ed.) 1976. *Civilization: Past and Present*. Edisi Ketujuh, Jil. 2, Illinois: Scott, Foresman & Co., hlm. 12.

2 R.R. Palmer 1971. *The World of the French Revolution*. George Allen & Unwin, hlm. 25.

3 G. Salvemini (terj. Rawson L.M.) 1962. *The French Revolution 1788–1792*. New York: W.W. Norton & Co. Inc., hlm. 106.

mengatakan bahawa pemerintahan di Eropah pada masa itu adalah bercorak kebangsawanan dan feudal.

Dalam hal ini, pernyataan Palmer bahawa sistem monarki adalah sistem pemerintahan yang paling kurang diamalkan (walaupun ia paling berkesan) perlu diberikan perhatian yang lebih teliti. Negara bercorak republik seperti yang disenaraikan oleh Palmer, iaitu Republik Venice, Republik Genoa, Konfederasi Swiss, Republik Belanda, atau Daerah-daerah Bersekutu, dan Republik Poland,⁴ sebenarnya bukanlah serupa dengan republik bersistem demokrasi yang diketahui sekarang. Republik Belanda atau Daerah-daerah Bersekutu, misalnya, tidaklah memansuhkan sama sekali cara pemerintahan bercorak monarki. Para ahli parlimennya hanya terdiri daripada *burgher* (selalunya penghuni kota) dan orang bangsawan. Setiap kota besar di ketujuh-tujuh daerah yang terdapat di dalam republik itu diperintah secara bergilir-gilir oleh keluarga tertentu yang dinamakan *regent*. Walaupun di kota ini terdapat ramai saudagar kaya, namun kuasa terhadap tentera dan jawatan ketua rasmi pemerintahan dipegang sendiri oleh *Stadholder*. Jawatan *Stadholder* adalah hak warisan. Di dalam Republik Venice pula, hanya orang yang berketurunan bangsawan yang boleh menyandang jawatan di dalam pentadbiran awam. Pada tahun 1796, hanya lebih kurang 1200 orang daripada jumlah penduduk di sekitar 130 000 yang berhak menghadiri mesyuarat parlimen (Konsul Agung). Dalam Konfederasi Swiss memang terdapat juga unsur demokrasi di kawasan luar bandar, tetapi dalam negara kotanya yang makmur – Bern dan Basel – golongan saudagar yang kaya-raya yang sebenarnya memerintah. Di Poland rajanya dilantik, tetapi ia hanyalah dilantik daripada kalangan bangsawan. Parlimennya pula dikuasai oleh tuan tanah yang kaya-raya dan undang-undang negara hanya boleh diluluskan jika terdapat persetujuan sebulat suara daripada mereka. Oleh itu, republik cara Poland ini pernah juga diistilahkan oleh seorang sarjana sebagai “demokrasi” golongan bangsawan.⁵ Memandangkan hal ini, maka tidaklah begitu salah jika dikatakan bahawa negara bukan monarki di Eropah pada abad ke-18 juga mempunyai ciri-ciri negara monarki.

Negara monarki yang terkenal di Eropah pada masa itu ialah Perancis, Sepanyol, Sweden, Prusia, Empayar Austria, Britain dan Rusia. Dalam penulisan Rudé, monarki Rusia disifatkannya sebagai monarki yang paling autokratik. Beliau seterusnya menganggap monarki Perancis, Sepanyol, Sweden, Prusia dan Empayar Rusia sebagai monarki berkuasa mutlak. Kuasa negara ini semuanya diwarisi kepada keturunan masing-masing. Di samping itu, Rudé menganggap monarki Britainlah satu-satunya monarki yang paling liberal pada masa itu. Tanggapannya tentang Britain ini bukanlah sesuatu yang kontroversi. Salah satu sebab penting kenapa hal yang sedemikian ini terdapat di Britain ialah kerana Britain telah pun mendahului negara Eropah lain dengan satu revolusi politiknya yang tersendiri pada tahun 1688.

SUSUN LAPIS MASYARAKAT

Tanpa kita menafikan sama sekali unsur perbezaan di kalangan negara di Eropah, kita

4 R.R. Palmer, *op. cit.*, hlm. 26–27.

5 G. Rudé 1964. *Revolutionary Europe*. New York: Harper & Row, Pub. hlm. 32. Maklumat sebelum ini adalah juga daripada buku yang sama.

masih boleh membahagikan rakyat Eropah kepada tiga susun lapis (di samping kaum kerabat diraja).

Pertama, terdapat pihak berkuasa Gereja berserta para biskop dan paderi. Golongan ini dinamakan Estet Pertama di Perancis. Menjelang abad ke-10, kebanyakan bangsa Eropah, selain kaum Yahudi, telah memeluk agama Kristian. Menjelang abad tersebut, berakhirilah kegiatan pengkristianan secara beramai-ramai. Jadi, dalam negara Kristian ini, pihak berkuasa Gereja menegaskan bahawa mereka tidak tertakluk di bawah kuasa negara atau politik. Tetapi menjelang abad terakhir Empayar Rom (Empayar Rom Barat jatuh pada tahun 1476), agama Kristian sering disamakan dengan kuasa kerajaan. Di Perancis, misalnya, perlantikan biskop disahkan oleh Paus di Kota Vatican, dan raja yang dilantik pula dikenakan mengangkat sumpah mempertahankan agamanya.

Institusi agama di Perancis amat kaya dan kukuh kedudukannya. Ia mengendalikan rumah anak yatim, universiti, harta (yang berupa tanah), serta lain-lain lagi. Daripada sumber kekayaan ini (yang selalunya tidak dicukai) institusi ini membayar gaji para pekerja agamanya. Oleh sebab institusi ini begitu kaya maka pada masa tercetusnya Revolusi Perancis, institusi ini telah menjadi sasaran hebat para pemberontak.

Jumlah penduduk Perancis sebelum tercetusnya revolusi tidaklah diketahui dengan tepat. Anggaran yang dibuat terhadap jumlah penduduk Perancis pada masa itu ialah di sekitar 23 000 000. Daripada jumlah ini, ahli Estet Pertama, iaitu para paderi dan rahib, tidak melebihi 100 000 orang.⁶

Ahli Estet Kedua di Perancis pula ditaksirkan sekitar 400 000 orang. Seperti yang telah dinyatakan sebelum ini, kemunculan para raja di Eropah adalah hasil kejayaan mereka menundukkan pesaing yang lain. Sehubungan dengan ini juga, perlu diingat bahawa sebelum terbentuknya negara di Eropah seperti yang dikenali sekarang, Eropah terdiri daripada pecahan beberapa buah daerah kecil yang sering berperang antara satu sama lain. Daripada peperangan beginilah timbulnya ketua puak yang paling handal yang kemudiannya menjadi raja. Ketua puak yang tidak dapat dikalahkan secara mutlak telah dilantik oleh raja menjadi bangsawan atau orang besar daerah. Seperti juga yang sudah dikatakan sebelum ini, dalam strategi memujuk dan mendamaikan pesaing atau pencabar kepada kuasa mereka, para raja di Eropah menganugerahkan beberapa keistimewaan kepada para bangsawan dan pembesar daerah. Antara hak atau keistimewaan ini ialah pengecualian daripada sebarang bentuk cukai. Sebaliknya, mereka pula berhak membuat pajakan terhadap pungutan cukai di daerah, atau cukai berkaitan dengan dagangan yang tertentu. Mereka juga menjadi hakim daerah, ketua dalam tentera dan seterusnya memonopoli secara langsung jawatan tinggi dalam kerajaan. Di Perancis, mereka juga mempunyai hak membawa pedang, lantas mereka diberikan gelaran *Noblesse d'Epee* atau Bangsawan Pedang.

Semua rakyat Perancis dan Eropah yang tidak termasuk ke dalam kedua-dua golongan tersebut, digolongkan kepada golongan orang biasa. Dengan perkataan lain, ahli golongan ini terdiri daripada petani yang miskin sehinggalah saudagar antarabangsa yang kaya. Di Perancis, golongan ini dikenali sebagai *Tier Etat* (Estet Ketiga). Keadaan mereka

6 G. Lefebvre (terj. R.R. Palmer) 1971. *The Coming of the French Revolution 1789*. New Jersey: Princeton University Press, hlm. 7.

yang paling miskin dalam golongan ini adalah begitu teruk. Para petani dan rakyat yang paling miskin bukan hanya tidak mempunyai hak politik, seperti mengundi dan sebagainya, tetapi juga tidak mempunyai tanah. Di Rusia pula, hal ini amat nyata. Di Rusia, terdapat golongan bertaraf hamba abdi yang boleh dijual oleh tuan tanah bersama-sama dengan tanahnya. Maharani Catherine, misalnya, pernah memberikan antara empat hingga lima ribu hamba abdinya kepada individu yang disukainya.⁷ Di Perancis, keadaan kaum petani adalah lebih baik daripada yang terdapat di Rusia. Dikatakan bahawa satu pertiga daripada petani Perancis sebelum revolusi telah pun mempunyai hak milik tanah sendiri.

KEADAAN SOSIOEKONOMI

Namun begitu terdapat pertelingkahan pendapat di kalangan para sarjana tentang keadaan sosioekonomi para petani yang sebenarnya pada masa revolusi melanda negara Perancis. Pertelingkahan pendapat ini menimbulkan perbezaan pentafsiran yang menarik tentang sebab yang membawa kepada Revolusi Perancis. Tocqueville, dalam bukunya *The Old Regime and The French Revolution* yang diterbitkan pada tahun 1856, menekankan unsur kesejahteraan petani (dan juga masyarakat Perancis amnya). Beliau mendakwa bahawa Revolusi Perancis tercetus bukanlah akibat daripada penderitaan rakyat. Sebaliknya, revolusi itu adalah akibat daripada keadaan sosioekonomi serta politik yang kian bertambah baik di bawah pemerintahan Raja Louis ke-XVI. Menurut Tocqueville, keadaan negara yang begitu tidak bermaya sebelum itu telah mula bertukar kepada keadaan yang kian bertambah kukuh pada masa lebih kurang tiga puluh atau empat puluh tahun sebelum tercetusnya revolusi. Seterusnya, Tocqueville menggambarkan masyarakat Perancis pada tahun 1770-an dan tahun 1780-an sebagai masyarakat yang ekonominya sedang berkembang pesat. Semua lapisan rakyatnya telah sama-sama mengecap faedah. Tocqueville mengatakan bahawa penglibatan Perancis dalam Perang Kemerdekaan Amerika tidak menjejaskan perkembangan ekonomi ini. Beliau seterusnya berpendapat bahawa walaupun negara menanggung hutang yang banyak, orang persendirian terus mengaut keuntungan. Mereka terus berusaha dengan lebih tekun daripada dahulu, dan mereka menunjukkan daya usaha dan kegigihan yang lebih.⁸ Tocqueville kemudian memetik penulisan Arthur Young (1788) tentang bagaimana kota Bordeaux telah mengatasi Liverpool sebagai pusat perniagaan dan bagaimana kadar pertumbuhan perdagangan Perancis telah meningkat sekali ganda semenjak dua puluh tahun sebelumnya.⁹

Pada masa ini juga bantuan kepada orang miskin ditambah. Para petani yang mendapati penggunaan tanah mereka terjejas dan tanaman mereka yang rosak akibat daripada aktiviti kaum diraja yang memburu binatang, diberikan ganti rugi. Tocqueville mengatakan bahawa:

7 E.J. Hobsbawm 1962. *The Age of Revolution in Europe 1789–1848*. London: Weidenfeld & Nicolson, hlm. 15.

8 A. Tocqueville (terj. S. Gilbert) 1955. *The Old Regime and The French Revolution*. New York: Doubleday Anchor Books, hlm. 173.

9 *Ibid.*, hlm. 174.

“Saya mendapati lebih daripada 80 000 *livres* dibahagikan untuk membantu orang miskin di satu daerah, Upper Guinne, pada tahun 1779; 40 000 *livres* di Tours, pada tahun 1784, 48 000 di Normandy, pada tahun 1787. Raja Louis ke-XVI mengawasi sendiri urusan bantuan ini dan tidak hanya membiarkan sahaja para menterinya untuk menggunakan budi bicara mereka sendiri.”¹⁰

Jadi, Tocqueville menganggap revolusi yang berlaku di Perancis pada tahun 1789 adalah sesuatu yang berlaku ketika harapan rakyat kian memuncak. Rakyat sebenarnya dilanda oleh perasaan tidak sabar. Reformasi yang dikendalikan oleh Louis ke-XVI telah akhirnya membahayakan dirinya sendiri. Tocqueville menjelaskan bahawa,

“Keperitan yang ditanggung dengan sabar dan kemungkinan tiada cara untuk mengatasinya, menjadi sesuatu yang tidak tertahan lagi apabila kemungkinan untuk menghapuskannya terlintas dalam pemikiran manusia. Beberapa penyelewengan yang dapat diatasi telah menarik pula perhatian [manusia] kepada penyelewengan lain yang kini menjadi lebih ketara; kesusahan rakyat mungkin berkurangan, tetapi kesedaran mereka sudah meningkat. Pada masa keunggulannya, feudalisme tidak menimbulkan begitu banyak kebencian seperti pada masa ia berada di ambang kehancuran. Pada masa pemerintahan Raja Louis ke-XVI, penyalahgunaan kuasa yang paling remeh menimbulkan kemarahan yang lebih hangat daripada penggunaan kuasa mutlak yang meluas oleh Raja Louis ke-XIV.”¹¹

Walau bagaimanapun, Rudé tidak bersetuju dengan gambaran Tocqueville ini. Antara persoalan yang ditimbulkan oleh Rudé ialah jika betul pihak pemerintah begitu cenderung ke arah pemulihan mengapa ia tidak mengendalikannya sehingga rakyat berpuas hati secara keseluruhannya. Dengan perkataan lain, Rudé nampaknya tidak begitu percaya yang rakyat boleh bersikap kurang sabar atau kurang mengenang jasa. Tetapi, Rudé juga ada mengemukakan hujah dan buktinya sendiri. Rudé mengatakan bahawa walaupun satu pertiga daripada petani Perancis mempunyai tanah pada masa sebelum revolusi, kebanyakan tanah yang dimiliki mereka tidak luas. Rudé mengatakan bahawa pada masa tuaian yang baik pun hasilnya tidaklah betul-betul mencukupi untuk semua ahli keluarga.¹² Kemewahan desa bukanlah satu fenomena yang dinikmati ramai. Tocqueville dianggap oleh Rudé tidak menyedari bahawa pada tahun-tahun akhir Rejim Lama, kegiatan pertanian sudah pun terbantut. Ini berlaku dalam dua peringkat. Peringkat pertama ialah selepas tahun 1778, (pada tahun 1778, Perancis telah campur tangan dalam Perang Kemerdekaan Amerika), apabila kemelesetan ekonomi berlaku. Ini menyebabkan turunnya harga barangan. Tuan tanah dan mereka yang berkepentingan terus juga mempertahankan kadar cukai lama dan ini memburukkan lagi keadaan para petani kecil. Pada tahun 1787–89, kemelesetan ekonomi ini disusuli pula oleh satu malapetaka ekonomi yang mengejut, iaitu tuaian yang tidak baik serta kekurangan bekalan makanan. Harga gandum naik berganda dalam masa dua tahun. Krisis yang menimpa segolongan

10 *Ibid.*, hlm. 173.

11 *Ibid.*, hlm. 177.

12 G. Rudé, *op. cit.*, hlm. 12. Rudé seperti Tocqueville, juga ada menggunakan maklumat daripada Arthur Young.

besar para petani ini merebak ke sektor perindustrian. Pengangguran memuncak dan pekerja yang bergaji kecil terpaksa menyediakan peruntukan yang lebih untuk belanja membeli roti – makanan harian mereka. Rudé mengatakan bahawa,

“Petani dan tukang di bandar serta pekerja telah disatukan oleh kebencian yang sama terhadap pemerintah, tuan tanah, saudagar dan mereka yang melakukan spekulasi. Golongan [bawahan] ini menyertai revolusi dalam keadaan kepapaan dan kesusahan yang kian meruncing dan bukannya dalam keadaan ‘kemakmuran’ [yang kian bertambah].”¹³

Walau bagaimanapun, Rudé tidak menafikan bahawa ekonomi Perancis sedang berkembang pesat pada masa itu.

Kegiatan perindustrian sudah bermula di Perancis sebelum revolusi, walaupun perkembangan tidaklah sehebat yang terdapat di Britain pada masa yang sama. Di ambang revolusi, Perancis sudah mempunyai kilang kain di Abbeville yang mempunyai 12 000 orang pekerja dan sebuah syarikat perlombongan yang menggaji 4000 orang pekerja. Di samping itu, terdapat lebih kurang lima puluh para pengusaha di Paris yang mempunyai antara seratus hingga lapan ratus orang pekerja di “kilang” masing-masing. Rudé menyedari hal ini seperti juga beliau menyedari tentang kemajuan perdagangan antarabangsa Perancis. Kegiatan para saudagar dari *Tier Etat* yang mengambil kesempatan daripada perkembangan sistem *laissez-faire* (ekonomi bebas) dan penggunaan meluas mata wang pada abad ke-18 adalah perkara yang umum diketahui dan diperkatakan.¹⁴

Urusan perniagaan ini disifatkan oleh golongan bangsawan sebagai suatu kegiatan yang kurang baik. Mereka berpendapat bahawa taraf sosial mereka akan terjejas sekiranya mereka turut menceburkan diri dalam perniagaan. Tetapi, dalam keadaan ekonomi mata wang yang sedang berkembang, mereka kerap menghadapi kesempitan wang. Untuk mengatasi kesulitan ini, mereka sering menaikkan cukai terhadap petani dan/atau memajakkan kerja memungut cukai kepada para saudagar dengan kadar pajakan yang tinggi. Banyak antara mereka yang berhutang dengan golongan saudagar atau borjuis.¹⁵ Ada juga para bangsawan yang mengambil jalan singkat menuju kekayaan: mereka mengahwini anak perempuan borjuis.

Di samping tekanan ekonomi ini, para bangsawan juga menghadapi cabaran yang lain. Borjuis yang kaya-raya sering membuat sumbangan kepada tabung kewangan negara. Sebagai menghargai sumbangan mereka, Raja Louis ke-XVI mengurniakan mereka gelaran. Kemudian hak yang diberi kepada para bangsawan baru ini, atau *Noblesse de Robe*, diwariskan kepada keturunan mereka. Keadaan ini mengancam kedudukan sosial golongan bangsawan lama. Sebagai menghadapi cabaran baru daripada *Noblesse de Robe* ini, para bangsawan tradisional (*Noblesse d’Epee*) berazam untuk membentuk satu kumpulan sekukuh puak Gereja atau Estet Pertama. Misalnya, mereka mahu golongan

13 *Ibid.*, hlm. 74. Lihat juga G. Rudé 1959. *The Crowd in The French Revolution*. Oxford University Press, hlm. 202–3 dan Lampiran VII Jadual I, hlm. 251. Di sini Rudé ada mengemukakan perangkaan tentang harga roti dan gaji pekerja Paris pada tahun 1789.

14 Lihat misalnya, Lefebvre, *op. cit.*, hlm. 12–13, Palmer, *op. cit.*, hlm. 13–20, dan Rudé, *Revolutionary Europe*, hlm. 9–13.

15 G. Salvemini, *op. cit.*, hlm. 20–1. Lihat juga Lefebvre, *op. cit.*, hlm. 12–14.

mereka diutamakan dalam jawatan kerajaan. Sebaliknya, puak *Noblesse de Robe* dan borjuis amat tidak senang dengan keadaan taraf sosial mereka yang masih diperendah-
rendahkan, walaupun kekayaan mereka jauh melebihi kekayaan mana-mana golongan di Perancis pada masa itu.

Ini semuanya disadari oleh Rudé. Beliau bukan menafikan pendapat Tocqueville bahawa terdapat kekayaan di Perancis walaupun negara itu sendiri hampir mufliis. Apa yang mahu ditekankan oleh Rudé ialah terdapatnya jurang perbezaan yang luas antara golongan atasan yang kaya dengan golongan bawahan yang terhimpit. Menurutny, Tocqueville tidak meninjau aspek ini.

Malah, bagi Rudé, Eropah sewaktu Revolusi Perancis hampir meletus, merupakan sebuah benua yang memperlihatkan beberapa jurang perbezaan lain yang nyata. Misalnya terdapat perbezaan antara bahagian Timur (Rusia umpamanya) yang belum membangun dengan bahagian Barat (Perancis, Belanda dan sebagainya) yang membangun; antara sektor pertanian yang agak terbantut perkembangannya dengan sektor perdagangan, perindustrian dan kependudukan yang terus meningkat; dan antara konservatisme yang terdapat dalam institusi politik serta perhubungan sosial dengan penyebaran luas berita serta idea.

PERGERAKAN KESEDARAN

Dalam memperkatakan sebab yang membawa kepada tercetusnya Revolusi Perancis, kesan yang ditimbulkan oleh penyebaran idea baharu merupakan suatu faktor yang amat pokok kepada perbincangan. Pergerakan yang mempelopori idea baharu ini dikenali sebagai *Enlightenment* atau Kesedaran. Pergerakan ini pernah disifatkan sebagai revolusi intelektual dan dikaitkan dengan nama ahli fikir seperti René Descartes (1596–1650), Charles de Secondat Montesquieu (1689–1755), Voltaire, Dennis Diderot (1713–84) dan Rousseau di Perancis; Joseph Hume (1777–1855), Edward Gibbon (1737–94), dan Thomas Hobbes (1588–1679) di England; Gotthold Ephraim Lessing (1729–81), Baruch Spinoza (1632–1677) dan Immanuel Kant (1724–1804) di Jerman; Benjamin Franklin (1706–90) dan Thomas Jefferson (1743–1826) di Amerika serta beberapa orang tokoh lain termasuk tokoh di Rusia dan Itali. Zaman Kesedaran ini pula pernah dibahagikan kepada tiga tahap. Tahap pertama atau permulaannya mulai lahir apabila berlakunya pergeseran antara para pendukung pergerakan ini dengan pihak pemerintah. Tahap kedua ialah antara tahun 1746 hingga tahun 1770 apabila karya-karya utama pergerakan ini dihasilkan. Pada tahap ini juga konflik antara golongan Kesedaran ini dengan pihak pemerintah tiba ke puncaknya. Pada tahap akhir antara tahun 1770 hingga tahun 1790, berlakulah penyebaran idea ini sehinggalah ia dikatakan telah membantu mengakibatkan perubahan politik dan sosial yang hebat – misalnya, Revolusi Perancis pada tahun 1789.¹⁶

Pergerakan Kesedaran ini dilihat sebagai ekoran kepada revolusi yang berlaku dalam bidang sains asas sebelumnya. Ahli sains seperti Francis Bacon (1561–1626), Galileo Galilei (1564–1642) dan Isaac Newton (1642–1727), telah dianggap sebagai

16 Pembahagian tahap-tahap ini ialah seperti yang terdapat di dalam L.G. Crocker (ed.) 1969. *The Age of Enlightenment*. London: Macmillan, hlm. 16.

tokoh yang menjadi ikutan para pendukung pergerakan Kesedaran. Mereka dianggap sebagai ahli sains yang membawa perubahan kepada ilmu sains Zaman Pertengahan sehingga terbentuknya pengetahuan ilmu sains moden yang berasaskan kepada pengumpulan data yang konkrit. Kebenaran segala sesuatu itu kemudiannya boleh disahkan melalui uji kaji. Harapan ahli sains pada masa itu ialah untuk membolehkan manusia mengawal alam semula jadi mereka dan membentuk satu kehidupan yang lebih baik. Harapan ini jugalah yang telah dirasakan bersama oleh para pendukung pergerakan Kesedaran. Newton, menerusi penyelidikannya, mendapati bahawa alam cakerawala ibarat satu jentera yang bergerak berasaskan satu undang-undang yang rasional dan mudah difahami. Oleh itu, apa yang ingin dilakukan oleh para pemikir Kesedaran ialah memindahkan kaedah atau asas pengetahuan yang diketengahkan oleh Newton ini daripada bidang sains asas ke bidang sains kemasyarakatan. Dengan perkataan lain, para pemikir yakin bahawa sekiranya alam cakerawala mempunyai peraturan tersendiri berlandaskan undang-undang semula jadi, maka kehidupan manusia juga sepatutnya mempunyai peraturan yang tersendiri dan semula jadi yang boleh menjamin kesejahteraan kehidupan itu. Oleh itu, apa yang mereka mahu lakukan bukanlah untuk menghasilkan peraturan baru bagi masyarakat manusia, tetapi hanya setakat mencari peraturan kehidupan yang dianggap memang sudah sebenarnya wujud.¹⁷

Namun, dalam penerokaan mereka para pendukung pergerakan Kesedaran ini mendapati diri mereka terseret kepada satu konfrontasi yang berterusan dengan pihak berkuasa, lebih-lebih lagi dengan pihak Gereja. Ini kerana secara umumnya pergerakan Kesedaran ini mengutamakan pemikiran dan manusia lebih daripada yang lain. *Manusia adalah pengukur segala sesuatu* merupakan satu cogan kata aliran falsafah ini. Dengan itu, mereka menafikan unsur kejadian ghaib yang terdapat dalam agama Kristian. Descartes, misalnya, memulakan karyanya dengan menyatakan bahawa dia tidak akan menerima kebenaran sesuatu selagi dia sendiri belum mendapatkan satu persepsi serta tanggapan yang jelas tentang kebenaran itu. Seterusnya, dia memisahkan agama daripada bidang sains dan falsafah. Beliau mengumpamakan dunia ini sebagai jentera yang bergerak di luar daripada kekuasaan Tuhan. Walaupun dunia dan manusia dijadikan oleh Tuhan, mereka kemudiannya telah bergerak sendiri secara mekanikal. Oleh itu, manusia juga boleh disamakan dengan jenis-jenis jentera yang lain. Manusia hanyalah jentera yang lebih kompleks daripada kebanyakan jentera yang lain. Spinoza (seorang Yahudi Jerman) menafikan yang *The Old Testament* itu mempunyai kebenaran mutlak yang tidak boleh dipersoalkan lagi. Spinoza menganggap bahawa *The Old Testament* serupa sahaja dengan mana-mana penulisan sejarah tentang kaum Yahudi. Oleh itu, ia juga mungkin mengandungi kesilapan. Rousseau kuat menyandarkan sistem kepercayaannya kepada rasa hati sendiri. Voltaire pada satu masa yang singkat pada tahun 1760-an, pernah membuat kecaman keras terhadap agama Kristian.

Walaupun mereka menentang agama Kristian dan institusi feudalisme, ini tidaklah pula bermakna bahawa mereka langsung telah “berkerat rotan berpatah arang” dengan

17 *Ibid.*, *passim*. Untuk perbincangan tentang hal ini, *lih.* Qasim Ahmad 1991. *Karya Sejarah: Pendekatan dan Persoalan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, Bab 5, “Pemikiran Kesedaran: Satu Garis Pemisah Revolusioner”, hlm. 64–82.

kedua-dua institusi tersebut. Pengaruh daripada kedua-dua institusi ini masih kelihatan di kalangan mereka. Hal ini juga berlaku kepada ahli sains asas sebelumnya. Galileo, misalnya, pernah menghasilkan buku yang berjudul *The Authority of the Scripture*. Newton pula cuba mengimbangkan antara sains dengan wahyu, dan penemuan yang dibuatnya tentang peraturan atau pergerakan alam cakerawala telah dianggapnya sebagai manifestasi yang memeranjatkan serta memperlihatkan keagungan Yang Maha Esa. Descartes juga pernah dianggap sebagai kuat beragama. Memang betul Voltaire tidak teragak untuk mengecam *Jesuits* sebagai gilakan kuasa, dan satu kumpulan yang tidak berguna. Ini dilakukannya secara terbuka. Tetapi secara peribadinya, beliau mengakui bahawa guru-guru *Jesuit* dahulu adalah manusia yang berakhlak murni serta berpengetahuan luas.

Pertalian atau perhubungan mereka dengan golongan feudal atau pemerintah pada masa itu juga memperlihatkan unsur dua hala begini. Penentangan mereka terhadap *status quo* pada masa itu kadangkala kelihatan berbelah bagi. Barangkali ini kerana mereka juga terlibat secara peribadi dengan *status quo* pada masa itu. Lagipun, ada antara aspek pemerintahan pada masa itu yang agak secocok juga dengan aliran atau selera falsafah mereka. Voltaire adalah sejarawan diraja dan jawatannya ini kemudiannya diambil alih oleh ahli falsafah lain, iaitu Duclos. Menurut Hume, walaupun d'Alembert hidup sederhana, tetapi beliau mendapat wang pencen daripada lima sumber: daripada raja Prusia, raja Perancis, Akademi Sains, Akademi Perancis dan daripada keluarganya. Jika Montesquieu pernah membela parlimen Perancis menentang raja, maka Voltaire pula pernah membela raja menentang parlimen.

Oleh sebab terdapatnya sikap “benci-kasih” ahli falsafah ini terhadap *status quo* pada masa itu, dan juga kerana beberapa hal yang lain, maka terdapat perselisihan pendapat tentang sama ada pemikiran Kesedaran itu bertanggungjawab atau tidak terhadap pencetusan Revolusi Perancis.

Alfred Cobban, misalnya, menyangsikan adanya kaitan pemikiran Kesedaran dengan pencetusan Revolusi Perancis. Cobban lebih menekankan faktor sosioekonomi dalam penerangannya tentang pencetusan Revolusi Perancis. Seterusnya, dia menegaskan bahawa revolusi itu sebenarnya dimulakan oleh golongan bangsawan yang tidak bersimpati terhadap idea Kesedaran. Unsur diktator dan ganas yang kemudiannya lahir pada masa Revolusi Perancis juga bercanggah dengan semangat Kesedaran. Dari segi yang akhir ini, pendapat Cobban nampaknya agak sama dengan pendapat Peter Gay. Gay menyatakan bahawa ahli falsafah sebenarnya tidak berhajat untuk membawa prinsip persamaan melulu ke dalam kehidupan masyarakat. Gay mengatakan bahawa,

“Oleh sebab mereka mencari penghargaan, maka para ahli falsafah tidaklah begitu berhajat untuk menyamakan segala kedudukan, oleh sebab mereka mencari penghormatan, mereka tidaklah berniat untuk menghapuskan kehormatan.”¹⁸

J.M. Thompson juga menekankan faktor sosioekonomi dalam penulisannya. Thompson berpendapat bahawa rakyat Perancis tidak menghendaki ahli falsafah untuk

18 P. Gay 1967. *The Enlightenment: An Interpretation – The Rise of Modern Paganism*. London: Weidenfeld & Nicolson, hlm. 25. Walau bagaimanapun, terdapat dimensi lain kepada pendapat Gay dan Cobban ini. Lihat selepas ini.

menyatakan bahawa keadaan buruk di negara mereka adalah akibat daripada pengabaian terhadap hak-hak manusia. Menurutny lagi, proklamasi para pendukung revolusi yang terkandung dalam Perisytiharan Hak-hak Manusia dan Warganegara hanya merupakan bahan yang dikutip daripada rungutan rakyat yang terdapat dalam *cahiers* 1789.¹⁹

Sebaliknya, Rudé jelas mahu menekankan juga kepentingan idea Kesedaran ini. Dalam satu penulisannya, beliau mengatakan bahawa segala keperitan ekonomi, kepin-cangan sosial, kebuntuan politik dan harapan meninggi masih belum boleh menghasilkan satu revolusi. Satu penyatuan pemikiran, iaitu sesuatu yang boleh diistilahkan sebagai “psikologi revolusioner” masih diperlukan. Rudé berpendapat bahawa di sinilah para pemikir Kesedaran memainkan peranan mereka.²⁰ Dalam satu penulisannya yang lain pula, Rudé mengakui bahawa nyatalah golongan bawahan dan menengah bawahan tidak membaca penulisan Rousseau dan ahli falsafah lain secara terus. Namun begitu, Rudé berhujah bahawa terdapat bukti yang cukup untuk mengesahkan bahawa para penulis risalah politik menyadur idea daripada Rousseau dan ahli falsafah lain secara terus. Idea ini kemudiannya diserapkan, termasuk secara lisan, di kalangan rakyat jelata. Rudé seterusnya mengatakan bahawa kita juga mengetahui yang pertubuhan atau kelab tumbuh seperti cendawan di Perancis pada abad ke-18. Idea Kesedaran sering menjadi pokok perbincangan dalam pertubuhan ini.²¹

Dengan pernyataan Rudé ini mungkin timbul pula satu masalah lain dalam pentafsiran sejarah. Jika kita akui terdapatnya penyerapan idea di kalangan rakyat jelata, soal berkesan atau tidaknya penyerapan itu adalah satu persoalan yang berasingan pula. Jika kita tinjau pendapat beberapa orang ahli falsafah Kesedaran, mereka nampaknya tidak seoptimis Rudé. Kant dengan agak sinis mengatakan bahawa zamannya bukanlah satu zaman yang penuh kesedaran, tetapi zaman yang di dalamnya terdapat (pergerakan) Kesedaran. Pada satu ketika, Diderot mengadu kepada Hume dengan penuh kekecewaan,

“Oh ahli falsafah yang tercinta! Biarlah kita tangisi dan raungi nasib ahli falsafah. Kita mendakwahkan ilmu kepada si tuli, dan kita masih begitu jauh sekali dari zaman [keagungan] akal.”²²

Tentu kita juga boleh mempersoalkan ketepatan pendapat Kant dan Diderot ini. Mungkinkah mereka sendiri terlalu pesimis? Bagaimanakah dengan hujah Rudé yang telah diketengahkan sebelum ini? Jika hal ini mungkin diberikan pentafsiran yang berbeza maka begitulah juga halnya dengan persoalan tentang kesan idea Kesedaran terhadap perjalanan Revolusi Perancis itu sendiri. Segala tuntutan dan kegiatan yang terdapat pada masa Revolusi Perancis mungkin hanya berkebetulan sahaja bertepatan dengan beberapa aspek pemikiran Kesedaran. Falsafah Kesedaran mungkin dirujuk setelah revolusi bergerak rancak dan bukan sebenarnya jentera utama kepada revolusi itu sendiri. Seterusnya, kesannya (jika ada), terhadap satu peristiwa mungkin pula berbeza daripada

19 J.M. Thompson 1966. *The French Revolution*. Oxford: Basil Blackwell, hlm. 85–88.

20 G. Rudé, *Revolutionary Europe*, hlm. 74.

21 G. Rudé, *The Crowd in the French Revolution*, hlm. 211, *passim*.

22 P. Gay, *op. cit.*, hlm. 20.

kesannya terhadap peristiwa yang lain. Penentuan begini memerlukan kajian yang lebih lanjut. Namun, setelah dibuat kajian lanjut pun, kemungkinan timbulnya perbezaan pendapat masih tetap ada. Kajian yang mendalam mungkin boleh menjelaskan beberapa isu, tetapi ia tidak semestinya menjanjikan penghapusan perbezaan pendapat.

Dalam konteks begini, maka penerangan yang diketengahkan oleh Lefebvre, jelas memperlihatkan usaha untuk mencari perimbangan. Lefebvre ingin mengimbangkan peri mustahaknya faktor sosioekonomi dengan peri mustahaknya idea Kesedaran. Lefebvre menyesal kerana kepentingan idea Kesedaran sudah begitu lama sangat diperbesar-besarkan. Beliau mahukan faktor sosioekonomi diutamakan. Namun begitu beliau juga menulis,

“... Kita akan membuat kesalahan yang tidak kurangnya juga jika kita lupa bahawa tidak terdapat semangat revolusi tulen tanpa sesuatu idealisme [dan] hanya [inilah] yang boleh menyemarakkan pengorbanan.”²³

Pada dasarnya, perimbangan yang diketengahkan oleh Lefebvre ini, tidak berbeza dengan apa yang dilakukan oleh Rudé. Seterusnya, patut juga diperhatikan bahawa walaupun J.M. Thompson lebih mementingkan faktor sosioekonomi, beliau tidak pula menafikan pengaruh penulisan Rousseau pada peringkat akhir Revolusi Perancis.²⁴ Unsur yang begitu rupa juga terdapat dalam penulisan Cobban.²⁵

Selain penerangan yang mencari atau yang menekankan perimbangan ini terdapat satu lagi penerangan yang menarik. Penerangan yang dimaksudkan di sini ialah penerangan yang mempersoalkan pergerakan Kesedaran itu. Menurut penerangan ini, faktor yang penting di sebalik kejayaan pergerakan Kesedaran ialah kelemahan tekad yang terdapat di kalangan mereka yang sepatutnya mempertahankan *status quo* pada masa itu. Oleh sebab *status quo* pada masa itu menghadapi krisis kepercayaan terhadap diri sendiri, maka ia merasa goyah menghadapi pihak lawan. Krisis ini adalah akibat daripada kepincangan yang melanda beberapa institusi negara pada masa itu. Penentangan telah memburukkan lagi keadaan. Walaupun puak pendukung pemikiran Kesedaran juga tidak mempunyai kepercayaan kepada diri sendiri yang jitu, namun mereka beruntung kerana mereka berada di pihak yang menyerang dan bukannya di pihak yang bertahan. Ini memberikan mereka semangat yang lebih. Inilah intipati kepada penerangan yang diutarakan oleh Peter Gay.²⁶ Seperti penekanan atau aliran penerangan lain, penerangan Gay ini juga boleh dilanjutkan atau dibahaskan dengan meneliti semula pentafsiran terhadap setengah-setengah faktor ataupun dengan penemuan dan penggunaan bukti baru.

PROLOG KEPADA REVOLUSI?

Walau bagaimanapun, dari segi peristiwa khusus yang membawa kepada pencetus Revolusi Perancis, krisis kewangan kerajaan berikutan dengan penglibatannya dalam

23 Lefebvre, *op. cit.*, hlm. 50.

24 J. M. Thompson, *op. cit.*, hlm. 86.

25 A. Cobban 1968. *Aspects of The French Revolution*. London: Jonathan Cape, lihat Bab 1, Bab 2, Bab 5 dan Bab 14.

26 P. Gay, *op. cit.*, hlm. 27.

Perang Kemerdekaan Amerika sering disebut oleh ahli sejarah sebagai peristiwa yang penting. Untuk mengatasi masalah kewangan ini Raja Louis ke-XVI menghubungi para bangsawan menerusi Menteri Kewangan, Colonne. Baginda cuba mendapatkan persetujuan tentang pemansuhan pengecualian cukai terhadap bangsawan. Ada pendapat yang mengatakan bahawa dalam hal ini pihak raja telah hanya mendedahkan kelemahan sendiri. Raja sepatutnya memberikan arahan terus tanpa mengagih persetujuan.

Krisis ini dipergunakan oleh kaum bangsawan. Kaum bangsawan bersetuju dengan cadangan raja. Tetapi mereka juga memberikan syarat tertentu yang jika diterima akan memperkukuhkan kedudukan mereka pula. Antara syarat yang dikemukakan ialah agar golongan mereka, *Noblesse d'Epee*, diberi keutamaan bagi jawatan tinggi kerajaan. Nampaknya, mereka cuba “menanggung di air yang keruh”. Inilah juga apa yang dikatakan sebagai “kebangkitan semula golongan bangsawan”. Ini juga kerap disebut sebagai babak awalan, atau prolog kepada Revolusi Perancis sebenarnya. Apakah ini salah satu hal yang menunjukkan bahawa masa pemulihan adalah masa yang lebih merbahaya kepada kerajaan daripada masa apabila kuasa autokratik itu tetap dipertahankan? Betulkah pendapat Tocqueville dalam hal ini? Bagi saya jawapan kepada soalan ini boleh diberikan dari beberapa sudut yang berbeza-beza. Namun, saya tidak akan menyentuh hal ini di sini.

Ekoran daripada percubaan Raja Louis ke-XVI untuk mengenakan cukai terhadap para bangsawan Perancis, timbul perselisihan faham antara para bangsawan dengan Menteri Kewangan. Akibatnya, golongan bangsawan pula menegaskan bahawa hak untuk meluluskan pemungutan cukai terletak di tangan parlimen. Seperti yang telah dinyatakan, parlimen ini sebenarnya telah tidak bersidang sejak tahun 1614.

Pihak kerajaan bersetuju untuk memanggil parlimen bersidang semula. Tarikh untuk persidangan itu telah ditetapkan pada 1 Mei 1789. Sebelum pilihan raya bermula, rakyat Perancis diberi peluang untuk meluahkan segala rasa tidak puas hati mereka terhadap pihak pemerintah. Ini mereka lakukan melalui satu bentuk surat keliling atau rayuan (*cahiers* 1789). Oleh sebab tidak terdapat sentimen antimonarki dalam *cahiers* 1789 ini, maka ada pendapat yang mengatakan bahawa pada peringkat permulaannya Revolusi Perancis bukanlah sesuatu yang menentang sistem pemerintahan beraja.²⁷ Walau bagaimanapun, perkembangan politik yang agak mendadak ini telah meniupkan harapan baru di kalangan rakyat jelata. Mereka berharap raja akan melakukan sesuatu yang drastik bagi memperbaiki keadaan hidup mereka.

Setelah selesai pilihan raya umum, parlimen bersidang buat kali pertamanya pada 5 Mei 1789. Menurut tradisi politik Perancis, para perwakilan ke parlimen diatur di dewan berdasarkan tiga golongan, atau estet, yang terdapat di Perancis, iaitu Estet Pertama, Estet Kedua dan Estet Ketiga. Para perwakilan ini duduk berasingan di bahagian yang di-khaskan untuk estet masing-masing. Undian dijalankan menurut suara estet dan bukan suara majoriti semua ahli parlimen. Jadi, sekiranya Estet Pertama dan Estet Kedua menyokong sesuatu usul, maka Estet Ketiga tidaklah berupaya untuk mengemukakan apa-apa bantahan. Tetapi dalam perkembangan politik yang terbaharu di Perancis pada masa itu, ahli perwakilan Estet Ketiga telah ditambah sekali ganda daripada jumlah dahulu. Tindakan pemerintahan ini tentulah menguntungkan Estet Ketiga sekiranya pengundian

27 C. Brinton 1963. *A Decade of Revolution 1789–1799*. New York: Harper & Row Pub., hlm. 23.

dikendalikan secara undian bebas (atau secara suara majoriti), dan bukannya menurut blok. Golongan ini juga mungkin dapat memancing beberapa undi tambahan daripada Estet Kedua ataupun Estet Pertama. Lantas, Estet Ketiga menentang tradisi undian secara blok. Estet yang lain tidak mahu mengalah. Persidangan parlimen menemui jalan buntu pada peringkat awal lagi. Dalam kebuntuan ini, iaitu pada 17 Jun 1789, Estet Ketiga mengisytiharkan golongan mereka sebagai Dewan Kebangsaan, iaitu parlimen negara. Mereka telah disekat daripada masuk ke dewan persidangan oleh raja. Mereka mengambil tindakan balas serta-merta. Mereka berkumpul di gelanggang tenis dan mengangkat ikrar mereka sendiri. Inilah salah satu peristiwa yang kemudiannya menjadi begitu masyhur dalam sejarah Revolusi Perancis. Dalam Ikrar Gelanggang Tenis pada 20 Jun 1789 ini, mereka mengisytiharkan bahawa “di mana ahli mereka berkumpul maka di situlah Dewan Kebangsaan (parlimen) akan bersidang”.²⁸ Mereka juga menegaskan bahawa mereka tidak membubarkan persatuan mereka “sehingga perlembagaan negara disediakan dan dimeteraikan di atas asas yang teguh terlebih dahulu”.²⁹

Setelah berlakunya peristiwa Ikrar Gelanggang Tenis ini, Menteri Kewangan Perancis yang baharu, Necker, menyatakan kesediaannya untuk bertolak ansur dengan pihak Estet Ketiga. Permaisuri Marie Antoinette tetap berkeras tidak mahu berkompromi. Setengah-setengah golongan berpendapat bahawa wanita bangsawan dari Austria ini mempunyai pengaruh yang kuat di istana. Oleh itu, ia sering juga menjadi matlamat kecaman golongan revolusioner.³⁰ Raja pada masa itu gagal memperlihatkan sesuatu pendirian yang tegas. Misalnya, walaupun askar yang bergerak di sekitar ibu negara, Versailles telah dikerahkan bersiap sedia, mereka tidak dibekalkan dengan apa-apa arahan yang tertentu. Ura-ura untuk berkompromi dan kerahan atau gertakan tentera ini tidak menghasilkan apa-apa kesan terhadap para pemberontak. Sebaliknya, terdapat tanda-tanda yang menunjukkan bahawa kedudukan para pemberontak bertambah kukuh. Pada 19 Jun lagi, orang bawahan dalam hierarki Gereja (*clericals*), telah memihak kepada Estet Ketiga. Tiga hari kemudiannya dua orang Ketua Biskop (*Archbishops*) berserta dengan 150 orang para pengikut mereka juga berpaling tadah. Pada hari berikutnya, iaitu pada 23 Jun, Raja Louis ke-XVI mengemukakan satu tawaran yang memungkinkan penubuhan satu bentuk sistem monarki berperlembagaan. Dalam tawaran yang dibuatnya di parlimen ini, Raja Louis ke-XVI, antara lain, masih mahu perbezaan estet di Perancis dikekalkan. Raja Louis ke-XVI juga mengisytiharkan pembentukan Dewan Kebangsaan oleh Estet Ketiga enam hari sebelum itu sebagai sesuatu yang tidak sah di sisi undang-undang. Namun, Raja Louis ke-XVI juga menyatakan kemungkinan diadakan persidangan bersama antara ketiga-tiga estet, sekiranya keizinan daripada raja diperoleh terlebih dahulu. Seterusnya terdapat peruntukan lain yang jelas cuba mengimbangi antara kuasa raja dengan parlimen. Misalnya, Artikel 10 dokumen ini (Perisytiharan Diraja tentang Persidangan Parlimen Sekarang) berbunyi,

“Revolusi yang dibuat bersama oleh ketiga golongan (estet) tentang kuasa yang

28 R.R. Palmer, *op. cit.*, hlm. 56.

29 *Ibid.*

30 Lihat P.H. Beik (ed.) 1970. *The French Revolution*. New York: Harper & Row Pub., hlm. 176–85 dan Brinton; *op. cit.*, hlm. 9–10.

dipertikaikan, iaitu hasil daripada rayuan kepada parlimen daripada pihak yang berkenaan, akan ditentukan dengan undian suara terbanyak; tetapi sekiranya dua pertiga daripada ahli mana-mana satu estet menentang keputusan parlimen itu, maka perkara itu akan dirujuk kepada raja, bagi mendapatkan penyelesaian yang muktamad daripada baginda.”³¹

Tetapi tawaran daripada Raja Louis ke-XVI ini tidak mendapat apa-apa sambutan daripada mana-mana estet pun. Mungkinkah para pemberontak sudah lebih berkeyakinan terhadap perjuangan mereka dan usaha Raja Louis ke-XVI untuk mencari penyelesaian itu hanya dilihat mereka sebagai satu langkah cemas daripada seorang raja yang sudah hampir tewas? Apakah tawaran Raja Louis ke-XVI ini boleh disifatkan sebagai sesuatu yang terlalu sedikit isinya dan terlalu lambat pula tibanya?

KEJATUHAN BASTILLE

Selepas peristiwa 23 Jun ini, tempo revolusi bertambah rancak. Kegelisahan di Versailles merebak ke serata Perancis. Dari tanggal 12 Julai, pergeseran telah mula berlaku antara kumpulan orang awam dengan pihak tentera. Ketegangan ini menempa satu tahap baharu pada 14 Julai. Pada hari itu orang ramai, dalam usaha mereka mencari senjata, menyerang Bastille. Bastille jatuh ke tangan para pemberontak.

Dari segi ketenteraan, kejatuhan Bastille tidaklah membawa sesuatu makna yang besar. Pada masa itu, Bastille hanya dikawal oleh lapan puluh orang tentera yang sudah bersara dan tiga puluh orang para pengawal Swiss. Pada mulanya golongan yang berada di Bastille tidak menentang para penyerang. Terdapat kemungkinan kedua-dua pihak bertolak ansur pada peringkat ini. Namun pertempuran telah berlaku juga apabila keghairahan orang ramai melimpah ruah.³²

Sebaliknya pula, dari segi politik kejatuhan Bastille merupakan suatu peristiwa yang penting. Bastille ialah sebuah bangunan tempat para banduan politik ditahan. Bangunan ini merupakan lambang order lama. Jadi, kejatuhan Bastille bererti kejatuhan pemerintahan lama; atau sekurang-kurangnya kejatuhan ini memperlihatkan kelemahan rejim lama. Kejatuhan Bastille juga telah memberikan semangat dan kekuatan baru kepada para pemberontak. Raja Louis ke-XVI merasa kian terancam. Pada hari kejatuhan Bastille, Raja Louis ke-XVI berangkat ke Dewan Kebangsaan atau parlimen di Versailles. Di parlimen, dia menarik balik tawaran 23 Junnya dan menyatakan sangka baiknya terhadap revolusi. Akibat daripada ini, Dewan Kebangsaan yang telah dibentuk oleh Estet Ketiga terhindar daripada pemansuhan. Dewan Kebangsaan mendapat nafas baru. Tiga hari kemudian Raja Louis menemui ahli baru majlis bandaran. Sekali lagi kemungkinan Revolusi Perancis menemui satu titik penyelesaian kelihatan, tetapi rupanya arus revolusi telah ditakdirkan tidak berakhir di sini. Salvemini mengatakan bahawa:

“Selepas 14 Julai, raja Perancis adalah raja pada nama sahaja.”³³

31 P.H. Beik (ed.), *op. cit.*, hlm. 74.

32 G. Rudé, *The Crowd in The French Revolution*, hlm. 33–35.

33 G. Salvemini, *op. cit.*, hlm. 129.

Di bandar-bandar lain di Perancis, jawatankuasa rakyat mengambil alih tugas pegawai kerajaan dan membentuk pasukan askar sendiri serta mengisytiharkan sokongan mereka kepada Dewan Kebangsaan. Pada penghujung bulan Julai, iaitu selepas peristiwa Bastille, keadaan cemas dan huru-hara merebak ke serata negara. Keadaan ini, yang disebut sebagai Kecemasan Besar, merupakan puncak kepada rusuhan yang terdapat sebelum itu dan berpunca daripada khabar angin dan berita palsu tentang kedatangan para penjajah, keganasan di tempat lain dan rancangan para bangsawan mahu memaksakan pula pemerintahan cara mereka. Para petani telah menyerang golongan tuan tanah dan menuntut penghapusan cukai. Kerap kali juga mereka membakar surat perjanjian serta rumah tuan tanah. Ramai tuan tanah melarikan diri. Terdapat juga golongan rakyat bawahan yang lari mencari perlindungan di kawasan hutan dan di gua. Di desa-desa, misalnya di utara Perancis, rusuhan sudah sebenarnya bermula sejak bulan Mei. Akibat daripada krisis yang berlarutan ini, sistem sosioekonomi desa mengalami proses kehancuran.

Ahli Estet Pertama dan Estet Kedua yang merasa terancam oleh Revolusi Perancis sebenarnya lari meninggalkan Perancis lebih awal lagi. Mereka lari ke negara Eropah yang lain seperti Austria dan Prusia yang juga mempunyai sistem pemerintahan cara monarki. Golongan pelarian kelas atasan yang dikenali sebagai *émigrés* ini, telah berusaha untuk mendapatkan bantuan daripada kuasa luar yang antirevolusi. Mereka mahu menumpaskan Revolusi Perancis.

PENCETUSAN REVOLUSI: SIAPA YANG BERTANGGUNGJAWAB?

Untuk menentukan golongan yang sebenarnya bertanggungjawab mencetuskan Revolusi Perancis, para sarjana bertikai pendapat. Perbezaan pendapat juga terdapat tentang siapakah yang sebenarnya terlibat dalam pergerakan yang cergas bertindak pada masa revolusi kencang melanda Perancis. Kedua-dua kontroversi ini boleh juga dikaitkan dengan perdebatan yang ingin menentukan jenis revolusi yang telah berlaku itu. Apakah ia revolusi rakyat, revolusi borjuis (kelas menengah) ataupun ia adalah revolusi para birokrat?

Alfred Cobban dan Elizabeth Eisenstein, misalnya, mengatakan Revolusi Perancis itu tidak wajar dinamakan revolusi borjuis kerana bukan golongan borjuis yang mula-mula mencetuskannya. Cobban tidak bersetuju dengan penekanan bahawa Revolusi Perancis itu digerakkan oleh golongan borjuis yang taraf ekonomi mereka kian meningkat dan mahukan pengiktirafan sosial yang setanding pula. Cobban berpendapat puak penggerak revolusi itu ialah para pegawai rendah kerajaan yang kecewa kerana tidak dapat naik pangkat disebabkan mereka bukan daripada golongan bangsawan. Cobban menonjolkan kepada kita betapa besarnya peratus pegawai rendah kerajaan dalam Dewan Perlembagaan dan Perhimpunan Kebangsaan.³⁴

Eisenstein pula menegaskan bahawa peristiwa kebangkitan semula golongan bangsawanlah yang merupakan titik permulaan Revolusi Perancis. Pada peringkat awal Revolusi Perancis, kaum borjuis hanya mengikut arus antiraja yang dipelopori oleh kaum

34 A. Cobban, *op. cit.*, hlm. 104 dan lampiran pada hlm. 109–11.

bangsawan. Eisenstein seterusnya mengatakan bahawa kaum borjuis menganggap pimpinan daripada kaum bangsawan dalam sesuatu gerakan sebagai sesuatu yang memang kena pada tempatnya, sesuatu yang sudah semula jadi.³⁵

Kedua-dua pandangan yang dikemukakan oleh Cobban dan Eisenstein ini memang ada betulnya. Walaupun begitu, tanggapan bahawa Revolusi Perancis itu ialah revolusi borjuis masih boleh dipertahankan daripada beberapa sudut yang lain. Lefebvre, misalnya, tidak menyangkal yang para pegawai rendah penting dalam menggerakkan Revolusi Perancis. Tetapi berlainan daripada Cobban, Lefebvre juga menggolongkan pegawai rendah ini ke dalam kelas borjuis dan tidak ke dalam satu kumpulan yang asing. Seterusnya, memang agak sukar untuk kita menemui seseorang ahli sejarah yang menidakkan peranan para bangsawan dalam memulakan rantaian peristiwa yang kemudiannya dikenali sebagai Revolusi Perancis. Pemimpin awal revolusi yang terkenal seperti Mirabeau dan Lafayette adalah daripada golongan bangsawan. Tetapi secara keseluruhannya, golongan yang mendapat keuntungan paling ketara daripada Revolusi Perancis ialah golongan borjuis. Dari segi ini, Revolusi Perancis masih boleh digambarkan sebagai revolusi borjuis dan inilah pendekatan yang dibuat oleh ramai ahli sejarah. Jadi, kontroversi ini nampaknya berpunca daripada pendekatan ataupun pengistilahan yang berbeza.

Kontroversi tentang keanggotaan pergerakan yang mendukung revolusi boleh juga dilihat sebagai satu lagi manifestasi perbezaan pendekatan dalam penulisan sejarah. Perbezaan ini ialah antara kaedah yang agak tradisional dan berunsur *impressionistic*, dengan kaedah yang mementingkan unsur kuantitatif. Untuk mengetahui pendekatan kuantitatif ini, buku yang dihasilkan oleh Rudé, *The Crowd in The French Revolution* boleh dijadikan contoh. Dalam penulisannya, Rudé tegas melahirkan rasa tidak senangnya terhadap para sarjana dahulu seperti Taine dan Burke yang mencemuh para pendukung Revolusi Perancis sebagai rakyat yang tidak keruan. Untuk memastikan komposisi para aktivis pada masa revolusi, Rudé merujuk pada rekod polis, mahkamah dan Jawatankuasa Kesejahteraan Awam. Daripada sumber-sumber ini, Rudé mendapati mereka yang turut serta untuk membangkitkan perasaan rakyat pada masa Revolusi Perancis terdiri daripada golongan menengah bawahan atau golongan bawahan seperti peniaga kecil, ahli pertukangan, buruh dan rakyat miskin di kota. Mereka inilah yang diberikan gelaran *sans-culottes*. (Daripada pengertian politiknya, istilah *sans-culottes* ini juga digunakan bagi para pemimpin revolusioner yang sebenarnya mempunyai kedudukan sosial yang lebih tinggi daripada golongan yang dinyatakan tadi. Ahli sejarah kerap menggunakan istilah *sans-culottes* ini daripada pengertian politiknya). Rudé menganggap bahawa gambaran tentang rakyat yang giat terlibat dalam revolusi itu sebagai golongan penjahat, penjenayah dan sampah masyarakat sebagai gambaran yang keterlaluan.³⁶

Walaupun Rudé menekankan penglibatan golongan bawahan dan menengah bawahan, dia tidak menafikan kepimpinan yang telah diberikan oleh golongan liberal atasan. Dalam hal ini, beliau tetap akur kepada pendapat para sarjana lain seperti Cobban dan

35 E. Eisenstein, "Was the 'Bourgeois Revolt' Bourgeois?" dalam F.A. Kafker & J.A. Laux (ed.) 1968. *The French Revolution: Conflicting Interpretations*. New York: Random House, hlm. 59–60.

36 G. Rudé, *The Crowd in The French Revolution*, lihat hlm. 2–5, *passim*.

Lefebvre. Namun begitu Rudé juga mahu menekankan bahawa golongan bawahan itu bukanlah hanya mereka yang bersikap sebagai “pak turut” yang hanya mengikut gerak telunjuk para pemimpin daripada golongan atasan. Beliau tidak senang dan tidak bersetuju dengan pendapat ahli sejarah seperti Taine yang mendakwa bahawa pada keseluruhannya para pemberontak telah mendapat rangsangan hanya kerana adanya sogokan dan peluang untuk merampas harta benda.³⁷

Pendapat yang mirip kepada aliran pemikiran Taine juga terdapat dalam penulisan Salvemini. Malah Salvemini merujuk pada penulisan Taine apabila beliau menekankan bahawa hanya sebilangan kecil daripada rakyat Perancis yang menunjukkan minat terhadap revolusi. Jadi, jumlah yang betul-betul mengambil bahagian dalam proses politik revolusi itu sendiri seperti menghadiri ceramah dan mengundi tentulah sangat kecil.³⁸

Memanglah sukar untuk menafikan bahawa statistik yang dipungut dan dikemukakan oleh Rudé dalam bukunya *The Crowd in The French Revolution* hanya mewakili sebahagian kecil daripada jumlah seluruh penduduk Perancis pada masa itu. Lagipun, koleksi data ini hanya terhad kepada beberapa kebangkitan tertentu seperti serangan terhadap Bastille (Julai 1789), peristiwa *Champ de Mars* (Julai 1791) dan serangan terhadap istana Tuileries (Ogos 1792). Namun, sukar juga hendak dinafikan bahawa dari segi kekukuhan bukti, penulisan dan rumusan Rudé yang berasaskan koleksi data ini adalah lebih meyakinkan daripada penulisan ahli sejarah yang tidak mengemukakan data yang konkrit, iaitu penulisan yang berunsur *impressionistic* seperti penulisan Taine dan Burke.

Persoalan di atas juga, boleh menimbulkan satu lagi persoalan yang tidak juga kurang penting. Ini adalah bersabit dengan dakwaan bahawa revolusi itu telah dikendalikan oleh golongan minoriti, sementara golongan majoriti telah tidak mengambil bahagian yang cergas. Hal yang sebegini hanya mungkin dijadikan hujah untuk memperkecilkan penghasilan dan pergerakan revolusi sekiranya jelas terbukti bahawa politik prarevolusi di Perancis telah sebenarnya melibatkan penyertaan cergas segolongan besar rakyat Perancis. Sebaliknya, jika ini tidak dapat dibuktikan, maka tidak begitu wajarlah bagi seseorang itu menyelar revolusi yang telah berlaku itu dari segi ini. Seterusnya, seseorang itu mungkin juga menegaskan bahawa dalam mana-mana sistem masyarakat pun, golongan majoriti, walaupun diberi atau tidak diberi peluang untuk cergas berpolitik, akan akhirnya “terpaksa mewakili” juga kuasa mereka kepada satu golongan kecil. Sekiranya kebenaran penegasan begini diterima, maka sekali lagi kritik terhadap Revolusi Perancis berdasarkan isu minoriti kelihatan sukar untuk dipertahankan. Dengan perkataan lain, kritik terhadap revolusi itu, jika ia mahu dibuat, patutlah dibuat dari sudut atau landasan yang lain.

KELAB-KELAB POLITIK

Golongan minoriti kerap menempa kejayaan dalam sejarah kerana golongan ini sering memperlihatkan kegigihan yang lebih hebat daripada golongan lawan. Golongan ini juga

37 *Ibid.*, hlm. 191.

38 G. Salvemini, *op. cit.*, hlm. 217.

mendapat semangat atau galakan yang lebih sekiranya mereka yakin bahawa yang ditentang itu adalah sesuatu yang sebenarnya patut ditentang. Sebaliknya, golongan majoriti mungkin pula berasa terlalu yakin dengan diri sendiri. Golongan ini mungkin menjadi semacam terpesona sendiri tatkala memandangkan kekuatan luaran yang dimilikinya. Seterusnya pula, jika golongan majoriti itu terdiri daripada golongan yang berkecuali, yang tidak peduli atau yang hanya menantikan masa dan ketika untuk memberikan ikrar taat setianya kepada pihak yang menang, maka status minoriti tidaklah semestinya menjadi sesuatu yang terlalu ditakuti dalam mana-mana perjuangan.

Pada masa Revolusi Perancis, memang terdapat golongan penentang *status quo* yang bergerak secara berpersatuan. Golongan yang paling dinamik dan terkenal ialah Kelab Jacobin. Pada mulanya, kelab ini dikenali sebagai Kelab Breton kerana anggotanya hanya terdiri daripada ahli parlimen yang datang dari daerah Breton. Kemudian ahli dari daerah lain telah juga diterima menjadi anggota. Kumpulan ini telah membincangkan terlebih dahulu sesama mereka langkah politik yang kemudiannya dilaksanakan seperti keputusan untuk mengisytiharkan Dewan Kebangsaan pada 17 Jun dan tindakan memansuhkan feudalisme pada 4 Ogos 1789. Apabila parlimen berpindah dari Versailles ke Paris, selepas kebangkitan menentang raja pada bulan Oktober tahun 1789, Kelab Breton ini dibubarkan. Namun begitu, masih terdapat juga ahlinya yang mahukan satu persatuan. Lantas beberapa orang daripada mereka menyewa satu bilik di biara rahib mazhab Dominik yang dikenali di Perancis sebagai Jacobin. Kemudian mereka menubuhkan “Persatuan Sahabat Perlembagaan yang bertempat di Jacobin Paris”. Akhirnya, kelab ini dikenali sebagai Kelab Jacobin sahaja, dan pada bulan Disember 1790, kelab ini mempunyai seramai 100 orang ahli. Dalam perjumpaan penting, terdapat sehingga 1000 orang ahli dan lebih kurang 2000 orang pemerhati yang hadir. Keahliannya hanya terbatas kepada warganegara yang “aktif” dan orang ramai tidak dibenarkan menghadiri perjumpaannya. Unsur elitis persatuan ini telah dicemuh oleh Marat. Pada bulan Julai tahun 1790, Marat mengkritik Kelab Jacobin dengan mengatakan bahawa,

“Apakah yang boleh diharapkan daripada perhimpunan orang bebal ini, yang mengidamkan persamaan, berbangga dengan amalan persaudaraan, dan menyingkirkan golongan miskin, yang mereka, walau bagaimanapun, mengisytiharkan sebagai orang bebas?”³⁹

Marat adalah ahli kelab yang lebih radikal dan demokratik daripada Kelab Jacobin, iaitu Kelab Cordelier. Ahli lain yang terkenal ialah Danton, Demoulins, Herbert dan Cloutz. Perjumpaan Kelab Cordelier adalah terbuka kepada orang ramai tanpa mengira kedudukan.

Selain dua kelab ini, terdapat persatuan lain seperti Persatuan Persaudaraan Lelaki Wanita, Persatuan Golongan Miskin, Persatuan Kebebasan, Persatuan Pemusuh Despotisme, Persatuan Pencinta Undang-undang dan Persatuan Sahabat Kebenaran. Kebanyakan persatuan ini tidak kekal lama dan penganjurnya turut juga bergabung dengan Kelab Cordelier. Mereka melancarkan propaganda bagi menerangkan kepada kaum

39 *Ibid.*, hlm. 219.

pekerja tentang matlamat revolusi dan falsafahnya, kandungan akhbar-akhbar dan undang-undang yang telah diluluskan oleh parlimen. Mereka juga memberikan komen mereka. Dengan cara begini, mereka berjaya mendekatkan lagi kaum pekerja Paris kepada pergerakan revolusioner.

Pada penghujung tahun 1789 hingga bulan Jun tahun 1790, persatuan politik juga telah ditubuhkan di kota besar Perancis yang lain. Persatuan ini kebanyakannya telah bergabung dengan Kelab Jacobin di Paris. Jumlah yang bergabung ini meningkat daripada 152 pada bulan Ogos tahun 1790 kepada 227 pada bulan Mac tahun 1791 dan kepada 406 dalam masa beberapa bulan kemudian. Pada masa kejatuhan monarki (September 1792), terdapat lebih daripada 1000 persatuan yang bergabung dengan Kelab Jacobin. Seterusnya, persatuan-persatuan kecil yang bergabung dengan persatuan induk di Paris ini juga mempunyai cawangannya di merata bandar kecil dan desa.

Persatuan ini semua telah tumbuh secara spontan. Ia telah berkembang seiringan dengan institusi pentadbiran yang dihasilkan oleh undang-undang baharu pada masa revolusi. Birokrasi rejim lama telah hampir dimusnahkan sama sekali oleh Dewan Kebangsaan yang curiga terhadap ketaatsetiaan ahli kerajaan pusat pada masa itu. Jadi, dalam keadaan begini, Kelab Jacobin, dengan hierarki persatuannya yang tersusun, telah muncul sebagai satu-satunya pertubuhan politik yang berkesan dan berpengaruh. Rakyat Perancis nampaknya bersedia menyerahkan mandat pemerintahan kepada Kelab Jacobin. Kelab Jacobin dilihat sebagai satu kubu yang boleh menangkis pengembalian semula feudalisme ke Perancis. Robespierre, Saint Just dan beberapa orang tokoh lain dalam Kelab Jacobin telah meningkat ke mercu kekuasaan mereka dalam rangka tugas yang begini. Robespierre jatuh daripada puncak kekuasaannya apabila beliau kemudiannya dilihat oleh setengah-setengah golongan sebagai sama atau lebih merbahaya daripada feudalisme itu sendiri.

PENGUKUHAN REVOLUSI

Setelah raja menarik balik tawaran 23 Jun 1789 dan menyatakan pandangan baiknya terhadap revolusi, raja terus pula mengiktiraf Dewan Kebangsaan. Nama Dewan Kebangsaan kemudiannya diubah menjadi Dewan Perlembagaan dan telah bersidang hingga bulan September tahun 1791. Dalam masa lebih kurang dua tahun ini, Perancis telah menyaksikan satu proses pengukuhan revolusi. Ini dilakukan biarpun ancaman terhadap revolusi itu sendiri masih terdapat. Dari segi prinsip dan semangat, Dewan Perlembagaan ini telah menyediakan asas kepada perkembangan masyarakat Perancis moden. Beberapa ciri pemerintahan yang wujud pada masa itu masih kekal di Perancis hingga hari ini.

Pada 4 Ogos 1789, kaum bangsawan yang masih tidak meninggalkan Dewan Perlembagaan bersetuju memansuhkan sendiri hak-hak keistimewaan mereka. Sistem pembayaran cukai kepada Gereja juga dihapuskan. Pada 26 Ogos, Dewan Perlembagaan meluluskan Perisytiharan Hak-hak Manusia dan Warganegara (lihat Lampiran I). Perisytiharan ini menerapkan banyak falsafah Kesedaran di dalamnya. Hasilnya, satu sistem cukai yang baru diperkenalkan. Cukai dikutip secara terus dan kadarnya dikira agar berpadanan dengan harta milik seseorang itu. Sistem kehakiman juga disusun semula. Segala gelaran dan darjat feudal dihapuskan. Semua rakyat membahaskan diri mereka dengan gelaran *citoyen*. Dalam bidang ekonomi, sistem ekonomi bebas diperkenalkan.

Perniagaan secara kecil-kecilan diberikan galakan yang khusus oleh pemerintah. Segala ini merupakan lambang order baru. Dengan langkah-langkah ini, Dewan Perlembagaan berharap rakyat akan lebih menyokong mereka dan yakin kepada pemerintahan baru.

Namun begitu, patut juga diingat bahawa penghapusan hak keistimewaan feudal dan sistem pembayaran cukai kepada Gereja ini bukanlah sebenarnya merupakan idea Dewan Perlembagaan yang asli. Para petani telah pun mengambil tindakan mereka sendiri menghapuskan perkara ini. Oleh sebab itu, Palmer menyatakan bahawa Dewan Perlembagaan telah mengesahkan apa yang tidak dapat dielakkannya.⁴⁰

PERLEMBAGAAN SIVIL GEREJA

Satu lagi langkah penting yang dilaksanakan oleh pihak pemerintah dalam usahanya memperkukuhkan kuasa ialah tindakan mengambil alih atau melucutkan kuasa yang dimiliki oleh pihak Gereja. Seperti yang disebutkan di atas, pada bulan Ogos tahun 1789 pihak Gereja telah hilang hak mengutip cukai agama. Pada bulan yang sama, dengan Perisytiharan Hak-hak Manusia dan Warganegara, mereka yang tidak menganut mazhab Katolik telah dibenarkan menjawat jawatan awam. Pada bulan November pula, harta Gereja, yang dianggarkan sama nilainya dengan hutang negara, telah dimiliknegerakan sekali gus. Kemudian pada 12 Julai 1790, pihak pemerintah menggubal dan mengisytiharkan pula apa yang dinamakan Perlembagaan Sivil Gereja.

Semua langkah anti-Gereja ini, terutama Perlembagaan Sivil Gereja, telah memecahkan perpaduan hierarki Gereja khususnya, dan rakyat Perancis amnya. Dengan perlembagaan baru ini, ahli Gereja telah bertukar menjadi orang yang makan gaji dengan pihak pemerintah. Perlantikan biskop disahkan oleh pihak pemerintah. Paus di Kota Vatican tidak mempunyai kata pemutus dalam soal ini. Semua paderi dilantik menerusi pilihan raya dan hanya mereka yang mendapat kelulusan daripada biskop yang boleh menjadi calon. Sebagai langkah untuk memastikan wujudnya sokongan pihak Gereja terhadap pemerintah, semua ahli Gereja mesti mengangkat ikrar taat setia kepada pemerintah. Semua ahli Gereja yang menyokong peraturan baru ini dinamakan Ahli Gereja Perlembagaan, dan mereka yang membantah telah dinamakan Ahli Gereja yang Ingkar.

Sebenarnya, perlantikan biskop oleh pemerintah bukanlah satu unsur baru. Pada zaman pemerintahan beraja pun, memanglah raja yang melantik biskop. Cuma bezanya, dan perbezaan ini mustahak, raja berikrar mempertahankan agama walhal pemimpin revolusi tidak menunjukkan sikap proagama. Jika dahulu pihak Gereja merupakan satu institusi yang tersendiri dan mempunyai sumber kewangan sendiri, pada masa selepas revolusi keadaan sudah berubah. Tanda-tanda dan peraturan yang menunjukkan bahawa paksan berkuasa Gereja adalah di bawah takluk kuasa pemerintah sudah menjadi jelas. Di beberapa tempat, ahli Gereja yang tidak bersetuju dengan perkembangan baru ini menjadi sasaran puak pelampau revolusi. Keadaan tegang ini berterusan di sepanjang zaman revolusi. Pada peringkat akhir zaman ini, Robespierre misalnya, walaupun tidak menyetujui sikap puak pelampau yang anti-Gereja dan agama, tetap mahukan agar politik atau negara itu mengatasi kedudukan agama. Robespierre tidak mahu terus menyingkirkan

40 R. R. Palmer, *op. cit.*, hlm. 62.

agama kerana beliau sedar akan peri mustahaknya dan berakar umbinya kepercayaan agama di kalangan rakyat Perancis. Oleh itu, jalan keluar baginya ialah mengawal agama. Kedudukan Gereja dan agama dalam penghidupan harian rakyat dan pemerintahan negara semakin menurun. Oleh itu, tercetuslah apa yang kemudiannya, dikenali dengan istilah sekularisme. Revolusi Perancis telah mewariskan fahaman ini ke negara lain di Eropah, malah negara di luar Eropah telah juga turut dijangkiti oleh fenomena ini kemudiannya.

ANCAMAN TERHADAP REVOLUSI

Seperti yang telah dikatakan, kaum *émigrés* yang meninggalkan Perancis telah berusaha mendapatkan pertolongan luar bagi menumpaskan revolusi. Antara raja Eropah yang giat memberikan kerjasama mereka kepada kaum *émigrés* ialah raja Austria dan raja Prusia. Ancaman daripada luar ini juga mendapat galakan daripada peristiwa di dalam negeri Perancis sendiri. Semua peristiwa ini berpunca daripada sikap saling syak wasangka yang berterusan antara raja dengan puak pendukung revolusi.

Antara perkara yang menyebabkan para pendukung revolusi menjadi sangsi terhadap Raja Louis ke-XVI ialah sikap “talam dua muka”nya terhadap Perlembagaan Sivil Gereja. Secara rasminya, Raja Louis ke-XVI mempersetujui Perlembagaan Sivil Gereja ini, tetapi untuk urusan agamanya secara peribadi, beliau mendapatkan khidmat daripada paderi yang membangkang perlembagaan ini. Kemudian, pada bulan Julai tahun 1791 pula, Raja Louis ke-XVI berserta keluarganya telah ditangkap apabila mereka cuba lari meninggalkan Perancis. Raja Louis ke-XVI bertujuan untuk kembali semula ke Perancis dengan tentera Austria bagi membela semula kedudukan kuasanya yang sudah begitu terjejas. Raja Louis ke-XVI sudah tidak lagi mempunyai kuasa mutlak dan tidak berasa senang dengan keadaan itu. Sikap acuh tidak acuh Raja Louis ke-XVI terhadap revolusi barangkali mencerminkan ketidakpastiannya tentang sama ada baginda boleh mengatasi keadaan baru itu atau tidak, dan sama ada kuasa luar akan memberinya pertolongan atau tidak.

Percubaan Raja Louis ke-XVI untuk melarikan diri menjadi bukti yang jelas bahawa beliau tetap menjadi musuh revolusi. Peristiwa ini melahirkan pula sebuah parti yang menentang terus sistem monarki dan menuntut agar Perancis dijadikan sebuah republik. Penyokong parti ini telah berhimpun di Champ de Mars pada 17 Julai 1791. Di situ, pertempuran telah berlaku antara mereka dengan Pengawal Kebangsaan sehingga lebih kurang 50 orang terbunuh. Ekoran daripada itu, Kelab Jacobin terbahagi dua: Jacobin yang prorepublik, dan Feuillant yang promonarki. Selain itu, tempat kediaman raja juga telah dipindahkan dari Versailles ke Paris. Di Paris, raja lebih mudah diawasi.

Penangkapan Raja Louis ke-XVI yang cuba meninggalkan Perancis menggemparkan raja Eropah yang lain. Pada 27 Ogos 1791, maharaja Austria dan raja Prusia membuat Perisytiharan Pillnitz. Mereka mengisytiharkan bahawa pemulihan semula kestabilan Perancis menyentuh kepentingan Eropah seluruhnya. Mereka menuntut agar kuasa besar Eropah yang lain turut bersama menentang Revolusi Perancis. England menolak saranan ini. Pada 14 September 1791, maharaja Austria, Leopold II, menggantungkan tindakannya. Lantas Permaisuri Marie-Antoinette mendakwa bahawa Raja Louis ke-XVI telah dikhianati. Dalam keadaan begini, Prusia pula mengatakan bahawa ia tidak boleh ber-

tindak sendirian. Jika benar Raja Louis ke-XVI bersikap acuh tak acuh terhadap Revolusi Perancis kerana bimbang tidak ada sesiapa yang akan menolongnya sekiranya dia menentang revolusi itu secara terang-terang, maka kebimbangan itu nampaknya berasas juga.

PERPECAHAN BERTERUSAN

Perpecahan Kelab Jacobin, akibat daripada peristiwa Champ de Mars, merupakan arus permulaan sahaja kepada perpecahan yang lebih hebat yang berlaku kemudiannya di kalangan para pendukung revolusi. Perpecahan Kelab Jacobin boleh disifatkan sebagai perpecahan antara golongan sederhana dengan golongan radikal. Perpecahan yang berikut juga boleh disifatkan sebagai pertentangan antara puak sederhana dengan puak radikal; yang progolongan atasan dengan yang progolongan bawahan. Pertentangan ini menjadi begitu sengit dan nyata di peringkat akhir revolusi. Golongan menengah atau borjuis yang menentang golongan feodal mendapati diri mereka ditentang pula oleh golongan bawahan. Golongan bawahan mendakwa golongan menengah yang menyingkirkan golongan feodal telah pula menjadi golongan “feodal baru”. Pada umumnya, tentangan daripada golongan bawahan ini telah dapat ditangkis dan golongan menengah berjaya mengekalkan kedudukan mereka.

Memanglah agak nyata bahawa golongan yang mendapat keuntungan utama daripada Revolusi Perancis ialah golongan borjuis. Walaupun terdapat Perisytiharan Hak-hak Manusia dan Warganegara, namun persamaan di kalangan rakyat Perancis tidak terus wujud. Hak mengundi, misalnya, diberi hanya kepada mereka yang dinamakan Warganegara Aktif. Antara syarat penting bagi membolehkan seseorang itu memasuki golongan ini ialah mereka mesti membayar cukai yang tertentu nilainya dan berumur tidak kurang daripada 25 tahun. Terdapat lebih kurang 4.3 juta Warganegara Aktif dan mereka ini pula sebenarnya hanya dibolehkan memilih pengundi. Untuk menjadi pengundi, syarat-syarat yang lebih ketat dikenakan. Jumlah pengundi betul dianggarkan lebih kurang 3 juta orang sahaja. Rakyat yang lain (seperti yang dianggarkan penduduk Perancis pada masa ini lebih kurang 23 juta) digolongkan sebagai Warganegara Pasif. Antara mereka yang awal-awal lagi mahukan hak mengundi diberikan kepada semua rakyat tanpa syarat ialah Robespierre.

Berdasarkan sistem pengundian yang sedemikian rupa, maka tidak hairanlah jika dalam pilihan raya tahun 1789, mereka yang terpilih untuk mewakili Estet Ketiga kebanyakannya terdiri daripada golongan kelas menengah. Daripada 648 orang ahli perwakilan Estet Ketiga pada tahun 1789, terdapat 278 orang yang bekerja dengan kerajaan (kebanyakannya pegawai rendah), 166 orang peguam atau yang bekerja sendiri, 85 peniaga, 67 hartawan dan 31 orang yang bekerja dalam berbagai-bagai bidang ikhtisas, kebanyakannya doktor.⁴¹

Seterusnya, dalam kes penjualan tanah Gereja, kadangkala secara lelong, hanya orang kaya yang mendapat faedah. Merekalah yang mampu untuk membeli tanah. Masalah kelaparan tanah kaum petani tidak selesai. Dalam keadaan ekonomi bebas, kaum pemodal mempunyai peluang yang luas untuk menambahkan keuntungan mereka, dan

41 Lihat nota kaki 34, dan juga R. R. Palmer, *op. cit.*, hlm. 107.

apabila terdapat inflasi, kaum pekerja merasakan hidup mereka bertambah sempit. Sumbangan kewangan bagi si miskin dari pihak Gereja dan juga dari si tuan tanah sudah tidak ada lagi. Sistem kebajikan masyarakat pula masih belum lahir. Undang-undang Le Chapelier, 4 Jun 1791, mengharamkan penubuhan persatuan pekerja dan pemogokan. Dalam keadaan beginilah kaum pekerja menjadi resah dan menentang para peniaga yang dianggap sebagai “penyorok barang”. Para pekerja percetakan di Paris mulai mahukan gaji yang minimum.

Kegelisahan rakyat ini dipergunakan oleh pihak bangsawan dan pihak prorepublik; tetapi untuk tujuan yang berlainan. Pihak bangsawan mahukan agar suasana itu mencetuskan huru-hara. Apabila ini berlaku maka bolehlah kuasa asing dijemput untuk campur tangan dan sistem kerajaan beraja ditubuhkan semula. Pihak prorepublik pula ingin agar arus revolusi itu menjadi lebih radikal dengan runtunan daripada rakyat bawahan.

Satu lagi perpecahan yang terdapat di kalangan barisan pendukung revolusi ialah perpecahan antara golongan Girondin dengan golongan Jacobin. Puak Girondin dan Jacobin ialah dua kumpulan di dalam Dewan Perundangan (Dewan Perundangan mula bersidang pada 1 Oktober 1791, menggantikan Dewan Perlembagaan). Mereka mempunyai sikap yang berlainan terhadap Revolusi Perancis – terhadap perjalanan dan matlamatnya. Golongan Girondin mendapat gelaran sedemikian kerana beberapa orang ahli mereka, termasuk salah seorang ketuanya, Lamartine, berasal dari satu daerah bernama Gironde. Kadang-kadang kumpulan ini dinamakan juga Brissotin – sempena nama seorang lagi ketua mereka. Satu lagi kumpulan di dalam dewan ialah Kumpulan Dataran (mereka menduduki tempat rendah, ala dataran, di dalam dewan). Mereka ini merupakan golongan majoriti dan bersikap pertengahan antara puak Girondin dengan puak Jacobin.

Puak Girondin mulai berpengaruh di Dewan Perundangan mulai dari bulan Oktober tahun 1791 hingga bulan Jun tahun 1792. Sebahagian daripada kumpulan ini berasal dari kaum terpelajar borjuis tetapi berada di tangga rendah borjuis dari segi kewangan. Mereka ini demokrat tetapi inginkan demokrasi bersyarat, iaitu demokrasi hanya bagi mereka yang mempunyai harta dan bakat. Mereka agak sangsi dan takut kepada kaum proletariat. Mereka mahu agar ahli Dewan Perundangan dikekalkan. Dengan perkataan lain, mereka tidak mahu pilihan raya diadakan semula kerana ahli dari kaum proletariat mungkin terpilih.

Pada masa puak Girondin mempunyai pengaruh kuat di Dewan Perundangan, salah satu dasar utama yang dijalankan oleh mereka ialah dasar perang. Ini bertujuan untuk menyelamatkan Revolusi Perancis daripada ancaman puak *émigrés* serta kuasa luar. Dasar ini juga bertujuan untuk menyebarkan lagi semangat revolusi ke negara lain di Eropah. Raja yang pada mulanya pernah memansuhkan dua perisytiharan anti-*émigrés* yang diutarakan oleh puak Girondin (pada bulan Oktober dan pada bulan November tahun 1791), akhirnya bersetuju dengan dasar perang puak Girondin. Tetapi matlamat raja adalah berlainan dengan harapan golongan Girondin. Dengan teretusnya perang, raja berharap pihak raja Eropah yang lain akan campur tangan dan seterusnya membantunya menumpaskan revolusi. Cita-cita raja ke arah ini masih belum padam.

Pada 14 Disember 1791, Permaisuri Marie-Antoinette menekankan perbezaan matlamat antara puak Girondin dengan raja dalam suratnya kepada seorang penasihat raja

bernama Fersen. Baginda mencemuh sinis, “Dungu! Mereka tidak pun melihat yang ini sesuai dengan tujuan kita”.⁴²

Kaum peniaga juga bersetuju dengan dasar perang kerana ia membuka peluang perniagaan, mendapatkan kontrak membekal senjata, membekal makanan dan sebagainya. Cuma mereka mengharapkan agar perang tidak dikendalikan di lautan kerana ini boleh menyebabkan aktiviti pelabuhan dan perdagangan laut terganggu.

Satu-satunya penentangan terhadap dasar perang pada masa ini datangnya dari Robespierre. Robespierre menjangka bahawa tentera Revolusi Perancis tidak akan disambut dengan tangan terbuka di luar Perancis. Robespierre juga menjangkakan bahawa kediktatoran akan berlaku di Perancis dan negara akan menghadapi masalah yang lebih berat dan rumit. Menurut Robespierre, revolusi boleh diperkukuhkan bukan dengan perang tetapi dengan penguasaan dan kawalan yang ketat oleh Dewan Perundangan terhadap raja dan terhadap mereka yang antirevolusi.

Menurut Lefebvre, Robespierre mungkin agak keterlaluan dalam kritiknya terhadap golongan Girondin. Lefebvre berhujah bahawa golongan Girondin tidak salah sangka apabila mereka menganggap Revolusi Perancis diancam oleh kuasa luar; walhal Robespierre menganggap kuasa luar tidak berniat serong terhadap Revolusi Perancis. Falsafah dan strategi puak Girondin menarik minat rakyat Perancis yang masih berkobar dengan semangat revolusi. Amaran daripada Robespierre tidak dapat menahan mereka untuk menuju ke medan perang.

Robespierre yang selama ini begitu popular di Dewan Perundangan telah hilang hampir keseluruhan pengaruhnya. Pengikutnya hanya tinggal sedikit di Kelab Jacobin. Kepopularannya hanya meningkat semula pada bulan Julai tahun 1792 berkebetulan, atau beriringan, dengan kejatuhan pihak Girondin.

KEJATUHAN GIRONDIS

Kebangkitan dan kejatuhan puak Girondin nampaknya amat berkait bukan hanya dengan dasar perang tetapi juga dengan prestasi tentera Perancis di medan perang. Puak Girondin berjaya meningkatkan pengaruhnya kerana mengisytiharkan perang dan kemudian hilang pengaruhnya kerana dasar dan usaha perangnya menemui kegagalan. Dalam enam bulan pertama peperangan (perang telah diisytiharkan terhadap Austria pada 20 April 1792), Perancis mengalami kekalahan demi kekalahan. Kebanyakan pegawai tentera diraja Perancis, iaitu orang bangsawan, telah lari ke luar negara. Mereka yang tinggal pula tidak begitu ghairah terhadap order baru. Para sukarelawan revolusi bersemangat tetapi setengah-setengahnya tidak pula terlatih. Antara askar dengan pegawai, terdapat sikap saling curiga-mencurigai. Misalnya, pernah berlaku peristiwa apabila pegawai yang menyuruh askarnya berundur dituduh sebagai pembelot lantas dibunuh. Pada bulan Mei, para ketua tentera mengatakan yang serangan tentera terhadap musuh tidak mungkin diteruskan. Untuk mengatasi keadaan kekalahan ini, Dewan Perundangan menggubal beberapa undang-undang, tetapi raja memansuhkannya. Negara sekali lagi mencurigai raja. Para

42 G. Lefebvre (terj. E.M. Evanson) 1962. *The French Revolution From Its Origin To 1793*. London: Routledge & Kegan Paul, hlm. 218.

pemimpin Girondin menuduh raja dan menteri sebagai pengkhianat negara. Kemungkinan penurunan raja daripada takhta sudah mulai terbayang. Dalam keadaan krisis ini, beberapa orang menteri telah meletakkan jawatan.

Keadaan bertambah genting bagi puak Girondin apabila tentera Austria dan Prusia mara ke sempadan Perancis. Pada awal bulan Ogos, kedua-dua kuasa ini mengeluarkan Manifesto Brunswick. Manifesto ini mengugut agar Paris menyerah kalah kepada raja jika mahu selamat daripada serangan. Rakyat resah dan menggugat lagi. Pada 4 Ogos, teriakan agar kuasa raja dimansuhkan telah kedengaran. Puak Girondin merasa cemas. Mereka khuatir dengan kebangkitan *sans-culottes* lantas mereka memihak semula kepada raja. Pada 10 Ogos, kediaman raja di Tuileries diserang oleh orang ramai. Dalam pertempuran dengan pihak tentera di situ, lebih seribu orang di kedua-dua belah pihak telah terbunuh. Akibatnya, raja diturunkan daripada takhta.

Apabila tentera Prusia dan Austria menyeberangi sempadan dan menghala ke Paris, rakyat Paris menjadi gempar. Mereka menyerang penjara kerana percaya bahawa para pembelot berada di situ. Peristiwa 2 September 1792 ini pula telah mengorbankan lebih seribu nyawa. Antara mereka yang terkorban termasuklah banduan politik, paderi dan juga penjenayah biasa. Orang awam di jalan raya juga turut dibunuh. Dalam suasana sengit penuh kegemparan ini jugalah satu pilihan raya baru diadakan, iaitu pada bulan Ogos. Berikutan daripada itu, Perhimpunan Kebangsaan telah menggantikan Dewan Perlembagaan. Ahli Perhimpunan Kebangsaan ini, 780 orang semuanya, rata-ratanya terdiri daripada golongan kelas menengah. Walhal, semua rakyat sama ada yang kaya dan yang miskin, telah diberi hak mengundi. Tidak dapat ditentukan bilangan ahli Jacobin dan Girondin yang mendapat tempat di dalam Perhimpunan Kebangsaan itu tetapi nyata bahawa kebanyakan perwakilan adalah daripada Kumpulan Dataran.

Perhimpunan Kebangsaan memulakan sidanganya pada 20 September 1792, dan secara kebetulan pada hari itu juga tentera Perancis mendapat kemenangannya yang pertama di satu tempat bernama Valmy. Pada hari pertama ini juga, usul Collot d'Herbois untuk memansuhkan sistem monarki lulus dengan mudah. Mulai dari bulan ini juga kalendar Perancis ditukar. Tahun baru bermula dari 21 September 1792 dan tahun ini digelar Tahun Pertama Republik.

Pada peringkat awal persidangan Perhimpunan Kebangsaan, puak Girondin nampaknya masih berpengaruh. Antara lain, ini disebabkan para ahli perwakilan dari daerah-daerah agak cemburu dan sangsi terhadap kuasa dan pengaruh yang ditunjukkan oleh *sans-culottes* di Paris. Mereka takut kepada pembunuhan dan ancaman terhadap hak memilik harta. Segala ini adalah reaksi kepada peristiwa pada bulan Ogos dan September tahun 1792 yang kadangkala dinamakan juga sebagai Revolusi Perancis Kedua.

Walaupun kebanyakan ahli Perhimpunan Kebangsaan, tegasnya Kumpulan Dataran, bersetuju dengan pendirian puak Girondin, mereka tidak pula mempunyai sentimen anti-*sans-culottes* seperti puak Girondin. Mereka sedar yang kelahiran Perhimpunan Kebangsaan adalah juga berpunca daripada gerakan *sans-culottes*.

Raja Louis ke-XVI telah dibicarakan pada bulan Disember tahun 1792 dan hukuman pancung dijatuhkan pada bulan Januari tahun yang berikutnya. Keputusan untuk menghukum raja dicapai dengan undi majoriti yang sedikit sahaja di Perhimpunan Kebangsaan. Di sekitar peristiwa ini, puak Girondin telah memperlihatkan sikap mereka yang tidak tegas; mereka nampaknya mahu melambatkan tindakan. Oleh itu, mereka telah diselar

sebagai puak perayu bagi pihak raja. Berbangkit daripada peristiwa ini jugalah maka *sans-culottes* kemudiannya sentiasa menuntut agar puak Girondin disingkirkan daripada Perhimpunan Kebangsaan.

Sans-culottes akhirnya berjaya juga menyingkirkan puak Girondin selepas pemberontak di Paris dari 31 Mei hingga 2 Jun 1793. Pemberontakan mereka itu merupakan suatu tindakan balas terhadap rancangan serong puak Girondin. Puak Girondin telah menubuhkan sebuah jawatankuasa di Perhimpunan Kebangsaan pada bulan Mei tahun 1793 bagi menangkap ketua-ketua *sans-culottes* seperti Hebert dan Varlet. Pemberontakan itu merupakan kali ketiga rakyat Paris bertindak – mengulangi Peristiwa 14 Julai 1789 (Kejatuhan Bastille) dan peristiwa pada bulan Ogos–September tahun 1792 (Revolusi Perancis Kedua).

Pihak Jacobin juga percaya yang perjuangan menegakkan cita-cita revolusi dapat dipesatkan lagi jika puak Girondin disingkirkan; namun mereka tidak mahu memihak terus kepada *sans-culottes* kerana khuatir yang pihak *sans-culottes* akan bertindak liar. Mereka juga mahu menjaga kedaulatan badan tertinggi negara, iaitu Perhimpunan Kebangsaan, yang sepatutnya tidak tunduk kepada arahan atau ugutan dari mana-mana pihak. Sikap mereka barangkali diwakili oleh kenyataan yang dibuat oleh Robespierre pada satu ketika di Kelab Jacobin. Pada masa puak *sans-culottes* sudah berazam untuk bertindak terhadap puak Girondin, Robespierre hanya berkata,

“Saya tidak dapat menyatakan kepada rakyat sesuatu cara tertentu untuk keselamatan mereka.”⁴³

ZAMAN GANAS

Dengan tersingkirnya golongan Girondin dari Perhimpunan Kebangsaan maka terbukalah jalan bagi pihak Jacobin mengendalikan revolusi mengikut selera sendiri, dan tibalah juga kesempatan bagi *sans-culottes* menilai sejauh mana puak Jacobin dapat memenuhi hasrat mereka. Zaman pemerintahan Jacobin ini sering dikaitkan dengan cara pemerintahan ganas, tetapi zaman ini juga merupakan peringkat penentuan dalam Revolusi Perancis – suatu penentuan sama ada Revolusi Perancis itu berkesudahan dengan suatu revolusi borjuis atau terus menjadi sesuatu yang lebih radikal. Penentuan ini khususnya menjadi pokok pertikaian antara golongan Jacobin dengan golongan *sans-culottes*.

Pertikaian ini boleh juga dilihat dari beberapa sudut lain. Pertikaian juga barangkali boleh dilihat sebagai kenyataan tentang adanya jurang atau perbezaan fahaman antara pihak pemerintah yang lebih praktikal dengan golongan rakyat yang lebih idealistik; atau antara pemerintah yang lebih mementingkan kuasa dan kestabilan politik dengan rakyat yang mengutamakan kesejahteraan umum ekonomi; atau antara kerajaan yang terpaksa menghadapi ujian dengan rakyat yang tidak sabar, ataupun antara rakyat yang tegas berani dengan pemerintah yang lemah daya usaha dan sempit pandangan politiknya. Bagi saya, biar apa pun sudut penelitian yang diambil, persoalannya adalah tidak lari

43 N. Hampson 1971. *A Social History of The French Revolution*. London: Routledge & Kegan Paul, hlm. 178.

daripada persoalan tentang bagaimana sesebuah kerajaan itu patut menjadi pendukung dan matlamatnya. Perancis baru sahaja menyingkirkan sistem feudal yang berlandaskan, antara lain, ciri-ciri keistimewaan golongan atasan dan hak warisan. Revolusi Perancis telah menggantikan sistem ini dengan sistem yang berasaskan bakat dan keupayaan. Dengan perkataan lain, taraf dan tempat seseorang itu dalam masyarakat patut hanya ditentukan oleh daya usaha dan kemampuannya dan bukan darah keturunannya. Inilah prinsip atau nilai baru yang diketengahkan oleh Revolusi Perancis. Namun begitu prinsip ini masih mungkin juga menjadi sasaran kritik. Kemungkinan ini telah pun dibayangkan pada tahun 1789 oleh kaum bangsawan kepada golongan borjuis yang menentang mereka. Kaum bangsawan telah mengingatkan golongan borjuis bahawa jika mereka menentang keistimewaan yang diperoleh daripada warisan taraf kekeluargaan, maka keistimewaan yang diperoleh daripada warisan taraf kekayaan juga akan ditentang pada satu ketika nanti. Maksudnya, jika golongan borjuis bangun menentang golongan bangsawan, maka golongan bawahan kemudiannya akan turut bangun dan menentang golongan borjuis pula.

Kumpulan Jacobin adalah kumpulan yang kecil sahaja dalam Perhimpunan Kebangsaan, jika dibandingkan dengan Kumpulan Dataran. Antara pemimpinnya yang terkemuka ialah Robespierre dan Saint Just. Selama setahun selepas penyingkiran puak Girondin, iaitu daripada bulan Jun tahun 1793, puak Jacobin merupakan tunjang utama pemerintahan negara. Menerusi taktik politik yang merangkumi proses penyingkiran, ugutan serta pujukan terhadap pihak lawan dan penguasaan undang-undang darurat di seluruh negara, puak Jacobin berjaya mendapatkan suara majoriti dalam Perhimpunan Kebangsaan. Puak Jacobin telah mengendalikan kuasanya menerusi Jawatankuasa Kesejahteraan Awam dan Mahkamah Revolusi. Badan-badan ini mempunyai bidang kuasa yang luas bagi menangkap, menahan atau menghukum bunuh sesiapa yang disyaki sebagai musuh negara. Peringkat revolusi yang inilah yang dikenali sebagai Zaman Ganas.

Sebenarnya, Zaman Ganas ini boleh dikatakan sudah bermula semenjak puak Girondin masih lagi berpengaruh dalam Perhimpunan Kebangsaan. Pada masa itu, iaitu pada 25 Mac 1793, sudah terbentuk jawatankuasa yang dikenali sebagai Jawatankuasa Keselamatan Am. Jawatankuasa ini telah ditubuhkan bagi mengawasi teraju pemerintahan. Di samping itu, ia juga diberi tugas untuk memastikan yang peristiwa pembunuhan beramai-ramai pada bulan Ogos dan bulan September tahun 1792 tidak berulang lagi. Jawatankuasa Kesejahteraan Awam pula telah ditubuhkan pada 6 April 1793. Seperti Jawatankuasa Keselamatan Am, jawatankuasa ini berfungsi untuk mengawasi teraju pemerintahan. Tetapi, yang sebenarnya kedua-dua jawatankuasa inilah yang memerintah.

Ahli Jawatankuasa Kesejahteraan Awam ini dilantik sebulan sekali. Pada mulanya, jawatankuasa ini mempunyai sembilan orang ahli, kemudian empat belas, sembilan, dan akhir sekali dua belas orang. Robespierre dilantik ke badan ini pada bulan Jun tahun 1793 dan bertugas hingga saat kejatuhannya pada 24 Julai 1794. Oleh sebab pemerintahan ganas terdapat juga pada masa Girondin, maka mungkin juga dikatakan bahawa tidak ada garisan jelas yang memisahkan antara kedua-dua peringkat pemerintahan itu. Namun begitu, bilangan orang yang terkorban pada masa pemerintahan ganas Jacobin nyata lebih ramai daripada bilangan orang yang menjadi mangsa pemerintahan ganas Girondin.

Jumlah orang yang mati akibat pemerintahan ganas Jacobin daripada bulan April

tahun 1793 hingga bulan Julai tahun 1794 pernah dianggarkan antara lebih kurang 30 000 hingga 40 000 orang, termasuk 20 000 orang yang mati secara “tidak rasmi”. Kebanyakan mangsa ini ialah rakyat biasa yang memberontak. Menurut Palmer, peratus orang bangsawan yang dipancung hanyalah lapan peratus – iaitu daripada jumlah semua orang yang mati dibunuh.⁴⁴ Tentang peristiwa pemerintahan ganas ini, seorang ahli sejarah pernah menyatakan bahawa:

“Ia tidak boleh dibela, kerana tidak ada orang yang siuman yang boleh memaafkan penghapusan lebih daripada 20 000 orang menerusi proses undang-undang; mereka gugur menjadi mangsa kemarahan para patriot, sama ada selepas pembicaraan ataupun tanpa pembicaraan.”⁴⁵

Para pejuang *sans-culottes* yang dahulunya berjaya menyingkirkan puak Girondin dari Perhimpunan Kebangsaan, dan dengan itu membuka jalan bagi pengukuhan kuasa puak Jacobin, telah juga turut terkorban dalam pemerintahan ganas.

Sans-culottes sebenarnya tidak mempunyai perwakilan sendiri di Perhimpunan Kebangsaan. Pihak Jacobinlah yang mewakili mereka, walaupun tidak sepenuhnya. Puak Jacobin menumpukan perhatian kepada hal-hal dan urusan politik manakala *sans-culottes* lebih mengutamakan soal sosioekonomi daripada segala yang lain. Bagi *sans-culottes*, isu kadar gaji dan harga barang keperluan harian adalah isu yang perlu diselesaikan terlebih dahulu. Oleh sebab itu, mereka mahu agar peraturan seperti kawalan terhadap harga barangan, pembahagian gandum, bantuan kepada keluarga miskin dan pembentukan tentera revolusioner dilaksanakan dengan segera.

Pembentukan tentera revolusioner, di samping boleh menjadi barisan penjamin hak yang telah dimenangi menerusi revolusi, juga boleh memberi peluang pekerjaan kepada rakyat. Tuntutan sedemikian ini diutarakan terutamanya oleh kumpulan yang dinamakan *Enragés*. Antara pemimpin utama kumpulan ini ialah Jacques Roux (paderi), Hebert (peguam dan tuan punya akhbar) dan Varlet. Pihak Jacobin pada dasarnya tidak percaya akan kebaikan sistem ekonomi terkawal. Tetapi mereka juga sedar yang dasar ekonomi bebas tidak berjalan dengan licin kerana terdapatnya para penyorok barang.

Dalam masa enam minggu pertama pentadbiran Jacobin, tidak banyak perubahan yang dilaksanakan dalam pemerintahan negara. Mereka yang bersimpati dengan golongan Girondin terus berharap agar puak Girondin dibawa semula ke muka pengadilan. Saint Just, orang kanan Robespierre, masih mahukan penyelesaian terhadap masalah Girondin ini. Danton dan Jawatankuasa Kesejahteraan Awam juga mempunyai pendirian yang sama. *Sans-culottes* di Paris (Komun Paris), walau bagaimanapun, tidak sepakat dalam hal ini. Terdapat golongan yang inginkan kedamaian. Hebert, yang juga menjadi timbalan pendakwaraya bagi Komun Paris, misalnya, tidak bersetuju jika keganasan berlarutan. Di sebaliknya pula, terdapat golongan radikal yang mungkin tidak teragak-agak untuk terus bertindak keras.

Pada 30 Jun 1793, suasana menjadi tegang semula apabila para pendobi kain di Paris

44 R. R. Palmer, *op. cit.*, hlm. 114.

45 L. Gershoy 1960. *The French Revolution 1789–1799*. Illinois: The Dryden Press, hlm. 63.

merampas sabun dan menentukan harganya sendiri. Lima hari sebelum ini, Jacques Roux telah menuduh pihak berkuasa mengkhianati amanah yang diberikan kepada mereka oleh rakyat. Roux mengatakan bahawa kerajaan takutkan golongan kaya. Pada hari para pendobi itu merusuh, Roux ditangkap. Ahli politik ternama termasuk Robespierre, mahu agar Kelab Jacobin memusuhi Roux.

Pada bulan September, tuntutan penubuhan tentera revolusi dan pengenaan kawalan harga terus dilaungkan. Akhirnya, Perhimpunan Kebangsaan tunduk juga kepada tuntutan ekonomi ini. Pada 11 September, harga maksimum diisytiharkan bagi semua bijirin yang digunakan untuk membuat roti, seperti gandum dan rai. Pada 29 September, kawalan harga yang menyeluruh untuk berbagai-bagai barang juga diluluskan. Di samping itu, kadar gaji juga dikawal dan kerajaan bertambah terlibat dalam urusan perniagaan. Sebaliknya pula, kaum peniaga mula mencari pasaran di tempat jauh, termasuk luar negara, bagi mendapatkan harga yang lebih baik.

Secara keseluruhannya, *sans-culottes* bolehlah dikatakan sebagai berjaya pada peringkat ini. Mereka juga beruntung kerana kawalan gaji tidak dikendalikan secara ketat. Pada masa itu, terdapat kekurangan buruh dan di Paris kawalan gaji nampaknya telah tidak dilaksanakan hinggalah menjelang bulan Julai tahun 1794. Di setengah-setengah kawasan pula, *sans-culottes* mendapat bantuan kewangan untuk membeli roti.

Sementara itu pula, pihak Jacobin, demi memperkukuhkan kedudukan mereka, telah melaksanakan Undang-undang Syak pada 17 September. Undang-undang ini mentakrifkan mereka yang disyaki mengkhianati negara dalam garis yang begitu meluas dan kabur sekali. Musuh negara dibicarakan dan dihukum oleh Mahkamah Revolusi. Antara mereka yang dihukum pancung termasuklah Permaisuri Marie-Antoinette (16 Oktober), Barnarvek (29 Oktober) dan 21 orang ketua Girondin (31 Oktober).

Jadi, pada bulan Oktober, harapan untuk mendamaikan para pejuang revolusi, terutamanya antara puak Girondin dengan puak Jacobin telah lebur. Pada 10 Oktober, iaitu sebelum ketua-ketua Girondin dipancung, kerajaan telah pun mengisytiharkan Dikri 10 Oktober. Dengan dikri itu, perlembagaan demokratik tahun 1793, yang antara lain menjamin hak mengundi bagi semua golongan rakyat, telah digantung perlaksanaannya hingga keadaan pulih semula. Saint Just yang pada bulan September masih mahu mendamaikan puak Girondin dengan puak Jacobin, telah bertukar sikap. Dalam penentuan tentang pemerintahan ganas pada 10 Oktober, Saint Just berkata bahawa musuh order baru yang patut dihukum “bukan sahaja terdiri daripada pengkhianat tetapi juga mereka yang bena tak bena ... sesiapa yang bersikap ‘tidak apa’ di dalam Republik ...”⁴⁶

Undang-undang Syak dan Dikri 10 Oktober telah disusuli pula oleh undang-undang lain yang lebih ketat. Antaranya ialah penguatkuasaan Dikri Ventose pada 13 Mac 1794, dan pengisytiharan Undang-undang 22 Prairial pada 10 Jun 1794. Menurut Dikri Ventose harta pengkhianat negara boleh dirampas. Di bawah Undang-undang 22 Prairial pula, mereka yang dianggap sebagai pengkhianat negara boleh dibawa ke mahkamah dan dijatuhkan hukum tanpa adanya saksi.

Pada peringkat ini juga proses atau tindakan anti-Kristian terus berlaku. Yang menjadi sasaran utama ialah ahli Gereja yang tidak memihak kepada perlembagaan. Pada

46 N. Hampson, *op. cit.*, hlm. 198.

masa ini (juga sebelum dan selepas ini) banyak antara ahli Gereja berkahwin. Loceng-loceng gereja telah dileburkan dan logamnya digunakan untuk tujuan lain. Di Paris, gereja-gereja telah dijadikan kuil akal.

Dari segi sentimennya, Robespierre bukanlah antiagama, tetapi dia mahu agama tidak menentang ideal-ideal politiknya. Robespierre juga mahukan agama, walau dengan apa cara pun, menyatukan semua pihak. Inilah falsafah di sebalik Pemujaan Kejadian Agung dan kuil akal yang diasaskan oleh Robespierre. Pada bulan November tahun 1793, Robespierre dan Danton menyingkirkan beberapa orang pelampau dari Kelab Jacobin kerana bantahan mereka terhadap agama. Kemudian, Robespierre dan Danton menggesa agar Perhimpunan Kebangsaan menegaskan semula kebebasan beragama.

Apabila Robespierre dan pihak Jacobin mula menghindarkan diri daripada puak pelampau anti-Kristian, mereka juga mula merenggangkan hubungan dengan golongan Hebertis atau *sans-culottes*, lebih-lebih lagi dengan aktiviti rusuhan mereka.

Undang-undang harga maksimum telah tidak disambut baik oleh kaum peniaga. Kaum peniaga tidak menghiraukan penetapan harga. Bekalan barang yang kehabisan di kedai juga tidak diganti. Para peruncit yang terpaksa membeli barang lebih mahal daripada harga maksimum telah memanjangkan beban harga itu kepada para pembeli.

Bagi menarik semula hati kaum peniaga dan petani serta untuk membanteras pengaliran modal ke luar negara, pihak pemerintah telah melonggarkan peraturan ekonomi. Pada 23 Oktober 1793, Perhimpunan Kebangsaan bersetuju dengan penjualan lembu dan kambing secara bebas. Ini bermakna, kawalan harga daging tidak berkesan lagi. Usaha untuk menyiasat barang sorokan tidak digalakkan, malahan siasatan dari rumah ke rumah dilarang sama sekali oleh Jawatankuasa Kesejahteraan Awam. Kemudian, dengan lebih tegas lagi, pada 21 Februari 1794 (3 Ventose) harga maksimum baru yang memberi para peniaga keuntungan yang lebih tinggi diluluskan oleh Perhimpunan Kebangsaan. Selepas ini, Robespierre sendiri menegaskan bahawa sesiapa yang memerangi perdagangan sebenarnya menentang revolusi. Tentang peraturan baru ini seorang ejen polis merungut yang ia “menguntungkan peniaga dan bukannya rakyat”.⁴⁷

Selain tindakan ekonomi ini, pihak berkuasa Jacobin juga mengambil tindakan politik. Jacques Roux, setelah ditangkap pada bulan Jun tahun 1793 dan dibebaskan, telah ditangkap semula pada bulan September apabila dia membantah dasar ekonomi negara. Pada 10 Februari 1794, dia telah membunuh diri di penjara sebelum dapat dibicarakan. Seorang lagi pemimpin *sans-culottes*, Leclerc, telah menggulung perusahaan surat khabarnya dan lari ke medan perang. Varlet yang membantah tindakan kerajaan mengehadkan perjumpaan telah ditangkap. Jacques Roux kemudiannya dibebaskan, tetapi telah tidak bergiat lagi selepas itu.

Dengan segala langkah di atas, pemusatan kuasa di Perancis berlaku dengan begitu pesat. Penyusunan birokrasi di Perancis menempa bentuk yang tiada tolok bandingnya di Eropah pada abad ke-18. Pemusatan kuasa ini dapat membantu golongan Jacobin mencapai kejayaan di medan perang. Pada akhir tahun 1793, hanya sedikit sahaja jajahan Perancis masih berada di tangan musuh. Di dalam negeri juga, pihak pemerintah berjaya menumpaskan kumpulan yang selama ini giat menentang kewibawaannya di daerah

47 G. Rudé, *The Crowd in The French Revolution*, hlm. 132.

pinggiran. Ribuan orang rakyat di daerah Lyon dan Nantes, termasuk pemberontak di Vandee, telah mati dihukum bunuh. Penjara sesak dengan banduan dan wabak penyakit menjadi-jadi. Mereka yang dilanda wabak telah juga ditembak begitu sahaja. Tetapi pemusatan dan penggunaan kuasa ini juga akhirnya menjejaskan hubungan antara puak Jacobin dengan *sans-culottes*. Apabila Kelab Cordelier menimbulkan desas-desus untuk memberontak, kerajaan terus bertindak menangkap beberapa orang pemimpin *sans-culottes*. Hebert, Ronsin, Vincent, Momora, Cloutz, Proli, Destient Pereira, Dubuisson dan 10 orang lagi termasuk orang asing telah dipancung. Berbulan-bulan sudah Jawatankuasa Kesejahteraan Awam menegaskan bahawa semua pengkritiknya adalah tali barut negara asing. Dengan penghukuman terhadap para pemimpin *sans-culottes* ini, juga dikenali sebagai puak Hebertis, maka ternyata daya penggerak revolusi telah berpindah daripada bawah ke atas, daripada rakyat kepada pemerintah.

Menurut Palmer, dengan kejatuhan pihak *ultra* (puak Hebertis) tekanan perlu juga diberikan terhadap pihak *citra* (puak Dantonis), agar puak Jacobin tetap dilihat sebagai pihak yang di tengah dan menengah. Pada mulanya terdapat juga anggapan bahawa kerjasama antara Robespierre dengan Danton untuk menyingkirkan pihak pelampau anti-Kristian mungkin mencetuskan keredaan dalam tempo revolusi. Tetapi persekutuan antara Robespierre dengan Danton ini nyata kemudiannya tidak mungkin kekal. Danton bersikap mudah, bena tak bena terhadap revolusi dan mahukan dasar ganas dikendurkan. Pada jangkaannya, peperangan sudah menempuh keadaan seri. Lagipun, konsep Republik Danton tidaklah seketat yang dicita-citakan oleh Robespierre. Itulah sebabnya beliau dan para pengikutnya dinamakan sebagai golongan *citra*. Bagi Robespierre pula, segala penumpahan darah dan pengorbanan yang begitu banyak akan menjadi sia-sia belaka jika masyarakat yang lahir di Perancis selepas revolusi adalah seperti dahulu juga dari segi sikap peradaban dan pemikirannya. Robespierre mahu melihat masyarakat baru dalam acuan impiannya.

Robespierre pada mulanya enggan untuk menurunkan tandatangannya mengarahkan hukuman mati terhadap Danton. Walau bagaimanapun, beliau telah turut sama menandatangani setelah Jawatankuasa Kesejahteraan Awam bersetuju untuk berbuat demikian.

Hukuman mati terhadap Danton dan beberapa orang lagi ahli Perhimpunan Kebangsaan telah menggemparkan ahli Perhimpunan Kebangsaan yang lain. Mereka menganggap bahawa helah atau tuduhan bermuslihat dengan kuasa asing telah digunakan dengan sewenang-wenangnya. Mereka khuatir mereka juga akan terpaksa menempuh jalan yang telah dilalui oleh Danton dan rakan-rakannya. Ahli Jawatankuasa Keselamatan Am seperti Fouche, Tallien, Barras dan Freron juga berasa bimbang. Mereka takut Robespierre dan Jawatankuasa Kesejahteraan Awam akan menyiasat dan menempelak tindakan sewenang-wenang yang telah dilakukan oleh mereka selama ini di luar kota. Inilah salah satu faktor yang kemudiannya membawa kepada kejatuhan Robespierre. Selepas Danton dihukum mati, Jawatankuasa Kesejahteraan Awam memerintah Perancis selama 113 hari dan Robespierre berada di kemuncak kerjayanya. Dalam masa dua bulan sebelum kejatuhannya, lebih kurang 25 000 orang telah dibunuh dengan gilotin. Kebanyakan yang mati dikenakan hukuman sedemikian oleh Mahkamah Revolusi Paris. Semenjak bulan Mei tahun 1794, Robespierre dan Jawatankuasa Kesejahteraan Awam telah menerima seakan-akan kuasa monopoli bagi mengendalikan urusan kehakiman revolusi.

KEJATUHAN ROBESPIERRE

Kejatuhan Robespierre boleh dan telah diterangkan dari beberapa sudut. Musuh Robespierre melihat beliau sebagai gila kuasa. Robespierre dituduh sebagai mahu menjadi diktator, setelah dia berjaya menyingkirkan golongan Hebertis dan Dantonis (*ultra* dan *citra*). Antara lain, Robespierre dan rakan-rakannya dikatakan menggunakan agama barunya, Pemujaan Kejadian Agung dan Undang-undang 22 Prairial untuk mencapai cita-cita mereka. Oleh itu, ahli parlimen yang bertanggungjawab terhadap pembunuhan Robespierre menganggap diri mereka sebagai patriot yang telah menyelamatkan negara.

Sebaliknya, rakan-rakan Robespierre ataupun orang lain yang menganggap idea Robespierre baik dan boleh dipraktikkan, mendakwa bahawa ahli Perhimpunan Kebangsaan yang menentang Robespierre adalah sebenarnya musuh negara.

Ahli sejarah juga mengutarakan penilaian yang bersandarkan fahaman kiri atau sosialis ataupun yang mirip kepada fahaman sedemikian. Antara ahli sejarah ini termasuklah Mathiez dan Rudé. Interpretasi yang begini selalunya berlandaskan kepada kepercayaan tentang kebaikan sistem ekonomi terkawal dan dasar prorakyat bawahan.

Bagi Mathiez, pemerintahan Ganas adalah suatu keperluan yang realistik kerana republik sedang diancam oleh musuh dari dalam dan luar negara. Tindakan Robespierre dan Perhimpunan Kebangsaan mengenakan pembahagian tanah dan kawalan harga adalah wajar. Mengikut Mathiez, ini menunjukkan yang Robespierre dan Saint Just bersimpati terhadap *sans-culottes*. Orang yang anti-*sans-culottes* bukanlah Robespierre dan Saint Just tetapi ahli lain dalam Jawatankuasa Kesejahteraan Awam dan Perhimpunan Kebangsaan. Ahli lain ini menentang syor untuk membahagikan harta yang dirampas daripada kaum bangsawan kepada rakyat dan tindakan untuk memiliknegerakan usaha pengedaran bahan makanan dan pengendalian kilang-kilang. Inilah hujah Mathiez.

Walaupun Mathiez pro-Robespierre, beliau juga telah mengkritik Robespierre dan puak Jacobin. Mathiez mengatakan bahawa puak Jacobin tidak mempunyai suatu ideologi yang jelas atau suatu rancangan jangka panjang. Puak Jacobin tidak membangkitkan atau mengasuh kesedaran kelas *sans-culottes*. Mereka juga tidak menghapuskan hak memiliki harta perseorangan dengan cepat dan tegas seperti yang kemudiannya berlaku dalam Revolusi Rusia. Jadi, menurut interpretasi Mathiez ini, puak Jacobin gagal mencapai cita-cita revolusi. Sebenarnya revolusi mereka telah dikendalikan hanya sekerat jalan.⁴⁸

Namun begitu, terdapat interpretasi yang lebih kiri atau radikal daripada yang diutarakan oleh Mathiez ini. Misalnya ialah interpretasi yang diketengahkan oleh Albert Soboul. Bagi Soboul, langkah-langkah ekonomi terkawal Jacobin hanyalah “suatu helah” dan “suatu pujuk rayu” bagi mengaburi mata *sans-culottes*. Robespierre percayakan demokrasi menerusi perwakilan, sementara *sans-culottes* percayakan demokrasi langsung – iaitu demokrasi rakyat. Menurut Soboul, ini jelas menunjukkan suatu pertentangan. Bagi Soboul, Robespierre merupakan tokoh yang mula-mula mengenakan rintangan terhadap para pejuang demokrasi rakyat yang mahu membangun pada tahun 1793.⁴⁹

48 Lihat A. Mathiez, “A Realistic Necessity” dalam Kafker & Laux (ed.), *op. cit.*, hlm. 229–234.

49 A. Soboul, “A Party of Incompetent Bourgeois” dalam Kafker & Laux (ed.), *op. cit.*, hlm. 141–145. Lihat juga A. Soboul (terj. G. Lewis) 1964. *The Parisian Sans-Culottes and The French Revolution 1793–1794*, Oxford University Press.

Antara kedua-dua interpretasi di atas, kita boleh, barangkali, tempatkan interpretasi Rudé. Seperti Mathiez, Rudé tidak menyangkal yang dasar ekonomi terkawal dapat memberi faedah kepada *sans-culottes* dan seterusnya berjaya menambat hati mereka kepada revolusi. Tetapi seperti juga Soboul, Rudé menganggap Jacobin telah melakukan pengkhianatan politik terhadap golongan bawahan. Bagi Rudé, kejatuhan Robespierre adalah kerana Robespierre dan golongan Jacobin sudah tidak lagi mempunyai sekutu revolusioner mereka, iaitu puak *sans-culottes*.⁵⁰

Interpretasi di atas jelas mencerminkan nilai-nilai nyata atau tersembunyi ahli sejarah yang terlibat. Mathiez, Soboul dan Rudé semuanya percaya kepada kebaikan ekonomi terkawal walaupun terdapat perbezaan antara mereka tentang cara dan darjah perlaksanaan sistem itu. Percanggahan pendapat antara Mathiez dengan Soboul tentang peranan Robespierre bukannya berkait dengan dasar ekonomi terkawal tetapi akibat daripada perbezaan anggapan terhadap kejujuran atau penglibatan Robespierre. Sebaliknya, jika seseorang itu tidak bersetuju dengan nilai yang diterapkan dalam interpretasi di atas, apatah lagi untuk melihat penghapusan hak milik harta peribadi itu sebagai suatu yang ideal, maka belokan revolusi ke kanan yang perlukan kejatuhan Robespierre bukanlah merupakan suatu tragedi yang perlu ditangisi tetapi merupakan suatu kebaikan yang patut pula dialu-alukan.

Memang terdapat ahli sejarah yang telah mengutuk pelancaran Revolusi Perancis itu dari peringkat permulaannya lagi. Ahli sejarah seperti Burke dan Taine, melihat Revolusi Perancis sebagai gerakan subversif yang amat membahayakan konsep bermasyarakat dan berkerajaan. Mereka memberikan sokongan yang terang kepada sistem monarki.⁵¹

Tetapi patut juga diingat bahawa dengan menentang pemerintahan ganas Jacobin dan menyangkal kebaikan penghapusan harta milik peribadi, seseorang itu tidak semestinya pula menyatakan persetujuannya terhadap sistem feudal prarevolusi. Seseorang itu mungkin melihat Revolusi Perancis sebagai suatu proses tempat percubaan untuk membetulkan suatu kesalahan tetapi telah berakhir dengan suatu kesalahan yang lain pula. Oleh sebab itu, persoalannya lebih patut dilihat sebagai suatu usaha untuk menentukan kesalahan manakah yang lebih berat. Dengan ini juga isu pokoknya bukanlah mencari siapakah patriot dan siapakah pula yang bukan patriot.

Palmer menegaskan konflik di kalangan *sans-culottes* sendiri, dan antara mereka dengan kerajaan adalah satu perkara yang biasa; adalah memeranjatkan jika tidak terdapat konflik. Palmer melihat cita-cita ahli demokrat rakyat sebagai impian belaka. Bagi Palmer, masalah yang diketengahkan oleh Revolusi Perancis adalah masalah zaman-berzaman. Persoalan pokoknya ialah tentang perimbangan ekonomi antara yang berada dengan yang tidak berada dan perimbangan antara hak rakyat dengan tuntutan negara.⁵²

Pada masa prarevolusi, jurang ekonomi antara rakyat berada dengan rakyat yang tidak berada, dan perbezaan antara kuasa raja dengan hak rakyat, adalah begitu besar. Revolusi Perancis bertujuan untuk merapatkan jurang ini; setengah-setengah pihak mungkin mahu menghapuskannya sama sekali. Pada tahun 1789, Revolusi Perancis telah

50 G. Rudé, *The Crowd in The French Revolution*, hlm. 128.

51 Untuk penulisan Burke, lihat misalnya E. Burke "Impractical Zealots" dalam Kafker & Laux (ed.), *op. cit.*, hlm. 80–87 dan *Reflections on The Revolution in France*, Middlesex: Penguin, 1968.

52 R.R. Palmer, "The Sans-Culottes: Recent Research Described and Criticized", dalam Kafker & Laux (ed.), *op. cit.*, hlm. 294–295.

menganugerahkan hak politik kepada rakyat, iaitu menerusi Perisytiharan Hak-hak Manusia dan Warganegara. Pada masa itu hak ekonomi rakyat belum begitu terjamin. Kemudian pada tahun 1793–4, kerajaan cuba menjaga kedudukan ekonomi rakyat dengan pembahagian tanah, kawalan harga dan sebagainya; tetapi pada masa yang sama kebebasan individu pula terancam di bawah kerajaan Jacobin dan pemerintahan Ganas. Perisytiharan Hak-hak Manusia dan Warganegara menegaskan hak rakyat untuk memberontak jika kerajaan tidak melaksanakan amanah rakyat (kehendak umum), tetapi apabila *sans-culottes* memberontak di bawah pimpinan Kelab Cordelier, Saint Just beberapa hari kemudiannya (13 Mac 1793), menyatakan bahawa kerajaan sudah dengan sendirinya merangkumi amanah rakyat (kehendak umum). Oleh sebab itu, hak memberontak telah mansuh.

RUMUSAN

Pendeknya, setelah menolak nilai-nilai yang termaktub dalam sistem feudal, rakyat Perancis telah tidak dapat menggantikannya dengan suatu sistem nilai yang lain secara mudah. Dalam hal ini, penekanan yang dibuat oleh Seaman adalah menarik sekali. Seaman mengatakan bahawa prinsip kedaulatan rakyat atau persamaan dan persaudaraan manusia, telah tidak dapat ditakrifkan dengan memuaskan. Seaman berhujah, yang mustahak dalam hal ini ialah unsur penafian yang terdapat dalam prinsip ini. Dengan pernyataan bahawa kedaulatan itu terletak pada rakyat, maka secara tersendiri termansuhlah kedaulatan raja. Apabila dikatakan bahawa manusia itu dilahirkan sama rata dan mempunyai hak yang sama, maka ternafilah kewajaran perbezaan status berdasarkan darah keturunan.

Seaman juga turut menyatakan bahawa di Barat, sebelum Revolusi Perancis (dan Revolusi Amerika), segala bentuk kebangkitan terhadap pemerintah tetap dianggap sebagai penderhakaan. Tetapi Revolusi Perancis (dan Amerika) telah dicetuskan atas prinsip menuntut keadilan dan mencari kesempurnaan kehidupan manusia. Kepercayaan agama yang dianggap karut dan pemerintahan raja yang dianggap zalim dilihat oleh para penentang *status quo* sebagai batu penghalang untuk mencapai matlamat kesejahteraan kehidupan manusia. Rousseau melahirkan sentimen ini dengan kata-katanya, “manusia dilahirkan bebas tetapi terantai di mana-mana.”⁵³

Suara hati Rousseau ini ialah suara hati Kesedaran. Aliran Kesedaran mahu memahami, melihat dan/atau merasai dahulu sesuatu sebelum mempercayainya. Para pendukung aliran ini tidak serupa dengan Burke yang bersedia menyatakan bahawa apa yang tidak difahami patut dikagumi. Pendirian Burke nyata tidak selaras dengan konsep *manusia adalah pengukur bagi segala sesuatu*. Tetapi nyata bahawa sistem nilai yang dibentuk di atas landasan kerasionalan atau kemampuan pemikiran manusia telah membukakan pintu kepada suatu gelanggang pergolakan pemikiran dan tindakan yang tiada tepinya. Sebelum Jacobin berkuasa, Kelab Jacobin dan *sans-culottes* bersependapat tentang takrif kehendak umum Rousseau, tetapi pada masa Jacobin berkuasa, mereka mulai bertelagah tentang takrif ini. Robespierre tidak mahu gerakan anti-Kristian menjadi begitu meluas dan hebat kerana matlamatnya bukanlah penghapusan agama secara umum,

53 L.C.B. 1963. *Seaman, From Vienna to Versailles*. New York: Harper & Row Pub., hlm. 32–37.

tetapi hanya agama yang tidak mahu tunduk kepada dasar politiknya. Namun agama yang dipelopornya tidak mendapat sambutan yang berkekalan di Perancis. Danton dan Robespierre sendiri pun bertelagah tentang tahap “kesempurnaan” peradaban manusia yang patut dihasilkan oleh revolusi.

Memang tidak dinafikan bahawa pertikaian pendapat atau perbezaan pentakrifan sesuatu konsep tertentu boleh juga lahir dalam masyarakat yang menganut sistem nilai yang diasaskan bukan kepada kemampuan akal manusia. Dengan perkataan lain, dalam masyarakat yang berlandaskan kepada suatu sistem nilai yang diyakini sebagai sesuatu yang betul-betul mampu dan padu pun, kesejahteraan kehidupan belum tentu terjamin. Seterusnya, jika kepincangan yang lahir ini dipertanggungjawabkan kepada ahli masyarakat yang ingkar kepada tuntutan sistem nilai yang dianggap mampu dan padu itu, maka hujah yang sama boleh digunakan bagi memperjelas serta memaafkan unsur kepincangan yang terdapat dalam masyarakat yang terbentuk menurut garisan dan panduan kerasionalan akal manusia. Dengan pertembungan hujah yang begini, nampaknya, tibalah sudah kita kepada suatu keadaan seri.

Setelah seseorang itu tiba kepada suatu keadaan seri begini, apakah pula yang akan menentukan atau mempengaruhinya untuk membuat satu pilihan dan meninggalkan satu pilihan yang lain, menyokong satu pendapat dan menolak satu pendapat yang lain, mengakui kemurnian satu sistem nilai dan menafikan satu sistem nilai yang lain? Bagi seseorang yang bertolak daripada kepercayaan terhadap kesempurnaan diri manusia, maka perhitungan manusia sendirilah yang menjadi faktor penentu itu. Bagi seseorang yang tidak mempercayai akan kesempurnaan mutlak manusia, maka faktor penentu itu tetaplah bukan manusia itu sendiri. Untuk kedua-dua pemburuan ini, persoalan yang terpenting bagi saya ialah *kaedah* untuk mengetahui *kaedah* pemburuan itu. Akhirnya, dalam segala ini, unsur keyakinan juga penting. Jika kita memang mempercayai ada sesuatu yang sebenar patut diyakini maka kita akan mengakui peri bertuahnya seseorang yang dapat meyakini sesuatu yang sememangnya patut diyakini. Dari segi ini, kita mungkin mengesani fenomena dalam Revolusi Perancis yang mungkin kurang sesuai untuk memupuk dan membiakkan unsur keyakinan ini. Seorang sinis semasa, Bayle, nampaknya telah mengesani fenomena ini dalam kecenderungan para pemikir Kesedaran untuk mengesyaki terlebih dahulu segala sesuatu. Apabila seseorang itu bertolak daripada sikap syak maka lingkaran pemikiran yang dihasilkan mungkin menjadi sesuatu yang tidak berkesudahan. Bayle mengatakan bahawa,

“... alasan untuk syak adalah juga disyaki, oleh sebab itu, kita mesti syak sama ada kita patut syak.”⁵⁴

54 N. Hampson 1968. *The Enlightenment*. Middlesex: Penguin, hlm. 34.

BAB 2

NAPOLEON BONAPARTE

Penerusan Atau Pembantuan Revolusi?

REAKSI THERMIDOR DAN EKORANNYA

Peringkat masa selama empat belas bulan antara tarikh pembunuhan Robespierre sehinggalah pemansuhan Perhimpunan Kebangsaan pada bulan Oktober tahun 1795 dikenali sebagai tahap reaksi Thermidor. Tahap ini digelar begitu kerana mengambil sempena tarikh Robespierre dibunuh, iaitu pada 9 Thermidor Tahun Kedua Republik (mengikut kalendar revolusi), atau, pada 28 Julai 1794 (mengikut kalendar Masihi).

Jika digunakan istilah politik Barat sekarang, barangkali mereka yang berkuasa di peringkat ini bolehlah digolongkan sebagai sayap kanan sederhana. Mereka tidak ber-sympati dengan pemulihan semula kerajaan beraja atau feudal. Sikap seperti ini tentu boleh merapatkan mereka kepada golongan politik sayap kiri. Namun begitu, mereka jelas merupakan golongan sayap kanan kerana terdapat tindakan mereka melonggarkan semula, atau meniadakan terus, dasar dan peraturan yang prokaum pekerja. Antara dasar antigolongan bawahan yang dilaksanakan ialah pengharaman terhadap Kelab Jacobin di Paris pada 12 November 1794, penghapusan peraturan harga maksimum dan pemansuhan Perlembagaan 1793. Dengan termansuhnya Perlembagaan 1793, bakal pengundi bagi pilihan raya dikenakan semula syarat kedudukan kewangan seperti pemilikan harta atau pembayaran cukai yang tertentu nilainya.

Pada masa ini, inflasi berlaku dan rakyat menjadi resah. Ini menimbulkan pemberontakan pada bulan Mac, April dan Mei tahun 1795. Semua pemberontakan *sans-culottes* ini ditumpaskan. Buat pertama kalinya dalam sejarah Revolusi Perancis, tentera telah dikerahkan menentang rakyat. Serangan balas terhadap *sans-culottes* ini dikenali sebagai “Keganasan Putih”, iaitu keganasan daripada pihak atasan yang antigolongan proletariat.

Rasa tidak puas hati rakyat berlarutan dengan pergerakan Babeuf yang aktif pada penghujung tahun 1795 (November dan Disember). Pergerakan Babeuf memperjuangkan pembahagian sama rata hak milik harta. Kadang-kadang, pergerakan ini juga dilihat sebagai suatu bentuk komunisme awal. Kegiatan ini tumpas apabila ketua mereka ditangkap pada bulan Mei tahun 1796.

Dalam keadaan kacau-bilau ini, pihak bangsawan cuba merebut teraju pemerintahan. Puak bangsawan dalam larian, *émigrés*, cuba mendarat di satu tempat bernama Quiberon antara 27 Jun hingga 21 Julai 1795. Kumpulan ini ditewaskan. Pada 5 Oktober 1795, para bangsawan di Paris pula memberontak. Mereka juga dikalahkan oleh pihak tentera di bawah pimpinan seorang jeneral muda; jeneral muda ini ialah Napoleon Bonaparte. Ini merupakan peristiwa Letupan Peluru Meriam dan peristiwa ini telah menyelamatkan Perhimpunan Kebangsaan pada masa itu. Napoleon Bonaparte telah memperkenalkan dirinya ke dalam arena politik Perancis secara berkesan.

Selepas peristiwa ini, pada bulan Oktober tahun 1795, Perhimpunan Kebangsaan telah dimansuhkan dan suatu badan baru pula dibentuk. Badan ini dikenali sebagai Dewan Perundangan. Dewan Perundangan ini mempunyai dua dewan kecil, Konsul Lima Ratus (500 orang ahli) dan Konsul Orang Tua yang mempunyai 250 orang ahli. Kerajaan dikepalai oleh suatu badan yang dinamakan Badan Pengarah. Badan ini dianggotai oleh lima orang ahli yang dipilih oleh Dewan Perundangan. Pemilihan ini dibuat lima tahun sekali.

Setelah gagal merampas kuasa, pihak bangsawan telah mengutarakan pula syor bagi menamatkan perang. Mereka berharap kedamaian akan membolehkan mereka mewujudkan semula sistem monarki. Sebaliknya, Badan Pengarah adalah properang. Pada tahun 1796–1797, kempen tentera kebanyakannya berjaya, terutama di Itali. Untuk menentang puak yang setia kepada raja, pihak Badan Pengarah tidak lagi dapat mengharap bantuan *sans-culottes* yang telah ditindas sejak bulan Mei tahun 1795. Orang yang masih boleh diharapkan ialah Napoleon Bonaparte. Oleh itu, terjadilah rampasan kuasa 18 Fructidor (4 September 1797). Selepas peristiwa 18 Fructidor ini, Badan Pengarah bertambah kukuh. Badan Pengarah dapat memperbaiki kedudukan kewangan negara dan memperkemas sistem kerajaan tentera. Namun begitu badan ini masih gagal untuk menghasilkan kestabilan politik.

Setelah pengaruh puak yang setia kepada raja dimusnahkan, pihak Badan Pengarah menghadapi pula persaingan kuasa yang sengit dari pihak Jacobin. Pihak Jacobin sering memenangi kerusi yang banyak dalam pilihan raya. Pihak Jacobin telah bersatu tekad dengan *sans-culottes* yang pada masa itu dinamakan *anarkis*. Mereka bersikap keras terhadap pihak pelarian bangsawan yang pulang dan terhadap “Paderi Yang Ingkar”. Sikap mereka ini mengkhawatirkan pihak Dewan Perundangan. Dewan Perundangan takut mereka akan kehilangan pengaruh di kalangan kelas borjuis yang merupakan para penyokong kuat mereka.

Dalam pilihan raya bulan April tahun 1798, pihak Jacobin mendapat undi majoriti. Tetapi dengan berasaskan undang-undang yang telah diluluskan pada bulan Januari tahun 1798, Dewan Perundangan telah tidak mengesahkan 106 orang daripada calon yang berjaya. Calon yang ditolak itu terdiri daripada 104 orang Jacobin dan 2 orang daripada golongan setia raja. Kemudian, 53 orang lain daripada parti minoriti dilantik sebagai pengganti dan 53 kerusi yang bakinya dibiarkan kosong sahaja. Inilah *coup d'état* 22 Floreal.

Dalam pilihan raya bulan April tahun 1799, iaitu satu tahun kemudian, puak Jacobin sekali lagi mendapat undi majoriti. Kali ini mereka berkesempatan membalas dendam. Dua orang ahli Badan Pengarah yang dianggap terlibat dalam *coup d'état* 22 Floreal telah disingkirkan. Tempat mereka digantikan oleh dua orang ahli Jacobin. Tindakan balas ini telah diusahakan menurut landasan undang-undang, tetapi tindakan ini juga telah dikatakan sebagai *coup d'état*: *coup d'état* 30 Prairial (18 Jun 1799).

Jacobin telah berkuasa sekali lagi. Apabila berlakunya rusuhan politik di daerah-daerah, maka banyak para bangsawan, saudara-mara *émigrés* dan juga mereka yang disyaki oleh pemerintah telah ditahan. Mereka dijadikan orang tebusan. Para hartawan dikenakan membuat pinjaman kepada negara bagi menampung perbelanjaan perang. Kerahan tentera telah diperketatkan tanpa pengecualian. Kegiatan Kelab Jacobin berjalan semula. Langkah-langkah ini semua tidak popular di kalangan golongan borjuis. Jacobin dituduh mahu menghidupkan semula peraturan Robespierre dan juga rancangan Babeuf yang mahukan persamaan dalam soal pemilikan harta.

Para menteri dan pihak Badan Pengarah mula khuatir mereka akan kehilangan sokongan daripada golongan borjuis. Dalam keadaan begini, salah seorang daripada ahli Badan Pengarah, Abbe Sieyes, telah merancang dan bermuafakat dengan Napoleon Bonaparte untuk merampas kuasa. Sebilangan daripada ahli Konsul Orang Tua membantah rancangan ini, majoriti besar daripada Konsul Lima Ratus membangkang keras; ada juga yang mahu Napoleon Bonaparte ditangkap sahaja. Rancangan dan harapan Sieyes ialah setelah rampasan kuasa dilakukan dan perlembagaan baru digubal, Napoleon Bonaparte akan mengundurkan diri. Selepas rancangan ini dikendalikan harapan Sieyes rupanya jelas meleset. Napoleon Bonaparte enggan meletakkan kuasa setelah kerajaan sementara ditubuhkan. Beliau terus memegang teraju pemerintahan sehinggalah beliau menjadi Konsul I. Inilah dia peristiwa yang dikenali sebagai *coup d'état* 18 Brumaire (9 November 1799).

Sebagai Konsul I, Napoleon Bonaparte mempunyai kuasa yang luas untuk menggubal serta melaksanakan undang-undang. Walaupun ada dua orang lagi Konsul lain, mereka sebenarnya hanya menjadi ahli untuk dibawa berunding. Napoleon Bonaparte juga mempunyai pengaruh besar untuk melantik ahli Dewan Perundangan dan badan-badan lain. Hanya senat yang mempunyai bidang kuasa yang agak luas, tetapi Napoleon Bonaparte dapat mengatasi hal ini dengan suatu peraturan yang dinamakan *senatus-consultum*. Beberapa siri *senatus-consulta* yang diisytiharkan telah memungkinkan Napoleon Bonaparte menggubal undang-undang secara bersendirian, tanpa melalui proses Dewan Perundangan yang biasa.¹

Usaha pemusatan dan pengukuhan kuasa Napoleon Bonaparte ini diteruskan di dalam negeri dan di luar negara. Sebagai langkah untuk menumpaskan kegiatan menyokong pemberontakan, kerajaan telah memburu mereka yang terlibat. Pihak setia raja dan puak Jacobinlah yang menjadi sasaran tindakan ini. Di samping itu, pengampunan telah juga ditawarkan kepada mereka yang mahu menyerah diri. Usaha penaklukan terhadap jajahan di luar negara juga diselang-seli dengan beberapa perjanjian damai. Antara kegiatan perang dan usaha damai Napoleon Bonaparte (Perancis) dari tahun 1796 hingga tahun 1805 ialah, April 1796: memulakan kempen tentera di Itali; Oktober 1797: Perjanjian Campo Formio yang mengisytiharkan tamatnya peperangan Austria-Perancis yang bermula semenjak tahun 1792; Mei 1798: kempen tentera Napoleon Bonaparte di Mesir, Jun 1800: kemenangan tentera Perancis di Morengo, Itali; Disember 1800: kemenangan tentera Perancis di Hohelinder, Jerman; Februari 1801: Perjanjian Damai Austria-Perancis di Luneville; Mac 1802: Perjanjian Damai Amiens antara Perancis dengan

1 Lihat G. Lefebvre (terj. H.F. Stockhold) 1970. *Napoleon From 18 Brumaire To Tilsit 1799–1807*. New York: Columbia University Press, Cetakan Kedua, hlm. 126–127.

Britain; Mei 1803: Permusuhan semula Perancis-Britain; 1805: permusuhan semula Perancis-Austria dan Austria kemudiannya dikalahkan oleh Perancis di Ulm pada bulan Oktober dan di Austerlitz pada bulan Disember. Pada bulan Oktober tahun 1805 juga, tentera laut Napoleon Bonaparte dikalahkan oleh tentera laut British yang dipimpin oleh Horatio Nelson di Tanjung Trafalgar. Napoleon Bonaparte juga cuba menyelesaikan perselisihan faham di kalangan kaum Katolik di dalam negeri, dan antara pihak berkuasa Perancis dengan Paus di Rom. Usaha ini menghasilkan apa yang dinamakan *Concordat*.² Seterusnya, suatu perundangan menyeluruh disediakan olehnya untuk mengendalikan urusan negara. Ini dikenali sebagai Kanun Napoleon.³ Segala proses ini telah menghasilkan atau memperlihatkan beberapa kemuncak yang nyata dalam kerjaya Napoleon Bonaparte. Antara kemuncak ini ialah perisytiharan dirinya sebagai Konsul seumur hidup pada 2 Ogos 1802, pengurniaan gelaran Napoleon I terhadap dirinya sendiri pada bulan Mei tahun 1804 dan pertabalannya sebagai Maharaja pada bulan Disember pada tahun yang sama. Kedua-dua langkah yang akhir ini telah dipersetujui oleh rakyat Perancis menerusi pungutan suara.

KEPERIBADIAN NAPOLEON BONAPARTE

Kejayaan Napoleon Bonaparte yang pesat ini boleh dilihat dari sudut peribadinya dan juga suasana politik pada masa itu.

Dari segi peribadi, Napoleon Bonaparte adalah seorang yang kuat azam, tinggi cita-cita, kuat dan tekun bekerja serta tajam pemikirannya. Inilah gambaran yang telah diberikan oleh Markham.⁴ McManners juga turut menekankan unsur peribadi ini dalam penerangannya tentang kejayaan Napoleon Bonaparte. McManners mengatakan bahawa Napoleon Bonaparte mempunyai “daya ketahanan dan penumpuan yang kuat sekali”⁵ Seterusnya, McManners menyatakan bahawa sifat tegas dan berdisiplin seorang soldadu yang ada pada Napoleon Bonaparte menolongnya dalam dunia politik. Sikapnya yang benci kepada huru-hara dan juga pengalaman perangnya menjadikan Napoleon Bonaparte calon yang begitu sesuai untuk membanteras segala rupa pemberontakan yang terdapat di dalam negara. McManners merumuskannya dengan kata-kata ini,

“Napoleon Bonaparte memperkenalkan realisme dan ketangkasan gerakan peperangan ke dalam politik. Kebencian para soldadu terhadap kepincangan menjadi prinsipnya yang pokok.”⁶

Walaupun McManners menekankan peribadi “ketenteraan” yang terdapat pada Napoleon Bonaparte, pada masa yang sama beliau mengakui bahawa Napoleon juga mempunyai kehalusan rasa. Kehalusan perasaan ini, menurut McManners, lahir daripada kedudukan Napoleon Bonaparte sebagai seorang *deracine*, atau pinggir, iaitu seseorang

2 Lih. selepas ini.

3 *Ibid.*

4 F. Markham, “The Napoleonic Adventure”, dalam C.W. Crawley (ed.) 1969. *The New Cambridge Modern History*. Jil. IX, Cambridge University Press, hlm. 323. Lihat juga halaman 316–318 dan D. Thomson 1973. *Europe Since Napoleon*. England: Penguin Books Ltd. Cetakan semula, hlm. 55–56.

5 J. McManners 1966. *Lectures On European History 1789–1914*. Oxford: Basil Blackwell, hlm. 77.

6 *Ibid.*, hlm. 75.

yang telah dipengaruhi oleh beberapa unsur yang nampaknya saling bertentangan antara satu sama lain. Misalnya, walaupun Napoleon Bonaparte dikenali sebagai patriot Perancis, beliau sebenarnya dilahirkan di Corsica hanya setahun selepas pulau itu ditakluki oleh tentera Perancis. Pada masa tentera Perancis menakluki Corsica (1768–69), ayah Napoleon Bonaparte sendiri turut menentang kemaraan tentera Perancis. Lagipun ketaatsetiaan Napoleon Bonaparte dikatakan hanya tertumpu kepada Corsica sahaja. Oleh sebab Napoleon Bonaparte berasal daripada keluarga bangsawan Corsica maka beliau berpeluang masuk ke sekolah tentera di Perancis, iaitu di Akademi Brienne. Walaupun beliau pada mulanya berkhidmat dalam tentera diraja, beliau kemudiannya telah memindahkan ketaatsetiaannya kepada revolusi. Beliau memihak kepada revolusi tetapi benci kepada kekucar-kaciran. Napoleon menggelarkan dirinya “soldadu revolusi” tetapi beliau kemudiannya membangunkan satu wangsa yang baharu pula di atas timbunan debu bekas peninggalan wangsa yang dahulu.⁷

KEADAAN POLITIK SEMASA

Suasana politik Perancis pada masa itu pula seolah-olah memang menanti-nantikan ketibaan seorang pemimpin seperti Napoleon Bonaparte. Rakyat Perancis telah jemu dengan gelombang atau eksperimen revolusi. Mereka mahukan kerajaan yang kuat untuk mempertahankan Republik daripada ancaman negara-negara Eropah, negara yang buruk sangka dan jahat niat terhadap mereka. Mereka mahukan pengaruh Perancis di Belgium, Belanda, Switzerland dan Itali terus berkekalan. Mereka mahu agar persamaan awam mereka tidak dirombak semula. Puak yang mendapat keuntungan daripada revolusi, seperti para soldadu, petani yang telah bebas, pembeli tanah kerajaan/Gereja dan lain-lain takutkan kepulungan kaum bangsawan ke Perancis. Jadi, semua mereka ini inginkan perlindungan. Mereka melihat Napoleon Bonaparte sebagai satu-satunya tokoh yang boleh memberikan mereka perlindungan ini.⁸ Tocqueville menggambarkan rakyat Perancis angkatan tahun 1789 sebagai mereka yang cintakan kebebasan. Namun begitu, ujar Tocqueville, kecintaan mereka terhadap persamaan adalah lebih mendalam daripada kecintaan mereka terhadap kebebasan. Apabila kecintaan mereka terhadap kebebasan luntur, mereka menerima seorang diktator yang boleh menangkis pengembalian semula sistem yang antipersamaan. Jadi, sambung Tocqueville dengan sinis, mereka semua boleh hidup dalam persamaan, iaitu bersama-sama di bawah seorang tuan!⁹

NAPOLEON BONARPARTE PEWARIS REVOLUSI

Menurut Bruun, Napoleon Bonaparte merupakan pewaris revolusi yang lojik. Beliau adalah “despot yang bijaksana”, yang menghidupkan apa yang dicita-citakan oleh ahli falsafah Kesedaran. Pada pemikir Kesedaran tidak menyatakan bentuk mutlak kerajaan yang menjadi impian mereka. Oleh sebab itu, apa yang telah dihasilkan oleh Napoleon

7 *Ibid.*, hlm. 76. Lihat juga Rudé, *Revolutionary Europe*, hlm. 223–224.

8 Lihat G. Bruun 1965. *Europe and The French Imperium*. New York: Harper & Row, Cetakan Ketiga. Lihat keseluruhan Bab I.

9 Seperti yang terdapat dalam McManners, *op. cit.*, hlm. 81.

Bonarparte bolehlah dikatakan sebagai suatu penjelmaan impian pemikiran Kesedaran dalam bentuk nyata. Menurut Bruun lagi, rakyat biasa Perancis tidak memohon daripada revolusi lebih daripada apa yang Napoleon Bonarparte sanggup mengadakan untuk mereka: suatu pemerintahan yang jitu, teratur dan licin.¹⁰ Bagi mereka, sebuah kerajaan yang berkesan adalah lebih penting daripada segala institusi yang telah dibinasakan oleh Napoleon Bonarparte. Dengan perkataan lain, segala janji dan kata-kata yang dilaungkan pada masa revolusi dahulu akhirnya telah dikotakan oleh Napoleon Bonarparte.¹¹

Seterusnya, daripada apa yang kita ketahui, pemerintahan Napoleon Bonarparte secara keseluruhannya, dapat juga mempertahankan keselesaan hidup puak *sans-culottes*. Misalnya, peratus bilangan petani yang memiliki tanah telah bertambah. Ini disebabkan kebanyakan tanah yang dimiliki oleh negara telah dijual terus kepada rakyat, menurunnya harga tanah dan juga kerana adanya undang-undang di bawah Kanun Napoleon yang memastikan tanah pusaka dibahagi-bahagikan kepada waris yang berhak.

Kerajaan Napoleon Bonarparte juga dianggap lebih licin dan berkesan daripada rejim Raja Louis ke-XVI. Berbagai-bagai bentuk cukai terhadap petani telah ditiadakan. Tetapi, kerajaannya juga memerlukan perbelanjaan yang lebih banyak, bagi menampung keperluan perang negara. Dalam pada itu pula, peperangan merupakan sumber ekonomi kepada rakyat. Peperangan membuka peluang perniagaan dan pekerjaan. Misalnya, untuk melicinkan pergerakan tentera, jalan raya telah dibuka dengan pesatnya menyambungkan Paris ke serata pelosok Eropah. Keperluan perang yang lain juga menggerakkan perkembangan ekonomi, sehinggakan pernah didakwa oleh Bruun bahawa “bagi Empayar (Napoleon Bonarparte) kedamaian adalah suatu pembaziran”¹²

Bruun juga menyatakan bahawa zaman kemelesetan ekonomi di Perancis adalah berkebetulan dengan masa damai. Tetapi, menerusi penulisan Lefebvre kita juga mengetahui bahawa pada tahun peperangan juga ada terdapat kesempitan ekonomi di kalangan rakyat. Pada tahun 1808 dan tahun 1809, misalnya, ramai petani di Alasce, Lorraine dan di sekitar Rhine telah berpindah ke Rusia. Mereka berpindah kerana mahu lari daripada kepayahan hidup. Napoleon Bonarparte juga tidak begitu berjaya mengatasi masalah para pengemis. Kemudian, cukai perang yang dikenakan telah menjadi kian tidak popular.¹³

Dengan mengambil kira kenyataan Lefebvre ini, patut juga ditekankan bahawa, secara keseluruhannya, Lefebvre masih memihak kepada pemerintahan Napoleon Bonarparte. Sikapnya adalah serupa dengan sikap Bruun dan Thomson. Bagi mereka semua, dalam keadaan yang terdapat di Perancis pada masa itu, pemerintahan Napoleon Bonarparte telah merupakan alternatif yang paling baik. Mereka juga berpendapat bahawa jika dibandingkan dengan sistem pemerintahan sebelumnya, maka pemerintahan Napoleon Bonarparte juga jelas kelihatan sebagai suatu pemerintahan yang lebih baik.

10 G. Bruun, *op. cit.*, lihat Bab I.

11 *Ibid.*, hlm. 2. Kupasan yang sehaluan dengan yang dibuat oleh Bruun ini juga terdapat dalam penulisan Thomson dan Lefebvre. Lihat misalnya, Thomson, *Europe Since Napoleon*, hlm. 61–62 dan keseluruhan Bab 3 dan Lefebvre, *Napoleon From 18 Brumaire To Tilsit 1799–1807, Introduction* dan Bab 3, hlm. 60–68.

12 *Ibid.*, hlm. 74.

13 Lihat G. Lefebvre (terj. J.E. Anderson) 1970. *Napoleon From Tilsit To Waterloo 1800–1814*. New York: Columbia University Press, Cetakan Kedua, hlm. 199–204.

CONCORDAT

Concordat, iaitu perjanjian antara Napoleon Bonarparte dengan Paus di kota Vatican, sering dilihat sebagai suatu tindakan Napoleon Bonarparte yang bijak. Dengan menandatangani perjanjian ini, Napoleon Bonarparte berharap akan dapat membawa semula unsur penyatuan ke dalam masyarakat Perancis yang telah berpecah belah akibat daripada penggubalan Perlembagaan Sivil Gereja.

Ahli Gereja yang tidak bersetuju dengan Perlembagaan Sivil Gereja mendapati kedudukan mereka bertambah dihormati pada pandangan mata umum. Ini disebabkan orang ramai menghargai kesusahan mereka untuk mempertahankan prinsip mereka. Kebanyakan mereka telah berada dalam buangan. Mereka juga mempengaruhi pergerakan revolusi balas. Ini membimbangkan Napoleon Bonarparte. Napoleon Bonarparte mahukan mereka menyebelahi kerajaannya dan untuk itu, beliau memerlukan bantuan Paus. Ini merupakan faktor latar belakang yang agak penting di sebalik perjanjian *Concordat*.

Napoleon Bonarparte mula berbincang dengan Paus baru, iaitu Pius pada bulan Jun tahun 1800, selepas kemenangannya dalam pertempuran di Marengo. Pihak Paus pada mulanya melambat-lambatkan tindakan kerana Paus masih lagi curiga akan kestabilan dan ketahanan kerajaan konsul Napoleon Bonarparte. Tetapi setelah Perang Holenlinden (3 Disember 1800), dan Perjanjian Damai Luneville (9 Februari 1801), maka nyatalah bahawa kerajaan Napoleon Bonarparte itu teguh. Oleh sebab itu, Paus lebih berazam pula untuk mencapai sesuatu persetujuan, tetapi Napoleon Bonarparte pula mengenakan syarat-syarat yang lebih ketat. Ini, barangkali, mempengaruhi corak akhir *Concordat*.

Rundingan dengan Paus diadakan secara sulit. Barangkali langkah ini diambil bagi mengelakkan kemungkinan timbulnya kritik secara terang-terangan terhadap dasar perdamaian dengan Paus di kota Vatican. Walaupun kebanyakan rakyat amat rapat dengan agama, mereka tidak merupakan golongan yang sering dan bijak bersuara ataupun yang berpengaruh. Mereka yang bijak bersuara dan berpengaruh terdiri daripada mereka yang tidak kuat beragama. Golongan minoriti inilah yang dikhuatiri akan menentang usaha perdamaian dengan Vatican.

Concordat disahkan oleh Paus pada bulan Disember tahun 1801; ia juga disahkan oleh Dewan Perundangan. Pada keseluruhannya, Napoleon Bonarparte berjaya menenangkan konflik agama di Perancis. Antara lain, *Concordat* mengesahkan mazhab Katolik sebagai mazhab anutan ketiga-tiga orang konsul dan majoriti rakyat Perancis. Perlantikan Biskop akan dibuat oleh Konsul I, tetapi akan dirasmikan oleh Paus. Kakitangan rendah Gereja dipilih oleh Biskop dan tidak lagi menerusi pilihan raya umum seperti pada masa revolusi. Rakyat yang membeli tanah Gereja yang dimiliknegarakan tidak disuruh menyerahkan kembali tanah itu ke pihak Gereja. Pembayaran cukai agama terus dimansuhkan dan kerajaan terus bertanggungjawab menggaji para pegawai Gereja. Kebebasan beragama (bagi para penganut Protestant dan kepercayaan lain), dijamin.

Jika persetujuan akhir ini diamat-amati, maka akan ternampaklah suatu muslihat di sebaliknya. Persetujuan ini jelas merupakan suatu percubaan untuk mengimbangkan antara kedudukan Gereja dengan kehendak revolusi. Taraf Gereja diberi kepentingan yang nyata tetapi hak-hak istimewanya tidak dikembalikan semula. Rakyat tidak mengembalikan harta Gereja dan tidak lagi terikat ketat dengan peraturan Gereja seperti sebelumnya tetapi masih tetap menganut mazhab Katolik. Dalam pada itu pula, menerusi

satu fasal dalam *Concordat*, Napoleon Bonaparte berjaya memperlihatkan yang tampuk kuasanya tidak tergugat. Fasal ini ialah fasal yang memberikan kuasa kepada kerajaan, menerusi kuasa polis, untuk menentukan cara-cara pengamalan agama.¹⁴

KANUN NAPOLEON

Unsur mencari perimbangan yang terdapat dalam *Concordat* juga kelihatan dalam peruntukan yang terdapat dalam Kanun Napoleon. Kanun Napoleon yang merangkumi undang-undang dalam berbagai-bagai bidang seperti kekeluargaan, ekonomi dan penghakiman ini cuba mengimbangkan antara hak dan kebebasan rakyat dengan kepentingan kuasa kerajaan.

Kebebasan rakyat adalah satu-satunya slogan utama revolusi. Jadi, kebebasan rakyat patut dipertahankan. Sementara itu pula, kuasa kerajaan adalah penting bagi mengehadkan mana-mana kegiatan yang boleh menjadikan pemerintahan Napoleon Bonaparte tidak stabil. Oleh itu, kuasa kerajaan juga patut diperkukuhkan. Demi untuk menjamin pengekalan tujuan sosial revolusi, Napoleon Bonaparte menegaskan lagi kesamaan taraf rakyat di sisi undang-undang dalam Kanun Napoleon. Seterusnya, antara lain, Kanun Napoleon juga memberikan kebebasan kepercayaan, kebebasan bercerai bagi suami isteri yang sama bersetuju dan kebebasan individu memilih kerja (tiada apa-apa sekatan ala feodal dikenakan). Kuasa politik, atau negara, juga terus ditempatkan sebagai lebih utama daripada kuasa Gereja.

Walau bagaimanapun, unsur radikal revolusi yang menekankan prinsip persamaan manusia secara meluas telah dikenakan batasan baharu oleh Napoleon Bonaparte. Dalam bidang kekeluargaan misalnya, kuasa suami terhadap isteri dan ayah terhadap anak diperketatkan. Anak di luar nikah tidak dibenarkan mewarisi harta pusaka melainkan jika mereka sudah diakui oleh ibu bapa yang berkenaan menerusi proses undang-undang; dan itu pun taraf mereka tidaklah sama dengan taraf anak benar. Oleh itu, jelaslah bahawa Napoleon Bonaparte mahu mengimbangkan antara prinsip kebebasan individu dengan kepentingan peraturan tradisional dalam masyarakat.

Dalam bidang ekonomi pula, undang-undang tentang jual beli, gadai-menggadai dan lain-lain telah diperincikan walaupun undang-undang tentang urusan industri tidaklah begitu lengkap. Perincian ini memudahkan lagi kegiatan ekonomi kaum menengah. Tetapi, kaum pekerja tidak pula mendapat pembelaan secara langsung dan tegas. Mereka diharamkan bergabung untuk tujuan menuntut gaji lebih; dan dalam sengketa gaji, bukti atau kes yang dikemukakan oleh pihak majikan lebih diutamakan daripada bukti atau kes yang diutarakan oleh pihak pekerja.

Barangkali, bolehlah dikatakan bahawa untuk mencari perimbangan, Kanun Napoleon ini lebih mementingkan kestabilan negara daripada faktor lain. Kanun Napoleon merupakan suatu tindak balas kepada laungan tentang hak rakyat. Kanun ini mengemukakan suatu siri tugas rakyat kepada negara dan segala institusi yang ada di dalamnya.

14 Untuk perbincangan lanjut tentang *Concordat* ini, lihat G. Lefebvre, *Napoleon From 18 Brumaire To Tilsit 1799–1807*, hlm. 133–144, dan perbincangan yang ringkas terdapat dalam Thomson, *Europe Since Napoleon*, hlm. 58–59.

Kanun ini merupakan antitesis kepada falsafah liberal dan nampaknya secocok dengan kehendak kaum menengah yang berharta dan berkedudukan pada masa itu – kaum borjuis. Prinsipnya ialah: bukan kuasa kerajaan yang patut dihadkan demi menjamin kebebasan, tetapi kebebasan patut dihadkan demi menjamin keutuhan kerajaan.¹⁵

SISTEM *PREFECT*

Dalam usahanya untuk memperkukuhkan negara, Napoleon Bonaparte juga memperkenalkan suatu sistem pemerintahan baru. Sistem ini dikenali sebagai sistem *Prefect*. Dengan sistem baru ini, semua daerah lama, iaitu kawasan yang dibahagikan menurut kepentingan seseorang ketua, kewangan dan lain-lain, telah dimansuhkan. Semua ini diganti dengan penubuhan kerajaan tempatan. Ketua pentadbiran kerajaan tempatan ini digelar *Prefect*.

Pada masa pemerintahan Napoleon, terdapat lebih kurang 100 *Prefect*. Menurut McManners, daripada jumlah ini terdapat 30 *Prefect* yang sudah pernah menjadi ahli dalam majlis perwakilan pada masa revolusi, 12 orang soldadu, 12 orang diplomat dan sejumlah kecil bekas *émigré* dan ahli Gereja. Pemilihan untuk jawatan ini dilakukan berdasarkan bakat setiap orang calon itu.¹⁶

Selain Kanun Napoleon dan sistem *Prefect* ini, Napoleon Bonaparte juga telah memperkemas pentadbiran Kementerian Polis pada tahun 1804. (Pada tahun 1802 kegiatan kementerian ini sebenarnya telah disekat). Pada tahun 1810, suatu dikri bagi mengembalikan semula peraturan yang terdapat dalam *letters de cachet* telah pula dikuatkuasakan. Dengan peruntukan ini, sesiapa sahaja boleh dipenjarakan atau dibuang negeri jika dikehendaki oleh ketua negara. Pembicaraan tidak diperlukan. Akhbar telah ditapis dengan ketat sekali. Surat-menyurat juga ditapis. Napoleon Bonaparte juga mempunyai sistem pengintip dan ejen rahsia yang digunakannya bagi mengawasi mana-mana kumpulan yang menentangnya. Menjelang tahun 1814, terdapat seramai 2500 orang banduan yang dipenjarakan kerana kesalahan terhadap negara.¹⁷

Napoleon Bonaparte sedar akan kekuasaan yang ada padanya. Malah kuasa yang ada padanya adalah melebihi kuasa yang ada pada raja Bourbon (wangsa sebelum revolusi). Apabila terdapat para pemikir yang menentang undang-undangnya yang menekan kebebasan, Napoleon Bonaparte membidas dengan mengatakan bahawa,

“Saya adalah seorang soldadu, putera revolusi, yang telah tampil ke muka umum dari kalangan rakyat, saya tidak akan membiarkan diri saya terhina seperti seorang raja.”¹⁸

Mereka yang pro-Napoleon Bonaparte sudah sewajarnya melihat langkah-langkahnya yang menekan ini sebagai sesuatu yang “terpaksa” dilakukan. Kata-kata Napoleon Bonaparte di atas mungkin dilihat sebagai ungkapan yang mencerminkan kepayahan yang dihadapinya bagi mengatasi dilema pada masa itu.

15 Lihat Lefebvre, *Napoleon From 18 Brumaire To Tilsit 1799–1807*, hlm. 164–168 dan juga Thomson, *op. cit.*, hlm. 57–59.

16 McManners, *op. cit.*, hlm. 61.

17 *Ibid.*, dan Thomson, *op. cit.*, hlm. 61.

18 *Ibid.*, hlm. 82.

NAPOLEON BONAPARTE SEBAGAI PENGKHIANAT REVOLUSI?

Namun begitu, seseorang *masih* juga boleh mengutarakan hujah bagi mempersoalkan kejujuran Napoleon Bonaparte dalam menjunjung cita-cita revolusi. Jika konsep *kehendak umum* itu disamakan dengan unsur idealisme yang terdapat dalam konsep itu sendiri, seperti demokrasi rakyat atau demokrasi terus, maka Napoleon Bonaparte mungkin dilihat sebagai telah menyeleweng daripada prinsip revolusi. Aliran hujah Soboul yang melihat Saint Just dan Robespierre sebagai para demokrat sosial yang telah menghalang kelahiran demokrasi rakyat tentu boleh dipanjangkan bagi merangkumi pemerintahan Napoleon Bonaparte juga.

Seterusnya pula, andainya dikatakan bahawa ciri-ciri idealistik daripada konsep *kehendak umum* itu walaupun sedap didengar tetapi tidak mungkin dipraktikkan. Kita sedia menerima bahawa revolusi borjuis itulah satu-satunya yang paling munasabah. Dari beberapa segi yang lain, pemerintahan Napoleon Bonaparte ini masih boleh dikatakan sebagai suatu pencabulan kepada cita-cita revolusi. Pencabulan yang paling ketara ialah pembentukan pemerintahan atau empayar yang berlandaskan kerabat dan keturunannya sendiri.¹⁹ Semua saudara lelakinya, melainkan Lucien Bonaparte²⁰ telah diberikan takhta; Joseph Bonaparte mula-mulanya menjadi raja Naples dan kemudian raja Sepanyol; Louis Bonaparte menjadi raja Belanda dan Jerome Bonaparte menjadi raja Westphalia. Menurut Markham, semua adik-beradik Napoleon Bonaparte yang menjadi raja sebenarnya tidak mempunyai kebolehan yang sesuai. Pada tahun 1804, Fouché, ketua polis negara Perancis, pernah mengutuk adik-beradik Napoleon kerana “ketidakupayaan melampau” mereka.²¹ Tentang ketidakpuasan hati serta rungutan adik-beradiknya yang menaruh harapan tinggi, Napoleon Bonaparte sendiri pernah menempelak mereka dengan kata-kata, “Daripada cara mereka bercakap, seseorang mungkin menganggap yang saya telah menyalahadbirkan harta warisan daripada bapa kami”.²²

Seseorang yang ada pertalian dengan Napoleon Bonaparte, disebabkan oleh perkahwinan dengan ahli keluarganya, turut juga mendapat keistimewaan. Murat, yang mengahwini saudara perempuan Napoleon Bonaparte, diberikan takhta Naples menggantikan Joseph Bonaparte yang ditukarkan menjadi raja Sepanyol. Seorang jeneral bernama Bernadotte telah dijadikan Marsyal dan putera mahkota Sweden semata-mata kerana isteri Bernadotte adalah saudara perempuan isteri Joseph Bonaparte. (Napoleon Bonaparte juga dikatakan pernah berhajat untuk melamar wanita yang kemudiannya mengahwini Bernadotte ini). Pada tahun 1809, Napoleon Bonaparte pernah memberikan

19 F. Markham mensabitkan tabiat Napoleon Bonaparte ini dengan semangat kuat berpuak di Corsica. Lihat F. Markham, *op. cit.*, hlm. 319. Lihat juga Lefebvre, *Napoleon From 18 Brumaire To Tilsit 1799–1807*, hlm. 65 dan McManners, *op. cit.*, hlm. 76.

20 Lucien Bonaparte enggan memansuhkan perkahwinan keduanya yang telah tidak dipersetujui oleh Napoleon Bonaparte. Napoleon Bonaparte menganggap Lucien Bonaparte telah mengahwini seseorang yang tidak secocok dengan tarafnya. Selepas tahun 1802, kedua-dua orang adik-beradik ini telah saling berkelahi. Pada akhir tahun 1807, Napoleon Bonaparte telah cuba mengaturkan perkahwinan anak perempuan Lucien Bonaparte dengan Ferdinand, iaitu pewaris kepada takhta Sepanyol. Sekali lagi Lucien Bonaparte membantah. Lihat Markham, *op. cit.*, hlm. 320.

21 *Ibid.*

22 *Ibid.*

gambaran seperti yang berikut tentang Bernadotte,

“Dia adalah pembelit yang tidak boleh saya percaya. Dia hampir lagi memusnahkan kemenangan bagi saya dalam peperangan Jena, dia bertindak sederhana dalam [peperangan] Wagram, dan dalam [peperangan] Austerlitz.”²³

Barangkali Bernadotte sudah bertukar. Mungkin juga Napoleon Bonaparte kemudiannya mendapati bahawa penilaiannya terhadap Bernadotte dahulu itu agak keterlaluan. Barangkali juga dalam hubungannya dengan kaum keluarga dan kenalannya Napoleon Bonaparte bersikap baik hati dan baik sangka; barangkali betul begitu, barangkali tidak. Tetapi jika benarlah telahan seperti yang diutarakan oleh Markham tadi, maka nyatalah Napoleon Bonaparte melanggar semangat revolusi kerana beliau melakukan nepotisme atau pilih kasih.

Napoleon Bonaparte juga melanggar cita-cita revolusi dengan anugerah *Legion of Honour* pada tahun 1802. Beliau juga memperkenalkan semula gelaran yang boleh diwarisi pada tahun 1808. Tujuan Napoleon Bonaparte ialah untuk memelihara taraf para pegawainya dan menambat hati mereka kepada pemerintahannya. Beliau membela tindakannya dengan mengatakan bahawa “saya tidak menjejaskan prinsip persamaan dengan memberi gelaran kepada orang tertentu, ini tidak saya lakukan berdasarkan keturunan darah, suatu perkara yang mana sekarang ini memang sudah dihancurkan”.²⁴ Kenyataan ini mungkin benar bersabit dengan *Legion of Honour* pada tahun 1802, tetapi bagaimana pula dengan peraturan tahun 1808 yang membolehkan pewarisan gelaran?

Peruntukan *Legion of Honour* tidak diluluskan oleh Dewan Perundangan dengan sebulat suara. Peraturan ini lulus dengan 166 undi menyokong sementara 110 yang lain membangkang.²⁵

Langkah-langkah Napoleon memusatkan dan memperkukuhkan pemerintahannya hanya boleh dibela dengan menyatakan bahawa revolusi berkehendakkan suatu pemerintahan yang kukuh demi menyelamatkannya daripada musuh golongan Jacobin pada satu pihak dan puak setia raja pada satu pihak yang lain. Ini pun jika kita bertolak daripada andaian bahawa apa yang dikehendaki oleh revolusi pada masa itu ialah suatu pemerintahan yang tegak antara politik diraja yang terlalu ke kanan dengan politik Jacobin yang terlalu ke kiri. Inilah juga andaian atau tujuan di sebalik beberapa *coup-d'état* yang berlaku daripada peringkat Thermidor membawalah kepada peringkat apabila Napoleon Bonaparte memegang teraju pemerintahan negara. Oleh sebab itulah Lefebvre, yang melihat revolusi menerusi interpretasi begini, menegaskan bahawa “kediktatoran Napoleon adalah sebahagian rapat daripada sejarah Revolusi Perancis”.²⁶ Napoleon Bonaparte juga nampaknya melihat dirinya dalam konteks yang sama. Beliau misalnya mengarahkan mereka yang menerima *Legion of Honour* berikrar,

23 *Ibid.*

24 *Ibid.*, hlm. 17.

25 G. Lefebvre, *Napoleon From 18 Brumaire To Tilsit 1799–1807*, hlm. 144.

26 *Ibid.*, hlm. 61.

“‘untuk menyerahkan diri mereka kepada perkhidmatan Republik’ dan ‘untuk melawan ... segala percubaan mengembalikan semula order feudal’, dan ‘untuk bersatu ... untuk mempertahankan kebebasan dan persamaan’.”²⁷

Jadi, nampaknya usaha untuk menyelamatkan negara daripada pemerintahan feudal telah dengan sendirinya pula melahirkan suatu pemerintahan yang mempunyai ciri-ciri feudal. Kita mungkin mahu memikirkan seketika tentang sama ada paradoks yang begitu rupa boleh diatasi atau tidak. Jika boleh, bagaimana? Dan jika tidak, mengapa?

KESAN DI NEGARA EROPAH LAIN

Peraturan yang menekan di Perancis mungkin tidak dirasakan oleh rakyat Perancis. Seperti yang telah diperkatakan sebelum ini, pada amnya keadaan negara telah menjadi lebih baik daripada masa pemerintahan raja Bourbon. Tetapi tidaklah begitu pula halnya dengan rakyat negara lain di Eropah. Pada mulanya terdapat sambutan baik terhadap tentera Perancis di merata Eropah. Mereka dianggap sebagai tentera pembebas. Rakyat Eropah merasa senang dengan tindakan Napoleon Bonaparte menghapuskan cukai dan peraturan feudal. Namun begitu, keadaan ini tidak kekal lama. Rakyat Eropah kemudiannya kerap kali merasakan bahawa kerahan tentera dan cukai baru yang dikenakan oleh Napoleon Bonaparte sebenarnya menyusahkan mereka pula. Perasaan tidak senang hati mereka ini didampingi pula oleh sentimen nasionalis. Ini akhirnya memalingkan mereka menjadi musuh Perancis. Tentera Perancis yang datang dan diterima pada mulanya sebagai soldadu revolusi bertukar menjadi askar penjajah.

Di negara yang ditakluk oleh Napoleon Bonaparte sebelum tahun 1804, seperti Belgium, Rhineland, Geneva, Piedmont dan Liguria, langkah penaklukan dijalankan dengan bersistem. Daerah ini semua kemudiannya terdedah kepada pasaran Perancis. Pendedahan ini memperkembangkan potensi ekonomi mereka. Namun begitu, kebanyakan daripada keuntungan hanya dirasakan oleh kaum borjuis atau menengah. Penjualan tanah serta pembukaan industri melahirkan golongan orang kaya baru – *nouveaux riches*. Langkah pembahagian tanah nampaknya menghampakan golongan rendah di negara-negara Eropah. Nasib mereka tidaklah sebaik golongan miskin di Perancis.²⁸ Hanya dalam kes penghapusan cukai Gereja terdapat kesan yang agak menyeluruh. Tetapi di setengah-setengah tempat, seperti di Utara Itali dan Belgium, banyak antara cukai ini telah pun dihapuskan terlebih dahulu. Segala kepayahan ekonomi ini tiba ke puncaknya apabila Napoleon Bonaparte melancarkan perang ekonomi secara besar-besaran terhadap Britain. Dasar inilah yang dikenali sebagai Sistem Kebenuaan.

SISTEM KEBENUAAN

Dengan dasar ini, Napoleon Bonaparte cuba mengasingkan Britain daripada segala kegiatan ekonomi Eropah. Britain mahu dipulaukannya. Ini dilaksanakan kerana Napoleon

27 *Ibid.*, hlm. 144.

28 G. Lefebvre, *Napoleon Bonaparte From Tilsit to Waterloo 1807–1814*, hlm. 204.

Bonaparte tidak dapat dengan mudahnya meluaskan empayarnya ke Britain menerusi kekuasaan tentera. Keadaan Britain agak berlainan sedikit daripada negara lain di Benua Eropah. Britain adalah sebuah kepulauan dan mempunyai tentera laut yang kuat. Kekuatan tentera laut Britain telah terbukti dengan kekalahan Napoleon Bonaparte di Tanjung Trafalgar di tangan Laksamana Nelson pada tahun 1805.

Sebelum peristiwa Trafalgar pun Napoleon telah pernah mengakui peri susahnyanya usaha untuk menakluki Britain. Pada tahun 1798, beliau memberitahu ahli Badan Pengarah,

“Dengan segala usaha kita, kita tidak akan dapat, buat beberapa tahun, menegakkan kuasa kita di laut ... saat yang sesuai untuk membuat persediaan bagi tugas ini mungkin telah terlepas buat selama-lamanya.”²⁹

Tentera laut Britain merupakan tentera laut yang handal pada zaman itu. Jika Napoleon Bonaparte menjadi lambang bagi jeneral yang gagah dan berani di Eropah, maka Nelson pula seolah-olah melambangkan laksamana yang perkasa dan berjaya. Namun begitu, sebelum peristiwa Trafalgar, ada juga ahli sejarah yang mengatakan bahawa terdapat bukti menunjukkan yang Napoleon Bonaparte memang berazam untuk menakluki Britain menerusi kuasa tentera laut.³⁰

Antara andaian utama Napoleon Bonaparte di sebalik pelancaran Sistem Kebenuaan ini ialah ekonomi Britain tidak kukuh. Anggapan ini lahir daripada pemerintahan beliau tentang hutang Britain yang begitu banyak dan pengeluaran wang kertas di Britain semenjak tahun 1797. Perancis pernah mengeluarkan amat banyak wang kertas, iaitu pada masa Revolusi Perancis mengalami kemelesetan ekonomi. Napoleon Bonaparte nampaknya mengaitkan pengeluaran wang kertas dengan kemelesetan ekonomi.³¹

Antara dikri penting yang diisytiharkan oleh Napoleon Bonaparte dalam dasar Sistem Kebenuaan ini ialah Dikri Berlin (November 1806). Menurut dikri ini, kepulauan Britain diisytiharkan sebagai kawasan sekatan dagangan. Semua perdagangan dan perhubungan dengan Britain diharamkan. Mana-mana rakyat Britain yang didapati di daerah takluk dan sekutu Perancis dianggap sebagai tawanan perang. Pada mulanya, sebahagian rakyat Britain telah hanya mengejek-ejekkan dikri ini.

Walau bagaimanapun, Britain telah bertindak balas pada bulan Januari, November dan Disember tahun 1807. Dasar ini dikenali sebagai Peraturan Dalam Majlis. Pada bulan Januari, misalnya, Britain mengeluarkan perintah agar beberapa pelabuhan tertentu dipulaukan. Mana-mana kapal yang didapati melanggar perintah ini boleh dirampas oleh kerajaan Britain. Peruntukan ini jelas merupakan ugutan kepada negara-negara pro-Perancis. Britain mahu mereka berpaling tadah. Pada bulan November dan Disember pula, Britain menghendaki kapal-kapal negara yang terlibat secara langsung dalam pertikaian Perancis-Inggeris mengambil lesen di pelabuhan Inggeris. Jawapan Napoleon Bonaparte kepada langkah ini ialah pengisytiharan Dikri Fontainebleau dan Dikri Milan pada bulan Oktober

29 F. Markham, *op. cit.*, hlm. 324.

30 Lihat A. Armies, “Armed Forces and The Art of War”, dalam Crawley (ed.), *op. cit.*, hlm. 80, dan F. Markham, *op. cit.*, hlm. 324.

31 F. Markham, *op. cit.*, hlm. 323.

dan Disember tahun 1807. Arahan terbaru daripada Napoleon Bonaparte ini mengatakan bahawa mana-mana kapal yang mengikut arahan Peraturan Dalam Majlis akan dicap sebagai kapal Inggeris.

Berikutan daripada sekatan ekonomi ini, perdagangan Inggeris mulai merosot. Daripada bulan Julai hingga bulan Disember tahun 1807, misalnya, eksport Britain ke benua Eropah berkurangan dan keadaan begini berlarutan hingga pertengahan tahun 1808. Tetapi pemberontakan terhadap Perancis di Sepanyol dan perang Perancis-Austria selepas itu (Kempen Wagram 1809) telah menjejaskan kekuasaan Napoleon Bonaparte di Eropah Utara. Ini membuka peluang baru kepada Britain. Eksportnya ke benua Eropah menjangkau satu rekod yang tinggi pada tahun 1809. Pembukaan semula peluang pemasaran di Eropah ini merupakan tamparan kepada dasar Perancis. Tetapi sebelum tahun 1809 pun Britain sudah dapat mengimbangi kerugiannya di Eropah dengan keuntungan yang diperolehnya di tempat lain. Ini akhirnya turut menggagalkan rancangan Napoleon Bonaparte.

KELEMAHAN SISTEM KEBENUAAN

Secara kasarnya, terdapat beberapa faktor utama yang menyebabkan kegagalan Sistem Kebenuaan Napoleon Bonaparte. Antaranya ialah kekukuhan serta perkembangan ekonomi Inggeris itu sendiri, tiadanya permuafakatan di kalangan Perancis, daerah takluk dan sekutu-sekutunya untuk melaksanakan Sistem Kebenuaan itu, dan ketiadaan jangka masa panjang dalam pelaksanaannya.

Kekukuhan sistem ekonomi Inggeris adalah di luar dugaan Napoleon Bonaparte. Britain sebenarnya sudah mempunyai sistem bank dan kredit terlebih awal daripada Perancis. Revolusi industri di Britain telah berkembang jauh lebih pantas daripada di Perancis. Pada tahun 1795, kedudukan Britain dan Perancis dalam bidang ini boleh dikatakan sama setanding. Tetapi antara tahun 1785 hingga tahun 1800, semasa Perancis berada dalam pergolakan revolusi politiknya, Britain terus maju dengan pesat. Pada tahun 1800 misalnya, ratusan jentera kuasa wap telah dihasilkan di Britain, terutamanya untuk kegunaan dalam bidang industri tenunan kain. Jentera ini telah dieksport. Perkembangan ini berterusan dan menjelang tahun 1850-an, revolusi industri Britain sudah mencapai tahap yang agak mantap. Perancis tercicir.

Pasaran Britain di luar negara juga bertambah, terutamanya di Brazil dan tanah jajahan Sepanyol di Amerika Latin. Tanah jajahan Sepanyol di Amerika Latin tidak mengiktiraf pemerintahan Joseph Bonaparte di Sepanyol. Eksport Britain ke Amerika Latin meningkat daripada 8 juta pada tahun 1805 kepada 11 juta pada tahun 1806 dan tahun 1807, dan seterusnya kepada hampir 20 juta pada tahun 1808 dan tahun 1809. Eksport ke Sepanyol dan Mediterranean meningkat daripada 4 juta pada tahun 1805 kepada 16 juta pada tahun 1811.³²

Ketiadaan perpaduan di kalangan Perancis, daerah takluk dan sekutu-sekutunya

32 G. Lefebvre, *Napoleon From Tilsit to Waterloo 1807–1814*, hlm. 112–113. Eksport ke Sepanyol adalah bersabit dengan usaha perang melawan Perancis.

dalam melaksanakan Sistem Kebenuaan menjadi begitu ketara jika kita perhatikan sikap Rusia. Rusia merupakan negara yang paling besar di Eropah dan ia mampu untuk bertindak tegas terhadap Britain. Tetapi Maharaja Rusia, Alexander I, berazam untuk memikirkan kepentingan negaranya sendiri dahulu dalam sebarang perhubungannya dengan negara lain. Jadi, dalam hubungan Rusia-Perancis, baginda sebenarnya tidak segan silu untuk mengenakan bayaran bagi sokongannya terhadap Sistem Kebenuaan Perancis. Ini menimbulkan kemarahan Napoleon Bonaparte. Hal yang sedemikian telah mendorong Napoleon Bonaparte mengendalikan usaha untuk menakluk Rusia. Tujuannya ialah untuk mengukuhkan Sistem Kebenuaannya. Beliau telah memulakan kempen tenteranya terhadap Moscow pada tahun 1812. Kempen ini telah berlarutan. Setelah pertempuran demi pertempuran, askar Perancis akhirnya tumpas dalam kesejukan salji Rusia pada bulan Disember tahun 1812. Kegagalan ini membawa kepada kehancuran Sistem Kebenuaan dan kehancuran empayar Napoleon Bonaparte.

Ketiadaan perpaduan ini menjelma juga dalam beraneka bentuk penyeludupan. Pihak Inggeris juga turut terlibat dalam kegiatan ini. Salah satu daripada peruntukan yang terdapat dalam Dekri Fontainebleau ialah penjatuhan hukuman 10 tahun penjara kepada sesiapa yang didapati menjalankan kegiatan menyeludup. Berasaskan dekri ini, mahkamah Hamburg pada tahun 1812, misalnya, pernah menjatuhkan 127 hukuman dalam masa hanya dua minggu dan beberapa daripada hukuman ini adalah hukuman mati.³³

Menurut Lefebvre dan Markham, Sistem Kebenuaan ini boleh mencapai kejayaan jika ia dilaksanakan dalam jangka masa yang lama dan dikendalikan dengan kemas tanpa sabotaj. Mereka berkeyakinan begitu kerana melihatkan akibat awal tekanan Sistem Kebenuaan terhadap ekonomi Britain. Kemelesetan ekonomi Britain pada tahun 1808 merupakan kemuncak kepada tekanan ini.³⁴ Tetapi Sistem Kebenuaan telah tidak dilaksanakan dengan rapi dan berterusan. Mengikut Markham, sistem ini hanya dilaksanakan dengan betul dari pertengahan tahun 1807 hingga pertengahan tahun 1808, dan dari pertengahan tahun 1810 hingga pertengahan tahun 1812.³⁵

Terdapat beberapa sebab kenapa pematuhan yang berterusan kepada dasar Napoleon Bonaparte ini telah tidak terjalin. Pihak yang memberi sokongan kepada Napoleon Bonaparte pada peringkat awal penaklukannya ialah puak borjuis. Mereka ini telah mendapat keuntungan daripada penghapusan sistem feudal. Tetapi dengan munculnya Sistem Kebenuaan, mereka mengalami kerugian: kegiatan perdagangan mereka tergugat. Sokongan daripada mereka semasa Napoleon Bonaparte menjadi Konsul luntur pada tahun 1810 hingga tahun 1812.

Nyata bahawa propaganda Napoleon Bonaparte tentang perlunya Eropah mengalami kesusahan sementara demi menghapuskan dominasi Britain dalam perdagangan laut telah tidak mendapat sambutan. Eropah tidak terdaya dan/atau tidak mahu menanggungnya. Napoleon Bonaparte sendiri goyang dengan pendiriannya. Misalnya, Napoleon Bonaparte telah membuat pengecualian dalam dasar sekatan ekonominya. Ini

33 *Ibid.*, hlm. 127, antara contoh lain yang menunjukkan ketiadaan kesatupaduan ini ialah pemberontakan di Sepanyol, keengganan Portugal mentaati Dekri Berlin dan berpaling tadahnya sekutu Perancis pada masa pertikaian peperangan Perancis-Rusia.

34 *Ibid.*, hlm. 111 dan F. Markham, *op. cit.*, hlm. 328–329.

35 F. Markham, *op. cit.*, hlm. 329.

terdapat dalam kes Tarif Trianon 1810. Berasaskan kepada peruntukan di dalamnya, lesen telah dikeluarkan bagi membolehkan pengimportan setengah-setengah barang dari daerah sekatan ekonomi. Kelonggaran ini dibuat dengan syarat jumlah barangan yang sama dieksport untuk menjagaimbangan perbelanjaan negara. Pengecualian ini hanya dikhususkan untuk negara Perancis sahaja.³⁶ Walau bagaimanapun, jika Sistem Kebenuaan dapat dilaksanakan secara berterusan dengan sokongan penuh negara Eropah berserta tanah jajahannya, misalnya termasuk Amerika Latin, kejayaannya masih belum boleh dikatakan terjamin seratus peratus. Siapa tahu, dalam keadaan yang betul-betul memaksa, Britain tampil pula dengan strategi yang lain! Sejarah tidak dapat dipentaskan semula, jadi hal ini tidak dapat kita pastikan.

SISTEM CUKAI DAN KERAHAN TENTERA

Seterusnya, Napoleon Bonaparte telah juga memaksa negara yang ditaklukinya menanggung segala perbelanjaan peperangan yang dikendalikannya. Negara berkenaan juga terpaksa membekalkan tentera Perancis dengan makanan. Westphalia, misalnya, dikenakan membayar 10 juta livres (?) bagi 12 500 orang askar Perancis yang menjadi 50 peratus daripada tenteranya. Itali pula terpaksa memperuntukkan lebih 30 juta untuk Perancis pada tahun 1809 daripada perbelanjaan negaranya yang berjumlah 127 juta. Itali hanya membelanjakan 42 juta saja untuk tenteranya. Seterusnya, negara yang ditakluki Perancis mesti membiayai ekonominya sendiri meskipun negara itu miskin seperti Ilyria. Dalam masa yang sama juga negara di Eropah terpaksa menanggung perbelanjaan bagi tenteranya sendiri yang kian meningkat bilangannya. Misalnya, jumlah askar Itali telah meningkat daripada 49 000 orang pada tahun 1810 kepada 91 000 orang pada tahun 1812, dan jumlah askar Duchy of Berg meningkat daripada 5000 orang pada tahun 1806 kepada 9400 orang pada tahun 1811.³⁷

PEMIKIRAN INTELEKTUAL

Dalam keadaan ketidakpuasan hati beginilah para intelektual turut memainkan peranan mereka. Mereka telah memusatkan atau menyalurkan rasa tidak puas hati ini kepada usaha membangkitkan semangat kebangsaan.

Pada mulanya, penyatuan daerah yang berasingan di Itali dan Jerman dikendalikan oleh Napoleon Bonaparte bagi melicinkan pemerintahannya. Tetapi pemusatan pentadbiran di Itali dan Jerman telah melahirkan rasa persamaan di kalangan orang Itali dan Jerman. Pemusatan pentadbiran telah membenihkan semangat kebangsaan. Ini merupakan akibat yang tidak dirancang dan tidak dihajati oleh Napoleon Bonaparte. Oleh sebab itulah Bruun menyifatkan Napoleon Bonaparte sebagai “bapa tiri” kepada nasionalisme Itali dan Jerman.

36 *Ibid.*, hlm. 328, lihat juga Lefebvre, *Napoleon From Tilsit To Waterloo 1807–1814*, hlm. 126–130.

37 G. Lefebvre, *Napoleon From Tilsit to Waterloo 1807–1814*, hlm. 291. Di sini Lefebvre tidak menyatakan mata wang yang digunakan dalam kes-kes yang dipetikanya. Saya andaikan mata wang yang berkenaan ialah mata wang Perancis dahulu, iaitu *livres*.

Di Jerman, terdapat dua orang cendekiawan yang turut mempelopori kebangkitan awal nasionalisme di negeri itu. Mereka ialah Johann Gottfried Herder dan Johann Gottlieb Fichte. Herder telah berpaling daripada konsep kosmopolitanisme yang popular pada abad ke-18 dan mengagungkan semangat kebangsaan. Saranan Rousseau bahawa individu hanya boleh mengembangkan potensi dirinya dan mengutarakan nilainya sendiri apabila terdapat keadaan bebas, telah dipadankan olehnya dengan nasib sesebuah negara. Jadi, bagi mencapai kematangan peribadinya sebagai sebuah negara, Jerman perlu dibebaskan daripada tekanan dan pengaruh asing. Oleh itu, dengan sendirinya Perancis menjadi sasaran nasionalisme Jerman.

Fichte pula telah menerapkan idea Herder ini melalui falsafah dan pendidikan. Kekalahan Prusia di tangan Perancis³⁸ dilihatnya sebagai kegagalan moral dan semangat. Ini perlu diatasi dengan pendidikan. Fichte menegaskan bahawa tugas ahli falsafah bukanlah menimbulkan keraguan tetapi menyelesaikannya. Perasaan keyakinan yang sejati perlu ditanam dalam jiwa manusia kerana tanpanya manusia akan sentiasa teragak-agak dan menjadi pengecut. Semasa di Universiti Berlin pada tahun 1813, Fichte menamatkan kuliahnya dengan kata-kata yang berikut:

“Kuliah ini digantung sehingga berakhirnya peperangan, apabila kita akan menyambungnya dalam ibu pertiwi yang bebas atau menakluki semula kebebasan kita dengan nyawa.”³⁹

Herdenberg, pelopor nasionalisme di Prusia, menegaskan pula bahawa Perancis hanya dapat dikalahkan dengan menjalankan reformasi di Prusia, iaitu reformasi yang lebih hebat daripada reformasi yang pernah dilakukan di Perancis. Beliau bimbang kepada tindakan yang membuta tuli. Berikut daripada ini beberapa reformasi telah dijalankan di Prusia. Banyak institusi feodal dimansuhkan. Bidang birokrasi dan ketenteraan diperbaiki dengan harapan Prusia akan dapat menebus kembali kekalahannya yang teruk (bersama Austria) di Jena pada bulan Oktober tahun 1806.

Di samping faktor pemikiran intelektual ini, terdapat juga perkara lain yang telah turut membangkitkan semangat anti-Perancis. Di Belanda, misalnya, tindakan mewajibkan bahasa Perancis di sekolah telah tidak disambut baik oleh rakyat Belanda. Di Belgium, tempat yang rakyatnya kuat berpegang kepada ajaran Katolik, dasar sekularisme Napoleon Bonaparte dan perkelahiannya dengan Paus menjejaskan ketaatan rakyat Belgium kepada pemerintahan Perancis.

Jelaslah terdapat banyak isu yang mendorongkan Eropah bangun menentang Perancis pada masa itu. Eropah tidak memberontak awal-awal lagi mungkin kerana ia tidak menemui peluang yang baik ataupun semangatnya belum begitu kuat. Peluang bagi Eropah memberontak rupanya tiba pada masa Perancis melanggar Rusia pada tahun 1812.

38 Yang dimaksudkan di sini ialah kekalahan Prusia di tangan Perancis pada bulan Oktober tahun 1806. Prusia, seperti juga Austria, merupakan salah sebuah negeri atau daerah Jerman pada masa itu, iaitu sebelum Jerman mencapai penyatuannya tanpa Austria pada masa pemerintahan Bismarck pada tahun 1871.

39 G. Bruun, *op. cit.*, hlm. 173.

Apabila kuasa Perancis nampak terjejas, maka sekutunya pula berpaling tadah. Akhirnya, ini telah membawa kepada kejatuhan Napoleon Bonaparte sendiri.

KEMPEN MELAWAN RUSIA DAN KEJATUHAN NAPOLEON BONAPARTE

Pada tahun-tahun revolusi (1798–1799), Perancis telah cuba menghasilkan apa yang digelarnya sempadan asli. Oleh itu, Perancis menakluki kawasan ke bahagian timurnya: Belgium, Jerman (bahagian barat dari Rhine), Savoy dan Nice. Kemudian Napoleon Bonaparte, semasa berada di puncak kuasa kemaharajaannya, telah menokokkan Belanda, Jerman Utara, Piedmont, Genoa, satu kerajaan di Itali Barat dan daerah Ilyria di pantai Dalmatia (kawasan daripada jajahan Austria) kepada daerah pemerintahannya. Rejim di bahagian lain di Jerman, juga di Itali, Sepanyol dan Grand Duchy of Warsaw telah semuanya bersandar kuasa kepada Napoleon Bonaparte. Negara yang digolongkan sebagai sekutunya pula termasuklah Sweden, Denmark, Norway, Prusia, Austria dan Rusia. Oleh itu, hampir seluruh Eropah berada di bawah telunjuk Napoleon Bonaparte.

Sebaliknya, Britain dan Portugal dan daerah Balkan yang berada di bawah kekuasaan kerajaan Turki, telah tidak dapat dikuasainya. Serangan terhadap Portugal pada tahun 1810 telah dapat ditangkis oleh Wellington. Beliau cuba menundukkan Britain dengan Sistem Kebenuaan tetapi gagal. Dalam pada itu, disebabkan Rusia bersikap acuh tak acuh terhadap perlaksanaan Sistem Kebenuaan, maka Napoleon Bonaparte telah memutuskan untuk melanggar Rusia. Kempen tenteranya terhadap Moscow ini juga gagal. Kegagalan serangan terhadap Rusia dan kegagalan Sistem Kebenuaan adalah berkait.

Napoleon Bonaparte memulakan kempen tenteranya terhadap Rusia pada bulan Jun tahun 1812. Kempen ini merupakan suatu gerakan secara besar-besaran. Pada 24 Jun dan 25 Jun para tenteranya, *Grand Armee*, telah menyeberangi Sungai Nieman yang memisahkan antara daerah Grand Duchy of Warsaw dengan Rusia. *Grand Armee* Napoleon Bonaparte dianggotai oleh 700 000 orang tentera. Daripada jumlah ini, 611 000 orang telah berturut-turut menyeberang sempadan masuk ke Rusia pada masa peperangan melawan Rusia. Tentera Napoleon Bonaparte dianggotai oleh rakyat berbagai-bagai bangsa di bawah kuasa takluknya. Dalam *Grand Armee* terdapat 300 000 orang Perancis, termasuk orang Perancis daripada daerah takluk; 180 000 orang Jerman, termasuk orang Austria dan Prusia; 9000 orang Swiss, 90 000 orang Pole dan Lithuania, serta 32 000 orang Itali, Ilyria, Sepanyol dan Portugis.

Pada mulanya, Napoleon Bonaparte menjangka peperangannya melawan Rusia akan mengambil masa yang singkat sahaja. Sehingga tarikh 20 Jun 1812, beliau masih mengharapkan pertempuran akan hanya terbatas di kawasan Poland (Grand Duchy of Warsaw). Tetapi tentera Rusia tidak menyerangnya di Poland, maka terpaksa tenteranya menyeberangi Sungai Nieman dan mara ke Rusia. Para tenteranya hanya membawa bekalan roti untuk empat hari dan konvoi yang mengiringi mereka membawa bekalan gandum untuk menampung keperluan makanan selama tiga minggu sahaja.

Sangkaan Napoleon Bonaparte tentang peperangan yang cepat nyata meleset. Tenteranya telah terlibat dalam kempen menentang Rusia daripada bulan Jun hingga bulan Disember. Tenteranya telah diperdayakan oleh taktik “pengunduran” tentera Rusia yang menyebabkan *Grand Armee* terpaksa mara lebih jauh ke daerah pedalaman Rusia. Di daerah pedalaman, mereka telah dilanda oleh kekurangan makanan, serangan gerila orang

Cossack dan salji serta kedinginan musim sejuk Rusia yang hebat. Tentera Napoleon Bonaparte tidak tahan menanggung ujian ini. Semenjak daripada 26 Jun lagi, iaitu dalam perjalanan dari Sungai Nieman menuju ke Vilna, sudah terdapat mereka yang tercicir dan lari. Konvoi tidak dapat bergerak se pantas para tentera. Ribuan ekor kuda mati. Di satu tempat bernama Smolensk, bilangan tentera yang dapat digunakan di tempat dan masa itu ialah 160 000 sahaja. Tentera daripada bangsa bukan Perancis merupakan jumlah yang paling ramai lari meninggalkan medan pertempuran.

Pada 5 September, tentera Perancis telah berhadapan dengan tentera Rusia berhampiran dengan Sungai Moskva. Dalam pertempuran hebat pada 7 September, pihak Perancis kehilangan 30 000 orang sementara pihak Rusia kehilangan 50 000 orang tenteranya. Pada 14 September, tentera Napoleon Bonaparte masuk ke Moscow. Daripada 15 September hingga 18 September, Moscow telah dibakar oleh pihak Rusia dalam gerakan *bumi hangus* bagi memastikan tentera Perancis akan menghadapi kepayahan mendapatkan bekalan makanan dan bantuan yang lain.

Napoleon Bonaparte bertahan di Moscow sehingga hampir sebulan. Kemudian harapannya mula pudar, lantas beliau memerintahkan tenteranya berundur. Dalam masa pengunduran pada bulan November dan bulan Disember ini, serangan daripada pihak Rusia, termasuk serangan gerila daripada orang Cossack, kepayahan makanan (kawasan desa telah diporak-perandakan oleh tentera Perancis semasa mara ke Moscow dahulu), dan kedinginan iklim musim sejuk terus menekan tentera Napoleon Bonaparte. Kuda makin banyak yang mati, kenderaan serta senjata telah ditinggalkan sahaja dan kadar keciciran di kalangan askar bertambah. Apabila tentera ini tiba ke Vilna (lebih kurang 25 batu dari Sungai Nieman) pada 9 Disember 1812, hanya 12 000 orang yang tinggal. Apabila tentera ini berundur ke Königsberg, 40 000 orang askar yang tercicir telah bergabung dengannya. Dalam satu ketumbukan lain yang telah berundur dengan selamat terdapat lebih kurang 55 000 orang askar. Napoleon Bonaparte telah kehilangan 400 000 orang askar sementara 100 000 orang lagi telah menjadi tawanan perang Rusia. *Grand Armée* Napoleon Bonaparte hancur.⁴⁰

Rusia merupakan domino pertama Napoleon Bonaparte yang jatuh. Kemudian daripada itu, dominonya yang lain turut jatuh bergilir-gilir. Sekutunya meninggalkan Napoleon Bonaparte satu demi satu. Beliau akhirnya dikalahkan oleh suatu pakatan kuasa Eropah dalam Perang Antarabangsa pada 18 Oktober 1813. Selepas itu, pada 17 April 1814, Napoleon Bonaparte mengesahkan Perjanjian Fontainebleau. Dengan ini, Napoleon Bonaparte diturunkan daripada takhta dan dibuang daerah ke pulau kecil Elba.

Kemudian, dengan Perjanjian Paris (30 Mei 1814) tanah jajahan dan takluk Perancis susut semula ke sempadan semasa sebelum penaklukan revolusi bermula, iaitu seperti keadaannya pada 1 Januari 1792. Dengan ini juga keturunan diraja Bourbon, Louis ke-XVIII, dinaikkan ke takhta. Kuasa besar Eropah yang mengalahkan Napoleon Bonaparte seterusnya menandatangani Penyelesaian Vienna pada 9 Jun 1814. Penyelesaian ini menitikberatkan pembahagian sempadan negara bagi mengutamakan prinsip imbangan kuasa. Tetapi dengan itu ia juga telah tidak mengendahkan semangat kebangsaan yang

40 Penceritaan kempen tentera menyerang Moscow ini adalah diasaskan kepada yang terdapat dalam Lefebvre, *Napoleon From Tilsit to Waterloo 1807–1814*, hlm. 311–318.

telah diperhebatkan oleh Revolusi Perancis dan Napoleon Bonaparte.⁴¹

Semasa dalam buangan di Elba, Napoleon Bonaparte lari untuk mengadu nasib lagi di Perancis. Beliau diberikan sambutan semula apabila beliau tiba di Perancis pada bulan Mac tahun 1815. Kebanyakan daripada tentera Perancis telah meninggalkan Louis ke-XVIII. Louis ke-XVIII lari. Petani dan rakyat biasa Perancis gembira menyambut kepulangan Napoleon Bonaparte. Nampaknya beliau masih berpeluang untuk berkuasa semula. Tetapi, bantuan terus daripada pihak tentera tidak kuat dan serentak. Sementara itu pula, negara Eropah yang lain berazam bersungguh-sungguh untuk menewaskan Napoleon Bonaparte sekali lagi. Pelarian 100 hari Napoleon Bonaparte ini berakhir di Waterloo. Di Waterloolah Napoleon Bonaparte menemui kekalahan penyudahnya di tangan Wellington – ketua tentera Inggeris yang pernah dahulunya menangkis serangan Napoleon Bonaparte terhadap Portugal. Selepas peristiwa Waterloo, beliau dibuang daerah lagi. Kali ini, beliau dihantar ke St. Helena, sebuah pulau kecil di lautan Atlantik. Di St. Helena Napoleon Bonaparte menulis *memoir*-nya dan beliau mati di sana pada tahun 1821.

POLITIK NAPOLEON BONAPARTE: IMBANGAN KUASA DAN NASIONALISME

Pertentangan Britain-Perancis adalah pertentangan hasrat dan kuasa. Masing-masing berhasrat untuk menjadi negara utama dalam bidang perdagangan laut. Masing-masing mahu menegakkan kuasa dan pengaruh di seluruh Eropah. Pertikaian Perancis-Rusia adalah juga pertikaian dalam bentuk yang sama. Kedua-duanya mahu menguasai dan memperkudakan Timur Dekat, Constantinople dan daerah Mediterranean. Kedua-duanya saling cemburu dan curiga-mencurigai terhadap perluasan pengaruh antara mereka. Apabila Napoleon Bonaparte membentuk Duchy of Warsaw, iaitu satu daerah Poland yang diambil daripada kuasa Prusia dan Austria, Tsar (Maharaja) Rusia menganggap tindakan ini sebagai ancaman terhadap pemerintahan Rusia di daerah Poland yang lain. Terdapat juga isu peribadi yang mungkin mempunyai implikasinya yang tersendiri. Misalnya, Napoleon Bonaparte pernah meminang seorang puteri Rusia tetapi apabila Rusia melambat-lambatkan urusan ini, Napoleon Bonaparte terus meminang puteri dari keluarga diraja Austria. Ia seterusnya merapatkan ikatan antara Perancis dengan Austria. Hal ini boleh dianggap sebagai tempelak dan juga ancaman terhadap Rusia.

Dengan adanya perselisihan antara Perancis dengan Rusia ini, tindakan sepakat Rusia dan Perancis menentang Britain di dalam rangka dasar Sistem Kebenuaan itu bukanlah sebenarnya merupakan suatu pakatan kukuh. Itulah juga sebabnya Rusia tidak bersikap serius terhadap perlaksanaan Sistem Kebenuaan. Itulah juga sebabnya mengapa Napoleon Bonaparte boleh memutuskan untuk melanggar Rusia yang terdahulu daripada itu merupakan rakan dalam satu ikatan dasar. Inilah antara telahan yang boleh kita buat.

Dari sudut yang lain pula, kita boleh menganggap tindak tanduk Napoleon Bonaparte sebagai bertujuan untuk mengetepikan segala bentuk perimbangan kuasa di Eropah. Napoleon Bonaparte tidak ghairah untuk mengimbang kuasa atau berkongsi

41 *Ibid.*, hlm. 353–358.

pengaruh dengan negara Eropah lain. Napoleon Bonaparte mempunyai harapan atau impiannya sendiri untuk Eropah. Ekoran daripada ini jugalah pada zaman selepas Napoleon Bonaparte, Eropah begitu bersungguh-sungguh cuba mengutamakan prinsip perimbangan kuasa dalam politik mereka.⁴²

Dalam membincangkan kejatuhan Napoleon Bonaparte, kita barangkali boleh juga menerangkannya dengan menekankan unsur kontradiksi yang terdapat dalam pemerintahannya. Contoh ini agak jelas ketara dalam pengendalian Sistem Kebenuaannya. Untuk menjadikan sistem ini betul-betul berkesan, Napoleon Bonaparte terpaksa meluaskan daerah penaklukan atau pengaruhnya. Tetapi tindakan perluasan kuasa dan pengaruh ini telah hanya menanamkan lagi keazaman mahu bertindak balas pada pihak Britain. Peraturan Dalam Majlis bolehlah dilihat sebagai manifestasi nyata kepada keazaman Britain ini. Perluasan kuasa dan pengaruh juga telah akhirnya menimbulkan bibit-bibit nasionalisme di Eropah. Semangat nasionalisme inilah yang telah berkembang biak dan kemudiannya menentang pula kuasa Napoleon Bonaparte. Napoleon Bonaparte berharap agar perluasan kuasa dan pengaruh menjadi penyelamat kepada pemerintahannya, tetapi sebaliknya ia menjadi faktor yang membawa kepada kehancuran kuasanya. Kontradiksi lain dapat juga dilihat dalam perbincangan untuk menentukan sama ada Napoleon Bonaparte itu musuh atau pembela Revolusi Perancis.⁴³

RUMUSAN

Dalam rumusannya tentang pemerintahan Napoleon Bonaparte, Lefebvre berpendapat bahawa kerajaan berbentuk kuku besi, iaitu kerajaan yang mempunyai kuasa jitu dan luas di pusat, tidaklah dapat dielakkan jika Revolusi Perancis mahu diselamatkan. Pada masa itu, musuh revolusi masih bertarung dengan kuasa-kuasa asing. Menurut Lefebvre lagi, kaum menengah di Perancis mahukan Napoleon Bonaparte mengendalikan tugas menentang musuh revolusi.⁴⁴

Tetapi Lefebvre juga menegaskan bahawa kediktatoran militer Napoleon Bonaparte tidak semestinya memerlukan pembentukan semula kerajaan berbentuk warisan. Pada pandangan Lefebvre lagi, satu aristokrasi orang atasan pula sudah tentu dan jelas tidak diperlukan. Lefebvre menyangkal dakwaan yang mengatakan bahawa sempadan Perancis dapat dikawal dengan paling baik menerusi peperangan. Peperangan Napoleon Bonaparte mengakibatkan peperangan yang berterusan. Walau bagaimanapun, Lefebvre sendiri sedia mengakui bahawa kegagalan kempen tentera Napoleon Bonaparte terhadap Moscow bukanlah sesuatu yang pasti dapat ditentukan dari awal-awal lagi. Apa yang dapat ditentukan ialah halangannya amat besar. Inilah yang cuba diatasi oleh Napoleon Bonaparte tetapi beliau tewas.⁴⁵

Penilaian Lefebvre ini jelas menampakkan sikap berbelah bahaginya terhadap Napoleon Bonaparte. Sikap ini pula patut dilihat dalam konteks kepercayaan bahawa

42 Lihat bab yang berikut.

43 Lihat sebelum ini, dan juga Lefebvre, *Napoleon From Tilsit to Waterloo 1807–1814*, hlm. 370; Bruun, *op. cit.*, hlm. 247; dan Thomson, *Europe Since Napoleon*, hlm. 62.

44 G. Lefebvre, *Napoleon From Tilsit to Waterloo 1807–1814*, hlm. 368.

45 *Ibid.*, hlm. 368–369.

pemerintahan Napoleon Bonaparte merupakan pemerintahan yang paling baik untuk Perancis pada masa itu. Sikap berbelah bahagi dalam menilai prestasi politik Napoleon Bonaparte ini kerap kali berlaku kerana para sarjana tidak dapat mengesampingkan begitu sahaja segala pencapaian nyata yang telah dihasilkan oleh Napoleon Bonaparte. Dalam pada itu pula mereka tidaklah buta terhadap unsur dan tindakan kediktatoran serta ganas yang juga dilakukan oleh Napoleon Bonaparte.

Kesediaan para sarjana melihat kebaikan Napoleon Bonaparte ialah kerana adanya kesedaran mereka tentang pembangunan atau peraturan konkrit yang telah dihasilkan oleh Napoleon Bonaparte. Jika McManners menekankan kebaikan sistem *prefect* Napoleon Bonaparte, Rudé pula ada memperkatakan tentang sistem persekolahannya. Memang betul dalam pemilihan penuntut untuk 6400 tempat yang terdapat di 45 buah sekolah menengah terpilih di Perancis (*Iyces*), 2400 tempat dikhaskan untuk anak-anak para pegawai tentera dan kerajaan. Namun, tempat yang selainnya adalah terbuka kepada penuntut berdasarkan kebolehan akademik mereka. Menurut Rudé, menjelang tahun 1813, sistem persekolahan ini sudah menjadi yang terbaik dan paling progresif di Eropah, dan 6000 penuntut dari *Iyces* telah ditempatkan di universiti di Perancis.⁴⁶

Tetapi kelemahan Napoleon Bonaparte juga pernah ditimbulkan oleh MacManners dan Rudé. Jadi, jika Bruun dan Tocqueville menggambarkan rakyat Perancis sebagai rakyat yang memang terlalu mementingkan faedah material yang segera daripada pencapaian idealisme jangka panjang, maka Rudé pun berpendirian yang sedemikian. Langkah Napoleon Bonaparte mengenakan had harga maksimum untuk penjualan gandum dan roti pada tahun 1812, misalnya, telah memenangi hati rakyat jelata. Seterusnya, dalam nada yang sama dengan pernyataan Bruun, Rudé menulis,

“Tetapi ketaatsetiaan orang awam (bagi mereka ini kebebasan politik yang dicanangkan oleh barisan pembangkang memberikan makna dan tarikan yang sedikit sekali), tidak berubah dan hanya luntur akibat tekanan kerahan tentera dan kesusahan dalam tahun-tahun perit 1813 dan 1814.”⁴⁷

Jelas Rudé mengakui bahawa Napoleon Bonaparte mendapat sokongan rakyat bukan kerana idealismenya tetapi kerana faedah ekonomi yang diberikannya kepada rakyat.

Dalam penulisan McManners, terdapat dakwaan secara langsung yang mengatakan bahawa Napoleon Bonaparte tidak mempunyai impian masa depan yang bermakna.⁴⁸ McManners mengatakan bahawa kekuatan Napoleon Bonaparte hanya terletak di atas kemampuannya memberikan faedah material kepada rakyat. McManners juga menegaskan bahawa pemerintahan Napoleon Bonaparte tidak lebih daripada satu pemerintahan *utilitarian*.⁴⁹

Namun dengan penegasan McManners yang mengatakan bahawa Napoleon Bonaparte ialah seorang *utilitarian*, beliau nampaknya bukanlah cuba untuk memperkecilkan Napoleon Bonaparte. Misalnya, apabila beliau menyentuh tentang hal banduan politik

46 G. Rudé, *op. cit.*, hlm. 234–235.

47 *Ibid.*, hlm. 236–237.

48 McManners, *op. cit.*, hlm. 90.

49 *Ibid.*, hlm. 86.

negara, McManners mengingatkan para pembacanya kepada kes yang lebih teruk yang kemudiannya berlaku di bawah pemerintahan Hitler dan Stalin.⁵⁰ Seterusnya McManners juga mengatakan bahawa Napoleon Bonarparte juga tidak boleh dituduh sebagai penoda kebebasan kerana kebebasan dan segala impian Revolusi Perancis 1789 sudah pun ranap semasa dia mula berkuasa. Lantas dalam konteks begini, McManners mengatakan persetujuannya dengan kata-kata Vandal yang berbunyi,

“Bonarparte boleh dipersalahkan kerana tidak mengasaskan kebebasan, dia tidak boleh dituduh sebagai telah menjahanamkannya.”⁵¹

Dalam pembelaannya terhadap Napoleon Bonarparte, McManners walau bagaimanapun, memperlihatkan juga unsur sinis dan/atau keraguan yang terdapat pada Napoleon Bonarparte. Misalnya, dia menggambarkan Napoleon Bonarparte sebagai senantiasa terus bertindak dan “mengembara” tanpa harapan apa pun tentang penghasilan kestabilan atau perimbangan yang tertentu. Napoleon Bonarparte dikatakan akan merasa semacam bingung jika beliau menemui perimbangan. McManners memetik ungkapan yang pernah dilafazkan oleh Napoleon Bonarparte sendiri bagi menguatkan gambarannya ini.⁵² Dalam kes penganugerahan *Legion of Honour* pun, di samping kesungguhan Napoleon Bonarparte mempertahankannya, terdapat juga sikap sinis di pihak Napoleon Bonarparte. Apabila Thibaudeau menyatakan rasa tidak setujunya terhadap *Legion of Honour*, Napoleon Bonarparte menjawab,

“Apa nak dikatakan, dengan main-mainanlah manusia itu diperintah.”⁵³

Seterusnya, unsur keraguan dalam diri Napoleon Bonarparte dapat dikesan dalam dialog antara dia dengan Giradin di perkuburan Rousseau di pulau Poplars:

Napoleon Bonarparte:	Adalah lebih baik bagi kesejahteraan Perancis jika orang ini tidak pernah dilahirkan.
Giradin:	Kenapa begitu Saudara Konsul?
Napoleon Bonarparte:	Dialah yang mengasaskan Revolusi Perancis.
Giradin:	Pada hemat saya, sepatutnya tidaklah wajar bagi Saudara Konsul bersungut terhadap Revolusi.
Napoleon Bonarparte:	Ah, masa depanlah akan menentukan sama ada lebih baik ataupun tidak bagi kesejahteraan Perancis jika Rousseau dan saya tidak pernah pun dilahirkan. ⁵⁴

Tentulah Napoleon Bonarparte masih boleh dibela biarpun terdapatnya unsur sinis dan keraguan di atas. Misalnya, seseorang itu boleh mengandai atau menegaskan bahawa unsur itu tidaklah begitu penting atau mendalam sehingga boleh menjejaskan kewibawaan

50 *Ibid.*, hlm. 84.

51 *Ibid.*, hlm. 85.

52 *Ibid.*, hlm. 90.

53 *Ibid.*, hlm. 85.

54 *Ibid.*, hlm. 79.

Napoleon Bonaparte secara keseluruhannya. Lagipun, bukankah orang lain juga tidak sunyi daripada diburui oleh perasaan sedemikian itu sedikit sebanyak?

Namun, jika diakui bahawa pemerintahan Napoleon Bonaparte memanglah merupakan sesuatu yang paling baik dalam konteks politik Perancis pada masa itu, dan jika juga konsep *utilitarian* itu sedia diakui sebagai sesuatu yang wajar atau memadai, maka mudahlah difahami sokongan rakyat terhadap pemerintahan Napoleon Bonaparte. Tetapi, barangkali di sinilah terletak ironi atau tragedinya kerana dengan penerimaan andaian ini juga, maka tiadanya sokongan rakyat pada masa Napoleon Bonaparte menghadapi kejatuhannya juga menjadi mudah difahami. Rakyat yang hanya dilayani atau dimanjakan dengan kebendaan tidak berupaya akhirnya untuk membentuk keperibadian yang luhur dan tegas. Rakyat yang sentiasa sahaja menerima arahan sehalu tidak berpeluang memupuk inisiatif dan rasa bertanggungjawab. Jadi Rudé, misalnya, mengatakan bahawa walaupun rakyat mendapat faedah material mereka telah diperkecil-kecilkan oleh Napoleon Bonaparte pada masa pemerintahannya. Dengan itu, mereka telah hilang semangat; lantas apabila gabungan tentera musuh mara ke Perancis mereka tidak memberikan apa-apa penentangan pun.⁵⁵

Seseorang itu mungkin tidak bersetuju dengan pendapat Rudé ini. Seseorang mungkin mengatakan bahawa Napoleon Bonaparte tidak berhajat untuk memperkecil-kecilkan rakyat atau mahu menghilangkan semangat mereka. Sikap autokratik Napoleon Bonaparte boleh dilihat sebagai sesuatu yang sebenarnya mencerminkan keyakinan Napoleon Bonaparte kepada keupayaan dan kebijaksanaannya dalam urusan pemerintahan negara. Napoleon Bonaparte mungkin hanya mengamalkan dengan tegas dan mudah konsep “pemerintah patut memerintah”. Rakyat tidak semestinya pula berasa diperkecil-kecilkan. Mereka mungkin berpuas hati dan menerima konsep dan amalan pemerintahan Napoleon Bonaparte sebagai sesuatu yang wajar. Tiadanya pemberontakan atau penentangan secara berleluasa terhadap pemerintahan Napoleon Bonaparte bukanlah disebabkan oleh tekanan dan kongkongan yang dikenakan terhadap rakyat, tetapi kerana rakyat sendiri memang memahami dan menerima pemerintahan Napoleon Bonaparte. Rakyat tidak bangun menentang tentera yang melanggar Perancis bukan kerana mereka sudah hilang semangat akibat daripada dasar autokratik Napoleon Bonaparte, tetapi kerana mereka sedar bahawa apa-apa bentuk penentangan pada masa itu sudah amat terlewat. Mereka sedar bahawa mereka tidak mungkin lagi mencapai kemenangan, lantas mereka telah hanya membiarkan sahaja kemaraan tentera berseku. Penentangan pada saat itu mungkin dianggap mereka sebagai sesuatu yang bodoh dan sia-sia dan bukan sebagai tindakan berani bagi membuktikan kecintaan mereka terhadap Napoleon Bonaparte. Mereka hanya mahu bertindak jika kemungkinan kejayaan itu memang jelas terbayang. Ini ialah sikap *utilitarian* ala Napoleon Bonaparte yang dipelajari mereka daripada Napoleon Bonaparte!

Walau bagaimanapun, ulasan pro-Napoleon begini masih lagi boleh dipertikaikan. Ia boleh dipertikaikan kerana pendapat yang mengatakan rakyat berpuas hati atau takut amat sukar hendak dibuktikan secara muktamad. Mereka yang mahu terus mengatakan bahawa rakyat Perancis tidak memberontak kerana takut tentu akan memberikan pene-

55 G. Rudé, *op. cit.*, hlm. 279.

kanan yang kuat kepada kewujudan undang-undang negara yang ketat dan mengancam kebebasan rakyat. Mereka akan berhujah bahawa kepuasan hati rakyat yang sebenarnya tidak mungkin tercapai dengan hanya terdapatnya faedah material. Jika rakyat memang percaya mereka berpuas hati, maka kepercayaan dan kepuasan itu adalah sesuatu yang dikesali, iaitu dikesali sekali oleh si pemerhati. Seterusnya, jika rakyat Perancis memang rela menyerahkan bulat-bulat kepada Napoleon Bonaparte yang dianggap sebagai *the enlightened despot*, maka si pengulas tentu pula boleh menegaskan betapa tidak wajarnya penyerahan mutlak dibuat kepada seorang manusia biasa yang menggubal undang-undang secara sendirian. Sikap percaya kepada keupayaan manusia biasa, sekali gus sesuai dan tidak sesuai dengan falsafah Kesedaran. Ia sesuai dengan penegasan ahli fikir Kesedaran bahawa *manusia adalah pengukur bagi segala sesuatu*. Dari satu segi lain, ia tidak sesuai kerana ahli fikir Kesedaran juga mengaku bahawa mereka bukan mahu merangka satu peraturan baru untuk masyarakat manusia tetapi hanya cuba mencari undang-undang yang sudah disediakan untuk manusia. Dalam kes ini, seseorang itu mungkin juga menegaskan bahawa Napoleon Bonaparte telah tidak bertemu dengan peraturan yang sudah tersedia dan sebagai gantinya telah menggubal satu set undang-undang yang sebenarnya tidak harmonis dengan naluri manusia. Rakyat Perancis menerima pemerintahan Napoleon Bonaparte bukan kerana kemurnian unsurnya tetapi kerana kemunculannya sebagai alternatif semasa yang difikirkan paling praktikal. Di sinilah pertikaian pendapat boleh berterusan dan kekal tanpa penyelesaian yang dipersetujui. Mereka yang pro atau yang terlalu pro-Napoleon tentu boleh mengatakan bahawa Napoleon Bonaparte memang sudah pun menemui (atau amat hampir menemui) peraturan untuk masyarakat manusia yang sudah tersedia dan dia hanya membantu usaha penjelmaannya ke alam realiti sahaja. Dengan perkataan lain, alternatif yang paling baik bagi rakyat Perancis pada masa itu adalah juga yang paling baik pada masa yang lain. Ini mungkin dinafikan oleh pihak lain. Jelas nampaknya persimpangan atau percanggahan pendapat begini sukar menghasilkan satu titik pertemuan yang dipersetujui.

Satu lagi prinsip unggul Revolusi Perancis dan para pemikir Kesedaran ialah persamaan dan kebebasan politik. Prinsip ini telah seolah-olah disamakan dengan penganugerahan hak mengundi bagi semua rakyat dewasa. Andaian (atau harapan) di sebalik prinsip ini ialah pencapaiannya akan menjamin kesejahteraan masyarakat kerana pada hakikatnya rakyat biasa itu murni dan bebas lantas mereka juga cintakan kemurnian serta kebebasan bagi manusia sejagat. Prinsip undi untuk semua ini telah diperkenalkan pada masa Revolusi Perancis tetapi perlaksanaannya terbantut. Prinsip ini juga telah diamalkan oleh Napoleon Bonaparte apabila beliau mengendalikan pungutan suaranya. Apa yang menarik ialah rakyat jelas telah menggunakan kesempatan itu untuk mengesahkan satu pemerintahan yang bercorak autokratik atau konservatif dan bukannya untuk memilih "kebebasan". Keadaan rakyat biasa yang tidak bertindak seperti para pemikir "progresif" mengharap mereka bertindak, telah menimbulkan semacam suatu masalah kepada para pemikir yang seolah-olah menyamakan rakyat jelata dengan segala "kemurnian". Apabila tentera Perancis menakluki negara Eropah atas nama idealisme itu, rakyat Perancis tidak juga menunjukkan "kemurnian" mereka dan menentang Napoleon Bonaparte. Fenomena begini berulang lagi dalam sejarah Eropah. Thompson, misalnya, melihatnya nyata berlaku selepas Revolusi-revolusi 1848. Thompson mengatakan bahawa,

“Sudahlah pasti, akibat daripada (Revolusi-revolusi 1848) golongan perlembagaan liberal tidak lagi takutkan hak mengundi untuk semua rakyat menjadi pintu gerbang kepada sosialisme; walaupun mereka takutkannya menjadi satu permulaan kepada kediktatoran.”⁵⁶

Jalan keluar daripada masalah ini dalam pemikiran atau falsafah Rousseau memang ada. Rousseau tidak menyamakan “kemurnian” atau apa yang dinamakan *kehendak umum* itu dengan suara rakyat terbanyak. Dengan perkataan lain, majoriti itu tidak semestinya sentiasa betul. Jadi, dalam pemikiran Rousseau pentakrifan terhadap apa itu *kehendak umum*lah yang merupakan pokok persoalan.

Namun, pada masa itu, negara lain yang belum mengamalkan prinsip undi untuk semua orang dewasa ini sedang bergolak dengan tuntutan yang inginkan prinsip itu diamalkan. Para liberal dan radikal di negara Eropah yang berkenaan melihat pengenalan atau pengamalan prinsip itu sebagai langkah progresif. Bagi mereka, prinsip ini masih merupakan kayu ukur bagi menentukan maju mundurnya, konservatif tidaknya, masyarakat atau politik sesebuah negara itu. Inilah salah satu isu yang terpenting yang terdapat dalam pergolakan revolusi yang melanda hampir seluruh Eropah pada tahun 1848. Peri pentingnya unsur idealisme para liberal atau intelektual ini ternampak apabila ada sarjana yang bersedia menggambarkan Revolusi-revolusi 1848 sebagai Revolusi Para Intelektual. Nampaknya, keadaan pada zaman Napoleon Bonaparte tempat rakyat jelata itu tidak semestinya boleh dipersamakan dengan segala kebaikan masih belum meninggalkan kesan di kalangan semua ahli masyarakat Eropah pada masa itu.

56 D. Thomson, *Europe Since Napoleon*, hlm. 62

BAB 3

REVOLUSI-REVOLUSI 1848

Pertembungan dan Ledakan Idea

ZAMAN SELEPAS NAPOLEON BONARPARTE

Zaman selepas kejatuhan Napoleon Bonarparte dikenali di Eropah sebagai *Zaman Pemulihan*. Pemulihan yang dimaksudkan di sini ialah pemulihan semula tampuk pemerintahan di Perancis kepada keluarga diraja dari wangsa Bourbon, pemulihan atau pengembalian semula daerah takluk Perancis kepada negara yang berhak terhadapnya sebelum daerah itu dilanggar oleh Napoleon Bonarparte, dan pemulihan pemerintahan daripada cara revolusioner kepada pemerintahan yang bercorak konservatif. Kuasa Eropah pada masa itu hanya mahu menyokong raja yang sah berketurunan daripada keluarga atau wangsa diraja.

Kuasa besar Eropah yang berjaya mengalahkan Napoleon Bonarparte, iaitu Britain, Austria, Rusia dan Prusia berazam untuk memastikan agar aktiviti penaklukan Perancis di Eropah tidak berulang semula. Untuk mencapai tujuan ini dan untuk melahirkan kestabilan politik, maka suatu sistem perimbangan kuasa diketengahkan. Dengan berlandaskan sistem ini, negara-negara besar di Eropah bersetuju tidak akan mencampuri urusan dalam negeri satu sama lain dan tidak akan melakukan sesuatu yang akan mengancam kestabilan politik sebenua. Menerusi sistem ini, perbincangan atau sidang kemuncak antara kuasa diadakan dari semasa ke semasa demi mengekalkan kesefahaman bersama.¹

Walau bagaimanapun, terdapat juga penekanan berbeza yang diberikan oleh kuasa-kuasa Eropah terhadap dasar ini. Pada satu pihak, Rusia mewakili kuasa yang paling konservatif. Rusia mahukan satu pakatan bersama bagi menundukkan mana-mana kebangkitan yang menentang kerajaan beraja. Di sebaliknya pula, Britain tidak bersetuju dengan pendirian Rusia ini. Britain merupakan wakil kepada semangat liberalisme. Britain mendapat sokongan Perancis sementara Rusia mendapat sokongan Prusia. Austria juga menyokong Rusia walaupun Menteri Luarnya, Metternich, lebih menyetujui cara diplo-

1 Misalnya di Aix-la-Chapelle (1818), Troppau (1820), Laibach (1721) dan Verona (1822). Lihat Thomson, *Europe Since Napoleon*, hlm. 135; lihat juga R. R. Palmer & J. Colton 1965. *A History of The Modern World*. New York: Alfred A. Knopf, hlm. 448–452.

masi halus daripada kegiatan campur tangan secara terang-terangan.

Jadi, zaman antara tahun 1815 hingga tahun 1848 ini rata-rata memperlihatkan pemikiran dan pemerintahan konservatif di Eropah. Dalam pada itu, terdapat juga peris-tiwa revolusioner pada tahun 1820 dan tahun 1830 yang mengancam arus konservatisme ini. Unsur yang cuba merombak keadaan ini ada kaitannya dengan Revolusi Perancis. Bahang daripada Revolusi Perancis masih lagi dirasakan. Kemaraan tentera Perancis mungkin telah dapat disekat tetapi perkembangan idea yang telah dibangkitkan oleh slogan “Persamaan, Persaudaraan dan Kebebasan” nampaknya sukar untuk dibendung begitu sahaja.

Revolusi pada tahun 1820 merupakan kebangkitan kebangsaan yang dipelopori oleh kumpulan tentera terhadap raja mereka sendiri yang tidak mereka sukai, atau terhadap kuasa asing yang menduduki negara mereka. Revolusi berlaku di Sepanyol, Portugal dan Itali. Semua revolusi ini ditumpaskan dan terdapat kuasa asing juga yang turut campur tangan dalam tindakan penumpasan ini, seperti tentera Perancis di Sepanyol dan tentera Austria di Itali. Dengan kemenangan kuasa monarki, para pemberontak kebangsaan ini terpaksa bergerak di bawah tanah atau ke negara yang lebih liberal seperti Britain, Switzerland dan Belanda. Oleh itu, pergerakan revolusioner ini telah diantarabangsakan dan dari tarikh ini juga beberapa kumpulan gelap telah mula membiak. Ada antara kumpulan ini sudah pun wujud pada zaman Napoleon Bonaparte lagi, bagi menentang pemerintahan Napoleon Bonaparte.²

Revolusi-revolusi pada tahun 1830 pula agak berlainan sedikit daripada revolusi tahun 1820. Revolusi tahun 1830 lebih merupakan revolusi bercorak liberal, bukan kebangsaan. Ia dipelopori oleh kumpulan yang lebih meluas ahlinya, merangkumi golongan kaya, golongan menengah, para cendekiawan, peguam, wartawan, ahli bank dan sebagainya. Ia berlaku di kawasan yang juga lebih luas: di Perancis, Belgium, di setengah bahagian Jerman, Itali, Switzerland dan Poland. Secara umumnya kebangkitan ini merupakan protes terhadap sekatan dan kekurangan yang terdapat dalam sistem pemerintahan kerajaan berunsur konservatif semenjak tahun 1815. Apa yang terdapat dalam semua pergerakan ini ialah hasrat untuk merapatkan lagi hubungan antara pemerintah dengan rakyat. Matlamat ini tidak mudah dicapai begitu sahaja; lagipun bentuk akhir matlamat ini berbeza-beza pula bagi para pemikir dan pejuang yang terlibat pada masa itu.

1848

Isu-isu politik penting yang menjadi punca pertikaian pada tahun 1820 dan tahun 1830, adalah juga isu yang menimbulkan konflik pada tahun 1848. Oleh itu, Revolusi-revolusi 1848 boleh juga dilihat sebagai kebangkitan yang ada hubungannya dengan apa yang telah berlaku pada tahun 1820 dan tahun 1830. Dari segi ini, perbezaan antara apa yang berlaku pada tahun 1830 dengan apa yang berlaku pada tahun 1848 bolehlah dilihat sebagai perbezaan dari segi darjah kehebatan sahaja. Pada tahun 1848, perbezaan pendapat di

2 Di Itali, misalnya, terdapat persatuan Carbonari yang ditubuhkan pada tahun 1820 dan mempunyai pengikut yang dianggarkan berjumlah antara 30 000 hingga 60 000 orang. Di Perancis pula, terdapat persatuan Carbonari yang ditubuhkan pada tahun 1821 atau tahun 1822 dan mempunyai pengikut yang berjumlah antara 40 000 hingga 80 000. Lihat juga Palmer & Colton, *op. cit.*, hlm. 438.

kalangan para pemikir dan pejuang anti-*status quo* nyata telah bertambah hebat daripada apa yang terdapat pada tahun 1830. Idea radikal sosialis sudah nyata muncul sebagai pesaing hebat kepada liberalisme. Sosialisme sudah menjadi suatu senjata anti-*status quo* yang baru. Kawasan yang dilanda oleh kebangkitan pada tahun 1848 juga lebih luas daripada kawasan yang terlibat pada tahun 1830. Di kalangan negara besar Eropah, hanya Sepanyol dan Rusia yang tidak mengalami apa-apa persengketaan. Revolusi yang serius telah tercetus di Perancis, Itali, Jerman, Austria, Bohemia dan Hungary. Sementara itu, kebangkitan juga terdapat di Switzerland, Denmark, Rumania, Poland dan Ireland. Di Britain, terdapat penyambungan semula kepada pergerakan *Chartist* yang bermula pada tahun 1838 dahulu.³

Secara kasarnya perbezaan pemikiran timbul kerana munculnya idea yang lebih radikal daripada apa yang sudah terkandung dalam konsep nasionalisme dan liberalisme. Pertarungan antara pemikiran radikal dengan pemikiran yang agak sederhana ini merupakan salah satu ciri yang terpenting dalam Revolusi-revolusi 1848. Kedua-dua pihak mempunyai sangkaan dan harapan bahawa jika idea serta tindakan mereka berjaya, maka masyarakat Eropah akan menempuh suatu zaman baru yang lebih baik dan lebih cemerlang. Dari segi ini mereka melihat tahun 1848 itu sebagai suatu tahap yang penting, yang boleh melahirkan sesuatu yang bermakna. Mereka yang terkemudian juga ada yang menerima kemungkinan ini. Oleh sebab itu, apabila tahun 1848 akhirnya tidak mengakibatkan sesuatu yang jitu, baik dan berkekalan maka terdapat ahli sejarah yang melihat tahun 1848 sebagai satu "titik belokan tempat sejarah moden gagal untuk membelok".⁴

Di samping faktor pemikiran, faktor ekonomi dan faktor "jangkitan" juga pernah diketengahkan bagi menerangkan pencetusan Revolusi-revolusi 1848 ini. Misalnya Stearns mengatakan bahawa,

"... secara keseluruhannya, kebangkitan ini semua adalah saling berkait, dikaitkan oleh sebab ekonomi, ideologi dan oleh kepesonaan yang ditimbulkan oleh revolusi itu sendiri. Terdengarnya berita bahawa sesuatu rejim di tempat lain telah tergugat menjadi [seolah-olah] satu alasan yang sah untuk cuba membuat tindakan yang sama di tempat sendiri."⁵

Namun begitu, memang sedia terdapat perbezaan pendapat di kalangan ahli sejarah tentang kepentingan pengaruh faktor ini, sama ada ideologi, ekonomi atau yang lain, berhubung dengan pencetusan Revolusi-revolusi 1848.

ROMANTISISME

Salah satu idea penting yang mempengaruhi para aktivis revolusioner pada masa itu ialah

- 3 Pergerakan ini bermula dengan rayuan yang dibuat kepada parlimen pada tahun 1838. Rayuan yang dikenali sebagai *People's Charter* atau Piagam Rakyat telah menuntut, antara lain, hak mengundi bagi semua lelaki dewasa dan parlimen tahunan tanpa pengenaan syarat harta. Keganasan dan rusuhan telah berlaku pada tahun 1839 tetapi rayuan ini telah ditolak. Rayuan kedua yang dibuat juga ditolak. Kebangkitan semula pergerakan ini pada tahun 1848 dikatakan dipengaruhi oleh kejadian di benua Eropah semasa itu.
- 4 G.M. Trevelyan, seperti yang dipetik dalam M. Kranzberg (ed.) 1959. *1848: A Turning Point?* Massachusetts: H.C. Heath & Co., hlm. IX.
- 5 Stearns, P.N., 1974. *The Revolutions of 1848*. London: Weidenfeld and Nicolson, hlm. 1.

romantisisme. Pergerakan atau pemikiran romantis ini sebenarnya telah tersebar di kalangan ahli seni kesusasteraan dan budaya Eropah. Ahlinya yang terkenal ialah daripada bangsa Inggeris dan Perancis walaupun terdapat juga mereka yang daripada bangsa Jerman dan lain-lain. Walaupun mereka bergerak secara khususnya dalam bidang seni kesusasteraan dan budaya, mereka juga mempunyai pertalian dengan perkembangan pemikiran politik. Romantisisme pernah disifatkan sebagai jiwa kepada revolusi politik. Adalah agak sukar untuk menggolongkan para pendukung romantisisme ini kesemuanya ke dalam mana-mana satu kategori pemikiran politik, iaitu untuk menentukan sama ada mereka itu konservatif, radikal, liberal, kuat beragama atau sebaliknya. Kesukaran penentuan itu adalah kerana terdapatnya perbezaan pendirian di kalangan mereka dan juga penukaran sikap sebahagian daripada mereka dari semasa ke semasa. Terdapat para pendukung romantisisme pada awal abad ke-19, seperti Rene Chateaubriand (Perancis), Friedrich Novalis dan Friedrich Schlegel (Jerman), yang mempunyai kepercayaan agama yang kuat. Mereka ini konservatif dan menentang pemikiran Kesedaran. Penyajak Inggeris pula, seperti William Wordsworth, Robert Southley dan Samuel Coleridge, semuanya menyokong Revolusi Perancis pada peringkat permulaan revolusi itu. Tetapi setelah Revolusi Perancis menempuh peringkat yang lebih radikal, melampau dan ganas, mereka menjadi antirevolusi dan menyokong idea dan institusi tradisional pula. Sementara itu pula angkatan karyawan romantis pada tahun 1820-an, nyata telah memihak kepada fahaman demokrasi dan liberal. Oleh sebab adanya perbezaan begini, tentu wajar juga jika seseorang itu bertanya di manakah terletakinya persamaan mereka sehingga mereka semua dapat digolongkan sebagai para karyawan romantis? Persamaan mereka terletak di sini: walau apa pun fahaman atau sikap mereka pada sesuatu ketika, mereka pada masa itu percaya bahawa fahaman dan sikap yang mereka pilih itulah yang boleh membuka lembaran baru dalam kehidupan manusia sejagat, yang boleh menemukan manusia dengan sistem impian, suatu *utopia*. Jadi, kadangkala dalam keadaan tertentu ada daripada kalangan mereka yang percaya revolusi boleh melahirkannya, pada ketika lain pula (mungkin bagi orang yang lain pula) konservatisme, atau liberalismelah yang boleh melahirkannya dan begitulah seterusnya. Dalam kepercayaan dan pendirian mereka, mereka juga menekankan kepentingan unsur perasaan. Mereka juga mengagungkan tradisi rakyat sesuatu negeri, sastera rakyat daerahan, dan ini bertentangan dengan semangat persaudaraan sejagat atau kosmopolitanisme yang telah dibangkitkan oleh Revolusi Perancis. Di sinilah juga terletakinya sumbangan penting mereka terhadap kebangkitan nasionalisme negara-negara Eropah.

Oleh sebab golongan yang mendukung pemikiran romantis ini menekankan kepentingan unsur perasaan, maka muncul pendapat yang mengatakan bahawa mereka ini tidak realistik. Hauser, misalnya menerangkan bahawa para romantis sebenarnya adalah mereka yang telah merasa kecewa dengan kemungkinan timbulnya suatu era baru bagi manusia. Harapan menggunung yang telah lahir bersama-sama dengan pergerakan Kesedaran Revolusi Perancis nampaknya gagal untuk sampai ke satu matlamat yang memuaskan hati mereka. Jadi, sebagai reaksi kepada aliran pemikiran yang mengagungkan akal manusia, mereka telah berpaling kepada aliran pemikiran yang mengutamakan perasaan manusia. Hauser mengatakan bahawa mereka ingin lari daripada kehampaan mereka dan “mendapatkan perlindungan dalam satu [masyarakat] silam yang mereka cipta sendiri tempat segala impian dan hajat mereka dapat dihasilkan dan tempat mereka menyekat ketampilan

segala ketegangan antara idea dengan realiti, diri dengan alam luas, individu dengan masyarakat..."⁶

Tetapi penilaian Hauser terhadap para romantis ini tidak dipersetujui oleh semua sarjana. Misalnya, Croce dan Barzun jelas menafikan ketepatan dakwaan bahawa para romantis telah menggantikan kepercayaan kepada akal manusia dengan kepercayaan kepada perasaan manusia. Menurut Croce dan Barzun, para romantis kuat menekankan kepentingan perasaan kerana mereka mahu memberi suatu perimbangan kepada penekanan yang begitu kuat yang diberikan kepada kepentingan akal manusia pada masa itu. Namun begitu, tujuan para romantis bukanlah mahu menggantikan sesuatu fahaman dengan sesuatu fahaman yang lain; mereka hanya mahu agar kepercayaan atau sandaran manusia kepada akal diperlengkapkan pula dengan kepercayaan kepada keunggulan perasaan.

Seterusnya, apabila Croce dan Barzun memperkatakan tentang unsur eskapisme dan keterlaluan di kalangan para romantis, mereka mendakwa bahawa para romantis yang dijangkiti (dan dimusnahkan) oleh unsur begitu bukanlah merupakan para pendukung sejati romantisme. Mereka merupakan unsur pinggir romantisme sahaja. Para romantis memang peka tetapi kepekaan mereka digunakan untuk membangun, bukan untuk lari, meradang dan merajuk dengan tidak tentu hala.⁷

Namun dalam pembelaannya terhadap para romantis, Croce mengakui bahawa di kalangan tokoh ternama romantis seperti Chateaubriand, Byron dan Shelly pun terdapat unsur nilai yang songsang. Tetapi mujurnya, kata Croce, tokoh-tokoh ini mempunyai juga unsur positif yang lain.⁸ Barzun melihat kelemahan yang terdapat di kalangan para romantis dengan pandangan yang begitu bersimpati sekali. Katanya,

"Namun, oleh sebab mereka insan biasa, bukan dewa-dewa, mereka kerap kali menderita dan kadangkala tumpas akibat daripada tekanan tanggungjawab mereka. Tenaga, penghasilan, bakat dan kekuatan moral mereka menakjubkan, [namun] mereka juga melihat akan kelemahan yang terdapat dalam diri mereka [dan ini] telah mendorong mereka mengisytiharkan insan sebagai gagah dan juga lemah. Pengertian murung mereka terhadap kegagalan dan kecintaan kepada mati; penyimpangan mereka kepada candu dan dadah; pengunduran sebahagian daripada mereka ke alam impian tradisional, semuanya membuktikan bahawa nasib mereka adalah tragik. Yang paling baik di kalangan mereka sebenarnya menjadi semacam wira tragedi kerana mereka sekali gus berjaya dan gagal, mengagumkan dan menyakiti hati kita. Mereka adalah di luar ukuran rakyat biasa dan kita tidak dapat mencontohi mereka tetapi kita juga tidak dapat mengkesampingkan mereka."⁹

Persoalan sama ada para romantis itu berhaluan positif atau negatif adalah sesuatu yang menarik. Penyelesaian kepada persoalan ini tentu melibatkan bukan sahaja pentafsiran tetapi juga pegangan nilai seseorang pengkaji. Walau bagaimanapun, sese-

6 A. Hauser, "A Flight From Reality" dalam J.B. Halsted (ed.) 1965. *Romanticism, Problems of Definition, Explanation and Evaluation*. Massachusetts: D.C. Heath & Co., hlm. 70.

7 Lihat G. Croce (terj. Furst) 1967. *History of Europe in The Nineteenth Century*. New York: Harcourt, Brace & World Inc., hlm. 42–44 dan J. Barzun, "The Romantic Ethos", dalam N.F. Cantor & M.S. Werthman (ed.) 1967. *The Making of The Modern World: 1815–1914*. New York: Y. Thomas & Crowell Co., hlm. 60–65.

8 G. Croce, *op. cit.*, hlm. 51.

9 J. Barzun, "Intrinsic and Historic Romanticism", dalam Halsted (ed.), *op. cit.*, hlm. 28.

orang itu barangkali tidak akan menafikan bahawa arus romantisme ini memang telah mempengaruhi para aktivitis dalam Revolusi-revolusi 1848. Bentuk pengaruh itu adalah persoalan yang berasingan pula. Pengaruhnya (sama ada positif atau negatif) telah dikesan dan sedia diakui oleh ahli sejarah.¹⁰

LIBERALISME

Satu lagi aliran pemikiran yang telah memainkan peranan dalam Revolusi-revolusi 1848 ialah liberalisme. Perkataan liberal sebagai satu istilah politik mula digunakan pada awal abad ke-19. Pada masa itu, istilah ini bermakna sesuatu fahaman yang bersetuju dengan pemulihan dalam pemerintahan negara. Liberalisme memihak kepada konsep pemerintahan menurut perlembagaan, kuasa Dewan Perwakilan yang mewakili rakyat (berada), dan ini adalah bercanggah dengan konsep pemerintahan monarki yang umum terdapat di Eropah pada masa itu. Oleh sebab liberalisme pada masa itu dianggap sebagai suatu fahaman yang radikal, fahaman liberal ini dikaitkan juga oleh golongan yang tidak bersimpati dengannya, (golongan konservatif), dengan tindakan melampau Revolusi Perancis.

Tetapi jika dilihat daripada ukuran politik Barat sekarang, liberalisme pada masa itu adalah suatu fahaman pertengahan sahaja; malah mungkin boleh dikatakan sebagai sesuatu yang lebih dekat kepada fahaman politik sayap kanan. Pada masa itu, walaupun liberalisme tidak bersetuju dengan feudalisme, ia juga tidak bersetuju dengan langkah-langkah yang lebih demokratik seperti hak mengundi bagi semua rakyat tanpa syarat kewangan. Sekarang ini pula golongan radikal sayap kiri menganggap campur tangan pemerintahan dalam kegiatan ekonomi negara amat perlu, tetapi para liberal masih tetap percaya dan memperjuangkan ekonomi bebas.

Liberalisme di Eropah bertukar corak apabila terdapatnya perkembangan yang tidak mungkin diketepikannya begitu sahaja. Antara perkembangan ini ialah gelombang fahaman demokratik (iaitu persamaan manusia dari segi politik dan undang-undang) yang dibangkitkan oleh Revolusi Perancis yang nampaknya tidak dapat dibendung lagi, ketibaan zaman revolusi industri, kelahiran gerakan pekerja yang menuntut pembelaan, perluasan pengaruh sosialisme dan kebangkitan fahaman nasionalis di Eropah. Liberalisme berkompromi, atau berundur, demi mendamaikan kekencangan segala ini. Ia kemudiannya tidak lagi menentang hak mengundi untuk semua rakyat dan telah mula juga bersimpati dengan golongan pekerja serta mempelopori sistem kebajikan untuk pekerja. Para liberal khuatir keutuhan liberalisme sebagai suatu ideologi politik akan terjejas jika mereka tetap tidak berganjak daripada pendirian lama.

Walau bagaimanapun, “pengunduran” liberalisme ini adalah pada peringkat yang lebih akhir – pada akhir abad ke-19, malahan pada abad ke-20 juga. Lagipun perkembangan ini berpusat di Britain. Jadi, bagi tujuan mengkaji Revolusi-revolusi 1848, liberalisme barangkali hanya perlu difahami dalam konteks iklim politik pada masa itu. Dalam konteks masa itu, liberalisme merupakan, suatu fahaman anutan kaum menengah

10 Lihat misalnya, P.N. Stearns, *op. cit.*, hlm. 48–49 dan hlm. 248, Thomson, *Europe Since Napoleon*, hlm. 231 dan hlm. 141–145 dan Hauser, *op. cit.*

yang menentang feudalisme. Tetapi liberalisme sendiri telah ditentang oleh suatu faham lain yang lebih radikal – faham sosialis.

Perlu juga diingat bahawa penganut liberalisme percaya faham mereka bukan sahaja boleh menguntungkan kaum menengah tetapi juga semua golongan lain. Jika terdapat sebahagian manusia lebih beruntung daripada manusia yang lain dalam sistem itu, maka itu adalah secara kebetulan sahaja. Mereka juga dipengaruhi oleh romantisme. Mereka mempunyai harapan dan impian mereka yang tersendiri. Para liberal yakin satu era baru yang lebih cemerlang akan lahir di Eropah, jika faham mereka dijadikan landasan pemerintahan dan kehidupan.

SOSIALISME

Pada abad ke-19, sosialisme agak sukar dibezakan daripada komunisme. Sosialisme seperti juga liberalisme dan demokrasi di Eropah, dapat digaluri pertumbuhannya ke zaman Revolusi Perancis. Thomson mengatakan bahawa jika pihak liberal menekankan unsur kebebasan yang dilaungkan oleh Revolusi Perancis, dan demokrasi mengutamakan persamaan maka sosialisme mementingkan persaudaraan.¹¹ Ini ada juga betulnya tetapi mungkin pula tidak berapa tepat dalam satu segi yang lain pula. Dari satu sudut yang lain kita boleh melihat perbezaan antara demokrasi dengan sosialis begini: demokrasi menekankan persamaan sivil, persamaan di sisi undang-undang dan hak politik, walhal sosialisme mengutamakan persamaan kedudukan ekonomi di kalangan ahli masyarakat secara keseluruhannya. Menurut faham sosialis persamaan dari segi sivil dan politik tidak bermakna tanpa persamaan dalam bidang ekonomi. Walau bagaimanapun, persamaan yang dimaksudkan bukanlah persamaan kasar yang mendatar. Pemikir dan penganut sosialisme mengiktiraf perbezaan yang terdapat antara manusia dari segi bakat dan kepentingan mereka. Lantas slogan sosialisme yang utama dan biasa didengar ialah “dari seseorang menurut kemampuannya, untuk seseorang menurut sumbangannya”.

Pada peringkat awal ini terdapat dua cabang sosialisme. Perbezaan ini lebih merupakan perbezaan dari segi teknik bagi mencapai matlamat dan bukan dari segi matlamat akhir itu sendiri. Terdapat satu kumpulan yang lebih mementingkan cara damai bagi mencapai matlamat mereka. Mereka menentang pemusatan kuasa di dalam pemerintahan dan menaruh kepercayaan kuat kepada keupayaan manusia biasa untuk mengendalikan sendiri urusan kemasyarakatan. Mereka percaya kepada kemungkinan menjelangny zaman kemakmuran daripada revolusi industri. Oleh itu, mereka mengagungkan pekerjaan dan pekerja, serta memandang rendah golongan yang menyara hidup tanpa bekerja dengan tulang empat kerat. Kumpulan ini diwakili oleh para pemikir seperti Saint Simon, Cabet dan Fourier. Walaupun pemikiran sosialis ini revolusioner, tindakan ramai antara para penganutnya tidaklah pula memperlihatkan unsur revolusioner yang nyata. Terdapat mereka yang berpindah ke Amerika dan cuba membentuk satu masyarakat impian sosialis mereka di Illinois. Tidak hairanlah jika dikatakan yang kumpulan sosialis begini tidak begitu mengancam *status quo*.

Kumpulan sosialis yang mengancam *status quo* secara terang-terang ialah kumpulan

11 D. Thomson, *Europe Since Napoleon*, hlm. 125.

yang menyarankan rampasan kuasa sebagai suatu taktik politik yang sah dan mempraktikkan kepercayaan mereka itu. Mereka juga menyokong campur tangan kerajaan dalam urusan ekonomi bagi menjamin hak dan kesejahteraan hidup kaum pekerja. Mereka berusaha keras ke arah ini. Para pemimpin utama kumpulan ini terdiri daripada Babeuf (1760–1797), Buonarroti (1761–1837), Louis Auguste Blanqui (1805–1881) dan Louis dalam Blanc (1811–1822). Mereka semuanya pernah terlibat menghasilkan penulisan radikal atau percubaan merampas kuasa atau kedua-duanya sekali. Pada umumnya, Babeuf dianggap sebagai pengasas tradisi komunis moden; dan Buonarroti, menerusi bukunya *La Conspiracy pour l'Egalite*, telah mempengaruhi beberapa generasi sayap kiri Eropah selepasnya.¹² Blanqui dan Blanc terlibat secara aktif dalam Revolusi-revolusi 1848. Mereka berpendapat kuasa pemerintahan patut diperoleh dahulu dan kemudian barulah konsep sosialisme itu dapat dijemakan. Golongan merekalah yang merupakan golongan yang betul-betul berazam untuk mengubah peraturan sosioekonomi dan politik di Eropah pada masa Revolusi-revolusi 1848.

MARXISME/KOMUNISME

Marxisme atau komunisme telah juga dilihat sebagai lanjutan kepada tradisi Babeuf. Tetapi Marx merupakan orang yang mula-mula sekali menentengahkan dengan cara yang terperinci konsep peperangan kelas. Beliau telah mengemukakan teori yang jika dipraktikkan, katanya, akan memungkinkan kaum pekerja berkuasa dalam satu masyarakat tanpa kelas.

Menurut faham Marx, masyarakat berubah kerana sistem pengeluarannya berubah-ubah, iaitu daripada komunisme primitif kepada sistem perhambaan, feudalisme, kapitalisme borjuis, sosialisme dan akhirnya komunisme. Sistem pengeluaran ini mewarnai cara pemikiran manusia, iaitu sistem feudal menghasilkan manusia yang berfikir feudal, kapitalisme borjuis menghasilkan pemikiran kapitalis, sosialisme menghasilkan pemikiran sosialis dan seterusnya. Dalam istilah Marxis, golongan borjuis ialah golongan pemodal – mereka yang mempunyai daya pengeluaran: pemilik jentera, tuan empunya kilang, ahli kewangan dan sebagainya. Mereka yang menjualkan tenaga mereka kepada golongan borjuis ini dinamakan kaum *proletariat*.¹³

Menurut hemat Marx, revolusi tidak dapat dipaksa-paksa. Masa untuk keadaan revolusi itu betul-betul masak terpaksa ditunggu. Dalam teorinya, masa yang betul-betul masak untuk revolusi (komunis) itu hanya akan tiba apabila proses perindustrian sudah tiba ke puncak perkembangannya. Di peringkat itu, eksploitasi kaum borjuis terhadap kaum proletariat kian hari kian meruncing sehingga akhirnya revolusi sudah tidak boleh dielakkan lagi. Pertentangan kelas, bagi Marx, adalah satu proses yang memakan

12 Buku ini (dicetak pada tahun 1828) ialah tentang kegiatan sulit untuk menjatuhkan pemerintahan *Directory* di Perancis pada tahun 1796. Dalam peristiwa tahun 1796 itu Buonarroti telah terlibat bersama-sama dengan Babeuf.

13 Untuk penulisan Marx yang lebih lanjut tentang hal ini, lihat misalnya, K. Marx & F. Engels (ed. C.J. Arthur) 1970. *The German Ideology*. New York: International Publication, Bhg. I, hlm. 39–94, dan K. Marx & F. Engels, *Manifesto of the Communist Party*. Terdapat juga dalam D.J. Struik 1971. *Birth of The Communist Manifesto*. New York: International Publishers, hlm. 87–125.

masa. Jadi, bagi Marx, ahli sosialis seperti Saint Simon dan lain-lain yang mengharapkan pembentukan masyarakat sosialis dengan cara mudah, dan juga mereka seperti Blanqui yang menganggap masyarakat sosialis akan dapat dilahirkan menerusi rampasan kuasa adalah “sosialis khayalan”.

Marx berpendapat bahawa pertentangan kelas adalah sesuatu yang tidak mungkin dapat dielakkan dalam masyarakat kapitalis borjuis kerana landasan masyarakat itu ialah pemburuan keuntungan. Untuk memburu keuntungan, kaum borjuis akan menindas puak proletariat. Puak proletariat pula, dalam usaha mempertahankan diri mereka, akan bersatu dan menumbangkan peraturan kapitalis borjuis ini. Mereka kemudiannya akan membentuk sebuah masyarakat tanpa kelas – masyarakat komunis. Walau bagaimanapun, pembentukan ini akan didahului dengan apa yang dinamakan kediktatoran proletariat, iaitu suatu pemerintahan yang difikirkan perlu bagi menghapuskan saki-baki peninggalan masyarakat kapitalis borjuis.

Kekalahan Revolusi-revolusi 1848, jika ditinjau dari segi jangka panjang teori Marx, adalah bersesuaian dengan matlamat komunisme. Marx mengatakan bahawa dengan kekalahan itu, ekonomi perindustrian Eropah yang belum berkembang masak akan berpeluang berkembang hingga ia akan betul-betul masak. Masaknya perkembangan itu akan juga mengisyaratkan masaknya keadaan bagi pelancaran revolusi proletariat. Jadi, menurut analisis begini, kaum borjuis yang telah menguburkan Revolusi-revolusi 1848 merupakan mereka yang sebenarnya mengendalikan dan melanjutkan hasrat revolusi itu sendiri.¹⁴

KAITAN ANTARA MARX/MARXISME DENGAN REVOLUSI-REVOLUSI 1848

Penulisan Marx, *The Communist Manifesto*, dikatakan tidak mempengaruhi Revolusi-revolusi 1848. Walaupun *The Communist Manifesto* diterbitkan pada akhir tahun 1847, tidak ramai orang yang membacanya. Pemikiran Marx tidak popular; pemikiran yang popular ialah pemikiran Louis Blanc yang dimuatkan dalam bukunya *The Organisation of Labour*.¹⁵ Di ambang tahun 1848, terdapat hanya satu kumpulan Marxis sahaja, iaitu di Cologne.¹⁶

14 K. Marx 1972. *The Class Struggles in France 1848–1850*. Moscow: Progress Publishers, cetakan kelima, hlm. 14. Bagi Marx kerajaan Louise Philippe sebelum kebangkitan Februari 1848 ialah satu monarki borjuis dan kerajaan republik yang ditubuhkan selepas itu ialah kerajaan republik borjuis. Walau bagaimanapun, republik borjuis Februari 1848 itu mempunyai beberapa ciri-ciri sosialis. Oleh itu, untuk menentukan sama ada ciri sosialis atau borjuis yang akan mendapat tempat utama seterusnya, maka satu pertempuran lain adalah diperlukan. Pertempuran lain itu ialah pertempuran/Revolusi Jun 1948 (lihat di bawah). Jadi, bagi Marx, Revolusi Jun (Hari-Hari Jun) merupakan titik kelahiran republik borjuis yang sebenarnya. *Ibid.*, hlm. 49. Menurut Marx lagi, dengan Revolusi Jun, pemisahan antara proletariat dengan borjuis bertambah nyata. Dengan itu juga maka keadaan untuk revolusi (komunis) yang sebenarnya sudah mula timbul. Kata Marx, “Revolusi sudah mati – hidup revolusi!” (hlm. 54).

15 Lihat Thomson, *Europe Since Napoleon*, hlm. 203; G. Duveau (terj. A. Carter 1848) 1967. *The Making of A Revolution*. New York: Random House, hlm. 207, dan J. Sigmann (terj. L.F. Edwards) 1973. *Eighteen Forty Eight: The Romantic and Democratic Revolutions in Europe*. London: George Allen & Unwin Ltd., hlm. 187–188. Menurut Stearns, “Marx tidak berjaya mempengaruhi golongan pekerja”. Namun dengan kegiatannya pada tahun 1848, dia berjaya mempertingkatkan ketokohnya sebagai seorang sosialis serta mutu tindakan revolusioner para pekerja. Lihat Stearns, *ibid.*, hlm. 183.

16 Kumpulan ini mempunyai tidak lebih daripada 100 orang pengikut.

Namun, telah juga dikatakan bahawa penulisan Marx yang lain sudah pun diketahui secara umum. Laporan tentang karya Marx di Paris dan Brussels boleh didapati di Amerika. Di Amerika penapisan akhbar tidak ketat. Di Cologne, antara tahun 1842 hingga tahun 1843, Marx sendiri pernah menyunting *Rhenish Gazette*. Pada bulan April tahun 1848, Marx sekali lagi berpindah ke Cologne. Semasa revolusi mula merebak pada bulan Mac, Marx berada di Paris. Semasa di Paris, dia telah menguruskan perpindahan markas Liga Komunis dari London ke Paris. Di Paris juga dia menyediakan program anti-Gereja dan antituan tanah yang berjudul “Tujuh Belas Tuntutan Parti Komunis di Jerman”.¹⁷

Setelah kembali ke Cologne, Marx dan Engels menghidupkan semula *Rhenish Gazette* yang dikenali pula dengan nama *New Rhenish Gazette*. Tujuannya bukanlah untuk mengapi-apikan para pekerja agar mengendalikan revolusi sendiri. Dia percaya masanya belum tiba. Dia hanya mahukan para pekerja menyokong ahli politik kelas menengah yang radikal. Tetapi Marx menerima sambutan yang amat dingin. Para pekerja tidak begitu faham dengan pemikiran Marx sementara golongan radikal lain pula telah memperlihatkan sikap yang penuh syak wasangka terhadapnya. Terdapat juga para usahawan liberal yang telah menyokong usahanya menerbitkan *New Rhenish Gazette*. Kemudian, apabila para pendukung revolusi di Paris ditumpaskan berikutan dengan pertempuran berdarah antara mereka dengan pihak pemerintah pada bulan Jun tahun 1848, Marx terang-terang menganjurkan kemusnahan masyarakat borjuis. Strategi dan seruan kepada peperangan kelas ini menggemparkan golongan menengah dan mereka memberhentikan sokongan mereka kepada *New Rhenish Gazette*. Berikutan dengan penumpasan revolusi di Berlin, kerajaan Prusia mengharamkan *New Rhenish Gazette* dan Marx ditangkap atas tuduhan mengkhianati negara. Dalam satu pembicaraan berjuri, Marx telah terlepas daripada hukuman tetapi dia kemudiannya dibuang negeri oleh kerajaan Prusia. Dia pergi ke Paris pada bulan Julai tahun 1848 tetapi telah juga didesak meninggalkan Paris oleh kerajaan republik yang konservatif pada masa itu. Marx pergi ke London dan kekal tinggal dalam buangan di sana. Di London juga dia telah menghasilkan dua penganalisisannya terhadap Revolusi-revolusi 1848 dan rejim yang berkuasa selepas itu.¹⁸

Barangkali persoalan tentang pengaruh Marx secara peribadi tidak begitu penting. Yang lebih penting ialah kenyataan bahawa faham sosialis dan komunis nampaknya sudah mendapat tempat di Eropah. Sejak tahun 1847 lagi, misalnya, satu persatuan para aktivis kiri/sosialis, iaitu Liga Si Adil, telah dinamakan semula sebagai Liga Komunis. Marx dan Engels, yang ketika itu berada di Brussels, telah turut serta menjadi ahli. Pernah ditegaskan juga bahawa menjelang tahun 1848, komunisme dan sosialisme sudah menjadi kenyataan politik di Eropah.¹⁹ Idea ini sudah menjadi daya penggerak bagi revolusi. Keadaan ini jelas berbeza dengan keadaan pada masa Revolusi Perancis.

17 Stearns, *op. cit.*, hlm. 181. Dengan risalah ini, Marx antara lain menuntut penubuhan sebuah negara Jerman yang bersatu, penghapusan ladang-ladang besar tanpa ganti rugi diberikan kepada semua yang empunya, pemisahan kuasa antara gereja dengan negara, pelajaran yang sama dan percuma untuk rakyat dan pemberian senjata kepada rakyat. Kata Stearns, program inilah “yang menjadi panduan kepada kebanyakan aktiviti revolusionernya (Marx) dalam masa yang seterusnya pada tahun itu.” *Ibid.*

18 Karyanya ialah *The Class Struggles in France 1848–1850*, dan *The Eighteenth Brumaire of Louis Napoleon*.

19 W. Ebenstein, “Why Revolution of 1848 Failed?”, dalam Kranzberg, *op. cit.*, hlm. 51.

Maka dengan perkembangan ini, Revolusi-revolusi 1848 merupakan bukan sahaja pertentangan antara kaum feodal dengan kaum yang tidak bangsawan, tetapi juga antara pihak pekerja dengan pihak borjuis. Memang terdapat juga konflik atau pertembungan dua hala antara puak bangsawan dengan puak tidak bangsawan, tetapi secara keseluruhannya Revolusi-revolusi 1848 merupakan perlawanan tiga penjuru. Kaum pekerja dan borjuis bersatu menentang sistem feodal, atau saki-bakinya, tetapi kaum borjuis itu juga telah ditentang oleh kaum pekerja. Ebenstein mengatakan fenomena seperti ini di Jerman dengan menulis,

“Apabila kelas menengah Jerman berjuang untuk [mendapatkan] kekuasaan politik pada tahun 1840-an, mereka dihadapi oleh satu keadaan baru dalam sejarah Eropah. Mereka mengorak langkah untuk menentang hak keistimewaan, penindasan dan monopoli politik oleh golongan bangsawan dan golongan feodal, tetapi mereka sendiri sudah pun diserang kuat di bahagian lain oleh golongan revolusioner kelas pekerja industri.”²⁰

Gambaran Ebenstein ini sama dengan gambaran yang dibuat oleh Stearns. Stearns seterusnya mengatakan bahawa golongan bawahan amat berwaspada agar mereka tidak hanya diperalatkan oleh golongan menengah. Stearns mengatakan bahawa,

“Kelas menengah, walaupun semasa mereka menyokong revolusi, khuatirkan serangan daripada golongan bawahan, sementara golongan bawahan pula agak sewajarnya merasa takut jika faedah daripada revolusi akan sekali lagi tidak dapat dinikmati mereka.”²¹

KESAN DARIPADA REVOLUSI INDUSTRI

Jika terdapat ketidakpastian tentang pengaruh Marx (atau Marxisme) terhadap pencetusan Revolusi-revolusi 1848, maka ketidakpastian begini juga dapat dikesan dalam perbincangan tentang peranan Revolusi Industri yang telah mula bertapak dan berkembang di Eropah pada masa itu. Ini jelas dapat dikesan menerusi penulisan beberapa orang ahli sejarah.

Revolusi Industri adalah berlainan daripada revolusi lain kerana ia bukanlah revolusi yang datang mengejut, cepat dan menukarkan keadaan dengan cara mendadak. Proses perubahan yang dibawanya memakan masa yang agak lama. Ia mula berkembang dengan agak berkesan pada tahun 1760 di Britain dan lambat sedikit di benua Eropah. Pada asasnya Revolusi Industri ialah proses menukar cara pengeluaran daripada menggunakan tangan kepada menggunakan jentera. Dalam pengertian yang lebih luas, Revolusi Industri ialah revolusi yang telah membawa kesan kepada pemikiran dan peraturan politik, sosioekonomi dan sistem nilai di Eropah. Aspek yang kedua inilah yang patut diambil kira oleh kita. Gabungan aspek pertama dengan aspek yang kedua inilah yang boleh dimengertikan sebagai industrialisme.²²

20 *Ibid.*

21 P. N. Stearns, *op. cit.*, hlm. 12.

22 Istilah industrialisme ini digunakan oleh G. Bruun. Lihat bukunya *Revolution and Reaction 1848-1852, A Mid Century Watershed*, New Jersey: D. Van Nestrand Co. Inc., 1958, hlm. 16.

Dengan munculnya zaman Revolusi Industri, maka sistem kilang turut berkembang. Di kilang-kilang inilah terdapatnya kumpulan pekerja yang datang dari daerah luar bandar. Pada masa permulaan Revolusi Industri, kedudukan para pekerja dikatakan tidak begitu terjamin. Kedudukan mereka menjadi lebih sulit pada masa kemelesetan ekonomi. Dalam keadaan sedemikian, keresahan pekerja menimbulkan masalah. Masalah ini pula agak berlainan daripada masalah sebelum zaman ini. Sebelum ini, pekerja tidak berkumpul di satu tempat yang sama tetapi berselerak di ladang-ladang yang berjauhan antara satu sama lain. Pengumpulan pekerja di satu tempat melahirkan rasa persamaan nasib dan tujuan di kalangan mereka. Lagi pun, usaha untuk mengendalikan persatuan dan gerakan pekerja menjadi mudah.

Pada tahun 1848, secara amnya peringkat pengindustrian di Eropah belum begitu meningkat. Oleh sebab perkembangan pengindustrian ini masih baru, maka ada ahli sejarah yang mengatakan bahawa ia tidak ada kena-mengena dengan pencetusan Revolusi-revolusi 1848. Tetapi tidak semua ahli sejarah bersetuju dengan pendapat ini. Bruun, misalnya, mengatakan bahawa antara tiga faktor utama yang mencetuskan Revolusi-revolusi 1848, iaitu liberalisme, nasionalisme dan industrialisme, maka industrialismelah faktor yang paling menyeluruh dan dinamik. Beliau mengatakan bahawa,

“Walaupun pada tahun 1848 jumlah para pekerja industri di Eropah jauh lebih kecil daripada bilangan pekerja pertanian, mereka sudah cukup kuat untuk memainkan peranan penting dalam kebangkitan-kebangkitan pada tahun itu. Proletariat kota yang sudah memperoleh kedudukan mustahak hasil daripada Revolusi Industri, telah menambahkan unsur dinamik kepada masyarakat.”²³

Seterusnya, Bruun menggambarkan dengan cara yang agak dramatik tentang kesan industrialisme ini. Kedatangan industrialisme pada mulanya dianggap sebagai satu permulaan kepada zaman gemilang apabila manusia akan mendapatkan hamba baru dalam bentuk jentera. Tetapi harapan semasa ini tidak menjadi kenyataan. Sebaliknya, jutaan pekerja mendapati diri mereka diperhambakan oleh jentera. Mereka juga terpaksa bekerja dalam masa kerja yang panjang, keadaan yang teruk dan dengan ganjaran yang tidak memuaskan. Inilah nasib yang mereka terima daripada majikan yang kurang bertimbang rasa. Bagi Bruun, gelombang Revolusi-revolusi 1848 adalah pergolakan sosial yang pertama selepas tumbuhnya sistem kilang dan perkembangan industri.²⁴

Dalam konteks ini, Revolusi-revolusi 1848 merupakan revolusi dunia moden yang pertama, kerana pekerja, di bawah pengaruh sosialisme, mengancam peraturan hak milik harta perseorangan. Kaum menengah pula telah, buat pertama kalinya juga, mendapati diri mereka digolongkan sebagai puak sayap kanan – bukan sayap kiri.

Pihak yang menyangkal adanya kaitan antara industrialisme dengan Revolusi-revolusi 1848 boleh diwakili oleh Anderson. Antara hujah Anderson ialah kemelesetan ekonomi Eropah berlaku pada tahun-tahun 1845–47 dan menjelang tahun 1848, keadaan ekonomi sudah bertambah baik. Daerah yang mengalami kesusahan ekonomi pada tahun-

23 *Ibid.*

24 *Ibid.*, hlm. 17.

tahun 1845–47 bukanlah merupakan daerah yang kencang dilanda revolusi. Revolusi-revolusi 1848 berlaku di kota besar seperti Paris, Berlin, Vienna, Prague, Naples, Rome, Venice dan Milan, walhal kegiatan perindustrian yang pesat pada masa itu terdapat bukannya di kota besar tetapi di bandar kecil yang tidak pula menghadapi kebangkitan.²⁵

Barangkali dapat kita rasakan dengan jelas bahawa perbincangan Anderson ini adalah dihalakan bagi mengkritik pendekatan yang hanya atau terlalu menekankan faktor ekonomi saja dalam menerangkan pencetus Revolusi-revolusi 1848. Cara penerangan atau penekanan seperti yang dibuat oleh Anderson ini adalah juga cara yang didapati dalam penulisan Heaton, Pouthas dan Stearns. Heaton antara lain mengatakan bahawa di Perancis, tiga suku daripada para pekerja sebenarnya bekerja dalam industri yang terkeluar daripada lingkungan yang dikatakan *la grande industrie* atau industri besar.²⁶ Pouthas pula mengatakan bahawa pengumpulan kaum pekerja secara beramai-ramai dalam industri atau kilang adalah sesuatu yang agak luar biasa. Lagi pula, tambah Pouthas, tempat terdapat industri yang mempunyai banyak pekerja tidak pula terdapat ciri-ciri yang begitu menjejaskan kedudukan kaum pekerja seperti yang dicanang dan dibantah oleh Engels. Beliau mengatakan bahawa keadaan yang menjejaskan kedudukan kaum pekerja hanya terdapat di England.²⁷ Gambaran yang senada dengan ini terdapat juga dalam penulisan Stearns:

“Tanggapan ... bahawa para pekerja kilang dan ketidakpuasan hati yang diakibatkan oleh kilang memainkan peranan utama dalam Revolusi-revolusi 1848 memberikan gambaran yang berlebihan tentang tahap pengindustrian di benua [Eropah] dan tidak menghiraukan penempatan industri yang sebenarnya.”²⁸

Penekanan yang dibuat oleh Anderson, Heaton, Pouthas dan Stearns terhadap aspek peri barunya perkembangan industri di Eropah pada masa itu tidaklah secara automatik melemahkan hujah Bruun. Bruun sendiri mengakui kenyataan tentang industri ini. Apa yang boleh melemahkan hujah Bruun ialah jika ahli sejarah seperti Anderson, Heaton, Pouthas dan Stearns dapat membuktikan bahawa pengindustrian telah membawa faedah ekonomi kepada kaum pekerja Eropah. Tetapi ini susah untuk dibuktikan. Pouthas sendiri, selepas mengatakan bahawa industri di benua Eropah tidaklah mempunyai pekerja seramai yang terdapat di England dan keadaan mereka tidaklah seburuk keadaan pekerja Inggeris, telah pula menambah rumusan begini:

“Tetapi ini tidaklah bermakna yang keadaan para pekerja itu tidak buruk ... kerana mereka telah hilang perlindungan daripada peraturan lama negara tetapi belum [lagi]

-
- 25 Lihat M.S. Anderson 1972. *The Ascendancy of Europe: Aspects of European History 1815–1914*. London: Longman, hlm. 94–96.
 - 26 H. Heaton, “Economic Change and Growth” dalam J.P.T. Bury (ed.), *The New Cambridge History*, Jil. X, hlm. 43.
 - 27 C. Pouthas, “The Revolution of 1848” dalam *ibid.*, hlm. 392. Frederick Engels ialah rakan seperjuangan Marx yang juga telah menghasilkan sebuah buku tentang keadaan pekerja industri di Britain berjudul *The Working Class Condition In England*.
 - 28 P. N. Stearns, *op. cit.*, hlm. 17.

mempunyai kekuatan kerana bilangan mereka masih kecil dan persatuan [pekerja] belum wujud.”²⁹

Stearns juga bukanlah menafikan sama sekali peranan yang dimainkan oleh Revolusi Industri. Beliau mengatakan bahawa, “Revolusi Industri tidaklah boleh dikesampingkan, tetapi peranannya lebih halus”.³⁰ Stearns juga mendakwa bahawa idea sosialis tidak begitu menarik perhatian kaum pekerja yang selalunya buta huruf, atau terlalu miskin untuk berupaya memberontak. Namun begitu, beliau tidak menafikan kesan saingan yang telah ditimbulkan oleh proses perjenteraan terhadap para pekerja dalam beberapa bidang industri.³¹

Anderson juga turut menyedari akibat tidak baik yang telah timbul dalam bidang ekonomi. Anderson menggambarkan tahun 1845–47 dengan menulis bahawa,

“Keadaan ekonomi pada tahun 1845–47 tentu merupakan sebahagian daripada latar belakang revolusi yang mustahak. Ia membantu menggoncangkan lagi kewibawaan dan keyakinan diri rejim yang ada pada masa itu di seluruh Eropah dan menjadikan para pekerja biasa, yang selalunya tidak berpolitik dengan berkesan, sedia untuk membantu menjatuhkannya ataupun sekurang-kurangnya melihatnya [jatuh] tanpa sesalan”.³²

Dalam petikan di atas, kita dapat juga barangkali mengesan satu gambaran tentang unsur perasaan mereka yang terlibat ketika itu, iaitu tentang perasaan kurang keyakinan diri di kalangan para pemerintah di Eropah dan perasaan para pekerja yang kian benci kepada kerajaan. Unsur ini adalah unsur yang susah diukur, lantas sukar untuk dibuktikan, dan jika ada, fenomena ini juga sukar dipastikan dengan muktamad sama ada ia meluas atau tidak (atau mendalam atau tidak). Sama ada penekanan boleh dibuat terhadap kemustahakan faktor yang begini bergantung, antara lain, pada pertaliannya dengan bukti-bukti lain dan juga sudut pentafsiran ahli sejarah yang berkenaan. Maka dalam konteks perbincangan yang beginilah agaknya kita dapat melihat kekuatan hujah Bruun tentang kemustahakan industrialisme dalam pencetusan Revolusi-revolusi 1848. Bruun menghubungkan perubahan ekonomi di Eropah, dan sebarang kepincangan yang terdapat pada masa perubahan itu, dengan harapan meninggi masyarakat serta ideologi sosialis dan komunis yang cuba memberikan sesuatu matlamat, atau cara penyelesaian, kepada keadaan yang mencabar itu. Dalam rangka beginilah Bruun mengatakan bahawa industrialisme itu satu faktor yang dinamik.

Tetapi rerangka pertalian faktor yang diketengahkan oleh Bruun sesungguhnya boleh juga menimbulkan pertikaian pendapat. Apakah dalam rangkaian itu perkembangan industri itulah faktor yang lebih utama atau mungkin pula ideologi itu sebenarnya faktor yang lebih kritikal? Penghujahan barangkali boleh dibuat untuk memberikan keutamaan kepada faktor ideologi. Itulah sebabnya ada ahli sejarah yang mahu melihat kebangkitan pada tahun 1848 itu sebagai peristiwa yang digerakkan oleh idea daripada para pemikir.³³

29 C. Pouthas, *op. cit.*, hlm. 392.

30 P. N. Stearns, *op. cit.*, hlm. 17.

31 *Ibid.*, hlm. 21.

32 Anderson, *op. cit.*, hlm. 94.

33 Lihat L. Namier 1946. *1848: The Revolution of The Intellectuals*. London: Oxford University Press.

PENCETUSAN REVOLUSI DI PARIS

Pemberontakan pertama pada tahun 1848 berlaku di Palermo, Itali. Kebangkitan ini bertujuan untuk memisahkan daerah itu daripada pemerintahan Naples. Walau bagaimanapun, pemberontakan ini tidak meniupkan api revolusi ke tempat lain di Eropah.

Pemberontakan yang telah menggegarkan Eropah berlaku di Paris pada bulan Februari tahun 1848. Pemberontakan ini dikendali oleh gabungan antara puak sosialis dengan para pendukung republik yang menentang pemerintahan Louise Philippe. Louise Philippe (1773–1850) adalah adik kepada Louis XVI. Dia adalah daripada keluarga Orleans yang merupakan keluarga saingan kepada golongan diraja Bourbon. Louise Philippe, seperti juga ayahnya, dianggap seorang yang liberal. Oleh sebab simpatinya kepada idea liberal dan juga republik, maka dia telah dilantik oleh golongan yang mengendalikan Revolusi 1830 sebagai raja menggantikan Charles X yang lari ke England. Kemudian puak kiri dan liberal Perancis mendapati pemerintahan Louise Philippe pula tidak memuaskan. Maka itulah sebabnya berlaku penentangan terhadapnya.

Peristiwa khusus yang mencetuskan kebangkitan di Paris sebenarnya berkait dengan rancangan parti pembangkang, (pada bulan Disember tahun 1847), untuk mengadakan satu majlis makan di Paris, sebelum parlimen memulakan persidangannya. Para penganjurnya ialah golongan sederhana yang prorepublik, termasuk ahli parlimen seperti Odilon Barrot (peguam), Lamartine (penyajak) dan ahli sidang redaksi akhbar *National* seperti Marrast. Golongan sosialis radikal juga telah turut serta. Kumpulan yang ketara sekali dalam kalangan puak sosialis pada masa itu ialah ahli sidang redaksi akhbar *La Reforme*. Mereka telah diketuai oleh Ledru-Rollin.

Jamuan makan seperti ini sebenarnya kerap kali diadakan di Paris dan juga di bandar lain di Perancis. Antara 9 Julai 1847 hingga 25 Disember 1847, dianggarkan seramai 17 000 orang turut serta dalam beberapa majlis jamuan yang telah diadakan. Dalam majlis beginilah pidato yang mengkritik kerajaan dan menuntut perubahan politik diperdengarkan. Pada masa itu masih ramai lagi orang daripada golongan borjuis bawahan yang tidak mempunyai hak mengundi kerana gagal memenuhi syarat pemilikan harta yang diperlukan. Dikatakan hanya terdapat 246 000 orang yang mempunyai hak mengundi pada tahun 1846.³⁴

Satu lagi sasaran kemarahan puak antikerajaan ialah Perdana Menteri Francois Guizot. Guizot telah memegang tampuk pemerintahan selama lapan tahun. Dia dikatakan amat pakar dalam kaedah mengubah keputusan pilihan raya bagi mendapatkan parlimen yang akan patuh kepada segala arahannya. Raja Louise Philippe telah menolak desakan daripada kalangan keluarganya sendiri agar Guizot digantikan dengan seorang lain yang bersikap lebih bertolak ansur. Bantahan daripada kalangan puak pembangkang pula telah disifatkan oleh Louise Philippe hanya sebagai “perasaan liar dan membabi-butu”.³⁵

“Kerajaan Guizot mengambil keputusan untuk tidak membenarkan majlis jamuan yang dirancang. Oleh itu, para penganjurnya telah menunda tarikhnya kepada 22 Februari 1848. Kerajaan kemudiannya telah memberikan keizinannya. Sebenarnya,

34 Sigmann, *op. cit.*, hlm. 205. Sigmann tidak menyatakan jumlah golongan borjuis yang tidak mempunyai hak mengundi.

35 *Ibid.*

kerajaan telah merancang untuk menghantar para pengintipnya bagi mengumpul bukti dan kemudian membawa kes itu ke mahkamah demi menguji kesahan kegiatan para pembangkang itu. Rancangan kerajaan ini diketahui oleh para pembangkang dan ini menimbulkan kemarahan mereka. Pada peringkat ini sebahagian besar daripada golongan sederhana mahu memansuhkan sahaja segala kegiatan antikerajaan kerana takutkan akibat yang tidak baik. Golongan *La Reforme* mahu rancangan diteruskan. Marrast pula telah merancang satu demonstrasi pada 21 Februari 1848. Kerajaan akhirnya telah bertindak mengharamkan demonstrasi dan majlis jamuan. Golongan *La Reforme* berdegil dan menggesa rakyat Paris berarak beramai-ramai pada 22 Februari 1848, sebelum majlis jamuan itu diadakan. Pada peringkat ini, lebih ramai para pembangkang mengundur diri dan seruan untuk ini telah juga dibuat oleh beberapa akhbar radikal. Kebanyakan ahli politik takutkan kemungkinan berlakunya revolusi. Mereka juga takut kerajaan akan mengambil tindakan balas yang akan meninggalkan kesan buruk terhadap para pembangkang. Namun, sebahagian kecil para pembangkang berkeras mahu meneruskan tindakan menentang kerajaan. Antara mereka termasuklah Ledru-Rollin dan Lamartine.

Pada 21 Februari 1848 para penganjur bersetuju membatalkan rancangan untuk mengadakan jamuan, tetapi para pekerja terus juga mendirikan khemah. Pihak istana dikatakan berasa yakin dengan kekuatan mereka kerana terdapatnya 20 000 askar dan 3000 para pengawal. Tetapi sebenarnya tidak semua ahli Pengawal Kebangsaan menentang usaha untuk menuntut perubahan dalam pentadbiran kerajaan.

Pada 22 Februari 1848, orang ramai, termasuk para penuntut dan ahli parlimen, berkumpul di Place de la Madeleine. Pergeseran antara orang ramai dengan para pengawal kerajaan telah berlaku tetapi keadaan nampak pulih semula menjelang senja. Pada keesokan harinya, iaitu pada 23 Februari 1848, jumlah orang ramai yang berkumpul bertambah besar. Pengawal Kebangsaan yang ditugas mententeramkan keadaan turut bersama-sama dengan orang ramai melaungkan slogan, "Hidup Pembaharuan! Mansuhkan kabinet menteri!" Daripada dua belas pasukan Pengawal Kebangsaan, hanya satu yang taat setia kepada raja. Dalam keadaan krisis ini, Louise Philippe telah memecat Guizot dan menggantikannya dengan Mole. Keadaan menjadi reda dan orang ramai bergembira serta bersorak-sorai di jalan raja.

Namun terdapat kumpulan radikal lain yang tidak berpuas hati; mereka menganggap Mole telah "mencuri" hak mereka. Kumpulan inilah yang telah bertembung dengan sepasukan tentera di Boulevard des Capucines, iaitu di sudut yang hampir bertentangan dengan bangunan Kementerian Luar Negeri. Apakah tembakan sulung yang menyebabkan para tentera panik lantas menghujani para radikal dengan tembakan yang bertubi-tubi itu telah dilepaskan dengan tidak sengaja oleh seseorang daripada pihak tentera sendiri? Atau apakah ia telah dilepaskan oleh ahli golongan radikal sebagai satu taktik nekad bagi memanjangkan krisis dan kebangkitan antikerajaan? Keraguan tentang kedudukan hal ini yang sebenarnya telah pernah dibangkitkan.³⁶

Walau apa pun penentuan yang dibuat tentang persoalan di atas, kita tidak dapat menafikan bahawa ia telah mengakibatkan satu rantaian peristiwa yang dramatik. Akibat daripada peristiwa ini, lebih kurang dua puluh orang, termasuk dua orang wanita, telah

36 *Ibid.*, hlm. 209.

terbunuh. Lebih kurang lima puluh orang lain cedera dan terlantar di tepi jalan. Mayat mereka yang terkorban telah diarak di Paris pada malam itu juga. Orang ramai diseru agar bangkit menentang kerajaan dengan senjata. Pada malam itu, para pekerja merosakkan jalan raya di kota, merintanginya dengan lebih daripada 1500 halangan buatan sendiri dan menebang lebih daripada 4000 batang pokok.

Pada hari yang berikutnya, 24 Februari 1848, Louise Philippe cuba mendamaikan suasana dengan melantik satu kabinet yang lebih liberal di bawah pimpinan Adolphe Thiers. Odilon Barrot yang dahulunya pernah terlibat dalam pergerakan antikerajaan juga diberikan tempat dalam kabinet itu. Tetapi orang ramai nampaknya sudah tidak dapat didamaikan lagi. Proses pengradikalan yang selalu terdapat dalam revolusi sudah bermula. Louise Philippe, yang sebelum ini sudah pun mengatakan bahawa, “Beta sudah jenuh melihat darah!”,³⁷ akhirnya mengambil keputusan meninggalkan Perancis dan lari ke England.

KERAJAAN SEMENTARA

Selepas peninggalan Louise Philippe, para ahli parlimen telah merancang untuk melantik cucunya yang berumur sembilan tahun sebagai raja. Rancangan untuk melantik raja dan juga seorang pelindungnya (atau wakil raja) ini telah digagalkan oleh serbuan orang ramai yang memasuki dewan parlimen. Ahli parlimen meninggalkan dewan; yang tidak berganjak hanyalah minoriti yang radikal, termasuk Lamartine. Kumpulan ini mengisytiharkan pembentukan sebuah Kerajaan Sementara. Dalam proklamasi pertamanya, Kerajaan Sementara ini mengatakan bahawa ia mendukung prinsip kerajaan berbentuk republik, walaupun penentuan akhir tentang soal ini dipulangkan kepada rakyat Perancis.³⁸ Tetapi pada hari yang berikutnya satu proklamasi lain menekankan pula bentuk kerajaan baru Perancis dengan lebih nyata. Antara lain proklamasi ini menyatakan bahawa,

“Kebangsawanan dalam apa bentuk sekalipun kini dimansuhkan. Tidak ada lagi [soal] prinsip keturunan diraja yang sah, tidak ada lagi Bonapartisme, tiada [lagi] wakil raja. Kerajaan Sementara telah mengambil segala langkah perlu bagi menghalang pengembalian semula wangsa lama dan kemunculan [wangsa] yang baru. Republik, dengan ini, diisytiharkan. Rakyat bersatu.”³⁹

Dalam hal ehwal buruh pula, atas desakan rakyat yang memprotes dengan senjata, kerajaan bersetuju untuk terus melaksanakan idea-idea yang diketengahkan oleh Louis Blanc dalam bukunya, *The Organisation of Labour*. Pada 25 Februari 1848, Kerajaan Sementara mengeluarkan dikri (yang didraf oleh Louis Blanc) “menjamin memberi kerja kepada semua rakyat”.⁴⁰ Pada 27 Februari 1848, Kerajaan Sementara menubuhkan apa yang dinamakan Bengkel Kebangsaan di bawah kelolaan Menteri Kerja Raya. Bengkel

37 *Ibid.*, hlm. 207.

38 Lihat G.A. Kertesz (ed.) 1968. *Documents in The Political History of The European Continent 1815–1939*. Oxford: Clarendon Press. Lihat dokumen 32, hlm. 85.

39 *Ibid.*, lihat dokumen 34, hlm. 86.

40 *Ibid.*, lihat dokumen 35, hlm. 87.

Kebangsaan ini tidak menekankan ciri-ciri sosialisme seperti yang disarankan oleh Louis Blanc. Ia merupakan satu kompromi sahaja. Kata Lamartine, Bengkel Kebangsaan merupakan jaminan untuk mengelakkan rusuhan. Dalam pada itu, ia boleh pula menghampakan rancangan golongan radikal untuk menegakkan sistem sosialis. Kementerian Kerja Raya yang mencorakkan segala ini diketuai oleh Pierre Thomas Marie, seorang yang tidak bersimpati dengan idea Blanc. Emile Thomas, jurutera muda, yang menawarkan bantuannya untuk mengatasi masalah yang dihadapi oleh Bengkel Kebangsaan juga tidak bertindak di atas landasan sosialis. Memang betul Kerajaan Sementara juga menubuhkan apa yang kemudiannya dikenali sebagai Suruhanjaya Luxembourg, berikutan dengan dekri yang diisytiharkan pada 28 Februari 1848. Kerajaan mendakwa bahawa penubuhan Suruhanjaya ini membuktikan kesungguhannya untuk membela golongan bawahan. Menyentuh tentang keahlian Suruhanjaya ini, dekri 28 Februari 1848 antara lain menekankan bahawa,

“Sebagai membuktikan yang Kerajaan Sementara Republik ini memberi perhatian mustahak terhadap penyelesaian masalah besar ini, [masalah buruh], ia melantik seorang daripada ahlinya, M. Louis Blanc, sebagai presiden ... dan seorang lagi ahlinya, M. Albert, seorang pekerja, sebagai Naib Presiden”.⁴¹

Blanc dan Albert mungkin menyangka mereka boleh menggunakan kedudukan mereka dalam Suruhanjaya Luxembourg untuk membela nasib kaum pekerja. Tetapi ahli lain dalam Kerajaan Sementara merencanakan ini sebagai satu strategi halus untuk menyekat kegiatan dan faham sosialis Blanc. Menurut kiraan mereka, apabila Blanc sudah menjadi Presiden Suruhanjaya Luxembourg, tentulah dia tidak dapat lagi melibatkan dirinya secara aktif dalam urusan pemerintahan negara.⁴²

Perselisihan faham antara golongan sosialis dengan golongan bukan sosialis dalam kabinet Kerajaan Sementara merupakan imbasan sahaja kepada perbezaan yang lebih mendalam yang terdapat di kalangan para penentang kerajaan Louise Philippe. Pada masa pembentukan kabinet Kerajaan Sementara pun konflik sudah timbul. Pada mulanya hanya seorang daripada puak sosialis yang dilantik sebagai menteri, iaitu Ledru-Rollin dari *La Reforme*. Kebanyakan ahli kabinet terdiri daripada ahli barisan pembangkang yang menganut fahaman politik sederhana. Ramai antara mereka adalah ahli sidang redaksi akhbar *National*. Blanc telah hanya diberikan jawatan Setiausaha kepada Kerajaan. Folcon, seorang yang telah mengambil bahagian aktif dalam kebangkitan revolusioner 1848, juga telah diberikan jawatan yang sama. Kerajaan bersetuju melantik mereka, dan juga seorang pekerja bernama Albert, sebagai Menteri hanya setelah didesak oleh golongan dari akhbar *La Reforme*.⁴³

Konflik antara golongan sosialis dengan golongan menengah menjadi lebih sengit apabila Kerajaan Sementara bercadang untuk memperkotakan janji awalnya untuk merujuk kepada pendapat umum rakyat Perancis. Rakyat Perancis akan diberi peluang

41 *Ibid.*, lihat dokumen 36, hlm. 90.

42 *Ibid.*, hlm. 89.

43 P. N. Stearns, *op. cit.*, hlm. 76. Lihat juga Kertesz (ed.), *op. cit.*, dokumen 32, hlm. 85 bagi senarai nama ahli kabinet menteri yang pertama.

menentukan corak politik negara mereka. Jadi, pada 5 Mac 1848, kerajaan mengambil keputusan untuk mengadakan pilihan raya umum pada 9 April 1848. Pihak sosialis mengetahui mereka tidak begitu popular di desa-desa. Ekonomi desa pada masa itu tidak begitu baik. Untuk mengatasi krisis kewangan negara, kerajaan baru sahaja menaikkan cukai sebanyak 45 peratus. Ini amat tidak disenangi oleh para petani. Tetapi para petani tidak sukakan sosialis. Mereka takutkan kemungkinan golongan sosialis mengancam hak milik perseorangan terhadap tanah. Mereka menuduh para penganggur yang membanjiri Bengkel Kebangsaan untuk mendapatkan kerja serta subsidi dan para proletariat bandar sebagai bertanggungjawab terhadap kepayahan ekonomi yang menimpa mereka. Iklim politik desa yang begini mengancam prospek para sosialis untuk mencapai prestasi yang baik jika pilihan raya umum diadakan. Mereka bimbang. Jadi, bagi mengelakkan kekalahan dalam pilihan raya, pihak sosialis mengendalikan propaganda bagi memancing undi. Mereka juga mendesak agar tarikh pilihan raya ditunda. Ledru-Rollin, selaku Menteri Dalam Negeri, telah menggantikan para *prefect* di daerah-daerah dengan “orang-orangnya” agar sokongan rakyat desa dapat diusahakan. Blanc dan Albert turut sama terlibat dalam demonstrasi kelab politik dan rakyat yang progolongan sosialis di Paris. Di samping itu, demonstrasi balas menentang golongan sayap kiri telah juga dikendalikan. Terdapat teriakan daripada para pekerja yang jelas menandakan penentangan mereka terhadap golongan sosialis: “Hidup Republik! Tumpas Komunis!”⁴⁴ Keadaan ini makin tidak menyenangkan golongan sosialis.

Akhirnya, pilihan raya telah ditunda juga daripada 9 April 1848, kepada 23 April 1848. Ini tidak juga menenangkan kekhuatiran pihak kiri yang radikal. Demonstrasi yang diadakan pada bulan Mac dan bulan April telah nampaknya menimbulkan reaksi yang tidak produktif. Rakyat kini bimbang dengan unsur melampau golongan sayap kiri. Manifestasi kekhuatiran puak radikal jelas terlihat daripada kenyataan yang dipampangkan di tembok-tembok di Paris. Kenyataan yang boleh juga dilihat sebagai membayangkan kezaman keras para radikal kiri ini, antara lain, berbunyi,

“Jika pilihan raya tidak menghasilkan kemenangan *kebenaran sosial* ... maka terdapat hanya satu cara untuk menyelamatkan rakyat ... menggantungkan keputusan perwakilkan kebangsaan yang palsu.”⁴⁵

Bertolak dari sini, maka jelaslah ketepatan gambaran yang dibuat oleh Stearns tentang dilema yang dihadapi oleh Kerajaan Sementara semenjak daripada hari pertama revolusi lagi. Stearns mengatakan bahawa,

“Persoalan jelas, yang dihadapi pada waktu petang 24 Februari dan berulang kali selepas itu, ialah bagaimana kerajaan yang mempunyai matlamat memelihara pentadbiran buat sementara waktu boleh menguruskan golongan rakyat yang mempunyai matlamat revolusi.”⁴⁶

44 Sigmann, *op. cit.*, hlm. 225.

45 *Ibid.*

46 P. N. Stearns, *op. cit.*, hlm. 76.

Sekiranya pihak sosialis pernah memikirkan kemungkinan mereka kalah, mereka barangkali tidak menduga berlakunya kekalahan yang teruk. Keputusan pilihan raya 23 April 1848 menampakkan dengan jelas reaksi seluruh Perancis terhadap peristiwa radikal di Paris. Ia memperlihatkan kegagalan nyata puak sosialis untuk memenangi sokongan menyeluruh daripada rakyat Perancis. Lapan puluh empat peratus daripada jumlah rakyat yang boleh mengundi telah mengundi. Dalam pilihan raya itu puak sederhana, iaitu para pendukung republik di bawah Lamartine, menggondol 500 kerusi, Orleanist (penyokong Louis Philippe) 200 kerusi, sementara puak sosialis dan penyokong Charles ke-X dan keturunan Bourbon masing-masing mendapat hanya 100 kerusi. Jadi, Dewan Perwakilan yang dipilih untuk menggubal perlembagaan baru untuk Perancis ini mempunyai golongan politik dalam pecahan peratus yang begini: lima puluh peratus pendukung republik, lebih kurang tiga puluh tiga peratus promonarki dan sepuluh peratus puak sosialis.⁴⁷

Kebanyakan ahli Dewan Perwakilan yang terpilih terdiri daripada tuan tanah kaya, iaitu seperti juga pada masa pemerintahan diraja dahulu. Peratus para peguam yang terpilih telah bertambah. Dua puluh enam para pekerja yang memenangi kerusi adalah rata-rata mereka yang bersikap sederhana. Para penulis sosialis seperti Considerant dan Cabet kalah dengan teruk sekali; Blanqui juga menerima nasib yang sama. Blanc dan Ledru-Rollin menang tetapi dengan majoriti undi yang sedikit sekali. Blanc hanya mendapat 120 000 undi berbanding dengan Lamartine yang memenangi kerusinya dengan undi sebanyak 260 000. Blanc telah tersingkir daripada kerajaan, sementara Ledru-Rollin dapat mengekalkan kedudukannya dalam kabinet; itu pun setelah Lamartine mendesak ahli lain agar bersetuju melantik semula Ledru-Rollin.

HARI-HARI JUN

Pada 15 Mei 1848, para pekerja Paris mengancam untuk bertindak terhadap Dewan Perwakilan. Ini telah menimbulkan reaksi daripada para pendukung republik dan puak promonarki. Mereka bersatu. Mereka memansuhkan ikrar bulan Februari yang menjamin pekerjaan kepada sesiapa saja yang menghendakinya. Menerusi proses undian, mereka juga memansuhkan Bengkel Kebangsaan.

Puak radikal di Paris menyifatkan tindakan Dewan Perwakilan ini sebagai satu pengkhianatan terhadap revolusi. Mereka cuba merampas kuasa. Akibatnya, pertempuran berlaku antara mereka dengan pihak tentera di bawah pimpinan Jeneral Louis Cavaignac. Pertumpahan darah berterusan sehingga empat hari (23–26 Jun) dan 500 orang para pemberontak telah mati menjadi mangsa berbanding dengan 100 orang di pihak tentera dan pengawal. Tetapi dalam gerakan pembersihan yang dilakukan oleh tentera kerajaan selepas para pemberontak ditewaskan, hampir 3000 orang telah dibunuh dan 12 000 orang ditangkap. Akhirnya, seramai 4500 telah sama ada dijel atau dibuang negeri ke Algeria.⁴⁸

Setelah berlakunya peristiwa yang kemudiannya dikenali sebagai Hari-Hari Jun ini, Dewan Perwakilan menyambung semula sidangnya dan meluluskan satu perlembagaan

47 *Ibid.*, hlm. 85 dan Sigmann, *op. cit.*, hlm. 226.

48 P. N. Stearns, *op. cit.*, hlm. 92.

baru. Dalam perlembagaan ini, terdapat peruntukan bagi penubuhan satu Dewan Perwakilan (dengan satu dewan sahaja) dan juga perlantikan seorang Presiden menerusi pilihan raya umum. Hak mengundi diberi kepada semua rakyat tanpa mengira batasan harta dan kedudukan. Mereka yang telah gempar dengan kebangkitan radikal di Paris memusatkan sokongan mereka kepada Jeneral Cavaignac (calon kerajaan). Jeneral Cavaignac ialah ketua tentera yang bertanggungjawab melancarkan tindakan balas terhadap para pemberontak pada Hari-Hari Jun dahulu. Tetapi keputusan pilihan raya lebih menggemparkan lagi.

Pemenang pilihan raya ialah Louis Napoleon Bonaparte (1808–1873), anak saudara kepada Napoleon Bonaparte I. Louis Napoleon Bonaparte pernah beberapa kali sebelum ini merancang secara sulit untuk menjatuhkan pemerintahan Louis Philippe. Dia gemar menyifatkan dirinya sebagai seorang sosialis, tetapi nampaknya dia lebih merupakan seorang yang suka memusatkan segala sesuatu kepada dirinya sendiri. Dia tidak berbuat apa-apa untuk menyekat pengaruh dan tindakan borjuis, malah banyak daripada tindakannya membantu borjuis Perancis yang sezaman dengannya. Dalam pilihan raya bagi memilih Presiden, Louis Napoleon Bonaparte telah mendapat lebih daripada lima juta undi berbanding dengan hanya lebih kurang dua juta jumlah undi yang diperoleh oleh semua lawannya. Dia mendapat 5 434 226 undi, Jeneral Cavaignac 1 448 107, Ledru-Rollin (sosialis) 370 119, Raspail (sosialis) 36 900, Lamartine 17 910, dan Jeneral Changarnier, 4790.⁴⁹ Louis Napoleon Bonaparte menggelarkan dirinya sebagai Napoleon III.⁵⁰

DARI KIRI KE KANAN

Menurut Lord Elton, Louis Napoleon Bonaparte berjaya kerana dia dapat memenuhi hasrat majoriti rakyat Perancis. Majoriti rakyat Perancis di luar Paris mahukan ketenteraman. Di seluruh Perancis, menurut Lord Elton, rakyat tidak mahu memihak kepada puak sosialis dan kepada revolusi yang mengancam hak memiliki harta. Walaupun majoriti rakyat tidak mempunyai tanah dan harta yang banyak, mereka sayang kepada apa yang mereka miliki. Selalunya, kata Lord Elton, mereka yang mempunyai sedikit hartalah yang paling kukuh mahu menjaganya.⁵¹

Seterusnya, Lord Elton mengatakan bahawa di Perancis pada masa itu terdapat semacam satu kerinduan kepada zaman keagungan Napoleon Bonaparte. Perancis telah lama mengalami zaman kelemahan dan rakyat mahukan ketenteraman selepas zaman pemberontakan. Kata Lord Elton, terdapat beberapa ciri persamaan antara Napoleon I dengan Napoleon III. Kedua-duanya dilihat oleh Lord Elton sebagai penyelamat revolusi – bukan dari segi bentuk luar tetapi intinya. Perbezaannya hanyalah dari segi masa dan tahap revolusi itu. Napoleon I menyelamatkan revolusi pada masa revolusi berada di peringkat kreatif sementara Napoleon III pada peringkat revolusi sudah bertapak, lantas tugasnya ialah mempertahankannya sahaja. Pada peringkat kedua ini, mengikut Lord Elton, rakyat

49 Lihat J.M. Thompson 1965. *Louis Napoleon and The Second Empire*. Oxford: Basil Blackwell, hlm. 96.

50 Napoleon II ialah anak Napoleon Bonaparte I yang pernah diisytiharkan oleh bapanya sebagai Raja Rom. Dia telah meninggal dunia ketika amat muda lagi.

51 L. Elton, "The Revolution of 1848" dalam Kranzberg, *op. cit.*, hlm. 14.

Perancis bersetuju mengorbankan cita-cita persamaan yang menjadi salah satu harapan revolusi demi mendapatkan ketenteraman.

Perasaan kerinduan kepada zaman Napoleon Bonaparte dan kerelaan rakyat Perancis mempertaruhkan harapan mereka kepada keagungan nama *Napoleon* juga diperkatakan oleh J.M. Thompson.⁵² Thompson melihat Napoleon III sebagai perancang politik yang cermat, sanggup bersabar dan bersedia bertindak pada masa yang difikirkan sesuai. Napoleon III sebenarnya telah lama berada dalam buangan di luar Perancis dan pada tahun 1848, dia berada di Britain.⁵³

Napoleon III mengendalikan kempen politiknya bukan dengan merayu kepada rakyat menerusi mana-mana teori politik. Ahli politik lain membuat analisis terhadap masyarakat dengan menggunakan konsep kelas, tetapi Napoleon III terus menyampaikan hasratnya kepada semua rakyat dan mendakwa akan membela semuanya sekali. Dia juga tidak teragak-agak untuk menggunakan nama warisan keluarganya bagi mencapai tujuan politiknya.⁵⁴

Seperti yang telah diperkatakan sebelum ini, kekalahan proletariat pada bulan Jun tahun 1848 dilihat oleh Marx sebagai tarikh kelahiran suatu republik borjuis, iaitu di bawah Lamartine. Menurutny lagi, kejayaan Napoleon III pula bermakna kalahnya republik borjuis ini di tangan seorang pewaris sistem empayar. Dalam menganalisis reaksi para petani terhadap Napoleon III, Marx menyuarakan pendapat yang agak sama dengan Lord Elton. Pembahagian tanah selepas Revolusi Perancis, kata Marx, telah menjadikan kaum petani Perancis konservatif. Kaum petani sepatutnya berganding bahu dengan proletariat bandar tetapi mereka telah tidak berbuat begitu. Pemilihan Napoleon III oleh petani, bagi Marx, mewakili “bukan kebijaksanaan, tetapi tahayul petani; bukan kehakimannya, tetapi prasangkanya; bukan masa depannya, tetapi masa silamnya”.⁵⁵

Menurut jangkaan Marx pada masa itu, pemerintahan Napoleon III akan tumbang kerana ia tidak mungkin dapat mengimbangkan kehendak borjuis, petani dan proletariat di Perancis yang saling bertentangan. Marx mengatakan bahawa,

“Bonaparte ingin dilihat sebagai penaung yang membawa faedah kepada semua kelas. Tetapi dia tidak boleh memberi kepada satu kelas tanpa mengambil daripada (kelas) yang lain.”⁵⁶

Perbezaan antara pendirian politik Marx dengan Napoleon III ini menggambarkan perbezaan yang sering terdapat dalam percubaan untuk mencari penyelesaian kepada masalah pemerintahan negara. Masalahnya ialah mencari perimbangan antara politik sayap kiri dengan politik sayap kanan. Sering terdapat kes penglibatan yang terlalu ke kiri mencetuskan reaksi yang terlalu ke kanan; dan ini memungkinkan satu reaksi daripada kiri pula. Tokoh yang dapat menyesuaikan diri dengan arus reaksi yang timbul sering berjaya

52 J. M. Thompson, *Louis Napoleon and The Second Empire*, lihat Bab III terutama hlm. 90–96.

53 *Ibid.*, hlm. 85, *passim*. Butir-butir lanjut dapat dilihat dalam Bab IV dan Bab V.

54 Untuk manifesto pilihan raya Napoleon Bonaparte, lihat Kertesz (ed.), *op. cit.*, Dokumen 43b, hlm. 99–100.

55 K. Marx 1972. *The 18th Brumaire of Louis Napoleon*. Moscow: Progress Publishers, Cetakan Keenam, hlm. 107. Lihat juga hlm. 100.

56 *Ibid.*, hlm. 114.

memperoleh kuasa. Kejayaan ini tidak semestinya mencerminkan pencapaian satu matlamat unggul, ia mungkin hanya mengetengahkan sesuatu alternatif yang praktikal. Kejayaan Napoleon I selepas Revolusi Perancis, misalnya, boleh dilihat dalam konteks yang begini. Kejayaan Napoleon III juga dilihat oleh Thompson dalam konteks yang agak sama. Pada masa itu, kata Thompson, terdapat puak politik yang saling curiga-mencurigai antara satu sama lain. Pihak promonarki takut kepada puak pendukung republik, dan puak pendukung republik takut kepada puak monarki. Kedua-dua pihak ini pula takut kepada puak sosialis. *Coalition of fear* ini membolehkan kemunculan Napoleon III untuk memegang teraju kuasa.⁵⁷ Tetapi kerana kemunculan Napoleon III itu bukannya berasaskan kata sepakat yang teguh, maka kestabilan politik negara tidak terjamin secara pasti.

DASAR DAMAI DAN IMPLIKASINYA

Pada masa Kerajaan Sementara di Paris mula dibentuk dahulu, pihak yang berkuasa tidak hanya terpaksa menstabilkan keadaan politik dalam negara, tetapi juga menilai dan menghadapi reaksi rejim lain di Eropah. Revolusi di Paris mengancam perimbangan kuasa di Eropah yang telah dipupuk dan diselaraskan melalui Sistem Kongres selama ini. Golongan sayap kiri dalam kabinet pada masa itu, seperti Ledru-Rollin dan Louis Blanc nampaknya begitu ghairah untuk meneruskan “perjuangan rakyat” ke negara Eropah lain. Negara lain, seperti Rusia dan Jerman, nampaknya juga sudah bersedia untuk menghadapi apa-apa kemungkinan daripada pihak Perancis. Namun Lamartine, selaku Menteri Luar Kerajaan Sementara, berjaya mempengaruhi majoriti ahli kabinet agar mengamalkan dasar luar negara yang tidak provokatif. Ini telah jelas dikemukakannya dalam satu manifesto yang dikeluarkan pada 4 Mac 1848. Menerusi manifesto ini, Lamartine cuba mententeramkan kekhuatiran negara lain di Eropah dengan pernyataan bahawa kerajaannya tidak akan mengulangi dasar Republik Pertama Perancis dengan mencetuskan perang di seluruh Eropah. Kerajaannya mengiktiraf secara *de facto* persetujuan-persetiaan tahun 1815 yang menetapkan sempadan negara-negara Eropah, walaupun secara *de jure* ia mengutuk persetujuan itu. Perancis memberitahu Britain bahawa ia tidak berhajat untuk menakluki Belgium. Lamartine mengatakan bahawa Perancis akan hanya menggunakan kekerasan senjata jika ia “terdesak atau diancam” atau sekiranya Austria cuba membanteras pergerakan liberal dan nasionalis Itali dan Switzerland di sempadannya.⁵⁸ Jelas bahawa Perancis mahu mencapai matlamatnya menerusi diplomasi dan bukan melalui peperangan. Dengan perkataan lain, Perancis mahu meleraikan dirinya daripada *the romanticism of the barricades*.⁵⁹

Dasar tidak mahu mengeksport revolusi ini bukan hanya tidak menyenangkan golongan sayap kiri dalam kabinet, tetapi juga kelab-kelab politik yang dianggotai oleh rakyat negara asing yang banyak terdapat di Paris. Kelab-kelab ini mendesak agar Kerajaan Sementara memansuhkan dasar tidak mahu melibatkan dirinya dengan per-

57 Istilah *coalition of fear* ini ialah istilah J.M. Thompson.

58 Untuk teks manifesto ini, lihat Kertesz (ed.). *op. cit.*, hlm. 229–230. Dalam buku Kertesz, tarikh yang dicatatkan untuk dokumen ini ialah 7 Mac. Walau bagaimanapun, saya telah menggunakan tarikh seperti yang terdapat dalam buku Sigmann, iaitu 4 Mac.

59 Sigmann, *op. cit.*, hlm. 230.

gerakan revolusioner di negara lain di Eropah. Antara 4 Mac hingga 2 April, berbagai-bagai perwakilan telah ke Paris dan menyampaikan pendirian dan sentimen mereka kepada pihak Kerajaan Sementara. Antaranya termasuklah yang (mendakwa) menjadi jurucakap kepada rakyat Poland, Jerman, Switzerland, Greece (Yunani), Magyar (Hungary), Rumania, Portugis dan Sepanyol. Namun Lamartine tidak berganjak daripada prinsip yang telah ditegaskannya kepada seluruh Eropah.

Walaupun Perancis menolak dasar campur tangan, api revolusi telah merebak juga ke negara Eropah lain. Ciri-ciri kebangkitan yang dialami oleh Perancis juga terdapat di negara lain. Di peringkat permulaan revolusi, pimpinan golongan menengah di merata Eropah lantang membuat tuntutan agar prinsip-prinsip liberal diamalkan. Ini merupakan ciri-ciri utama yang ketara. Kemudian, arus revolusi menempa pula peringkat pengradikalannya. Namun, unsur yang turut mengradikalkan revolusi di Jerman, Austria dan Itali adalah berbeza sedikit daripada yang terdapat di Perancis. Di negara lain, selain golongan sayap kiri dan proletariat seperti yang terdapat di Perancis, golongan petani telah juga memainkan peranan yang penting. Di samping itu, semangat nasionalis telah juga menyemarakkan lagi api revolusi dan menguji kewibawaan para pemimpin liberal. Walau bagaimanapun, faktor-faktor ini tidak pula membezakan kebangkitan ini semua dengan kebangkitan yang berlaku di Perancis. Secara pokoknya, semua revolusi yang berlaku pada tahun 1848 memperlihatkan aspek pertarungan tiga penjurong yang telah dinyatakan sebelum ini.

KEBANGKITAN DI JERMAN

Semenjak ratusan tahun negara Jerman sekarang ini merupakan hanya kumpulan negeri-negeri kecil di bawah pemerintahan Holy Roman Empire. Kemudian, kuasa Holy Roman Empire ini berpindah kepada Maharaja Austria (juga satu negeri Jerman), lantas negeri-negeri Jerman berada di bawah naungan Austria.

Pada masa Napoleon Bonaparte I, negeri-negeri Jerman ini telah meleraikan diri mereka daripada naungan Austria. Pada tahun 1789, terdapat lebih daripada tiga ratus negeri kecil Jerman yang merdeka. Pada tahun 1815, jumlah ini menjadi tiga puluh lima setelah berlakunya takluk-menakluki dan gabung-menggabung di kalangan negeri-negeri tersebut. Kongres Vienna 1815 menyatukan semua negeri ini di bawah apa yang dinamakan Persekutuan Jerman, iaitu menggantikan Holy Roman Empire. Pada tahun 1848, jumlah negeri-negeri Jerman ini tinggal hanya tujuh belas buah.

Persekutuan Jerman mempunyai *diet*, atau parlimen, di Frankfurt. Wakil Austria di parlimen ini merupakan presiden tetap parlimen. Kuasa yang kedua kuatnya dalam persekutuan ini ialah Prusia. Pada zahirnya, Prusia nampak lebih progresif daripada Austria dalam memperjuangkan liberalisme dan nasionalisme. Austria tidak cenderung ke arah ini kerana empayarnya merangkumi daerah dan rakyat yang berbilang bangsa seperti orang Czech, Hungary, Pole dan Itali. Perkembangan liberalisme dan nasionalisme akan menggugat asas Empayar Austria. Prusia, sebagai sebuah negeri yang rata-rata mempunyai rakyat berbangsa Jerman, tidak menghadapi masalah seperti yang dihadapi Austria. Oleh sebab itu, Prusia dianggap sebagai ketua bagi merintis jalan ke arah penyatuan Jerman.

Pada tahun 1848, kedua-dua idea ini, iaitu nasionalisme dan liberalisme, telah seolah-olah mendapat nafas baru. Satu perhimpunan umum di Nassau, sebuah negeri dalam

Persekutuan Jerman, telah merekodkan pernyataan bahawa revolusi di Perancis telah “menggerakkan Eropah” dan kesannya telah tiba ke Jerman.⁶⁰ Perhimpunan ini antara lain menuntut agar semua rakyat dibekalkan dengan senjata. Mereka juga menuntut kebebasan akhbar tanpa syarat, persidangan parlimen Jerman, kebebasan berpersatuan dan penggubalan semula undang-undang mengundi (agar pemilikan harta tidak lagi dijadikan satu syarat). Tuntutan yang senada dengan ini telah juga dibuat oleh satu perhimpunan di negeri Württemberg sehari selepas perhimpunan di Nassau, iaitu pada 3 Mac 1846.⁶¹ Kedua-dua tuntutan ini, menurut Kertesz, adalah sealiran dengan tuntutan yang disuarakan di beberapa tempat lain di Jerman.⁶²

Nasib revolusi di negeri-negeri Jerman adalah terikat kepada apa yang berlaku di Prusia. Pengaruh Prusia terhadap negeri lain adalah kuat. Jika Austria dikecualikan, Prusia bukan hanya merupakan negeri Jerman yang paling besar dan kuat tetapi juga terkenal sebagai pendukung konservatisme yang gigih. Di Prusia, kebangkitan mula-mula sekali berlaku di Cologne. Keadaan industri di Cologne pada masa itu sedang mengalami kemelesetan. Namun peristiwa yang mustahak berlaku di Berlin. Di Berlin, dua orang cendekiawan radikal, Julius Berends dan Friedrich Schmidt telah mengendalikan beberapa perhimpunan awam yang kemudiannya menghasilkan satu surat rayuan kepada kerajaan. Apabila rayuan agar pembaharuan dilaksanakan dalam pentadbiran negeri ini ditolak, para penunjuk perasaan bertambah ramai dan agresif. Perkhabaran tentang kebangkitan di Vienna yang mengakibatkan jatuhnya tokoh konservatif Eropah semasa, Metternich, telah memberikan rangsangan yang bertambah kuat kepada para pejuang di Berlin. Raja Prusia, Frederick William, akhirnya mengalah kepada para penentangannya pada 18 Mac. Dalam dekrit yang diisytiharkannya pada hari itu, Raja Frederick William menjanjikan pemansuhan penapisan akhbar, penggubalan satu perlembagaan, persidangan parlimen se-Prusia pada 2 April dan pengakuan bahawa Prusia bersedia untuk mengepalai usaha bagi mencapai penyatuan Jerman.

Pengisytiharan ini telah disambut dengan penuh keghairahan. Tetapi panik pula turut timbul, dan ini, akhirnya mencetuskan pertempuran antara rakyat biasa dengan pihak bersenjata. Tiga ratus orang terbunuh dalam pertempuran ini. Kebanyakan daripada mereka yang terkorban terdiri daripada para pekerja mahir terutamanya tukang kayu, tukang jahit dan tukang kasut. Hanya lebih kurang lima belas orang daripada golongan menengah yang terbunuh (termasuk para penuntut) dan tiga puluh orang tukang mahir peringkat atasan.⁶³ Kejayaan pihak tentera menumpaskan para pemerotes ini tidak mengakibatkan reaksi antipemerotes daripada kerajaan kerana pihak kerajaan masih sebenarnya takutkan tindakan balas yang lebih hebat dari daerah-daerah di sekitar Berlin. Sebaliknya, Frederick William telah melantik satu kabinet menteri yang baru di bawah Ludolf Camphausen, “salah seorang daripada ketua golongan liberal yang terkenal di Rhineland”.⁶⁴

Kemudian satu pilihan raya umum diadakan. Hak mengundi diberi kepada semua

60 Kertesz (ed.), *op. cit.*, hlm. 103.

61 *Ibid.*, Dokumen 44, a & b.

62 *Ibid.*, hlm. 101. Lihat juga Stearns, *op. cit.*, hlm. 140–143.

63 P. N. Stearns, *op. cit.*, hlm. 147–148.

64 D. Thomson, *Europe Since Napoleon.*, hlm. 209.

lelaki dewasa kecuali para penjenayah, mereka yang mendapat bantuan wang sara hidup dan mereka yang bermukim kurang daripada enam bulan di sesuatu tempat. Inilah kali pertama rakyat Prusia diberikan hak mengundi tanpa syarat harta, walaupun hak ini bukanlah hak mengundi secara langsung.⁶⁵ Komposisi ahli parlimen yang terpilih adalah berlainan daripada kes yang terdapat di Perancis. Golongan tuan tanah hampir tidak kedapatan langsung dan golongan bangsawan yang terpilih adalah mereka yang berpendirian liberal. Kebanyakan yang terpilih datang daripada kelas menengah baru, iaitu para usahawan dan golongan profesional. Di samping mereka ini, ramai juga para petani turut terpilih; malah terdapat juga buruh pertanian yang buta huruf berjaya menjadi ahli parlimen. Corak pemilihan ini jelas mencerminkan ketidakpuasan hati rakyat Prusia terhadap *status quo* pada masa itu.

Kerajaan Ludolf Camphausen telah menjalankan beberapa dasar ekonomi yang sesuai dengan prinsip liberal. Dasar ekonomi yang menggalakkan pengindustrian mengancam kedudukan kewangan bangsawan dan tuan tanah, dan menguntungkan para pengusaha. Golongan bangsawan juga membenci golongan liberal kerana golongan liberal mengecam dan mengancam hak dan kedudukan istimewa golongan bangsawan. Pertelagahan prinsip ini sampai ke kemuncaknya pada bulan Oktober apabila parlimen meluluskan usul menggugurkan rangkai kata “dengan ihsan Tuhan” daripada gelaran yang digunakan oleh Raja William Frederick.⁶⁶ Beberapa hari selepas ini, iaitu pada 26 Oktober, satu perhimpunan besar-besaran di Berlin telah pula meluluskan resolusi “bahawa majoriti besar rakyat Jerman mahukan satu Republik”.⁶⁷ Rapat umum yang dipanggil Kongres Demokratik dan yang disertai para radikal dari beberapa kota Jerman lain ini telah akhirnya mencetuskan huru-hara. Raja berasa marah terhadap cabaran daripada golongan revolusioner ini. Kemudian, kejayaan pihak berkuasa Austria menumpaskan golongan pemberontak di Vienna telah memberikannya rangsangan untuk mengambil tindakan sendiri. Lantas, baginda mengarahkan bapa saudaranya, Friedrich Wilhelm von Brandenburg, yang baru dilantik menjadi Perdana Menteri, menumpaskan revolusi di Berlin. Revolusi di Berlin berakhir apabila 13 000 para soldadu telah dikerah ke Berlin dan mengembalikan semula kekuasaan diraja. Kempen tersebut tidak menghadapi sebarang rintangan serius.

Dalam menghadapi tentangan daripada golongan konservatif dan golongan diraja, golongan liberal tidak berjaya mendapatkan sokongan daripada pekerja dan golongan bawahan. Persefahaman tidak terjalin antara mereka kerana matlamat mereka berlainan. Misalnya, pada bulan Ogos, satu kongres pekerja di Berlin telah membuat satu siri tuntutan yang terperinci. Antara tuntutan ini termasuklah insurans pengangguran, koperatif pengguna, perumahan bagi pekerja, persamaan lelaki-wanita dan pelajaran sekular yang percuma. Golongan liberal tidak dapat melayan tuntutan begini kerana dasar campur tangan kerajaan dalam urusan ekonomi begini adalah bertentangan dengan sistem ekonomi bebas yang menjadi anutan mereka. Kemudian, apabila revolusi sudah begitu hampir kepada ambang kehancurannya pun, golongan liberal masih belum mahu berganding bahu dengan golongan bawahan. Pada masa itu terdapat ura-ura untuk mendesak

65 Lihat Stearns, op. cit., hlm. 151.

66 *Ibid.*, hlm. 154.

67 *Ibid.*

rakyat Prusia supaya jangan membayar cukai kepada raja. Protes yang sedemikian telah menggemparkan beberapa orang pemimpin liberal; presiden parlimen, seorang bangsawan rendah dan ahli peniaga bernama Hans von Unruh tidak mahu memperkenalkan mana-mana tindakan “revolusioner” atau “kurang hormat”.⁶⁸ Mereka barangkali tidak mahu menunggang harimau kerana khuatir tidak akan boleh turun semula dengan selamat. Inilah gambaran revolusi tiga penjuru.

PARLIMEN FRANKFURT

Unsur revolusi tiga penjuru ini jelas juga dipamerkan dalam usia singkat parlimen se-Jerman yang bersidang di Frankfurt. Di Dewan Parlimen Frankfurt juga para pejuang liberal dan nasionalis melihat impian mereka lebur.

Idea parlimen Se-Jerman ini telah diketengahkan oleh dua orang bangsawan liberal bernama Heinrich dan Max von Gagern pada bulan Februari tahun 1848 lagi. Memandangkan arus revolusi yang melanda Jerman pada masa itu, Raja Frederick William nampaknya bersedia bersetuju dengan idea ini. Dengan ini, negeri-negeri kecil lain mendapati sukar untuk menolak saranan daripada von Gargen ini. Akhirnya, para pendukung reformasi bermesyuarat di Frankfurt dan membuat persediaan untuk pilihan raya umum. Hak mengundi disarankan diberi kepada semua lelaki dewasa melainkan mereka yang ada menerima wang bantuan sara hidup dan mereka yang tidak dapat memenuhi syarat tertentu tentang tempoh masa bermukim.

Pilihan raya umum ini telah menghasilkan sebuah parlimen yang rata-rata dianggotai oleh golongan kelas profesional – “satu kumpulan yang amat terdidik dan mempunyai kelayakan intelektual yang luar biasa”.⁶⁹ Di kalangan ahli parlimen ini, terdapat 95 orang peguam, 104 orang profesor dan guru sekolah menengah, 124 orang birokrat dan 100 orang pegawai kehakiman. Golongan petani diwakili oleh hanya seorang petani. Golongan tuan tanah telah memenangi hanya tiga puluh empat kerusi sementara golongan kelas menengah baru pula (iaitu para usahawan) hanya berjaya memenangi tiga belas kerusi. Unsur kelas menengah parlimen ini amat nyata, lebih nyata daripada parlimen Prusia. Oleh itu, konflik dengan kelas bawahan lebih mudah timbul. Kelas menengah mahu memastikan agar arus revolusi tidak terlalu kencang ke kiri sehingga boleh mengancam impian dan kedudukan mereka sendiri. Pertelagahan kepentingan antara majoriti ahli parlimen ini dengan rakyat bawahan dimanifestasikan oleh kenyataan daripada Doktor K.W. Loewe, ahli parlimen liberal kelas menengah. Beliau mengatakan bahawa,

“Jika terdapat sebab untuk berasa takut terhadap golongan proletariat, maka proletariat pertanianlah yang patut kita paling awasi ... Ia telah membiakkan kegasaran yang boleh menguburkan segala sesuatu yang telah dihasilkan oleh tamadun”.⁷⁰

Seorang lagi ahli parlimen kelas menengah melihat matlamat proletariat sebagai sesuatu yang mahu menghasilkan persamaan kasar dalam serba-serbi (seperti puak

68 *Ibid.*, hlm. 154.

69 *Ibid.*, hlm. 157.

70 *Ibid.*, hlm. 163.

komunis) dan tidak mengendahkan perbezaan semula jadi di kalangan insan.⁷¹

Sentimen ini, selain memperlihatkan sedikit sebanyak perbezaan kepentingan kedua golongan ini, juga barangkali, memperlihatkan buruk sangka satu golongan terhadap satu golongan yang lain. Parlimen Frankfurt sebenarnya telah bertindak menghapuskan beberapa hak keistimewaan tuan tanah yang mendatangkan kesusahan kepada golongan petani. Tetapi para tuan tanah diberi ganti rugi, dan ini bertentangan dengan konsep keadilan proletariat dalam hal ini. Para proletariat berpendapat tuan tanah tidak sepatutnya diberi ganti rugi. Lagipun, parlimen juga tidak menerima desakan para petani agar dasar pembahagian semula tanah dilaksanakan bagi membolehkan para petani menjadi tuan tanah yang merdeka. Seperti parlimen Prusia, parlimen Frankfurt juga tidak mahu melayan tuntutan para pekerja mahir agar prinsip ekonomi *laissez-faire* dibataskan amalnya. Parlimen Frankfurt percaya bahawa kesusahan yang dihadapi para pekerja adalah akibat daripada kesalahan mereka sendiri dan bukan akibat daripada sistem ekonomi bebas.

Lantas, oleh sebab tidak terdapatnya tentangan secara habis-habisan terhadap idea lama, maka golongan liberal yang memberontak gagal mendapatkan sokongan daripada rakyat kelas bawahan. Inilah interpretasi Stearns. Stearns menegaskan bahawa,

“Pada pokoknya, para liberal kelas menengah pada tahun 1848 cuba mengendalikan satu revolusi politik tanpa satu revolusi sosial yang menyeluruh, tetapi mereka tidak berjaya”.⁷²

Jika golongan bawahan di Jerman kecewa dengan parlimen Frankfurt, para pejuang nasionalis di luar Jerman juga kecewa dengannya. Parlimen Frankfurt begitu lantang dan gigih memperjuangkan nasionalisme Jerman. Ia menyokong pergerakan rakyat berbangsa Jerman di daerah Schleswig-Holstein menentang raja Denmark yang menguasai daerah itu. Parlimen Frankfurt telah meminta negeri-negeri Jerman memberi bantuan tentera kepada kebangkitan di Schleswig-Holstein. Hasilnya, daerah tersebut telah dibawa masuk ke dalam Persekutuan Jerman. Jerman hanya bersetuju berkongsi kuasa dengan Denmark terhadap daerah itu setelah ada tekanan dan campur tangan daripada pihak Rusia, Britain dan Sweden.

Parlimen Frankfurt telah juga memperjuangkan penyatuan Jerman berdasarkan konsep *kliendeutsch*, atau “Jerman kecil”, yang dengan sendirinya menghalang penyertaan bersama Empayar Austria. Ia menolak konsep *grossdeutsch*, atau “Jerman raya”, kerana kemasukan Empayar Austria juga melibatkan rakyatnya yang berbilang bangsa. Perhitungan penting di sebalik keutamaan yang diberi kepada konsep *kliendeutsch* ini, di samping soal kemudahan pentadbiran, mungkin juga berkait dengan soal pemeliharaan ketulenan rumpun bangsa. Tetapi perhitungan begini juga, secara implikasinya, menunjukkan bahawa para liberal di parlimen Frankfurt menerima hakikat bahawa bangsa lain mungkin juga mempunyai aspirasi kebangsaan mereka yang tersendiri; sewajarnya begitulah. Tetapi ini telah tidak berlaku. Parlimen Frankfurt telah tidak melayani, apatah lagi menyokong, pergerakan nasionalis di luar Jerman. Louis Kossuth, pemimpin nasionalis Hungary yang menentang pemerintahan Empayar Austria di negerinya, pernah

⁷¹ *Ibid.*

⁷² *Ibid.*, hlm. 234.

meminta pertolongan daripada parlimen Frankfurt tatkala pergerakan nasionalis Hungary diancam oleh kekuasaan tentera Austria. Ia gagal mendapatkan apa-apa bantuan. Parlimen Frankfurt juga tidak menyokong pergerakan nasionalis bangsa-bangsa Poland, Bohemia, Czech, Hungary, Itali, Slav dan lain-lain yang semuanya pada masa itu mahu melepaskan negeri mereka daripada bendungan ketat Empayar Austria. Alasan para liberal Jerman ialah tamadun Jerman lebih tinggi daripada peradaban bangsa lain. Implikasinya ialah, bagi bangsa lain, untuk berada di bawah naungan Jerman adalah satu keistimewaan yang patut dihargai dan bukannya satu penghinaan yang patut disesali. Ini adalah sejajar dengan pemikiran yang membela semangat mendewa-dewakan Jerman sebagai sesuatu yang mencerminkan “egoisme kebangsaan yang sihat”.⁷³ Bagi Engels, misalnya, “kebangkitan Slav” bukanlah satu fenomena yang sejati. Dia pernah mencemooh Placky, pemimpin kanan nasionalisme Czech, sebagai pembela “negara Czech yang sudah lenyap” dan sebagai “Jerman tiruan yang tidak boleh bertutur dalam bahasa Czech dengan betul dan tanpa telur asing”.⁷⁴

Dari segi perjuangan mereka sendiri, golongan liberal di parlimen Frankfurt juga dilanda kekecewaan. Mereka kecewa dalam mencapai penyatuan Jerman apabila Raja Prusia menolak tawaran mereka pada 28 Mac 1849 untuk mengetuai kesatuan baru negeri-negeri Jerman yang dirancang. Raja Prusia hanya bersetuju untuk menjadi raja seluruh Jerman yang bersatu jika raja-raja Jerman lain juga bersependapat dalam hal itu. Tetapi Austria sudah pun, iaitu sebelum 28 Mac, mengenakan syarat kemasukannya ke dalam Persekutuan Jerman yang baru. Ia akan hanya menyertai persekutuan itu jika Austria diiktiraf sebagai satu entiti sahaja (biarpun terdapat rakyat yang berbilang bangsa di dalamnya) dan Parlimen Kebangsaan yang mewakili seluruh Jerman tidak diwujudkan. Apabila parlimen Frankfurt menolak syarat-syarat ini dan *grossdeutsch* digantikan oleh *kleindeutsch*, raja Prusia pun enggan menerima tawaran menjadi raja Jerman. Lantas, parlimen Frankfurt tinggal terlantar “tidak mempunyai ketua bagi negara yang belum wujud”.⁷⁵ Negeri-negeri utama Jerman, dengan diketuai oleh Austria, telah memanggil pulang wakil mereka; yang tinggal hanyalah ahli radikal yang kebanyakannya datang dari negeri-negeri selatan Jerman. Parlimen ini kemudiannya berpindah ke Stuttgart dan akhirnya bubar pada 18 Jun 1849 di tangan para tentera dari Württemberg.

KEBANGKITAN DI EMPAYAR AUSTRIA

Dalam kebangkitan yang berlaku di Austria, faktor nasionalisme memainkan peranan yang begitu penting. Ini disebabkan terdapatnya rakyat yang terdiri daripada berbilang bangsa di dalam empayar ini. Secara kasarnya empayar ini boleh dibahagikan kepada tiga daerah yang utama: Austria, Bohemia dan Hungary. Bangsa (atau bahasa) yang terdapat di dalamnya pada masa itu boleh pula dibahagikan kepada dua belas kumpulan: Jerman, Czech, Magyar, Pole, Ruthenia, Slovak, Serb, Croat, Slovene, Dalmatia, Rumania dan Itali. Di setengah-setengah bahagian empayar bangsa ini tinggal dalam kelompok sendiri,

73 Lihat W. Ebenstein, “Why The Revolution of 1848 Failed?” Dalam Kranzberg (ed.), *op. cit.*, hlm. 50.

74 Sigmann, *op. cit.*, hlm. 146.

75 P. N. Stearns, *op. cit.*, hlm. 188.

tetapi di beberapa daerah mereka saling bercampur gaul antara satu sama lain. Keadaan begini tidak terdapat di bahagian lain Eropah. Secara umumnya, bangsa Jerman menduduki keseluruhan daerah Austria yang asal dan beberapa bahagian Bohemia. Golongan minoriti mereka juga terdapat di Hungary secara terselerak. Bangsa Czech menduduki Bohemia dan daerah Moravia yang berhampiran. Bangsa Magyar adalah bangsa yang terpenting di Hungary walaupun jumlah mereka tidak mencapai taraf majoriti mutlak. Bangsa Czech, Pole, Ruthenia, Slovak, Serb, Croat, Slovene dan Dalmatia semuanya termasuk ke dalam rumpun bangsa atau bahasa Slav. Bahasa mereka saling berkait antara satu sama lain. Bangsa Magyar, Rumania dan Jerman (semuanya bukan daripada rumpun bangsa Slav) menduduki satu daerah yang kebetulan pula memisahkan rumpun bangsa Slav Selatan (yang kemudiannya dinamakan Yugoslavia) dengan rumpun bangsa Slav Utara.

Revolusi tiga penjuru yang terdapat dalam Empayar Austria bukan berlegar di sekitar soal sosioekonomi sahaja, tetapi juga bersabit dengan soal nasionalisme. Ini amat jelas terdapat dalam kes kebangkitan di Hungary. Pada mulanya kebangkitan di Hungary di bawah pimpinan Kossuth berjaya mendapatkan persetujuan Ferdinand I, Maharaja Austria, bagi penubuhan tentera kebangsaan. Pada masa itu, Ferdinand I sedang menghadapi penentangan terhadap pemerintahannya di Itali dan juga di Poland. Dia tidak mampu untuk berkeras dengan para pemberontak di Hungary. Kemudian, apabila arus revolusi bertukar haluan dan pihak *status quo* telah bertindak balik terhadap para pemberontak di seluruh Eropah, pengganti Ferdinand I, iaitu Francis Joseph I, juga bertindak keras di Hungary. Budapest, ibu kota Hungary, telah ditawan dan dibebaskan daripada kawalan para nasionalis Hungary. Tetapi para nasionalis Hungary telah memperlihatkan keupayaan melawan yang hebat sekali. Pada bulan April tahun 1849, tentera Hungary di bawah pimpinan Jeneral Gorgey telah menawan semula Budapest daripada pihak berkuasa Austria. Kepahlawanan para pejuang Hungary ini menggemparkan golongan konservatif di Eropah sehinggakan Rusia bersetuju untuk menghantar tenteranya membantu Austria. Akhirnya, kebangkitan Hungary ini tumpas pada bulan Ogos tahun 1849 apabila Jeneral Gorgey menyerah diri kepada pihak tentera Rusia. Kossuth dan beberapa orang pemimpin lain lari ke Turki, tiga belas Jeneral Hungary dibicarakan dan dihukum bunuh, ratusan para tentera lain dihukum mati setelah dibicara oleh mahkamah tentera Austria dan ribuan orang Hungary dikenakan hukuman penjara.

Fenomena tiga penjuru terdapat dalam kes nasionalisme Hungary kerana semasa rakyat Hungary berbangsa Magyar menuntut kebebasan daripada pihak Austria, bangsa-bangsa lain pula menuntut kebebasan daripada dominasi bangsa Magyar. Bangsa Magyar sebenarnya bukanlah golongan majoriti di Hungary. Pada tahun 1848, dikatakan daripada jumlah dua belas juta penduduk di Hungary hanya lima juta yang berbangsa Magyar.⁷⁶ Dalam keputusan yang dibuat dalam parlimen Hungary pada bulan Mac tahun 1848 kawasan bagi negara Hungary yang diperjuangkan tidak hanya merangkumi kawasan Hungary yang tradisional tetapi juga kawasan Slav Selatan, iaitu Croatia dan Slavonia, dan juga Translavia. Di kawasan lain ini kebanyakan penduduknya terdiri daripada bangsa Rumania.

Walau bagaimanapun, para nasionalis Hungary tidak mahu mengiktiraf perjuangan

76 G. Bruun, *Revolution and Reaction*, hlm. 55.

bangsa lain. Mereka menganggap bangsa lain ini lebih rendah kedudukannya daripada bangsa Magyar. Kossuth pula, misalnya, menganggap kegiatan bangsa lain itu sebagai unsur pengacau sahaja – sesuatu yang boleh menjejaskan perjuangan nasionalis Hungary pula. Dalam pada itu, Kossuth marah kepada bangsa Jerman kerana layanan dan pandangan serong mereka terhadap bangsa Magyar (Hungary). Para nasionalis Hungary kecewa kerana parlimen Frankfurt enggan menyokong perjuangan mereka; tidak kecewakah golongan nasionalis daripada rumpun bangsa Slav terhadap sikap para liberal Magyar di Budapest?

Seterusnya, terdapat faktor lain pula yang membolehkan bangsa Magyar memonopoli kegiatan politik di Hungary. Dalam keadaan masyarakat separuh feodal yang terdapat di Hungary pada masa itu golongan tuan tanahlah yang merupakan kelas yang paling berpengaruh. Dalam pilihan raya yang dirancang, hak mengundi hanya diberi kepada rakyat yang mempunyai harta. Jumlah harta yang disyaratkan agak sederhana, tetapi syarat ini menghadkan penglibatan kebanyakan rakyat daripada bangsa Rumania dan rumpun bangsa Slav. Dalam masyarakat Hungary pada masa itu memang terdapat juga bangsa Magyar yang menjadi petani dan pekerja, tetapi dalam golongan tuan tanah pula hampir tidak terdapat langsung bangsa bukan Magyar. Orang Yahudi pula tersingkir daripada penglibatan politik kerana terdapatnya satu syarat keagamaan. Lagipun dalam parlimen Hungary semua ahli dikenankan bertutur bahasa Hungary.⁷⁷

Jadi, walaupun Kossuth memperjuangkan satu pemerintahan yang liberal, unsur liberal ini tidak terlihat oleh bangsa bukan Magyar di Hungary. Bagi para petani Slav dan Rumania, pemerintah Magyar juga merupakan pemerintahan tuan tanah yang menindas. Obligasi yang masih dikenakan terhadap mereka yang tidak mempunyai tanah dirasakan begitu teruk oleh para petani bukan Magyar. Walau bagaimana liberal pun pergerakan nasionalis Hungary, ia masih merupakan satu pergerakan yang berlandas kepentingan tuan tanah atasan. Ia tidak menjanjikan satu perubahan sosioekonomi yang menyeluruh. Dalam pada itu pula, tindakan Kossuth, (antaranya ialah penghapusan beberapa aneka cukai tanah), telah didapati sebagai terlalu radikal oleh golongan tuan tanah. Banyak antara golongan kaya telah sebenarnya meninggalkan Budapest dan ada juga ahli kerajaan revolusi daripada golongan sederhana, seperti Ferencz Deak, Menteri Kehakiman, mengundurkan diri daripada kegiatan revolusi.⁷⁸ Inilah pula aspek revolusi tiga penjuru dari segi sosioekonomi.

Adanya konflik di dalam kebangkitan atau pergerakan di Hungary ini akhirnya menguntungkan Empayar Austria. Maharani dan Maharaja Austria telah memberi simpati dan pertolongan mereka kepada perjuangan golongan minoriti. Golongan ini akhirnya berhutang budi kepada Austria dan bersedia menolong Austria menumpaskan nasionalisme Hungary. Maharani Sophie menyokong perjuangan bangsa minoriti di Hungary dengan kerjasama para pegawai tinggi negara. Pada 23 Mac 1848, Baron Josip Jelacic, yang ada mempunyai hubungan dengan para nasionalis Croatia, telah dilantik menjadi Gabenor Croatia. Selepas ini Maharaja Ferdinand I sendiri menggalakkan para nasionalis Croatia

⁷⁷ Lihat Stearns, *op. cit.*, hlm. 106.

⁷⁸ *Ibid.*, hlm. 198, lihat juga hlm. 105 dan hlm. 148; dan juga Sigmann, *op. cit.*, hlm. 307. Lihat juga hlm. 142 – 145 dan hlm. 242.

menentang Hungary. Penentangan secara terancang terhadap pemerintahan Magyar juga dikendalikan oleh bangsa Serb dan Rumania. Semua golongan ini telah menolong Austria dengan tentera bagi menumpaskan pergerakan nasionalis di Hungary.

Setelah nasionalisme Hungary (atau Magyar) ditumpaskan, bangsa-bangsa yang menyokong Austria tidak juga mendapatkan kebebasan atau autonomi mereka sendiri sebagai hadiah. Dasar penjeraman secara paksa telah dilaksanakan terhadap semua bangsa bukan Jerman. Ini merupakan satu pembantutan nyata kepada perkembangan nasionalisme. Pemansuhan sistem perhambaan dan pembayaran kepada tuan tanah tidak dapat memadamkan rasa kekecewaan kebangsaan ini. Secara retrospektif, jelas nampaknya bangsa bukan Magyar di Hungary telah dijadikan seperti bidak sahaja dalam percaturan politik Austria-Magyar. Mungkinkah mereka akan berganding bahu dengan, atau di dalam, pergerakan nasionalis Hungary jika aspirasi mereka diiktiraf oleh para pemimpin Magyar? Jika mungkin begitu, mereka barangkali telah sentiasa mendendami para pejuang nasionalis Hungary, (bagi mereka Hungary lebih tepat disebut Magyar), lantas sikap mereka mungkinlah sesuatu yang berasaskan kepada prinsip bahawa jika kami tidak dapat (kebebasan kebangsaan) biarlah semua sekali tidak dapat.

PERGERAKAN DI BOHEMIA

Seperti kes di Hungary, pergerakan nasionalis di Bohemia juga gagal mendapatkan bantuan daripada para nasionalis Jerman. Sebenarnya, para revolusioner di Jerman gembira apabila kebangkitan di Bohemia ditumpaskan dan mereka memberi tahniah kepada Jeneral Windischgratz yang bertanggungjawab mengendalikan operasi itu. Oleh sebab Bohemia sudah menjadi daerah Austria semenjak abad ke-16, maka golongan liberal di Jerman mudah menganggap Bohemia sebagai sebahagian daripada Jerman. Golongan bangsawan Bohemia berdarah Jerman dan mempunyai ketaatsetiaan kepada wangsa Habsburg. Memang betul bahawa golongan liberal berbangsa Jerman di Bohemia telah turut dalam kebangkitan awal, bersama-sama berganding bahu dengan golongan liberal Czech menuntut reformasi daripada Maharaja Austria; tetapi mereka mengundurkan diri apabila mereka dapati golongan liberal Czech sebenarnya menuntut autonomi bagi Bohemia. Mereka tidak mahu menjadi golongan minoriti dalam sebuah negara Bohemia bebas. Inilah juga pendirian parlimen Frankfurt. Sejajar dengan pendirian begini, maka parlimen Frankfurt yang bersidang untuk menyatukan Jerman telah menjemput Frantisek Palacky, pejuang ulung nasionalisme Czech dan ahli sejarah ternama, untuk mewakili daerah Bohemia. Pelawaan ini ditolak oleh Palacky. Dokumen yang mengandungi penolakannya ini diperhebahkan secara meluas dan merupakan satu esei tentang nasionalisme Czech. Jadi, sikap golongan liberal Jerman di parlimen Frankfurt terhadap kegagalan kebangkitan nasionalis di Bohemia seolah-olahnya memperlihatkan tindakan memulangkan paku buah keras: rasakan! Mereka telah mempelawa para nasionalis Bohemia untuk menganggap nasionalisme Jerman sebagai nasionalisme Bohemia juga. Mereka mahu para pejuang di Bohemia turut bersama-sama dengan para liberal di Frankfurt berusaha untuk mencapai matlamat ini. Mereka mengatakan bahawa para pejuang Bohemia degil. Para liberal Jerman tidak dapat membayangkan bahawa dalam kes ini nasionalisme bagi mereka itu adalah penjajahan bagi Bohemia!

Di samping itu, pergerakan nasionalisme di Bohemia juga menghadapi masalah dalaman. Daerah autonomi yang dituntut oleh para pejuang nasionalis Bohemia itu meliputi Bohemia, Moravia dan Silesia (di bahagian Austria). Walaupun rakyat utama di negeri-negeri ini semuanya dari rumpun bangsa Slav, Moravia sebenarnya tidak bersetuju dengan idea penyatuan ketiga-tiga negeri atau daerah itu. Untuk mengatasi masalah di kalangan rumpun bangsa Slav dan sebagai satu saingan kepada parlimen Frankfurt, maka satu Kongres Slav Raya telah diadakan pada 2 Jun 1848. Daya usaha Palacky untuk menyatukan semua Slav di Austria ini gagal juga akhirnya. Bangsa Pole, misalnya, mahukan negara mereka yang sendiri. Bangsa Czech dan Empayar Austria adalah hampir sama sahaja dibenci oleh bangsa Pole. Bangsa Slovak pula mencurigai akan kepimpinan dan pengaruh bangsa Czech. Persetujuan umum juga tidak tercapai tentang sama ada negeri-negeri yang bakal dibentuk kelak akan diasaskan menurut sempadan daerah tradisional ataupun perbezaan bangsa. Pada zaman kegemilangannya dahulu, negeri Czech pernah mempunyai daerah yang lebih luas. Oleh itu, para nasionalis Czech mahukan sempadan tradisional dijadikan asas untuk sempadan baru.

Kongres Slav Raya ini telah mengisytiharkan satu manifesto pada 12 Jun 1848. Sebahagian besar kandungan manifesto ini adalah hasil usaha Palacky. Manifesto ini masih menekankan agar idea persekutuan negeri-negeri di dalam Empayar Austria itu dilaksanakan. Idea yang mahukan autonomi tetapi bukan perpisahan ini tetap serupa nampaknya dengan pendirian Palacky tatkala dia menolak pelawaan untuk turut serta dalam parlimen Frankfurt dua bulan sebelumnya. Pada masa itu, dalam surat penolakannya yang bertarikh 11 April, Palacky mengatakan bahawa,

“Sekiranya negara Austria tidak wujud dari zaman lampau lagi, maka tentulah menjadi perlu bagi kita, demi kepentingan Eropah dan malahan kemanusiaan, untuk berusaha membentuknya secepat mungkin.”⁷⁹

Hanya Empayar Austria, kata Palacky, yang boleh menghalang dasar perluasan kuasa Rusia. Tanpa persekutuan dengan Austria negeri-negeri lain adalah terlalu lemah untuk menjamin keselamatan diri sendiri.

Namun manifesto 12 Jun itu tidak dapat mengatasi perbezaan pendirian di kalangan rumpun bangsa Slav. Stearns mengatakan bahawa ia hanya “menyalut tipis perbezaan yang agak mendalam itu dengan pernyataan bernas tentang nasionalisme liberal.”⁸⁰

Pada hari kongres itu tamat, iaitu pada 12 Jun, para radikal muda, kebanyakannya para penuntut universiti, telah cuba menubuhkan Republik Czech menerusi revolusi. Mereka mendapat rangsangan bukan hanya dari kongres yang telah diadakan tetapi juga pidato seorang anarkis Rusia yang bersemangat: Bakunin. Dalam masa kongres berjalan Bakunin seolah-olah telah mencabar kepimpinan Palacky dan menganjurkan pemisahan terus rumpun bangsa Slav dari Empayar Austria. Rumpun bangsa Slav, katanya, patut bersatu di bawah pimpinan Rusia yang direvolusikan.

Para penuntut yang memberontak itu juga mendapat sokongan daripada para pekerja di Prague yang pada masa itu menghadapi masalah pengangguran dan kenaikan harga

79 Lihat Stearns, *op. cit.*, hlm. 111 dan Sigmann, *op. cit.*, hlm. 243.

80 P. N. Stearns, *op. cit.*, hlm. 112.

barang. Mereka juga cuba mempengaruhi para petani untuk turut serta tetapi tidak berjaya. Para pemimpin Czech yang sederhana, seperti Palacky, cuba mendamaikan keadaan, iaitu agar sesuatu kompromi antara para radikal dengan pihak berkuasa Austria diusahakan. Mereka juga gagal. Akhirnya para pemberontak ditumpaskan oleh para tentera di bawah pimpinan Jeneral Windischgratz. Mereka telah diserang walaupun para pemimpin radikal telah pun menawarkan penyerahan diri. Stearns mengatakan bahawa, “Sudah jelas bahawa para pemberontak Czechlah yang paling mudah ditumpaskan, kerana sokongan terhadap kebangkitan mereka amat terhad.”⁸¹

KEBANGKITAN DI ITALI

Pada tahun 1848, Itali seperti juga Jerman, adalah merupakan satu “istilah geografi” dan bukannya sebuah entiti politik. Itali terbahagi kepada beberapa daerah atau negeri di bawah berbagai-bagai pemerintahan yang berlainan. Di selatan Itali, kerajaan Dua Sicily (Naples dan Sicily) yang merangkumi hampir semua daerah di Itali ke selatan daripada Rom dan juga Pulau Sicily diperintah oleh Ferdinand II, seorang putera Bourbon (Perancis). Kota Rom dan negeri-negeri Paus di Itali tengah adalah di bawah pemerintahan Paus Pius IX. Di utara Rom, terdapat lebih kurang sepuluh negeri dan yang terbesar ialah kerajaan Sardinia (termasuk Pulau Sardinia). Kerajaan ini juga digelar kerajaan Piedmont. Antara negeri Itali yang mustahak pada masa itu hanya Sardinia atau Piedmont yang diperintah oleh wangsa Itali asli. Ia diperintah oleh Charles Albert daripada keluarga Savoy. Negeri lain di utara Itali diperintah, sama ada oleh Maharaja Austria, Ferdinand I, iaitu seperti Venice dan Lombardy (dikenali sebagai kerajaan Lombardo-Venetia), atau oleh para bangsawan Austria (wangsa Habsburg), seperti Tuscany, Parma, Madena, Lucca, Massa dan Carrara. Sebuah negeri kecil, San Marino, wujud sebagai sebuah republik. Jadi, lebih kurang satu pertiga daerah Itali berada di bawah kekuasaan Austria. Bahagian utara Itali secara kebetulannya pula adalah kawasan Itali yang termaju.

Oleh sebab unsur kuasa asing begitu ketara di negeri Itali, maka faktor antikuasa asing memainkan peranan yang mustahak dalam revolusi di Itali. Lagipun perasaan antipemerintah negeri sendiri agak kurang di Itali. Beberapa langkah reformis dan liberal yang dilaksanakan di Itali telah mereda atau memuaskan hati para atau bakal pemberontak tempatan.⁸² Oleh itu, potensi politik mereka dihadapkan pula kepada tindakan menentang pemerintahan Austria.

Oleh sebab rakyat Itali adalah serumpun bangsa, seagama dan bertutur satu bahasa maka harapan untuk nasionalisme Itali berkembang sihat sepatutnya cerah. Namun, harapan ini telah dimusnahkan oleh pertikaian atau perbezaan ideologi pula. Pertikaian ideologi ini adalah agak sama dengan apa yang terdapat di tempat lain. Di satu pihak terdapat golongan sederhana yang diwakili golongan atasan dan menengah. Golongan ini tidak antimonarki dan tidak anti-Gereja dan takutkan sosialisme. Kemudian terdapat pula golongan nasionalis yang radikal seperti Mazzini yang memperjuangkan konsep republik tetapi mengetepikan buat sementara waktu soal kepentingan sosioekonomi golongan

81 *Ibid.*, hlm. 113.

82 Untuk langkah-langkah reformis ini, lihat *Ibid.*, hlm. 123–125.

bawahan. Kumpulan yang lebih radikal ialah kumpulan yang memperjuangkan penyingkiran kuasa asing dari Itali, penubuhan sebuah republik dan serentak dengan itu mahukan juga pembelaan terhadap keadaan sosioekonomi golongan bawahan. Tetapi penyusunan jentera kumpulan radikal ini tidak sekemas yang terdapat di Perancis. Golongan petani dan pekerja juga terlibat secara sendiri dalam menyuarakan kepentingan mereka. Ini terpaksa mereka lakukan kerana pihak revolusioner kelas menengah tidak sebenarnya dapat menyuara dan memperjuangkan kepentingan petani dan pekerja. Selain kumpulan ini, terdapat pula golongan agama di bawah pimpinan Paus Pius IX di Rom. Paus yang pada mulanya terlibat dalam tindakan reformis dan bersimpati pula dengan pergerakan anti-Austria telah menarik diri daripada kempen anti-Austria pada suatu saat yang genting. Ini telah benar-benar mengecewakan para revolusioner Itali. Jadi, dalam konteks Itali, pergerakan revolusi 1848 sebenarnya adalah satu fenomena yang melibatkan lebih daripada tiga penjuru.

Kebangkitan penting di Itali yang kemudiannya mencetuskan rantaian kebangkitan lain berlaku pada 17 Mac 1848 di Milan, Lombardy. Demonstrasi secara besar-besaran telah dikendalikan oleh para radikal muda yang memperjuangkan idea negara republik. Semangat mereka telah dibangkitkan oleh perkhabaran yang tiba ke Milan pada hari itu tentang revolusi yang berlaku di Venice. Mereka menuntut kerajaan memberi kebebasan akhbar, menggantikan polis dengan pengawal sivil dan memulakan persidangan Dewan Kebangsaan. Pada mulanya tentera Austria di bawah pimpinan Jeneral Radetzky, yang sudah pun berusia lapan puluh satu tahun, tidak bertindak balas kerana enggan mengapi-apikan suasana. Lagipun Radetzky yang hanya mempunyai 13 000 orang tentera di Milan juga khuatir campur tangan kerajaan Sardinia atau Piedmont yang mempunyai 45 000 orang tentera.

Kebangkitan “Lima Hari” di Milan ini berjaya mengusir tentera Austria apabila Radetzky mengundurkan tenteranya pada 23 Mac 1848. Kerajaan revolusi sudah pun ditubuhkan pada 18 Mac di bawah pimpinan Carlo Cattaneo, ahli teori politik yang radikal. Namun, kebanyakan rakan sejawatnya dalam kabinet terdiri daripada golongan liberal.

Dalam kebangkitan “Lima Hari” di Milan, golongan atasan dan bawahan telah berganding bahu menentang tentera Austria. Sukarelawan berebut-rebut datang ke Milan dari kota di sekitar Itali utara dan tengah. Dari Rom sahaja 9000 orang sukarelawan tiba di Milan. Negeri Itali yang lain turut menyumbangkan bala tentera mengikut kemampuan masing-masing. Malah Ferdinand II yang memerintah kerajaan Dua Sicily telah dipaksa oleh golongan radikal menghantar 14 000 orang tentera ke Lombardy.

Namun, setelah peringkat awal ini berlalu maka perbezaan antara para pejuang revolusi di Itali timbul dengan nyata. Ini dapat dilihat di Milan, Venetia dan kerajaan Dua Sicily, iaitu tempat-tempat kebangkitan yang agak berkesan telah berlaku. Di Milan, isu sama ada Lombardy patut mendapatkan atau menerima sokongan Piedmont di dalam penentangannya terhadap Austria memperlihatkan perbezaan ini. Kebanyakan ahli kabinet Kerajaan Sementara bersetuju agar kerjasama Lombardy-Piedmont diwujudkan. Golongan liberal adalah bangsawan kaya dan usahawan ini menjangka bahawa kerjasama tersebut bukan hanya akan menguntungkan Lombardy dari segi ketenteraan, tetapi juga boleh mengurangkan pengaruh radikal di Milan. Ini juga adalah sesuai dengan perhitungan Charles Albert di Piedmont kerana dia tidak inginkan wujudnya satu republik bebas dan radikal sebagai jiran yang tentu pula boleh mengancam kestabilan pemerintahan

konservatifnya sendiri. Sebaliknya, Cattaneo yang memperjuangkan penubuhan Republik Lombardy yang akan disatukan dengan negeri Itali lain dalam satu persekutuan, memang mencemuh kerajaan Charles Albert sebagai “mundur”. Cattaneo mahukan kebebasan politik diserapkan di Lombardy secara meluas dan segera. Jadi, dia tidak inginkan apa-apa bentuk kerjasama dengan Piedmont. Seterusnya, pendapat dan strategi Cattaneo ini ditentang pula oleh seorang pemimpin nasionalis lain yang juga memperjuangkan pemerintahan secara republik di Itali, iaitu Mazzini. Bagi Mazzini tugas yang paling penting yang dihadapi oleh Revolusi Itali ialah mengusir kuasa Austria dari bumi Itali. Untuk tujuan ini dia telah menggalakkan langkah kerjasama Lombardy-Piedmont dan bersedia menanggungkan segala tindakan memperbaiki keadaan sosioekonomi kaum bawahan. Apabila sekumpulan tukang jahit yang menuntut kenaikan gaji dan cuti pada hari Ahad datang kepadanya, Mazzini menyuruh mereka menggantungkan dahulu tuntutan mereka sehingga selepas revolusi.⁸³ Bagi Mazzini rekod Charles Albert yang antiliberal (yang amat ditekan oleh Cattaneo) tidak perlu dihiraukan. Pada 29 Mei 1848 satu undian tentang soal penyatuan dengan Piedmont ini telah diadakan. Undian ini menghasilkan 56 000 undi menyokong berbanding dengan 681 sahaja yang menentang.

Penglibatan terus Piedmont dalam penentangan terhadap kuasa Austria ini menimbulkan kebimbangan pula di kalangan negeri Itali yang lain. Mereka bimbang jika Charles Albert akan mengambil kesempatan ini untuk memperluaskan daerah pemerintahannya. Lantas terdapat kerajaan di Itali tengah dan selatan yang mengurangkan sumbangan tentera mereka kepada peperangan Itali-Austria. Sambil itu mereka juga menggesa Paus Pius IX mengambil alih pimpinan pergerakan nasionalis Itali. Paus Pius IX berada dalam keadaan serba salah. Dia terpaksa mengimbangkan kedudukannya sebagai pemimpin Itali yang bencikan kuasa asing di Itali dengan kedudukan antarabangnya sebagai pemimpin dan penaung kepada seluruh penganut agama Kristian (mazhab Katolik). Jeneral Giovanni Durondo, yang berasal dari Piedmont dan yang mengepalai tentera Paus cuba mempengaruhi keadaan apabila dalam satu kenyataannya ia membayangkan seolah-olah Paus telah memberi restunya kepada usaha “untuk menghapuskan musuh Tuhan dan Itali – peperangan yang sedemikian itu bukannya hanya [satu peperangan] nasional, malah amat Kristian sekali”.⁸⁴ Kenyataan ini telah menimbulkan satu krisis baru. Paus merasa tidak senang sekali dengan percubaan untuk mempengaruhinya ini. Dia dengan terangnya menyatakan bahawa dia adalah terpisah daripada revolusi. Secara khusus pula dia menafikan adanya apa-apa keinginan daripada pihaknya untuk memperjuangkan sebuah republik Itali di bawah pimpinannya. Dia menolak kerasionalan nasionalisme sebagai satu prinsip politik atau hidup. Dia mengatakan bahawa,

“Menurut Peraturan kami yang terulung, kami menyanjungi dan merapati semua bangsa, rakyat dan negara, dengan tumpuan cinta kasih yang serupa.”⁸⁵

Tindakan Paus ini telah memeranjatkan para nasionalis. Sebagai protes, kerajaan sekularnya yang dibentuk di peringkat awal revolusi (dan dengan restunya) telah me-

83 *Ibid.*, hlm. 133.

84 *Ibid.*, hlm. 134.

85 *Ibid.*,

letakkan jawatan. Kelab-kelab radikal muncul dan terdapat permusuhan yang meluas terhadap golongan Gereja. Walaupun sikap Paus ini membantu meradikalkan lagi para pejuang nasionalis, dia juga telah memberi galakan kepada golongan antirevolusi.

Kes yang agak sama dengan kes di Milan ini juga terdapat di Venice. Para pejuang di Venice, yang juga mendapat rangsangan daripada revolusi yang berlaku di tempat lain, telah mengisytiharkan penubuhan sebuah republik pada bulan Mac 1848. Daniele Manin, peguam yang pernah dipenjarakan oleh pihak berkuasa Austria kerana kegiatan nasionalisnya, telah dilantik sebagai ketua. Manin menyokong kuat idea republik dan, seperti Cattaneo, menentang kerjasama dengan pihak Piedmont. Pada bulan Julai, Dewan Perwakilan yang baru dibentuk mengambil persetujuan untuk bergabung dengan Piedmont. Manin berasa sangat kecewa. Dia meletakkan jawatan.

Di Dua Sicily (Naples dan Sicily), para pejuang revolusi di Pulau Sicily telah pada mulanya mendapatkan status autonomi daripada Raja Ferdinand II. Kemudian pada pertengahan bulan April tahun 1848, mereka telah menuntut kemerdekaan penuh dan mengisytiharkan takhta Sicily kosong. Di Naples pula, Ferdinand II telah didesak agar mengambil bahagian aktif dalam peperangan Austria-Lombardy (Itali) dan memberi parlimen hak untuk meminda perlembagaan. Ini tidak diterima oleh Ferdinand II. Dasarnya disokong oleh golongan konservatif dan juga liberal kelas atasan, iaitu satu gabungan antara para usahawan dengan tuan tanah. Golongan atasan ini khuatirkan tercetusnya kekacauan sosial yang akan mengancam dan merampas harta milik mereka. Dengan sokongan ini, dan dengan dasarnya yang tidak memerangi golongan liberal yang sederhana, Ferdinand II berjaya menyingkirkan para radikal dari Naples dan kemudian memansuhkan Pegawai Kebangsaan yang memihak kepada golongan bawahan dan revolusioner radikal.⁸⁶ Tumpasnya revolusi di Naples ini menimbulkan kesan di seluruh Itali. Ferdinand II memanggil pulang tenteranya dari Lombardy. Langkah ini dituruti pula oleh negeri lain dari bahagian tengah dan selatan Itali.

Jadi, nampaknya apabila para liberal sederhana kelas menengah dan atasan di selatan (dan juga di bahagian tengah Itali) menghadapi dilema sama ada mahu memihak kepada nasionalisme dan revolusi sosial, atau membiarkan nasionalisme terancam kerana takutkan revolusi sosial. Mereka membuat keputusan mengorbankan nasionalisme. Antara golongan konservatif dengan golongan radikal, golongan konservatif nampaknya lebih rapat kepada mereka. Dengan perkataan lain, mereka rela melihat perjuangan nasionalisme terkandas kerana mahu menjaga kepentingan golongan sendiri. Tetapi dari sudut yang lain, nasionalisme di Itali boleh juga dikatakan sebagai telah dikorbankan oleh para radikal yang tidak sabar dan tidak cermat dalam memburu idealisme mereka. Mazzini, misalnya, mungkin sabar dan mahu menangguhkan program sosialnya tetapi tidak cermat dalam sikap permusuhan terhadap pihak Gereja. Manin mungkin cermat kerana enggan membawa revolusi ke desa-desa, tetapi seperti juga Cattaneo, tidak pula sabar untuk melayan telatah dan sikap Piedmont. Mereka semuanya gagal untuk memupuk dan mengekalkan perpaduan dalam gerakan nasionalis Itali.

Dalam membuat penentuannya terhadap soal siapa yang (lebih) bertanggungjawab menjejaskan perjuangan kebangsaan di Itali, Stearns, secara umumnya, telah menyalahkan

⁸⁶ *Ibid.*, hlm. 135.

golongan revolusioner liberal yang tidak mengendalikan revolusi sosial yang menyeluruh bagi memenangi sokongan dari pihak bawahan, iaitu para pekerja dan petani. Manin dan Cattaneo pun tidak dikecualikannya dalam hal ini. Gambaran atau tafsiran begini adalah serupa juga dengan tafsiran yang dibuat olehnya terhadap revolusi di Empayar Austria dan Jerman. Pentafsiran begini adalah sejajar dengan perspektif Stearns (dan juga orang lain) yang melihat Revolusi-revolusi 1848 sebagai satu pertarungan “tiga penjuru”.

RUMUSAN UMUM

Walau bagaimanapun, dalam membuat rumusan umum begini, Stearns juga menyedari bahawa rumusannya bukanlah sesuatu yang mutlak. Terdapat sesuatu andaian yang mengikat hujahnya. Misalnya, dalam mengecam Manin serta ahli golongan radikal kerana hanya menumpukan perhatian kepada masyarakat kota dan mengkesampingkan nasib petani, Stearns sedia mengakui bahawa jika perhatian diberi kepada golongan petani, mereka (iaitu para petani) belum tentu lagi akan menjadi satu kumpulan yang revolusioner. Oleh itu, kritiknya adalah sesuatu yang masih belum jitu. Stearns mengatakan bahawa,

“[Memang] diakui terdapatnya kesangsian sama ada para petani desa di sekitar [Venice] boleh dirangsangkan untuk menjadi para sekutu revolusi, tetapi tiadanya percubaan [untuk berbuat begitu] adalah ketara [mencerminkan sikap para revolusioner].”⁸⁷

Penekanan begini dibuat lagi oleh Stearns di satu tempat lain dalam penulisannya. Dia menjelaskan bahawa,

“Barangkali kegagalan pihak liberal dan malahan ramai pemimpin radikal untuk memanfaatkan kegelisahan para petani adalah satu pendedahan yang lebih ketara daripada ketidakupayaan mereka untuk bersekutu berpanjangan dengan kelas-kelas bawahan di kota. Oleh sebab, sekurang-kurangnya jika dilihat dari luar, musuh para petani adalah juga musuh para liberal, biarpun kerana sebab-sebab yang berbeza, dan ketidakpuasan hati para petani itu tidak menjejaskan kepentingan utama para liberal. Patut juga diingat bahawa jika para liberal telah membantu para petani yang kegelisahan, revolusi mungkin akan gagal juga, kerana kebangkitan para petani adalah terhad dari segi kawasan dan kehebatannya.”⁸⁸

Di sini, wajar juga diingat kes di Perancis, tempat para petani sebenarnya menjadi musuh revolusi dan bukannya pendukung revolusi. Penerangan mudah, tidak semestinya salah, ialah mereka sudah mempunyai kepentingan (tanah) lantas menjadi konservatif. Stearns jelas mengatakan sebab kelas menengah liberal tidak menjadi golongan radikal yang bertekad menggenggam bara api sehingga ke abunya ialah kerana mereka sudah mempunyai tanah dan “mempunyai keinginan untuk meniru golongan bangsawan.” Kemudian, Stearns menekankan kepentingan faktor yang terakhir ini dengan kata-kata,

87 *Ibid.*, hlm. 212.

88 *Ibid.*, hlm. 230. Penekanan ditambah.

“Tetapi yang pentingnya ialah sekarang peniruan itu sudah boleh dilakukan.”⁸⁹ Bagaimanakah jika gabungan tindakan revolusioner liberal-petani berjaya menghasilkan kepentingan (tanah) yang memuaskan hati para petani? Jika logik hujah sebelum ini diteruskan maka amat mungkinlah para petani itu, dalam konteks radikalisme ala sosialis, akan juga menjadi para revolusioner yang alang kepalang. Seterusnya, dalam hal yang sedemikian itu mungkinkah para petani akan bersedia, seperti kesnya dengan para liberal, mengorbankan nasionalisme jika kepentingan mereka diancam oleh keradikalan golongan sayap kiri?

Jika jawapan positif diberi kepada soalan di atas, maka isu sokongan petani tidak boleh terlalu ditekankan. Oleh itu, adalah wajar bagi Stearns mengetengahkan faktor ini secara cermat, iaitu dengan hujah yang jelas berlapis. Ini juga, dengan cara yang agak automatik, memperkukuhkan satu lagi faktor yang diutarakan oleh Stearns bagi menerangkan kegagalan revolusi (radikal) 1848. Ringkasnya, Stearns mengatakan bahawa para revolusioner gagal kerana mereka tidak mempunyai kekuasaan tentera, terlalu mempercayai atau terkongkong dengan prinsip liberal yang mengutamakan sikap berdiplomasi dan terpedaya dengan harapan tentang ketahanan romantisme.⁹⁰ Segala ini melemah, malah mematikan, peperangan kelas, dan “tanpa peperangan kelas, satu revolusi tidak boleh dikendalikan”.⁹¹ Kemudian Stearns memberikan petuannya bagi menjayakan sesuatu revolusi,

“Revolusi yang berjaya selalunya diarahkan oleh kumpulan yang bermula tanpa para pengikut yang ramai tetapi menampung kekurangan ini dengan perancangan dan pengendalian yang teliti, tidak ada kumpulan yang sedemikian itu muncul pada tahun 1848.”⁹²

Mathiez, ahli sejarah yang menganalisis Revolusi Perancis berasaskan premis ideologi sayap kiri, menerangkan bahawa kegagalan Robespierre memperjuangkan kesejahteraan sosioekonomi kelas bawahan ke matlamat akhirnya adalah kerana Robespierre dan rakan-rakannya tidak menghapuskan hak memiliki harta perseorangan dengan cepat dan tegas seperti yang kemudiannya telah berlaku dalam Revolusi Rusia.⁹³ Pembentukan kumpulan kecil yang mengarah yang dikatakan oleh Stearns ini tentunya mengingatkan kita kepada konsep “penggerak revolusioner” yang diketengahkan oleh Lenin. Dengan berpandukan konsep “penggerak revolusioner” ini, Lenin telah mengendalikan Revolusi Rusia tanpa menunggu apa yang dinamakan “keadaan revolusioner yang sudah masak” seperti yang dimengertikan secara tradisionalnya atau seperti yang ditakrifkan oleh Marx.⁹⁴ Apabila pilihan raya yang diadakan selepas dia merampas kuasa tidak memberi mandat kepada partinya, Lenin telah bertindak memansuhkan sahaja keputusan itu. Dalam konteks begini tidak sukar difahami kenyataan Nomad bahawa Blanqui dinamakan

89 *Ibid.*, hlm. 232.

90 *Ibid.*, hlm. 227, hlm. 237 dan hlm. 238

91 *Ibid.*, hlm. 233.

92 *Ibid.*, hlm. 237.

93 Lihat bab tentang Revolusi Rusia kemudian.

94 *Ibid.*

“sosialis khayalan”, sementara Lenin tidak kerana Blanqui gagal walhal Lenin berjaya.⁹⁵

Jika natijah yang serupa dengan penghasilan Revolusi Rusialah yang diharapkan oleh para revolusioner radikal, dan/atau para ahli sejarah maka agak wajarlah tahun 1848 digambarkan sebagai satu titik belokan bagi sejarah (Eropah) moden yang gagal untuk membelok. Tetapi penerimaan hakikat ini juga barangkali memerlukan penerimaan kemungkinan (paling tidaknya) bahawa belokan itu bukanlah sesuatu yang dihajati ramai rakyat Eropah.

Penentuan pendirian terhadap perkara beginilah yang akan turut menentukan perspektif seseorang itu. Ia akan turut menentukan sama ada seseorang itu melihat radikalisme atau konservatisme yang sebenarnya telah menggagalkan nasionalisme.

Dari satu segi yang lain pula, seseorang itu memang boleh juga melihat nasionalisme sebagai sesuatu yang telah menggagalkan liberalisme atau radikalisme. Kegagalan perpaduan antara liberalisme dengan nasionalisme kelihatan sangat ketara. Sebelum dan pada tahun 1848, terdapat kepercayaan, bukan sahaja di hati Mazzini tetapi juga di hati para nasionalis lain, bahawa kejayaan nasionalisme akan melahirkan satu era antarabangsa yang baharu lagi tenteram. Pada 15 April 1834, Mazzini, semasa dalam buangan di Switzerland, telah menandatangani satu dokumen, *Pact of Young Europe*, yang melahirkan sentimen ini. Mazzini menandatangani dengan enam belas orang para revolusioner lain yang terdiri daripada berbagai-bagai bangsa. Antara lain dokumen ini menegaskan bahawa,

“Setiap bangsa mempunyai tugasnya yang istimewa, yang akan membuat sumbangan ke arah penyempurnaan tugas umum kemanusiaan. Tugas ini merupakan unsur kebangsaannya. Unsur kebangsaan adalah suci.”⁹⁶

Dokumen itu telah diakhiri dengan kata-kata,

“Kemanusiaan akan hanya mencapai kesempurnaannya apabila semua bangsa yang turut mewujudkan kemanusiaan itu sendiri mencapai kebebasan untuk menggunakan kedaulatannya, dan akan bersatu dalam satu Persekutuan Republik diperintah dan diarah oleh satu Perisytiharan Prinsip-prinsip dan satu Perjanjian yang sama, ke arah tujuan yang sama – penemuan dan penyempurnaan Perundangan Moral Sejagat.”⁹⁷

Harapan ini meleset. Dewan Perwakilan Frankfurt merupakan kubur simbolik cita-cita ini. Oleh itu, bagi Sigmann,

“Tahun 1848 mendedahkan ledakan kuasa nasionalisme dan keupayaannya untuk membawa manusia yang selalunya dipisahkan oleh cita rasa politik dan agama serta kepentingan kelas ke dalam kejanggalan yang serupa ...,”⁹⁸

Katanya lagi,

95 Lihat M. Nomad 1961. *Apostles of Revolution*. New York: Collier Books, hlm. 22 dan hlm. 81.

96 Kertesz (ed.), *op. cit.*, Dokumen II, hlm. 36.

97 *Ibid.*

98 Sigmann, *op. cit.*, hlm. 335

“Zaman persaudaraan bukan hanya gagal untuk menyahut seruan kepada *utopia* murni ... tetapi lebih daripada segalanya telah memberikan pengajaran bahawa darah lebih berkesan daripada kata-kata.”⁹⁹

Dilihat dalam konteks perbincangan sebelum ini, petikan pertama daripada Sigmann tadi perlu diperhalusi sedikit. Sigmann barangkali telah terlalu mempermudahkannya. Nasionalisme sebenarnya *tidak* berjaya dengan mudah dan muktamadnya menyatukan manusia “yang selalunya dipisahkan oleh cita rasa politik dan agama serta kepentingan kelas ke dalam kejanggalan yang serupa ...”. Penyatuan hasil daripada nasionalisme, tidak berlaku dalam parlimen Frankfurt kerana suara penentangan terhadap dasar Jerman Raya telah kedengaran daripada wartawan radikal, Robert Blum, yang kemudiannya terkorban dalam perjuangannya membantu revolusi di Vienna.

Namun, pada keseluruhannya, Revolusi-revolusi 1848, jika dilihat dari perspektif jangka panjang dan dari segi harapan yang tidak begitu meninggi tidak boleh, rasanya, dikira sebagai satu kegagalan mutlak. Betul tahun 1848 telah gagal menghasilkan satu reformasi sosial yang menyeluruh. Tetapi ini telah digantikan oleh beberapa skim bantuan kerajaan yang tertentu dan dari semasa ke semasa bagi kepentingan para pekerja di Eropah. Dasar perumahan untuk para pekerja, rancangan ganti rugi para pekerja, penubuhan kesatuan-kesatuan sekerja serta perkara-perkara lain yang seumpamanya telah melahirkan sistem atau aspek-aspek sistem yang sering disebut “negara kebajikan”.

Kemunculan “negara kebajikan” ini tentu boleh juga diujahkan sebagai membuktikan bahawa harapan tentang kedatangan zaman kemewahan kebendaan yang menyeluruh ekoran daripada Revolusi Industri tidaklah begitu tepat. Dengan perkataan lain, Revolusi Industri juga telah membawa bencananya sendiri sehingga konsep “negara kebajikan” perlu dilaksanakan untuk mengatasi bencana tersebut. Harapan tentang kebaikan menyeluruh Revolusi Industri barangkali telah terlalu diasaskan kepada andaian yang terlalu murni, sama ada tentang manusia ataupun sistemnya. Di samping itu pula, kemunculan sistem “negara kebajikan” ini juga menjalinkan satu unsur yang di luar perhitungan teori Marx tentang proses pengindustrian. Menurut teori Marx, sekurang-kurangnya dalam bentuknya yang mudah, dalam proses perkembangan industri dan kapitalisme sikap tolak ansur antara para majikan dengan para pekerja adalah sesuatu yang tidak mungkin berlaku. Menurut Marx, majikan hanya mementingkan keuntungan dan keuntungan hanya boleh dihasil dengan melakukan pemerasan terhadap kaum pekerja. Ini semua akan hanya menghasilkan pertentangan kelas yang akan akhirnya menghancurkan sistem kapitalis itu sendiri. Dengan munculnya “negara kebajikan”, majikan dan pekerja nampaknya dapat bertolak ansur. Kemusnahan kapitalisme seperti yang dijangkakan oleh Marx nampaknya tidak berlaku.

Dalam perspektif jangka panjang juga, barangkali perkembangan nasionalisme boleh dikatakan sebagai terbantut sahaja pada tahun 1848. Tetapi usaha untuk menilai sumbangan Revolusi-revolusi 1848 kepada penyatuan Itali pada tahun 1867 dan Jerman pada tahun 1871 bukanlah mudah. Sesudah Revolusi-revolusi 1848, Persatuan Kebangsaan Itali di bawah pimpinan Manin telah giat berusaha untuk menyatukan Itali. Se-

baliknya, minat terhadap nasionalisme Jerman telah merosot pada tahun 1850-an. Sebarang rumusan yang diambil berkaitan dengan hal ini memerlukan penelitian yang cermat.¹⁰⁰ Ketidakpastian begini juga timbul dalam usaha untuk menentukan sama ada romantisme telah memberikan kesan yang positif atau negatif kepada Revolusi-revolusi 1848. Dalam hal ini, biarpun seseorang itu membela romantisme seperti Barzun, atau bersetuju dengan cemuhan yang disuarakan oleh Hauser, namun, rasanya, adalah sukar baginya untuk menafikan kenyataan Stearns yang melihat peranan romantisme dari dua sudut kemungkinan yang berbeza ini,

“Tidak seorang pun ahli sejarah yang menyesali kegagalan (Revolusi-revolusi 1848) telah mengemukakan alternatif yang realistik. Barangkali jika romantisme itu tidak begitu disanjung, para revolusioner intelektual mungkin akan lebih tegas dan keras dalam tindakan mereka; tetapi tanpa inspirasi yang begini radikalisme mungkin tidak akan berkembang langsung.”¹⁰¹

Wujudnya ketidakpastian atau kemungkinan yang berbagai-bagai beginilah yang menjadikan kajian terhadap Revolusi-revolusi 1848 khususnya, dan sejarah amnya, sesuatu yang menarik bagi mereka yang tertarik.

100 P. N. Stearns, *op. cit.*

101 *Ibid.*, hlm. 238.

BAB

4

BISMARCK, PRUSIA DAN JERMAN

Diplomasi, Darah dan Besi

EKORAN DARIPADA REVOLUSI-REVOLUSI 1848

Kebanyakan golongan liberal di Jerman berasa kecewa dengan pengalaman politik mereka pada tahun 1848. Kekecewaan yang dirasakan ini berkait dengan kegagalan percubaan untuk menyatukan negeri-negeri Jerman. Ramai profesor yang terlibat dengan Dewan Perwakilan Frankfurt kembali semula ke universiti. Terdapat juga mereka yang menceburkan diri dalam bidang perniagaan. Namun begitu, mereka yang terus bergiat dalam bidang politik masih mengekalkan kepercayaan mereka terhadap liberalisme; cuma mereka tidak seidealis dulu lagi. Lagipun, selepas tahun 1848, kedudukan golongan liberal sudah berubah. Mereka tidak lagi diberi penghargaan yang setinggi dahulu oleh masyarakat umum.

Puak radikal dan sosialis juga berasa kecewa. Tetapi sebahagian daripada mereka yakin bahawa kegagalan revolusi pada tahun 1848 bukanlah merupakan satu kegagalan bagi sosialisme. Bagi mereka, sosialisme telah tidak sebenarnya diberi peluang untuk diuji kemantapannya sebagai satu sistem politik. Misalnya, Bengkel Kebangsaan yang di-kendali di Perancis adalah bercanggah dengan konsep Bengkel Sosial yang diutarakan oleh Louis Blanc. Lantas, mereka serta generasi radikal dan sosialis selepas mereka terus berusaha untuk mempraktikkan idealisme mereka. Percubaan ini dilakukan di Perancis pada tahun 1871 dan di Rusia pada tahun 1917. Kebangkitan pada tahun 1871 di Perancis merupakan satu-satunya revolusi yang mula-mula sekali berlaku selepas idea sosialis sudah tersebar luas secara berkesan di Eropah. Pada tahun 1871, harapan para sosialis sudah bertambah memuncak. Oleh itu, apabila revolusi pada tahun 1871 juga terkandas, maka kekecewaan yang dirasakan oleh para sosialis barangkali adalah lebih pilu daripada pengalaman pada tahun 1848. Kejayaan revolusi di Rusia kemudiannya telah memberi keghairahan yang luar biasa kepada para sosialis semasa di Eropah. Ketidakpuasan hati para idealis hanya lahir dengan nyata pada peringkat masa yang terkemudian daripada itu.

Di Jerman, selepas peristiwa pada tahun 1848, bertambah banyak orang berhijrah ke Amerika. Pada tahun 1850-an, terdapat lebih daripada suku juta orang Jerman berpindah ke Amerika pada setiap tahun. Sebelum tahun 1848, iaitu pada tahun 1840-an, secara

hitung panjangnya kadar penghijrahan dari Jerman ke Amerika, hanyalah setakat 100 000 orang setiap tahun.¹

Setelah percubaan Parlimen Frankfurt untuk menyatukan Jerman gagal, Raja Prusia telah pula cuba membentuk *kleindeutsch*-nya sendiri, iaitu satu persekutuan negeri-negeri Jerman. Bentuk pemerintahan di peringkat negeri dan pusat diasas kepada pemerintahan beraja. Austria, negara Jerman yang tidak dimasukkan ke dalam skim ini berasa tidak senang sekali. Rusia juga mempunyai sikap yang sama dengan pendirian Austria. Pada bulan November tahun 1850, ketiga-tiga orang raja ini telah bertemu dalam satu perundingan. Dalam perundingan ini, Raja Prusia bersetuju menggugurkan rancangannya. Sebaliknya Persekutuan Jerman seperti yang terdapat pada tahun 1815, telah dipulihkan semula. Inilah dia Perjanjian Olmutz. Para ahli liberal dan nasionalis Jerman menganggap Perjanjian Olmutz ini sebagai satu penghinaan kepada Jerman.

Persekutuan negeri-negeri Jerman yang telah dipulihkan itu mempunyai satu perlembagaan dan satu *diet* (parlimen) di Frankfurt. Para perwakilan negeri-negeri Jerman yang menjadi ahli *diet* di Frankfurt tidak mengundi tentang sesuatu isu berdasarkan pertimbangan peribadi. Mereka terpaksa patuh kepada arahan kerajaan masing-masing. Perlembagaan Persekutuan juga menegaskan bahawa negeri anggota tidak boleh bertindak curang terhadap satu sama lain. Dengan kejayaan Austria menentang rancangan penubuhan *kliendeutsch* oleh raja Prusia, dan pemulihan semula Persekutuan Jerman, nampaknya Austria telah tampil semula sebagai satu-satunya negeri Jerman yang terulung.

Walaupun daya usaha raja Prusia untuk menyatukan Jerman gagal, inisiatif ke arah itu telah datang lagi daripada pihak Prusia. Ia telah datang daripada seorang *junker* atau bangsawan Jerman yang memegang beberapa jawatan penting dalam kerajaan Prusia, seperti wakil Prusia di parlimen Frankfurt membawalah kemudiannya kepada Menteri Pertama dan Menteri Luar, dan akhirnya Canselor. Tokoh ini ialah Otto von Bismarck (1815–98). Bismarck diingati bukan hanya kerana kejayaannya menyatukan Jerman, tetapi juga kerana cara yang telah digunakannya. Dalam tindak tanduk politiknya, Bismarck hanya mementingkan kejayaan semata-mata. Apa yang biasanya dianggap prinsip moral dan tradisi telah dikesampingkan oleh Bismarck. Cara berpolitik begini dikenali di Barat sebagai *realpolitik* atau politik ala Machiavelli.

Niccolo Machiavelli (1469–1527), seorang Itali, telah melahir dan mengembangkan falsafah politik begini menerusi bukunya, *The Prince*. Dalam karyanya, dia jelas menganjurkan konsep matlamat menghalalkan cara. Bagi Machiavelli matlamat utama politik ialah pencapaian dan pengekalan kuasa; segala yang lain adalah soal sampingan. Walaupun dia juga sedar bahawa tindakan kejam dan jahat boleh menjejaskan kejayaan politik itu sendiri, namun aspek ini tidak ditekannya. Dia sering menonjolkan keuntungan yang dianggapnya boleh dihasilkan daripada tindakan tanpa moral yang dikendalikan secara licik. Kata seorang sarjana, inilah yang menyebabkan Machiavelli terikat dengan nama jahat.² Machiavelli tidak mementingkan sama ada kejayaan itu adalah sesuatu yang disanjung atau tidak; yang diutamakannya ialah hasil.

Dasar politik ala Machiavelli Bismarck boleh dilihat sebagai reaksi kepada liberal-

1 A.J.P. Taylor 1961. *The Course of German History*. London: Methuen & Co. Ltd., hlm. 92.

2 G.H. Sabine 1961. *A History of Political Theory*. New York: Holt, Rinehart & Winston Inc., hlm. 339.

isme. Pada tahun 1848 lagi, semasa revolusi sedang melanda Eropah, Bismarck telah pun melahirkan sikap politiknya yang mencemuh dasar berlemah lembut. Taktik bertolak-ansur adalah asing baginya. Semasa dia menjadi Menteri Pertama (Perdana Menteri) pada tahun 1862, dia sekali lagi telah melihat politik liberal dengan penuh sesalan. Dalam satu pertemuannya dengan Jawatankuasa Belanjawan, dia telah menegaskan bahawa,

“Persoalan besar pada masa ini bukan akan ditentu dengan pidato dan resolusi golongan majoriti – itulah dia kesalahan pada tahun 1848–9 – tetapi dengan darah dan besi.”³

Oleh sebab pernyataan inilah maka dasar Bismarck sering juga dikenali sebagai dasar “darah dan besi”. Setelah dia menjawat jawatan Canselor, maka gelaran “canselor besi” pula telah diberi kepadanya.

Liku-liku peristiwa yang akhirnya menempatkan Bismarck sebagai Perdana Menteri (semasa berusia empat puluh tujuh tahun) juga jelas memperlihatkan unsur “darah dan besi” ini.

Dalam pilihan raya Prusia pada tahun 1862 parti puak kiri, Parti Progresif, telah muncul sebagai juara. Puak Liberal sayap kanan telah kalah teruk dan pengaruh parti Konservatif hampir luput langsung.⁴ *Diet* yang dikuasai oleh parti sayap kiri ini telah bertindak menghalang kelulusan belanjawan negeri. Langkah ini diambil sebagai satu tindakan balas terhadap keengganan raja melonggarkan undang-undang kerahan tentera serta kekuasaan diraja terhadap tentera. Raja William I tidak mahu mengalah dan menyatakan kesediaannya untuk turun daripada takhta jika kuasanya terus dicabar.

Langkah *diet* ini telah disokong oleh kabinet menteri Konservatif. (Di Jerman, parti yang memenangi pilihan raya tidak semestinya diarahkan menubuhkan kabinet menteri).⁵ Tetapi perpaduan jemaah menteri ini retak apabila Menteri Perang, Albert Von Roon berpaling tadah pada malam 18 September 1862. Roon mengisytiharkan kesediaannya untuk memerintah negara tanpa peruntukan belanjawan. Dengan pengisytiharan ini, Roon telah menodai janji setia yang telah dipersetujuinya bersama-sama dengan ahli kabinet lain pada waktu pagi 17 September. Tindakan ini telah memeranjatkan rakan sejawatnya dan meruncingkan lagi konflik antara pihak raja dengan *diet*. Kemudian, Roon telah menghantar sepucuk telegram kepada Bismarck yang pada masa itu berada di Paris kerana bertugas sebagai duta Prusia. Bismarck menerima telegram itu pada 18 September. Bismarck pulang ke Prusia dan pada 22 September, dia menghadap raja. Bismarck, seperti Roon, telah juga menyatakan kesediaannya untuk memerintah negara tanpa restu daripada *diet*. Dia mengatakan bahawa dia akan berkhidmat kepada raja tanpa syarat dan tanpa perasaan gentar menghadapi sebarang ancaman daripada puak lain.

Pada bulan September itu juga Bismarck dilantik menjadi Menteri Pertama dan Menteri Luar Negeri. Menteri Luar Negeri dahulu, Count Bernstorff dan Menteri Kewangan, Von der Heydt, telah meletakkan jawatan mereka kerana enggan terlibat dalam

3 M. Dill 1970. *German A Modern History*. Ann Arbor: The University of Michigan Press, hlm. 132.

4 Untuk pecahan yang terperinci, lihat W.M. Simon 1968. *Germany in The Age of Bismarck*, London: George Allen & Unwin Ltd., Cetakan Kedua, hlm. 25.

5 Lihat di bawah dan Simon, *op. cit.*, hlm. 15 dan hlm. 47.

pemerintahan yang melanggar perlembagaan. Salah seorang ketua Parti Progresif telah melahirkan rasa cemasnya terhadap perkembangan politik ini. Katanya,

“Bismarck, iaitu kerajaan tanpa belanjawan, memerintah dengan pedang dalam urusan hal-ehwal negeri, dan dengan peperangan dalam hal-ehwal luar negeri. Saya menganggapnya sebagai menteri yang paling merbahaya kepada kebebasan dan kesejahteraan Prusia.”⁶

Eyck, yang memang agak kritikal terhadap Bismarck dalam penulisannya, menyatakan bahawa pendapat anti-Bismarck ini “menyuarakan perasaan umum dengan agak tepat.”⁷

Bismarck tanpa segan silu telah membela dirinya semasa dia berucap di dalam *diet* pada 27 Januari 1863. Dalam ucapannya, dia mengemukakan interpretasinya tentang Perlembagaan Prusia. Katanya, *diet* tidak mempunyai kuasa mutlak dalam hal peruntukan kewangan. Dia telah menegaskan bahawa persoalan utama pada masa itu ialah persoalan tentang penerusan pemerintahan negara. Soal sama ada *diet* bersetuju atau tidak bukanlah soal yang mustahak. Monarki Prusia, sambung Bismarck, belum lagi mencapai matlamatnya dan belum lagi rela untuk semata-mata tunduk kepada arahan *diet*.⁸

Dalam peristiwa di atas, ciri-ciri ala pemikiran Machiavelli jelas kelihatan dalam sikap dan tindak tanduk Bismarck. Sikap *Machiavelian* atau *realpolitik* Bismarck ini dapat juga dilihat dalam beberapa dasarnya yang lain. Antara dasar lain ini ialah penaklukan daerah Schleswig-Holstein (1864), peperangan dengan Austria (1866), dan peperangan dengan Perancis (1870–1). Semua ini merupakan langkah yang akhirnya telah membawa kepada penyatuan negeri-negeri Jerman di bawah pimpinan politik Prusia.

SCHLESWIG-HOLSTEIN

Peristiwa Schleswig-Holstein ini telah memperlihatkan keupayaan Bismarck untuk memanfaatkan sesuatu krisis politik demi untuk mendapatkan sesuatu keuntungan bagi Prusia. Perkembangan daripada peristiwa ini juga telah menunjukkan bagaimana mudahnya Bismarck menjadikan Austria sebagai kawan apabila perlu dan sebagai lawan apabila sesuatu keadaan lain pula timbul.

Daerah Schleswig-Holstein ini telah ditempatkan di bawah kuasa Vienna selepas Penyelesaian Vienna 1815. Di dalam pergolakan semangat kebangsaan pada masa revolusi-revolusi 1848, daerah ini telah memberontak. Ekoran daripada itu, ia telah ditandatangani oleh kuasa-kuasa besar Eropah, iaitu Rusia, Austria, Perancis, Prusia dan Britain berserta juga dengan Denmark dan Sweden.

Tetapi pada tahun 1863, raja baru Denmark mahu menempatkan daerah ini di bawah kuasanya dan hasrat ini adalah juga hasrat rakyat Denmark. Ura-ura ini menggemparkan Jerman. Isu ini amat sensitif kerana Schleswig-Holstein mempunyai minoriti bangsa Jerman yang ramai jumlahnya. Kebetulan pula pada masa itu terdapat seorang pesaing

6 E. Eyck 1968. *Bismarck and The German Empire*. London: George, Allen & Unwin Ltd., hlm. 58.

7 *Ibid.*

8 Untuk dokumen yang mengandungi ucapan Bismarck ini, lihat Simon, *op. cit.*, hlm. 99–102.

kepada raja baharu Denmark yang ingin merebut takhta. Keadaan ini telah dieksploit oleh Bismarck. Setelah mendapatkan persetujuan daripada *diet* dan Austria, Bismarck mengendalikan serangan terhadap Denmark dengan tentera berikat Prusia-Austria. Denmark kalah, dan pada bulan Oktober, Perjanjian Perdamaian Vienna ditandatangani. Dengan perdamaian ini, Schleswig-Holstein telah diserahkan kepada pemerintahan bersama Raja Prusia dan Maharaja Austria.

Dengan peperangan dan perdamaian ini, maka termansuhlah Perjanjian London 1852 yang pernah diiktiraf oleh kuasa-kuasa besar di Eropah. Dengan peristiwa ini juga perimbangan kuasa di Eropah berubah. Walaupun kuasa lain tidak senang dengan perkembangan terbaharu ini, mereka terlalu terikat dengan hal masing-masing untuk bertindak balas secara terus. Rusia sebenarnya mengambil sikap berkecuali, kerana pada tahun sebelumnya Prusia telah berjanji untuk membantu Rusia jika bangsa Pole yang berada di bawah pemerintahan Rusia memberontak. Rusia bimbangkan pihak Britain dan Perancis membantu pemberontakan bangsa Pole di Rusia.

Selain mencerminkan sikap kepentingan diri, sikap Rusia ini juga memperlihatkan ketiadaan kata sepakat yang kukuh di kalangan kuasa besar Eropah. Tindakan Bismarck pula menunjukkan bukan hanya sikap nekadnya serta keghairahannya memperjuangkan kepentingan Jerman, tetapi juga keupayaannya untuk mencelah di garisan dan liku keretakan yang terdapat dalam hubungan di kalangan kuasa besar Eropah pada masa itu.

PERANG PRUSIA-AUSTRIA

Walaupun Prusia dan Austria sepakat dalam tindakan memerangi Schleswig-Holstein, kesefahaman ini tidak kekal terjalin antara mereka. Pada mulanya perselisihan faham timbul tersabit dengan urusan pemerintahan daerah Schleswig-Holstein. Sengketa ini kemudiannya diselesaikan dengan Konvensi Gastein (14 Ogos 1865). Menurut penyelesaian ini Holstein telah diletakkan di bawah pemerintahan Austria dan Schleswig diserahkan kepada Prusia. Penyelesaian ini juga tidak kekal. Pada masa rundingan Gastein lagi Bismarck telah cuba mendapatkan persetujuan Itali dan Perancis untuk membentuk satu pakatan sulit menentang Austria. Langkah permulaannya ini gagal. Walau bagaimanapun, kegagalan ini tidak menawarkan hati Bismarck.

Pada tahun yang berikutnya, pada 29 Februari 1866, Bismarck telah mendapatkan persetujuan daripada raja Prusia bagi mengadakan pakatan sulit dengan Itali. Bismarck meramalkan bahawa peperangan Prusia-Austria adalah sesuatu yang tidak mungkin dapat dielakkan. Hanya Putera Mahkota Prusia sahaja yang tidak bersetuju dengan rancangan Bismarck. Ketua-ketua tentera jelas memihak kepada Bismarck dan raja. Pada bulan Mac tahun 1866, setelah seorang wakil khas Itali datang ke Berlin, satu perjanjian sulit Prusia-Itali telah dimaktubkan. Antara fasal penting yang terdapat di dalam perjanjian ini ialah Prusia tidak terikat untuk melakukan perang terhadap Austria, tetapi Itali terpaksa mengikuti jejak langkah Prusia jika ia (Prusia) berperang dengan Austria. Kemudian, syarat Itali terpaksa menurut jejak langkah Prusia ini akan mansuh dengan sendirinya jika Prusia tidak berperang dalam tempoh masa tiga bulan.

Peruntukan dalam perjanjian sulit ini nyata sekali melanggar semangat dan fasal perlembagaan persekutuan Jerman yang melarang mana-mana ahlinya mengadakan pakatan dengan kuasa asing bagi tujuan menentang mana-mana ahli persekutuan yang

lain. Tradisi persekutuan yang pada masa itu telah berusia lima puluh tahun lebur di tangan Bismarck. Pakatan sulit Prusia-Itali ini menjejaskan hubungan Austria-Prusia. Pihak Austria memang menduga adanya sesuatu yang tidak jujur berlaku tetapi tidak dapat membuktikannya secara sah. Keadaan tegang dan syak wasangka ini akhirnya membawa kepada peperangan Prusia-Austria.

Pada mulanya, raja Prusia, William I, teragak-agak apabila diminta menandatangani perjanjian ini; dan selepas menandatangani, dia cuba seberapa boleh untuk merahsiakannya. Untuk tujuan ini, dia membohongi maharaja Austria, Francis Joseph, yang mahu memastikan ada tidaknya pakatan sulit Prusia-Itali itu. Francis Joseph cuba mendapatkan kepastian itu beberapa bulan selepas pakatan itu dimeteraikan, iaitu pada ketika perang antara Prusia dengan Austria nampaknya sudah susah betul untuk dielakkan.

Perkembangan peristiwa yang sedemikian rupa inilah yang telah membolehkan Bismarck berbangga kepada Vincente Benedetti (1817–1900), duta Perancis di Berlin,

“Saya telah memujuk seorang raja Prusia supaya memutuskan hubungan rapat kerabat dirajanya dengan kerabat diraja Habsburg, memeteraikan perikatan dengan Itali yang revolusioner barangkali [juga] mencapai persefahaman dengan kemaharajaan Perancis dalam beberapa hal, mencadangkan pembaharuan dalam persekutuan Jerman di Frankfurt dan [penubuhan] satu parlimen rakyat. Ini adalah satu kejayaan yang menjadi kebanggaan saya”.⁹

Eyck, ketika mengulas pernyataan Bismarck ini, mengatakan bahawa memanglah Bismarck patut berbangga dengan kejayaannya mempengaruhi raja Prusia: “Ia merupakan kejayaan penuh dasarnya”.¹⁰

Bismarck tidak merasa bersalah melanggar perlembagaan persekutuan. Dia pernah berkata bahawa dia lebih merasakan dirinya sebagai seorang Prusia daripada seorang Jerman. Dia juga pernah membayangkan kepada Perancis bahawa dia bersedia menawarkan daerah-daerah Jerman jika Perancis mahu menolong Prusia mengalahkan Austria. Dalam pakatan sulitnya dengan Itali Bismarck telah menjanjikan Itali daerah Venetia yang berada di bawah naungan Austria.

Pada bulan Mei tahun 1866, kuasa-kuasa Eropah gagal untuk mengadakan Persidangan se-Eropah bagi menenteramkan keadaan sengit pada masa itu. Pada bulan yang berikutnya, Austria cuba mendapatkan sokongan daripada negeri-negeri Jerman yang lain. Bismarck bertindak balas dengan mengarahkan tentera Prusia mara ke Holstein yang dikuasai oleh Austria. Walau bagaimanapun, ketua tentera Austria di Holstein tidak membalas provokasi Bismarck ini dengan kekerasan. Ia hanya mengiringi semula tentera Prusia keluar dari Holstein dengan cara damai. Bismarck kecewa.

Sengketa ini berpanjangan ke *diet* di Frankfurt. Austria telah mengemukakan usul bagi menggerakkan semua tentera Jerman, melainkan tentera Prusia. Ini merupakan satu langkah berjaga-jaga. Bavaria, satu negeri Jerman lain, telah mengemukakan usul yang berbeza sedikit. Usul Bavaria ini bersetuju dengan pergerakan tentera Jerman tetapi mahukan agar kedua-dua tentera Austria dan Prusia dikecualikan. Usul ini, hujah pihak

⁹ E. Eyck, *op. cit.*, hlm. 115.

¹⁰ *Ibid.*

Bavaria, membolehkan negeri-negeri Jerman yang lain bersikap adil terhadap sengketa Prusia-Austria itu. Imej mereka akan turut terpelihara.

Dalam pengundian yang dijalankan pada 14 Jun 1866, usul Bavaria ini telah mendapat sokongan majoriti. Namun, apa-apa kebaikan yang mungkin lahir daripada kemenangan ini telah dihalang, atau dimusnah oleh Bismarck terlebih awal. Sebelum pengundian dijalankan, Bismarck telah pun mengarahkan wakil Prusia di *diet* agar mengisytiharkan usul yang dikemuka dan pengundian terhadapnya sebagai melanggar dasar dan semangat perlembagaan persekutuan. Wakil Prusia telah mematuhi arahan ini dengan jujur. Dia diarahkan untuk membuat pengisytiharan itu *selepas* pengundian dijalankan, dan itulah yang dilakukannya. Dengan itu, krisis Prusia-Austria menemui jalan buntu. Pada keesokan harinya, iaitu pada 15 Jun, perang Prusia-Austria bermula.

IMPLIKASI DARIPADA PERANG PRUSIA-AUSTRIA

Prusia mengalahkan Austria dalam masa enam minggu sahaja. Selepas kemenangan di Koniggratz (Sadowa), Prusia telah menyingkirkan Austria dari Persekutuan Jerman. Dengan ini Prusia muncul sebagai kuasa utama di Jerman Utara. Satu persekutuan baru, Persekutuan Jerman Utara, telah dibentuk. Hanya Austria dan negeri-negeri di Jerman Selatan tidak termasuk dalam gabungan ini.

Kejayaan Bismarck memperkukuhkan kedudukan Prusia dan menyatukan Jerman Utara ini memenuhi hasrat pihak lawannya di Prusia, terutamanya puak Liberal. Tetapi terdapat juga ahli parti Liberal yang tidak bersetuju dengan cara-cara Bismarck memperjuangkan matlamatnya. Ini menyulitkan hubungan mereka dengan Bismarck. Mereka mendapati diri mereka berada dalam dilema.

Pihak Parti Progresif telah menganggap tindakan Bismarck memerangi Austria sebagai satu helah untuk membolehkannya lari daripada masalah di Prusia sendiri. Dalam pilihan raya tahun 1866, pihak Parti Progresif telah berkempen dengan slogan “Jangan Berperang untuk Bismarck”. Parti Progresif kalah. Mereka telah kehilangan setengah daripada kerusi mereka di *diet*; dan puak Konservatif sekali lagi berkuasa di *diet*. Nyata bahawa rakyat Prusia telah mengutamakan semangat kebangsaan lebih daripada peraturan perlembagaan atau *diet*. Dalam pilihan raya itu hak mengundi terhad telah dimansuhkan. Semua lelaki dewasa telah diberi hak mengundi.

Pada saat kemenangan ini, Bismarck telah memperlihatkan sifat negarawan yang bijaksana. Dia tahu yang dia mungkin memerlukan lagi sokongan puak Progresif dan Liberal pada suatu ketika lain kelak. Oleh itu, dia tidak menggunakan kemenangannya untuk menghancurkan mereka. Sebaliknya, dia menawarkan satu dasar damai. Buat pertama kalinya dia memberi peluang kepada puak Liberal bagi mengakhiri pertikaian mereka dengan kerajaan bersabit dengan soal perlembagaan. Bismarck mengemukakan satu rang undang-undang baru di *diet*. Dia mengaku bahawa dia telah memerintah dan memungut cukai secara tidak sah selama empat tahun. Walau bagaimanapun, rang undang-undang itu juga menghendaki agar *diet* memberi kebenaran kepadanya untuk berbuat begitu secara kebelakangan, iaitu memberi kebenaran selepas peristiwa itu.

Rang undang-undang kompromi ini lulus dengan 230 undi menyokong dan 75 undi menentang. Mereka yang membangkang terdiri daripada puak Katolik yang pro-Austria, Progresif sayap kiri dan Konservatif sayap kanan. Dengan tindakannya ini Bismarck sekali

lagi menjejaskan perpaduan golongan Liberal dan Konservatif. Ada ahli Liberal yang menyokong Bismarck dan terdapat juga yang tidak menyokongnya; begitu jugalah halnya dengan golongan Konservatif.

Golongan Liberal terpaksa memikirkan sama ada patut atau tidak mereka menerima kejayaan Bismarck yang dihasilkan menerusi cara-cara yang jelas berlawanan dengan prinsip Liberal. Penyatuan Jerman adalah satu-satunya cita-cita yang sentiasa diburu puak Liberal, namun mereka tidak berkenan dengan cara “darah dan besi” Bismarck.

Puak Konservatif juga terpaksa menghadapi dilema mereka sendiri. Soalnya bagi mereka ialah, adakah patut atau tidak mereka memaafkan langkah-langkah revolusioner Bismarck, seperti mengadakan pilihan raya umum dengan hak mengundi diberi kepada semua lelaki dewasa, mengadakan pakatan tentera dengan Itali dan mencabuli hak raja-raja di negeri-negeri Jerman? Patutkah mereka menerima ini semua? Dalam pada itu mereka juga sedar bahawa pemikiran dan tindakan *realpolitik* Bismarck nampaknya dapat menjamin keutuhan Jerman sebagai sebuah negara. Matlamat pengukuhan negara ini adalah juga matlamat mereka. Ini memang secocok dengan falsafah atau dasar politik mereka.¹¹

Walau bagaimanapun, apa yang nyata daripada peristiwa ini ialah terdapatnya penghijrahan sokongan secara besar-besaran ke pihak Bismarck. Terdapat ahli sejarah yang melihat penghijrahan ini sebagai menandakan kemenangan konsep kuasa dan kejayaan dalam politik serta menurunnya pengaruh ideologi atau idealisme. Inilah satu-satunya implikasi yang penting daripada dasar perang Bismarck.

PEPERANGAN DENGAN PERANCIS

Pembentukan Persekutuan Jerman Utara mendatangkan kekhuatiran bukan sahaja kepada pihak Empayar Austria-Hungary tetapi juga ke pihak Perancis. Perancis bimbang dengan perimbangan kuasa yang baharu. Perancis cuba mendapatkan sesuatu sagu hati dari Prusia bagi mengembalikan perimbangan kuasa. Sagu hati ini mungkin berupa sebuah daerah baru yang ditempatkan di bawah pemerintahan Perancis. Jika tidak, Perancis sekurang-kurangnya mahukan juga sesuatu yang boleh menjamin keutuhan imejnya sebagai sebuah negara yang gagah, dihormati dan selamat.

Kegelisahan Perancis ini digunakan oleh Bismarck. Bismarck menyuruh pihak Perancis mengemukakan hajatnya untuk menokok daerah kuasanya (sebagai imbalan kepada kuasa Prusia yang kian meningkat) dengan cara bertulis. Perancis patuh kepada tuntutan itu. Bismarck kemudiannya mendedahkan surat itu kepada akhbar sehingga Perancis tergambar sebagai satu negara agresif yang ingin meluaskan daerah takluknya. Ini mengemparkan kuasa Eropah lain. Oleh itu, Bismarck boleh dikatakan telah mencapai matlamatnya. Dia mahu Perancis tersisih tanpa rakan di Eropah. Kemudian terdapat rangkaian peristiwa yang lain, termasuklah peristiwa krisis warisan takhta Sepanyol,¹² yang akhirnya berkesudahan dengan tercetusnya perang antara Perancis dengan Prusia pada tahun 1870.

11 Untuk lanjutan kepada pendapat yang menentang dan menyokong Bismarck dalam hal ini, lihat Dokumen 1 hingga Dokumen 13 dalam Simon, *op. cit.*, hlm. 109–127.

12 Lihat D. Thomson, *Europe Since Napoleon*, hlm. 316.

PEMBENTUKAN EMPAYAR JERMAN

Peperangan Perancis-Prusia berterusan lebih lama daripada jangkaan Bismarck. Tidak ada kuasa Eropah lain yang turut melibatkan diri. Akhirnya Perancis kalah. Gencatan senjata telah diadakan pada 28 Januari 1871, dan Perjanjian Frankfurt ditandatangani pada 10 Mei. Dengan perjanjian damai ini, Perancis menyerahkan daerah Alsace dan Lorraine kepada Jerman dan juga membayar ganti rugi sebanyak lima bilion *franc* (200 juta *pound sterling*) kepada Jerman.

Bismarck menggunakan kejayaannya ini untuk melengkapkan lagi penyatuan negara Jerman dengan membawa masuk negeri-negeri Jerman Selatan ke dalam persekutuan. Negeri-negeri ini, Bavaria, Baden dan Wurttemberg, kata Thompson, telah dipengaruhi oleh luapan keghairahan nasionalis agar bersekutu dengan Persekutuan Jerman.¹³ Ini adalah juga pendapat Rosenberg. Kata Rosenberg, “Pada tahun 1870 semangat Liberal dan Nasional adalah begitu kuat sehingga negeri-negeri Jerman Selatan terheret untuk turut serta dalam peperangan melawan Perancis.”¹⁴ Tetapi menurut Simon pula, adalah jelas bahawa peperangan Perancis-Prusia ini telah dirancang oleh Bismarck bagi membolehkannya mencapai matlamatnya untuk menyatukan Jerman. Dengan perkataan lain, semangat Jerman yang pro-Prusia tidak wujud sebenarnya. Antara sebab yang dikemukakan oleh Simon bagi mengetengahkan pendapat begitu ialah faktor kemenangan Parti Katolik yang anti-Prusia di Bavaria pada tahun 1870. Keadaan ini mengancam perhubungan mesra Prusia dengan negeri-negeri merdeka di Jerman Selatan pada masa itu, kata Simon. Oleh itu, Bismarck berazam untuk menempatkan negeri-negeri itu di bawah naungannya. Peperangan dengan Perancis nampaknya merupakan sebahagian daripada strateginya untuk menjayakan rancangannya menyatukan Jerman.¹⁵ Walau bagaimanapun, Bismarck memang berjaya menyatukan Jerman, biarpun hanya setakat *Kleindeutsch*.

Persekutuan baru Jerman telah diisytiharkan pada 18 Januari 1871 di Versailles. Persekutuan ini dinamakan *Die Reichsverfassung* atau Kemaharajaan Jerman. Raja Prusia, William I, dilantik menjadi Maharaja. William I pada mulanya enggan menerima perlington ini kerana khuatir bidang kuasanya di Prusia akan susut. Namun, setelah dipujuk oleh Bismarck, William I bersetuju menjadi Maharaja. Bismarck pula menjadi Canselor *Reich* baru itu.

Kuasa dalam Kemaharajaan Jerman, atau *Reich* ini, nyata terletak pada Prusia dan kuasa di Prusia pula jelas berada di tangan Bismarck. Itulah sebabnya kenapa tahap selama dua puluh tahun antara tarikh mulanya terbentuk Kemaharajaan Jerman ini (Januari 1871) sehinggalah bulan Mac 1890 apabila Bismarck dipecat oleh William II dikenali di Eropah sebagai “Zaman Bismarck”.

PENGUKUHAN KUASA DALAM REICH

Pada masa Bismarck memegang teraju utama dalam *Reich*, dia melaksanakan dasar demi dasar bagi memperkukuhkan lagi kedudukan *Reich*. Pengukuhan ini dikendalikan selari

13 *Ibid.*, hlm. 318.

14 A. Rosenberg (terj. I.F.D. Morrow) 1970. *Imperial Germany: The Birth of The German Republic 1871–1918*. New York: Oxford University Press, hlm. 264.

15 Simon, *op. cit.*, hlm. 34.

dengan pengetatan kepemimpinan Prusia dalam *Reich* itu sendiri. Ini dengan sendirinya telah menghapuskan kekhuatiran raja Prusia (yang sudah menjadi maharaja) tentang kemungkinan merosotnya kuasa beliau apabila beliau menjadi ketua *Reich*.

Salah satu langkah penting bagi pengetahuan kepemimpinan Prusia ini dapat dilihat dalam cara Bismarck menyusun pembahagian suara dan kuasa dalam *diet*. *Diet* mempunyai dua dewan, iaitu dewan rakyat (*Reichstag*) dan dewan negara (*Bundesrat*). Antara dua dewan ini, dewan negaralah yang sebenarnya lebih berkuasa. Dewan rakyat pula berkuasa untuk menggubal undang-undang, dan menolak rang undang-undang, menolak peruntukan belanjawan. Walau bagaimanapun, dewan ini sebenarnya tidak berupaya untuk mempengaruhi dasar kerajaan. Jadi, apabila *Reichstag* tidak bersetuju dengan sesuatu dasar kerajaan, ia hanya boleh menyekat kelulusan belanjawan negara. Namun, dalam keadaan begitu kerajaan boleh meneruskan pemerintahannya seperti yang pernah dilakukan sendiri oleh Bismarck. Oleh itu, kata Rosenberg, "satu-satunya senjata yang ada pada *Reichstag* nyata tidak berguna dari awalnya lagi."¹⁶

Lagipun, semua undang-undang baru yang digubal di dewan rakyat (*Reichstag*) mesti disahkan terlebih dahulu oleh dewan negara (*Bundesrat*). Di *Bundesrat* pula kuasa dan pengaruh adalah seolah-olah dibolot oleh Prusia. *Bundesrat* dipengerusikan oleh maharaja yang juga merupakan ketua turus angkatan tentera. Tujuh belas daripada lima puluh lapan kerusi yang terdapat dalam *Bundesrat* telah diperuntukkan kepada Prusia. Undi negeri-negeri kecil yang lain selalunya dapat dipengaruhi oleh Prusia. Hal ini berlaku kerana banyak negeri ini bersandar pada Prusia bagi keperluan ekonomi mereka. Jadi, Rosenberg menyifatkan kewujudan *Bundesrat* hanya sebagai "topeng kepada pemerintahan Prusia terhadap Empayar... ." Bagi Rosenberg, *Bundesrat* bukanlah satu institusi daripada parlimen tetapi satu "Perhimpunan para Duta".¹⁷

Di samping itu pula, tidak terdapat kabinet menteri dalam *Reichstag*. Yang terdapat ialah jabatan-jabatan kerajaan. Semua jabatan ini diketuai oleh pegawai yang setaraf dengan setiausaha negara sahaja. Ahli jabatan ini semuanya tidak dibenarkan bermesyuarat tanpa kehadiran Bismarck dan mereka juga tidak dibenarkan menulis surat secara terus kepada maharaja.

Seterusnya dalam hal ehwal dalam negeri, Bismarck sedaya upaya cuba melumuhkan tentangan terhadapnya daripada pihak parti pembangkang di *Reichstag*, iaitu Parti Liberal Kebangsaan, Parti Tengah Katolik, Parti Progresif dan Parti Demokratik Sosial. Dalam usahanya untuk menjejaskan pengaruh parti-parti ini, Bismarck mengendalikan dasar yang sekali gus merangkumi ciri-ciri (atau cantuman ciri-ciri) pujuk, penentangan secara terang-terangan serta perlaksanaan dasar-dasar yang boleh menyaingi atau yang lebih baik daripada dasar parti lawan. Dengan perkataan lain, matlamatnya adalah pencapaian kuasa dan caranya berbagai-bagai rupa. Oleh itu, terdapat dakwaan bahawa tindakan Bismarck memperkenalkan dasar memberi hak mengundi kepada semua rakyat (lelaki) dewasa, bukanlah sebenarnya kerana simpatinya kepada pemikiran politik liberal atau sosialis. Pertimbangan Bismarck di sebalik tindakannya itu ialah rakyat biasa akan mengundi parti yang pro-*Reichstag*. Bismarck percaya bahawa rakyat pada umumnya

¹⁶ Rosenberg, *op. cit.*, hlm. 6.

¹⁷ *Ibid.*, hlm. 5.

adalah konservatif dan promonarki.

Walaupun pada permulaan pemerintahan Bismarck terdapat banyak perundangan sosial bagi menjamin kesejahteraan kelas pekerja, tanggapannya tentang hal ini adalah berbeza dengan tanggapan golongan kiri. Dia berbuat begitu hanya setakat untuk menjamin kestabilan industri. Dasarnya bukanlah seperti dasar puak kiri yang memperjuangkan hak kelas pekerja dalam mererangka dasar penentangan mereka terhadap golongan industrialis. Golongan industrialis merupakan sekutu kuat Bismarck. Bismarck juga tidak berhajat untuk mempertingkatkan lagi penglibatan kelas pekerja dalam politik. Jika Bismarck tidak mahu berkongsi kuasa dengan golongan menengah, maka dia juga tidak mahu berkongsi dengan golongan bawahan. Seperti kata Rosenberg, “Sekiranya golongan menengah yang berharta tidak diberi kesempatan untuk mendapat tempat dalam kerajaan, apakah kelas pekerja boleh mengharapkan tuntutan politik mereka diterima?”¹⁸

Bismarck mengetepikan kelas menengah dan kelas bawahan dalam hal pemerintahan negara kerana dia mahu menjaga hati golongan bangsawan dan tentera di Prusia. Bismarck percaya bahawa Revolusi-revolusi 1848 di Jerman gagal kerana kelas menengah cuba menubuhkan empayar Jerman tanpa bekerjasama dengan golongan bangsawan. Golongan bangsawan, tentera, tuan tanah dan ahli agama, atau Gereja, mempunyai kedudukan yang nyata lebih kukuh daripada yang disangkakan oleh para revolusiner angkatan 1848. Di Prusia pula khususnya, golongan tentera seolah-olah tergolong kepada kelasnya yang tersendiri. Lagipun ketangkasannya telah terbukti jelas dengan kemenangan yang dicapainya di medan perang pada tahun 1864, 1866 dan 1870–1. Sumbangan tentera Prusia terhadap pembentukan *Reich* Jerman tidak mungkin diperkecilkan. Seterusnya, pemeliharaan *Reich* ini, lebih-lebih lagi di sempadan bahagian timur dan barat, amat memerlukan ketumbukan tentera Jerman yang gagah berani. Tentera Jerman yang gagah berani dan berdisiplin hanya mungkin dibentuk dengan pertolongan Prusia. Dalam keadaan politik antarabangsa pada masa itu, *Reich* Jerman tidak mungkin selamat tanpa perlindungan daripada pasukan tentera yang berkebolehan dan terlatih. Inilah perhitungan Bismarck. Itulah sebabnya Bismarck tidak mahu menyakiti hati golongan tentera dengan apa-apa tindakan yang boleh mengurangkan pengaruh atau kuasa mereka.

Walau bagaimanapun, Bismarck tidak pula menafikan sama sekali kepentingan kelas menengah. Oleh itu, Bismarck cuba sedaya upayanya untuk memenuhi cita-cita golongan ini. Harapan golongan menengah dan ahli Liberal agar pemerintahan di Jerman dikendalikan dengan cara moden, bijaksana dan teratur mestilah dipenuhi sebolehnya. Malah, Bismarck bersedia untuk melantik beberapa orang tokoh Liberal sebagai menteri dan pegawai kanan pentadbiran. Syarat kepada segala ini ialah golongan Liberal menengah mestilah memberikan ketaatsetiaan yang tidak berbelah bahagi kepada Maharaja Jerman dan juga kepimpinan tentera. Bagi Bismarck, semua ini sebenarnya adalah berfaedah kepada golongan Liberal menengah sendiri. Kekuasaan tentera yang terletak di tangan maharaja merupakan satu jaminan yang paling berkesan bagi melindungi golongan kapitalis kelas menengah daripada serangan atau revolusi sosialis golongan proletariat. Menurut Rosenberg,

“Dia [Bismarck] yakin bahawa sistem parlimen kelas menengah – apatah lagi sebuah

18 *Ibid.*

republik – tidak mempunyai kekuatan sendiri yang cukup untuk menahan serangan daripada golongan proletariat. Oleh sebab itulah pihak kelas menengah patut menyokong Negara Konservatif yang wujud, biarpun mereka mungkin tidak berpuas hati dengan beberapa aspek khusus yang terdapat dalam Perlembagaan Empayar Jerman.”¹⁹

PARTI-PARTI POLITIK

Seterusnya, hubungan Bismarck dengan parti politik Jerman juga nyata berlandaskan falsafah kepentingan negara. Bismarck akan mengambil apa-apa tindakan yang difikirkan perlu terhadap mana-mana parti bagi menjamin keutuhan empayar. Tindakan ini mungkin berupa suatu kempen mendera sesuatu parti politik atau kumpulan agama dengan cara terang-terangan; ia mungkin dilakukan menerusi tohmah atau proses perundangan atau kombinasi kedua-duanya sekali; ia mungkin juga berupa pelaksanaan suatu dasar ekonomi progolongan pekerja agar golongan ini terlerai daripada pengaruh parti politik sayap kiri. Dengan perkataan lain, terdapat unsur dera dan unsur pujuk dalam dasar politik Bismarck. Sama ada ia menggunakan kaedah dera atau pujuk, atau kombinasi kedua-duanya sekali, bergantung pada perhitungannya terhadap keadaan yang terdapat pada masa itu. Bismarck juga tidak menetapkan yang ia sentiasa akan bermusuhan dengan sesuatu parti dan terus berkawan dengan sesuatu parti yang lain. Hal ini juga bergantung kepada keadaan. Musuh pada suatu masa mungkin akan menjadi rakan pada masa yang lain dan begitulah pula sebaliknya. Unsur konsisten dalam politik Bismarck hanya pengekalan kepimpinan Prusia dalam empayar Jerman dan keselamatan empayar Jerman itu sendiri. Inilah landasan kepada perhubungan Bismarck dengan parti-parti politik di Jerman sejak tertubuhnya *Reich* pada tahun 1871 hingga pada masa tersingkirnya Bismarck daripada tampuk pemerintahan pada tahun 1890. Parti-parti politik penting yang terdapat di Jerman pada jangka masa ini ialah Parti Konservatif Bebas di bawah pimpinan Count Bethusy-Huc dan Wilhelm von Kardoff, Parti Liberal Kebangsaan di bawah pimpinan Eduard Lasker dan Rudolf von Benigsen, Parti Progresif yang dipimpin oleh Windhorst dan Parti Demokratik Sosial yang dipimpin oleh August Bebel.

Terdapat tokoh-tokoh politik ini yang telah berpindah dari satu parti kepada satu parti yang lain atau menubuhkan satu parti yang baru. Misalnya, Parti Konservatif Bebas pada asalnya merupakan satu kumpulan yang telah berpisah daripada Parti Konservatif pada tahun 1866 kerana tidak bersetuju dengan dasar Parti Konservatif yang menyokong dasar luar negara Bismarck. Ketua mereka pada masa itu, Ludwig von Gerlach, menganggap politik Bismarck tidak bermoral. Parti Konservatif Bebas ini dianggotai oleh golongan bangsawan kaya, para industrialis, tuan tanah serta bekas pegawai kerajaan dan diplomat. Ia tidak mempunyai banyak pengikut yang terkendali secara kemas. Walaupun pada mulanya parti ini menentang dasar luar Bismarck, ia tidak pula menentang institusi lama di Jerman dan dasar autoritarian Bismarck. Sikap ini sesuai dengan kedudukannya sebagai sebuah parti konservatif. Pada masa ia di bawah pimpinan Count Bethusy-Huc dan Wilhelm von Kardoff ia sering menjadi orang tengah untuk mendamaikan pertikaian antara Bismarck dengan Parti Liberal Kebangsaan yang inginkan pembaharuan dalam pentad-

¹⁹ *Ibid.*

biran negara. Kemudian, pada tahun 1876, satu lagi parti konservatif, Parti Konservatif Jerman, telah ditubuhkan. Parti ini tidak mempersoalkan politik dan perlembagaan kerajaan Bismarck. Ia hanya menumpukan kegiatannya terhadap program ekonomi.

Beberapa orang tokoh Parti Liberal Kebangsaan pula, termasuk Eduard Lasker, sebenarnya berasal daripada Parti Progresif. Mereka keluar daripada Parti Progresif pada bulan Februari tahun 1867 kerana tidak menyetujui dasar parti itu yang menentang dasar luar Bismarck. Parti Liberal Kebangsaan yang menerima mereka menjadi ahli sebenarnya hanya baharu sahaja ditubuhkan di bawah pimpinan Rudolf von Bennigsen. Walaupun parti ini lebih radikal daripada Parti Konservatif Bebas, ia adalah agak sederhana jika dibandingkan dengan Parti Progresif dan Parti Demokratik Sosial. Ia mendapat sokongan daripada kaum borjuis atasan, para industrialis, kaum saudagar dan golongan terpelajar.

Parti Progresif pula mendapat sokongan kuat daripada golongan kelas menengah bawahan. Golongan ini amat konsisten dalam penentangan mereka terhadap dasar “darah dan besi” Bismarck, iaitu mereka terus menjadi pengkritik Bismarck dari tahun-tahun 1860-an hinggalah ke saat Bismarck kehilangan kuasa. Mereka memperjuangkan kebebasan individu yang dijamin oleh perlembagaan negara serta hak parlimen untuk menentu dan meluluskan belanjawan negara. Mereka percaya bahawa kegiatan kerajaan dalam urusan ekonomi patut dihadkan; dan apabila Bismarck memperkenalkan sistem tarif perdagangan, mereka membantah.

Parti kiri yang lebih radikal daripada semua parti yang telah disebutkan tadi ialah Parti Demokratik Sosial. Parti ini berasal daripada Parti Demokratik Sosial Pekerja yang telah ditubuhkan oleh August Bebel dan beberapa orang sosialis lain di satu kongres pekerja pada tahun 1869 di Eisenach. Dalam “program Eisenach” parti ini, terdapat idea-idea yang dipengaruhi oleh pemikiran Marx dan Ferdinand Lassale.²⁰ Kemudian dalam persidangan parti ini di Gotha pada tahun 1875, idea-idea sosialis parti ini dinyatakan dengan lebih tegas. Dalam “program Gotha”nya, parti ini menegaskan bahawa ia akan berusaha “dengan apa cara sekalipun yang sah di sisi undang-undang bagi menghasilkan negara bebas dan masyarakat sosialis”.²¹ Tuntutan ini secara tersiratnya memperjuangkan satu perubahan yang radikal terhadap masyarakat. Orang ramai pada masa itu dikatakan telah mentafsirkannya sebagai satu saranan kepada revolusi.²² Sebagai langkah jangka pendek, “program Gotha” ini telah menuntut hak mengundi bagi semua orang dewasa, kebebasan berpersatuan, kebebasan sivil, demokrasi langsung (iaitu pungutan suara patut diadakan bagi menentukan sesuatu dasar kerajaan) dan perundangan untuk memperbaiki kehidupan pekerja, iaitu dengan mengehendkan masa bekerja serta memperbaiki keadaan bekerja bagi kaum wanita dan kanak-kanak. Pada bulan Mei, Bebel sendiri telah berucap

20 Ferdinand Lassale (1825–1864) bertanggungjawab mempengaruhi penubuhan persatuan sosialis yang pertama di Jerman pada tahun 1863, iaitu Persatuan Umum Pekerja Jerman. Dalam Revolusi-revolusi 1848, Lassale pernah bergiat bersama-sama dengan Marx. Walaupun Lassale dipengaruhi oleh pemikiran Marx, dia percaya bahawa nasib proletariat boleh dibela jika mereka dapat hak mengundi. Berbeza daripada Marx, Lassale percaya para pekerja boleh mengharapkan tindakan reformasi daripada kerajaan atau negara borjuis. Lihat H. Holborn 1969. *A History of Modern Germany 1840–1945*. London: Eyre & Spottiswoode, hlm. 284.

21 *Ibid.*, hlm. 286.

22 *Ibid.*

di *Reichstag* menyanjung Komun Paris (revolusi sosialis di Paris, 1871) dan menganggapnya sebagai pertempuran awal yang akan diikuti oleh peperangan besar-besaran antara proletariat dengan semua kerajaan di Eropah.

Kemudian terdapat pula Parti Tengah Katolik yang ditubuhkan khusus untuk menjaga kepentingan golongan Katolik di Jerman. Parti ini berasa amat perlu untuk membela golongan Katolik di Jerman kerana tanpa Austria (yang majoriti rakyatnya menganut Mazhab Katolik) menyertai *Reichstag* Jerman, kaum Katolik di Jerman menjadi golongan minoriti. Mereka berasa kian terancam apabila fahaman sekularisme terus menular dan pemusatan kuasa kian bertambah pada masa pemerintahan Bismarck. Selain mewakili kepentingan golongan Katolik, parti ini juga memperjuangkan pengagihan kuasa dan pengurangan beban cukai terhadap rakyat.

Selain parti-parti di atas, terdapat juga Parti Sosial Kristian yang ditubuhkan di bawah pimpinan Adolf Stocker pada tahun 1876 dan parti Guelf. Parti Sosial Kristian cuba memperjuangkan nasib kaum pekerja di Jerman berasaskan doktrin Kristian. Stocker mengecam kapitalisme tetapi partinya gagal memenangi hati golongan proletariat. Menurut Holborn, ini menunjukkan bahawa “jurang perpisahan antara konservatisme Kristian dengan pergerakan kelas pekerja di Jerman sudah tidak mungkin dibatasi lagi”.²³ Parti Guelf pula memperjuangkan pemulihan semula kerajaan Hanover (yang pada suatu masa dahulu bebas daripada kuasa Prusia) kepada pemerintahan wangsananya yang asal. Parti ini juga gagal mencapai matlamatnya.

Runtunan yang beraneka rupa daripada parti-parti inilah yang terpaksa dihadapi oleh Bismarck. Kesungguhan Bismarck mengatasi penentangan daripada parti-parti ini amat nyata.

Dalam pilihan raya pertama *Reichstag* pada bulan Mac tahun 1871, Parti Liberal Kebangsaan telah berjaya mendapat 120 kerusi daripada jumlah 400 kerusi di *Reichstag*. Jika jumlah ini digabungkan dengan kerusi yang dimenangi oleh parti-parti kecil Liberal yang lain maka golongan Liberal tampil sebagai golongan majoriti. Parti Progresif memenangi 50 kerusi sementara Parti Konservatif Bebas hanya berjaya mendapat 40 kerusi. Namun Bismarck tidak terasa terancam atau tawar hati.

Jika pendirian Bismarck dan Parti Liberal Kebangsaan dibandingkan maka jelas ternampak dua sikap yang berbeza. Bismarck memperlihatkan suatu sikap politik yang tegas dan berani. Inilah pendirian yang diambil oleh Bismarck apabila ia memerangi prinsip-prinsip liberal. Sebaliknya pula, Parti Liberal Kebangsaan tidak mempertahankan prinsip mereka segigih Bismarck menyeranginya. Oleh sebab itu, jika Bismarck boleh dilihat sebagai mencerminkan kezaman, maka pihak Liberal seolah-olah merupakan kumpulan yang ketandusan tekad.

UNDANG-UNDANG TENTERA DAN KULTURKAMPF

Misalnya, kedudukan kukuh Parti Liberal Kebangsaan di *Reichstag* pada tahun 1871 telah tidak dimanfaatkan oleh mereka. Memang betul *Reichstag* tidak mempunyai bidang kuasa yang luas kerana sistem parlimen Jerman tidak serupa dengan sistem parlimen Inggeris.²⁴

²³ *Ibid.*, hlm. 282.

²⁴ Lihat di atas.

Walau bagaimanapun, barangkali kita boleh mengandaikan bahawa pemimpin yang cekap dan teguh azamnya masih berpeluang untuk menggunakan, atau paling kurangnya untuk cuba menggunakan kesempatan begini bagi menggugat Bismarck. Tetapi sebaliknya pula yang berlaku. Bismarck yang tidak pun mempunyai majoriti telah menggugat Parti Liberal Kebangsaan. Bismarck mendakwa bahawa ahli Liberal telah dipilih oleh rakyat untuk mentaatinya dan jika ahli Liberal ingkar daripada berbuat begitu, maka dia akan mengadakan pilihan raya baru. Pihak Liberal tidak berani menghadapi pilihan raya baru dan khuatir untuk berdepan dengan rakyat sekali lagi sebagai penentang Bismarck.

Kemudian, pada tahun 1874, Parti Liberal Kebangsaan masih mempunyai kerusi yang terbanyak di *Reichstag*. Namun, ia masih dapat diugut oleh Bismarck. Dalam sidang ini Bismarck telah membentangkan Rang Undang-undang Tentera untuk kelulusan *Reichstag* terhadap hal ehwal tentera. Jika rang undang-undang ini diluluskan maka jumlah ahli tentera bagi negara (belanjawannya) akan ditetapkan terus buat selamanya. Rang undang-undang itu telah menganjurkan agar jumlah ahli tentera patut sentiasa melebihi angka 400 000. Ia juga mengesyorkan agar jumlah ahli tentera patut juga dipadankan dengan jumlah rakyat Jerman seluruhnya. Dengan perkataan lain, jika penduduk Jerman meningkat maka tentera Jerman patut diperbesarkan.

Apabila jawatankuasa di *Reichstag* yang dipengaruhi oleh puak Liberal berhaluan kiri menentang rang undang-undang ini, Bismarck mengugut untuk mengadakan pilihan raya baru. Justeru ini, puak Liberal telah mengalah dan menerima satu kompromi. Komprominya ialah jumlah ahli tentera Jerman akan ditetapkan untuk tempoh masa selama tujuh tahun dan bukan untuk selamanya. Tetapi peraturan ini pun sudah jelas memansuhkan hak mutlak *diet* untuk menentukan belanjawan dan jumlah tentera; sebabnya ialah *diet* di Jerman bertukar setiap tiga tahun, iaitu menurut peraturan pilihan raya umum. Semua ahli Parti Liberal Kebangsaan telah bersetuju dengan rang undang-undang pindaan ini. Malah terdapat juga sejumlah kecil ahli Parti Progresif yang memberi undi sokongan mereka. Sekali lagi puak Liberal tewas dalam pertikaian mereka dengan Bismarck bersabit dengan soal perlembagaan. Malah dalam pertikaian ini tokoh Liberal berhaluan kiri, Lasker, turut berkompromi kerana khuatir dia mungkin terasing jika dia terus tegas dengan pendirian asalnya.

Kemudian apabila Parti Liberal Kebangsaan mempersetujui sesuatu dasar kerajaan ia telah cuba untuk mendapatkan sesuatu faedah daripada Bismarck sebagai alasan. Tetapi percubaannya bukanlah sesuatu yang bersungguh-sungguh lantas ganjaran yang diharapkan tidak terhasil.

Misalnya, golongan Liberal Kebangsaan menyokong dasar *kulturkampf* Bismarck yang dilancarkan di Prusia pada tahun 1871. Dasar ini dikendalikan bagi memerangi pengaruh mazhab Katolik. Oleh sebab Parti Tengah Katolik merupakan pembela utama mazhab Katolik di Jerman, maka parti inilah yang menjadi sasaran utama tindakan Bismarck.

Pada bulan Julai tahun 1871, Bismarck telah memansuhkan bahagian Katolik yang khusus terdapat dalam Kementerian Hal Ehwal Agama dan Pelajaran. Dia menganggap bahagian itu sudah diperalat oleh pihak Gereja Katolik Rom bagi mempengaruhi pentadbiran kerajaan. Kemudian, pada bulan Mac tahun 1872, pengawasan sekolah-sekolah oleh pihak berkuasa Gereja diberhentikan. Pada prinsipnya, dasar ini menjadikan pendidikan di Jerman sekular. Ia melibatkan bukan sahaja golongan Katolik tetapi juga

golongan Protestant. Di Jerman pada masa itu pentadbiran sekolah dan Gereja adalah urusan negeri, bukannya urusan kerajaan pusat. Keadaan asal ini tidak disenangi Bismarck kerana dia tidak dapat betul-betul mengawasi golongan agama yang tidak bersetuju dengan dasarnya. Golongan Konservatif di Prusia sendiri pun tidak menyetujui dasar Bismarck mengambil alih pentadbiran sekolah dan Gereja. Antara tokoh yang menentang dasar Bismarck ini termasuklah Menteri Hal Ehwal Agama dan Pelajaran Prusia, Heinrich von Muhler. Tetapi Heinrich von Muhler telah diganti oleh Adalbert Falk yang bersedia menjalankan dasar Bismarck dengan ghairahnya. Apabila dia ditawarkan jawatannya, Adalbert Falk bertanya kepada Bismarck, “Apakah yang patut saya lakukan?” Jawab Bismarck, “Untuk menegakkan semula hak negara dalam hubungannya dengan Gereja, dan *dengan paling sedikit keributan* yang mungkin.”²⁵

Pada bulan Julai tahun 1872, satu lagi undang-undang anti-Katolik diluluskan. Undang-undang ini mengharamkan semua pusat *Society of Jesus*. Undang-undang ini juga memungkinkan kerajaan mengehendkan tempoh masa seseorang ahli *Society of Jesus* tinggal di Jerman serta melarang terus ahli *Society of Jesus* yang bukan rakyat Jerman memasuki Jerman.

Pada tahun 1872, pertelagahan Bismarck dengan golongan Katolik ini tiba ke puncaknya. Pada masa inilah dasar ini menerima gelaran *kulturkampf*, iaitu istilah yang diguna oleh ahli parlimen liberal yang juga ahli sains terkenal, Rudolf Virchow. Bagi Rudolf Virchow, dan ahli Liberal Jerman yang seangkatan dengannya, penentangan terhadap Gereja Katolik adalah satu perjuangan bagi menegakkan *kultur* atau kebudayaan moden.

Di puncak pertelagahan antara Bismarck dengan golongan Katolik inilah tergubalnya siri undang-undang yang dikenal dengan nama Undang-undang Mei 1873. Undang-undang ini menetapkan bahawa semua bakal paderi dan ketua agama terpaksa dahulu belajar di sekolah menengah dan juga universiti di Jerman. Mereka juga terpaksa mengambil peperiksaan dalam mata pelajaran falsafah, sejarah dan kesusasteraan Jerman yang dikendalikan oleh satu badan kerajaan. Satu lagi undang-undang dalam siri Undang-undang Mei ini memindahkan kekuasaan Paus dalam soal kehakiman dan disiplin terhadap golongan Katolik kepada pihak kerajaan.

Pada 5 Februari 1875, pihak Paus di Rom mengisytiharkan segala perundangan tentang agama Katolik di Jerman sebagai tidak sah. Kerajaan bertindak balas dengan menyekat segala bantuan kewangan kerajaan kepada Gereja sehingga para biskop bersedia menerima undang-undang kerajaan.

Biarpun tindakan kerajaan diteruskan, golongan Katolik nampaknya tidak juga mahu mengalah. Para biskop dan paderi lebih rela dipenjarakan atau meninggalkan Jerman daripada tunduk kepada arahan Bismarck. Menjelang tahun 1876 semua biskop di Prusia telah sama ada dipenjarakan kerana ingkar atau lari ke luar negara. Menjelang tahun 1877, 1400 *parish* daripada jumlah 4600 *parish* Katolik di Prusia tidak mempunyai paderi sendiri. Akhirnya, kerajaan terpaksa melantik pegawai tertentu untuk mengendalikan pentadbiran *parish* yang tidak mempunyai paderi.

Kulturkampf adalah reaksi Bismarck terhadap dua perisytiharan penting yang dibuat

25 E. Eyck, *op. cit.*, hlm. 206–207.

oleh pihak Paus di Rom pada tahun 1864 dan tahun 1870. Perisytiharan itu ialah *Syllabus errorum* atau “Senarai tentang Kesalahan-kesalahan Asas pada Zaman Kita”, (1864), dan “Dikri Vatican tentang Ketidakmungkinan Paus Berbuat Salah”, (1870). Dengan *Syllabus errorum*, Paus mengecam segala bentuk ideologi baru, termasuk liberalisme, sebagai pemikiran atau ideologi yang menjejaskan keutuhan agama sebagai landasan bagi pemerintahan dan kehidupan. Sebaliknya, Bismarck dan puak Liberal mahukan soal politik dan pentadbiran negara bebas daripada pengaruh dan kawalan agama. Pendirian mereka ini ialah lanjutan daripada arus sekularisme yang sudah kelihatan nyata di Eropah, semenjak zaman Revolusi Perancis lagi. Malah bagi Bismarck sendiri, sejarah pertikaian antara kerajaan dengan Gereja ini adalah lebih lama daripada itu. Pertikaian ini mengingatkannya kembali kepada kes yang terdapat pada masa Maharaja Henry IV dan Paus Gregory VII. Dalam pertikaian pada tahun 1077 itu, Maharaja Henry IV telah mengaku kalah dan pergi ke Canossa untuk meminta maaf daripada Paus Gregory VII. Para pendukung empayar menganggap peristiwa ini sebagai satu penghinaan kepada Jerman. Oleh itu, untuk membangkitkan semangat kemaharajaan Jerman, Bismarck dengan lantang menegaskan dalam *Reichstag* bahawa, “Kita tidak akan pergi ke Canossa.” Di *Reichstag* juga Bismarck menuduh Parti Tengah Katolik sebagai “bateri” yang mahu menjahanamkan negara dan menyamakan parti itu dengan Parti Demokratik Sosial. Kedua-dua parti ini, kata Bismarck, “menentang pembangunan negara menerusi cara-cara antarabangsa dan ... memerangi rakyat dan negara”.²⁶

Begitulah gigihnya penentangan Bismarck terhadap golongan Katolik; dan golongan Liberal telah menjadi sekutu Bismarck yang rapat dalam kempen ini. Namun, pihak Liberal tidak dapat memanfaatkan kesepakatan mereka ini. Bismarck sedar akan matlamat akhir golongan Liberal, iaitu untuk meningkatkan pengaruh parlimen serta parti politik dalam pentadbiran negara. Matlamat ini tidak mendapat apa-apa simpati pun daripada Bismarck. Bismarck hanya mahu menggunakan parlimen, iaitu menggunakan parlimen bagi membunuh cara berparlimen.²⁷

TARIF DAN UNDANG-UNDANG ANTI-SOSIALIS

Kegagalan para liberal memanfaatkan kesepakatan mereka dengan Bismarck juga ternyata dalam kes dasar tarif. Sebelum tahun 1877, Bismarck mengamalkan dasar ekonomi bebas, walaupun dasar ini tidak disukai oleh segolongan tuan tanah dan para industrialis yang mengalami tekanan ekonomi akibat daripada saingan negara asing. Sebelum tahun 1877 golongan *Junker* (bangsawan) Jerman merupakan para pengeksport bijiran yang utama di Jerman dan dasar ekonomi bebas menguntungkan mereka. Kemudian, mulai tahun 1870-an, Jerman mengalami kekurangan bijirin untuk keperluan dalam negeri sendiri. Oleh itu, pemansuhan dasar ekonomi bebas pada tahun 1870-an tidak lagi akan menjejaskan pasaran untuk bijirin Jerman. Sebaliknya, ia juga akan melindungi industri di Jerman daripada saingan barang import. Sebelum merombak dasar ekonomi bebasnya, Bismarck telah bertemu dengan ketua Parti Liberal Kebangsaan, Rudolf von Bennigsen, dan me-

²⁶ *Ibid.*

²⁷ Simon, *op. cit.*, hlm. 47.

nawarkannya jawatan Naib Canselor dan menteri dalam kabinet Prusia. Bismarck bukanlah berhajat untuk mempertingkatkan penglibatan parti dalam pemerintahan negara tetapi hanya setakat mahu memastikan sekurang-kurangnya golongan sayap kanan Parti Liberal Kebangsaan akan menyokong dasar ekonomi barunya. Walau bagaimanapun, Benningsten mahu dua orang rakannya dari sayap kiri Parti Liberal Kebangsaan juga diberi jawatan. Permintaan ini ditolak oleh Bismarck dan perlawanan asalnya mansuh begitu sahaja. Nyata bahawa Bismarck bersedia bersekutu dengan Parti Liberal Kebangsaan apabila dia mahu dan sanggup meninggalkan mereka jika perlu.

Pada tahun 1878, Bismarck telah pula membentangkan Rang Undang-undang Anti-Sosialis di *Reichstag*. Sekali lagi Parti Liberal Kebangsaan membantah. Nada konflik ini agak sama dengan nada konflik bersabit dengan Rang Undang-undang Tentera 1874. Menurut peraturan yang terdapat dalam Rang Undang-undang Anti-Sosialis ini, kerajaan boleh menyekat atau mengharamkan segala persatuan, perjumpaan dan penerbitan Parti Demokratik Sosial, sosialis dan komunis. Sesiapa yang didapati melanggar undang-undang ini boleh dilarang daripada berada di setengah-setengah daerah yang tertentu. Kerajaan juga mempunyai kuasa menyekat kebebasan berpolitik di daerah yang difikirkan “terancam” oleh bahaya golongan sayap kiri serta menarik balik lesen penerbit, pencetak dan pengedar yang ingkar.²⁸

Apabila dilaksanakan, undang-undang ini dikatakan “berjaya memusnahkan semua institusi Parti Demokratik Sosial ...”²⁹ Institusi ini termasuklah perusahaan persuratkhabaran, percetakan dan kesatuan sekerja. Dalam jangka dua belas tahun undang-undang ini dikuatkuasakan (1878–1890), 900 orang telah disingkir daripada rumah mereka dan lebih kurang 1500 orang telah dipenjara. Dalam pilihan raya umum tahun 1881 undi yang diperoleh oleh Parti Demokratik Sosial berkurangan sebanyak 25 peratus, iaitu daripada jumlah yang diperolehnya dalam pilihan raya umum sebelumnya.

Namun selepas pengalaman pahit pada peringkat awal ini, Parti Demokratik Sosial telah berjaya mengukuhkan kedudukannya semula. Pemusnahan institusinya telah ditampung dengan pergerakan bawah tanah di dalam negeri dan di luar negara. Keazaman dan rasa persaudaraan sosialis, atau kesedaran kelas, telah turut meningkat. Pada masa itu, peri bermaknanya panggilan komrad yang digunakan antara satu sama lain dikatakan sudah betul-betul dapat dirasakan. Dalam pilihan raya umum tahun 1884, undi yang diperoleh oleh Parti Demokratik Sosial sudah agak jauh melebihi jumlah undi yang diperolehnya pada tahun 1878. Dalam pilihan raya umum tahun 1890, jumlah undi yang diperolehnya telah meningkat dua kali ganda daripada jumlah undi pada tahun 1878.³⁰

Dalam pertikaian ini, Parti Liberal Kebangsaan memang tidak bersetuju dengan dasar dan matlamat politik golongan sayap kiri, tetapi mereka juga tidak bersetuju dengan tindakan Bismarck menyekat kegiatan politik. Tindakan Bismarck ini amat bertentangan dengan prinsip Liberal. Oleh sebab itu, dalam kes ini mereka telah mengesampingkan perbezaan ideologi mereka dengan Parti Demokratik Sosial dan turut serta menentang

28 Untuk salinan lengkap undang-undang ini, lihat T.S. Hamerow (ed.) 1973. *The Age of Bismarck: Documents and Interpretations*. New York: Harper & Row Pub., hlm. 248–253, lihat juga Holborn, *op. cit.*, hlm. 287–288.

29 Holborn, *op. cit.*, hlm. 287

30 *Ibid.*, hlm. 288.

dasar Bismarck. Lagipun, terdapat sesuatu yang amat samar tentang peristiwa 11 Mei 1878 yang digunakan oleh Bismarck sebagai alasan untuk mengetengahkan Undang-undang Anti-Sosialis ini. Peristiwanya ialah percubaan membunuh Maharaja William I. Walaupun Hodel, orang yang cuba membunuh William I, pernah menjadi ahli Parti Demokratik Sosial, dia bukanlah anggota yang penting. Malah, dia tidak lama menjadi ahli parti itu kerana dia kemudiannya telah menyertai Parti Sosial Kristian. Tidak terdapat bukti bahawa percubaan Hodel itu adalah suatu yang telah dirancang atau dipakatkan oleh sesuatu kumpulan. Namun begitu, Bismarck telah menuduh Parti Demokratik Sosial bertanggungjawab. Tetapi apabila rang undang-undang ini dibentangkan untuk pertama kalinya di *Reichstag*, ia telah ditolak dengan mudah. Ini berlaku kerana hanya golongan Konservatif yang memberi sokongan.

Pada bulan Jun tahun 1878, berlaku satu lagi percubaan membunuh William I. William I cedera. Sekali lagi motif politik di sebalik percubaan ini tidak dapat dibuktikan. Malah orang yang bertanggungjawab dalam percubaan ini, Dr. Karl Nobiling, dikatakan agak kurang siaman. Walau apa pun kedudukan sebenarnya, Bismarck telah mengambil kesempatan ini untuk membubarkan *diet* dan mengadakan satu pilihan raya baharu.

Dalam pilihan raya umum yang diadakan pada bulan Julai tahun 1878 ini, Parti Liberal Kebangsaan kehilangan 30 kerusi dan Parti Progresif 10 kerusi. Jumlah kerusi yang dimenangi oleh kedua-dua parti ini ialah 140 buah. Kerusi Parti Demokratik Sosial juga berkurangan. Jumlah undi yang diperolehnya susut lebih kurang 60 000. Dalam pilihan raya sebelumnya, ia memperoleh setengah juta undi. Sebaliknya, Parti Konservatif dan Konservatif Bebas berjaya menambahkan bilangan kerusi daripada 78 kerusi kepada 115 kerusi. Kedudukan Parti Tengah Katolik tidak berubah.³¹ Pihak kerajaan gagal juga mendapatkan suara majoriti di *Reichstag* kerana kerusi parti Konservatif yang menyokongnya tidak pun melebihi jumlah kerusi parti lain. Tetapi kebanyakan calon Parti Liberal Kebangsaan yang menang telah sebenarnya berjanji kepada para pengundi mereka untuk menyokong Bismarck dalam tindakan anti-Sosialisnya. Tidak hairanlah Rang Undang-undang Anti-Sosialis yang dibentangkan buat kali keduanya oleh Bismarck pada bulan September tahun 1878 telah diluluskan dengan mudah. Majoriti ahli parti Liberal Kebangsaan telah menyokong Rang Undang-undang yang kemudiannya dikenali sebagai "Undang-undang terhadap Kegiatan Bahaya Para Demokrat Sosial". Lasker daripada sayap kiri parti itu tidak menentanginya. Jadi, kebimbangan ia akan terasing daripada majoriti rakannya yang separti terus menghantuinya. Parti-parti Konservatif telah menyokong penuh usul Bismarck. Penentangan terhadapnya hanya datang daripada Parti Demokratik Sosial, Parti Tengah Katolik dan Parti Progresif.

SOAL KEBULATAN TEKAD

Keseluruhan sikap Parti Liberal Kebangsaan nampaknya amat berbeza dengan kebulatan tekad yang diperlihatkan oleh Parti Tengah Katolik dan Parti Demokratik Sosial dalam konflik mereka dengan Bismarck. Parti Tengah Katolik telah berjaya menjadikan dasar Bismarck yang menekan mereka, iaitu dasar *kulturkampf*, sebagai sumber perangsang semangat. Ini tentu di luar dugaan Bismarck. Duta Inggeris di Berlin pada masa itu, Ode

31 E. Eyck, *op. cit.*, hlm. 242.

Russel, cuba menjelaskan sebab di sebalik fenomena ini. Pada tahun 1874, Ode Russel menulis,

“Gereja Rom telah sentiasa mendapatkan kekuatan daripada pegangannya, tetapi ia tidak bermaya apabila menghadapi unsur kebebasan dan faedahnya. Dasar anti-Gereja telah memaksa biskop-biskop Jerman bersatu di belakang Paus dan rela berkorban untuk menghasilkan disiplin, ketaatsetiaan dan memberikan teladan.”³²

Dasar *kulturkampf*-lah yang membolehkan Parti Tengah Katolik menjadi satu-satunya parti yang paling teratur, berdisiplin dan kukuh di Jerman di sepanjang zaman Bismarck.³³ Pemimpin parti ini, Windthorst, memperlihatkan kaliber kepimpinan yang tidak mudah digertak atau dicabar. Bismarck pernah menuduhnya sebagai *Reichsfeind*, iaitu musuh *Reich*; jawab Windthorst, “Canselor bukannya Negara. Sehingga sekarang tidak ada menteri yang begitu berani sehingga sanggup mendakwa semua penentangannya sebagai musuh negara.”³⁴

Secara praktikalnya, ketabahan Parti Tengah Katolik telah menerima hasilnya dalam keputusan pilihan raya pada tahun 1873 bagi *diet* Prusia, dan pilihan raya pada tahun 1874 bagi *Reichstag*. Dalam kedua-dua pilihan raya ini, Parti Tengah Katolik berjaya menggandakan jumlah kerusi mereka sebelumnya. Parti Tengah Katolik menjadi parti yang kedua besarnya di *Reichstag*, yakni selepas Parti Liberal Kebangsaan. Walaupun jumlah kerusinya di *Reichstag* turun naik, jumlah undi yang diperolehnya lebih stabil daripada parti lain. Parti Tengah Katolik seterusnya berjaya mengekalkan kepentingannya sebagai sebuah parti politik selama tempoh enam puluh tahun.

Windthorst berjaya mendesak Bismarck memansuhkan kebanyakan daripada undang-undang yang terdapat dalam dasar *kulturkampf*. Percubaan Bismarck untuk memecahbelahkan Parti Tengah Katolik dapat dipatahkan. Pada tahun 1878, Bismarck sudah mula meredakan kempen anti-Katoliknya. Ini merupakan prolog kepada kerjasama antara Parti Tengah Katolik dengan Bismarck pada tahun yang berikutnya, iaitu dalam kes pemansuhan dasar ekonomi bebas oleh Bismarck. Menjelang tahun 1887, *kulturkampf*, sebagai satu dasar, sudah tidak lagi dilaksanakan. Hanya beberapa undang-undang anti-Katolik yang masih tinggal. Oleh itu, Parti Liberal Kebangsaan yang terus mendukung dasar dan prinsip *kulturkampf* kelihatan seolah-olah “terlajak” sendirian.³⁵

Parti Demokratik Sosial juga berjaya mempertahankan diri tatkala dilanda serangan bertubi-tubi daripada pihak Bismarck. Pemimpinnya, August Bebel, memperlihatkan keazaman melawan seperti yang terdapat pada diri Windthorst. Ucapannya di *Reichstag* semasa perdebatan tentang Rang Undang-undang Anti-Sosialis jelas mencerminkan sikap ini. Dia menegaskan bahawa partinya akan terus bergerak biarpun secara haram atau bawah tanah. Dia yakin bahawa dalam keadaan sedemikian semangat dan prestasi partinya bukannya akan terjejas tetapi sebaliknya akan mencapai satu puncak baharu yang lebih

32 *Ibid.*, hlm. 208.

33 Lihat C.G. Robertson, “The Struggle of Church and State”, dalam T.S. Hamerow (ed.) 1972. *Otto Von Bismarck: A Historical Assessment*. Massachusetts: D.C. & Co., hlm. 112. Di halaman ini juga Robertson membandingkan bagaimana tidak teratur dan lemahnya Parti Liberal Kebangsaan selepas tahun 1878.

34 E. Eyck, *op. cit.*, hlm. 205.

35 Lihat Robertson, *op. cit.*, hlm. 113–114.

dinamik. Dia memberi amaran kepada Bismarck,

“Usah diragui bahawa para pekerja akan berjuang bersungguh-sungguh membela kepercayaan mereka; mereka akan berkumpul di bengkel, di kilang, di rumah, di taman bir, dalam kereta api, pada masa perkelahan hari Ahad, di pelbagai tempat yang tidak boleh diintip secara berkesan oleh sesiapa. Setiap orang akan membawa dua, tiga, barangkali sepuluh, risalah di dalam poketnya; mereka akan menziarahi rakan dan kenalan di desa, di kawasan yang paling tersorok di bandar untuk mengedarkan risalah ini Dan anda tidak akan berupaya untuk mematahkan kegiatan ini.”³⁶

Amaran ini juga merupakan satu telahan dan telahan ini kemudiannya terbukti tepat. Dari tahun 1884, jumlah undi yang diperoleh oleh Parti Demokratik Sosial jelas meningkat. Pada tahun 1884, ia memperolehi 550 000 undi, pada tahun 1887 jumlah undinya meningkat kepada 763 000, pada tahun 1890 jumlah ini melangkaui para satu juta. Pada tahun 1890, ia memperolehi 1 427 000 undi. Memandangkan kenyataan ini Eyck menulis,

“Jika kita bandingkan tujuan undang-undang itu dengan apa yang sebenarnya telah terhasil, ia merupakan satu kegagalan mutlak. Dasar kekerasan Bismarck yang terang-terangan terhadap para sosialis dan golongan Katolik telah sama-sama teruk terkandas.”³⁷

Secara praktikalnya, Parti Demokratik Sosial juga berjaya menghasilkan pembelaan terhadap nasib golongan pekerja industri, walaupun penghasilan ini datang secara tidak langsung dan juga tidak sepenuhnya. Ia datang secara tidak langsung kerana undang-undang insurans bagi melindungi para pekerja industri telah dipraktikkan oleh Bismarck dan bukannya oleh pihak Demokratik Sosial. Pembelaan Bismarck tidak merupakan pembelaan sepenuhnya kerana dia enggan mengatasi masalah yang difikirkan pokok oleh para pekerja industri, iaitu masalah keadaan tempat kerja yang tidak selesa dan gaji yang rendah. Bagi Bismarck langkah mengatasi kedua-dua masalah ini akan hanya membebankan lagi golongan pengusaha dengan perbelanjaan pengeluaran yang lebih tinggi. Hujah Bismarck, ini bukan hanya akan mematahkan semangat dan kecenderungan mereka untuk giat berniaga tetapi juga menyebabkan perusahaan di Jerman susah untuk menyaingi industri asing yang dikendalikan dengan kos yang lebih rendah. Terjejasnya atau tertutupnya industri di Jerman akan hanya merugikan para pekerja industri sendiri akhirnya.³⁸ Oleh itu, Bismarck hanya bersedia untuk mengemukakan sistem insurans kesihatan, kemalangan, masa tua dan insurans bagi mereka yang tidak boleh bekerja kerana kecacatan teruk anggota sahaja.

Undang-undang Insurans Kesihatan bagi faedah segolongan besar para pekerja telah dikuatkuasakan pada tahun 1882. Pusat-pusat kesihatan didirikan di daerah-daerah dan pembiayaannya ditampung dengan sumbangan kewangan daripada para majikan (satu pertiga) dan juga para pekerja (dua pertiga).

36 T.S. Hamerow (ed.), *The Age of Bismarck: Documents and Interpretations*, hlm. 254–255.

37 E. Eyck, *op. cit.*, hlm. 243.

38 Lihat ucapan Bismarck di *Reichstag* pada 2 April 1881 dalam T.S. Hamerow (ed.), *The Age of Bismarck: Documents and Interpretations*, hlm. 261. (Teks penuh ucapan ini terdapat di hlm. 259–262).

Pada tahun 1884, *Reichstag* telah pula meluluskan Undang-undang Insurans Kemalangan. Skim insurans ini meliputi pembayaran bagi rawatan perubatan serta pencen bagi para pekerja industri yang terpaksa berhenti bekerja akibat daripada sesuatu penyakit teruk. Pembiayaan dalam kes ini semuanya ditanggung oleh pihak majikan. Pada tahun 1886, skim ini telah diperluaskan bagi meliputi para pekerja dalam bidang pertanian juga. Pada mulanya Bismarck mahu negara membiayai keseluruhan skim ini bagi membuktikan peri bertanggungjawabnya kerajaan terhadap pembelaan nasib kaum pekerja. Namun, idea ini terpaksa digugurkan apabila ia ditentang oleh pihak Parti Liberal Kebangsaan dan Parti Tengah Katolik. Parti Liberal Kebangsaan mendakwa bahawa langkah begitu berbau sosialis sementara Parti Tengah Katolik pula bimbang yang ia akan digunakan bagi memperkukuhkan lagi kuasa kerajaan pusat.

Pada tahun 1889, undang-undang insurans yang ketiga ini memberikan faedah bukan sahaja kepada para pekerja industri tetapi juga para pekerja pertanian, pekerja mahir dan orang gaji. Peruntukan bagi para pekerja lain ini telah dibuat dari awal-awal lagi. Sebenarnya, pembayaran pencen hanya boleh diterima oleh mereka yang sudah mencapai umur tujuh puluh tahun. Pendeknya, tidak begitu banyak rakyat Jerman yang boleh mendapatkan faedah daripada skim ini. Namun, pada kali ini prinsip penyertaan kerajaan telah diterima oleh *Reichstag*. Dengan perkataan lain, skim ini dibiayai bersama-sama oleh kerajaan, para majikan dan juga para pekerja.

RATIONALE BISMARCK

Bismarck sedia mengakui bahawa skim insuransnya memanglah bertujuan untuk menambat hati kaum bawahan agar mereka tidak akan terpicat dengan janji-janji golongan sayap kiri. Bagi menghasilkan matlamat ini, kata Bismarck, “tiga ratus juta *marks*” pun patut dibelanjakan jika perlu dan jumlah ini tidak pun mengagetkannya.³⁹ Strategi ini telah dijelaskan oleh Bismarck sama ada secara peribadi atau secara umum.⁴⁰ Satu lagi *rationale* yang dikemuka oleh Bismarck bagi dasarnya, selain langkah menyelamatkan negara daripada bahaya sosialis dan komunis, ialah etika Kristian. “Bantuan kepada orang miskin,” kata Bismarck di *Reichstag*, “adalah langkah pertama dalam prinsip bantuan Kristian ...”.⁴¹ Dia tidak menghiraukan kritikan yang menuduh dasarnya mirip kepada sosialis atau komunis. Dia mengesampingkan para pengkritik begini sebagai mereka yang leka bermain dengan “bayang-bayang di dinding”.⁴²

Mungkinkah para Liberal juga boleh mencapai sesuatu yang konkrit jika mereka sanggup menyeluk pekasam hingga ke pangkal lengan di dalam “pertarungan” mereka dengan Bismarck? Atau apakah kekalahan mereka dalam pilihan raya setelah menentang dasar Bismarck sudah sebenarnya menjadi satu bukti yang cukup bahawa dasar mengalah adalah sesuatu dasar yang paling “bijaksana” bagi mereka? Atau apakah dasar mengalah yang menjadi kebiasaan mereka itulah sebenarnya yang menyebabkan kekalahan mereka

39 *Ibid.* hlm. 258. Pernyataan ini telah dibuat oleh Bismarck dalam perbualan dengan rakannya, Moritz Busch.

40 Lihat perbualannya dengan Moritz Busch yang dinyatakan dalam nota kaki 39, *ibid.*, hlm. 257–259 dan ucapannya di *Reichstag* pada 2 April 1881, *ibid.*, hlm. 259–262.

41 *Ibid.*, hlm. 261.

42 *Ibid.*, hlm. 260.

di tangan Bismarck berkekalan? Bukankah Parti Demokratik Sosial berjaya menebus kekalahan awal mereka kerana mereka sanggup mengamalkan dasar menentang yang berterusan?

Barangkali agak keterlaluan bagi kita untuk mengharapkan para Liberal mengambil langkah yang lebih radikal daripada apa yang telah mereka laksanakan. Memang sudah menjadi dasar dan sifat liberalisme untuk tidak bersikap radikal. Ini adalah satu pernyataan yang tidak sukar dibuat dan juga tidak salah, walaupun tidak semestinya semua tindakan para Liberal mencerminkan hakikat ini.⁴³ Apabila berhadapan dengan tokoh politik seperti Bismarck, Parti Liberal Kebangsaan seolah-olah ketandusan modal. Prinsip dan sifatnya sudah daripada awal-awal lagi tidak memungkinkannya menimbangkan strategi “perang habis-habisan”.

Strategi “perang habis-habisan”lah yang perlu dikendalikan oleh sesuatu pihak yang ingin beradu tenaga dengan Bismarck – barulah akan bertemu buku dengan ruas! Dasar begini adalah sebahagian daripada politik Bismarck. Misalnya, apabila dasar insuransnya tidak juga berjaya memikat hati golongan pekerja dan jumlah undi yang dimenangi oleh Parti Demokratik Sosial melangkaui angka satu juta dalam pilihan raya tahun 1890, Bismarck sudah pula berfikir untuk memansuhkan sahaja hak mengundi bagi semua lelaki dewasa. Bismarck juga berhujah bahawa Empayar Jerman telah ditubuhkan oleh persekutuan raja-raja Jerman; ia boleh dimansuhkan oleh mereka dan ditubuhkan semula oleh mereka dengan satu perlembagaan yang baru. Holborn telah memberi komen tentang kelincahan pemikiran politik Bismarck. Komen Holborn adalah seperti yang berikut:

“Ia adalah satu teori liar yang menunjukkan betapa tidak hormatnya Bismarck terhadap apa-apa bentuk perlembagaan. Walhal dari awal-awal lagi Empayar Jerman adalah merupakan persekutuan di kalangan negeri-negeri, dan perlembagaannya telah mendapat pengiktirafan bukan hanya daripada kerajaan negeri tetapi juga daripada parlimen Jerman”.⁴⁴

Betul strategi “perang habis-habisan” tidak semestinya berbentuk api lawan api, ia juga mungkin berupa kaedah menarik rambut dalam tepung. Lantas, taktik Parti Liberal Kebangsaan berkompromi dengan Bismarck masih boleh dilihat sebagai sebahagian daripada strategi penentangan yang lebih halus. Secara umumnya hal begini memang mungkin berlaku. Walau bagaimanapun, jika disyaratkan bahawa strategi ini tidak sepatutnya melibatkan kompromi dalam soal prinsip, maka Parti Liberal Kebangsaan tidak mungkin boleh dikatakan sebagai parti yang telah menentang dasar Bismarck secara halus dan bijaksana. Seterusnya, rumusan ini hanya sah dibuat jika dipersetujui bahawa dalam konflik dan kompromi antara Parti Liberal Kebangsaan dengan Bismarck, yang dikompromikan adalah prinsip yang sebenarnya memang tidak patut dijual beli.⁴⁵

Dalam pilihan raya tahun 1890, golongan yang menyokong Bismarck di *Reichstag*

43 Dalam kes Jerman pada zaman Bismarck, Holborn, misalnya, melihat pendirian Parti Liberal Kebangsaan menentang golongan Katolik sebagai amat tidak “liberal”. Lihat Holborn, *op. cit.*, hlm. 264.

44 *Ibid.*, hlm. 300–301.

45 Holborn misalnya menganggap liberalisme di Jerman pada masa itu sebagai “tidak menunjukkan ketaatannya kepada idea tentang peraturan yang sah di sisi undang-undang atau kebebasan politik dan kebudayaan yang sebelum itu sudah menjadi darah dagingnya”. *Ibid.*, hlm. 264.

tidak berjaya mendapat majoriti yang kukuh. Pada masa itu Parti Liberal Kebangsaan telah bersatu dengan golongan Konservatif dalam satu barisan yang dinamakan *kartell*. Kerusi barisan *kartell* ini telah susut daripada angka 220 kerusi kepada 135 kerusi. Separuh (50 peratus) daripada kerusi Parti Liberal Kebangsaan telah jatuh ke tangan Parti Progresif. Keadaan ini tidak menyenangkan Bismarck.

Untuk menyekat perkembangan politik yang dianggapnya tidak sihat ini, Bismarck merancang untuk mengemukakan di *Reichstag* satu rang undang-undang anti-Sosialis yang lebih ketat dan peruntukan belanjawan tentera yang tinggi.⁴⁶ Dia menduga rang undang-undang itu akan ditolak oleh *Reichstag*. Apabila ia terus ditolak untuk kali ketiganya, maka pada ketika itulah hak mengundi bagi semua lelaki dewasa akan dimansuhkan. Pada masa itu, dia akan mencadangkan agar Empayar Jerman dimansuhkan dan ditubuhkan semula dengan perlembagaan baru.

KONFLIK ANTARA BISMARCK DENGAN WILLIAM II

Rancangan itu telah dikemukakan oleh Bismarck kepada William II yang naik takhta pada 15 Jun 1888 (menggantikan ayahnya yang mati pada bulan Mac). William II masih muda; umurnya hanya 29 tahun. Dia yakin akan kebaikan liberalisme dan cara pemerintahan menurut perlembagaan. Berlainan dengan ayahnya, dia amat waspada terhadap pengaruh atau dominasi Bismarck. Namun begitu, apabila dia dihadapkan dengan cadangan nekad Bismarck ini, dia teragak-agak juga untuk membuat keputusan. Akhirnya, dia memutuskan untuk menolak cadangan Bismarck. Seperti kata Holborn, dia enggan “menurut jalan Bismarck yang berkemungkinan besar membawa kepada perang saudara dan pertumpahan darah.”⁴⁷

Bismarck menerima keputusan William II tanpa bangkangan – sesuatu yang memeranjatkan, kata Holborn. Selepas peristiwa ini Bismarck, secara bersendirian, menemui Windthorst bagi membincang kemungkinan mengadakan satu pakatan baru di *Reichstag*. Langkah ini menimbulkan kemarahan golongan Liberal dan Konservatif. Tindakan Bismarck juga mengakibatkan konflik baru berlaku antara Bismarck dengan William II. William II mendakwa bahawa perbuatan Bismarck menemui Windthorst tanpa pengetahuannya memperlihatkan sikap tidak hormat Bismarck terhadap ketua negara. Bismarck pula menganggap William cuba menyekat kebebasannya. Ini merupakan puncak kepada pergeseran politik antara Bismarck dengan William II.⁴⁸ Jelas bahawa corak perhubungan antara Canselor dengan Raja seperti yang terdapat pada masa William I sudah tidak wujud lagi. Dalam keadaan perselisihan faham dan pertentangan peribadi begini, Bismarck menghantar surat perletakan jawatannya.⁴⁹ William II mahu penamatan kuasa Bismarck

46 Sebenarnya kedua-dua fasal ini adalah fasal yang hanya mahu ditokok sahaja kepada rang undang-undang tentang perlindungan negara terhadap para pekerja yang sudah direncanakan oleh William II.

47 Holborn, *op. cit.*, hlm. 301.

48 Untuk butir-butir lanjut tentang pergeseran Bismarck-William II dalam beberapa hal yang akhirnya membawa kepada kejatuhan Bismarck, lihat misalnya, Eyck, *op. cit.*, hlm. 306–323; A.J.P. Taylor, 1968. *Bismarck: The Man and The Statesman*, London: Nel Mentor, The New English Library, Bab 9 dan Bab 10, *op. cit.*, hlm. 88–89; dan juga Holborn, *op. cit.*, hlm. 299–302.

49 Untuk teks surat perletakan jawatan Bismarck ini, lihat Simon, *op. cit.*, hlm. 228–230.

dilihat sebagai berpunca daripada penarikan diri kerana soal kesihatan. Walau bagaimanapun, isinya sudah menjadi satu isu penyingkiran. Pada 18 Mac 1890, Bismarck menerima penyingkirannya. Pada 29 Mac, Bismarck berangkat meninggalkan Berlin. Orang ramai turut menyaksikan upacara yang disertai dengan perbarisan kehormatan itu. Orang kenamaan *Reich* semuanya turut hadir, melainkan William II. Zaman Bismarck mula berakhir. Dalam merenungnya kembali, Bismarck berkata,

“Saya berumur tujuh puluh lima tahun, isteri saya masih bersama saya, anak-anak saya tiada yang mati. Saya sentiasa percaya saya patut mati pada masa saya [masih] bertugas. Saya telah memegang jawatan selama dua puluh lapan tahun, pada masa sakit dan pada masa sihat, dan saya telah melaksanakan tugas saya. Sesungguhnya saya tidak tahu apa yang patut saya lakukan sekarang, kerana [sekarang] saya berasa lebih sihat daripada tahun-tahun yang sudah.”⁵⁰

Peristiwa perletakan jawatan, atau penyingkiran Bismarck tidak menimbulkan apa-apa keributan di Jerman. Sebaliknya, ia telah diterima dengan agak tenang sahaja.

DASAR LUAR BISMARCK

Jika matlamat dasar dalam negeri Bismarck ialah pengukuhan Empayar Jerman, maka matlamat dasar luarnya adalah sama. Untuk tujuan ini Bismarck mahu monarki Prusia menjadi akar tunjang dasarnya. Kepimpinan Prusia akan kemudiannya menjadi tulang belakang kepada Empayar Jerman. Seterusnya, Empayar Jerman yang kukuh akan mampu mengawal segala kegiatan diplomasi di Eropah. Dalam segala ini, Bismarcklah yang memegang teraju sebagai pengarah utama. Kuasa-kuasa besar Eropah yang perlu diawasi dan dikemukakan oleh pengarah utama ini ialah Rusia, Britain, Perancis dan Austria-Hungary. Inilah empat kuasa besar Eropah pada masa itu. Di luar kumpulan ini terdapat satu lagi kuasa besar, iaitu Jerman. Dengan perkataan lain, Jerman merupakan salah satu daripada lima kuasa besar Eropah.

Pada tahun 1871, Bismarck menyatakan bahawa Jerman sudah menjadi sebuah “kuasa yang puas”. Bismarck menyatakan bahawa Jerman hanya akan menumpukan usahanya untuk memperteguhkan kedudukan politik dalam negeri dan mengelakkan segala rupa pertembungan kuasa dengan negara lain. Bismarck menegaskan bahawa Jerman “hanya akan memikirkan soal menangkis serangan, dan tidak akan memindahkan penaklukan yang dilakukan oleh negara lain [terhadap negara lain]”.⁵¹

Jika ditinjau dari sudut sejarah peperangan, maka jelas nampaknya Bismarck telah memperkotakan apa yang dikatakan. Selepas dia menjadi Canselor Empayar Jerman pada 18 Januari 1871, dia tidak lagi terlibat dalam peperangan, dan apabila dia bersara pada tahun 1890, dia telah berjaya mengekalkan keamanan selama 19 tahun di Jerman. Rekod ini adalah ketara berbeza dari peringkat masa lapan tahun pertama pemerintahannya. Pada masa awal itu, Bismarck telah mengamalkan diplomasi yang bersifat mengan-

50 Lihat A. J. P. Taylor, *Bismarck: The Man and The Statesman*, hlm. 196.

51 Lihat W. N. Medlicott 1976. *Bismarck and Modern Germany*. London: Hodder & Stoughton, hlm. 89.

cam dan ini telah mengakibatkan tiga peperangan. Betulkah ini semua membuktikan bahawa selepas tahun 1871, Bismarck telah menjadi konservatif seperti yang didakwa oleh A.J.P. Taylor?⁵²

PENGASINGAN PERANCIS

Memang betul bahawa selepas tahun 1871, Bismarck giat sekali berusaha mengadakan pakatan dengan negara Eropah yang lain. Hal ini ada kaitan rapat dengan akibat peperangan Perancis-Jerman tahun 1871. Dalam Perdamaian Frankfurt yang menyusuli peperangan itu, Perancis telah terpaksa menyerahkan daerah Alasce dan Lorraine kepada Jerman. Kedua-dua daerah ini sudah berada di bawah kekuasaan Perancis selama lebih kurang dua abad. Sebelum ini kedua-dua daerah itu berada di bawah takluk Jerman. Perancis telah merampasnya daripada Jerman dengan menggunakan kekerasan. Tetapi, penaklukan Bismarck terhadap Alasce dan Lorraine sudah begitu sehati sekali dengan adat resam Perancis. Eyck mengatakan bahawa tujuan Bismarck adalah berkait dengan soal ketenteraan. Bismarck yakin bahawa kedua-dua daerah itu penting bagi pertahanan Jerman untuk menghadapi kemungkinan serangan baru dari Perancis, terutamanya di bahagian barat daya Jerman.⁵³

Bagi Bismarck, kemarahan Perancis adalah sesuatu yang tidak dapat dielakkan. Ini menjadi lebih ketara lagi kemudiannya apabila usaha Bismarck untuk memujuk para negarawan Perancis melupakan peristiwa Alasce dan Lorraine gagal. Bismarck pernah memberi jaminan bahawa Jerman akan memberi sokongan tegas kepada Perancis dalam kes tertentu, iaitu jika kepentingan kedua-dua negara itu tidak saling bertentangan. Bismarck telah memberi sokongannya kepada penaklukan Perancis di Annam dan Tonkin, menggalakkan penaklukan Perancis terhadap Tunis dan berkali-kali menarik perhatian Perancis agar menjadikan Morocco tanah jajahannya. Bismarck mengharapkan kejayaan Perancis dalam bidang penaklukan seberang laut akan dapat menampung kehilangan Alasce dan Lorraine. Ini boleh mengembalikan semula kewibawaan Perancis di kaca mata Eropah. Perancis enggan melupakan Alasce dan Lorraine, dan para negarawannya yang bersedia menerima Perdamaian Frankfurt secara baik dilihat dengan penuh syak wasangka oleh para nasionalis Perancis.⁵⁴

Oleh itu, Bismarck telah mencorakkan satu dasar untuk mengasingkan Perancis. Perancis yakin bahawa masanya untuk membalas dendam akan tiba apabila Jerman terlibat dalam satu peperangan dengan kuasa lain. Atas kiraan ini jugalah Bismarck mahu kuasa-kuasa besar lain menyatakan yang mereka akan bersikap berkecuali jika tercetus peperangan antara Jerman dengan mana-mana kuasa lain (Perancis maksudnya). Oleh itu, Bismarck mula merapatkan Jerman dengan kuasa lain di Eropah yang mungkin menjadi sekutu Perancis dalam peperangan membalas dendamnya terhadap Jerman. Misalnya, jika terjalin ikatan Perancis-Rusia maka Jerman mungkin akan terpaksa berperang di dua

52 A.J.P. Taylor, *Bismarck: The Man and the Statesman*, hlm. 151.

53 Eyck, *op. cit.*, hlm. 184–185.

54 Lihat E. Brandenburg, "Pax Teutonica" dalam T.S. Hamerow (ed.), *Otto Von Bismarck: A Historical Assessment*, hlm. 90–91. Lihat juga A.J.P. Taylor, *Bismarck: The Man and the Statesman*, hlm. 167 tentang dasar Perdana Menteri Perancis, Jules Ferry, yang menerima dengan baik dasar dan andaian Bismarck ini.

perbatasan. Keadaan beginilah yang ditakuti oleh Bismarck.

LIGA TIGA MAHARAJA

Bismarck juga mahu mengelakkan keadaan yang akan memaksanya memilih sama ada untuk memihak kepada Rusia atau Austria-Hungary. Lagipun peperangan antara kedua-dua kuasa itu mungkin boleh membawa kepada ketidakstabilan politik yang berlarutan yang boleh pula membahayakan Jerman. Kedua-dua kuasa ini juga boleh menimbulkan kekacauan di dalam negeri Jerman jika mereka mengapi-apikan semangat nasionalis bangsa Pole yang berada di bawah pemerintahan Jerman. Oleh itu, Bismarck telah memulakan dasar terbaik-baik semula dengan Austria-Hungary yang pada suatu masa dahulu pernah menjadi musuh ketat Jerman. Persahabatan semula dengan Austria-Hungary ini berguna bagi melayani sentimen persaudaraan Jerman raya yang wujud dalam Empayar Jerman sendiri. Ditinjau dari sudut dasar luar negara, ia juga jelas menguntungkan Jerman. Dasar ini boleh menjamin agar Austria-Hungary tidak terlalu baik dengan Perancis, ataupun Britain, sehingga boleh pula menjejaskan kepentingan Jerman. Oleh itu, pada tahun 1872, lahirlah apa yang dinamakan Liga Tiga Maharaja.

Terdapat persetujuan di kalangan beberapa orang ahli sejarah bahawa perjanjian Liga Tiga Maharaja yang ditandatangani Rusia, Austria-Hungary dan Jerman pada tahun 1873 ini adalah satu langkah Jerman yang penting dalam usahanya mengasingkan Perancis.⁵⁵ Inti pati daripada pakatan di kalangan Alexander II dari Rusia, Francis Joseph dari Austria-Hungary dan William I dari Jerman ini ialah pernyataan tentang perpaduan di kalangan maharaja. Ketiga-tiga maharaja ini bersetuju untuk berganding bahu menghadapi ancaman luar (ataupun tidak membantu mana-mana kuasa luar yang menyerang mana-mana ahli Liga Tiga Maharaja). Mereka juga bersetuju untuk berhubung antara satu sama lain tentang soal Timur Dekat, iaitu Balkans atau daerah di bawah naungan Empayar Turki pada masa itu. Ia bukan satu pakatan tentera tetapi lebih merupakan satu *gentlemen's agreement*.⁵⁶ Ia juga tidak membayangkan satu pengiktirafan pemerintahan Jerman terhadap Alasce dan Lorraine. Walau bagaimanapun, Bismarck boleh melihatnya sebagai sesuatu yang ditujukan kepada Perancis.

Kekukuhan Liga Tiga Maharaja teruji apabila tercetusnya krisis yang membayangkan kemungkinan berlakunya perang antara Perancis dengan Jerman. Pada masa ini Bismarck telah dikatakan bertanggungjawab terhadap beberapa kenyataan akhbar yang anti-Perancis. Pada masa ini juga Perancis sudah dapat mengembalikan kekuatan tentera dan negaranya yang terjejas akibat kekalahan perang dengan Jerman dahulu. Hakikat ini jugalah yang menyebabkan Bismarck mengambil sikap provokatif terhadap Perancis. Dia tidak mahu membiarkan Perancis terus menjadi kuat sehingga Perancis berkeyakinan untuk berperang semula dengan Jerman.⁵⁷

55 Lihat Eyck, *op. cit.*, hlm. 190–191; Medlicott, *op. cit.*, hlm. 100; Simon, *op. cit.*, hlm. 77; Dill, *op. cit.*, hlm. 178. Taylor, walaupun bersetuju bahawa pemencilan Perancis adalah satu asas dasar luar Bismarck, tidak pula bersetuju yang Liga Tiga Maharaja ini berfungsi untuk mencapai matlamat ini. Lihat A.J.P. Taylor, *Bismarck: The Man and the Statesman*, hlm. 111.

56 Dill, *op. cit.*, hlm. 178. Untuk teks penuh perjanjian ini lihat T.S. Hamerow (ed.), *The Age of Bismarck: Documents and Interpretations*, hlm. 279–281.

57 Lihat Medlicott, *op. cit.*, hlm. 111–116. Peristiwa ini berlaku pada tahun 1875.

Walau bagaimanapun, apa yang mustahak dalam krisis ini ialah Perancis tidak mengambil sikap mengundur dan menunduk. Dengan tegas ia telah menyalahkan Jerman. Kemudian Perancis telah memohon bantuan daripada Rusia. Rusia dan juga Britain telah menunjukkan rasa tidak senang hati mereka terhadap pendirian Jerman. Ini menggem-parkan Bismarck. Liga Tiga Maharaja, nampaknya, tidak seteguh mana! Lagipun, keadaan ini mengancam kejayaan strategi Bismarck untuk sentiasa berada di kalangan tiga kuasa daripada jumlah lima kuasa besar Eropah. Jika Perancis, Britain dan Rusia bersatu, maka Jerman akan hanya mempunyai satu sekutu sahaja, iaitu Austria-Hungary! Nasib Bismarck baik; krisis ini tidak berlanjutan menjadi satu peperangan.

KRISIS DI BALKANS

Keazaman Bismarck untuk mengekalkan keamanan di Eropah terbukti lagi dalam kes krisis di Balkans atau Timur Dekat. Pada masa pemerintahan Turki di Timur Dekat menjadi kian goyah, kuasa-kuasa Eropah terlalu ingin untuk menjadi pengganti kepada Turki. Kuasa yang mempunyai kepentingan di Balkans ialah Rusia, Austria-Hungary dan Britain. Berikutan daripada pemberontakan terhadap pemerintahan Turki di Bosnia (1875) dan Bulgaria (1876) beberapa usaha telah dijalankan bagi mengelakkan kuasa besar Eropah bertelingkah antara satu sama lain dalam mencari daerah takluk atau pengaruh. Pada bulan Februari tahun 1877, Rusia dan Austria-Hungary menandatangani satu perjanjian sulit yang membahagikan daerah pengaruh mereka berdua. Kedua-dua kuasa ini juga menjangkakan bahawa peperangan antara Rusia dengan Turki akan tercetus bila-bila masa sahaja.

Pada bulan April tahun 1877, Rusia telah mengisytiharkan perang terhadap Turki. Turki akhirnya dikalahkan oleh Rusia. Menjelang akhir tahun 1877, tentera Rusia sudah tiba begitu hampir ke Istanbul. Turki mengaku kalah dan satu perjanjian, yang diberi nama Perdamaian San Stefano, telah ditandatangani oleh Rusia dan Turki. Menurut perjanjian pada bulan Mac tahun 1878 ini, Rusia diberikan daerah yang lebih besar daripada apa yang dipersetujuinya dengan Austria-Hungary sebelum itu. Ini menimbulkan kemarahan pihak Austria-Hungary. Austria-Hungary mengesyorkan agar satu kongres se-Eropah diadakan bagi menimbangkan keadaan baru ini. Britain turut campur tangan dengan menggerakkan tentera lautnya. Rusia khuatir akan campur tangan Britain dan bersetuju untuk menyertai kongres, bukan di Vienna seperti yang dikehendaki Austria-Hungary tetapi di Berlin. Dalam Kongres Berlin pada tahun 1878 ini, Bismarck, sebagai tuan rumah, telah membahagikan daerah-daerah peninggalan Empayar Turki kepada tiga kuasa yang turut hadir, Rusia, Austria-Hungary dan Britain tanpa memperuntukkan sesuatu apa pun kepada Jerman.

IKATAN DUA DAN TIGA KUASA

Akibat daripada Kongres Berlin ini, Britain bertambah yakin yang Jerman adalah sebenarnya satu “kuasa yang puas”. Walau bagaimanapun, Rusia berasa tidak senang hati dengan keputusan Kongres Berlin. Maharaja Rusia, Alexander II, telah menyatakan hal yang sedemikian itu kepada William I, Maharaja Jerman. Walaupun Bismarck mahu berbaik-baik dengan Rusia dan Austria-Hungary, ia nampaknya lebih mengutamakan

persahabatan Jerman dengan Austria-Hungary. Bismarck curiga dengan dasar Slav raya Rusia yang boleh turut melibatkan penduduk Slav di Jerman. Bismarck juga bimbang akan kemungkinan Austria-Hungary, Britain dan Perancis bergabung melawan Jerman. Jadi, dalam keadaan yang begini dia telah mengusahakan satu perjanjian dengan Austria-Hungary menentang Rusia, iaitu mereka (Austria-Hungary dan Jerman) akan saling bantu-membantu jika salah seorang daripada mereka diserang oleh Rusia. Inilah yang kemudiannya dikenali sebagai Ikatan Dua Kuasa, tahun 1879.

Ikatan Dua Kuasa ini adalah satu perjanjian yang mempunyai fasal-fasal sulit. Tetapi fasal sulit anti-Rusia yang terkandung di dalamnya telah dapat juga diduga oleh kuasa Eropah yang lain. Pada mulanya Bismarck khuatir bahawa peruntukan sulit anti-Rusia ini akan disifatkan oleh Austria-Hungary sebagai satu galakan untuk ia mengambil tindakan ketenteraan di Balkans. Ini akan mengheret Jerman ke kancah konflik antarabangsa dan ia mungkin terpaksa berhadapan terus dengan Rusia. Malah Bismarck juga khuatir tentang reaksi Britain (dan Rusia) terhadap peruntukan yang tidak sulit dalam perjanjian itu. Oleh itu, Bismarck telah juga membuat kiraan dan percubaan untuk menarik Britain ke dalam Ikatan Dua Kuasanya itu.

Walau bagaimanapun, kegelisahan Bismarck ini reda apabila pihak berkuasa Rusia, menerusi perantaraan diplomatiknya, memperlihatkan sikap berbaik-baik terhadap Jerman pada bulan September tahun 1879. Lantas Bismarck menggantungkan niatnya untuk menarik Britain ke dalam pakatan Jerman-Austria-Hungary. Malah pada 29 September, dia memperkatakan persetujuannya untuk menjadikan Rusia sebagai ahli ketiga di dalam pakatan Jerman-Austria-Hungary. Count Gyula Andrassy, Menteri Luar Austria-Hungary, enggan menimbangkan hal ini. Walau bagaimanapun, hal ini telah tidak dipanjangkan. Namun begitu, sebelum Ikatan Dua Kuasa antara Jerman dengan Austria-Hungary dapat dimenterai secara rasminya, Bismarck terpaksa dahulu mendapatkan pengesahan atau kebenaran daripada Maharaja Jerman. Pada mulanya, William I enggan mengesahkan perjanjian ini kerana ia boleh menjejaskan hubungan persaudaraannya dengan keluarga Maharaja Rusia. Lagipun perjanjian yang tidak mengambil kira akan kemungkinan perang antara Jerman dan Perancis adalah tidak bermakna baginya. Baginya, sikap yang hanya mengkhususkan Rusia sahaja sebagai musuh Jerman adalah semacam satu pengkhianatan kepada negara. Walau bagaimanapun, William I, akhirnya mengesahkannya juga apabila Bismarck mengugut untuk meletak jawatan. Di sisi tandatangannya pada 5 Oktober itu William I telah menokok kata-kata ini, "Mereka yang memaksa saya mengambil tindakan ini akan dipertanggungjawabkan".⁵⁸ Bagi Bismarck, yang mustahaknya ialah William I telah memberi kebenarannya. Lantas pada 7 Oktober 1879, Jerman dan Austria-Hungary telah secara rasminya menandatangani Ikatan Dua Kuasa.

Sikap berbaik-baik Rusia terhadap Jerman, tanpa mengira akan kewujudan Ikatan Dua Kuasa, berjaya juga akhirnya menghasilkan sesuatu. Ia telah merintis jalan ke arah pembaharuan Liga Tiga Maharaja pada 18 Jun 1881. Pembaharuan perjanjian tahun 1873 ini seolah-olahnya melahirkan satu perjanjian baru. Maharaja Rusia yang baharu, Alexander III, serta para penasihatnya menganggap Liga Tiga Maharaja yang diperbaharui ini sebagai satu perlindungan terhadap keganasan daripada pihak Jerman dan juga Austria-

58 E. Eyck, *op. cit.*, hlm. 265; lihat juga Simon, *op. cit.*, hlm. 82.

Hungary. Selagi Ikatan Dua Kuasa masih wujud mereka terus mengandaikan bahawa satu dasar anti-Rusia masih dikekalkan secara sulit. Kelegaan yang dirasakan oleh Rusia hasil daripada pembaharuan Liga Tiga Maharaja ini adalah wajar kerana perjanjian itu menuntut agar semua tiga kuasa yang terlibat mengambil sikap berkecuali jika mana-mana kuasa antara mereka terlibat dalam sesuatu peperangan (sama ada menyerang atau menangkis serangan) dengan kuasa yang keempat, melainkan Turki. Liga Tiga Maharaja ini kemudiannya diperbaharui lagi pada tahun 1884.

Sementara itu pula, Ikatan Dua Kuasa telah diperbesarkan menjadi Ikatan Tiga Kuasa pada tahun 1882 dengan Itali menjadi ahlinya yang ketiga. Ikatan Tiga Kuasa ini ditubuhkan ekoran daripada aduan Itali kepada Jerman dan Austria-Hungary bersabit dengan persaingan kuasanya dengan Perancis tentang tanah jajahan di Afrika Utara. Itali diberi jaminan bahawa ia akan dibantu oleh Jerman dan Austria-Hungary jika Perancis, tanpa apa-apa ancaman daripada Itali, menyerang Itali. Seterusnya, terdapat peruntukan yang menyatakan bahawa jika salah satu kuasa di dalam Ikatan Tiga Kuasa ini terlibat di dalam peperangan dengan mana-mana satu kuasa Eropah lain, maka kedua-dua ahli lain di dalam Ikatan Tiga Kuasa itu akan berkecuali. Tetapi jika ahli yang terlibat dalam peperangan itu melawan lebih daripada satu kuasa maka bantuan aktif akan diberi kepadanya, kecuali jika kuasa lawan itu termasuk Britain. Pengecualian ini dibuat kerana adalah disadari pada masa itu peri sukarnya untuk mempertahankan Itali dalam pertarungan dengan Britain yang mempunyai angkatan laut yang kuat di Mediterranean. Menurut Simon, Ikatan Tiga Kuasa ini tidak membawa keuntungan ketenteraan yang nyata dan spontan kepada Jerman. Namun Bismarck, setelah membawa Itali ke dalam Ikatan Tiga Kuasa ini, berharap akan dapat mengawasi kegiatan Itali dan menghalangnya daripada cuba mencetuskan peperangan yang akan merosakkan keamanan dan kestabilan Eropah. Matlamatnya tidak lari daripada pengekal kestabilan politik di Eropah.

PERJANJIAN INSURANS BERLAPIS: KEPINTARAN ATAU KEDURJANAAN?

Kelincahan Bismarck untuk terus memburu kestabilan politik di Eropah jelas kelihatan lagi pada tahun 1887. Apabila Maharaja Rusia enggan memperbaharui Liga Tiga Maharaja yang patut diperbaharui pada tahun itu, Bismarck telah tidak hanya berundur dengan tangan kosong. Tempat Liga Tiga Maharaja yang tidak diperbaharui ini telah digantikan dengan apa yang dinamakan Perjanjian Insurans Berlapis. Perjanjian ini ditandatangani oleh pihak Jerman dan Rusia pada 18 Jun 1887, iaitu berkebetulan dengan tarikh tamatnya operasi Liga Tiga Maharaja, cuma kini Austria-Hungary sudah tidak lagi mempunyai bahagian di dalamnya. Peruntukan utamanya, jika salah satu daripada parti dalam perjanjian itu terlibat di dalam peperangan dengan satu lagi kuasa besar, maka parti yang satu lagi itu akan berkecuali. Walau bagaimanapun, terdapat dua pengecualian: jika Rusia menyerang Austria-Hungary atau jika Jerman menyerang Perancis. Pengecualian ini penting dan menimbulkan persoalan yang hangat diperdebatkan.

Persoalan yang terus ditimbulkan oleh Perjanjian Insurans Berlapis ini ialah sama ada ia sejajar atau tidak dengan peruntukan yang terdapat dalam Ikatan Dua Kuasa dan Ikatan Tiga Kuasa. Bukankah Jerman dahulunya telah memberi jaminan bahawa ia akan membantu Austria-Hungary jika diserang oleh Rusia? Menurut Ikatan Dua Kuasa, Jerman terpaksa membantu Austria-Hungary jika terbukti pihak yang menyerang ialah Rusia. Dan

menurut Perjanjian Insurans Berlapis pula Jerman terpaksa berkecuali jika sah bahawa Austria-Hungarylah pihak yang bersalah. Masalahnya ialah bagaimana dan secepat mana dalam keadaan krisis Jerman dapat menentukan pihak mana yang bersalah. Penentuan itulah pula yang akan menyebabkan sama ada Jerman terpaksa berperang di sebelah Austria-Hungary atau bersikap berkecuali.

Dalam kes Ikatan Dua atau Tiga Kuasa Jerman juga terpaksa menghadapi persoalan bagi menentukan sama ada benar atau tidak Austria-Hungary merupakan negara yang memulakan sesuatu peperangan, dan jika betul Austria-Hungary negara yang bersalah maka Jerman masih mungkin untuk tidak memihak kepada Austria-Hungary. Namun, menurut pendapat Eyck, jika Perjanjian Insurans Berlapis ini tidak wujud maka Jerman mungkin akan bersikap lebih memihak kepada Austria-Hungary apabila ia terlibat di dalam sesuatu peperangan. Menurut Eyck lagi, dengan termaktubnya Perjanjian Insurans Berlapis, Jerman sudah mempunyai kepentingan untuk membuat pertimbangan itu dengan lebih hati-hati. Jadi, bagi Eyck, faedah yang jitu daripada ikatan Austria-Hungary dengan Jerman telah dihapuskan oleh Perjanjian Insurans Berlapis. Bagi Eyck, jika kerajaan Austria-Hungary dan rakyatnya mengetahui akan perjanjian rahsia ini nescaya mereka akan berasa tertipu atau dikhianati oleh rakan sendiri, “dan tiada siapa pun boleh menyalahkan mereka”. Seterusnya, kata Eyck, jika “diadili dari sudut undang-undang antara negara dengan moraliti politik [maka] Perjanjian Insurans Berlapis tidak boleh dipertahankan.”⁵⁹

Walau bagaimanapun, Eyck tidak menafikan bahawa mereka yang menyokong tindakan Bismarck ini memang mempunyai alasan wajar juga. Eyck sedar bahawa peruntukan dalam Perjanjian Insurans Berlapis dan Ikatan Dua atau Tiga Kuasa tidak semestinya saling bertentangan. Yang satu (Perjanjian Insurans Berlapis) menjanjikan bahawa Jerman akan berkecuali jika Rusia diserang Austria-Hungary, sementara yang satu lagi (Ikatan Dua atau Tiga Kuasa) menjanjikan pertolongan Jerman kepada Austria-Hungary jika ia diserang oleh Rusia. Jadi, bolehlah kita andaikan bahawa jika Eyck mengatakan bahawa amat sukar secara praktisnya untuk Jerman menentukan siapa penyerang pertama dalam sesuatu pertarungan antara Rusia dengan Austria-Hungary, pihak penyokong Bismarck pula mengatakan bahawa jika ia sukar, ia adalah sesuatu yang terpaksa juga dilakukan atau diatasi. Oleh itu, jika persoalan ini dapat diselesaikan maka Bismarck masih boleh memenuhi segala tuntutan di dalam kedua-dua perjanjian yang disebutkan tadi. Dalam hal yang demikian seseorang itu boleh mendakwa yang Bismarck tidak sebenarnya mencemar peraturan moral. Maka, rasanya, dengan sebab perkara yang sebeginilah Dill boleh mengatakan bahawa,

“Para pengkritik Bismarck melihat dalam perjanjian ini [Perjanjian Insurans Berlapis] satu contoh utama yang memaparkan sikap sinis dan tidak peduli; para penyanjungnya melihat di sini kewujudan satu teknik yang luar biasa halusnyanya bagi mengekalkan keamanan dalam segala apa keadaan sekalipun.”⁶⁰

Apakah pertimbangan seperti yang di atas ini juga boleh kita gunakan untuk menilai

59 *Ibid.*, hlm. 193.

60 Dill, *op. cit.*, hlm. 185.

dasar luar Bismarck secara keseluruhannya? Barangkali tidak, kerana tidak semua perjanjiannya yang lain mempunyai unsur yang serupa. Namun unsur yang lazim terdapat dalam dasar luar Bismarck selepas tahun 1871 ialah unsur sulit atau rahsia. Satu lagi unsur penting yang menjadi landasan diplomasinya ialah perimbangan kuasa. Kedua-dua unsur ini *per se*, atau secara sendirinya, tidak semestinya dianggap tidak baik. Malah dasar mencari perimbangan kuasa adalah satu-satunya matlamat utama dalam perhubungan antarabangsa sepanjang masa.

Memang terdapat sarjana yang mengkritik Bismarck kerana dasar dan amalan perhubungan sulitnya. Bagi Simon, Ikatan Dua Kuasa Bismarck telah menggalakkan kuasa-kuasa lain untuk membuat perjanjian sulit yang sama sehinggalah seluruh Eropah terbahagi kepada liga dan liga balas.⁶¹ Simon mengatakan lagi bahawa Bismarck telah memulakan proses yang menjatuhkan kualiti diplomasi di Eropah dan menjadikan hubungan antarabangsa penuh dengan keadaan syak wasangka.⁶²

Medlicott nampaknya juga bersetuju dengan pendapat Simon ini. Dalam penilaiannya terhadap Bismarck, Medlicott juga nyata tidak begitu cenderung untuk memuji Bismarck. Bagi Medlicott dasar luar negara Bismarck selepas tahun 1871 tidak membuktikan bahawa Bismarck sememangnya seorang pencinta keamanan yang asli. Pada pandangan Medlicott, Bismarck seolah-olah sudah dipaksa oleh keadaan untuk mencari, menerima dan mengekalkan keamanan. Pada masa itu Bismarck tidak mungkin lagi dapat mencetuskan peperangan tanpa mengakibatkan lahirnya gabungan kuasa menentanginya. Bismarck sedar perang tidak lagi boleh digunakannya sebagai senjata untuk memper-teguhkan kedudukan Jerman. Medlicott, mengatakan bahawa,

“Jadi kerana dia jelas tidak dilahirkan sebagai mencintai keamanan kita boleh bertanya sama ada dia telah mencapai keamanan atau mendapati keamanan dipaksakan ke atasnya. Dia adalah dirinya yang biasa seperti dahulu, pendendam, perampas keadaan, manusia ganas dan seorang yang begitu pintar dalam memperhatikan peluang untuk tindakan politik. Orangnya tidak berubah. Tetapi jelas nasibnya sudah [berubah]”⁶³

Kritikan Medlicott ini sudah tiba kepada isu peribadi Bismarck sendiri. Tetapi dengan terheretnya isu yang begini maka dengan sendirinya pula timbul pertimbangan yang lain terhadap dasar Bismarck. Soalnya, apakah dasar kerahsiaan dan perimbangan kuasa itu masih boleh dikecam sekiranya ia tidak dikendalikan oleh Bismarck dan/atau tidak pula dengan semangat yang diperlihatkan oleh Bismarck? Dengan perkataan lain, kita berbalik semula kepada soalan atau pernyataan yang sudah ditimbulkan di atas, iaitu mestikah dasar kerahsiaan dan perimbangan kuasa *per se* merupakan sesuatu yang patut dikecam?

Seseorang itu mungkin mahu mengatakan bahawa kedua-dua dasar ini tidak semestinya tidak baik. Baik buruknya adalah bergantung pada sifat dan matlamat dasar itu sendiri. Misalnya, perjanjian sulit untuk pertahanan antara negara tidak semestinya

61 Simon, *op. cit.*, hlm. 82

62 *Ibid.*, hlm. 87

63 Medlicott, *op. cit.*, hlm. 89–90.

merupakan sesuatu yang patut ditentang atau dicemuh. Ia mungkin dirahsiakan untuk mengelakkan kegemparan yang tidak semena-mena di kalangan kuasa lain (walaupun sesuatu yang terbuka boleh juga mempunyai peranan sebagai satu amaran tegas kepada bakal penceroboh). Dalam keadaan begitu apa-apa syak wasangka yang timbul di kalangan negara lain adalah sesuatu yang di luar kawalan negara yang membuat perjanjian. Perjanjian Bismarck rata-rata bercorak mempertahankan diri. Seseorang itu boleh juga berhujah bahawa syak wasangka yang timbul adalah masalah kuasa lain dan bukan masalah Jerman. Cuma, barangkali, kuasa lain mungkin lebih mudah untuk mencurigai niat Bismarck, menaruh buruk sangka kepadanya kerana rekod kegiatan antarabangsanya sebelum tahun 1871 adalah buruk. Inilah barangkali yang menyebabkan pengkritiknya melihat sulit dan serong seolah-olah dua unsur yang tidak dapat dipisahkan, sekurang-kurangnya dalam peribadi Bismarck. Jadi, isu yang kritikal di sini bukanlah kerahsiaan tetapi peribadi Bismarck.

Begitulah juga halnya dalam kes perimbangan kuasa. Sama ada ideal atau kemurniaan di sebalik dasar ini terjejas atau tidak bergantung pada matlamat dan asas dasar itu. Tiada siapa yang mungkin mencemuh perimbangan kuasa yang bertujuan mencapai keadilan di kalangan negara dan juga turut menghormati prinsip tertentu. Tetapi dalam diplomasi Bismarck, perimbangan kuasa, keadilan dan dasar hormat menghormati nampaknya hanya terhad kepada lingkungan kuasa besar Eropah sahaja. Misalnya, Alasce dan Lorraine difikirkan penting bagi keselamatan Jerman lantas sikap penduduknya yang tidak bersetuju dengan dasarnya tidak dipedulikan. Perancis juga tidak dikira sebagai kuasa besar; lagipun daerah di Afrika boleh “digunakan” untuk memulihkan semula imbalan kuasa di Eropah.

Seterusnya, walaupun Kongres Berlin telah berjaya menjalinkan perimbangan kuasa di Eropah (sekurang-kurangnya dalam jangka pendek), ia telah dicapai dengan mengorbankan sentimen penduduk di Balkans. Ia juga telah mendatangkan kemarahan Rusia. Ahli sejarah seperti Eyck dan Dill mendakwa bahawa di sinilah tertanamnya benih yang kemudiannya mencetuskan Perang Dunia Pertama.⁶⁴ Lagipun, menurut Eyck, Bismarck juga tidak peduli jika krisis Balkans itu berterusan. Yang penting baginya ialah Jerman terus dapat mengekalkan keamanannya sendiri.⁶⁵ Perimbangan kuasa itu baik, tetapi jika asasnya tidak teguh, dan matlamatnya bukan kepentingan bersama tetapi kepentingan Jerman tanpa mengendahkan apa pun akibatnya, maka perimbangan itu mungkin susah untuk dibela serta dikekalkan. Bismarck sendiri pun tidak mendapatinya mudah untuk mengekalkan perimbangan kuasa yang dijalinkannya; bak kata Simon,

“Setelah ia menjejaskan perimbangan kuasa Eropah yang lama tidakkah Bismarck terpaksa menyeberangi satu jambatan genting [dan] lambat laun ia pula akan hilang imbangannya sendiri? Malah, tidakkah patut ia disanjung kerana berjaya berada di atas jambatan itu buat sekian lama, berjaya mengekalkan perhitungan yang tenang dan

64 Lihat Eyck, *op. cit.*, hlm. 250–251, dan Dill, *op. cit.*, hlm. 181.

65 Pada bulan November tahun 1878, empat bulan selepas Kongres Berlin, Bismarck menulis kepada Putera Mahkota Jerman, “Ia akan merupakan satu kejayaan bagi kenegarawan kita jika kita berjaya *membiarkan barah Timur [Dekat]* dan dengan itu menjejaskan harmoni Kuasa Besar lain demi menjamin keamanan kita sendiri”. Eyck, *op. cit.*, hlm. 251. Penekanan seperti terdapat dalam Eyck.

mengelakkan diri daripada diganggu oleh para pelawak di bawah? Jika betul begitu, maka kritikan terhadap dasar luar dan juga dalam negeri Bismarck mestilah secara tepatnya dihadapkan bukan kepada caranya tetapi matlamatnya, dengan perkataan lain, dihadapkan kepada penubuhan persekutuan Jerman yang begitu ketat dan nyata dikuasai oleh Prusia⁶⁶

RUMUSAN

Pernyataan Simon ini mengetengahkan persoalan yang amat kerap ditimbulkan dalam penulisan atau kajian tentang Bismarck. Persoalan ini nyata tersurat, dalam pendapat Simon ini: jika Jerman ingin disatukan dalam satu persekutuan maka cara yang digunakan oleh Bismarck adalah perlu. Bukankah liberalisme gagal menghasilkan penyatuan Jerman? Seterusnya, jika Jerman ingin disatukan dan dasar Bismarck diterima sebagai sesuatu yang perlu, maka tidakkah patut dominasi Prusia terhadap Empayar Jerman juga diterima sebagai perlu? Tidak Bismarck pernah mengatakan bahawa keselamatan Empayar Jerman yang baharu dibentuk memerlukan perlindungan daripada pasukan tentera yang gagah? Dan tentera yang perkasa hanya boleh dihasilkan melalui kerjasama golongan tentera Prusia serta para bangsawannya? Dengan perkataan lain, bukankah segala ini akhirnya merintis jalan kepada (dan memerlukan) dominasi Prusia? Hujah bahawa persekutuan Jerman masih boleh dibentuk tanpa menggunakan cara Bismarck seolah-olah sudah dipatahkan oleh kenyataan bahawa segala usaha lain sebelum itu telah gagal. Senafas dengan itu juga hujah bahawa persekutuan Jerman memerlukan cara Bismarck seolah-olah telah diperteguhkan oleh kenyataan bahawa cara Bismarck telah pun menempa kejayaan. Lantas, pengkritik terhadap cara Bismarck seperti Eyck pun menyanjung kejayaan Bismarck. Kejayaan Bismarck menyatukan Jerman dianggap dan dialu-alukan oleh Eyck sebagai “pengabulan kepada impian negeri-negeri Jerman.”⁶⁷ Katanya lagi, “para pengkritik cara dan peribadinya tidak boleh, [dan] tidak akan meragui ketokohan dan kegemilangannya yang tak lekang di zaman.”⁶⁸

Perhitungan beginilah yang barangkali boleh dipanjangkan bagi menyokong Bismarck secara keseluruhannya. Sokongan ini mungkin didasarkan kepada kenyataan bahawa negarawan lain juga mengamalkan dasar yang serupa bagi mencapai matlamat mereka. Bismarck mungkin dianggap realistik kerana bersikap curiga, atau waspada, terhadap sifat dan kelakuan manusia. Bismarck mungkin dikatakan komited dan konsisten kerana dia memperjuangkan matlamatnya habis-habisan. Seorang realis patut disanjung dan bukannya dicemuh. Taylor jelas mencerminkan pendirian begini dalam satu penulisannya. Taylor mengatakan bahawa,

“Apabila manusia membenci Bismarck kerana realismenya, apa yang mereka sebenarnya benci ialah kenyataan.”⁶⁹

66 Simon, *op. cit.*, hlm. 86.

67 E. Eyck, *op. cit.*, hlm. 185.

68 *Ibid.*, hlm. 186.

69 A.J.P. Taylor 1971. *Europe: Grandeur and Decline*. Middlesex: Penguin Books, cetakan semula, hlm. 94.

Salah satu aspek realisme yang ditekankan ialah kekuatan dan ketangkasan. Taylor menyatakan bahawa dia tidak menafikan kepentingan prinsip. Tetapi, katanya, prinsip mesti dilaksanakan. Seterusnya jika perlaksanaannya memerlukan kekerasan, maka kekerasan patut digunakan.⁷⁰ Satu matlamat Bismarck yang nyata ialah penyatuan Jerman, dan dia telah menggunakan segala kaedah bagi menjalinkan matlamat ini menjadi satu realiti. Kemudian terdapat pula soal atau prinsip yang berkait dengan agama Kristian. Walaupun pada dasarnya, Bismarck memperjuangkan prinsip sekularisme dalam pemerintahan negara, dia tidak menganggap dirinya sebagai anti-Kristian. Malah dia menganggap tindak tanduknya bersandarkan prinsip dan matlamat Kristian.⁷¹ Lantas apabila dia gagal menundukkan golongan Katolik dengan dasar *kulturkampf*-nya dia tidak me-lihat kegagalannya sebagai sesuatu yang menandakan kelemahan prinsipnya dan ke-kuatan prinsip pihak lawan. Dia hanya melihatnya sebagai kelemahan taktik atau strategi dalam pelaksanaan dasarnya. Dalam *memoir*-nya, Bismarck menerangkan bahawa golongan Katolik tidak dapat dikalahkan kerana “polis Prusia ... dengan kusut yang bertaji dan pedang mereka yang bergantung, terlalu lambat bergerak untuk menangkap para paderi yang lincah bergerak merentas pintu belakang dan bilik tidur”.⁷²

Hal yang sedemikian ini jelas barangkali memperlihatkan unsur perbezaan tanggapan. Memang mungkin sesuatu pegangan atau prinsip itu ditafsirkan berbeza-beza oleh orang yang berlainan. Memang juga mungkin bahawa pegangan yang berbeza itu tidak juga menandakan terdapatnya pegangan yang salah dan yang betul antaranya. Dengan perkataan lain, pentafsiran yang berbeza tentang sesuatu prinsip atau pegangan mungkin sah kesemuanya. Ini disebabkan perbezaan itu berpunca daripada sandaran kepada bukti atau landasan yang, walaupun berbeza, tetap dapat diterima kesahihannya. Hal begini kerap berlaku dalam soal agama yang akhirnya menimbulkan mazhab yang berlainan; tetapi sesuatu mazhab itu tidak pula menafikan kebenaran mazhab yang lain. Soal ini boleh juga ditimbulkan dalam kes Bismarck yang mendakwa memperjuangkan matlamat Kristian walaupun terdapat dasar sekularisme dalam pemerintahannya. Apakah tindakan Bismarck pada keseluruhannya tetap merupakan tindakan agama atau proagama yang sah? Adakah betul Bismarck bertolak daripada pentafsiran tentang agama dari sudut yang, walaupun berbeza dengan pihak yang menentang, tetap juga boleh diterima kesahihannya? Sahih atau tidaknya landasan dasar Bismarck inilah, rasanya, yang tidak dapat tidak akan menentukan sama ada dakwaan Bismarck ataupun lawannya yang patut diterima. Apakah dasar sekularisme, misalnya, boleh dikatakan sebagai amalan agama yang berpunca daripada landasan yang juga sah di sisi agama?

Apabila Taylor menyatakan bahawa sesiapa yang membenci realisme Bismarck membenci kenyataan, dia jelas nampaknya menyatakan tanggapannya tentang kenyataan. Baginya kenyataan adalah penuh dengan unsur kekerasan, dan Bismarck telah dapat menyesuaikan dirinya dengan hakikat ini. Jika seseorang itu menerima prinsip Bismarck sebagai satu prinsip yang sah, maka Bismarck tentu patut disanjung kerana sedia

70 *Ibid.*

71 Lihat artikel H. Holborn, “Formative Intellectual Experience”, dalam T.S. Hamerow (ed.), *Otto von Bismarck: A Historical Assessment*, hlm. 8–15.

72 H. Holborn, *A History of Modern Germany*, hlm. 265.

menggunakan kekerasan bagi menjalinkan matlamatnya menjadi kenyataan. Mereka yang mempunyai matlamat yang juga sah tetapi tidak sanggup menggunakan kekerasan bagi menghasilkannya tidak sewajarnya disanjung seperti Bismarck. Inilah inti pati kepada hujah Taylor. Tetapi bagi seseorang yang tidak menganggap prinsip Bismarck sebagai sesuatu yang sah, maka kekerasan yang digunakan Bismarck jelaslah merupakan sesuatu yang tidak kena pada tempatnya. Seterusnya, jika seseorang itu menerima kesahan prinsip Bismarck, ia mungkin mensyaratkan penggunaan kekerasan hanya untuk tujuan mempertahankan matlamatnya daripada dibasmikan dengan kekerasan, dan bukan untuk tujuan menghasilkan matlamat itu. Dengan perkataan lain, jika Bismarck mahu menyatukan Jerman dia tidak patut menggunakan kekerasan jika tidak terdapat pihak yang menentang rancangannya dengan kekerasan. Seseorang mungkin bersetuju yang Bismarck juga boleh menggunakan kekerasan jika terdapat tindakan yang manu membasmi rancangannya secara terang atau tidak terang. Lantas, sama ada “syarat-syarat” ini terdapat dalam kes Bismarck di Jerman adalah sesuatu yang perlu ditentukan sebelum penilaian yang sewajarnya dibuat terhadap dasar Bismarck.

Terdapat satu lagi aspek daripada pernyataan Taylor yang patut dibincangkan. Taylor membayangkan bahawa kenyataan adalah penuh dengan unsur kekerasan tetapi dia tidak menganjurkan agar kenyataan itu diubah menjadi sesuatu yang penuh dengan unsur kedamaian. Barangkali adalah keterlaluan untuk mengharap Taylor menganjurkan usaha menukarkan kenyataan kerana Taylor barangkali menggunakan istilah kenyataan sebagai melambangkan sesuatu yang memang tidak boleh lagi ditukar. Dalam kes yang sedemikian ini seseorang itu mungkin bersetuju atau tidak bersetuju dengan pentakrifan Taylor tentang kenyataan. Pendeknya, seseorang mungkin menyatakan bahawa unsur kekerasan tidak semestinya sentiasa menjadi unsur dominan dalam alam nyata. Sama ada unsur kekerasan atau kedamaian menjadi unsur yang dominan di alam nyata adalah bergantung pada usaha yang dibuat ke arah mencapainya. Lantas, tindakan kekerasan Bismarck boleh dilihat sebagai usaha yang hanya menggalakkan lagi perkembangan unsur kekerasan. Dalam hal inilah seseorang itu boleh mengkritik dasar dan tindakan Bismarck kerana andaian seseorang itu tentang kenyataan berbeza dengan andaian Taylor.⁷³

Akhirnya, seseorang itu boleh mengkritik dasar dan taktik Bismarck berdasarkan perhitungan jangka panjang. Seseorang boleh berhujah bahawa dasar yang hanya mementingkan unsur kejayaan dan mengkesampingkan soal moral, akan lambat-laun hanya menghasilkan masyarakat yang amat tidak sensitif kepada persoalan yang berkaitan dengan kemanusiaan. Sekiranya sifat sensitif terhadap isu kemanusiaan dianggap sebagai sesuatu nilai yang baik, maka masyarakat yang tidak sensitif terhadap soal ini tidak dapat dikatakan sebagai masyarakat yang baik. Yang ironisnya, Taylor yang nampaknya bersungguh-sungguh membela dasar *realpolitik* Bismarck, jugalah orangnya yang menyesali akibat jangka panjang daripada dasar “kediktatoran” Bismarck. Taylor, dalam satu penulisannya yang lain, menyatakan bahawa para industrialis di Jerman mengaitkan kemajuan ekonomi mereka pada permulaan zaman perindustrian di Jerman dengan bentuk

73 Untuk prbincangan lanjut tentang isu ini, *lih.* Qasim Ahmad “Machiavellianisme: Satu Realisme Politik?” dalam Qasim Ahmad 1991. *Karya Sejarah: Pendekatan dan Persoalan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

politik negara yang terdapat pada masa itu. Bentuk politik negara di Prusia pada masa itu ialah kediktatoran Bismarck. Kes ini amat berbeza dengan apa yang berlaku di Britain dan Amerika. Para industrialis di Britain dan Amerika mula menempa kejayaan mereka pada masa negara mereka mengamalkan sistem politik liberal dan dasar ekonomi *laissez-faire*. Lantas, mereka melihat liberalisme dan dasar *laissez-faire* sebagai punca kepada kejayaan mereka. Kedua-dua kejadian sejarah ini telah akhirnya mencetuskan aliran dan akibat politik yang jauh berbeza di negara masing-masing. Taylor seterusnya melihat kemunculan Bismarck sebagai berpunca daripada kegagalan liberalisme pada tahun 1848. Taylor mengatakan bahawa,

“... para kapitalis *Anglo-Saxon*, menerima demokrasi, walau dengan merungut sekalipun, para kapitalis Jerman, dengan merungut menerima kediktatoran. Inilah warisan menyayat 1848.”⁷⁴

Barangkali tidak salah jika kita andaikan bahawa Taylor mengambil kira bukan hanya zaman Bismarck apabila dia menyebut “warisan menyayat”, tetapi juga zaman Nazi yang menyusul kemudiannya pada abad ke-20.

74 A.J.P. Taylor, *The Course of German History*, hlm. 93.

BAB 5

REVOLUSI RUSIA

Antara Teori dengan Ideologi

Terdapat beberapa persamaan menarik antara Revolusi Perancis dengan Revolusi Rusia. Kedua-duanya teretus dalam masyarakat feodal. Di kedua-dua negara, terdapat tuntutan agar politik dan pentadbiran negeri diliberalkan lagi. Proses mengradikalan revolusi dan perang saudara juga merupakan ciri-ciri yang terdapat di kedua-dua tempat. Reformasi yang dikendali oleh kerajaan juga terdapat di kedua-dua buah negara pada peringkat masa sebelum revolusi. Jika Tocqueville pernah mengatakan bahawa Revolusi Perancis telah diakibatkan oleh harapan rakyat yang kian meninggi dan bukannya keperitan yang kian meruncing, maka keadaan yang agak serupa juga pernah disebut tentang masyarakat Rusia. Reformasi menguntungkan para petani yang dikendalikan oleh Tzar Alexander I (1801–1825), Nicholas I (1825–1855), Alexander II (1855–1881), Alexander III (1881–1894) dan Nicholas II (1894–1917), telah banyak diperkatakan oleh para sarjana. Menjelang tahun 1914, lebih daripada tujuh puluh lima peratus tanah pertanian yang boleh diusahakan di Rusia (di bahagian Eropah) telah pun dimiliki oleh para petani. Oleh itu, Wolfe pernah menegaskan bahawa,

“Tidaklah hairan Lenin berfikir bahawa jika pembaharuan pertanian diteruskan selama satu dekad lagi, maka akan lenyaplah kemungkinan berlaku satu revolusi seperti yang diharapkannya dan dia tidak akan dapat melihatnya dalam masa hidupnya.”¹

Dari segi perindustrian pula, walaupun Rusia masih mundur jika dibandingkan dengan banyak negara Barat, ia telah menempa kemajuannya sendiri yang pesat sebelum revolusi.²

Sebaliknya pula, jika perbandingan antara Revolusi Perancis dengan Revolusi Rusia ini diperinci atau diperhalusi lagi, maka beberapa perbezaan antara kedua-duanya akan

1 B. E. Wolfe 1969. *An Ideology in Power: Reflections on the Russian Revolution*. New York: Stein & Day Publishers, hlm. 70.

2 *Ibid.*, hlm. 66, *passim*.

juga jelas kelihatan. Misalnya idea yang menggerakkan para revolusioner di Perancis ialah pemikiran Kesedaran, tetapi idea atau ideologi yang dikatakan penting dalam Revolusi Rusia ialah Marxisme. Keadaan sosioekonomi sebelum revolusi di Rusia adalah lebih buruk daripada apa yang terdapat di Perancis. Penglibatan Rusia dalam Perang Dunia Pertama berlangsung serentak dengan pergolakan revolusi dalam negeri, walhal penglibatan Perancis dalam Perang Kemerdekaan Amerika berlaku lebih awal daripada pergolakan revolusinya. Perbincangan tentang aspek perbezaan ini masih boleh diteruskan seperti juga halnya dengan perbincangan tentang unsur persamaan. Malah, satu penulisan yang khusus membandingkan bukan sahaja antara persamaan kedua-dua revolusi ini tetapi juga di kalangan revolusi lain pun telah pernah dihasilkan.³

REVOLUSI RUSIA DAN MARXISME

Isu persamaan dan perbezaan antara Revolusi Rusia dengan Revolusi Perancis memanglah satu persoalan akademik yang menarik. Namun, khusus tentang Revolusi Rusia ini terdapat satu lagi persoalan yang tidak kurang juga menariknya. Isu ini, sesuatu yang amat kerap dibincang oleh para sarjana Barat, ialah persoalan tentang sama ada Revolusi Rusia ini telah dikendalikan berlandaskan teori Marxis atau tidak. Perdebatan ini menjadi bertambah rumit kerana terdapatnya pernyataan Marx yang memperakukan kemungkinan berlakunya revolusi di Rusia, walhal menurut teori asasnya perkara ini tidak sepatutnya berlaku.⁴

Marx pernah memperakukan bahawa revolusi sosialis mungkin berlaku di Rusia tanpa negeri itu melalui dahulu tahap perindustrian dan kapitalis. Pengecualian untuk Rusia ini dibuatnya berasaskan kewujudan sistem komun desa (*mir*) yang terdapat di Rusia. Ini katanya, boleh menjadi asas untuk Rusia terus mencapai tahap sosialis/komunis. Pernyataan Marx yang kerap dirujuk oleh para sarjana berkait dengan persoalan ini ialah jawapannya kepada pertanyaan seorang revolusioner wanita Rusia bernama Vera Zasluich. Pada bulan Februari tahun 1881, Vera Zasluich telah menulis surat kepada Marx dari Geneva menanyakan kemungkinan *mir* itu berkembang menurut lunas-lunas komunis. Seterusnya, dia juga mahu mengetahui sama ada Marx bersetuju dengan para Marxis di Rusia yang menegaskan bahawa revolusi sosialis tidak mungkin tercetus selagi Rusia belum menempuh tahap masyarakat kapitalis. (Tesis Marx yang terdapat dalam karya utamanya *Kapital* memang ada menegaskan unsur perkembangan secara bertahap ini). Inilah antara kandungan jawapan Marx kepada Vera Zasluich,

“Analisis yang dibuat dalam *Capital* tidak mengemukakan bukti untuk menyokong atau menafikan kesegaran komun desa itu, tetapi pengkajian saya bahawa komun ini adalah asas bagi gerakan pembaharuan sosial di Rusia. Tetapi untuk memungkinkan ini berlaku, segala pengaruh durjana yang menekannya dari segala sudut terpaksa dihapuskan dahulu, dan kemudian pastikanlah kewujudan keadaan yang biasanya diperlukan bagi perkembangan spontan.”⁵

3 Lihat misalnya C. Brinton 1965. *The Anatomy of Revolution*. New York: Vintage Books.

4 Untuk penulisan tentang teori asas Marxisme ini, lihat misalnya K. Marx & E. Engels (suntingan C.J. Arthur), *The German Ideology*. New York: International Publishers, Bhg. I, hlm. 39–94.

5 M. Rubel, “The Relationship of Bolshevism to Marxism”, dalam R. Pipes (ed.) 1972. *Revolutionary Russia*. New York: Harvard University Press, hlm. 305.

Maximilien Rubel, dalam komennya tentang pernyataan Marx ini, menegaskan bahawa,

“Dengan pentafsiran ini, Marx mengambil keputusan membelakangkan para pengikutnya, iaitu membelakangkan para Marxis yang tidak menerima apa-apa alternatif selain perkembangan kapitalisme di Rusia. Kapitalisme di Rusia baginya [Marx] hanyalah merupakan satu kemungkinan; sosialisme boleh terhasil sama ada melalui petani atau menerusi kapitalisme.”⁶

MENSHEVIK DAN BOLSHEVIK

Para Marxis di Rusia yang patuh kepada teori asas Marx tentang perkembangan masyarakat dari satu tahap ke satu tahap dikenali sebagai Menshevik. Puak yang mendakwa bahawa Rusia boleh terus melangkaui daripada tahap feudal kepada tahap sosialis tanpa tahap perindustrian kapitalis ialah puak Bolshevik. Kedua-dua puak ini, pada mulanya berada dalam satu gabungan Marxis yang dikenali sebagai Demokrat Sosial. Perpaduan gabungan yang mula ditubuhkan pada akhir tahun 1880-an ini retak apabila timbulnya perselisihan faham di kalangan mereka dalam kongres gabungan Demokrat Sosial di London pada tahun 1903.

Dalam kongres di London ini, semua pihak bersetuju dengan program minimum parti, iaitu penghapusan pemerintahan Tzar di Rusia. Namun mereka telah bertelagah tentang dua dasar lain yang berkait dengan keahlian parti. Satu puak mahu keahlian parti dihadkan kepada para pekerja yang terpilih dan dianggap bernas sahaja. Puak yang memperjuangkan dasar elitis ini dipimpin oleh tokoh yang kemudiannya memainkan peranan yang amat penting dalam Revolusi Rusia, iaitu Lenin. Apabila pengundian dijalankan bagi menentukan pendirian parti, dasar ini telah dikalahkan dengan 28 undi lawan 22 undi.

Dalam satu lagi soal dasar keahlian parti, Lenin dan para pengikutnya telah menentang pembentukan parti yang berlandaskan keturunan etnik. Pada masa itu terdapat parti atau kumpulan Demokratik Sosial yang dibentuk berasaskan rumpun etnik, seperti Ikatan Agung Para Pekerja Yahudi yang wujud di Lithuania, Poland dan Rusia. Dalam pengundian terhadap isu ini, Lenin dan para pengikutnya telah memperoleh kemenangan. Sempena peristiwa inilah Lenin dan puaknya dinamakan Bolshevik, yang bererti majoriti, dan para penentangannya dinamakan Menshevik, iaitu minoriti.

Berikutan dengan perpecahan di London inilah timbulnya perbezaan antara Bolshevik dengan Menshevik tentang proses bagi kelahiran masyarakat sosialis di Rusia yang dikatakan tadi. Tokoh utama yang turut berada dalam puak Menshevik ialah Georgi V. Plekhanov (1857–1918). Plekhanov dianggap juga sebagai pengasas Marxisme di Rusia. Plekhanov dan puak Menshevik mempertahankan teori tradisional Marx tentang proses peralihan masyarakat. Sebaliknya, Lenin dan golongan Bolshevik mendakwa bahawa masyarakat sosialis/komunis yang diidamkan boleh diwujudkan di Rusia tanpa tahap borjuis kapitalis dialami dahulu.

Plekhanov cuba meredakan perselisihan faham dalam Parti Demokratik Sosial ini

6 *Ibid.*

tetapi gagal. Suasana menjadi kian keruh apabila pada tahun yang berikutnya, yaitu tahun 1904, Lenin menerbitkan bukunya, *One Step Forward, Two Steps Backward*. Dalam buku ini, Lenin mengecam pihak lawannya. Dia menegaskan bahwa pendirian Menshevik akan hanya menguntungkan kaum borjuis dan tidak akan membiakkan potensi revolusioner kaum petani dan proletariat.⁷ Sementara itu pula Trotsky telah mendakwa bahawa Lenin bukannya mahu menegaskan “kediktatoran oleh proletariat”, tetapi “kediktatoran terhadap proletariat.”⁸ Walaupun Trotsky kemudiannya berbaik semula dengan Lenin, kecaman terhadap Lenin telah diteruskan oleh ahli Menshevik yang lain. Antara bulan Februari hingga bulan Oktober tahun 1917 (iaitu pada masa parti Bolshevik aktif bergerak dan akhirnya mengambil alih kuasa daripada Kerajaan Sementara yang telah menggantikan pemerintahan Tzar), puak Menshevik galak sekali mempersendakan Lenin sebagai pengikut Blanqui.⁹

Di samping segala perubahan ini, terdapat satu lagi perubahan atau penyesuaian yang dibuat oleh Lenin terhadap Marxisme tradisional. Ini berkait dengan pentakrifan tentang “keadaan revolusi yang sudah masak”. Bagi Marx, suasana ini hanya lahir apabila masyarakat borjuis kapitalis telah sampai ke puncak proses perindustriannya. Ini nampaknya amat sesuai dengan pernyataan Marx bahawa masyarakat baharu akan hanya menjelma setelah masyarakat lama yang bakal digantikannya itu sesak dan padat dengan benih bagi kelahiran masyarakat baru. Unsur begini banyak diperkatakan oleh Marx dalam karyanya. Dalam *Class Struggles In France*, Marx, misalnya, amat tegas mengkritik taktik memendekkan proses revolusi seperti yang diusahakan oleh Blanqui.¹⁰

Proses yang digambarkan oleh Marx ini amat berbeza dengan pendapat Lenin. Bagi Lenin, keadaan yang boleh mencetuskan revolusi tidak begitu rumit. Ia adalah amat umum sekali. Dalam penulisannya, *The Infantile Disease of Leftism* (1902), Lenin menulis tentang hal ini seperti yang berikut:

“Hanya apabila golongan [masyarakat] bawahan tidak lagi rela tinggal dalam keadaan lama dan golongan atasan tidak lagi berdaya meneruskan pengendalian (masyarakat) dengan cara lama, hanya dalam keadaan demikian revolusi boleh berjaya. Dengan perkataan lain, hakikat ini boleh diterangkan begini: revolusi tidak mungkin berlaku tanpa satu krisis umum yang melibatkan si penindas dan yang ditindas.”¹¹

Memanglah mungkin pengecualian yang dibuat oleh Lenin ini disabitkan juga dengan pendirian Marx – iaitu pendirian Marx seperti yang dinyatakan olehnya kepada Vera Zasluich. Seterusnya, terdapat pernyataan Marx yang lain yang juga memberikan pengecualian kepada teorinya tentang substruktur mempengaruhi superstruktur. Misalnya, dalam suratnya kepada Dr. Ludwig Kugelmann, bertarikh 17 April 1871, Marx menyatakan bahawa kejadian luar dugaan, yang termasuk juga peribadi seseorang pemimpin, adalah

7 Sikap ini berterusan hingga tahun 1917. Lihat M. Liebman (terj. B. Pearce) 1975. *Leninism Under Lenin*. London: Jonathan Cape, hlm. 126, *passim*.

8 G. von Rauch (terj. P. Jacobshon) 1972. *A History of Soviet Russia*. New York: Praeger Publisher, hlm. 18.

9 Lihat E.H. Carr 1969. *1917: Before and After*. London: Macmillan, hlm. 19–20.

10 K. Marx, *The Class Struggles in France, 1848–1850*, hlm. 117.

11 Lihat E.H. Carr, 1972–1973. *The Bolshevik Revolution 1917–1923*. Jil. 2, Middlesex, England: Penguin Books, hlm. 21.

mustahak dalam menentukan kejadian atau proses sejarah. Katanya,

“Sejarah dunia sesungguhnya menjadi amat mudah untuk ditulis, sekiranya perjuangan hanya dikendalikan dengan syarat terdapatnya peluang baik yang tidak disangkalkan. Sebaliknya, adalah menakjubkan sekali jika kejadian luar dugaan tidak memainkan peranan. Kejadian luar dugaan ini secara tersendiri merupakan sebahagian daripada peredaran umum perkembangan [sejarah] dan ia diimbangkan pula dengan kejadian luar dugaan yang lain. Tetapi kecepatan dan kelambatan amat bergantung pada kejadian luar dugaan yang sedemikian rupa yang termasuk di dalamnya kejadian luar dugaan dalam bentuk sifat orang yang pada mulanya mengetuai [sesuatu] pergerakan itu.”¹²

KRITIK TERHADAP TEORI MARX

Pernyataan Marx yang begini seolah-olah menjadikan teorinya tentang perubahan masyarakat (dan peranan ekonomi atau alat pengeluaran) sebagai satu kecenderungan sahaja dan bukannya satu hukum yang kental. Pendirian yang begini juga jelas didapati dalam penulisan beberapa orang Marxis. Mereka ini mencemuh penulisan yang menyamakan teori Marx dengan pentafsiran sejarah yang hanya diasas kepada faktor ekonomi. Menurut mereka, penulisan begini “mempermudahkan” Marxisme. Mereka mahu pernyataan Marx bahawa substruktur itu mempengaruhi superstruktur dilihat bukan sebagai suatu proses yang tetap akan berlaku dan/atau berlaku secara satu hala. Mereka menyatakan bahawa beberapa pengecualian serta tindak balas antara substruktur dengan superstruktur juga berlaku dan mesti diperhitungkan sekali.¹³

Pembelaan para Marxis ini, seperti juga pegangan politik Lenin, memanglah boleh diasaskan kepada beberapa pernyataan Marx sendiri. Tetapi jika pembelaan begini diterima, teori Marx nampaknya tidak lagi mempunyai satu keistimewaan yang tersendiri. Penerangannya tentang kejadian atau proses sejarah tidak lagi berbeza dengan penerangan biasa yang lain. Berkait dengan hal ini, Carew Hunt mengatakan bahawa,

“Tetapi sekiranya [unsur] interaksi diterima, keseluruhan tesis [Marx] itu terjejas, kerana kita tidak lagi membicarakan faktor ekonomi secara tulen, tetapi dengan sesuatu yang sebahagian daripadanya telah sendiri ditentu oleh faktor-faktor bukan ekonomi. Untuk menyatakan selepas ini bahawa faktor ekonomi mesti sentiasa memainkan peranan faktor penentu adalah tidak bermakna.”¹⁴

Dalam konteks beginilah mudah barangkali difahami pernyataan Maximilien Rubel bahawa apabila Marx menasihati para revolusioner di Rusia agar mengendalikan satu revolusi, dia sebenarnya sudah mengecualikan dirinya daripada menjadi seorang

12 Seperti yang dipetik dalam L. Fischer (terj. A. Bostock) 1970. *Marx in His Own Words*. London: Allen Lane the Penguin Press, hlm. 88.

13 Lihat misalnya penulisan E. Hobsbawm; “Karl Marx’s Contribution to Historiography” dalam R. Blackburn (ed.) 1978. *Ideology in Social Science: Readings in Critical Social Theory*. Fontana/Collins hlm. 270–280.

14 R.N.C. Hunt, 1961. *The Theory and Practise of Communism: An Introduction*. New York: The Macmillan Co., hlm. 54.

“Marxis”.¹⁵ Dia telah hanya “bertindak dalam rerangka perjuangan umum semua golongan revolusioner yang bercita-cita menjatuhkan tzarisme”.¹⁶ Marx, dalam kes ini “dan seperti hampir semua para revolusioner lain” telah hilang kesabaran dan mengutarakan apa yang ia sepatutnya tidak mengutarakan.¹⁷ Lantas, para Bolshevik yang menurut saranan Marx pada masa itu, kata Rubel, bertindak bukan sebagai sosialis tetapi sebagai borjuis, iaitu secara “objektifnya”.¹⁸

Pengecualian (atau sikap berbelah bagi) Marx juga ketara bersabit dengan isu penggunaan kekerasan dalam proses transformasi masyarakat. Jika memandangkan pendiriannya tentang revolusi masyarakat dan penekanannya bahawa kapitalisme tidak dapat tidak akan hancur dengan sendirinya, maka penolakan unsur kekerasan atau revolusi sebagai satu taktik memanglah kena pada tempatnya. Hal ini pernah ditegaskannya dengan jelas apabila dia membayangkan perkembangan yang dijangkakannya akan berlaku di England, Amerika dan juga Belanda. Di Kongres Antarabangsa Hague pada tahun 1872, Marx mengatakan bahawa,

“Kita mengetahui bahawa institusi dan adat resam berbagai-bagai negara mesti diambil kira, dan kita tidak menafikan terdapatnya negara seperti England, Amerika, dan sekiranya saya memahami peraturan anda dengan baik, saya barangkali patut juga menyebut Belanda, tempat si pekerja boleh mencapai matlamatnya (iaitu “merampas kuasa politik”) menerusi cara damai. Tetapi kes begini bukanlah untuk semua negara.”¹⁹

Di samping pengecualian yang diterapkan dalam pernyataan di atas, iaitu cara damai “bukanlah untuk semua negara”, terdapat banyak lagi pernyataan Marx yang jelas menekankan unsur kekerasan bagi menghasilkan masyarakat sosialis/komunis. Dalam *Manifesto of the Communist Party*, Marx memberi amaran bahawa matlamat komunis “akan hanya tercapai dengan pembubaran secara kekerasan kesemua keadaan sosial yang wujud”. Tambahnya, “Biarlah kelas pemerintah menggeletar menghadapi revolusi komunis.”²⁰

Seorang pengkaji, M. Bober, merumuskan bahawa di peringkat awal, iaitu dari tahun 1840-an hingga awal tahun 1850-an, Marx amat menekankan unsur kekerasan. Sebaliknya di peringkat akhir, iaitu mula daripada tahun 1860-an, Marx jelas sudah menerima strategi damai, sekurang-kurangnya bagi setengah-setengah negara. Dalam pada itu pun, pemisahan ini bukanlah sesuatu yang muktamad dan rapi. Dengan perkataan lain, pada peringkat akhirnya pun strategi kekerasan telah tidak diketepikan terus oleh Marx. Selari dengan ini, di peringkat awal pun terdapat galakan kepada strategi damai.²¹

Dalam percubaan untuk menentukan tempat atau peranan kekerasan dalam kese-

15 M. Rubel, *op. cit.*, hlm. 310.

16 *Ibid.*, hlm. 319.

17 *Ibid.*

18 *Ibid.*, hlm. 311.

19 Seperti yang dipetik dalam M.M. Bober 1965. *Karl Marx's Interpretation of History*. New York: W.W. Norton & Co. Inc., Edisi Kedua, hlm. 265.

20 *Ibid.*, hlm. 263.

21 *Ibid.*, hlm. 263–267.

luruhan teori Marx, seseorang yang percaya bahwa konsep evolusi ialah asas kepada teori Marx dan oleh itu, ia tidak memerlukan (atau membenarkan) penggunaan kekerasan, maka, hujah ala Maximilien Rubel tentu boleh digunakan bagi mengkritik saranan Marx tentang kekerasan. Pendeknya, seseorang itu boleh mengatakan bahawa apabila Marx menganjurkan penggunaan kekerasan, maka Marx sendiri sudah tidak lagi bersikap sebagai seorang Marxis. Seterusnya, jika ada para Marxis yang mahu mempertahankan sikap Marx terhadap unsur kekerasan ini, iaitu seperti sikap Marx terhadap faktor ekonomi sebagai penggerak sejarah, maka si pengkritiknya tentu boleh berhujah bahawa jika begitu teori Marx sebenarnya sudah hilang keistimewaannya: teori Marx sudah juga menyerupai penerangan lain dalam sejarah yang juga mengambil kira secara perbandingan pelbagai keadaan dan faktor sejarah.

TRADISI REVOLUSIONER RUSIA

Bertolak dari sini, seandainya diterima pendapat bahawa Revolusi Rusia telah dihasilkan bukan menurut landasan Marxis, tetapi dalam rerangka umum perjuangan para revolusioner Rusia yang lain, maka seseorang itu mungkin cenderung untuk melihat tindak tanduk dan falsafah politik para Bolshevik dalam konteks sejarah pergerakan revolusioner Rusia sendiri. Pergerakan anti-Tzar memang sudah lama wujud di Rusia.

Dari sudut kronologinya, gara-gara penentangan terhadap pemerintahan autokratik Tzar sudah terdapat semenjak abad ke-18. Namun, percubaan yang agak serius untuk menggantikan pemerintahan autokratik Tzar dengan satu corak pemerintahan yang lebih liberal telah hanya bermula pada abad ke-19. Siri peperangan dengan Napoleon Bonaparte telah membantu melahirkan kesedaran politik yang baru di kalangan para cendekiawan aristokrat Rusia. Kegiatan perang ini bukan hanya membawa perubahan kepada perkembangan industri dan kebudayaan Rusia, tetapi juga mengakibatkan pertembungan para cendekiawan aristokrat Rusia dengan apa yang berlaku di ibu kota lain di Eropah. Segala ini mempengaruhi mereka untuk cuba meliberalkan lagi pemerintahan di Rusia. Maka tumbuhlah beberapa pakatan sulit di kalangan mereka.

Antara pakatan sulit yang terdapat pada masa itu ialah persatuan yang dikenali dengan nama Utara dan Selatan. Matlamat Persatuan Utara ialah untuk mewujudkan satu sistem pemerintahan diraja secara berperlembagaan (seperti yang terdapat di England), sebuah persekutuan yang dianggotai oleh negeri-negeri yang juga mempunyai kuasa tertentu dan hak sivil rakyat. Program Persatuan Selatan pula, kata Wolfe telah diasaskan kepada idea dan semangat golongan Jacobin Perancis, dan “secara anehnya membayangkan idea-idea serta cara-cara golongan Jacobin abad ke-20, iaitu golongan Bolshevik”.²² Persatuan ini mempunyai rancangan untuk merampas kuasa, memansuhkan pemerintahan beraja serta membunuh Tzar dan semua ahli keluarganya. Selepas rampasan kuasa mereka bercadang untuk menegakkan, buat sementara waktu, satu kediktatoran militer yang mereka percaya boleh mengendalikan satu program pembaharuan sosial yang menyeluruh. Mereka juga mempunyai program untuk membebaskan hamba abdi (*serfs*), menghapuskan perbezaan kelas dan memiliknegerakan tanah. Tanah yang dimilik-

22 B.D. Wolf 1964. *The Three Who Made a Revolution*. Middlesex, England: Penguin Book, hlm. 37.

negarakan akan dibahagikan kepada dua bahagian yang sama luas: satu bahagian untuk kepunyaan bersama para petani dan satu bahagian lagi untuk kegunaan negara. Negara boleh menjual atau membahagikan semula tanah yang dimilikinya itu kepada orang perseorangan. Kediktatoran militer ini akan diteruskan selama lapan hingga sepuluh tahun. Selepas peringkat masa ini Rusia dijangkakan sudah mempunyai pengalaman dan keupayaan untuk memungkinkannya membentuk satu republik popular.²³

KEBANGKITAN DISEMBER

Satu-satunya percubaan merampas kuasa yang penting pada abad ke-19 berlaku pada bulan Disember tahun 1825. Kata Wolfe, kebangkitan golongan pegawai bangsawan ini merupakan usaha kemuncak kepada kegiatan “revolusi istana” yang sudah begitu kerap dan lama dikendalikan, dan usaha pertama ke arah pengendalian satu “revolusi sosiopolitik”. Dari sinilah, Wolfe menegaskan, bermulanya “tahap revolusioner dalam sejarah Rusia”.²⁴

Kebangkitan Disember ini gagal. Walaupun ia cuba membela nasib rakyat jelata, rakyat jelata sebenarnya mengambil sikap bena tak bena terhadap peristiwa ini; atau, mereka tidak pun menyedari apa yang dirancang untuk mereka. Tzar Nicholas I yang baru menaiki takhta pada tahun itu telah menumpaskan kebangkitan ini dengan mudah. Ekoran daripada peristiwa ini zaman pemerintahan Tzar Nicholas (1825–1855) menjadi satu pemerintahan konservatif yang memperlihatkan reaksi nyata kepada unsur atau kegiatan revolusioner.

Seterusnya, terdapat juga persamaan yang lain antara Revolusi Rusia 1917 dengan tradisi revolusioner Rusia yang terdahulu. Misalnya, konsep kepimpinan elitis yang dianuti oleh Lenin adalah serupa dengan faham seorang ahli revolusioner Rusia lain, iaitu Peter Tkachev yang lahir pada tahun 1844 dan aktif pada pergerakan revolusi pada tahun-tahun 1860-an dan tahun 1870-an. Peter Tkachev memandang sepi akan keupayaan para petani untuk memberontak sendirian, menemui dan membiakkan kesedaran kelas. Seperti Lenin selepasnya, dia menganjurkan pembentukan satu parti yang berdisiplin dan patuh kepada kuasa pusat. Dia berpendapat bahawa jika dasar begini tidak dikendalikan, maka kapitalisme akan dapat menjadikan rakyat Rusia berpuas hati dan bersikap sederhana. Dia pernah bertelingkah pendapat dengan Engels kerana Engels mahu melibatkan sekumpulan besar rakyat biasa dalam program sosialis yang dianjurnya.²⁵ Tkachev juga percaya Rusia boleh terus berhijrah daripada masyarakat feodal kepada masyarakat sosialis/komunis kerana asas bagi peralihan itu sudah wujud di Rusia. Asas yang dimaksudnya ialah *mir*. Jadi, saranannya ini jelas selari dengan pernyataan yang dibuat oleh Marx kepada Vera Zasluich.

Pada tahun 1860-an dan tahun 1870-an, terdapat juga pergerakan yang menaruh harapan dan keyakinan kepada potensi rakyat biasa. Pergerakan Hasrat Rakyat atau *People's Will* atau dalam bahasa Rusianya, *Narodnisheshto*, telah dilancarkan oleh Herzen. Herzen telah bergerak cergas dalam bidang revolusi sebelum Tkachev lagi, iaitu

23 *Ibid.*

24 *Ibid.*, hlm. 38.

25 A.B. Ulam 1965. *The Bolsheviks: The Intellectual and Political History of Communism in Russia*. New York: The Macmillan Co., hlm. 82–85.

pada tahun 1840-an. Ramai pelajar universiti dan golongan revolusioner sudah pun turut serta dalam pergerakan ini. Pergerakan ini gagal kerana para petani tidak pun memberi sambutan yang diharapkan. Di samping mempercayai adanya potensi revolusioner golongan tani, kumpulan ini juga percaya bahawa proses revolusi sosialis Rusia boleh disingkatkan. Jadi, dalam kepercayaan kepada kemungkinan masyarakat Rusia berhijrah terus dari masyarakat feodal kepada masyarakat sosialis/komunis, terdapat persamaan jelas di kalangan para revolusioner Rusia daripada Herzen membawa kepada Tkachev dan seterusnya Lenin. Walau bagaimanapun, terdapat juga perbezaan di kalangan mereka ini. Tkachev dan Lenin tidak menaruh keyakinan kepada pergerakan massa *per se* seperti Herzen dan pengikutnya. Lenin dan Tkachev menganut konsep elitis, walhal Herzen percaya kepada idea *populist*. Pendirian Tkachev dan Lenin juga berbeza daripada pendirian politik kumpulan revolusioner lain di Rusia yang melakukan pembunuhan politik pada peringkat awal itu.²⁶ Namun, dalam kes Lenin, ini boleh dipertikaikan.

GERAKAN ANTI-TZAR PADA ABAD KE-20

Gerakan revolusioner atau anti-Tzar berterusan hingga abad ke-20. Pada awal abad ke-20 terdapat tiga aliran yang berasingan yang menentang kerajaan Tzar Alexander II. Satu daripadanya ialah gerakan Zemstvo yang berjuang menerusi landasan liberal dan mengharapakan pemulihan secara beransur-ansur. Ahli Zemstvo menitikberatkan soal perlembagaan dan pemerintahan. Mereka menempatkan masalah petani dan proletariat ke tempat yang kedua. Kemudian terdapat pula golongan *Social Revolutionaries* atau Revolusioner Sosial (1902), pewaris kepada *People's Will* abad ke-19 yang berjuang dengan menggunakan keganasan. Usaha mendapatkan tanah bagi petani merupakan satu ciri mustahak dalam program mereka. Akhirnya, terdapat apa yang dinamakan *workers councils*, atau majlis pekerja, atau soviet (1905), yang memperjuangkan hak-hak pekerja.

Ketiga-tiga aliran ini muncul dan menjadi penting di Rusia akibat daripada beberapa peristiwa yang berlaku antara tahun 1901 hingga tahun 1907. Pada tahun 1095, misalnya, telah tercetus Perang Rusia-Jepun. Peperangan ini telah menimbulkan tentangan daripada rakyat. Dalam masa kempen antiperang ini para pekerja mengendalikan beberapa mogok pada tahun 1905 dan tahun 1906. Siri mogok ini, dan juga demonstrasi, telah mengakibatkan satu tindak balas tentera daripada kerajaan Tzar. Rantaian peristiwa ini juga dinamakan Revolusi 1905 oleh setengah-setengah ahli sejarah.

Kemudian, ekoran daripada Revolusi 1905 ini Tzar telah mengisytiharkan Manifesto 17 Oktober 1905. Manifesto ini menjanjikan satu perlembagaan negara, penubuhan *Duma* (atau Parlimen) yang diasaskan dengan pengundian oleh semua rakyat, dan kebebasan sivil. Manifesto ini meredakan suasana revolusioner pada masa itu. Manifesto 17 Oktober ini juga telah menyebabkan munculnya satu Parti Liberal puak kanan, dan *Constitutional Democrats* (*Kadets*), para Liberal berhaluan kiri. Kedua-dua golongan Liberal ini sebenarnya menyambung perjuangan Zemstvo.

Walaupun Manifesto 17 Oktober ini telah meredakan suasana revolusioner di Rusia, ia telah tidak berjaya menghapuskan sama sekali penentangan terhadap pemerintahan

26 *Ibid.*, hlm. 87.

Tzar. Rintihan rakyat berterusan kerana keperitan hidup, kelaparan tanah dan kepincangan industri akibat daripada krisis peperangan masih berlaku. Lagipun, pihak Tzar sendiri seolah-olah bersikap tidak jujur terhadap para pengkritiknya. Misalnya, pada tahun 1907 kerajaannya memansuhkan *Duma* kedua dan kesemua 65 orang para Demokrat Sosial telah ditangkap dan dibuang daerah di Siberia. *Duma* ketiga kemudiannya telah lebih menampakkan sikap prokerajaan. Suasana terus juga meruncing kerana puak Liberal kiri (Kadets) di bawah pimpinan Profesor Miliukov gagal menghadapi dan menyelesaikan masalah sosioekonomi rakyat.

Pada masa kegiatan pemulihan ini dilaksanakan, puak Menshevik turut sama terlibat. Mereka mematuhi teori Marx tradisional secara jujur dan mahu melihat wujudnya dahulu satu kerajaan Liberal borjuis di Rusia. Sikap Bolshevik tidak pula begitu. Mereka pada mulanya mahu memulaukan sahaja pilihan raya *Duma*. Seterusnya, apabila mereka kemudiannya menukar sikap ini mereka bukanlah bertujuan untuk bekerjasama dengan pihak Menshevik atau kerajaan. Mereka turut serta dalam pilihan raya hanyalah dengan niat untuk memperalatkan *Duma* bagi mencapai maltamat revolusioner mereka.

Golongan Bolshevik dan Menshevik juga mengambil pendirian politik yang berlainan tentang Perang Dunia Pertama. Lenin berasa kecewa dengan sikap para sosialis dunia yang menyokong dasar perang kerajaan mereka masing-masing dan membelakangkan dasar persaudaraan sosialis sedunia. Bagi Lenin, Perang Dunia Pertama adalah peperangan kapitalis. Negara kapitalis, walaupun negara sendiri, tidak patut disokong.²⁷ Lenin menganjurkan agar kesempatan yang lahir daripada peperangan dunia itu digunakan bagi mencetuskan perang saudara di Rusia untuk menjatuhkan kerajaan Tzar. Ini akan membantu perjuangan revolusioner di Rusia. Strategi ini tidak dipersetujui oleh golongan Menshevik.

Dalam Perang Dunia Pertama ini tentera Rusia telah mengalami beberapa kekalahan, terutamanya di tangan Jerman. Struktur politik negara turut terancam. Kritik daripada pihak Liberal berterusan; demonstrasi menjadi-jadi; kekurangan makanan bertambah kerap dan askar mula menderhaka. Tzar Alexander masih enggan untuk melaksanakan dasar pemulihan. Kuasa Berikat (*Allied Forces*) mula menumpukan harapan kepada pihak Liberal di Rusia agar memikul tugas menstabilkan keadaan.

Pada 26 Februari 1917, Tzar bertindak memansuhkan *Duma*. *Duma* ingkar mematuhi arahan ini dan terus bersidang. Satu kumpulan yang dinamakan “Blok Progresif” mengambil alih kuasa kerajaan. Lantas terbentuklah sebuah Kerajaan Sementara. Dengan ini bermulalah (dengan cara yang lebih nyata daripada sebelumnya) jalan yang akhirnya membawa kepada Revolusi Rusia. Selepas ini beberapa peristiwa berlaku secara berturutan dengan pantas. Pada bulan Februari dan Mac, Blok Progresif menuntut Tzar turun daripada takhta. Kemudian Blok Progresif ini membebaskan semua tahanan politik daripada penjara. Semenjak 3 Mac, Rusia secara *de facto*, sudah menjadi sebuah republik.

Pada mulanya ahli Kerajaan Sementara ini rata-rata terdiri daripada golongan Liberal, termasuk juga mereka yang percaya kepada sistem monarki. Kabinetnya diketuai oleh Putera Lvov. Anggota lain termasuklah Profesor Miliukov (Kementerian Luar) dan

27 Lihat D. Shub 1966. *Lenin: A Biography*. Middlesex, England: Penguin Books Ltd., hlm. 177.

Kerensky, wakil golongan kiri, sebagai Menteri Kehakiman. Dalam Kerajaan Sementara ini tidak terdapat ahli sosialis, Bolshevik mahupun Menshevik.

Pada tarikh 26 Februari 1917 juga, iaitu hari tertubuhnya Kerajaan Sementara, terdapat satu lagi penubuhan pusat kuasa, iaitu satu jawatankuasa (atau majlis) pekerja dan tentera. Badan ini lebih dikenali dengan nama soviet. Beberapa buah soviet telah dibentuk dan yang terbesar ialah soviet di Petrograd (Leningrad). Soviet ini dibentuk oleh para ahli sosialis berlandaskan asas yang sudah diwujudkan pada masa Revolusi 1905. Pada mulanya soviet ini dipengaruhi dan dikuasai oleh Revolusioner Sosial. Dalam pada itu terdapat juga segolongan ahli Menshevik (dan sedikit daripada kalangan Bolshevik) yang turut terlibat.

Semenjak masa mula tertubuhnya soviet Petrograd dan Kerajaan Sementara, kedua-dua badan ini sentiasa saling saing menyaingi bagi mendapatkan sokongan rakyat. Kerajaan Sementara mewakili para Liberal serta kelas menengah dan atasan, sebaliknya, soviet pula mewakili kaum pekerja dan puak tentera. Kedua-dua pusat kuasa ini tidak berlandaskan asas undang-undang – iaitu undang-undang yang diiktiraf sebelum revolusi. Tzar pernah menurunkan tandatangannya menyokong kerajaan Putera Lvov, tetapi ahli sejarah bertelingkah pendapat tentang sama ada ia berbuat begitu selepas penurunan daripada takhta atau sebelumnya. Jika Tzar menurunkan tandatangannya sebelum turun daripada takhta maka sahlah kerajaan itu. Soviet pula terbentuk semata-mata atas daya usaha puak Revolusioner Sosial dan juga Menshevik.

PROSES PENGRAKIDALAN

Peringkat masa tubuhnya Kerajaan Sementara sehinggalah perpindahan kuasa ke tangan Bolshevik pada bulan Oktober tahun 1917, telah memperlihatkan satu proses pengradikalan arus dan kegiatan politik. Antara peristiwa yang menjadi tanda nyata kepada proses ini termasuklah penglibatan golongan sosialis dalam Kerajaan Sementara dan kejatuhan Kerajaan Sementara di tangan Bolshevik.

Pada peringkat awalnya, antara 2 Mac hingga 3 Mei, pemerintahan negara berada dalam tangan tuan tanah, borjuis konservatif dan Liberal. Soviet yang dikuasai oleh Revolusioner Sosial dan Menshevik menerima keadaan itu kerana setuju dengan saranan teori tradisional Marx. Sebaliknya, Lenin tidak menerima keadaan ini kerana dia percaya bahawa proses revolusi di Rusia boleh dipendekkan. Lenin menyatakan ini setibanya di Petrograd pada 3 April 1917. Sebelum ini dia berada dalam buangan di Finland. Pernyataan Lenin ini merupakan satu cabaran terhadap pendirian golongan Bolshevik di Rusia. Cabaran atau kritik ini, pada dasarnya, adalah serupa dengan apa yang telah diutarakannya semasa masih dalam buangan lagi.²⁸ Idea inilah yang kemudiannya terkumpul menjadi *April Theses* yang juga menyebabkan Lenin pada masa itu diselar sebagai pengikut Blanqui. Pada pokoknya, tesis Lenin ini mengatakan bahawa peperangan berlaku kerana adanya sistem kapitalis dan ia hanya boleh ditamatkan jika sistem kapitalis itu sendiri dimusnahkan. Untuk menghasilkan matlamat ini proletariat perlu mengambil alih kuasa pemerintahan. Di Rusia, tugas ini boleh dijalankan oleh para perwakilan dari

28 Liebman, *op. cit.*, hlm. 127.

soviet. Untuk menekankan tahap dan dasar baru ini, Lenin menukarkan nama Parti Demokratik Sosial kepada Parti Komunis. Tentang sikap sederhana partinya sendiri, Lenin berkata, "... di sini kita nampaknya takut kepada diri kita sendiri".²⁹

Seorang pemimpin Bolshevik pada masa ini, Sukhanov, menekankan bahawa "secara intelektualnya [Lenin] betul-betul tersisih, bukan hanya di kalangan para Demokrat Sosial umumnya tetapi juga di kalangan pengikutnya".³⁰ Seorang lagi ahli Bolshevik, Alexandra Kollontai, merekodkan pada 4 April, "Saya seorang sahajalah yang menyokong pendapat Lenin menentang deretan para Bolshevik yang keraguan".³¹ Isteri Lenin, Krupskaya, memberitahu seorang rakannya, "Saya khuatir nampaknya Lenin seolah-olah sudah menjadi gila".³²

Penyisihan ini dapat diatasi oleh Lenin dalam jangka masa yang amat singkat. Pada 14 April, dasar Lenin yang boleh dirumuskan dengan slogan "Mansuhkan Kerajaan Sementara!", telah diterima oleh para Bolshevik dalam persidangan pertubuhan Bolshevik di Petrograd dengan tiga puluh tujuh undi menyokong dan hanya tiga undi menentang. Dasar menentang Kerajaan Sementara ini kemudiannya disahkan di peringkat kebangsaan yang diadakan pada 24 April. Satu resolusi penting dalam persidangan ini yang menganjurkan usaha keras untuk membiakkan kesedaran kelas golongan proletariat, mengecam segala bentuk sokongan terhadap Kerajaan Sementara dan menyokong slogan "serahkan semua kuasa pada soviet" telah diluluskan dengan undian yang hampir menyeluruh oleh 133 para perwakilan yang berhak mengundi.³³ Terdapat hanya dua undi menentang sementara tujuh orang perwakilan berkecuali. Satu lagi resolusi, iaitu yang menentang sebarang bentuk kerjasama dengan parti Demokratik Sosial, Menshevik dan lain-lain juga diluluskan dengan undi yang hampir menyeluruh.

Pengradikalan yang merubah iklim politik yang terdapat pada peringkat awal pemerintahan Kerajaan Sementara ini berlaku apabila kerajaan itu sendiri menampakkan ketidakupayaannya untuk memerintah. Pada 3 Mei, ia telah membawa masuk golongan sosialis sederhana ke dalam badan pemerintah. Jadi, Kerajaan Campuran Kedua yang tertubuh itu merupakan satu gabungan antara puak Liberal (iaitu *Constitutional Democrats* atau *Kadets*) dengan Menshevik serta Revolusioner Sosial. Pengwujudan gabungan ini boleh disifatkan sebagai pengakuan *Kadets* tentang kelemahan mereka sendiri. Puak sosialis mendapat mandat daripada soviet untuk menyertai Kerajaan Sementara, tetapi dengan ini para Revolusioner Sosial telah mula pula dicurigai oleh kaum tani. Para petani mula curiga kerana pembahagian tanah tidak dikendali dengan pantas, walaupun golongan Revolusioner Sosial sudah terlibat dalam pemerintahan negara. Keadaan ini diperguna oleh Lenin bagi kepentingan partinya. Lenin mula melaungkan slogan: "Serahkan semua kuasa kepada soviet" dengan lebih lantang. Semangat rakyat telah diperapi-apikan. Ekoran daripada ini, tercetuslah apa yang dinamakan Hari-hari Julai.

29 Lihat Shub, *op. cit.*, hlm. 221–225; dan juga M. Liebman (terj. A.J. Pomerans), 1970. *The Russian Revolution*. New York: Random House, hlm. 132–133 dan hlm. 136.

30 M. Liebman, *Leninism Under Lenin*, hlm. 129.

31 *Ibid.*, hlm. 130.

32 *Ibid.*, hlm. 129.

33 *Ibid.*, hlm. 133. Terdapat juga sumber-sumber lain yang menyatakan bahawa jumlah pengundi ini bukannya 133 tetapi 149 dan 150. Lihat *ibid.*, hlm. 132.

HARI-HARI JULAI

Pada awal bulan Julai tahun 1917, sekitar satu juta penunjuk perasaan berarak di Petrograd. Kerajaan Sementara hampir dapat dilumpuhkan dan golongan Menshevik dan Revolusioner Sosial dirasuk panik. Namun Kerajaan Sementara, dengan bantuan daripada majoriti di soviet, berjaya menumpaskan kebangkitan ini. Parti Bolshevik dituduh bertanggungjawab mencetuskan kebangkitan ini, walaupun ia pada mulanya cuba menghalang para proletariat mengadakan demonstrasi besar-besaran. Akibat daripada tuduhan ini, Parti Bolshevik telah betul-betul didera oleh Kerajaan Sementara. Dalam tindakan balas Kerajaan, ratusan orang cedera dan para pemimpin Bolshevik, termasuk Trotsky dan Kamanev, dipenjarakan. Lenin sekali lagi lari ke Finland untuk mengelakkan diri daripada ditangkap.

Lenin membuat rumusan yang amat radikal terhadap peristiwa Hari-hari Julai ini. Pada 10 Julai, Lenin menulis satu artikel menafikan dan memansuhkan dasar atau strategi yang masih mengambil kira jalan damai. Lenin mengisytiharkan bahawa,

“Segala harapan untuk mengendalikan Revolusi Rusia secara damai kini hancur buat selama-lamanya. Inilah dia keadaan objektif sekarang: sama ada kemenangan mutlak bagi pihak kediktatoran ketenteraan, atau kemenangan bagi kebangkitan bersenjata kaum pekerja.”³⁴

Lenin menegaskan lagi,

“Janganlah kita melayani khayalan bahawa kita akan menempuh jalan untuk mencapai perlembagaan dan republik dengan penuh kedamaian”³⁵

Pendirian Lenin ini amat berbeza dengan pendirian para Bolshevik yang lain. Hari-hari Julai bukannya tambah meradikalkan mereka, tetapi sebaliknya menjadikan mereka serik. Kesan yang berbeza ini mewarnai reaksi mereka masing-masing terhadap kemunculan anasir Bolshevik sebagai anasir majoriti di soviet Petrograd dan Moscow pada bulan September. Dari Finland, Lenin menulis,

“Para Bolshevik, setelah mencapai kedudukan majoriti dalam soviet Perwakilan Pekerja dan Tentera di kedua-dua ibu kota, boleh dan mesti meragut kekuasaan negara ke dalam genggaman mereka.”³⁶

Jika tidak,

“Sejarah tidak akan mengampuni kita sekiranya kita tidak mengambil alih kuasa sekarang.”³⁷

Jawatankuasa Pusat Bolshevik tercengang menerima perutusan daripada Lenin ini.

34- *Ibid.*, hlm. 136

35 *Ibid.*

36 *Ibid.*

37 *Ibid.*, hlm. 136–137.

Mereka merasa bingung dengan sikap Lenin yang menurut sangkaan mereka begitu mudah melupakan peristiwa pahit Hari-hari Julai.

“‘Barangkali’, kata Bukharin (yang pada masa itu tergolong ke dalam sayap kiri Parti Bolshevik), ‘dalam sejarah parti kami, hanya pada masa ini sahajalah pernah Jawatankuasa Pusat mengambil keputusan untuk membakar surat komrad Lenin’.”³⁸

Jawatankuasa Pusat bukan sahaja dikekang oleh perasaan serik tetapi juga masih diselubungi oleh keraguan. Apa yang dilihat oleh Lenin sebagai peluang dianggap oleh mereka sebagai perangkap nyata. Bukharin menerangkan bahawa,

“Walaupun kami percaya penuh bahawa di Petersburg (Petrograd) dan Moscow kami boleh berjaya merampas kuasa, kami mengandaikan bahawa kami masih tidak lagi berupaya untuk bertahan, iaitu selepas merampas kuasa, ... kami tidak berupaya untuk bertahan di bahagian Rusia yang lain.”³⁹

KEBANGKITAN KORNILOV

Sebagai tindak balas kepada peristiwa Hari-hari Julai berlakulah pula satu kebangkitan puak sayap kanan di bawah pimpinan Karnilov. Kebangkitan ini juga ditumpaskan. Walau bagaimanapun, segala peristiwa ini menjejaskan kedudukan Kerajaan Campuran. Ia nampaknya kian terancam. Golongan sosialis cuba menyelamatkan Kerajaan Campuran dengan menubuhkan satu pemerintahan baru di bawah Kerensky. Pada masa ini para pekerja dan juga golongan kelas menengah sudah tidak bersetuju lagi dengan pemerintahan Putera Lvov. Dengan kemunculan Kerensky, pemerintahan Putera Lvov pula berakhir. Pada masa ini juga kelas menengah/borjuis berpecah dua. Satu puak, yang sudah kurang pengaruhnya, mahukan kerjasama dengan golongan sosialis menengah dikekalkan. Puak yang lain pula mahu menumpaskan kekuasaan soviet dan menyokong tindakan Karnilov yang berhaluan kanan. Puak kedua ini lebih kuat dan berpengaruh daripada puak yang pertama.

Percubaan golongan sosialis untuk menyelamatkan Kerajaan Campuran gagal. Akhirnya, kedua-dua parti dalam Kerajaan Campuran telah masing-masing menarik diri daripada badan pemerintah. Pihak Liberal borjuis menarik diri kerana mereka bersimpati dengan pergerakan Karnilov. Sementara puak sosialis menengah pula meninggalkan Kerajaan Campuran kerana menyalahkan Kerensky bersabit dengan peristiwa kebangkitan atau revolusi balas yang dikendalikan oleh Karnilov.

Setelah kedua-dua puak ini menarik diri, Kerensky membentuk pula sebuah kabinet kecil. Kedudukannya nampak terus terancam. Dalam tindakannya menumpaskan Karnilov dahulu, dia telah mendapat pertolongan daripada golongan Bolshevik. Kini golongan Bolshevik sudah memperoleh majoriti di soviet Petrograd. Oleh itu, mereka mempunyai kedudukan yang baik bagi mengkritik dasar kerajaan tanpa mereka mendedahkan diri kepada sasaran kritik. Mereka tidak terdedah kepada sasaran kritik kerana mereka tidak

38 *Ibid.*

39 *Ibid.*

mengendalikan urusan negara.

Golongan sosialis menengah yang keluar daripada Kerajaan Sementara terus bergiat di luar soviet dan cuba bekerjasama dengan puak Liberal borjuis. Ekoran daripada ini Kerajaan Campuran Ketiga telah ditubuhkan. Ada ahli sejarah yang mengatakan bahawa Kerajaan Campuran atau Kerajaan Sementara ini menampakkan beberapa ciri kelemahan, atau ketidaktegasan, yang membolehkan puak Bolshevik merampas kuasa dengan senang. Komponen dalam Kerajaan Sementara ini dikatakan tidak berjaya, atau tidak berani, menjawab cabaran semasa. Puak Liberal (*Kadets* dan lain-lain) mahu mengelakkan reformasi sistem pemilikan tanah pertanian secara radikal. Puak sosialis menengah pula, walaupun mereka menganjurkan program reformasi tanah, tidak mahu program ini dilancarkan pada masa negara menghadapi perang. Pertimbangan mementingkan kestabilan ini jugalah yang menyebabkan parti-parti dalam Kerajaan Sementara mahu menangguhkan pilihan raya dan pembentukan Dewan Perwakilan. Puak Liberal takut persidangan Dewan Perwakilan pada masa revolusi/perang akan menjadi radikal. Ini tentu tidak bersesuaian dengan falsafah politik mereka. Sementara itu pula, puak Menshevik bersetuju mengorbankan Dewan Perwakilan yang selama ini merupakan sesuatu yang mereka sentiasa idam-idamkan demi menyelamatkan Kerajaan Campuran. Kerajaan Campuran yang berunsur Liberal borjuis adalah satu-satunya yang mereka fikirkan perlu dalam proses jangka panjang pembentukan masyarakat sosialis di Rusia. Sistem kapitalis terpaksa diwujudkan dahulu di Rusia dan setelah sistem itu sampai ke puncak perkembangannya baharulah tiba masa yang sesuai untuk mencetuskan revolusi.

Sikap para Menshevik menunggu keadaan menjadi sesuai ini memang tidak menghairankan kerana falsafah politik mereka diasaskan kepada teori Marx tradisional. Yang agak menghairankan ialah kenapa para Bolshevik yang berada di Rusia pada masa berlakunya segala krisis sebelum Revolusi Oktober 1917 juga menganut sikap yang mirip kepada pendirian Menshevik? Betul para Bolshevik memang terlibat dalam merancang dan mengendalikan mogok para pekerja pada masa ini, tetapi mereka enggan mencetuskan keadaan yang lebih revolusioner daripada itu. Misalnya, walaupun para Bolshevik merupakan golongan yang terpenting yang terlibat dalam pengendalian mogok umum pada 25 Februari 1917, mereka jugalah merupakan golongan yang mempersoalkan kewajaran menubuhkan soviet di Petrograd. Kesederhanaan pendirian para Bolshevik di Rusia kelihatan lagi dalam peristiwa kebangkitan para petani pada bulan September tahun 1917. Apabila para penunjuk perasaan menuntut agar mereka dibekalkan dengan senjata, para pemimpin Bolshevik tidak melayani tuntutan mereka.⁴⁰

Kebangkitan para petani yang merebak di desa-desa pada bulan September itu juga tidak menukar sikap Jawatankuasa Pusat Parti Bolshevik. Sikap pasif begini dianggap oleh Lenin sebagai pengkhianatan nyata terhadap golongan proletariat dan petani. Lenin dalam suratnya bertarikh 27 September, telah mengherdik keras Jawatankuasa Pusat. Katanya, "... (sementara) kerajaan mempunyai angkatan tentera, dan sedang bersiap sedia secara bersistem ... Kita hanya membuat resolusi. Kita kehilangan masa."⁴¹

40 *Ibid.*, hlm. 118.

41 *Ibid.*, hlm. 139.

RAMPASAN KUASA

Pada 7 Oktober, dengan menyamar sebagai mekanik, Lenin pulang ke Rusia. Dia tinggal dalam persembunyian hingga ke ambang Revolusi. Segala gerak-gerinya tertakluk kepada arahan dan pengesanan Jawatankuasa Pusat. Pada 10 Oktober, Lenin bertemu muka dengan para penentangannya dalam satu mesyuarat Jawatankuasa Pusat. Dalam mesyuarat ini, Lenin berjaya mendapatkan sokongan majoriti bagi satu resolusinya. Resolusi ini menegaskan “bahawa kebangkitan bersenjata kini tidak dapat dielakkan dan masa untuknya sudah pun betul-betul masak”. Hanya “aspek teknikal” yang masih memerlukan perhatian. Resolusi ini diluluskan dengan sokongan sepuluh undi sementara dua undi menentang. Penentangan ini datangnye daripada Zinoviev dan Kamanev.⁴² Mereka mendakwa bahawa Lenin memperkecil-kecilkan keupayaan tentera Kerajaan Sementara dan terlalu yakin pula akan kebangkitan para proletariat Eropah menyokong revolusi di Rusia. Amaran mereka disampaikan dengan kata-kata,

“Sejarah sebagai saksi, proletariat antarabangsa sebagai saksi, Revolusi Rusia dan kaum pekerja Rusia sebagai saksi, kita tidak berhak untuk memperjudikan seluruh masa depan [rakyat] dengan satu kebangkitan bersejarah”.⁴³

Zinoviev dan Kamanev nampaknya enggan mengiktiraf keputusan 10 Oktober ini. Pada keesokan harinya, mereka menghantar surat kepada badan-badan utama Parti Bolshevik menerangkan bantahan mereka. Mereka mendakwa bahawa keputusan itu tidak disokong oleh majoriti rakyat Rusia dan proletariat antarabangsa.⁴⁴

Pertikaian dalam parti ini berterusan baik di peringkat Jawatankuasa Pusat, Jawatankuasa Petrograd, Organisasi Tentera Bolshevik ataupun dalam akhbar. Peri seriusnya perbalahan ini barangkali dapat dibayangkan apabila Kamanev menyatakan kesediaannya untuk menarik diri daripada menjadi ahli Jawatankuasa Pusat. Sementara itu, Lenin pula pernah menganjurkan agar Zinoviev dan Kamanev disingkirkan sahaja daripada Parti Bolshevik.

Dalam pada itu, “masalah teknikal” yang patut diberi pertimbangan tidak juga diberi pertimbangan. Seminggu selepas keputusan itu dibuat (dan seminggu sebelum hari rampasan kuasa), tidak ada sesuatu apa pun yang tersedia. Ketua-ketua dalam Organisasi Tentera Bolshevik mahu rampasan kuasa itu ditunda. Lenin tidak mahu. Sebuah jawatankuasa kecil yang ditugaskan untuk mererangkakan dengan terperinci tindakan rampasan kuasa telah hanya dibentuk pada waktu petang 24 Oktober.

Menjelang waktu senja 24 Oktober, Lenin mengutuskan suratnya yang terakhir kepada Jawatankuasa Pusat:

“Saya menulis surat ini pada senja 24 Oktober. Keadaan sekarang adalah paling kritikal. Sebenarnya amatlah jelas sekarang bahawa melambatkan kebangkitan adalah

42 *Ibid.*, hlm. 141–142.

43 I. Deustcher, “The Russian Revolution” dalam C.L. Mowat (ed.) 1968. *The New Cambridge Modern History, Vol. XII The Shifting of Balance of World Forces, 1895–1945*. Cambridge University Press, hlm. 426.

44 M. Liebman, *Leninism Under Lenin*, hlm. 142.

menempah maut. Dengan segala kekuatan saya, saya menggesa para komrad untuk sedar bahawa segalanya kini tergantung di hujung seutas benang; bahawa kita kini berdepan dengan masalah yang tidak akan dapat diselesaikan menerusi persidangan atau kongres (baik pun kongres seluruh Soviet), tetapi hanya oleh rakyat, oleh orang ramai, melalui perjuangan rakyat yang bersenjata.”⁴⁵

Pada malam itu juga para menteri Kerajaan Sementara mengambil keputusan mengarahkan penutupan dua pejabat akhbar Bolshevik. Ahli Bolshevik yang bertanggungjawab tentang urusan kebangkitan terus melawan. Maka, tercetuslah Revolusi Rusia, Revolusi Oktober 1917. Lenin, kebetulan pula mengingkari larangan Jawatankuasa Pusat dan telah pergi ke Markas Soviet Petrograd dan Jawatankuasa Revolusioner Militer, iaitu di Institut Smolny.

Pada malam revolusi ini, Pengawal Merah (*Red Guards*) di bawah pimpinan Trotsky merampas ibu sawat telefon, stesen-stesen kereta api, ibu pejabat pos dan bangunan penting yang lain di Petrograd. Tidak ada pertumpahan darah berlaku. Namun tembak-menembak berlaku di istana apabila kabinet menteri yang mengadakan sidang tergempar di situ enggan menyerah diri kepada Pengawal Merah, tentera Bolshevik dan segerombolan tentera laut yang mengepung mereka. Mereka akhirnya ditawan juga walaupun Kerensky telah lepas lari terlebih awal.

Di Moscow, berbeza daripada di Petrograd, para pemberontak Bolshevik menghadapi tentangan. Ini agak menyulitkan mereka sehingga satu gencatan senjata terpaksa dipersetujui buat tiga hari pertamanya. Para tentera di Moscow, walaupun tidak menyokong Kerensky, juga tidak menyokong Lenin. Soviet tentera di Moscow secara keseluruhannya adalah anti-Bolshevik, berjaya juga merampas kuasa apabila para pemimpin Bolshevik menghantar bantuan tentera ke Moscow. Ramai juga orang yang cedera di Moscow, tetapi secara keseluruhannya rampasan kuasa oleh Bolshevik tidak melibatkan pengorbanan nyawa yang banyak.⁴⁶ Pernah dinyatakan, “Para Bolshevik bukannya telah merampas Bahtera Negara, mereka menaiki kapal yang terkandas.”⁴⁷ Cabaran hebat yang terpaksa dihadapi oleh Bolshevik ialah selepas rampasan kuasa, bukan semasa merampas kuasa. Selepas rampasan kuasa jugalah lahirnya peringkat ganas dalam Revolusi Rusia yang boleh dibandingkan dengan fenomena yang sama dalam Revolusi Perancis.

KETOKOHAN LENIN

Jadi, dalam konteks politik yang terdapat di Rusia pada masa itu, kesediaan Lenin untuk mengambil keputusan yang bercanggah bukan hanya dengan pendapat pihak lawan, tetapi juga pihak kawan seperjuangannya, tentu boleh dilihat sebagai pencerminan kepada satu keazaman yang kuat. Dia bersedia untuk memanfaatkan atau menyesuaikan sesuatu keadaan untuk tujuan politiknya. Lenin nampaknya tidak hanya berpuas hati menunggu keadaan menjadi sesuai.

45 *Ibid.*, hlm. 146.

46 Lihat J.N. Westwood 1973. *Endurance and Endeavour: Russian History 1812–1927*. London: Oxford University Press, hlm. 244–245.

47 Pernyataan oleh D. Mitchell pada tahun 1919. Lihat petikan dalam *Conquest, op. cit.*, hlm. 90.

Pada masa huru-hara merebak sebelum Revolusi Oktober 1917, Lenin masih berada dalam buangan di Finland. Dia hanya kembali semula ke Rusia setelah “diseludupkan” melalui kawasan musuh, iaitu Jerman. Faktor ini nampaknya tidak menjadi penghalang untuk dia menilai keadaan dan seterusnya mempergunakan keadaan itu. Hujah bahawa Lenin memang sudah mahir dengan masyarakat dan keadaan Rusia memang boleh diutarakan. Seterusnya, hujah bahawa seseorang yang sudah terpisah buat sementara waktu daripada sesuatu keadaan tentu akan dapat melihat dan menilai keadaan itu dengan lebih baik daripada seseorang yang tidak pernah berpisah daripadanya juga boleh diketengahkan. Dengan hujah begini, ketangkasan tindakan Lenin tidak kelihatan sebagai sesuatu yang luar biasa. Namun jika andaian bahawa orang yang terlerai daripada sesuatu keadaan itu mungkin menjadi kian terasing daripadanya juga diterima, seperti andaian bahawa orang yang berdamping rapat dengan sesuatu keadaan itu tidak semestinya tidak berupaya menilai keadaan sekelilingnya secara kritis juga boleh diterima, maka tentu unsur ketokohan (Lenin) itu terpaksa juga diterima sebagai sesuatu yang penting.

Memang pernah dikatakan bahawa kejayaan Lenin mengatasi tentangan daripada para “Bolshevik lama” pada bulan April berpunca daripada kemasukan ahli baru ke dalam Parti Bolshevik. Ahli baru yang membanjiri Parti Bolshevik ini telah menjejaskan pengaruh “Bolshevik lama”. Para “Bolshevik baru” tidak terikat dengan teori tradisional Marx. Mereka ini, yang kian merasa hampa terhadap pemerintahan Kerajaan Sementara, mudah menjadi penyokong Lenin. Ini, misalnya, sedia diakui oleh Marcel Liebman. Tetapi Liebman juga menegaskan bahawa kenyataan ini tidak pula sebenarnya memperkecilkan sumbangan peribadi Lenin. Malahan Liebman percaya faktor ketangkasan peribadi Lenin adalah faktor yang amat penting dalam kejayaannya pada bulan April. Liebman mengatakan bahawa,

“Kejayaan Lenin, satu kecemerlangan yang bersejarah [dan] menghasilkan akibat yang jitu, sudah tentu berpunca daripada keperibadian Lenin yang luar biasa, kerana kedudukannya, di kalangan para Bolshevik sahaja tidak boleh menghasilkannya.”⁴⁸

Untuk menguatkan hujahnya tentang kepentingan peribadi Lenin, Liebman memetik pernyataan semasa yang dibuat oleh Sukhanov. Sukhanov mengakui bahawa Lenin mempunyai “kekuatan [peribadi] yang menakjubkan” serta “tenaga menyerang [lawan] yang luar biasa”.⁴⁹

Para sarjana lain juga turut menekankan kepentingan peribadi Lenin sebagai satu faktor penting dalam pencetus dan pengendalian Revolusi Rusia. Carr, misalnya, merumuskan bahawa “Kejayaan Parti nampaknya berpunca, secara keseluruhannya, daripada kejayaan Lenin mempengaruhinya [parti] secara konsisten dan menarik rakan-rakannya yang sering teragak-agak.”⁵⁰ Fischer pula mengatakan bahawa, “Keagungannya [Lenin] terletak pada keupayaan untuk mengenali kesempatan dan memanfaatkannya. Oleh itu, dia seorang oportunis agung.”⁵¹ Robert Conquest, yang juga mengakui kehebatan

48 M. Leibman, *Leninism Under Lenin*, hlm. 134.

49 *Ibid.*

50 Seperti yang dipetik dalam L. Fischer 1964. *The Life of Lenin*. New York: Harper & Row Publishers, hlm. 150.

51 *Ibid.*, hlm. 150.

pengaruh Lenin terhadap Revolusi Rusia, pernah memetik pernyataan A.N. Potresnov, seorang revolusioner yang hidup semasa Lenin. Dalam ingatannya tentang Lenin beberapa tahun kemudian, Potresnov mengatakan bahawa,

“Tiada sesiapa yang boleh mempengaruhi orang ramai begitu mendalam dengan rancangannya, menakjubkan mereka dengan keteguhan azamnya, dan kemudian memikat mereka dengan peribadinya seperti orang ini, yang pada pandangan pertama nampak begitu lemah dan kasar, dan secara zahirnya, tidak pun mempunyai unsur yang boleh menimbulkan gaya peribadi yang menarik. Plekhanov, atau Martov atau sesiapa yang lain pun tidak mempunyai kerahsiaan pengaruh hipnotis terhadap ... orang ramai, yang dipancarkan oleh Lenin. Hanya Lenin, selaku ketua, dipatuhi tanpa soal ... kerana hanya Lenin merupakan fenomena yang luar biasa itu, khususnya di Rusia – seorang yang mempunyai semangat waja dan usaha yang tidak mengenal kalah, berupaya untuk menerapkan kepercayaan fanatik ke dalam pergerakan dan perjuangan, dan mempunyai kepercayaan yang serupa terhadap dirinya sendiri. Pada suatu masa, saya juga mengagumi kekuatan azam Lenin yang nampaknya menjadikannya sebagai ‘pemimpin yang sudah terpilih’.”⁵²

PERINGKAT AWAL REVOLUSI

Dalam menggambarkan pemerintahan Bolshevik, Westwood mengatakan bahawa,

“Apabila barisan pembangkang mengambil alih kuasa, sama ada menerusi revolusi atau pilihan raya, ia selalunya gagal untuk mengamalkan apa yang ia sarankan; kenyataan [yang dihadapi dalam] pemerintahan mengatasi teori dan slogan lama.”⁵³

Menerusi Revolusi Rusia, Lenin dan para Bolshevik mengharapkan hasil jangka pendek dan juga hasil jangka panjang. Hasil jangka pendek ini merupakan tuntutan yang kerap mereka laungkan semasa Kerensky masih berkuasa. Antara tuntutan mereka pada masa itu terkandung dalam slogan “Roti, kedamaian dan kebebasan” dan “serahkan kuasa kepada Soviet”. Mereka juga menuntut agar pilihan raya bagi Dewan Perwakilan disegerakan. Dalam jangka panjangnya pula, mereka berazam untuk mewujudkan di Rusia satu masyarakat komunis, selepas terbentuknya “kediktatoran proletariat”, “negara akan luntur lenyap”.

Setelah merampas kuasa golongan Bolshevik cuba memenuhi janji jangka pendeknya. Ia berusaha untuk mendapatkan sokongan dari Soviet se-Rusia. Ini telah diperoleh apabila Trotsky hadir di Kongres Soviet-Soviet se-Rusia pada 26 Oktober. Di kongres ini, perwakilan Bolshevik hanya berupaya memperoleh undi majoriti berlandaskan sokongan daripada golongan sayap kiri Revolusioner Sosial. Golongan sederhana Revolusioner Sosial dan Menshevik meninggalkan Kongres ini sebagai tanda bantahan mereka terhadap rampasan kuasa oleh Bolshevik. Tindakan ini hanya mendapat ejekan daripada Trotsky. Trotsky dan Bolshevik tidak mempedulikan cemuhan orang lain. Mereka sekarang mahu mengukuhkan kuasa.

52 R. Conquest 1972. *Lenin*. Glasgow: Fontana/Collins, hlm. 28.

53 Westwood, *op. cit.*, hlm. 246.

Pada peringkat permulaan Revolusi, semangat dan juga hasrat di sebalik slogan “serahkan kuasa kepada soviet” nampak terpelihara. Selepas bulan Oktober tahun 1917, begitu banyak sekali soviet ditubuhkan terutama di desa-desa. Sebelum revolusi, soviet hanya merupakan fenomena yang terdapat di bandar-bandar. Soviet pada masa ini bertindak pantas dan meluas dalam bidang pemilikan pentadbiran, pemilikan industri, kehakiman, perumahan, tanah dan pertanian. Misalnya, hasil daripada inisiatif soviet tempatan lebih kurang empat ratus perusahaan telah dimiliknegerakan sebelum bulan Jun tahun 1918. Ini adalah peratus yang tinggi memandangkan jumlah perusahaan yang dimiliknegerakan pada masa itu adalah lima ratus lebih sahaja. Pihak pemerintah sebenarnya masih cuba mengelakkan kegiatan memiliknegerakan perusahaan dan ia hanya menjadi dasar umum kerajaan pada bulan Jun tahun 1918.

Pada tahap permulaan revolusi, puluhan ribu para pekerja di peringkat daerah dan tempatan telah melibatkan diri dalam proses pentadbiran negara, walaupun kadang kala keputusan yang mereka ambil bercanggah nyata dengan dasar kerajaan pusat. Tindakan mereka ini disetujui oleh pihak pemerintah dan menggembirakan Lenin. Sepucuk surat pekeliling dari Komisar Rakyat (Menteri) bagi Hal Ehwat Dalam Negeri bertarikh 5 Januari mengisytiharkan bahawa semua soviet tempatan kini dibekalkan dengan segala kuasa yang dipunyai oleh pihak pentadbiran sebelumnya. Surat ini menambah, “seluruh negara mestilah dipenuhi dengan satu rangkaian soviet baharu.”⁵⁴ Lenin, semasa berucap di Kongres Kedua Soviet-Soviet se-Rusia berkata, “Kita mesti memperuntukkan kebebasan seluas-luasnya kepada bakat kreatif rakyat jelata.”⁵⁵ Sikap ini diteruskan sepanjang bulan November dan juga selepas itu. Dasar ini jelas disuarakan oleh Lenin,

“Kegiatan kreatif pada peringkat rakyat jelata adalah faktor asas kepada kehidupan awam yang baharu ... Sosialisme tidak boleh diisytiharkan daripada atas. Jiwanya menentang pendekatan birokratik yang mekanikal; sosialisme yang hidup dan kreatif adalah penghasilan rakyat jelata sendiri.”⁵⁶

Sikap menaruh kepercayaan yang tinggi terhadap kebaikan dan keupayaan rakyat jelata ini pernah dicerminkan oleh Lenin dalam penulisannya, *State and Revolution* dengan kata-kata,

“... setiap para pekerja dan petani biasa yang tahu membaca dan menulis, yang boleh menilai manusia dan mempunyai pengalaman amali, adalah berupaya mengendalikan kerja organisasi.”⁵⁷

Lenin tidak mahu kerja pentadbiran dimonopoli oleh golongan borjuis. Dia menyatakan impian sosialisnya,

“Matlamat kita ialah untuk menerapkan *seluruh ahli golongan miskin* ke dalam tugas praktikal pentadbiran, ... untuk memastikan *setiap* buruh, setelah menghabiskan ‘kerja’ lapan jamnya dalam usaha pengeluaran, akan mengendalikan kerja negara tanpa bayaran.”⁵⁸

54 M. Liebman, *Leninism Under Lenin*, hlm. 218.

55 *Ibid.*, hlm. 219.

56 *Ibid.*

57 *Ibid.*

58 *Ibid.*

Sentimen begini adalah senada dengan optimisme Marx tentang peri mudah dan murninya masyarakat komunis berbanding dengan masyarakat perindustrian kapitalis yang dibencinya. Inilah gambaran masyarakat impian komunis yang terdapat dalam penulisan Marx, *The German Ideology*,

Dalam masyarakat komunis, yang tiada seorang pun mempunyai lapangan aktiviti yang khusus, tetapi setiap orang boleh menjadi mahir dalam mana-mana bidang yang dikehendakinya, masyarakat akan [dengan sendirinya] mengatur pengeluaran umum, dan oleh sebab itu, ia membolehkan saya berbuat sesuatu pada hari ini dan sesuatu yang lain pula pada hari esok, berburu pada waktu pagi, memancing pada waktu petang, mengembala lembu pada waktu senja, mengkritik selepas makan malam, seperti yang saya cita-citakan, tanpa saya sendiri kekal menjadi pemburu, pemancing, gembala atau pengkritik.”⁵⁹

Pendeknya, pada masa permulaan Revolusi Rusia, tindakan spontan golongan proletariat nampaknya jelas berpadu dengan sikap optimis para pemimpin Bolshevik sendiri. Memandangkan hal ini, tidak hairanlah jika ada orang yang mengatakan bahawa peringkat ini ialah peringkat “berbulan madu”.⁶⁰

BREST-LITOVSK, TANAH DAN PILIHAN RAYA

Satu lagi matlamat jangka pendek revolusi ialah mewujudkan kedamaian. Untuk mencapai tujuan ini, Lenin telah menandatangani Perjanjian Brest-Litovsk pada 3 Mac 1918, iaitu selepas dia berjaya mengatasi penentangan hebat dari dalam partinya sendiri. Penentangan ini dan juga rasa terperanjat rakyat Rusia dapat dimengertikan kerana kedamaian terpaksa “dibeli” dengan sebahagian luas jajahan negaranya di bahagian barat. Rusia terpaksa menyerahkan kawasan itu kepada Jerman.

Di samping memenuhi janji, Lenin mempunyai perhitungannya yang lain. Menurut perhitungan Lenin, tentera Rusia yang sudah berpecah belah dan kurang bersemangat pada masa itu tidak mungkin berupaya melawan tentera Jerman. Seterusnya, jika semangat yang berapi-api dapat ditimbulkan di kalangan para tentera, maka ini mungkin pula akhirnya akan membahayakan kedudukan Bolshevik yang memonopoli kuasa di Rusia. Jadi, menurut Lenin, langkah lain boleh melibatkan kejatuhan serta-merta kuasa Bolshevik, sementara Perjanjian Brest-Litovsk hanya menempatkan Rusia dalam keadaan yang amat bahaya dan genting sahaja.⁶¹

Walau bagaimanapun, dasar damai ini amat popular di kalangan tentera. Menurut Fisher, faktor inilah yang menolong Parti Bolshevik mendapat undi yang begitu banyak di kota seperti Petrograd dan Moscow. Para soldadu yang pulang, yang telah jenuh menanggung beban peperangan, menjadi ahli propaganda yang amat ghairah bagi calon Bolshevik. Oleh sebab ini juga rakyat yang tinggal di daerah-daerah pedalaman yang berhampiran dengan jalan kereta api dan sempat dijelajahi oleh ahli tentera memilih wakil-

59 Seperti yang dipetik dalam E.H. Carr, *1917: Before and After*, hlm. 78.

60 Lihat M. Liebman, *Leninism Under Lenin*, hlm. 218. Gambaran ini diberi oleh Alfred Meyer.

61 Conquest, *op. cit.*, hlm. 94–85.

wakil Bolshevik. Propaganda tentera berkesan juga nampaknya. Sebaliknya, di daerah-daerah lain pengaruh Revolusioner Sosial begitu menebal sekali. Arahan untuk menggunakan para soldadu bagi tujuan propaganda ini datangnya daripada Lenin sendiri. Pada 10 Oktober 1917 Lenin, misalnya, telah menulis surat kepada I.T. Smilga, seorang Bolshevik bangsa Finland, tentang hal ini. Lenin mengatakan bahawa,

“Tentunya, pelepasan patut diberi kepada ahli tentera darat dan laut. Mereka yang pulang ke desa dalam cuti patut dikerah sebagai satu pasukan propaganda untuk mengunjungi daerah-daerah secara bersistem dan juga untuk menjalankan propaganda secara am di desa-desa bagi [pilihan raya] Dewan Perwakilan.”⁶²

Kebetulan pula tindakan mengadakan pilihan raya umum ini juga merupakan satu langkah memenuhi janji. Pada masa Kerensky mengetuai Kerajaan Sementara dahulu golongan Bolshevik begitu lantang menggesa Kerensky mengadakan pilihan raya umum. Sebelum Kerensky disingkirkan, dia sudah pun membuat jadual untuk mengadakan pilihan raya tersebut. Oleh sebab itu, Trotsky mengatakan kepada Lenin bahawa jika rancangan untuk mengadakan pilihan raya umum dimansuhkan maka satu reaksi yang tidak diinginkan mungkin timbul.

Seterusnya, bagi mendapatkan sokongan rakyat, Lenin, juga melaksanakan pembahagian tanah. Dikri Tanah yang diistiharkan pada permulaan revolusi membahagikan tanah di kalangan golongan petani. Kerja pembahagian yang dilakukan oleh soviet-soviet desa ini sebenarnya hanya merupakan tindakan merasmikan apa yang sudah pun dilakukan oleh para petani sendiri. Sebelum ini, para petani telah pun bertindak mengambil alih pemilikan tanah di desa.

Dasar memberi hak milik tanah kepada orang perseorangan ini bercanggah dengan dasar Bolshevik atau komunis. Pada asasnya, dasar ini adalah dasar golongan Revolusioner Sosial. Seratus lima puluh juta *dessyatin* tanah para petani kaya, atau *kulaks*, telah dibahagi kepada para petani miskin. Menurut Deutscher, faktor ini juga kemudiannya menyebabkan para petani miskin menolong Bolshevik dalam Perang Saudara di Rusia. Mereka bimbang tentang kepulangan semula tuan tanah. Dalam konteks beginilah Deutscher berhujah bahawa Lenin dan Troksky telah menyogok para petani dengan tanah.⁶³

Dalam pilihan raya yang diadakan pada 24 November, 25 November dan 26 November 1917, kekhuatiran Lenin menjadi nyata. Parti Bolshevik tidak berjaya mendapat kerusi majoriti dalam Dewan Perwakilan. Parti Revolusioner Sosial telah mendapat 410 kerusi daripada jumlah kerusi sebanyak 780. Parti Bolshevik mendapat 175 kerusi; Menshevik 16; *Kadets* 17; parti-parti etnik 86 dan yang selainnya dimenangi oleh beberapa buah parti kecil. Dari sudut peratus pula, hanya 24.7 peratus daripada jumlah para pengundi telah memberi sokongan kepada Parti Bolshevik. Daripada jumlah lebih kurang 40 juta pengundi, Bolshevik hanya mendapat 8 562 358 undi berbanding dengan 17 490 837 undi yang diperolehi oleh Parti Revolusioner Sosial.⁶⁴

Sebelum Dewan Perwakilan ini bersidang, kerajaan Soviet telah menangkap

62 L. Fischer, *The Life of Lenin*, hlm. 138.

63 I. Deutscher, *op. cit.*, hlm. 430.

64 Lihat L. Fischer, *The Life of Lenin*, hlm. 138.

beberapa orang ahli perwakilan *Kadets* dan Revolusioner Sosial. Kemudian, Parti *Kadets* telah diharamkan terus dan dua orang ahli perwakilannya, F.F. Kokoshkin dan A.I. Shingarev, telah dibunuh di dalam hospital, iaitu di atas katil mereka pada 6 Januari 1918. Pada masa ini juga golongan Bolshevik menumpukan tenaga kepada kegiatan menimbulkan kekacauan untuk mencemarkan imej Dewan Perwakilan. Apabila kepercayaan para pekerja dan tentera terhadap Dewan Perwakilan nampaknya tidak juga luntur, maka Lenin memindahkan infantri dari Latvia yang kuat menyokongnya ke ibu negara. Dewan Perwakilan bersidang juga walaupun terdapat gangguan. Para perwakilan Bolshevik telah meninggalkan Dewan apabila mereka gagal untuk mendapat sokongan majoriti terhadap revolusi-revolusi mereka. Pada hari keduanya, para tentera telah menghalang para perwakilan masuk ke Dewan dan pihak kerajaan mengeluarkan arahan memansuhkan Dewan Perwakilan. Hujah atau helah Lenin ialah Dewan Perwakilan merupakan topeng kepada golongan antirevolusi. Kini wujudlah satu keadaan baru. Lenin mengatakan bahawa dalam keadaan begini, kuasa patut berada di tangan kerajaan revolusi, bukannya di tanah Dewan Perwakilan. Fischer menolak percubaan untuk mengetengahkan hujah teoritis ini. Fischer mengatakan bahawa,

“Sebabnya adalah jauh lebih mudah: golongan minoriti Bolshevik menghadapi satu golongan majoriti yang tabah tetapi tidak bersenjata. Oleh sebab itu, golongan Bolshevik telah menggunakan senjata untuk mematahkan penentangan musuh mereka.”⁶⁵

Kemudian satu perlembagaan baharu telah digubal dan ini dengan rasminya menandakan kelenyapan Dewan Perwakilan sebagai satu institusi di Rusia. Segala ini telah tidak menimbulkan penentangan yang lantang daripada kalangan rakyat Rusia. Hal yang sedemikian ini mendorong Ulam untuk mengatakan bahawa pembentukan kerajaan satu parti di Rusia adalah disebabkan oleh kelemahan yang amat sangat di kalangan para penentang Lenin. Ulam seolah-olah mencemooh sikap dan pendirian yang telah diambil oleh Revolusioner Sosial pada masa itu. Ulam menyoal tentang tindakan (atau tiadanya tindakan) Revolusioner Sosial ini:

“Adakah mereka ini sama orangnya dengan mereka yang berdekad-dekad telah memporak-perandakan Empayar Tzar dengan keganasan mereka? Kini dengan 16 juta undi dalam genggamannya, mereka dengan moyoknya bersurai dan pulang ke rumah tanpa satu tembakan dilepaskan!”⁶⁶

CHEKA

Jadi, peringkat “berbulan madu” revolusi ini tidaklah kekal lama. Jangkaan Lenin bahawa majoriti rakyat Rusia akan menyokong Revolusi Bolshevik dan ia pula akan mengakibatkan tercetusnya satu siri revolusi proletariat se-Eropah tidak menjadi kenyataan. Oleh sebab itu, Revolusi Bolshevik di Rusia terancam dan terpendil. Keadaan

⁶⁵ *Ibid.*, hlm. 140.

⁶⁶ Ulam, *op. cit.*, hlm. 398.

ini memaksa Lenin mengenakan beberapa perubahan terhadap tindakan, strategi, malah terhadap sasaran revolusi Marxis itu sendiri.

Perubahan ini, misalnya, dapat dikesan di sebalik pembentukan dan seterusnya pengendalian Suruhanjaya Luar Biasa bagi Membanteras Revolusi Balas dan Sabotaj. Institusi ini, dalam bahasa Rusia biasanya dikenali sebagai *Vecheke* atau *Cheka*, yang merupakan huruf singkatan dari nama asal badan ini. Ia telah ditubuhkan oleh Majlis Komisar Rakyat (Kabinet Menteri) pada 7 Disember 1917 di Petrograd. Pada mulanya *Cheka* hanya merupakan sebuah badan penyiasat yang tidak mempunyai kuasa kehakiman. Ia hanya dibekalkan dengan kuasa pentadbiran yang terhad, wujud di samping beberapa suruhanjaya keselamatan yang lain dan diletakkan di bawah kekuasaan langsung pihak kabinet atau *sovnarkom*. Pada sepuluh hari pertamanya, ia tidak pun mempunyai kuasa untuk menangkap pesalah. Bentuknya yang begini sesuai dengan prinsip Marxisme yang amat anti kepada unsur pengawasan dan kekuasaan negara terhadap rakyat, malah anti kepada konsep negara itu sendiri. Lenin sendiri pernah menjelaskan pendiriannya tentang hal ini. Masyarakat sosialis yang bakal lahir, katanya,

“... adalah secocok dengan penyebaran demokrasi ke khalayak majoriti amat besar rakyat sehinggalah keperluan *satu jentera khusus* bagi menyekat dan menekan akan mula terhapus ... rakyat dapat membasmi para pengeksploit ... dengan *organisasi rakyat bersenjata* berbentuk mudah (seperti Soviet Para Pekerja dan Perwakilan Para Sol-dadu ...)”⁶⁷

Cita-cita Lenin untuk menubuhkan polis dan tentera rakyat sebenarnya tidak terhasil. Menurut Maxim Gorky, ini di sebabkan revolusi Lenin tidak didukung oleh rakyat atau proletariat. Oleh itu, Maxim Gorky menyuarakan kebimbangannya tentang kemungkinan kekerasan akan digunakan terhadap rakyat.⁶⁸ Nyata bahawa harapan Lenin untuk mengelakkan satu bentuk kerajaan yang menggunakan kekerasan terhadap rakyat juga tidak berjaya. Namun begitu, Lenin membela kekerasan yang digunakannya berdasarkan kepentingan rakyat sendiri. Bagi Lenin, keganasan revolusi hanya digunakan terhadap “musuh rakyat”. Dalam keganasan yang kemudiannya berleluasa *Cheka* telah memainkan peranan penting. Pada bulan Mac tahun 1918, *Cheka* telah memonopoli segala urusan menentang revolusi balas, spekulasi ekonomi dan penyalahgunaan kuasa dan media. Pada pertengahan tahun 1918, orang tidak lagi ditangkap oleh *Cheka* secara berasingan tetapi secara kumpulan dan secara meluas. Pada tahun ini, *Cheka* sudah mempunyai cawangan di segala tempat yang dikuasainya. Anggota *Cheka* diarah agar mempertahankan revolusi menurut “rasa hati revolusi” mereka. “Secara praktiknya”, kata Westwood, “ia menangkap dan kadangkala menembak dengan sewenang-wenangnya sesiapa sahaja yang dianggap

67 V.I. Lenin 1971. *Selected Works: One-Volume Edition*. New York: International Publishers, hlm. 328–329.

68 M. Lieberman, *Leninism Under Lenin*, hlm. 313. Dalam *Revolt of The Slaves*, Gorky menulis, “Satu bangsa yang dibentuk menerusi pendidikan yang dengan cara amat kasar sekali tertumpu kepada keganasan jahanam, diasuh dengan tumbukan buku lima, dengan rotan dan cemeti, tidak akan boleh mempunyai hati yang lembut. Satu bangsa yang sudah dilanyak oleh polis akan berupaya pula melanyak manusia lain”. *Ibid.*, hlm. 312–313. Maxim Gorky, seorang revolusioner sosialis sayap kiri, amat kerap mengkritik tindakan Lenin menyekat kebebasan dan menahan para aktivis politik. Lihat juga L. Fischer, *Life of Lenin*, Bab XXIII, hlm. 320–329.

merbahaya.”⁶⁹ Pada penghujung tahun 1918, akhbar pemerintah, *Pravda*, memuatkan panduan bertindak yang dikeluarkan oleh seorang pegawai tinggi *Cheka*.

“Jangan minta bukti untuk menunjukkan bahawa si banduan telah menentang kerajaan Soviet secara kekerasan atau dengan kata-kata. Tugas utama anda ialah menyoal dalam kelas mana ia berada, bagaimana asal usulnya, pendidikannya, kerjanya. Soalan-soalan ini patut menentukan nasib si banduan tersebut.”⁷⁰

PERANG SAUDARA DAN KEGANASAN

Pengintipan dan keganasan yang dikendalikan oleh *Cheka* ini memang dapat dimengertikan dalam konteks keghairahan para Bolshevik untuk, seperti kata Lenin, mempertahankan revolusi daripada ancaman pihak musuh. Ancaman ini menjadi lebih hebat apabila tercetusnya cabaran dan penentangan secara bersenjata dan berterusan. Malah pernah dikatakan bahawa rangsangan untuk mengendalikan keganasan secara menyeluruh adalah disebabkan oleh kegiatan ganas golongan Revolusioner Sosial sayap kiri.⁷¹

Penentangan yang berterusan ini bermula dari pertengahan tahun 1918 hingga bulan Mac tahun 1921. Antara para penentang Bolshevik termasuklah golongan konservatif yang pro-tentera Berikat dan juga pro-Monarki. Golongan ini juga menentang tindakan Bolshevik menarik Rusia keluar daripada usaha sama peperangan menentang Jerman pada masa itu. Kemudian terdapat juga golongan Revolusioner Sosial yang bergerak cergas pada tahun 1918 di kawasan Volga, Urals dan kawasan yang berhampiran dengan Asia. Di samping itu, terdapat juga bangsa atau golongan etnik yang menuntut hak autonomi seperti bangsa Poland dan Ukraine. Inilah dia Perang Saudara di Rusia dan peperangan ini juga dikenali sebagai peperangan antara Tentera Merah dengan Tentera Putih.

Dalam masa Perang Saudara ini, Tentera Putih mendapat bantuan daripada kuasa lain seperti Britain dan Perancis. Selepas tamatnya Perang Dunia Pertama pada bulan November tahun 1918, desakan telah dibuat, misalnya oleh Churchill di Britain, agar Tentera Berikat mengambil tindakan tegas menghapuskan Bolshevik. Namun begitu, cadangan untuk menyokong tindakan antarabangsa menentang Bolshevik telah ditolak oleh Majlis Tertinggi Tentera Berikat pada bulan Mac tahun 1919. Presiden Amerika pada masa itu, Wilson, lebih cenderung untuk mengambil sikap membendung dan bukannya menghancurkan Bolshevik. Biarpun tindakan campur tangan kuasa-kuasa Barat ini “lemah dan tidak bersungguh-sungguh”,⁷² kesannya tetap ada. Selain bidang ketenteraan, kesannya juga dirasakan dalam bidang ekonomi. Liebman mengatakan bahawa, dasar sekatan ekonomi “telah mengakibatkan kebuluran dan kemunsahan industri secara menyeluruh”.⁷³ Dalam konteks beginilah Liebman cuba memahami kenapa keganasan berleluasa di Rusia. Katanya,

69 Westwood, *op. cit.*, hlm. 250.

70 Seperti yang dipetik dalam *ibid.*

71 *Ibid.*

72 *Ibid.*, hlm. 255. Untuk pandangan yang berbeza, lihat L. Kochan 1977. *The Making of Modern Russia*. Middlesex, hlm. 255–65.

73 M. Liebman, *The Russian Revolution*, hlm. 336–337.

“Dalam suasana begitu, tidaklah menghairankan langsung apabila kepanasan perasaan memuncak ke tahap yang paling tinggi dan keganasan menguasai keadaan – dua kelas sedang bertarung untuk menentukan soal hidup mati. Kedua pihak betul-betul tahu bahawa kiranya pihak lawan yang menang, maka ia tidak akan menunjukkan apa-apa kasihan belas [kepada yang kalah].”⁷⁴

Jumlah mangsa yang terkorban pada zaman keganasan atau Perang Saudara ini sukar ditaksirkan dengan tepat. Menurut satu taksiran oleh W.H. Chamberlain, lebih kurang lima puluh ribu telah dihukum bunuh oleh pihak Bolshevik pada masa itu, iaitu selain mereka yang mati ditembak semasa memberontak dengan senjata atau dilanyak oleh gerombolan tentera darat dan laut yang berkeliaran tidak dikawal. Menurut *Cheka* pula, jumlah yang telah dihukum mati oleh pihak Bolshevik ialah di sekitar 12 700 sementara setengah-setengah sumber antikomunis pula membuat anggaran yang jauh lebih tinggi, iaitu di sekitar 1 700 000 orang mangsa. Menurut Liebman, jumlah yang mati di tangan Tentera Putih lebih sukar ditaksirkan kerana, “golongan revolusi balas tidak mengendahkan soal mengumpulkan statistik.”⁷⁵ Menurut Leibman lagi, jika Keganasan Merah (puak Bolshevik) mengakibatkan ribuan orang daripada golongan borjuis menjadi mangsa, maka Keganasan Putih (puak anti-Bolshevik) pula telah mengorbankan ribuan jiwa para pekerja. Dengan perkataan lain,

“Perbezaan antara keganasan “Merah” dengan “Putih” bukannya dari segi *angka* tetapi *status* mangsa yang telah dikorbankan oleh pihak masing-masing.”⁷⁶

Seterusnya Liebman, barangkali dengan tujuan untuk memahami fenomena keganasan ini dalam konteks yang lebih luas, telah juga membandingkannya dengan keganasan yang terdapat dalam Revolusi Perancis. Kata Leibman, “walaupun jumlah mutlak yang mati dalam Keganasan Revolusi Rusia nampaknya melebihi jumlah multak mangsa Keganasan Revolusi Perancis, namun jika ditinjau dari segi peratus pengorbanan maka kes di Rusia tidak begitu buruk: jumlah penduduk di Rusia pada tahun 1917 adalah, secara kasarnya, lapan kali lebih ramai daripada penduduk Perancis pada tahun 1792.”⁷⁷

KOMUNISME PERANG

Dalam masa Perang Saudara ini juga terlaksananya satu dasar ekonomi yang dikenali sebagai Komunisme Perang. Ia merupakan tindak tanduk tegas kerajaan bagi mengatasi keadaan meruncing pada masa itu. Dasar ini telah melibatkan sektor pertanian dan juga industri. Ia tidak menepati sepenuhnya tuntutan Marxisme.

Secara praktisnya, dasar tegas Bolshevik dalam bidang pertanian ini dimulakan pada bulan Mei tahun 1918 dengan pengisytiharan satu dikri. Dikri ini memberi kuasa istimewa kepada Jawatankuasa Pembekalan Rakyat “bagi menentang borjuis desa yang menyorok

74 *Ibid.*, hlm. 337.

75 *Ibid.*, hlm. 338. Perangkaan yang dimuat di sini adalah seperti yang dipetik oleh Liebman sendiri.

76 *Ibid.*, hlm. 339

77 *Ibid.*, hlm. 338.

bekalan bijirin dan mengadakan spekulasi [harga] terhadap bahan itu".⁷⁸ Pada bulan yang berikutnya lahir pula apa yang boleh disifatkan sebagai asas kepada dasar Komunisme Perang dalam bidang pertanian, iaitu beberapa "jawatankuasa petani miskin" (*kombedy*), yang dikelolakan oleh soviet-soviet tempatan di bawah penyelarasan Jawatankuasa Pembekalan Rakyat.⁷⁹ Semua rakyat boleh dilantik menjadi ahli jawatankuasa ini dan mereka bertugas mencari dan merampas bahan-bahan sorokan di kalangan petani kaya (*kulaks*) dan golongan kaya yang lain. Pada mulanya para perampas ini mendapat sebahagian daripada bahan rampasan itu secara percuma, kemudian mereka dikenakan membayar 50 peratus daripada harga bahan tersebut dan kemudiannya hanya 25 peratus. Tindakan ini bersesuaian dengan keadaan negara pada masa perang yang mengalami kesuntukan bahan makanan di bandar-bandar dan juga di medan perang. Ia juga bersesuaian dengan dasar sosialis/komunis yang antikeuntungan. Dalam dasar memiliknegerakan tanah ini, para petani kecil dikecualikan. Dasar pengecualian ini ditentang oleh golongan yang lebih radikal, iaitu golongan Revolusioner Sosial kiri. Golongan ini menganggap tindakan pengecualian itu sebagai anti-Sosialis. Lenin membela pengecualian ini dari segi taktik dan mengatakan bahawa ia perlu bagi mendapatkan sokongan majoriti, walaupun seseorang itu tidak bersetuju dengannya dari segi prinsip.

Dasar Komunisme Perang dalam bidang industri telah melibatkan dasar memiliknegerakan bank, badan perniagaan besar, industri gula, arang batu, besi, minyak dan sebagainya. Semuanya telah dilakukan tanpa pembayaran ganti rugi kepada golongan empunya yang terlibat. Walaupun Majlis Tertinggi Ekonomi bagi mengawasi ekonomi dan mengendalikan perusahaan yang sudah dimiliknegerakan telah dibentuk pada bulan Disember tahun 1917, secara rasminya dasar Komunisme Perang telah hanya bermula pada pertengahan tahun 1918, iaitu apabila tergubalnya Dikri Tentang Pemiliknegerakan.⁸⁰ Percubaan Lenin untuk menjalankan dasar ini secara beransur-ansur nampaknya tidak berjaya. Dia mengetepikan dasar beransur-ansur memandangkan keadaan negara yang tidak stabil pada masa itu. Selain ancaman luar, terdapat juga pemogokan dan tindakan sendirian para pekerja yang bertekad untuk mengendalikan industri tanpa campur tangan kerajaan – ini semua telah tambah menjejaskan keadaan ekonomi pada masa itu.

Walau bagaimanapun, dasar Komunisme Perang ini gagal mengatasi kemerosotan ekonomi Rusia. Ekonomi Rusia telah mengalami keruntuhan teruk pada masa Komunisme Perang dan Perang Saudara. Menurut Deutscher,

"Pada akhir Perang Saudara pendapatan negara Rusia adalah hanya sepertiga daripada pendapatan negara bagi tahun 1913; pengeluaran industri kurang daripada seperlima daripada jumlah barangan yang dikeluarkan sebelum perang; lombong arang menghasilkan kurang daripada sepersepuluh dan kilang besi menghasilkan kurang dari seperempat puluh daripada pengeluaran biasa mereka; [sistem] kereta api musnah; semua stok dan simpanan habis pupus...."⁸¹

Penduduk kota berkurangan sebanyak lapan juta dibandingkan dengan jumlah

78 E.H. Carr, *The Bolshevik Revolution*, Jil. 2, hlm. 57.

79 *Ibid.*, hlm. 59–60.

80 Westwood, *op. cit.*, hlm. 292.

81 Seperti yang dipetik dalam M. Liebman, *The Russian Revolution*, hlm. 340.

penduduk pada tahun 1914. Penduduk Petrograd susut daripada 2 000 000 kepada 600 000 dan penduduk Moscow, ibu kota baru Rusia, susut daripada 1 500 000 kepada 500 000.⁸²

Keperitan ekonomi rakyat ini tentu telah ditambah oleh inflasi yang berlaku. Menjelang bulan Oktober tahun 1920 nilai mata wang Rusia, *rouble*, telah menjunam turuk ke paras satu peratus daripada nilainya pada tahun 1917. Keadaan ini bertambah buruk pada bulan-bulan yang berikutnya. Pada bulan Mei tahun 1922, tambang kereta api meningkat satu juta kali lebih tinggi daripada harganya pada bulan Jun tahun 1917, pada bulan November yang berikutnya tambang ini menjadi empat juta kali lebih tinggi. Mata wang sebenarnya sudah tidak dipentingkan lagi. Pada awal tahun 1921, lebih daripada sembilan persepuluh daripada jumlah gaji telah dibayar dengan barangan, bukan dengan mata wang. Pada masa keruntuhan ekonomi, Perang Saudara, wabak penyakit dan kebuluran ini, amalan manusia memakan daging manusia juga telah dilaporkan!⁸³

KEBANGKITAN KRONSTADT

Pada awal bulan Februari tahun 1921, Lenin nampaknya telah mengambil keputusan untuk menukarkan corak ekonomi kawalan kepada sesuatu yang boleh lebih menggalakkan peningkatan pengeluaran. Corak ekonomi yang boleh menggalakkan peningkatan pengeluaran yang difikirkannya ialah sesuatu yang berunsur ekonomi bebas. Ini disenangi oleh golongan petani tetapi menimbulkan tentangan daripada golongan Bolshevik yang mahu terus menegakkan ekonomi sosialis. Oleh itu, Lenin terpaksa memikirkan tindakan dan hujah baru bagi mengatasi segala tentangan yang mungkin timbul.

Tugas Lenin untuk mengatasi tentangan ini telah dipermudahkan dengan kebangkitan tentera laut di pulau Kronstadt pada penghujung bulan Februari. Penentangan golongan tentera laut di Kronstadt ini telah amat memeranjatkan pihak Bolshevik. Tentera laut Kronstadt selama ini merupakan penyokong Bolshevik yang kuat lagi setia.

Tentera laut di Kronstadt ini sebenarnya mendapat rangsangan daripada kebangkitan para tentera darat di Petrograd sebelum ini. Jika para tentera yang memberontak di Petrograd membantah tentang kekuasaan berlebihan *Cheka* dan Bolshevik dan keperitan ekonomi, maka ini jugalah yang menjadi asas kepada ketidakpuasan hati golongan tentera laut di Kronstadt. Lagipun mereka berasa amat tidak senang hati dengan percubaan media kerajaan untuk memutarbelitkan kebangkitan para tentera di Petrograd. Antara lain, para tentera laut di Kronstadt telah, menutup hak kebebasan bersuara, kebebasan berkumpul, pembebasan semua tahanan politik sayap kiri, kebebasan untuk membawa masuk makanan ke bandar dari desa dan pemusnahan bekalan makanan berlebihan kepada orang yang istimewa.

Pihak Bolshevik menolak segala tuntutan ini. Para tentera laut bertindak melawan dan mengherdik jurucakap parti Bolshevik. Apabila kata dua daripada Trotsky juga diketepikan oleh para pemberontak, maka puak kerajaan mengerahkan tentera darat agar menumpaskan kebangkitan ini. Percubaan pertama gagal kerana tentera yang dikerah menaruh simpati kepada golongan pemberontak. Namun setelah dua minggu berlalu para

82 *Ibid.*

83 Lihat Westwood, *op. cit.*, hlm. 273 dan hlm. 278; dan M. Liebman, *The Russian Revolution*, hlm. 340.

pemberontak telah ditumpaskan juga.

Pihak Bolshevik mendakwa bahawa tentera laut di Kronstadt ini telah dihasut oleh pihak kuasa asing yang memusuhi Revolusi Rusia. Tetapi terdapat penafian terhadap dakwaan ini daripada pihak sarjana sejarah.⁸⁴ Kata Westwood,

“Jika tuntutan para pemberontak itu diteliti maka jelaslah bahawa apa yang mereka tuntutan, dan apa yang pihak Bolshevik enggan memberikan, adalah apa yang diperjuangkan sendiri oleh kebanyakan para Bolshevik dan penyokong mereka pada tahun 1917.”⁸⁵

Walau bagaimanapun, kebangkitan Kronstadt menandakan adanya rasa tidak puas hati di kalangan rakyat. Salah satu cara Lenin mengatasi hal ini ialah dengan melaksanakan program yang dinamakan Dasar Ekonomi Baru (DEB).

DASAR EKONOMI BARU

Dasar Ekonomi Baru (DEB) ialah satu rangkaian tindakan yang telah dilaksanakan mulai dari bulan April tahun 1921. Matlamat DEB ialah mengurangkan kawalan terhadap kegiatan ekonomi dan meningkatkan pengeluaran.

DEB telah dilaksanakan berikutan satu saranan yang dibuat oleh Lenin dalam Kongres Parti yang ke-10 yang berlangsung dari 8 Mac hingga 18 Mac 1921. Dalam Kongres tersebut Lenin menegaskan bahawa revolusi sosialis hanya boleh berjaya jika revolusi ini mendapat sokongan negara-negara utama lain dan terdapat persefahaman antara golongan proletariat dengan para petani. Dalam percubaannya untuk menjelaskan peranan yang patut dimainkan oleh kedua-dua golongan ini, Lenin menegaskan bahawa,

“Golongan proletariat adalah pemimpin kepada para petani tetapi kelas ini tidak boleh dihalau keluar seperti kita telah menghalau dan menghapuskan para tuan tanah dan pembedal. Ia [kelas petani] mesti dibentuk semula dengan usaha yang paling tekun dan cermat sekali.”⁸⁶

Sesungguhnya DEB digubal bagi memenangi hati rakyat petani dan bawahan; biarpun penjejasan terhadap ideologi sosialis terpaksa dilakukan. Dekri kerajaan pada 5 April 1921 telah membenarkan para industrialis membayar gaji pekerja dengan barangan supaya mereka dapat menukarkannya dengan bahan makanan. Syarat yang dikenakan ialah sebelum para pekerja diberi upah dengan barangan, keperluan kerajaan mestilah dipenuhi dahulu. Peraturan ini sebenarnya membenarkan para pekerja mengendalikan perniagaan sendiri. Apabila rakan-rakannya menentang unsur kapitalis yang dihidupkan semula oleh DEB ini, Lenin mempertahankannya sebagai sesuatu yang perlu. Jika dasar ini tidak dilaksanakan maka keutuhan negara Bolshevik Rusia mungkin terancam. Lenin tidak khuatir dan tidak menganggap perniagaan persendiriaan secara kapitalis ini akan

84 Lihat G. Kennan, *The Soviet Union 1917–1939*, dalam Mowat (ed.), *op. cit.*, hlm. 448, lihat juga Westwood, *op. cit.*, hlm. 275–276.

85 Westwood, *op. cit.*, hlm. 276.

86 E.H. Carr, *The Bolshevik Revolution*, Jil. 2, hlm. 278.

mengancam negara proletariat yang baru terbentuk. Dia juga tidak percaya bahwa ia boleh menyebabkan rakyat hilang kepercayaan kepada sosialisme. Katanya,

“Selagi kaum proletariat menggenggam kukuh kuasa di dalam tangannya, menguasai penuh pengangkutan dan perusahaan besar perniagaan sendiri tidak menggemparkan negara proletariat.”⁸⁷

Lagipun, pada masa perlancaran DEB, Lenin mengakui bahawa langkah itu adalah satu langkah menyusur semula ke belakang. Pada masa itu, dia menyediakan satu risalah setebal 20 halaman berjudul *On The Tax In Kind*. Dalam pengenalan kepada risalah ini, dia memetik penulisannya pada tahun 1918 yang membela apa yang dia namakan “kapi-talisme negara”. Antara lain, pembelaannya itu berbunyi,

“Kapitalisme negara adalah satu langkah *ke hadapan* jika dibandingkan dengan keadaan di Republik Soviet sekarang. Nama ‘Republik Soviet Sosialis’ bermakna ‘keazaman kerajaan Soviet untuk menghasilkan peralihan kepada sosialisme dan bukan sekali-kali [bermakna] bahawa peraturan ekonomi yang terdapat sekarang ini beransur sosialis.”⁸⁸

Unsur-unsur ekonomi *laissez-faire* telah juga diperkenalkan dalam bidang pertanian. Kerajaan telah memansuhkan dasar memaksa para petani menyerahkan segala hasil bijirin mereka. Sebaliknya, para petani diwajibkan membayar cukai terhadap hasil keluaran mereka. Cukai ini dibayar dengan bijirin juga dan lebihan hasil ini boleh diperniaga oleh petani bagi mencari keuntungan.

Kesan DEB tidak ketara secara serta-merta. Pada tahun 1921, hasil tanaman di Rusia tidak begitu menjadi. Tetapi pada tahun 1922 dan tahun 1923, hasil pertanian Rusia meningkat. Hasil telah meningkat sampai ke peringkat 75 peratus daripada jumlah pengeluaran pada masa sebelum perang. Perkembangan ini juga menimbulkan beberapa ciri yang tidak bersesuaian dengan falsafah sosialisme. Kegiatan perniagaan telah mendatangkan keuntungan kepada golongan petani yang bermodal; dan para *kulaks* telah kian bertambah kaya. Kadar penggunaan barangan buatan kilang juga meningkat dan jurang perbezaan ekonomi antara desa dengan kota makin bertambah nyata.

Perkembangan yang menimbulkan semula unsur kapitalisme ini seolah-olah membenarkan pendirian para sosialis yang menentang pelancaran DEB. Kemunculan semula ciri-ciri kapitalisme inilah yang dikhuatiri oleh para penentang DEB. Namun penentangan mereka telah dilumpuhkan oleh Lenin atas hujah “keperluan” semasa dan peri pentingnya diwujudkan kelonggaran strategi pada tahap “peralihan”. Semenjak tahun 1917 lagi Lenin telah mengatakan bahawa kapitalisme negara adalah “satu langkah dan langkah-langkah menuju sosialisme”.⁸⁹ Kemudian pada tahun 1921, dia mengaku bahawa ia telah tersalah duga tentang jangka waktu yang sebenarnya diperlukan bagi tujuan peralihan itu:

87 L. Fischer, *The Life of Lenin*, hlm. 480.

88 *Ibid.*, hlm. 479.

89 *Ibid.*, 480.

“Peringkat-peringkat (yang berkenaan) nyata memakan masa yang lebih lama daripada kita andaikan”.⁹⁰

SOAL PERALIHAN

Hujah berlandaskan hakikat peralihan ini jugalah yang digunakan oleh Lenin bagi membela kewujudan kuasa pusat atau negara yang kian kukuh selepas Revolusi Rusia. Menurut teori tradisional Marx, selepas revolusi proletariat negara akan menjadi kian tidak penting dan akhirnya akan lesap sahaja. Apabila ini berlaku maka akan lenyaplah pertentangan antara kuasa negara dengan kebebasan rakyat dan wujudlah keharmonian masyarakat. Cita-cita Marx ini diekori oleh Lenin dalam penulisannya *The State and Revolution* dengan kata-kata,

“... buat kali pertamanya dalam sejarah masyarakat bertamadun, *segolongan besar* rakyat akan bangkit untuk memainkan peranan yang *tersendiri*, bukan hanya dalam mengundi dan pilihan raya, tetapi *juga dalam pentadbiran negara sehari-harian*. Di bawah sosialisme *semua* akan memerintah secara bergilir dan tidak lama kemudiannya akan menjadi biasa dengan [keadaan] tiada seorang pun yang memerintah.”⁹¹

Namun dalam *The State and Revolution* juga dia ada menghujahkan bahawa jentera negara yang perlu dimusnahkan ialah jentera negara order lama. Pentadbiran masih diperlukan tetapi pentadbiran itu ialah sesuatu yang dikuasai oleh golongan proletariat. Lenin membezakan pendiriannya dengan pendirian anarkis yang dinamakan golongan khayal. Lenin mengatakan bahawa,

“*Kita*, para pekerja, akan mengendalikan pengeluaran secara besar-besaran di atas landasan yang sudah diwujudkan oleh kapitalisme, bersandarkan pengalaman kita sebagai pekerja, mengenakan disiplin keras lagi ketat yang didukung oleh negara para pekerja yang bersenjata. Kita akan menurunkan peranan pegawai negara kepada sesuatu yang hanya bersabit dengan tugas menjalankan perintah sebagai ‘fomen dan akauntan’ yang bertanggungjawab, mempunyai tugas yang boleh ditarik semula, dibayar gaji yang sederhana (tentu dengan bantuan daripada para juruteknik dalam berbagai-bagai bidang, jenis dan peringkat).”⁹²

Hujah berlandaskan faktor peralihan dan keperluan semasa memang tidak hanya terdapat dalam Revolusi Rusia. Namun, ia amat berfaedah untuk membela sesuatu tindakan atau ideologi. Dalam kes Revolusi Rusia, fenomena ini menimbulkan satu lagi hal yang menarik. Peri perlunya diadakan dahulu “kapitalisme negara” dan DEB pada tahap peralihan seolah-olah menjadi pembelaan kepada kebenaran teori tradisional Marx tentang perkembangan masyarakat. Pendeknya, Lenin seolah-olah terpaksa mengakui bahawa percubaannya untuk memendekkan proses revolusi sosialis tidak dapat diteruskan.

90 *Ibid.*

91 Seperti yang dipetik dalam Ralph, Miliband, “The State and Revolution” dalam P.M. Sweezy & H. Magdoff (ed.), *Lenin Today: Eight Essays on The Hundredth Anniversary of Lenin's Birth*, hlm. 89

92 *Ibid.*, hlm. 80.

KEUTAMAAN POLITIK MENGATASI EKONOMI

Namun begitu, terdapat sudut penerangan lain tentang fenomena ini. Seseorang itu boleh berhujah bahawa pencetusan dan pengendalian Revolusi Rusia telah jelas memperlihatkan kepentingan tindakan politik. Keutamaan faktor ekonomi seperti yang ditekankan oleh Marx itu sebenarnya tidak berasas. Marx telah terpengaruh dengan aliran pemikiran zamannya, iaitu aliran pemikiran yang percaya kepada kewujudan hukum-hukum ekonomi semula jadi yang tidak boleh dirombak. Marx hidup sezaman dengan Adam Smith. Adam Smith juga percaya kepada hukum-hukum ekonomi yang dikendali oleh “tangan tersorok”. Falsafah begini tidak memberi peluang kepada kemungkinan tindakan politik (atau tindakan manusia) mengubah (atau memendekkan) proses perubahan masyarakat. Sebaliknya, pada zaman Lenin masyarakat Eropah sudah tidak begitu lagi teguh berpegang kepada kepercayaan di atas. Pada masa Lenin, tindakan politiklah yang dilihat sebagai faktor yang boleh menyebabkan perubahan sosial. Sudut penerangan begini pernah dikemukakan oleh Carr. Lantas Carr mentakrifkan Leninisme sebagai,

“... Marxisme [yang] bukan lagi wujud pada zaman semasa hukum-hukum ekonomi yang objektif dan pasti dipertahankan, tetapi pada masa apabila proses ekonomi dan sosial diatur secara sedar bagi menghasilkan matlamat yang dikehendaki.”⁹³

Sehubungan dengan ini, Carr juga menegaskan,

“Revolusi Rusia pada tahun 1917 adalah revolusi yang pertama dalam sejarah yang bertekad untuk mewujudkan keadilan sosial menerusi kawalan ekonomi dengan cara tindakan politik.”⁹⁴

RUMUSAN

Bertolak daripada penerangan begini, seseorang itu bolehlah, jika ia mahu, memperkukuhkan hujah bahawa pencetusan dan pengendalian Revolusi Rusia itu tidak sebenarnya diasaskan kepada teori *tradisional* Marx. Maka dengan ini juga perubahan dasar Komunisme Perang Lenin kepada DEB, atau kapitalisme negara, tidak akan dilihat sebagai bukti yang mengesahkan peri tepatnya teori tradisional Marx. Sebaliknya, kejadian ini boleh diketengahkan sebagai bukti nyata yang memaparkan boleh ubah dan dinamikanya tindakan politik. Unsur ini menjadi tertonjol apabila tokoh yang mengendalikan tindakan politik itu adalah juga amat boleh ubah dan dinamik, iaitu Lenin.

Soal adanya, atau ramainya, orang yang percaya bahawa Revolusi Rusia itu adalah diasaskan kepada teori Marx tidaklah begitu penting. Bersabit dengan hal ini Bober, misalnya, pernah menegaskan,

“Walau bagaimanapun, kepopularan sesuatu doktrin tidak menjamin kesahannya. Manusia mungkin terpengaruh dengan sesuatu rangkaian idea dan mungkin mendapat inspirasi daripadanya untuk melakukan tindakan ulung, bukan kerana idea itu mewakili

93 E.H. Carr, *A Historical Turning Point: Marx, Lenin, Stalin*, dalam Pipes (ed.), *op. cit.*, hlm. 284.

94 *Ibid.*, hlm. 285.

kebenaran, tetapi kerana ia memikat perasaan; dan tarikan kepada perasaan bukanlah satu tanda kebenaran.”⁹⁵

Memang betul para pejuang Revolusi Rusia mahu mewujudkan sebuah negara sosialis atau komunis. Tetapi ini hanya memperlihatkan matlamat mereka. Sekiranya matlamat ini difahamkan juga sebagai satu ideologi politik, maka Marxisme sudah menjadi satu ideologi yang mahu diperjuangkan dan bukan lagi satu teori yang menerangkan atau menentukan kelahiran suatu fenomena sejarah. Ideologi Marxis ini, seperti juga beberapa matlamat politik lain, diperjuangkan menerusi beberapa cara yang tidak terikat kepada sesuatu kerangka atau acuan teori tertentu. Malah, pernah diujahkan oleh Ulam bahawa Lenin mementingkan Marxisme bukan sebagai teori yang menerangkan perjalanan sejarah tetapi sebagai idea yang boleh digunakan bagi mencetuskan revolusi. Ulam mengatakan bahawa,

“Bagi Lenin dan mereka yang sezaman dengannya *Marxisme bererti revolusi*.”⁹⁶

Pendapat Ulam ini tidak jauh berbeza daripada pendapat Sabine. Kepentingan atau kesahan Marxisme tidak dapat dipertahankan dari segi teori sosial, kata Sabine. Ia mustahak dan berkesan sebagai satu penggerak bagi mencetuskan gerakan politik atau revolusi.⁹⁷ Ketidaksahan Marxisme sebagai satu teori sosial mudah dilihat kerana, kata Sabine, “Marxisme setelah berjaya di tempat [negara] yang ia sepatutnya gagal dan telah gagal di tempat [negara] yang ia sepatutnya berjaya.”⁹⁸ Di Rusia, sambung Sabine, teori evolusi sosial Marx tidak ada kena-mengena langsung dengan pencetusan dan pengendalian Revolusi Rusia.⁹⁹

Jadi, dalam pembicaraan tentang hubungan Marxisme dengan Revolusi Rusia, seseorang itu nampaknya perlu menjelaskan apakah Marxisme yang diperkatakan itu diertikan dari segi peranannya sebagai teori sosial atau ideologi politik. Dengan ini rumusan yang lebih khusus boleh dibuat.

Dalam pada itu pula apa yang dimaksudkan dengan istilah teori (atau ideologi) itu mungkin perlu pula ditakrifkan bagi mengelakkan kekeliruan. Teori mungkin dimaksudkan sebagai pendapat yang berasas bagi menerangkan pencetusan atau pembentukan sesuatu fenomena dan kebenarannya sedia dan sentiasa dapat dibuktikan. Berpandukan definisi begini mungkin mudah diterima bahawa pendapat tradisional Marx tentang evolusi masyarakat sebenarnya bukanlah satu teori. Kebenarannya tidak dapat dibuktikan di Rusia dan juga di tempat lain. Tetapi ada juga para Marxis yang mahu mengetengahkan pentakrifan yang berlainan terhadap istilah teori. Sutcliffe, dalam membicarakan teori imperialisme Marxis, mislanya mengatakan bahawa adanya pengecualian itu tidak semestinya menjejaskan keutuhan sesuatu teori. Dia mahu

95 Bober, *op. cit.*, hlm. 391.

96 A.B. Ulam 1979. *The Unfinished Revolution: Marxism and Communism in The Modern World*. London: Longman, hlm. 153–154.

97 G.H. Sabine 1958. *Marxisme: The Tolluride Lectures 1957–1958 at Cornell University*. New York: Cornell University Press, hlm. 3.

98 *Ibid.*, hlm. 6.

99 *Ibid.*, hlm. 9.

membezakan apa yang diistilahkan sebagai “teori” dengan “generalisasi”. Sutcliffe mengatakan bahawa,

“Dengan perkataan lain adalah mustahak untuk membezakan antara teori (menjelaskan intipati sesuatu fenomena) dengan generalisasi, yang dianggapkan bersesuaian dengan semua kes. Pengecualian tidak membuktikan kebenaran hukum; tetapi ia juga tidak membuktikan kesalahan sesuatu teori.”¹⁰⁰

Kesediaan untuk menerima pengecualian dalam teori ini jelas berbeza dengan pendirian Hunt yang sudah disentuh sebelum ini.¹⁰¹ Jadi, nyata nampaknya perbezaan pentakrifan istilah seperti juga halnya dengan perbezaan pentafsiran peristiwa, boleh membawa kepada pendapat atau rumusan yang luas sekali jurang perbezaannya.

100 B. Sutcliffe, “Conclusion”, dalam R. Owen & B. Sutcliffe (ed.) 1972. *Studies in the Theory of Imperialism*. London: Longman, hlm. 316. Lihat juga Kemp. “Theories of Imperialism” dalam *ibid.*, hlm. 17.

101 Lihat di atas.

BAB 6

ZAMAN STALIN

Pemburuan Impian

ISU-ISUNYA

Apabila menganalisis pemerintahan Stalin di Rusia, salah satu isu yang sering dibincang oleh ahli sejarah ialah persoalan sama ada komunisme pada masa Stalin masih boleh atau tidak dikatakan sebagai komunisme tulen. Dapatkah komunisme dikatakan sebagai sesuatu yang tidak lari daripada tradisi dan inti pati fahaman Marx? Sekiranya penyesuaian yang dilakukan oleh Lenin terhadap Marxisme pernah diterima sebagai sesuatu yang sah lagi wajar dan paduan antara kedua-duanya disebut sebagai ideologi Marxis-Leninis, maka terdapatkah suatu ideologi, atau cabang ideologi, yang boleh pula digelar Marxis-Leninis-Stalinis? Atau, mestikah Stalinisme ditempatkan dalam kelasnya yang tersendiri?

Di samping persoalan di atas, isu keganasan pada masa Stalin juga amat kerap dibincangkan. Ini bukanlah isu baru dalam sejarah Barat. Namun terdapat juga aspek atau penekanan yang agak penting dilibatkan oleh para ahli sejarah dalam perdebatan tentang hal ini. Penekanan ini mungkin sukar untuk dielakkan memandangkan bukan sahaja kehebatan keganasan rejim Stalin tetapi juga kehebatan perubahan masyarakat yang telah dihasilkan. Dengan perkataan lain, keganasan Stalin nampaknya telah membawa sesuatu keuntungan kebendaan yang nyata. Hal ini seolah-olah merupakan satu pembelaan terhadap keganasan Stalin dan oleh itu, menyulitkan penghujahan yang terang-terang anti-Stalin. Keadaan beginilah yang menimbulkan kontroversi. Namun kontroversi nyata ini, jika diteliti dengan lebih mendalam lagi, mungkin juga boleh menghasilkan beberapa rumusan yang tidak kurang pula nyatanya.

ANTARA STALINISME DENGAN MARXISME: PENGKRITIK STALIN

Mereka yang mendakwa Stalinisme sebagai sesuatu yang berbeza daripada Marxisme sering mengentengahkan beberapa faktor lain, iaitu faktor yang tidak bersabit dengan Marxisme, bagi menerangkan dasar dan tindakan Stalin. Antara faktor ini termasuklah

peribadi Stalin, keadaan semasa masyarakat Rusia, tradisi kuku besi warisan Tzar dan pergolakan politik antarabangsa yang mengancam Revolusi Rusia pada masa itu. Pada umumnya, faktor ini semua diketengahkan sebagai faktor yang telah menyebabkan berlakunya keganasan pada masa pemerintahan Stalin. Pendeknya, mereka yang mengutarakan pendapat begini percaya bahawa keganasan yang terdapat pada tindakan Stalin bukanlah diakibatkan oleh Marxisme tetapi oleh faktor lain.

Antara mereka yang jelas mahu membezakan Stalinisme daripada Marxisme, atau tradisi Marxis-Leninis, ialah Medvedev, Deutscher, Carr dan Shub. Di kalangan keempat-empat penulis ini, Medvedev yang paling ghairah mengkritik Stalin. Bagi Medvedev, Stalin sebenarnya bukanlah seorang Marxis, walaupun dia pernah menghasilkan beberapa karya yang seolah-olah kelihatan sebagai sumbangan baru kepada teori Marx.¹ Stalin bukannya ahli revolusi tetapi hanyalah pengikut yang telah dibawa bersama oleh arus revolusi. Stalin, pada pandangan Medvedev, tidak dapat mendukung Marxisme yang “merupakan bukan sahaja satu sistem tentang konsep tertentu”, tetapi juga merupakan “satu sistem tentang keyakinan dan prinsip moral”, satu sistem yang menganjurkan “pengabdian kepada pencapaian kesentosaan semua kaum pekerja”.²

Antara contoh yang dikemukakan oleh Medvedev bagi menonjolkan keganasan Stalin, dan bagi membezakan Stalinisme daripada Marxisme, atau ideologi Marxis-Leninis, ialah dasar Penyingkiran Besar-besaran Stalin pada tahun 1930-an. Inilah gambaran Medvedev tentang peristiwa ini,

“Antara tahun 1936–39, berasaskan anggaran yang paling berhati-hati, antara empat hingga lima juta orang telah mengalami penindasan kerana sebab-sebab politik. Sekurang-kurangnya empat hingga lima ribu daripada mereka – selain para pegawai tinggi – telah ditembak dengan sewenang-wenangnya. Antara tahun 1937–38, terdapat sehingga seribu orang ditembak di Moscow sahaja pada hari-hari yang tertentu. Ini semuanya bukanlah aliran [darah] kecil-kecilan, ini adalah sungai darah, darah rakyat Soviet yang tidak bersalah. Kebenaran nyata patut ditegaskan: tiada seorang pun raja bengis dan zalim dahulu kala yang menyeksa dan menghancurkan begitu banyak orang yang sezaman dengannya.”³

Medvedev seterusnya membantah keras pendapat yang mengatakan bahawa Stalinlah yang bertanggungjawab menjayakan program sosialis di Rusia. Mereka yang mendakwa bahawa sosialisme hanya boleh ditegakkan menerusi cara Stalin, kata Medvedev, ialah para ahli sejarah borjuis; mereka patut diketepikan. Kejayaan dasar sosialis pada masa Stalin ialah hasil daripada usaha rakyat Rusia, bukan kerana arahan

1 Antara karya yang pernah dihasilkan oleh Stalin termasuklah *The Foundations of Leninism* (1924) dan esei yang berjudul “On Questions of Leninism” (1926). Esei ini kemudiannya telah diterbitkan dalam bentuk buku bertajuk *Problems of Leninism*. Buku ini telah diterbitkan dari semasa ke semasa sebanyak sebelas edisi sepanjang hidup Stalin. Lihat R. Hingley 1974. *Joseph Stalin: Man and Legend*. London: Hutchinson, hlm. 176–177. Lihat juga I. Deutscher 1973. *Stalin: A Political Biography*. New York: Oxford University Press, hlm. 282, iaitu bagi tarikh penerbitan yang berlainan.

2 R.A. Medvedev 1972. *Let History Judge: The Origins and Consequences of Stalinism*. New York: Alfred A. Knopf, hlm. 333.

3 *Ibid.*, hlm. 239.

Stalin. Untuk menjelaskan pendapatnya ini Medvedev memberikan satu ibarat: “Pasukan tentera yang baik boleh berjaya walaupun ia di bawah arahan komander yang tidak baik.”⁴ Jika Stalin tidak menghancurkan ribuan tenaga yang berguna dan mahir di Rusia, hujah Medvedev, tentu kejayaan program sosialis di Rusia akan menjadi lebih cemerlang.⁵

Kritik Deutscher terhadap Stalin adalah juga sama alirannya dengan kritik Medvedev. Deutscher mengatakan bahawa Stalin terlalu memudahkan Marxisme. Pembawaan serta pemerintahannya menunjukkan bahawa Stalin bersikap pesimis terhadap rakyat. Stalin dikecam oleh Deutscher kerana menggunakan kekerasan dan bukan pujukan dalam usahanya menegakkan sosialisme. Ujar Deutscher, ini menimbulkan satu paradoks, iaitu sesuatu yang tidak sepatutnya berlaku tetapi telah berlaku juga. Para Bolshevik sebenarnya bertujuan untuk menentang segala unsur autokratik dan tidak liberal yang terdapat pada zaman Tzar. Mereka berhajat untuk menghasilkan kebudayaan atau kehidupan yang lebih tinggi nilainya. Tetapi apa yang telah berlaku adalah sebaliknya. Pemerintahan Stalin telah mengembalikan semula cara pemerintahan ala Tzar. Inilah paradoksnya. Walau bagaimanapun, autokrasi dan penindasan Stalin menjadi lebih ketara daripada sebarang penindasan yang pernah berlaku pada zaman Tzar. Stalin telah dapat menggunakan peralatan moden bagi mengendalikan pemerintahan dan penindasannya. Paduan antara dasar paksaan Stalin dengan penggunaan peralatan moden telah digambarkan oleh Deutscher berkaitan dengan pelancaran program pengkolektifan pertanian Stalin. Deutscher mengatakan bahawa,

“Majoriti besar para petani menghadapi kerajaan dengan bangkangan yang begitu cemas sekali. Pengkolektifan terjunam menjadi operasi ketenteraan, satu perang saudara yang zalim. Rakyat desa yang memberontak dikepung dengan mesin-gan dan dipaksa menyerah diri. Berduyun-duyun *kulaks* dibuang daerah ke kawasan pedalaman Siberia yang tidak didiami manusia. Rumah mereka, gedung pertanian, alat-alat ladang telah ditempatkan di ladang-ladang kolektif. Stalin sendiri menganggarkan nilai harta mereka yang telah dipindahkan ke ladang kolektif berjumlah lebih daripada 400 juta *roubles*.”⁶

Deutscher mendakwa bahawa ciri keganasan yang terdapat dalam Stalinisme adalah sesuatu yang memisahkan Stalin daripada tradisi Marx dan Lenin. Deutscher mengatakan bahawa,

“... perbezaan asas antara Stalinisme dengan Sosialisme tradisional terletak pada sikap mereka terhadap peranan kekerasan dalam [proses] perubahan masyarakat.”⁷

Interpretasi yang agak pro-Lenin dan anti-Stalin ini juga terdapat dalam penulisan Carr. Carr menghujahkan bahawa Lenin, berbeza daripada Stalin, tidak percaya dan tidak mahu mengendalikan revolusi dari atas. Jika Lenin memperlihatkan kesediaan untuk “belajar daripada rakyat”, Stalin tidak mempunyai sikap begitu. Carr merumuskan bahawa:

4 *Ibid.*, hlm. 562.

5 *Ibid.*, hlm. 564.

6 I. Deutscher, *Stalin: A Political Biography*, hlm. 324–325.

7 *Ibid.*, hlm. 343.

“Jika difahamkan betul-betul tugas memimpin rakyat itu bukanlah tugas indoktrinasi, [iaitu] mencipta kesedaran yang tidak ada, tetapi menimbulkan kesedaran yang terpendam; dan kesedaran terpendam rakyat ini adalah satu syarat perlu bagi revolusi. Lenin dengan tegasnya tidak menaruh kepercayaan kepada revolusi dari atas.”⁸

PERIBADI STALIN

Untuk meneguhkan hujah bahawa keganasan Stalin adalah terkeluar daripada tradisi Marx dan Lenin, ahli sejarah yang berkenaan sering menonjolkan faktor peribadi Stalin. Sifat kasar dan ganas Stalin kerap dikatakan menjadi punca kepada keganasan rejimnya. Dalam konteks ini, para pengkritik Stalin sering membuat rujukan kepada isi kandungan sepucuk surat Lenin yang mendedahkan pandangannya terhadap Stalin. Antara kandungan surat ini, yang juga pernah disebut sebagai “wasiat”, terdapat kata-kata begini,

“... Stalin, setelah menjadi setiausaha agung, telah memusatkan begitu banyak kuasa dalam tangannya, dan saya tidak begitu yakin yang dia mengetahui bagaimana untuk menggunakan kuasa itu dengan hati-hati.”⁹

Surat di atas telah ditulis oleh Lenin pada bulan Disember tahun 1922. Kemudian, pada bulan Januari tahun 1923, Lenin menulis sepucuk lagi surat yang mengatakan bahawa Stalin tidak layak menyandang jawatan setiausaha agung parti. Lenin seterusnya mencadangkan agar Stalin diganti sahaja oleh orang lain yang “lebih sabar, setia, penyantun dan lebih mengambil perhatian berat terhadap rakan-rakan, tidak begitu selalu bertukar pendirian”¹⁰

Hujah berasaskan peribadi Stalin ini telah dikemukakan oleh beberapa orang ahli sejarah termasuk Shub. Shub amat jelas membandingkan antara sifat kesederhanaan Lenin dengan sifat melampau Stalin. Bagi Shub, Lenin merupakan diktator yang amat tidak menyombong diri.¹¹ Sebaliknya, Stalin mahukan dirinya disanjung dan didewa-dewakan. Stalin gagal mengikuti jejak langkah Lenin. Shub mengatakan bahawa,

“Stalin berpisah agak jauh daripada Lenin: dia menghukum mati para penentangannya dan bakal pesaingnya biarpun mereka juga komunis, dia menuduh ketua-ketua Parti dan Tentera Merah sebagai Fasis, dia memansuhkan Dasar Ekonomi Baru Lenin dan meneruskan pengkolektifan pertanian secara paksa, dia menggalakkan perasaan anti-Yahudi dan pemujaan terhadap dirinya.”¹²

Seterusnya, keganasan dan sifat keterlaluan Stalin pernah juga diterangkan sebagai berpunca daripada kekurangan atau kelemahannya sebagai tokoh revolusi (atau politik), terutamanya jika dibandingkan dengan Lenin. Lenin sudah jelas diakui oleh rakan seperjuangannya sebagai pemimpin mereka. Lenin tidak bimbang atau takut kepada

8 E.H. Carr, “A Historical Turning Point: Marx, Lenin dan Stalin” dalam Pipes (ed.), *op. cit.*, hlm. 290.

9 D. Shub, *op. cit.*, hlm. 434.

10 *Ibid.*, hlm. 435.

11 *Ibid.*, hlm. 426.

12 *Ibid.*, hlm. 441.

saingan. Ketokohan Stalin tidak muncul jelas pada masa permulaan revolusi. Malah dia dikatakan berada dalam kumpulan Zinoviev dan Kamenev yang menentang rancangan untuk merampas kuasa. Dari segi ketangkasan intelek, Stalin dikatakan tidak dapat menyaingi tokoh-tokoh lain seperti Trotsky, Zinoviev, ataupun Kamenev.¹³ Lantas Stalin sentiasa merasa terancam. Dalam konteks ini, kunci-kunci Stalin yang terlibat mematuhi arahan Stalin mengendalikan Penyingkiran Besar-besaran pada tahun 1930-an juga pernah dikatakan sebagai orang yang mempunyai pemikiran yang sama. Mereka adalah golongan antiintelek. Mereka memahami dan menerima politik Stalin.¹⁴

WARISAN DARI TZAR

Pernyataan atau penjelasan bahawa Stalin dipengaruhi oleh tradisi kuku besi warisan Tzar di Rusia juga agak lumrah terdapat dalam penulisan para sarjana. Stalin sering disamakan dengan Tzar Ivan, iaitu Ivan yang masyhur dengan gelaran Ivan yang Dahsyat. Kekejaman Stalin telah disamakan dengan kekejaman Ivan, dan rejimnya dilihat sebagai penjelmaan semula rejim Ivan.¹⁵ Alec Nove mengesan beberapa persamaan nyata antara undang-undang pada zaman Stalin dengan undang-undang pada zaman Tzar. Menurut Alec Nove, pemerintahan secara autokratik sudah sebatik bukan sahaja dengan jiwa para pemerintah Rusia tetapi juga rakyatnya. Alec Nove menulis bahawa,

“Sesungguhnya, banyak antara undang-undang yang mencorakkan kehidupan rakyat Rusia sekarang telah diambil alih dari zaman Tzar. Bagi kita ia mungkin sesuatu yang memeranjatkan, tetapi kita mempunyai pengalaman sejarah yang berlainan. Para petani tidak boleh pergi dari sebuah bandar ke sebuah bandar yang lain tanpa pasport; seseorang, biarpun dia berbangsa Rusia, tidak dibenarkan masuk dan tinggal di Moscow atau St. Petersburg tanpa permit untuk bermukim. Hal ini yang telah berlaku pada masa pemerintahan Nicholas II, telah berlaku juga pada masa Stalin. Tabiat turun-temurun muncul secara berkesan melalui dua cara: ia mempengaruhi pemikiran para pemerintah dalam menentukan perkara apa yang sah dan baik dilakukan, dan [mempengaruhi] tanggapan golongan yang diperintah untuk menentukan apa tindakan pihak berkuasa yang patut dianggap biasa dan boleh diterima.”¹⁶

KEADAAN SEMASA

Seterusnya, keganasan Stalin juga sering dijelaskan berdasarkan kepada keadaan masyarakat Rusia pada masa itu. Keadaan dalam negeri dan luar negara memaksa Stalin melaksanakan segala tindak tanduknya dengan cepat. Dalam kes yang sedemikian itu paksaan dan kekerasan sukar dielakkan. Dalam hal ini, dasar-dasar Lenin sebelumnya selalu juga dikaitkan sama.

13 Lihat misalnya pernyataan Boris Bazhanov, Setiausaha Stalin (1923–1926), dalam G.R. Urban 1980. “Stalin Closely Observed: A Conversation with Boris Bazhanov”, dalam *Survey*, hlm. 87.

14 Lihat A. Nove 1975. *Stalinism and After*. London: George Allen & Unwin Ltd., hlm. 60–63.

15 Lihat misalnya *ibid.*, hlm. 12 dan hlm. 111, dan R.C. Tucker, “A Twentieth-Century Ivan the Terrible” dalam T.H. Rigby (ed.) 1966. *Stalin*. Englewood Cliffs, New Jersey: Prentice-Hall Inc., hlm. 153–164.

16 Nove, *op. cit.*, hlm. 15.

Ekoran daripada Dasar Ekonomi Baru Lenin, corak ekonomi Rusia telah menjadi lebih mirip kepada kapitalis daripada sosialis. Golongan petani kaya telah meneguhkan semula kedudukan mereka sebagai golongan pemberi wang pinjaman dan orang tengah. Pada tahun 1929, mereka masih membeli hasil-hasil petani miskin untuk simpanan. Bahan simpanan ini hanya dijual semula dalam pasaran apabila harganya sudah meningkat. Kerajaan terpaksa menjual bijirin dari stok simpanan untuk menurunkan harga di pasaran. Kegiatan *kulaks* ini mengancam keutuhan kuasa kerajaan, iaitu kuasa kediktatoran proletariat. Namun, Stalin masih enggan mengambil apa-apa tindakan terhadap golongan ini. Ia khuatir semua petani akan menjadi gempar dan menyangka bahawa kerajaannya berhajat untuk kembali semula kepada dasar Komunisme Perang. Antara tahun 1925–1927, Stalin masih cuba memenangi hati semua petani secara baik. Pilihan raya bagi kerajaan tempatan telah diadakan dan calon-calon yang bukan ahli parti pun masih dibenar bertanding. Pada masa ini pengaruh golongan petani kaya masih kukuh. Malah, sehingga 2 Jun 1929, akhbar parti, *Pravda*, misalnya masih boleh menyarankan pendapat yang sedemikian ini, “Bukan keganasan, bukan juga dekulaksasi, tetapi kemaraan sosialis di atas landasan DEB”.¹⁷ Stalin masih menurut jejak langkah Lenin.

Dalam “kemaraan sosialis di atas landasan DEB” ini, Stalin kian mendapat sokongan daripada pihak sayap kanan. Golongan ini cenderung kepada dasar ekonomi bebas dan percaya bahawa kaum tani mesti dilayan dengan baik walaupun prinsip sosialis terpaksa dikorbankan. Oleh sebab itu, terdapat para ahli sejarah yang menyamakan zaman Stalin ini dengan zaman *thermidor* seperti yang terdapat pada masa Revolusi Perancis, iaitu pergerakan ke kanan sebagai reaksi kepada revolusi yang sudah mencapai satu tahap yang amat kiri.¹⁸

Puak kiri Bolshevik juga mendakwa bahawa Stalin telah menempa zaman *thermidor*. Pada tahun 1926, golongan kiri Bolshevik diwakili oleh Trotsky, Zinoviev, Kamenev dan juga Krupskaya, balu Lenin. Para pengikut Trotsky dan Zinoviev begitu ghairah menyebarkan risalah kedua-dua orang pemimpin ini di Jerman dan di Perancis. Lenin juga memang pernah dikritik oleh komunis sayap kiri apabila dia mula-mula melancarkan Dasar Ekonomi Barunya.

Berlatarbelakangkan iklim politik beginilah Stalin memperkenalkan, atau memaksakan, dasar pengkolektifan pertaniannya. Lantas memanglah boleh diujahkan bahawa Stalin telah dipaksa oleh keadaan yang diwarisinya daripada Lenin. Stalin terpaksa menggunakan kekerasan. Tanpa kekerasan, revolusi mungkin akan terus bergerak di atas landasan ekonomi bebas, bukan sosialis. Lantaran inilah maka ahli sejarah seperti Rosenberg, misalnya, sedia membela Stalin. Tindakan keras terpaksa dilakukan kerana terdapat para petani yang menyorok bijirin. Pada pendapat Rosenberg, pertentangan antara Stalin dengan golongan antipengkolektifan adalah suatu pertarungan bagi menentukan hidup matinya Revolusi Rusia.¹⁹

17 E.H. Carr 1969. *1917: Before and After*. London: Macmillan, hlm. 97.

18 Lihat A. Kuper 1981. *Genocide*. England: Penguin Books, hlm. 98.

19 A. Rosenberg 1965. *History of Bolshevism from Marx to The First Five Year Plan*. New York: Russell & Russell, hlm. 226.

INDUSTRI: PESAT DAN BERAT

Alasan untuk menyelamatkan Revolusi Rusia adalah alasan yang digunakan sendiri oleh Stalin untuk melaksanakan dasar ekonominya. Dalam Kongres Parti yang Keempat Belas pada bulan April tahun 1925, pihak berkuasa Rusia telah meluluskan satu program pelaburan untuk memperkembangkan industri. Industri Rusia terjejas teruk akibat Revolusi dan Perang Saudara. Dasar Ekonomi Baru telah dapat membaiki keadaan ini sedikit sebanyak. Namun pada masa itu kegiatan industri hanya ditumpu kepada bidang pengeluaran barang-barang pengguna. Pada sepanjang peringkat ini hanya Trotsky dan para pengikutnya yang menganjurkan pelaburan modal dalam bidang industri berat, iaitu industri barang modal.

Namun pada akhir tahun 1927, penumpuan khusus kepada industri barangan pengguna ini berakhir. Industri Rusia mula mengeluarkan jentera pertanian dan juga peralatan perang. Terdapat dua faktor utama yang menyebabkan penukaran haluan ini. Faktor pertama ialah terdapatnya kekhuatiran tentang pencetusan perang antara Rusia dengan Britain. Kebimbangan ini amat dirasakan setelah terputusnya hubungan diplomatik antara Britain dengan Rusia pada bulan Mei tahun 1927. Kerajaan Rusia juga mula memberi penekanan kuat kepada kegiatan ekonomi berat kerana ia mahu mengatasi masalah pengangguran yang kian meruncing pada masa itu.²⁰

Seterusnya, dalam Kongres Parti yang Kelima Belas, satu resolusi yang menyasarkan agar tempo pengindustrian dipercepat telah diluluskan. Jadi, apabila Rancangan Lima Tahun Pertama Rusia dilancarkan (1 Oktober 1928—1 Oktober 1932), pihak kerajaan menegaskan bahawa ia mahu rancangan itu disiapkan dalam tempoh empat tahun. Untuk memberi alasan kenapa tempo pengindustrian perlu dipercepat lagi, Stalin tidak ketinggalan membuat rujukan kepada kata-kata Lenin. Stalin mengatakan bahawa,

“Adakah anda mahu tanah tumpah darah Sosialis kita dikalahkan dan hilang kemerdekaannya? Jika anda tidak ingin perkara ini [berlaku] anda mestilah menghapuskan kemundurannya dalam masa yang sesingkat mungkin dan membangunkan sistem ekonomi sosialisnya menurut tempo Bolshevik yang tulen. Tidak ada jalan lain. Itulah sebabnya Lenin berkata pada masa Revolusi Oktober: ‘Sama ada lebur, atau dahului dan kalahkan negara-negara maju lain.’ Kita adalah lima puluh atau seratus tahun terkebelakang daripada negara-negara maju. Kita mesti menghapuskan jarak ini dalam masa sepuluh tahun. Sama ada ini kita lakukan, atau mereka akan ganyang kita.”²¹

SOSIALISME DALAM SATU NEGARA

Sebenarnya dasar pengindustrian dalam bidang industri berat dan juga dasar pengkolektifan pertanian yang terang-terang berlawanan dengan sentimen para petani, terutamanya golongan *kulaks*, adalah merupakan dasar yang diambil alih oleh Stalin daripada Trotsky. Dengan perubahan ini juga, Stalin sekali gus berjaya menangkis kritik

20 E.H. Carr, 1917: *Before and After*, hlm. 118–119.

21 Lihat Rigby, *op. cit.*, hlm. 48. Lihat juga E.H. Carr, 1917: *Before and After*, hlm. 121 tentang pernyataan Lenin berhubung dengan kepentingan industri berat bagi menjamin keselamatan dan kemerdekaan Rusia.

golongan kiri Bolshevik yang mendakwa bahawa dia telah menempa zaman *thermidor* di Rusia.

Dasar pengkolektifan pertanian dan pengindustrian pesat Stalin adalah saling berkait. Pengeluaran jentera pertanian, misalnya, adalah perlu bagi membantu memastikan peningkatan hasil pengeluaran bahan makanan. Pengeluaran kadar bahan makanan yang lebih banyak ini perlu bagi menampung kehendak para pekerja industri yang kian meningkat jumlahnya. Kemudian, dasar pengkolektifan pertanian dan dasar pengindustrian pesat ini pula adalah merupakan tonggak penting kepada dasar “sosialisme dalam satu negara” Stalin.

Secara kasarnya, konsep atau dasar “sosialisme dalam satu negara” adalah sesuatu yang menimbulkan percanggahan atau kontradiksi sendiri, jika diukur daripada ukuran teori tradisional Marx. Ini disebabkan sosialisme, menurut definisinya, tidak mengiktiraf batasan negara. Lantas, tidak hairanlah jika Lenin mengandaikan bahawa Revolusi Rusia akan diikuti oleh revolusi proletariat di negara Eropah yang lain. Menurut Lenin, kejayaan Revolusi Rusia bergantung pada pencetusan dan kejayaan revolusi yang serupa di seluruh Eropah. Ini selaras dengan slogan Marx yang selalu dipetik: “para pekerja sedunia bersatu, anda tidak akan kehilangan apa-apa melainkan rantai anda”. Pada mulanya Stalin juga tidak lari daripada tradisi ini. Pada awal tahun 1924, Stalin, dalam penulisannya, *The Foundations of Leninism*, mengakui bahawa peranan proletariat Rusia adalah terhad. Walaupun mereka boleh merampas kuasa di sebuah negara, mereka tidak pula semestinya mampu untuk menghasilkan struktur dan dasar sosialis di negara tersebut secara bersendirian. Pengendalian tugas tersebut memerlukan bantuan daripada para proletariat sejagat.²²

Kemudian Stalin telah menukar haluan ideologinya. Dalam artikelnya, “The October Revolution and the Tactics of the Russian Communists”, yang diterbitkan pada bulan Disember tahun 1924, dia menjelaskan bahawa pendiriannya dalam *The Foundations of Leninism* hanya merupakan satu taktik untuk menentang Trotsky.²³ Bermula dari bulan Disember tahun 1924 Stalin telah menegaskan pula pendapatnya tentang kemungkinan sosialisme dihasilkan dalam sebuah negara secara bersendirian, tanpa bantuan luar. Pada bulan April tahun 1925, tesis Stalin ini telah diterima oleh parti secara rasminya di Kongres Parti yang Keempat Belas. Di persidangan ini jugalah program untuk memesatkan lagi tempo pengindustrian di Rusia diluluskan.

Hasrat Stalin untuk mencapai matlamat sosialis di Rusia tidak dinafikan. Jadi, dalam konteks ini, dasar “sosialisme di dalam satu negara” yang dianjurkan Stalin merupakan satu strateginya bagi mencapai matlamat tersebut. Ini tentu merupakan satu penyelewengan daripada teori tradisional Marx, tetapi penyelewengan juga terdapat dalam Leninisme. Jika Lenin boleh membela Dasar Ekonomi Barunya atas alasan keperluan semasa, maka Stalin juga boleh membela “sosialisme dalam satu negara” atas alasan yang sama.

REVOLUSI BERTERUSAN

Dengan dasar “sosialisme dalam satu negara”, Stalin juga telah berjaya mengatasi pesaing

²² Lihat Rauch, *op. cit.*, hlm. 168.

²³ *Ibid.*

politiknya yang ketat, yaitu Trotsky. Trotsky pada masa itu memperjuangkan konsep “revolusi berterusan”, sesuatu yang jelas bertentangan dengan konsep “sosialisme dalam satu negara”.

Trotsky telah meminjam istilah “revolusi berterusan” ini daripada Marx. Sehingga tahun 1917, “revolusi berterusan” merupakan sumbangan Trotsky yang tersendiri kepada pemikiran Marxis, walaupun golongan Bolshevik dan Menshevik menolaknya. Terdapat dua aspek “berterusan” yang dimaksudkan oleh Trotsky dalam teorinya ini. Pertama, Revolusi Rusia akan berterusan dari peringkat antifeudal kepada tahap antikapitalis. Kedua, Revolusi Rusia akan berterusan dari peringkat kebangsaan kepada peringkat antarabangsa. Penerusan di peringkat kedua ini adalah mustahak bagi menjamin kejayaan atau penerusan di peringkat pertama.²⁴

Golongan Menshevik memang tidak bersetuju dengan konsep berterusan pada peringkat pertama seperti yang diutarakan oleh Trotsky. Mereka percaya bahawa setelah tamat tahap antifeudal (atau anti-Tzar), maka Rusia perlu dibiarkan dahulu berada pada peringkat kapitalis. Revolusi antikapitalis patut dikendalikan kemudian, setelah keadaan menjadi masak untuk revolusi sosialis. Sikap Lenin terhadap hal ini sebenarnya berbelah bahagi dan bertukar-tukar. Memang pada awal-awal lagi Lenin sudah mengatakan bahawa keadaan Rusia sudah masak untuk revolusi sosialis. Setelah merampas kuasa kepercayaannya ini dimanifestasikan dengan pelancaran dasar Komunisme Perang. Namun, kepercayaan yang penuh kepada dasar ini tidak pula berterusan. Ini jelas dibuktikan apabila dia menggantikan Komunisme Perang dengan Dasar Ekonomi Baru. Lenin sendiri pernah mengatakan bahawa Trotsky tidak membuat perhitungan terhadap masalah petani dan kecintaan mereka kepada tanah. Memandangkan masalah ini, revolusi di Rusia, kata Lenin, tidak mungkin ditingkatkan daripada tahap antifeudal terus kepada tahap antikapitalis.²⁵

Dalam hal penerusan revolusi pada peringkat kedua, iaitu peringkat antarabangsa, pendirian Lenin juga berubah-ubah. Pada mulanya Lenin memang berpegang kepada konsep ini. Malah dia telah melancarkan Revolusi Rusia dengan andaian bahawa revolusi proletariat akan juga tercetus di negara Eropah lain. Walau bagaimanapun, tidak lama selepas dia merampas kuasa, Lenin telah menandatangani perjanjian damai Brest-Litvosk dengan Jerman. Ini seolah-olah telah menodai cita-cita dan semangat revolusi sosialis sejagat. Tidak hairanlah jika golongan sosialis Eropah, terutamanya di Jerman, berasa kecewa pada masa itu. Di Rusia sendiri Lenin menerima bantahan daripada kalangan pengikutnya.

LENIN DAN STALIN

Apabila membandingkan antara Lenin dengan Stalin, kita juga boleh bertanya bagaimanakah tindakan Lenin sekiranya dia sendiri berada pada masa Stalin; tidakkah dia juga akan bertindak seperti Stalin? Bukankah segala tindakan Stalin itu amat perlu dilaksanakan bagi mencapai cita-cita sosialis di Rusia? Dalam hal ini para sarjana bercanggah

24 Lihat I. Deutscher, *Stalin: A Political Biography*, hlm. 283.

25 Lihat E.H. Carr, *1917: Before and After*, hlm. 284. Lihat juga Rauch, *op. cit.*, hlm. 168.

pendapat. Jawapan kepada soalan ini bukan hanya boleh mempengaruhi penilaian seseorang itu terhadap Stalin, tetapi boleh juga menentukan sama ada seseorang itu bersedia atau tidak melihat Stalinisme sebagai pewaris sah kepada tradisi Marxis-Leninis.

E.H. Carr dengan jelas mengatakan bahawa Lenin tidak akan bertindak seperti Stalin. Terdapat beberapa bahagian daripada penulisan Carr yang menjelaskan pendiriannya ini. Misalnya dia menulis,

“Selepas kematian Lenin, para pengganti Lenin tidak mempunyai cukup keupayaan atau kesabaran bagi membangkitkan kesedaran dan sokongan massa seperti yang dihasilkan oleh Lenin pada masa revolusi dan Perang Saudara, dan mereka telah mengambil jalan pendek – kecenderungan yang sentiasa sahaja cuba memerangkap si elit – iaitu memaksakan kehendak mereka, dengan cara kekerasan yang kian nyata, terhadap golongan rakyat dan parti.”²⁶

Selanjutnya, Carr menggambarkan bagaimana berbezanya sikap Lenin daripada sikap Stalin. Carr mengatakan bahawa,

“Apabila Lenin menyatakan peri perlunya memberikan arahan dan mempengaruhi rakyat, dia tetap terus mempercayai bahawa arahan itu boleh dikendali dengan pujukan dan pengajaran daripada pengalaman. Pada pertengahan abad ke-20, kepercayaan begini telah luntur di Soviet Union dan juga di tempat lain. Barangkali inilah perbezaan asas yang terlihat pada masa peralihan daripada Lenin kepada Stalin. Lenin menganggap pujukan atau indoktrinasi sebagai proses rasional dalam erti kata ia cuba menanamkan kepercayaan rasional ke dalam jiwa orang yang mahu dipengaruhi itu. Stalin menganggapnya rasional hanya dalam erti kata ia adalah dirancang dan dikendali oleh elit yang rasional”.²⁷

Kenyataan Carr bahawa cara ganas merupakan perbezaan asas antara Lenin dengan Stalin adalah amat serupa dengan pandangan Deutsch.²⁸ Walau bagaimanapun, Hugh Seton-Watson mencurigai ketepatan pandangan ini. Seton-Watson menekankan bahawa Lenin memimpin revolusi pada masa permulaannya. Dalam keadaan kucar-kacir dan juga harapan memuncak pada masa itu, kekasaran dan keganasan Lenin tidak begitu diendahkan oleh rakyat Rusia. Sebaliknya, Stalin memerintah Rusia pada masa keadaan di negara itu sudah menjadi lebih stabil. Walaupun keadaan itu agak memuaskan hati golongan rakyat, ia tidak dapat diterima oleh para pemimpin yang mahu menjayakan cita-cita revolusi sosialis. Jadi, kata Seton-Watson, “Dalam keadaan yang begitu Lenin mungkin tidak akan melonggarkan doktrinnya lebih daripada apa yang telah dilakukan oleh Stalin”.²⁹

Penganalisisan Seton-Watson ini dipersetujui penuh oleh H.L. Roberts. Roberts menyangkal pentafsiran Carr yang menganggap Lenin akan terus bersedia memujuk rakyat dan sentiasa mahu belajar daripada pengalaman (atau rakyat) secara rasional tanpa

26 E.H. Carr, “A Historical Turning Point: Marx, Lenin and Stalin” dalam Pipes (ed.), *op. cit.*, hlm. 290–291.

27 *Ibid.*, hlm. 292.

28 Lihat di atas.

29 Hugh Seton-Watson, “Discussion” dalam Pipes (ed.), *op. cit.*, hlm. 300.

batas. Bagi Roberts, kesediaan Lenin untuk mengetahui “hasrat terpendam” rakyat hanya setakat untuk membolehkannya berwaspada terhadap apa-apa reaksi rakyat. Ini akan membolehkannya bertindak menentukan strateginya, iaitu bila untuk berkompromi dan bila pula untuk bertindak lekas dan ganas. Roberts tidak percaya Lenin akan sanggup menurut hasrat rakyat jika tindakan itu akan menjejaskan matlamat akhir sosialisme. Roberts mengatakan bahawa,

“Tetapi untuk ‘belajar’ dalam erti kata mendapatkan pemahaman intelektual dan panduan – saya meragui ini. Pada pendapat saya, impian Lenin terlalu kukuh.”³⁰

Dengan perkataan lain, Roberts percaya bahawa jika rakyat tidak dapat dipujuk untuk menerima sosialisme, maka Lenin akan memaksa mereka menerima sosialisme. Lenin tidak rela membubarkan program sosialisnya begitu sahaja kerana jiwanya sudah amat terikat kepada sosialisme.

Jika hujah Seton-Watson dan Roberts ini diterima maka tentulah tidak sukar pula untuk diterima pandangan bahawa tindakan Stalin masih berada dalam tradisi Marxis-Leninis. Malah keganasan Stalin, boleh pula dilihat sebagai sesuatu yang tidak dapat dielakkan jika pengkolektifan dan perkembangan industri secara amat pesat dan meluas mahu dilaksanakan di Rusia. Seperti juga kata Rubel,

“Sekiranya peranan Bolshevik dalam sejarah ialah untuk menghasilkan perindustrian, dan dengan itu, memproletarkan Rusia, maka apa yang dinamakan “Stalinisme” itu hanyalah meneruskan usaha ini ke matlamatnya yang logik. Lenin menyediakan peralatan yang mustahak dengan tujuan yang tertentu; Stalin menggunakan peralatan ini secara yang rasional sekali bagi mencapai tujuan itu. Dia menjadi orang yang menghidupkan ‘kediktatoran kelas-kelas revolusioner’... ”³¹

Pertikaian pendapat ini tentu tidak akan timbul jika semua bersetuju bahawa pujukan yang dilakukan oleh Lenin pasti juga akan berjaya akhirnya. Para sarjana yang menyangkal kemungkinan ini memang mempunyai asas untuk bersikap demikian. Kedegilan atau keingkaran para petani untuk menerima dasar pengkolektifan memang nyata terdapat pada masa revolusi. Di samping itu, rekod Lenin dalam menghadapi para penentangnya bukanlah satu rekod yang bersih. Lenin pernah memansuhkan Dewan Perwakilan apabila majoriti rakyat Rusia tidak memberi sokongan kepada parti Bolshevik. Lenin juga telah menubuhkan *Cheka* bagi membanteras segala bentuk penentangan terhadapnya. Memang betul Lenin telah menukarkan dasar Komunisme Perang kepada Dasar Ekonomi Baru apabila terdapat bantahan daripada rakyat. Namun begitu, pertukaran itu hanya satu strategi dan bukanlah merupakan matlamat akhir. Sejauh mana atau selama mana Lenin akan sedia menerima dan “melayani” Dasar Ekonomi Baru tetap dan masih merupakan soalan yang tidak dapat dijawab secara muktamad. Dengan ini perselisihan pendapat di kalangan para sarjana akan juga berterusan.

30 H.L. Roberts, “Comment” dalam *ibid.*, hlm. 297.

31 Rubel, *op. cit.*, hlm. 316.

KAITAN ANTARA LENINISME DENGAN STALINISME

Memandangkan adanya kaitan antara dasar Stalin dengan cita-cita Lenin, dan juga adanya ciri-ciri persamaan yang tertentu antara kedua-dua tokoh Bolshevik ini, maka beberapa orang sarjana telah menekankan pendapat yang sama dengan Rubel. Mereka melihat Stalinisme sebagai lanjutan logik kepada Leninisme. Antara mereka ini termasuklah, Carmichael, Schapiro dan Conquest. Dalam menggaluri dasar pemusatan kuasa Stalin, Carmichael misalnya menulis,

“Namun pemusatan kuasa yang tanpa tolok bandingnya pada masa kediktatoran Stalin mempunyai akar umbinya dalam keputusan yang diambil oleh Lenin dan kuasa pusat Bolshevik untuk mengendalikan negara mundur secara monopoli supaya menuju ke arah yang tertentu: keputusan itulah yang telah melahirkan Polis Politik (ejen perisik kerajaan) – hari ini dikenali sebagai KGB, yang lahir dari MVD, yang lahir dari MGB, yang lahir dari NKVD, yang lahir dari OGPU, yang lahir dari *Cheka*, yang lahir dari dikri peribadi yang digubal oleh Lenin (pada 20 Disember 1917).”³²

Seterusnya dia menambah,

“Adalah wajar untuk mengakui peranan sifat-sifat peribadi Stalin, tetapi adalah tidak realistik untuk memisahkannya dari sejarah Rusia. Pendapat yang begitu tidak boleh diterima sama sekali oleh hukum akal: bagaimanakah boleh Stalin mengendalikan begitu banyak dengan secara sendirian sahaja?”³³

Kemudian Carmichael menegaskan lagi bahawa ciri-ciri yang terdapat dalam parti, kerjasama ahli parti peringkat bawahan, konsep kediktatoran parti dan sebagainya telah turut memberi sumbangan masing-masing kepada penjelmaan kediktatoran Stalin. Carmichael juga menyalahkan idea Marx yang menekankan faktor ekonomi sebagai jentera penggerak sejarah. Rusia tidak dapat atau tidak mahu menurut idea itu. Bolshevik, kata Carmichael, tidak mahu menyalahkan idea Marx lantas Rusia dipaksa juga agar mengikuti teori Marx: “Jika Marxisme tidak sesuai dengan Rusia, Rusia mesti diper-sesuaikan dengan Marxisme”.³⁴ Dalam keadaan beginilah Stalin dikatakan telah memainkan peranannya dan memperkukuhkan rejim soviet, memperkenalkan faham ortodoks baru, parti baru, gereja baru, negara baru. Itulah, kata Carmichael dengan nada yang jelas terasa sinisnya, *masterpiece* Stalin.³⁵

Schapiro berpendapat agak serupa dengan Carmichael. Leninlah, kata Schapiro, dengan bantuan ahli parti (yang kemudiannya menentang pemusatan kuasa Stalin) “yang telah memperlengkapkannya [Stalin] dengan peralatan [untuk pemusatan kuasa], dan mendorongnya untuk menempuh perjalanannya”.³⁶

Tetapi, agak berlainan daripada Carmichael, Schapiro tidak menyalahkan ideologi

32 R. Carmichael 1976. *Stalin's Masterpiece*. London: Weidenfeld & Nicolson, hlm. 214.

33 *Ibid.*

34 *Ibid.*, hlm. 215.

35 *Ibid.*

36 L. Schapiro, 1977. *The Origin of the Communist Autocracy: Political Opposition in The Soviet State, First Phase 1917–1922*. London: Macmillan, hlm. 361.

Marx bersabit dengan kemunculan kediktatoran Stalin. Schapiro hanya menyalahkan Lenin. Beliau mengatakan bahawa pemusatan kuasa yang berlaku pada masa Lenin tidak bersesuaian dengan Marxisme. Adalah salah bagi Lenin, kata Schapiro, untuk menentang golongan sosialis lain yang tidak bersetuju dengan langkah-langkah yang diambilnya. Dia nampaknya menyesali tindakan Revolusioner Sosial dan golongan sosialis lain yang tidak berjaya menentang tindakan Lenin membubarkan Dewan Perwakilan pada tahun 1917.³⁷

Conquest juga jelas mahu mengaitkan kediktatoran Stalin dengan unsur yang sudah lahir semenjak masa Lenin lagi. Leninlah, kata Conquest, yang telah menanamkan benih-benih bagi sikap birokratik yang mendukung pemusatan kuasa.³⁸ Tindakan Stalin menyingkirkan ahli parti secara kekerasan pada tahun 1930-an adalah sesuatu yang berpunca daripada apa yang telah berlaku di Rusia sebelum itu. Sejarah Parti Bolshevik dan sifat-sifat tersendiri yang ada pada parti itu membolehkan Stalin mengendalikan dasar penyingkirannya. Namun begitu, berlainan daripada Carmichael, Conquest ada juga membuat sandaran yang tertentu. Ketika Conquest mengetengahkan hujahnya seperti yang digambarkan di atas, dia juga menyatakan bahawa kaitan antara tindakan dengan dasar penyingkiran yang dikendalikan oleh Stalin dengan keadaan parti dan negara bukanlah pula sesuatu yang mutlak. Conquest mengatakan bahawa,

“Tentulah tidak betul untuk menghujahkan bahawa ia [Penyingkiran Besar-besaran)]lahir daripada keadaan masyarakat Soviet dan keadaan parti komunis tanpa dapat dielakkan lagi.”³⁹

Pendirian Conquest ini mirip kepada pendirian Tucker. Dalam cuba menerangkan dan memahami kediktatoran Stalin, Tucker juga memberikan pertimbangan terhadap perkara lain termasuklah perampasan kuasa oleh Bolshevik pada bulan Oktober tahun 1917 dan pembentukan kediktatoran di bawah kuasa satu parti.⁴⁰ Semua faktor ini turut memberi sumbangannya masing-masing. Namun begitu, Tucker menegaskan bahawa peribadi Stalinlah yang merupakan faktor genting yang mendorong segala-galanya ke arah mewujudkan kediktatoran Stalin. Di samping itu, dan ini memperlihatkan kerumitan isu ini, Tucker tidak pula merumuskan bahawa tanpa Stalin kediktatoran tidak mungkin langsung menjelma di Rusia. Jawapannya kepada soalan sama ada kediktatoran akan lahir di dalam keadaan begitu ialah: “Barangkali, tetapi tidak semestinya”.⁴¹

Pendeknya, penentuan sama ada Stalinisme terkeluar atau tidak daripada tradisi Marxis dan Marxis-Leninis, bergantung bukan hanya pada andaian seseorang tentang beberapa faktor, tetapi juga kepada pemahaman seseorang itu tentang dasar dan matlamat tradisi itu sendiri. Dari satu segi, persoalan ini sama bentuknya dengan persoalan tentang sama ada Leninisme itu masih boleh atau tidak diiktiraf sebagai satu isme yang tidak menyeleweng daripada Marxisme.⁴² Dengan ini, isu keganasan Stalin boleh juga

37 Untuk lanjutan kepada perbincangan ini, lihat *ibid.*, hlm. 343–361.

38 R. Conquest 1968. *The Great Terror: Stalin's Purges of The Thirties*. London: The Macmillan Co. Ltd., hlm. 7.

39 *Ibid.*, hlm. 3.

40 Lihat R.C. Tucker, “A Twentieth-Century Ivan The Terrible”, dalam Rigby (ed.), *op. cit.*, hlm. 153–154.

41 *Ibid.*, hlm. 160.

42 Lihat Bab 5.

diterapkan dalam perdebatan ini. Keganasan tidak dapat dikatakan sebagai sesuatu yang asing kepada tradisi Marxis.⁴³ Mungkin betul bahawa keganasan Stalin itu terlalu hebat dan, seperti kata Rubel, tidak pernah diduga sama sekali oleh Lenin dan para Bolshevik lama.⁴⁴ Dalam hal ini, mereka yang pro-Stalin sudah tentu akan berhujah bahawa keadaan yang memaksa Stalin menggunakan keganasan adalah juga di luar dugaan. Lagipun, golongan pro-Stalin boleh juga mengatakan bahawa keganasan Stalin telah kemudiannya dapat memanfaatkan rakyat Rusia secara keseluruhannya, iaitu dengan kemanfaatan yang amat besar dan nyata. Dengan perkataan lain, mereka boleh menolak sama sekali cara penghujahan Medvedev.⁴⁵ Setelah mengambil kira akan perkara ini dan juga hujah bahawa keganasan bukanlah sesuatu yang asing kepada Marxisme, para penyokong Stalin tentu boleh mengatakan bahawa kritik terhadap Stalin adalah keterlaluan. Pernyataan Deutscher bahawa Marx dan Engels menganggap kekerasan sebagai bidan yang menguruskan kelahiran masyarakat baru, walhal Stalin menganggapnya ibu kepada masyarakat baru mungkin diketepikan oleh para penyokong Stalin sebagai permainan kata-kata sahaja.⁴⁶

KEMANFAATAN DARIPADA STALINISME: PERDEBATANNYA

Memang terdapat beberapa orang ahli sejarah yang bersedia mengiktiraf sumbangan Stalin dalam beberapa hal. Sumbangan Stalin untuk meningkatkan hasil pertanian dan industri sering disebut-sebut.

Dalam bidang pertanian, Stalin telah berjaya menjadikan konsep pengkolektifan sebagai satu kenyataan. Selepas krisis pada peringkat awal perlaksanaannya, dasar ini telah berjalan dengan licin. Menurut Rosenberg, pada tahun 1930, terdapat 37 peratus daripada tanah pertanian yang sudah ditempatkan dalam skim pengkolektifan. Seterusnya pada tahun itu juga tiga peratus daripada ladang besar kepunyaan negara dan 60 peratus daripada kawasan tanah persendirian telah dilibatkan ke dalam skim yang sama.⁴⁷

Stalin juga telah menghasilkan peningkatan pengeluaran dalam bidang industri. Pada tahun 1930, pengeluaran industri meningkat sekali ganda daripada pengeluaran sebelumnya. Pada tahun yang berikutnya pula pengeluaran meningkat sebanyak 20 peratus. Dengan ini, Stalin mendakwa bahawa dasar “sosialisme dalam satu negara” lebih menarik, bermakna dan praktikal daripada konsep “revolusi berterusan” Trotsky. Pada tahun 1930-an, Stalin dikatakan telah meniupkan semangat “patriotisme baru Soviet”.⁴⁸

43 *Ibid.*

44 Lihat di atas.

45 *Ibid.*

46 Untuk pernyataan Deutscher ini, lihat I. Deutscher, *Stalin: A Political Biography*, hlm. 344.

47 Rosenberg, *op. cit.*, hlm. 266. Data ini berlainan sedikit daripada data yang terdapat dalam buku Rauch. Menurut Rauch proses pengkolektifan telah dikendurkan antara tahun 1930–1933. Pada masa ini hanya 10% daripada tanah petani yang belum dikolektif telah dikolektifkan. Pada akhir Rancangan Lima Tahun Pertama (1929–1933) barulah 60% daripada tanah petani dapat dikolektifkan. Lihat Rauch, *op. cit.*, hlm. 182. Angka Rauch ini adalah serupa dengan angka yang terdapat dalam I. Deutscher, *Stalin: A Political Biography*, hlm. 331.

48 Rigby (ed.), *op. cit.*, hlm. 47. Lihat juga Rosenberg, *op. cit.*, hlm. 221; I. Deutscher, *Stalin: A Political Biography*, hlm. 340; R. Hingley 1974. *op. cit.* London: Hutchinson, hlm. 174–176.

Malah, menurut Deutscher, sudah terdapat para penyokong Stalin di kalangan puak *émigrés*, iaitu mereka yang dahulunya lari meninggalkan Rusia kerana bencikan Revolusi 1917; di kalangan mereka ini sudah ada yang mengiktiraf Stalin sebagai wira Rusia.⁴⁹ Selepas gangguan pengeluaran pada masa Perang Dunia Kedua, industri Rusia maju semula. Pengeluaran yang dihasilkan dalam bidang industri logam, minyak dan arang batu pada tahun 1960 sebenarnya melebihi anggaran yang pernah dibuat oleh Stalin sendiri pada tahun 1946.⁵⁰

Carr juga memberi sanjungan umum kepada kejayaan Revolusi Rusia. Revolusi Rusia berjaya menukarkan sebuah negara petani menjadi salah satu negara yang termaju dalam bidang industri dan teknologi. Kejayaan Rusia dalam bidang pelajaran dan kebajikan masyarakat juga disebut oleh Carr. Carr tidak menafikan bahawa transformasi masyarakat telah mengakibatkan penderitaan yang amat sangat yang terpaksa ditanggung oleh sebahagian besar rakyat Rusia. Tetapi Carr juga berhujah bahawa sekiranya revolusi dan keganasan tidak tercetus di Rusia, maka pemerintahan Tzar yang sentiasa mengabaikan kesejahteraan rakyatnya akan berterusan. Jadi, walaupun Carr tidak seratus peratus bersetuju dengan keganasan Revolusi Rusia, dia tetap menganggapnya sebagai sesuatu yang perlu bagi menyekat kezaliman Tzar daripada berterusan. Revolusi Rusia sendiri telah juga akhirnya menyebabkan sesuatu yang tragik dan kesan daripadanya, Carr akui, masih lagi belum hilang hingga kini. Namun begitu, setelah menimbang hal ini semua, Carr membuat rumusan yang berbunyi,

“Tetapi walau bagaimanapun perkiraan ini dibuat, adalah sia-sia untuk menafikan bahawa kesejahteraan dan peluang untuk rakyat telah jauh lebih bertambah di Rusia sekarang berbanding dengan lima puluh tahun yang lalu. Kejayaan inilah yang telah paling meninggalkan kesan di mata dunia luar dan yang telah mencetuskan keinginan di kalangan negara yang mundur dalam bidang industri untuk menirunya [Rusia].”⁵¹

Pendekatan Carr ini nampaknya amat serupa dengan pendekatan Alex Nove. Nove dalam beberapa penulisananya amat menekankan aspek penderitaan yang terpaksa dialami oleh rakyat Rusia pada masa Stalin. Kadangkala Nove juga menempelak dasar kerajaan yang sering membuat propaganda yang tidak berasas tentang penghasilan ekonomi negara. Malah Nove sedia bersetuju dengan dakwaan Medvedev bahawa tindakan ganas Stalin terhadap rakyatnya telah menjejaskan kedudukan dan pencapaian ekonomi Rusia sendiri.

Apabila Nove membuat penilaiannya tentang dasar pengkolektifan Stalin, maka Nove menegaskan bahawa dasar itu tidak berhasil mengumpulkan modal seperti yang diharapkan. Nove mengatakan bahawa,

“Negara memperoleh kurang daripada apa yang diharapkan daripada kegiatan pertanian yang kian merosot, sementara itu negara terpaksa pula menambah pembekalan bagi menampung kemusnahan binatang. Tidak dapat dinafikan, taraf hidup para pekerja telah merosot ... tentu boleh diujahkan bahawa dari segi ekonominya pengkolektifan bukan hanya tidak berperikemanusiaan tetapi juga tidak produktif.”⁵²

49 I. Deutscher, *Stalin: A Political Biography*, hlm. 341.

50 Nove, *op. cit.*, hlm. 107.

51 E.H. Carr, “A Historical Turning Point: Marx, Lenin and Stalin” dalam Pipes (ed.), *op. cit.*, hlm. 283.

52 A. Nove 1976. *An Economic History of U.S.S.R.* Middlesex, England: Penguin Books, hlm. 186.

Tentang kesan Rancangan Lima Tahun Pertama 1928–33 dalam bidang industri, Nove mendakwa bahawa “kesalahan [yang telah dilakukan] adalah amat besar, kosnya begitu tinggi sekali ... kesalahan, jenayah dan tindakan berlebih-lebihan pada masa itu adalah sesuatu yang mesti [dilakukan] dan tidak dapat dielakkan”.⁵³

Tetapi setelah memperkatakan keadaan tragis ini, Nove juga menyelitkan pembelaannya, atau sekurang-kurang “sikap mengertinya”, terhadap dasar dan tindakan Stalin. Kesalahan Stalin dikatakan juga sebagai perkara yang tidak dapat dielakkan dalam proses belajar. Stalin pada masa itu dikepung oleh musuh dari dalam negeri dan dari luar negara. Walaupun industri pembekalan bahan tentera di Urals-Kuznetsk menelan belanja yang begitu banyak, ia telah memberi bantuan besar kepada tentera Rusia dalam Perang Dunia Kedua.⁵⁴ Walau apa pun keperitan yang terpaksa dihadapi “... satu industri yang besar-besaran telah dibina”.⁵⁵ Seterusnya, Nove mengingatkan bahawa pada masa itu negara-negara Barat sedang mengalami keperitan ekonomi akibat daripada Kemelesetan Besar. Pada masa Rusia giat membina industrinya, Jerman sedang menghadapi masalah yang ditimbulkan oleh enam juta orang penganggur dan kemunculan Hitler. Nampaknya, secara kebetulan, negara Barat lain tidak dapat dilihat sebagai negara contoh pada masa itu. Jadi, secara bandingannya, kata Nove, kepayahan yang dialami oleh rakyat Rusia “bolehlah dianggap sebagai kesusahan [biasa] pada masa membangun”.⁵⁶

Pendeknya Nove, seperti juga Carr, “terikat” kepada kejayaan rejim Stalin. Oleh itu, mereka tidak dapat mengkritik Stalin secara habis-habisan. Mereka menganggap Revolusi Rusia telah membuahkan sesuatu yang baik juga akhirnya. Mereka cuba “memahami” keganasan Stalin seperti ahli sejarah lain cuba memahami keganasan Robespierre dalam Revolusi Perancis dan Machiavellianisme Bismarck dalam dasar *kliendeutsch*-nya. Jika Robespierre membela dasar ganasnya dengan alasan bahawa cita-cita Revolusi Perancis tidak patut dipersia-siakan setelah begitu banyak pengorbanan dilakukan, maka Stalin juga boleh mengutarakan hujah yang sama bersabit dengan Revolusi Rusia. Para penyokong Bismarck boleh menunjukkan hasil daripada *realpolitik* Bismarck, para penyokong Stalin juga tentu mampu berbuat begitu bersabit dengan kediktatoran Stalin. Antara sebab umum yang sering digunakan bagi membela keganasan politik termasuklah kewujudan musuh yang mahu menghancurkan sesuatu revolusi atau perjuangan itu, terdapatnya kesuntukan masa, keadaan genting dan sebagainya. Terdapat semacam kemudahan atau tarikan untuk seseorang itu memahami dan/atau “memaafkan” keganasan.

KRITIK TERHADAP KEGANASAN

Namun begitu terdapat juga sarjana yang tidak memaafkan Stalin. Sidney Hook, seperti juga Medvedev, berpendapat bahawa keganasan Stalin telah melambat dan menjejaskan proses pembangunan ekonomi dan bukannya membantu proses itu. Seterusnya, Hook mengambil pendirian yang lebih tegas daripada Medvedev. Hujah bahawa keganasan

53 *Ibid.*, hlm. 221.

54 *Ibid.*, hlm. 221–222.

55 *Ibid.*, hlm. 223.

56 *Ibid.*, lihat juga penulisannya yang lain, misalnya A. Nove: *Stalinism and After*, hlm. 112–113; dan A. Nove 1964. *Was Stalin Necessary?* London: George Allen & Unwin Ltd., hlm. 32.

dapat dimaafkan kerana tanpa keganasan pemerintahan kejam Tzar dan penderitaan rakyat akan berterusan tidak diterima oleh Hook. Hook mengatakan bahawa, hujah begini, mempertanggungjawabkan kesalahan satu pihak kepada satu pihak yang lain. Tzar yang zalim tetapi rakyat biasa yang menjadi mangsa revolusi. Hook juga menegaskan bahawa keganasan Stalin adalah sesuatu yang dirancang walhal kesan buruk daripada Revolusi Industri di Britain (yang pernah ditekankan oleh Marx dan Engels) bukanlah sesuatu yang dirancang. Oleh itu, dua fenomena itu tidak boleh dihakimi dengan satu ukuran moral yang sama.⁵⁷

Walaupun nada penghujahan Hook ini tegas, pendapatnya masih boleh dipertikaikan. Pada dasarnya, dalam sesuatu konflik pendirian berkecuali itu memanglah mungkin diambil, tetapi secara praktiknya sikap berkecuali adalah sesuatu yang amat susah ditakrifkan. Rakyat di bawah pemerintahan Stalin mungkin mendakwa bahawa mereka tidak bertanggungjawab terhadap kesalahan Tzar. Stalin mungkin boleh menerima kebenaran dakwaan ini. Tetapi sekiranya rakyat yang sama enggan menyokong revolusi maka mereka akan dengan mudahnya dicap sebagai kunci-kunci Tzar dan musuh revolusi. Pada masa Revolusi Perancis, Saint Just dengan tegasnya memutuskan bahawa musuh revolusi bukan hanya terdiri daripada mereka yang menentang revolusi tetapi juga mereka yang bersikap endah tidak endah terhadap revolusi. Stalin juga boleh menggunakan logik yang sama.

Alasan Hook bahawa kemudaratan akibat daripada Revolusi Industri di Britain atau pemerintahan Tzar adalah sesuatu yang tidak dirancang adalah juga susah untuk betul-betul dipertahankan. Para penyokong golongan pengusaha pada masa Revolusi Industri dan mereka yang bersimpati dengan pemerintahan Tzar tentu boleh menerima pernyataan begini sebagai benar. Sebaliknya, musuh mereka tentu pula boleh mendakwa bahawa golongan usahawan Inggeris dan juga Tzar memang sengaja tidak mahu melakukan sesuatu yang positif bagi rakyat di bawah jagaan mereka. Inilah teras kepada hujah mereka yang anti-Tzar dan antidasar politik liberal serta ekonomi *laissez-faire*; seperti kata Carr,

“Namun, selagi kemiskinan atau kesesakan perumahan atau pengangguran boleh didakwa sebagai akibat daripada perjalanan hukum-hukum ekonomi yang objektif, keresahan rasa hati dapat didamaikan dengan hujah bahawa apa-apa tindakan yang diambil untuk mengatasi masalah ini, dalam jangka panjangnya, akan hanya memburukkan lagi keadaan. Walau bagaimanapun, apabila sahaja segala yang berlaku dalam ekonomi dilihat sebagai akibat daripada keputusan manusia yang sengaja, dan oleh itu, boleh dielakkan, maka hujah menyokong tindakan positif tidak lagi dapat ditolak. Perasaan kasihan belas terhadap penderitaan yang tidak dapat dielakkan kini diganti dengan kebencian terhadap penderitaan yang terbiar.”⁵⁸

Jadi, nampaknya hujah Hook yang jitu hanyalah hujahnya yang menekankan kesan terakhir daripada Revolusi Rusia. Hook mengatakan bahawa,

“Hakikat yang tetap tidak dapat dinafikan ialah kaum pekerja di negara-negara Barat

57 Lihat S. Hook 1968. “The Human Costs of Revolution”, dalam *Survey* Januari, hlm. 128–132.

58 E.H. Carr, “A Historical Turning Point: Marx, Lenin and Stalin” dalam Pipes (ed.), *op. cit.*, hlm. 285.

yang menganut fahaman demokrasi telah memperoleh kebebasan yang lebih luas dan kesejahteraan yang lebih baik dengan pengorbanan yang jauh lebih sedikit daripada apa yang terpaksa ditanggung oleh rakan sejawat mereka di Rusia demi memperoleh apa yang mereka kini perolehi.”⁵⁹

Dalam pada itu pun, kekesanan hujah ini bergantung pula pada penilaian seseorang itu terhadap cara hidup komunis dan demokrasi. Seseorang yang sudah betul-betul komited kepada komunisme tidak akan menerima hujah Hook begitu sahaja. Mereka bukan sahaja akan membela kebaikan masyarakat komunis tetapi juga akan mengatakan bahawa perjuangan dan pengorbanan yang ditempuh oleh Rusia semasa revolusinya adalah sesuatu yang patut dibanggakan.

IDEOLOGI ASAS DAN KETEGUHAN TEKAD

Pendeknya perdebatan tentang baik buruknya Revolusi Rusia akhirnya akan lebih ditentukan oleh pendirian atau ideologi seseorang itu. Hal yang begini juga dapat dirumuskan tentang banyak fenomena sejarah yang lain. Sejauh mana kuatnya pegangan seseorang itu terhadap pendirian atau ideologi itu akan juga turut menentukan kekuatan tekadnya dalam berhujah atau bertindak. Stalin nampaknya terlalu kuat berpegang kepada komunisme. Lagipun baginya tekad manusia itu adalah suatu faktor yang amat penting – faktor yang mengatasi segala yang lain. Stalin pernah berkata,

“Saya percaya kepada satu perkara sahaja, kekuasaan tekad manusia.”⁶⁰

Dalam konteks Marxisme, pernyataan ini boleh juga menimbulkan kekeliruan. Pada dasarnya, Marxisme tidak menganggap peranan peribadi penting dalam perjalanan peristiwa sejarah. Dalam proses *historical materialism* peranan seseorang tokoh dilihat hanya sebagai menyempurnakan perlaksanaan sesuatu perkara yang telah ditentukan kelahirannya oleh faktor ekonomi, iaitu perubahan dalam kaedah pengeluaran. Malah, Stalin secara ironisnya pernah menangkis kritikan golongan komunis terhadap dirinya dengan hujah bahawa faktor atau tindakan peribadinya tidak penting. Namun begitu, memang terdapat juga pernyataan Marx yang memberi penghargaan kepada sumbangan seseorang individu dalam menentukan proses sejarah.⁶¹

Walau bagaimanapun, bagi seseorang yang bebas daripada ikatan Marxisme dan percaya kepada kepentingan tindakan seseorang individu atau tokoh dalam proses sejarah, maka peranan Stalin tentu akan diberi penilaian yang sewajarnya. Kekesanan daripada dasar Stalin yang penuh tekad itu tidak akan dinafikan. Hal ini tidak lagi akan menjadi isu yang mahu diperdebatkan. Apa yang mahu diperdebatkan ialah sama ada kesan daripada kekuatan tekad itu baik atau buruk. Golongan yang tidak bersetuju dengan matlamat akhir Revolusi Rusia, tentu akan menyesali tindakan Stalin. Malah seorang sarjana pernah menyesali sikap yang terlalu meletakkan kepercayaan kepada keupayaan sistem politik

59 Hook, *op. cit.*, hlm. 137.

60 Lihat W. Duranty, “Stalin & Co., The Men Who Run Russia”, dalam Rigby (ed.), *op. cit.*, hlm. 80.

61 Lihat Bab 5.

Marxis. Tradisi Marxis-Leninis yang terlalu menjanjikan kesejahteraan umum menerusi ideologinya ini amat merbahaya sekali. Roberts mengatakan bahawa,

“... saya fikir bahaya yang sebenarnya terletak pada gesaan terhadap tindakan spontan yang terarah, dan pengawalan secara sedar: iaitu percubaan untuk meluaskan penggunaannya untuk menyelesaikan terlalu banyak masalah. Terdapat masalah sosial, persoalan keadilan sosial yang berat dan rumit yang mungkin tidak dapat diselesaikan menerusi ‘cara-cara politik’ dan usaha untuk menyelesaikannya secara politik akan dengan mudahnya berkesudahan dengan kaedah ‘pentadbiran’ ala Stalin ...”.⁶²

Apabila keteguhan tekad digabungkan dengan keyakinan yang tersalah asas maka akibatnya adalah sesuatu yang tragik. Inilah rasanya apa yang mahu disampaikan oleh Roberts. Ini memang boleh diakui kebenarannya tetapi ia tidak boleh dijadikan alasan bagi menolak keteguhan tekad sebagai sesuatu yang positif. Tentulah keteguhan tekad yang digabungkan dengan keyakinan kepada sesuatu yang wajar dan betul asasnya merupakan suatu gabungan yang patut disanjung. Jadi, isu yang kritikal di sini ialah menentukan keyakinan mana yang betul atau salah asasnya.

Perbincangan tentang masalah penentuan ini akan mengembalikan kita kepada pangkal perdebatan semula. Ada yang akan mengatakan asas Stalin betul dan ada juga mereka yang akan menolaknya sama sekali. Perbezaan asas begini susah dapat diselesaikan dan perbezaan beginilah yang selalunya turut membuahkan ciri-ciri perbezaan yang lain. Hal begini mungkin lenyap daripada menjadi satu isu apabila kedua-dua pihak yang saling bertentangan bersetuju untuk tidak bersetuju.

Apabila perbincangan sampai ke tahap ini, maka satu isu lain yang mungkin berfaedah dikemukakan di sini ialah kenapa Stalin akhirnya berjaya mengatasi tentangan daripada pihak yang memusuhinya? Kenapa mereka yang bersetuju untuk tidak bersetuju dengan Stalin membiarkan Stalin mencorakkan kehidupan mereka dan tidak sebaliknya? Apakah corak akhir sejarah sebenarnya ditentukan oleh kelemahan dan kekuatan tekad yang terdapat di kalangan para protagonis yang terlibat?

Banyak faktor yang pernah dan boleh dikemukakan bagi menjawab persoalan di atas. Sekiranya faktor tekad dianggap sebagai faktor utama dalam pencorakan sejarah maka kekalahan para penentang Stalin secara mudahnya dapat dikatakan sebagai berpunca daripada kelemahan tekad. Untuk terus menekankan kepentingan faktor ini, seseorang boleh juga menghujahkan bahawa para penentang Stalin yang lebih daif daripada Stalin dari segi kelengkapan fizikal atau material telah tidak dapat menampung kedaifan itu dengan suatu tekad yang kuat – jauh lebih kuat daripada tekad Stalin. Penentangan yang terdapat pada masa Stalin, walaupun secara tersendiri adalah hebat, tidak dapat akhirnya dikatakan gigih apabila ia dibandingkan pula dengan sikap dan dasar Stalin. Penentangan ini merupakan saki-baki daripada tekad yang kemudiannya dihancurkan oleh tekad Stalin yang menggunung. Pendeknya ia bukanlah merupakan suatu permulaan kepada satu penentangan hebat yang bakal berterusan.

62 Roberts, *op. cit.*, hlm. 296.

PENENTANGAN DAN KEMUSNAHAN

Namun rumusan ini tidak pula bermakna bahawa tidak terdapat langsung penentangan yang hebat. Penentangan yang hebat pun masih boleh dikatakan tidak hebat apabila dibandingkan dengan kehebatan penekanan Stalin yang akhirnya berjaya menundukkan penentangan terhadapnya.

Daripada peringkat awal lagi penentangan sudah pun berlaku, misalnya terhadap dasar pengkolektifan pertanian Stalin. Akibat daripada penentangan ini, Stalin terpaksa mengendurkan tempo atau proses pengkolektifannya. Dia mengakui bahawa kekerasan dan tindakan tergesa-gesa telah dilakukan tetapi menyalahkan para pegawainya. Dakwaan ini dibuatnya dalam satu artikel berjudul “Mabuk dengan kejayaan”.⁶³ Berjuta-juta para petani telah mengambil kesempatan daripada peristiwa ini dan meninggalkan ladang-ladang kerajaan. Pada bulan Mac tahun 1930, 60 peratus daripada 25 juta keluarga petani telah ditempatkan dalam skim pengkolektifan, tetapi dengan peristiwa “pelarian” ini, jumlah ini susut sebanyak 23 peratus. Stalin terpaksa menukar semula dasar berkomprominya. Rakyat yang menjual hasil pertanian di luar skim pengkolektifan hanya boleh mendapatkan harga yang amat murah. Sebaliknya, cukai yang mereka terpaksa tanggung amat tinggi. Mereka yang lari dari ladang kerajaan juga diugut dan dibuang daerah. Malah Stalin pernah didakwa sebagai telah cuba memastikan rakyat akan kebuluran jika mereka enggan menyertai skim pengkolektifan.⁶⁴ Pertarungan, yang kata Stalin boleh menentukan “hidup mati” rancangan pengkolektifan ini, akhirnya dimenangi juga olehnya menjelang tahun 1934.⁶⁵ Pengorbanan atau kemusnahan yang terpaksa dialami oleh para petani nyata begitu teruk sekali. Jutaan ternakan (dan juga rakyat) telah mati. Ternakan mati sama ada kerana dibunuh oleh petani yang menentang atau kerana terbiar tidak dijaga. Tingginya kadar kemusnahan binatang ternakan ini dapat dikesan dengan jelas sekiranya jumlah ternakan pada tahun 1928 dan tahun 1933 dibandingkan. Pada tahun 1928, terdapat 70.5 juta ekor lembu walhal pada tahun 1933 jumlah ini tinggal hanya 38.4 juta ekor sahaja. Jumlah biri-biri dan kambing pula ialah 146.7 juta pada tahun 1928 dan hanya 50.2 juta pada tahun 1933. Di daerah Kazakhstan, daerah yang terkenal dengan usaha ternakan, daripada sejumlah 19.2 juta ekor biri-biri dan kambing yang terdapat pada tahun 1928 hanya tinggal 2.6 juta sahaja pada tahun 1935. Penduduk Kazakhstan seperti juga rakyat di daerah Ukraine, utara Caucus dan daerah-daerah Asia telah bangkit memberi penentangan keras terhadap Stalin. Ekoran daripada krisis ini, kebuluran telah menjadi-jadi di bandar-bandar dan juga di Ukraine yang memang biasanya terkenal sebagai daerah pertanian yang subur. Pada tahun 1929 dan tahun 1930, menurut anggaran Solzhenitsyn, seramai lebih kurang lima belas juta orang petani telah terkorban dalam proses pengkolektifan Stalin.⁶⁶ Solzhenitsyn mengatakan bahawa,

63 A. Nove, *Stalinism and After*, hlm. 44.

64 Lihat Kuper, *op. cit.*, hlm. 148. Namun Nove kurang bersetuju dengan pendapat ini. Lihat A. Nove, *Stalinism and After*, hlm. 45.

65 Istilah “hidup mati” ini digunakan sendiri oleh Stalin dalam suratnya kepada novelis Sholokhov. Stalin juga pernah menyatakan kepada Churchill bahawa perjuangannya menentang golongan petani adalah teruk seperti juga penentangannya terhadap Nazi. Lihat A. Nove, *Stalinism and After*, hlm. 45.

66 Lihat Kuper, *op. cit.*, hlm. 141 dan hlm. 144–147; dan A. Nove, *Stalinism and After*, hlm. 44–45.

“Tidak ada peristiwa lain dalam sejarah Rusia yang dapat dibandingkan dengan hal ini. Ia adalah gerakan menempatkan semula seluruh rakyat secara paksa, satu bencana besar terhadap satu kaum.”⁶⁷

Memang terdapat perbezaan anggaran di kalangan para sarjana tentang jumlah petani yang sebenarnya terkorban. Perbezaan anggaran ini berkisar daripada angka lima hingga lima belas juta orang. Menurut Leo Kuper, anggaran ini terpaksa pula ditokok dengan jutaan para petani yang mati kebuluran antara tahun 1928 hingga tahun 1933.⁶⁸

PENYINGKIRAN BESAR-BESARAN

Golongan yang menjadi sasaran Stalin bukan hanya terdiri daripada golongan rakyat petani tetapi golongan lain juga. Golongan politik dan kader komunis menjadi sasaran utama Stalin dalam gerakan Penyingkiran Besar-besaran antara tahun 1936 hingga tahun 1939. Peristiwa ini berlaku serentak dengan peristiwa Pembicaraan Yang Dipamerkan yang telah menggemparkan dunia pada masa itu. Dalam siri pembicaraan ini, tokoh-tokoh lama Bolshevik dan juga para pegawai tinggi parti telah, antara lain, dituduh merancang mahu membunuh Stalin dan menjalankan kegiatan anti-Jawatankuasa Pusat. Semua mengaku salah. Tetapi siasatan yang dikendalikan kemudian membuktikan bahawa mereka sebenarnya telah diseksa terlebih dahulu secara fizikal dan psikologi sehingga mereka hilang perhitungan sendiri dan hanya menyerah untuk dipergunakan oleh Stalin dan golongannya. Inilah salah satu tindakan Stalin yang kemudiannya dikritik keras oleh Khrushchev. Malah ada antara tokoh parti yang dikenakan hukuman bunuh telah kemudiannya diiktiraf semula sebagai tidak bersalah, iaitu pengiktirafan secara nama sahaja.⁶⁹ Anggaran terhadap jumlah rakyat yang menjadi mangsa tindakan Stalin ini juga berbeza-beza. Menurut Medvedev, sekurang-kurangnya empat atau lima juta orang telah menjadi mangsa penekanan politik Stalin, sementara empat atau lima ribu orang pula (semuanya ahli parti yang berjawatan tinggi) telah ditembak mati. Menurut Conquest pula, daripada bulan Januari tahun 1937 hingga bulan Disember tahun 1938 terdapat lebih kurang dua belas juta banduan politik, sama ada di dalam jel atau kem tahanan. Daripada jumlah ini, tiga juta telah mati sama ada dalam kem atau setelah dijatuhkan hukuman bunuh. Terdapat juga anggaran bahawa lapan juta orang telah ditangkap dan sepuluh peratus daripada jumlah ini telah dikenakan hukuman bunuh. Anggaran Solzhenitsyn pula ialah setengah juta banduan politik telah dihukum mati pada tahun 1937–38.⁷⁰

GOLONGAN ETNIK

Kemudian terdapat pula golongan etnik yang telah dipindahkan dari daerah kediaman mereka secara paksa pada tahun 1943-46. Mereka dipindahkan ke daerah pedalaman Rusia seperti Siberia, Asia Tengah, Uzbekistan dan lain-lain kerana ada di kalangan mereka

67 Seperti yang dipetik dalam Kuper, *op. cit.*, hlm. 141.

68 *Ibid.*, hlm. 148.

69 Palmer dan Colton, *op. cit.*, hlm. 746.

70 Medvedev, *op. cit.*, hlm. 239; Conquest, *op. cit.*, hlm. 532 dan Kuper, *op. cit.*, hlm. 148–150.

dituduh bersubahat dengan Jerman semasa Perang Dunia Kedua. Kaum yang terlibat ini ialah orang Islam seperti Tartar, Chechen, Ingush, Karachi dan Balkar, dan orang Buddha seperti Kalmuk. Daripada jumlah satu juta yang dianggarkan terlibat ini, majoritinya ialah wanita dan kanak-kanak. Daripada satu anggaran, dikatakan secara puratanya dua puluh peratus daripada setiap golongan etnik ini telah terkorban sama ada dalam perjalanan atau pada peringkat awal penempatan mereka di daerah baru. Tuduhan terhadap golongan Islam sebagai musuh negara adalah aneh juga kerana golongan yang sama telah beberapa kali menolong Tentera Merah pada masa Revolusi dan dalam Perang Dunia Kedua. Mereka telah pun dipuji secara rasmi kerana sumbangan mereka.⁷¹ Gerakan golongan Islam membela cara hidup berpanduan syariah Islam telah bermula dari zaman Tzar lagi. Para aktivis Islam telah terlibat dalam pertempuran demi pertempuran dengan rejim Tzar dan rejim Komunis selepas zaman Tzar. Malah pada tahun 1960-an pun “Laporan tentang penentangan secara pasif sering terdapat dan nampaknya, sekurang-kurangnya di kawasan desa, kempen antiagama yang dikendali oleh Parti [Komunis] telah mendorong kegiatan Islam dikendalikan secara bawah tanah dan tidak pun mengurangkan pengaruhnya”.⁷²

Sokongan setengah-setengah ulama Islam terhadap politik rejim komunis adalah didasar kepada harapan untuk mendapatkan pengiktirafan dan sokongan rejim tersebut. Namun faedah yang terhasil daripada dasar begini amat terhad. Rejim Rusia berpegang teguh kepada dasar antiagama walaupun ia mahu memaparkan kepada dunia luar dasar yang liberal. Faedah yang diberikannya kepada golongan Islam nampaknya terancang dan terbatas.⁷³

Walau bagaimanapun, secara keseluruhannya dan secara zahirnya rejim Stalin (dan rejim selepasnya) berjaya mengatasi penentangan daripada golongan Islam dan juga agama lain seperti Katolik, Protestant, Yahudi dan Buddha. Penentangan golongan agama, sama ada secara aktif atau pasif tidak berjaya mempertahankan amalan dan institusi agama masing-masing daripada dijejaskan atau diceroberi.

Setelah diambil kira berbagai-bagai bentuk penindasan Stalin ini, maka jumlah rakyat yang dianggarkan terkorban antara tahun 1929 hingga tahun 1939 ialah di sekitar 20 juta orang.⁷⁴ Sementara itu, satu sumber yang lain pula menganggarkan nyawa yang terkorban sejak permulaan Revolusi Rusia (1917) hingga tahun 1959 ialah 66 juta.⁷⁵ Leo Kuper mengatakan bahawa,

“Biarpun anggaran ini tidak pasti adalah jelas bahawa kita kini berhadapan dengan malapetaka besar zaman kita.”⁷⁶

Dalam menghadapi malapetaka daripada Stalin, para petani, kata Nove, “tidak,

71 R. Conquest 1968. *Religion in The U.S.S.R.* New York: Frederick A. Praeger Pub., hlm. 79; lihat juga hlm. 67–80 dan R. Conquest 1960. *The Soviet Deportation of Nationalities*. London: Macmillan & Co. Ltd., hlm. 51–54 dan hlm. 159–170. Lihat juga I. Deutscher, *Stalin: A Political Biography*, hlm. 577–579.

72 R. Conquest, *Religion in The U.S.S.R.*, hlm. 76–80.

73 *Ibid.*

74 Kuper, *op. cit.*, hlm. 97.

75 *Ibid.* Angka ini ialah menurut anggaran Solzhenitsyn.

76 *Ibid.*

mempunyai keupayaan politik” untuk betul-betul menentang. “Ramai ahli parti yang jujur dan kuat menjadi gerun, sedikit sekali ahli politik yang berani untuk memperkatakannya dalam suasana politik yang terdapat pada masa ini. Isteri Stalin, Allilueva, dikatakan telah membunuh diri sebagai satu protes terhadap apa yang berlaku.”⁷⁷

Soal etnik memanglah berkait rapat dengan satu dasar penting Marxisme, iaitu dasar tentang persaudaraan manusia sejagat dan autonomi. Marx memang jelas menekankan kepentingan penyatuan proletariat antarabangsa. Semangat ini dipatuhi oleh Lenin. Malah, atas sebab kesetiiaannya kepada konsep inilah, maka parti Bolshevik di bawah pimpinannya berpisah daripada golongan Menshevik di Kongres Kumpulan Demokrat Sosial di London pada tahun 1903.⁷⁸ Pada tahun 1912 pula Lenin membangkang pembentukan parti-parti Demokrat Sosial yang berasaskan rumpun bangsa di Austria. Golongan ini menuntut apa yang mereka sifatkan sebagai “autonomi-kebangsaan-kebudayaan”. Sebaliknya, Lenin mengecam tuntutan ini sebagai “penyesuaian sosialisme kepada nasionalisme”.⁷⁹ Lenin khuatir fenomena ini akan menghancurkan perpaduan di kalangan baris penentang Tzar di Rusia. Jadi, bagi Lenin para revolusioner daripada berbagai-bagai golongan etnik patut bersatu dalam satu persatuan, seperti para revolusioner di daerah Georgia dan Armenia. Mereka ini telah bersatu dalam satu pertubuhan yang dinamakan Organisasi Caucasia Raya. Rakyat Rusia sendiri turut menjadi ahli pertubuhan ini. Marx sendiri, pada suatu masa, pernah mengharapkaun kaum Yahudi di Eropah diasimilasikan sahaja dengan rakyat tempatan. Marx tidak menganjurkan pembentukan sebuah negara khas untuk mereka.

Pemikiran dan dasar Stalin juga tidak berbeza daripada dasar Marx dan Lenin dalam soal hak golongan etnik atau autonomi tempatan. Dalam *Marxism and the National Question* yang ditulisnya pada bulan Januari tahun 1913, Stalin mendakwa bahawa konsep “autonomi-kebangsaan-kebudayaan” hanya merupakan topeng kepada nasionalisme. Stalin mengecam, malah mengambil tindakan keras terhadap mereka yang memperjuangkan kepentingan kedaerahan Georgia biarpun dia sendiri berasal dari Georgia. Stalin mengatakan bahawa tugas parti bukanlah untuk mengekal dan memperkembangkan unsur kebangsaan atau kedaerahan sesuatu kaum, tetapi untuk menyediakan rakyat bagi perjuangan kelas. Lenin menyanjung tinggi karya Stalin ini dan menganggapnya sebagai salah satu pengolahan teori Marxis yang terbaik tentang soal ini.⁸⁰

Walau bagaimanapun, Lenin dan Stalin tidak pula menafikan hak rakyat untuk menentukan nasib kebangsaan sendiri. Prinsip ini sudah termaktub sebagai salah satu artikel parti Demokrat Sosial. Dalam konteks pemikiran beginilah Lenin pernah menekankan bahawa sesuatu golongan atau bangsa itu berhak untuk berpisah daripada sesuatu negara merdeka jika mereka mahu. Lantas Lenin juga sering mengutuk sikap yang tidak bertolak ansur terhadap aspirasi tersendiri golongan tertentu. Dia mengecam apa yang disifatkan sebagai “ketaksuban Rusia Raya”. Kadangkala dia nampaknya mengakui bahawa faham kebangsaan adalah sesuatu realiti yang tidak dapat dikesampingkan begitu

77 A. Nove, *Stalinism and After*, hlm. 45–46.

78 Lihat Bab 5.

79 Lihat R.C. Tucker 1973. *Stalin As A Revolutionary 1876–1929: A Study in History and Personality*. New York: W.W. Norton & Co. Inc., hlm. 151.

80 *Ibid.*, hlm. 156.

sahaja. Dalam pada itu pula, dia juga melihat sikap bertolak ansur itu sebagai taktik untuk menarik minat bangsa-bangsa lain di dunia ke arah sosialisme. Oleh itu, Rusia perlu memberi layanan yang baik kepada bangsa bukan Slav.⁸¹ Hal ini pernah ditekankan oleh Lenin dalam pidatonya di soviet Moscow pada bulan Februari tahun 1921. Lenin mengatakan bahawa,

“Kita telah berjaya membuktikan di Barat – di mana sahaja kuasa Soviet bertapak, penindasan kebangsaan akan lenyap – kita akan membuktikan ini di Timur juga.”⁸²

Penegasan Lenin, dan juga Stalin, terhadap hak kebangsaan ini nampaknya begitu murni dari segi teorinya. Tetapi dari segi praktiknya, penegasan ini amat sukar untuk diseimbangkan dengan prinsip atau tuntutan sosialisme yang mahu menyatukan proletariat sejagat tanpa batasan bangsa. Bagaimanakah pertentangan ini dapat diatasi? Stalin memang pernah mengatakan bahawa tugas ahli Parti Demokrat Sosial ialah untuk mempengaruhi rakyat agar tidak terus menaruh minat terhadap idea dan semangat kebangsaan yang boleh menjejaskan kesatuan proletariat antarabangsa. Ahli Parti Demokrat Sosial, di samping melaungkan kebebasan beragama, patut mempengaruhi rakyat agar memusuhi agama Kristian mazhab Katolik, Protestan atau Ortodoks. Pernah juga ahli sejarah mengatakan bahawa sikap Lenin terhadap soal ini lebih lembut daripada Stalin. Lenin, misalnya, pernah mengecam dasar Stalin yang dianggapnya agak keterlaluan terhadap para pejuang autonomi di daerah Georgia.⁸³ Seterusnya, memanglah pula terdapat tindakan ganas Stalin menundukkan perjuangan kebangsaan bangsa-bangsa di Eropah Timur semasa dan selepas Perang Dunia Kedua.⁸⁴ Pada masa itu persoalan utama yang dihadapi oleh Stalin ialah bagaimana dia boleh memastikan Rusia tidak dimusnahkan oleh kemaraan tentera Nazi dan dikepong oleh kuasa kapitalis Barat. Dalam keadaan genting yang baru ini, Stalin sebenarnya telah menukar dasar “sosialisme dalam satu negara” kepada dasar “sosialisme dalam satu zon”. Bagi Stalin, perlaksanaan dasar “sosialisme dalam satu zon” sudah merupakan sesuatu yang menentukan hidup matinya negara sosialis Rusia dan pergerakan sosialis antarabangsa. Hak autonomi kebangsaan perlu diketepikan sahaja. Bagaimanakah jika Lenin sendiri berada dalam keadaan genting begini? Apakah dia akan mengutamakan perwujudan negara sosialis atau idealismenya tentang hak autonomi kebangsaan?

ARENA ANTARABANGSA

Dalam hubungan atau arena politik antarabangsa, isu ketiadaan tentangan terhadap pemerintahan Stalin juga pernah ditimbulkan. Memang dari mulanya lagi kuasa-kuasa Barat tidak mencapai kata sepakat tentang soal bagaimana untuk menghadapi Revolusi Rusia. Mereka tidak mencapai kata putus tentang sama ada faham Bolshevik patut dibendung

81 65% daripada rakyat Rusia pada masa itu adalah sama ada bukan Slav, atau Slav tetapi bukan daripada golongan Rusia Raya, iaitu seperti orang Ukraine dan Byelorussia.

82 R.C. Tucker, *Stalin As A Revolutionary*, hlm. 224.

83 *Ibid.*

84 Lihat di atas.

atau dihapuskan. Lantas faktor ketiadaan kata sepakat (dan kelemahan tekad) di pihak kuasa-kuasa Barat ini pernah diketengahkan sebagai faktor yang mustahak juga di sebalik kemenangan Lenin dalam Perang Saudara Rusia.

Kemudian apabila munculnya Hitler di Jerman dan permusuhan nyata timbul antara faham Bolshevik dengan faham Fasis, satu reaksi lain pula timbul di Barat. Terdapat sikap yang mengharapakan permusuhan ini akan akhirnya menghancurkan kedua-dua gerakan itu sekali gus, iaitu tanpa kuasa Barat lain perlu mengambil apa-apa tindakan pun. Harapan ini menerima tempelakan apabila Hitler dan Stalin menandatangani perjanjian persahabatan yang dikenali sebagai Pakatan Nazi-Soviet pada bulan Ogos tahun 1939. Pakatan ini juga merupakan tamparan hebat kepada pejuang dan penyokong sayap kiri Eropah yang memang anti-Fasis dan melihat Rusia sebagai kuasa revolusioner baru yang anti-Fasis.

Walau bagaimanapun, harapan agar Jerman dan Rusia bertarung sama sendiri muncul semula apabila Hitler menyerang Rusia pada bulan Jun tahun 1941. Kini Hitler, dengan dasar perluasan daerahnya, dilihat sebagai lebih merbahaya daripada Stalin. Kuasa-kuasa Barat, sudah bersedia bekerjasama dengan Stalin walaupun Stalin sendiri kadang-kadang mencurigai keikhlasan mereka. Pihak yang semata-mata mahu menggunakan Stalin sebagai alat untuk menghancurkan Hitler rela menyetepikan sahaja soal politik di dalam negeri Rusia. Keganasan Stalin tidak dijadikan isu dalam politik antarabangsa. Sikap begini sekurang-kurangnya dapat dikesan dalam pemikiran duta khas Presiden Roosevelt kepada Churchill dan Stalin 1941–46, iaitu Averell Harriman. Apabila Harriman ditanya sama ada dia menyedari bahawa dia sebenarnya berbicara dengan “penzalim terbesar zaman moden”, dia menjawab bahawa,

“Saya tidak berminat untuk mengetahui peribadi Stalin sebagai manusia atau bagaimana dia memerangi saingannya. Tumpuan saya ialah terhadap menghasilkan matlamat saya, iaitu untuk membuktikan kepada Stalin bahawa kami boleh memberikannya bantuan yang cukup untuk meneruskan perjuangan Tentera Merah dalam Perang [Dunia Kedua]. Saya berminat terhadapnya sebagai ketua sebuah negara yang mempunyai kaitan penting dengan keselamatan negara saya sendiri ... Tugas saya bukanlah untuk menilai akhlak Stalin atau untuk menentukan tempatnya dalam sejarah ...”⁸⁵

Dengan lebih tegas lagi Harriman menyambung,

“... apa yang saya mahu tekankan ialah bahawa saya tidak pun peduli tentang akhlak Stalin atau ‘Pembicaraan Yang Dipamerkan’ pada tahun 1936–38 atau kempen pengkolektifannya ...

Memang saya mengetahui tentang perbuatan lampau Stalin, kekejamannya pada tahun 1930-an dan lain-lain, tetapi saya mempunyai tugas untuk dikendalikan, dan ia bukanlah selaku seorang pelancong atau pengkaji sejarah Komunis”.⁸⁶

Jika Harriman tidak berhajat untuk melihat Stalin daripada kaca mata seorang

85 G. Urban, “Was Stalin (The Terrible) Really A ‘Great Man’? A Conversation with W. Averell Harriman (President Roosevelt’s Special Ambassador to Churchill and Stalin, 1941–1946)” dalam *Encounter*, November 1981, hlm. 21.

86 *Ibid.*, hlm. 22.

pengkaji sejarah Komunis, Stalin sendiri nampaknya tidak berhajat untuk bertindak sebagai revolusioner komunis antarabangsa. Untuk mengamal dasar “sosialisme dalam satu zon”nya, diplomasi Stalin kelihatan tidak jauh berbeza daripada diplomasi Bismarck. Selepas penyatuan Jerman, Bismarck terlalu cermat dalam hubungan antarabangsa. Dia mahu mengelakkan peperangan antara Prusia dengan mana-mana negara lain. Stalin juga mahu mengelakkan peperangan. Jika Stalin terpaksa berperang, dia, seperti juga dengan Bismarck, tidak mahu berdepan dengan dua musuh sekali gus, iaitu Nazi dan kuasa Barat yang lain. Seperti Bismarck, Stalin juga tidak ragu-ragu untuk menjadikan musuhnya kawan (atau sebaliknya) demi menyelamatkan negara sendiri. Jadi, apabila negara-negara Barat nampaknya membiarkan sahaja Hitler menakluki satu demi satu negara Eropah Timur yang berhampiran dengan Rusia, Stalin mengambil keputusan untuk menjalinkan kesefahaman dengan kuasa Nazi di Berlin pada tahun 1939. Hitler yang sebelum ini sentiasa dikecam hebat oleh Stalin bertukar menjadi tokoh yang disanjung pula. Golongan komunis di Jerman, golongan komunis yang paling revolusioner dan berpotensi di Eropah, dinasihatkan agar menangguk apa-apa rancangan kebangkitan bersenjata mereka. Kini kuasa kapitalis Barat dianggap musuh yang paling utama. Di Jerman, golongan Demokrat Sosial dianggap oleh Stalin lebih merbahaya daripada faham Fasis Hitler sendiri. Stalin telah lama menggelar golongan ini ‘Fasis sosial’.

Kemudian apabila Hitler menyerang Rusia pada bulan Jun tahun 1941, Stalin menerokai pula jalan untuk menjalinkan hubungan dengan kuasa kapitalis Barat. Churchill dan Roosevelt menjanjikan segala pertolongan yang mungkin kepada Stalin. Ekoran daripada ini terjalinlah kerjasama antara Rusia dengan Amerika dan Britain. Stalin bersetuju menerima hutang bernilai satu bilion dolar dari Amerika. Kini parti komunis di negara lain diarahkan untuk bekerjasama dengan kerajaan kapitalis borjuis di negara masing-masing. “Barisan bersatu” antara golongan komunis dengan golongan lain selain Fasis patut dibentuk bagi menentang faham Fasis. Faham Fasis kini mengambil tempat kapitalisme sebagai musuh utama komunis. Persatuan sosialis antarabangsa, Komintern, telah dibubarkan oleh Stalin pada bulan Mei tahun 1943. Dengan ini Stalin berharap Britain dan Amerika akan lebih yakin kepada pendirian dan persahabatan Rusia. Parti komunis di luar Rusia sekali lagi dianjurkan agar menanggukkan revolusi mereka. Tito di Yugoslavia enggan patuh kepada arahan Stalin. Tito, yang pada mulanya merupakan pendukung Stalinisme yang paling setia di luar Rusia, berjaya merintis jalannya yang tersendiri menuju kepada revolusi sosialis pada bulan Jun tahun 1948. Secara praktiknya, dia telah membawa Yugoslavia keluar daripada lingkungan “sosialisme dalam satu zon” Stalin. Pada tahun yang berikutnya, Mao Tse Tung di China pula telah memeranjatkan Rusia dengan Revolusi Komunisnya yang tersendiri. Seperti Tito, Mao Tse Tung tidak mahu mematuhi arahan Stalin untuk melambatkan revolusi komunis di negara sendiri.

Stalin mencari kawan, berkawan dan bertukar kawan bukan kerana mahu menjaga kemurnian ideologi komunis tetapi kerana mahu melindungi kepentingan negara. Malah, demi mencapai tujuan nasionalnya, Stalin rela meletakkan kepentingan revolusi sosialis antarabangsa dalam bahaya.

KAEDAH PEMISAHAN SEBAGAI RUMUSANNYA

Mungkinkah kaedah “pemisahan” seperti yang pernah dilakukan oleh Harriman juga

merupakan kaedah yang akhirnya (atau sebenarnya) dianuti oleh rakyat Rusia secara keseluruhannya? Faktor ini amat sukar untuk ditentukan. Apa yang dapat diketengahkan ialah jangkaan semata-mata. Namun jika jangkaan begini diterima maka boleh juga barangkali sikap rakyat yang mulanya menentang Stalin tetapi menyanjung dasar pengindustriannya dan menitiskan air mata atas kematiannya dapat lebih difahami. Mereka (sekiranya mereka itu terdiri daripada golongan yang sama) telah nampaknya menyerah kalah kepada kenyataan yang telah digubah oleh Stalin. Mereka telah memisahkan Stalin sebagai penjahat yang dibenci daripada Stalin sebagai arkitek ekonomi yang disanjung. Ini mungkin merupakan jalan keluar yang difikir paling realistik bagi rakyat yang tidak berupaya untuk mendapatkan kebaikan yang menyeluruh daripada kehidupan mereka.

Sebaliknya, tindakan rakyat menyerah kepada kenyataan yang telah digubah oleh Stalin ini boleh juga dilihat dalam perspektif yang negatif. Mereka telah kehilangan tekad bagi membela kepercayaan sendiri; atau kepercayaan mereka telah luntur sehingga tidak berupaya lagi membantu mereka meneguhkan tekad. Kelemahan ini telah seolah-olah melibatkan mereka dalam satu keadaan dilema kerana nilai-nilai mereka sudah berkecamuk. Mereka membiarkan kebencian mereka terhadap Stalin bercampur-aduk dengan sanjungan mereka terhadapnya. Mereka tidak menolak Stalin atas sebab kejahatannya kerana tidak yakin yang mereka sendiri boleh menghasilkan kebaikan tanpa kejahatan. Keyakinan mereka tidak dapat menandingi keyakinan Stalin. Mereka kalah.

Dalam konteks ini, wajar barangkali kita kembali kepada pernyataan Roberts yang menegaskan peri bahayanya tindakan spontan dan terarah yang cuba “untuk menyelesaikan terlalu banyak masalah”. Roberts juga menyesali penggunaan ideologi Marxis bagi menghasilkan tujuan yang terlalu luas itu.⁸⁷ Roberts mungkin mahu mengatakan bahawa masalah yang terlalu banyak tidak mungkin diselesaikan; atau dia mungkin hanya mahu mengatakan bahawa masalah tidak mungkin diselesaikan menerusi Marxisme. Jika jangkaan tentang telahan Roberts ini benar, (satu daripadanya atau kedua-duanya sekali), masih sukar bagi kita untuk menafikan bahawa akan ada orang yang berusaha untuk menyelesaikan “terlalu banyak” masalah menerusi sesuatu cara tertentu. Inilah isunya. Seseorang atau satu kumpulan orang yang berbuat begitu dengan berpandukan sesuatu asas dan matlamat yang dianggap tidak betul, lantas membahayakan kesejahteraan awam, patut disekat daripada melakukan dan meneruskan tindakan tersebut. Mereka yang tidak bersetuju dengan Stalin dan menganggapnya merbahaya telah sama ada tidak menyekat atau tidak berjaya menyekat Stalin.

87 Lihat di atas.

BAB 7

FAHAM FASIS DI JERMAN

Satu Keanehan atau Barah Politik Moden?

Setelah keganasan Revolusi Rusia menjadi kian nyata dan diketahui umum, daya tarikan komunisme sebagai satu ideologi politik turut terjejas. Laungan slogan antikomunis kian kerap kedengaran dan kian mendapat tempat. Dalam suasana begini, usaha golongan komunis untuk terus memperjuangkan matlamat mereka dijadikan satu hujah politik pula oleh golongan konservatif dan sayap kanan lain. Tindakan berterusan komunis ini merupakan ancaman kepada masyarakat Eropah. Inilah salah satu faktor yang telah diguna oleh Hitler secara berkesan bagi membantunya mencapai kuasa di Jerman. Tetapi pemerintahan yang dihasil oleh Hitler juga merupakan satu kediktatoran, satu sistem totalitarian, nekad dan ganas. Sistem totalitarian Stalin dan totalitarian Hitler ada persamaannya. Namun jika satu istilah sahaja digunakan bagi kedua-duanya, maka mungkin perbezaan penting antara kedua-dua sistem ini tidak akan dapat diberi perhatian yang sewajarnya. Maka lahirlah istilah faham Fasis bagi menggambarkan pemerintahan Hitler dan ekstremis kanan yang seumpamanya.

PENTAKRIFAN FAHAM FASIS

Walaupun mempunyai unsur sosialis, faham Fasis secara teorinya adalah antisosialis pada amalannya. Secara teorinya, faham Fasis dibentuk dan dikenali sebagai Sosialisme Nasional; secara praktiknya Sosialisme Nasional lebih biasa dinamakan faham Fasis sahaja. Ryder menggambarkan faham Fasis sebagai ideologi yang mempunyai, antara lain unsur-unsur nyata yang berikut: nasionalisme, rasa permusuhan terhadap orang asing, penyanjungan terhadap negara; sikap memihak kepada petani dan peniaga kecil; pendewaan terhadap pemimpin; sikap sosial yang regresif (tradisional); kepesonaan terhadap tindakan pantas dan ketenteraan; kesediaan mengikut perasaan; anti-Yahudi.¹

1 A.J. Ryder 1973. *Twentieth-Century Germany: From Bismarck To Brandt*. New York: Columbia University Press, hlm. 283. Penjelasan tentang faham Fasis ini lebih ditumpu kepada Jerman walaupun rujukan sambil lalu ke negara lain juga dibuat. Istilah Sosialisme Nasional di sini adalah khusus tentang pergerakan Fasis di Jerman.

Jadi, secara mudahnya, John Weiss melihat faham Fasis sebagai mewakili sikap dan pendirian ekstremis golongan sayap kanan. Golongan radikal sayap kanan ini merupakan “barisan pertahanan terakhir bagi menentang ancaman golongan liberal dan radikal [sayap kiri] yang mahukan reformis tanah, peruntukan kebajikan sosial, pengurangan tentera, kenaikan gaji dan perkongsian pemilikan terhadap semua alat pengeluaran”.²

Istilah faham Fasis telah mula digunakan semenjak tahun 1915. Pada tahun itu di Itali, Benito Mussolini telah menubuhkan beberapa kumpulan, iaitu *fasci*, yang dianggotai oleh para pekerja. Kumpulan yang antikomunis ini kemudiannya digabungkan menjadi Parti Fasis pada bulan Mac tahun 1919. Di Jerman, Parti Fasis yang pertama ialah Parti Pekerja Jerman. Parti ini ditubuhkan pada tahun 1904 dan mendapat sokongan kuat di kawasan utara Bohemia. Pada tahun 1918, nama parti ini telah ditukar menjadi Parti Pekerja Sosialis Nasional Jerman (N.S.D.A.P.) atau Nazi. Hitler menjadi anggotanya pada bulan September tahun 1919.

Walau bagaimanapun, istilah faham Fasis dan totalitarianisme sering digunakan sebagai dua istilah yang boleh saling ditukar ganti. Dalam pada itu, terdapat juga sarjana, seperti Schapiro, yang mengelaskan faham Fasis atau totalitarianisme Hitler dalam kelasnya yang tersendiri. Schapiro melihatnya sebagai satu fenomena baru pada abad ke-20 yang tidak dapat dibabitkan dengan mana-mana *isme* yang pernah lahir dalam sejarah politik Eropah. Pendapat begini pada dasarnya mahu meleraikan Hitler daripada tradisi para pemikir Eropah yang menyanjung konsep keutamaan kuasa negara. Unsur pemikiran yang mengutamakan kekuasaan negara boleh digaluri hingga zaman Yunani tua, iaitu kepada pemikiran Plato. Kemudian para pemikir Zaman Pertengahan seperti Calvin dan zaman moden seperti Hegel juga menekankan konsep yang serupa. Tetapi para pemikir ini, kata Schapiro, jelas mahu memburui satu idealisme; sebaliknya tidak terdapat apa-apa bentuk idealisme pun dalam ideologi Nazi atau Hitler.³ Pendapat Schapiro dalam hal ini ketara mirip kepada pendapat Allan Bullock. Bullock pernah menegaskan bahawa,

“Revolusi-revolusi besar yang terdahulu, walau apa pun kesudahannya, telah dikaitkan dengan pencetusan idea-idea penting yang tertentu: kata hati individu, kebebasan, persamaan, kemerdekaan kebangsaan, dan keadilan sosial. ‘Sosialisme Nasional’ tidak mencetuskan apa-apa pun.”⁴

Lagipun, hujah Schapiro, totalitarianisme yang diamalkan oleh Hitler tidak mempunyai garis sempadan yang dapat mengehadkan kuasa pemerintah. Tindakan pemerintah atau negara tidak dapat diadili mengikut sesuatu sistem nilai yang jelas dan tetap. Malah totalitarianisme itu sendiri menjejaskan konsep keutuhan negara kerana kedaulatan negara sentiasa sahaja dipersoalkan oleh pucuk pemerintah sendiri, iaitu Hitler. Inilah definisi totalitarianisme Schapiro. Jadi, bagi Schapiro, totalitarianisme begini amat jelas berbeza

2 J. Weiss 1967. *The Fascist Tradition*. New York: Harper & Row Publishers, hlm. 4. Gambaran Weiss ini amat serupa dengan gambaran yang dinyatakan oleh Ryder: “Ideologi Fasis muncul pada bahagian akhir abad ke-20 sebagai reaksi terhadap ideologi dan arus sosial yang telah dicetus oleh revolusi Perancis dan industri: liberalisme, demokrasi berparlimen, persamaan di kalangan manusia, perbandaran, sosialisme, sikap anti-perang”. Ryder, *op. cit.*, hlm. 283.

3 T. Schapiro 1972. *Totalitarianism*. London: Macmillan, hlm. 90, *passim*. Lihat juga keseluruhan Bab 4.

4 A. Bullock 1975. *Hitler: A Study In Tyranny*. Penguin Books, Cetakan Semula, hlm. 804.

daripada falsafah Plato, Calvin, Hegel dan para pemikir Barat lain yang menekankan idea kekuasaan dan kekuatan negara. Seterusnya, Schapiro juga menyangkal pendapat yang mendakwa bahawa pemikir seperti Nietzsche dan Marx juga boleh dikatakan sebagai pengasas kepada Nazisme. Mereka ini menerapkan lapisan dan andaian rapi dalam pemikiran mereka. Ini tidak pun terdapat dalam pemikiran Hitler. Mungkin terdapat persamaan antara pemikiran Hitler dengan pemikiran mereka dan juga Plato atau Calvin atau Hegel, tetapi persamaan yang terdapat bukanlah bermakna mereka telah mengasaskan Nazisme. Persamaan, pengaruh dan pengasas adalah kata-kata yang berlainan makna. Schapiro mengatakan bahawa adalah tidak kena pada tempatnya jika dikatakan bahawa para pemikir terkenal di Barat yang telah mengasaskan Nazisme.⁵

Namun demikian, tidak semua pengkaji melihat totalitarianisme Hitler sebagai satu ideologi antinegara. Hayes, misalnya, melihat totalitarianisme Hitler sebagai sejajar dengan pemikiran yang mengagungkan kekuasaan dan kekuatan negara. Hayes mentakrifkan totalitarianisme sebagai konsep atau ideologi politik yang menyamakan sahaja “peranan negara dengan masyarakat”. Hayes menambah bahawa,

“Masyarakat diserapkan sahaja ke dalam negara [pemerintahan], lantas unsur pilihan atau penyimpangan hilang langsung, sama ada dalam soal moral, politik, ekonomi atau agama”.⁶

Jadi, totalitarianisme, bagi Hayes, “adalah salah satu falsafah politik yang tertua di dunia”. Berbeza daripada Schapiro, Hayes tidak melihat pemikiran Nazi sebagai fenomena yang khusus terdapat pada abad ke-20 di Eropah. Hayes bersedia melihat pertalian antara pemikiran Hitler dengan pemikiran Plato, Aristotle, dan mereka yang lebih moden seperti Hegel dan mereka yang selepas Hegel seperti Lassalle dan Rosenberg. Hayes bersetuju dengan Karl Popper yang mengecap Plato dan Hegel sebagai musuh kepada masyarakat bebas. Apa yang membezakan Nazisme daripada pemerintahan totalitarian lain ialah golongan Nazi mempunyai teknologi moden untuk menegakkan dan memperkembangkan kuasa dan kawalan mereka. Pemerintah negara totalitarian lain sebelum Hitler tidak mempunyai kemudahan teknologi begini.

Hayes mengakui bahawa usaha untuk menyamakan sahaja “peranan pemerintah dengan masyarakat” tidak sentiasa berjaya pada keseluruhannya, biarpun pada masa Hitler. Tetapi idea dan percubaan ke arah itu sudah sentiasa dizahir dan diusahakan.⁷ Nampaknya, Hayes melihat perbezaan pemerintahan Nazi daripada pemerintahan lain yang mengutamakan kekuasaan dan kekuatan negara hanya dari segi *degree* dan bukan intinya.

TEORI LAIN

Pentakrifan Hayes ini juga dengan sendirinya menafikan pentakrifan komunis/Marxis yang menerangkan faham Fasis sebagai fenomena khas yang muncul dalam negara kapitalis perusahaan dan disebabkan oleh krisis dalam kapitalisme. Pada tahun 1920-an dan awal tahun 1930-an, Stalin dan Internasional Komunis misalnya melihat faham Fasis

5 T. Schapiro, *Totalitarianism*, hlm. 78 dan 83.

6 P.M. Hayes 1973. *Fascism*. London: George Allen & Unwin Ltd., hlm. 39.

7 *Ibid.*, hlm. 39–40.

sebagai usaha terakhir golongan borjuis bagi mempertahankan kapitalisme yang menghadapi puncak krisisnya. Pada bulan September tahun 1928 Internasional Komunis menegaskan bahawa faham Fasis “menandakan adanya krisis umum kapitalis dan digunakan oleh borjuis bagi menyekat kemaraan revolusi”.⁸ Oleh sebab faham Fasis dilihat sebagai satu fenomena sementara pada masa kapitalisme sudah berada di ambang kehancurannya, maka golongan Demokrat Sosial yang menentang faham Fasis pada masa berkenaan dianggap sebagai musuh utama komunis; dan para Demokrat Sosial dicap sebagai “Fasis sosial”. Penulis Marxis seperti Maurice Dobb juga pernah menegaskan faham Fasis sebagai berpunca daripada krisis dalam kapitalisme atau apa yang dinamakannya “kapitalisme monopoli”. Dobb mengatakan bahawa,

“... faham Fasis pernah dikatakan sebagai suatu penghasilan daripada krisis. Dari satu segi ini benar, tetapi gambaran ini terlalu mudah. Ia adalah suatu penghasilan daripada suatu krisis yang khusus bentuknya, dan suatu penghasilan kompleks daripada ciri-ciri tertentu krisis tersebut: iaitu suatu krisis kapitalisme monopoli yang menonjolkan ketenatannya kerana sistem ini mendapati jalannya untuk meneruskan lapangan eksploitasi yang lebih meluas dan intensif disekat. Bagi membanteras sekatan ini, cara baru dan luar biasa – tindakan kediktatoran politik – menjadi sesuatu yang tidak dapat lagi dielakkan.”⁹

Jika faham Fasis didefinisikan sebagai fenomena zaman moden dan sistem totalitarian yang wujud sebelum zaman moden tidak dapat dikelaskan sebagai faham Fasis. Berdasarkan definisi ini, tesis atau teori komunis/Marxis ini masih mempunyai kelemahan juga. Tesis ini mengandaikan kapitalisme yang menghadapi krisis semestinyalah melahirkan faham Fasis, walhal kenyataannya tidak begitu. Lagipun negara Itali dan Sepanyol, dua negara tempat faham Fasis bertapak dan berkembang tidak pun merupakan negara yang sudah tiba ke puncak perkembangan kapitalismenya. Jika diujahkan bahawa faham Fasis adalah fenomena yang lahir daripada kapitalisme mundur yang sedang menuju pemodenan, tidak semua pula negara yang mengalami keadaan ekonomi begitu melahirkan faham Fasis. Pendeknya, percubaan untuk mengaitkan faham Fasis dengan kapitalisme (atau krisis kapitalisme) menghadapi masalah yang tidak jauh bezanya dengan percubaan untuk mengaitkan pencetusan revolusi sosialis/komunis dengan peringkat tertentu perkembangan kapitalisme. Jadi Weiss, walaupun pendapatnya yang menyatakan faham Fasis adalah reaksi ekstremis golongan kanan terhadap golongan liberal dan radikal kiri memperlihatkan sesuatu unsur persamaan dengan penerangan Marxis/komunis, tidak pula bersetuju bahawa faham Fasis merupakan satu “teriakan terakhir kapitalisme monopoli”. Weiss mengatakan bahawa formula biasa Marxis ini mesti ditolak. Weiss menegaskan bahawa, “Jika apa pun, ia [faham Fasis] adalah teriakan terakhir konservatisme”.¹⁰ Itu pendapat Weiss.

8 Seperti yang dipetik dalam Renzo De Felice (terj. B.H. Everett) 1977. *Interpretations of Fascism*. A.S.: Cambridge, hlm. 43.

9 Lihat *ibid.*, hlm. 30–54. Terdapat aliran penerangan Marxis yang lain tetapi secara umumnya semuanya dikaitkan dengan perkembangan dan/atau krisis kapitalisme. Lihat hlm. 30–54. Lihat juga A.J. Gregor 1974. *Interpretations of Fascism*. New Jersey: General Learning Press, Bab V, hlm. 129–170.

10 Weiss, *op. cit.*, hlm. 5.

Selain teori Marxis, terdapat juga teori yang berunsur psikologi atau psikososial, umpamanya teori yang diketengahkan oleh Wilhelm Reich. Menurut Reich, mentaliti Fasis ini lahir daripada personaliti yang tertekan dan terkongkong: “Mentaliti Fasis ialah mentaliti ‘orang kecil’ tertekan dan mengidamkan kuasa dan sekali gus cenderung mem-berontak”.¹¹ Reich mendakwa bahawa adat serta peraturan ekonomi dan moral manusia yang menekanlah yang menjadi manusia merasa terperangkap dan terkongkong. Reich mengatakan bahawa faham Fasis adalah akibat daripada penekanan terhadap struktur manusia yang sudah beribu tahun lamanya. Faham Fasis boleh berkembang di mana-mana negara jua. Ia bukan timbul daripada unsur peribadi yang khusus terdapat pada orang Jerman, Itali atau Jepun.¹² Tetapi seseorang yang melihat faham Fasis di Itali dan Jerman itu berbeza daripada totalitarian lain, tentu pula boleh bertanya kenapa faham Fasis tidak muncul beribu tahun dahulu dan di negara lain?

Kemunculan faham Fasis juga pernah dikaitkan dengan kewujudan rasa kehampaan. Ahli sejarah Itali, Benedetto Croce, mengatakan bahawa faham Fasis ialah “satu kebingungan, kehampaan di kalangan rakyat dan keadaan kelakuan yang diakibatkan oleh perang [1914]”.¹³ Ahli sejarah Jerman Meinecke juga ada mengemukakan penerangan yang menekankan fenomena kehampaan begini. Unsur kehampaan ini dikaitkan oleh Meinecke dengan unsur kekosongan – kekosongan dari segi idealisme dan intelektual. Jerman (dan Eropah), setelah dibuai dengan harapan demi harapan semenjak zaman Revolusi Perancis, kian mengharapkan penemuan satu “utopia”. Usaha gigih ke arah memperjuangkan dan menghasilkannya terlihat seolah-olah sebagai unsur mengejar bayangan sahaja. Proses pengindustrian yang pesat, ledakan penduduk dan perkembangan sosiopolitik lain menjadikan keadaan lebih rumit dan kompleks. Dalam suasana begini maka muncul dan diterima rakyatlah apa yang diistilahkan sebagai *terribles simplificateurs* (para pemudah ganas), iaitu mereka yang mendakwa dapat menyelesaikan segala bentuk masalah dengan mudah. Penyelesaian mereka akhirnya nyata merupakan impian yang pecah berkecai disertai keganasan yang berleluasa. Antara mereka yang bertanggungjawab membawa para pengikutnya ke jurang bencana begini termasuklah Adolf Hitler.¹⁴ Hitler sendiri mengaku bahawa dia memang sebenarnya memudahkan masalah yang kompleks. Hitler mengatakan bahawa,

“Telah dikatakan bahawa saya berjaya kerana saya menzahirkan satu mistik ... atau lebih mudah lagi, saya mempunyai tuah. Ya, saya akan beritahu anda apa yang telah membawa saya ke tahap tempat saya berada. Masalah politik kita kelihatan terlalu rumit. Rakyat Jerman tidak memahami langsung masalah ini. Dalam keadaan demikian, mereka rela menyerahkannya kepada ahli politik penuh masa agar memimpin mereka keluar daripada kekeliruan tenat ini. Sebaliknya, saya memudahkan masalah ini dan merumuskannya ke tahap yang paling mudah. Rakyat menyedari hal ini dan mengikut saya”.¹⁵

11 W. Reich (terj. V.R. Carfagno) 1971. *The Mass Psychology of Fascism*. Farrar, Straus & Giroux, cetakan ketiga, hlm. XV.

12 *Ibid.*, hlm. xiii, hlm. xiv dan hlm. xxvi. Untuk perbincangan dan kritik ringkas terhadap teori Reich ini, lihat juga De Felice, *op. cit.*, hlm. 78–80; dan Gregor, *op. cit.*, hlm. 59–64.

13 Seperti yang dipetik dalam De Felice, *op. cit.*, hlm. 5.

14 F. Meinecke 1963. *The German Catastrophe: Reflections and Recollections*. Boston: Beacon Press, hlm. 45.

15 A. Bullock, *op. cit.*, hlm. 381.

Joachim Fest juga menekankan unsur kehampaan harapan seperti yang disebut oleh Meinecke. Kehampaan ini akhirnya membawa kepada kecenderungan untuk memperkecil-kecilkan segala usaha politik. Maka timbul pula kecenderungan untuk menerokai alam fantasi atau separuh fantasi dan melodramatik. Krisis yang dihadapi negara dan penyelesaiannya juga dilihat dalam perspektif yang melodramatik. Fest merumuskan bahawa, “Seterusnya ini menjadikan keinginan untuk lari daripada realiti fenomena massa dan idea untuk menerokai dengan berani alam yang tidak diketahui sebagai suatu pemikiran yang paling biasa”.¹⁶

Bagi Fest, unsur melodramatik inilah unsur penentu di sebalik kemunculan faham Fasis kerana latar belakang sejarah, unsur psikologi rakyat dan keadaan sosioekonomi yang terdapat di Jerman pada masa kemunculan Hitler juga terdapat di negara lain.

Walau bagaimanapun, walaupun kita akui adanya unsur kehampaan, keradikalan dan melodramatik dalam kehidupan dan pemikiran bangsa Jerman, kita masih boleh bertanya kenapa unsur-unsur ini semestinya berakhir dengan faham Fasis? Apakah ini boleh diterangkan dengan menetengahkan tradisi ketenteraan yang terdapat dalam masyarakat Jerman atau peribadi Hitler yang ganas? Walaupun kedua-dua unsur ini terdapat juga di negara lain (seperti kata Fest), bolehkah kita katakan kehebatannya di negara lain tidak menyamai kehebatan yang terdapat di Jerman? Seterusnya, jika kita bersedia menerima tahap kehebatan faktor yang terdapat di Jerman sebagai sesuatu yang penting maka kita tentu juga boleh, rasanya, menerima kepentingan gabungan faktor yang wujud di Jerman. Sesungguhnya, apabila seseorang sarjana menetengahkan sesuatu faktor sebagai faktor penting atau penentu di sebalik kemunculan faham Fasis, ia bukanlah mengetepi atau melupakan langsung kepentingan gabungan faktor yang wujud. Jika ahli sejarah berbeza pendapat tentang faktor mana yang patut dikatakan faktor terpenting atau penentu, maka mereka juga tidak semestinya sependapat tentang senarai faktor yang patut digabung dan diketengahkan.

Walau bagaimanapun, penerangan yang memajukan rangkaian beberapa faktor sekali gus boleh juga memberikan kita satu perspektif yang luas. Perincian kepada sesuatu faktor itu pula dapat memberikan kita pemahaman yang lebih mendalam. Berkaitan dengan ini, Abel misalnya pernah mengutarakan serangkaian empat faktor utama bagi menerangkan kebangkitan Hitler dan faham Fasis. Faktor yang dimajukan oleh Abel ialah wujudnya rasa tidak puas hati di kalangan rakyat Jerman, terdapatnya ideologi dan program Nazi yang dikemukakan bagi mengatasi rungutan rakyat, adanya taktik pengendalian pergerakan serta propaganda Nazi yang berkesan dan terdapatnya seorang ketua yang karismatik. Perincian dan tokoh tambah tentu boleh dibuat kepada senarai Abel ini demi menghasilkan satu penerangan umum tentang kemunculan faham Fasis di Jerman.

KEADAAN SELEPAS PERANG

Selepas tamatnya Perang Dunia Pertama, satu pilihan raya baru telah diadakan pada bulan Oktober tahun 1918. Hasilnya wujudlah satu kerajaan campuran yang dianggotai oleh Parti Demokratik Sosial, Parti Demokratik (dulunya Parti Progresif) dan Parti Tengah

16 J.C. Fest 1974. *Hitler*. London: Weidenfeld and Nicolson, hlm. 381.

Katolik. Sebagai parti yang terbesar dalam gabungan ini Parti Demokratik Sosial diberikan tujuh kerusi daripada tiga belas kerusi kabinet, termasuk jawatan Perdana Menteri. Perdana Menteri nya ialah Scheidemann. Terbentuklah sebuah republik berparlimen yang juga dikenali sebagai Republik Weimar. Maharaja William II memberikan pengiktirafannya kepada peraturan perlembagaan baru ini pada 28 Oktober 1918. Dalam pilihan raya ini golongan sosialis, walaupun memenangi banyak kerusi, gagal mencapai kedudukan majoriti untuk membentuk sebuah kerajaan sosialis. Parti Rakyat (dulu Parti Liberal Kebangsaan) dan Parti Kebangsaan (dulunya Parti Konservatif) menjadi golongan pembangkang. Walau bagaimanapun, kedua-dua parti promonarki ini mendapat undi yang amat sedikit. Parti Komunis pula telah memulaukan pilihan raya. Ahlinya tidaklah begitu ramai tetapi parti ini mempunyai pengaruh yang agak kuat di kalangan para pekerja.

Walaupun bagaimanapun, kerajaan demokratik yang baru ini gagal untuk mengatasi masalah yang dihadapi oleh Jerman selepas Perang Dunia Pertama. Rusuhan menjadi-jadi di merata tempat. Pada bulan November, Maharaja William II turun daripada takhta dan lari ke Belanda. Dalam suasana keresahan revolusioner begini, golongan komunis cuba merampas kuasa pada bulan Januari tahun 1919. Percubaan untuk meniru taktik Bolshevik di Rusia ini gagal. Bagi menghadapi cabaran daripada golongan kiri ini kerajaan kian bersandar kepada tindak balas yang dilakukan oleh segolongan bekas pegawai dan ahli tentera yang antikomunis, yang dikenali sebagai *freikorps*. Golongan ini juga pernah cuba merampas kuasa tetapi gagal.

PERJANJIAN VERSAILLES DAN RINTIHAN RAKYAT

Keadaan cemas dan tidak puas hati rakyat bertambah memuncak apabila Jerman terpaksa menandatangani Perjanjian Versailles pada 6 Jun 1920. Dengan perjanjian ini Jerman telah menerima hukuman yang berat daripada Kuasa Berikat. Antara lain, Jerman terpaksa menyerahkan kepada pihak yang menang dua belas peratus daripada penduduknya, tiga belas peratus daripada daerahnya, termasuk tiga perempat hasil besinya dan seperlima hasil arang batunya, membayar ganti rugi yang amat tinggi jumlahnya dan bersetuju mengurangkan jumlah tenteranya. Jumlah tentera akan dikurangkan daripada 400 000 kepada 200 000 menjelang 30 September 1919 dan 100 000 menjelang 31 Mac 1920. Matlamat perjanjian ini ialah untuk melumpuhkan Jerman sebagai satu kuasa besar. Pihak Kuasa Berikat tentu dapat memberikan alasan yang mereka fikirkan munasabah tetapi rakyat Jerman berasa begitu marah dan terhina dengan syarat-syarat yang dikenakan terhadap mereka. Perdana Menteri, Scheidemann, meletakkan jawatan sebagai protes. Para perwakilan Jerman ke Versailles menurunkan juga tandatangan mereka kerana mereka yakin Jerman tidak mampu untuk ingkar dan berperang semula.

INFLASI DAN KEMELESETAN

Keadaan ini diburukkan lagi oleh inflasi yang melanda Jerman pada masa itu. Pada tahun 1922, nilai mata wang Jerman, *Mark*, telah menjunam turun hingga kurang daripada seperseratus daripada nilainya pada tahun 1914. Kata Carsten,

“... inflasi ... menghancurkan golongan menengah Jerman dan menjejaskan sisa-sisa rasa keselamatan dan kestabilan mereka: inflasi memusnahkan wang simpanan mereka, pencen, dan dalam banyak kes harta mereka juga.”¹⁷

Pengeluaran industri juga terjejas. Pengeluaran arang batu dan besi Jerman jauh berkurangan daripada jumlah pengeluarannya sebelum perang. Dua juta rakyatnya telah terkorban dalam perang dan kini terdapat berjuta orang janda dan anak yatim. Rakyat kelaparan dan kerajaan tidak dapat menawarkan kerja yang cukup.

Menjelang tahun 1923, mata wang Jerman sudah dapat distabilkan. Perhubungan dengan Perancis telah diperbaiki. Pinjaman dari Amerika membantu Jerman memulihkan ekonominya. Pada tahun 1923, Hitler cuba merampas kuasa tetapi gagal. Hitler telah dipenjarakan dan hanya dibebaskan semula pada tahun 1924. Dalam masa tahanan, Hitler menghasilkan *Mein Kampf*. Daripada tahun 1925 hingga tahun 1928 merupakan zaman kejayaan Republik Weimer. Rakyat sudah dapat mengecap semula kemakmuran, pengaruh parti sosialis dan komunis nyata menurun dan amalan politik demokratik berparlimen nampaknya dapat diterima oleh majoriti rakyat. Carsten mengatakan bahawa, “Sesungguhnya, tidak ada pemerhati politik pada tahun 1928 dapat menduga bahawa lima tahun kemudiannya Hitler akan berkuasa dan sistem demokrasi berparlimen hancur”.¹⁸

Tetapi kemakmuran tahun-tahun dua puluhan ini tidak kekal. Menjelang tahun 1930, Jerman dilanda semula oleh krisis ekonomi. Kemelesetan ekonomi ini berterusan lebih lama daripada krisis inflasi tahun 1923 dahulu. Kadar pengangguran meningkat dengan cepat daripada 2 258 000 pada bulan Mac tahun 1930 kepada 5 670 000 pada bulan Disember tahun 1931. Menjelang bulan Februari tahun 1932, angka ini sudah melebihi enam juta. Daripada kalangan para penganggur inilah Nazi mendapat ramai para pengikutnya. Pada masa ini Nazi berjaya mendapatkan 300 000 orang untuk menganggotai tenteranya, iaitu S.A. atau *Stormtroopers*. Di universiti, pengaruh Nazi berkembang pesat. Anggota Nazi atau Parti Sosialis Nasional meningkat daripada 178 000 pada tahun 1929 kepada 380 000 pada akhir tahun 1930. Pada akhir tahun 1931, jumlahnya sudah menjangkau 800 000 orang. Tiga puluh lapan peratus daripada ahlinya terdiri daripada mereka yang di bawah umur tiga puluh tahun. Seperti kata Meinecke, Nazisme tegak berkembang atas sokongan para pemuda yang terpesona dan keliru.¹⁹ Jika dikira daripada peratus golongan masing-masing, maka golongan menengahlah yang merupakan golongan yang terbesar menyokong Hitler. Kakitangan kerajaan dan swasta, para petani dan ahli peniaga memberikan sokongan yang ghairah sekali kepada propaganda dan perhimpunan raksasa Hitler.

Dalam pilihan raya negeri, terutamanya di kawasan pertanian, sokongan terhadap Nazi mula meningkat. Dalam pilihan raya se-Jerman pada bulan September tahun 1930, Nazi berjaya menambah wakilnya di *Reichstag* daripada 12 kepada 107 orang. Dengan pertambahan kerusi ini, Nazi menjadi parti yang kedua kuatnya di *Reichstag*. Dalam

17 F.L. Carsten 1967. *The Rise of Fascism*. London: B.T. Batsford Ltd., hlm. 89. Lihat juga hlm. 108 – 109.

18 *Ibid.*, hlm. 121.

19 Meinecke, *op. cit.*, hlm. 45.

pilihan raya bagi memilih presiden selepas pilihan raya *Reichstag* pada tahun 1932 Nazi berjaya mendapatkan tiga puluh tujuh peratus daripada seluruh jumlah undi. Kemerosotan ekonomi dan perkembangan pesat parti Nazi sesungguhnya nampak selari.

IDEOLOGI SOSIALIS NASIONAL

Dalam semua pilihan raya yang diadakan, ideologi yang menjadi pegangan Nazi ialah Sosialisme Nasional. Ideologi ini, sekurang-kurangnya dari segi istilah itu sendiri, bukanlah sesuatu yang baru. Pada tahun 1896, ahli ekonomi Jerman, iaitu Friedrich Naumann (1860–1919), telah cuba menganjurkan apa yang dinamakannya Parti Sosialis Nasional. Pada masa yang sama juga idea ini sudah terdapat di Austria dan Perancis. Idea ini, walaupun diperjuangkan, tidak membiak pada masa itu. Secara teorinya istilah Sosialisme Nasional adalah sesuatu yang melibatkan unsur yang saling bercanggah, iaitu seperti bercanggahnya konsep “sosialisme dalam satu negara” yang dipelopori oleh Stalin. Sosialisme pada dasarnya adalah suatu ideologi yang tidak boleh dan tidak patut dimanfaatkan dalam batasan atau sempadan sesuatu negara sahaja. Tetapi di Jerman, unsur antarabangsa, lebih-lebih lagi dalam keadaan yang terdapat pada masa itu, bukanlah sesuatu yang menarik minat rakyat. Malah ramai rakyat Jerman seolah-olah menyamakan sahaja unsur atau pergerakan antarabangsa dengan segala komplot yang merencana dan mengendalikan kegiatan anti-Jerman. Bolshevisme, kapitalisme, pergerakan Yahudi dan Liga Bangsa-Bangsa semuanya dilihat sebagai pakatan antarabangsa yang memusuhi Jerman dan, oleh itu, terpaksa pula dimusuhi.

Walaupun Nazi antifahaman Bolshevik dan sosialisme antarabangsa, Nazi secara teorinya juga memperjuangkan prinsip sosialis yang dapat menguntungkan dan menarik minat pengikutnya. Ini jelas diperincikan dalam program parti yang diumumkan oleh Hitler pada 24 Februari 1920. Program yang juga dikenali sebagai Dua Puluh Lima Perkara ini memuatkan unsur nasionalis yang radikal, sikap anti-Yahudi dan prinsip sosialis. Antara dasar sosialis yang diutarakan termasuklah, penghapusan upah yang tidak dihasilkan daripada kerja, pengharaman faedah, pemilikan negara perusahaan dan tanah serta larangan terhadap spekulasi tanah. Ini nampaknya amat radikal dan memang ada golongan dalam parti yang betul-betul menjiwai sosialisme kiri. Tetapi Hitler tidak mahu terikat dengan program radikal para sosialis kiri. Seperti Bismarck sebelumnya, Hitler juga mahukan sokongan daripada pihak usahawan kapitalis. Program sosialis radikal seperti yang terdapat dalam perisytiharan Dua Puluh Lima Perkara ini kian diketepikan oleh Hitler. Pada bulan Februari tahun 1926 Hitler menemui para usahawan ternama Jerman. Dalam ucapannya kepada mereka, Hitler menegaskan bahawa kemunculan semula Jerman sebagai sebuah negara besar hanya dapat dihasilkan jika Marxisme dihancurkan. Dalam *Sunday Express* 28 September 1930, Hitler menerangkan, “Istilah ‘Sosialis’ yang kita gunakan tidak ada kena-mengena dengan Sosialisme Marxis. Marxisme antiharta; Sosialisme tulen tidak”.²⁰ Dasar memiliknegerakan harta dan perusahaan kini dijelaskan sebagai dasar yang dikenakan kepada harta dan perusahaan Yahudi sahaja. Pendirian Hitler sebenarnya jelas dibayangkan dalam kata-kata cemuhan terhadap ahli sosialis

20 Carsten, *op. cit.*, hlm. 137.

ortodoks Nazi, Otto Strasser. Hitler mengatakan bahwa,

“Apa yang kamu fahamkan sebagai Sosialisme tidak lain dan tidak bukan ialah Marxisme. Perhatikan: golongan besar rakyat pekerja hanya mahukan roti dan sirkus. Mereka tidak mempunyai apa bentuk ideal pun, dan kita tidak boleh berharap untuk mendapatkan sokongan yang bermakna daripada pekerja dengan melaungkan ideal. Kita mahu mengendalikan satu revolusi bagi kasta penakluk baru yang tidak akan terikat, seperti kamu, dengan etika kasihan belas, tetapi berasa jelas dalam pemikiran bahawa ia berhak untuk menakluki orang lain kerana ia mewakili bangsa yang lebih baik: kasta ini dengan ganas menyata dan menentukan kekuasaannya terhadap orang ramai”.²¹

Penegasan Hitler nyata kembali mirip kepada program Parti Pekerja Sosialis Nasional Jerman seperti yang telah diluluskan pada tahun 1918,

“Parti Pekerja Sosialis Nasional Jerman bukanlah satu parti kelas yang sempit, tetapi mempertahankan kepentingan semua orang yang terlibat secara jujur dalam segala usaha pengeluaran. Parti ini berasaskan kebebasan dan amat mementingkan bangsa, dan menentang semua unsur reaksioner, keistimewaan Gereja, bangsawan dan kapitalis, dan semua pengaruh asing, lebih-lebih lagi [ia menentang] kuasa meluas semangat pemiagaan Yahudi di dalam segala bidang kehidupan awam. ...”²²

Dengan adanya tekanan yang khusus anti-Marxisme ini maka mudahlah Hitler memaparkan partinya sebagai penyelamat daripada bahaya komunis dan juga alternatif bagi kesejahteraan pekerja. Golongan majikan dan pekerja dapat mencari perlindungan dan penyelesaian kepada masalah masing-masing dalam Sosialisme Nasional. Ancaman komunis sentiasa wujud membantu Hitler. Dalam pilihan raya pada tahun 1932, golongan Nazi membentangkan pilihan kepada para pengundi, “Jika anda mahu negara anda menjadi negara Bolshevik, undilah Komunis; jika anda mahu kekal sebagai rakyat Jerman yang bebas, undilah Nazi”.²³ Dalam konteks beginilah juga Weiss melihat faham Fasis sebagai reaksi golongan kanan terhadap politik sayap kiri, secara yang paling ekstremis!

SENTIMEN ANTI-YAHUDI

Jika idea Sosialis Nasional itu bukannya sesuatu yang baru, maka sentimen anti-Yahudi yang diterapkan ke dalamnya juga bukanlah sesuatu yang baru. Sentimen ini adalah suatu fenomena yang amat tua di Eropah. Perasaan ini sudah terdapat pada Zaman Pertengahan lagi, malah boleh juga digaluri ke zaman permulaan agama Kristian. Peranan kaum Yahudi sebagai golongan yang meminjamkan wang kepada orang perseorangan dan negara, dan mengambil faedah daripadanya, juga menjadikan mereka kumpulan yang mudah dijadikan sasaran kecaman. Zaman-berzaman, kaum Yahudi menjadi mangsa

21 *Ibid.*

22 *Ibid.*, hlm. 83.

23 M. Mayer, “Communism as a Cause of Nazi Popularity” dalam J.L. Snell 1959. *The Nazi Revolution: Germany's Guilt or Germany's Fate?* Massachussets: D.C. Heath & Co., hlm. 34.

kemarahan umum apabila keadaan ekonomi meleset. Pada tahun 1920-an dan tahun 1930-an, walaupun kaum Yahudi merupakan golongan minoriti di Jerman, peranan atau kekuasaan mereka dalam bidang perusahaan dan perniagaan nyata amat penting – lebih penting daripada status minoriti mereka.²⁴

Selain kedudukan kewangan mereka, terdapat beberapa faktor lain yang telah dipergunakan bagi mempergiatkan kempen anti-Yahudi. Penglibatan para radikal kiri Yahudi seperti Trotsky, Kamenev dan Zinoviev dalam Revolusi Rusia dijadikan bukti bagi menegakkan pendapat bahawa faham Bolshevik adalah satu komplot Yahudi semata-mata. Dakwaan ini diperkukuhkan lagi kerana ramai para pemimpin sosialis dan komunis yang cuba merampas kuasa di Jerman pada masa itu juga terdiri daripada orang Yahudi.²⁵ Pergerakan *freikorps* mengambil kesempatan daripada iklim politik begini dan membunuh Menteri Luar Jerman berbangsa Yahudi, Walter Rathenau (1867 – 1922), pada bulan Jun tahun 1922.

Menjelang tahun 1919, sentimen anti-Yahudi nyata meningkat jika dibandingkan dengan peringkat masa sebelumnya. Parti Pekerja Sosialis Nasional Jerman menuduh kaum Yahudi bertanggungjawab terhadap kekalahan Jerman dalam Perang Dunia Pertama. Resolusi yang diluluskan dalam satu perjumpaannya pada 30 Januari 1919 berbunyi, “Orang Yahudi dan para pembantu mereka adalah bertanggungjawab terhadap kekalahan kita dalam peperangan”.²⁶ Dalam pilihan raya umum Jerman pada bulan yang sama, golongan nasionalis mengecap kaum Yahudi sebagai “penghisap darah Jerman” dan poster-poster mereka memaparkan slogan: “Jermanisme – bukan Judaisme! Bukan Agama Tetapi Bangsa!”²⁷ Dakwaan bahawa kaum Yahudi menyebabkan Jerman kalah perang ini diteruskan kemudiannya oleh Hitler.

Sentimen anti-Yahudi di kalangan ahli politik dan rakyat ini mendapat pembelaan intelektual pula daripada para pemikir di Jerman. Teori evolusi Darwin turut dijadikan asas bagi hujah yang mendakwa bangsa Jerman atau Aryan sebagai bangsa yang terbaik dan terutama berbanding dengan bangsa lain. Pemusnahan satu bangsa bagi menjamin

24 Ryder, *op. cit.*, hlm. 285. Tentang Vienna, Ryder menulis, “Vienna, ibu kota Empayar adalah sebuah masyarakat kosmopolitan [majmuk] yang cemerlang tempat orang Yahudi memainkan peranan yang tidak berpadanan dengan jumlah bilangan mereka: biarpun mereka merupakan lapan peratus daripada jumlah penduduk [tetapi] lebih kurang satu pertiga daripada penuntut universiti adalah daripada bangsa Yahudi, sebahagian besar industri dan perniagaan adalah dalam tangan mereka. Dalam bidang kesusasteraan, teater dan persuratkhabaran orang Yahudi menjawat jawatan yang tertinggi”. Ryder, *op. cit.*, hlm. 285. Jumlah Yahudi di Jerman pada tahun 1933, iaitu sebelum Nazi berkuasa, ialah di sekitar 500 000 orang atau satu peratus daripada jumlah semua penduduknya. Lihat Dawidowicz, *op. cit.*, hlm. 447. Sebaliknya pula terdapat juga hujah yang mengatakan bahawa kekejaman terhadap orang Yahudi bukan berlaku pada masa kekuasaan kewangan (dan politik) mereka berada di puncaknya tetapi pada masa kekuasaan ini sudah mulai merosot. Pada masa itu kekuasaan kewangan ahli bank seperti Rothschild merupakan sesuatu yang tidak lagi mewakili keadaan umum masyarakat Yahudi. Kekuasaan kewangan sudah berpindah kepada negara dan institusinya. Pada masa kemerosotannyalah kaum Yahudi dihina dan dizalimi. Untuk pendapat ala Tocqueville ini lihat A. Arendt 1967. *The Origins of Totalitarianism*. London: George Allen & Unwin Ltd., Edisi Ketiga, hlm. 4, *passim*.

25 Misalnya ramai daripada para pemimpin kebangkitan komunis yang menubuhkan *Soviet* di Munich pada bulan Februari tahun 1919 adalah bangsa Yahudi. Lihat Carsten, *op. cit.*, hlm. 90.

26 *Ibid.*, hlm. 91–92.

27 *Ibid.*

kesucian darah satu bangsa lain diterima sebagai suatu yang wajar. Antara para intelektual Jerman yang mengutarakan dan menyokong teori keutamaan bangsa Jerman termasuklah Wilser dan Eugen Duhring. Ahli falsafah politik Inggeris, Houston Chamberlain, dan penulis Rusia, Alfred Rosenberg, juga mempertahankan teori keagungan bangsa Aryan. Kedua-dua tokoh ini akhirnya menjadi warganegara Jerman. Para penuntut universiti menjadi penyokong kuat idea anti-Yahudi. Pada peringkat permulaan, Republik Weimar golongan militan sayap kanan merupakan golongan minoriti sahaja. Tetapi menjelang peringkat akhir tahun 1920-an “pengaruh mereka meningkat berlipat ganda dan golongan Nazi menjadi parti yang terkuat di universiti-universiti lama sebelum ia mencapai kedudukan yang setanding di dalam negara seluruhnya”.²⁸

Keadaan yang sesuai bagi kemunculan Hitler sudah terbentuk nampaknya. Tetapi seperti kata Carsten, “Segala ini tidak mewujudkan pergerakan Fasis, tetapi ia mewujudkan keadaan yang membolehkannya muncul”²⁹

TAKTIK, PROGAGANDA DAN KARISME

Keadaan yang sesuai bagi kemunculan faham Fasis itu telah dimanfaatkan oleh Nazi dengan menggunakan taktik dan propaganda yang berkesan bagi mencapai matlamatnya. Adanya pemimpin yang karismatik seperti Hitler memudahkan proses ini. Dengan menggunakan segala peralatan moden seperti percetakan, radio, pembesar suara dan sebagainya, propaganda Nazi telah sampai ke serata rumah dan ceruk negara. Perhimpunan tahunannya di Nuremberg yang dihadiri oleh ribuan ahli dirancang dan dikelolakan sedemikian rupa bagi menimbulkan kesan ketenteraan, disiplin, kerapian dan kekaguman kepada ahli dan orang lain. Dari segi taktik dan propaganda, parti-parti lain tinggal jauh ke belakang. Belum ada parti sebelum Nazi yang telah betul-betul dapat menggunakan teknologi moden bagi tujuan propaganda secara berkesan.

Peri mendalamnya pengaruh peribadi Hitler terhadap para pengikutnya telah amat banyak diperkatakan oleh mereka yang hidup semasa dengannya dan para pengkaji selepasnya. Bullock menceritakan,

“Apabila dia mahu memujuk atau memenangi hati seseorang, dia boleh memperlihatkan peribadi yang begitu mempersonakan. Hingga hari-hari terakhirnya, Hitler telah mengekalkan keistimewaan daya tarikan peribadi yang sukar untuk dianalisiskan, tetapi yang telah digambarkan oleh banyak orang yang telah bertemu dengannya. Ini telah dikaitkan dengan kuasa ganjil matanya, yang selalu sahaja dikatakan sebagai mempunyai sesuatu macam sifat hipnotis”.³⁰

Abel amat memberatkan faktor peribadi Hitler ini. Bagi Abel, kepimpinan karismatik (Hitler) merupakan faktor “penyatuan yang amat mustahak”, “faktor penentu”, “barangkali faktor yang tidak dapat dikesampingkan bagi kejayaan mana-mana pergerakan

28 W. Laqueur 1974. *Weimar: A Cultural History 1918–1933*. London: Weidenfeld & Nicolson, hlm. 17.

29 Carsten, *op. cit.*, hlm. 90.

30 Bullock, *op. cit.*, hlm. 376–377.

31 T. Abel 1938. *Why Hitler Came Into Power?* New York: Prentice-Hall Inc., hlm. 182–183.

an”.³¹ Namun begitu, setelah Abel menonjolkan kepentingan faktor ini, dia menekankan pula peri perlunya karisme Hitler dilihat dalam konteks faktor-faktor lain juga.³² Ini tentu mengingatkan kita kepada hujah Tucker tentang kepentingan peribadi Stalin dalam mencetuskan keganasan Bolshevik di Rusia. Tetapi dalam hujahnya, Tucker juga mahu kita memberati faktor lain sehinggakan dia sendiri sedia mengakui bahawa tanpa Stalin kediktatoran dan keganasan mungkin juga muncul di Rusia pada masa itu. Kemungkinan peranan Hitler dimainkan oleh orang lain, jika segala sesuatu yang lain di Jerman tetap juga serupa, adalah satu persoalan yang berunsur hipotetik. Namun kemungkinan ia berlaku tidak dapat dinafikan dengan tegas. Oleh itu, kewujudan Hitler tidak dapat dikatakan faktor penentu mutlak kepada kelahiran dan perkembangan Nazisme di Jerman. Jika peranan Hitler dimainkan oleh orang lain tentulah pula kesan keseluruhannya akan juga berbeza; mungkin skala keganasannya agak kurang tetapi mungkin juga akan lebih hebat! Perbezaan atau perubahan sesuatu pemboleh ubah di dalam keseluruhan sesuatu proses tentu menyebabkan reaksi, interaksi dan kesudahan yang mungkin tidak pun dapat diduga terlebih dahulu bentuk dan skalanya. Dalam konteks penghujahan begini, tentu tidak sukar kita memahami pemerhatian Fest bahawa “... selalunya hanya garis pemisah yang amat tipis membezakan negara lain daripada pemerintahan Fasis”.³³ Pernyataan Fest ini mungkin tepat, mungkin agak berlebihan sedikit, tetapi maksud penting daripadanya ialah faham Fasis itu tidak dapat dikaitkan secara unik dengan Hitler atau Jerman sahaja. Sehubungan dengan persoalan begini, Barraclough juga pernah melahirkan kekhuatiran hatinya dengan penulisan yang menjelaskan kemunculan faham Fasis di Jerman berdasarkan hanya kepada unsur psikologi dan melodramatik yang dikatakan khusus terdapat di kalangan orang Jerman sahaja. Sikap begini, kata Barraclough, mungkin melalaikan kita daripada usaha untuk membanteras kelahiran dan perkembangan fenomena yang sama di tempat lain.³⁴

Gabungan faktor di atas memang boleh ditokok tambah atau diubahsuaikan lagi. Namun begitu, secara umumnya inilah latar belakang peristiwa dan sebab yang membawa kepada kemunculan dan kejayaan Hitler dan golongan Nazi.

KRISIS POLITIK

Secara khususnya pula, terdapat krisis politik Republik Weimar yang membuka jalan kepada Hitler untuk mencapai kuasa. Krisis ini berpunca daripada kegagalan mana-mana satu parti politik Jerman mendapatkan suara majoriti di *Reichstag*, biarpun pilihan raya diadakan berulang kali. Dalam suasana krisis ini, para ahli politik telah pula merencanakan strategi sendirian bagi mengatasi kedudukan dan pengaruh satu sama lain. Perencanaan mereka, tanpa mereka sangkakan, akhirnya menguntungkan Hitler.

Semenjak tahun 1918, Republik Weimar telah ditadbirkan melalui kerajaan campuran yang mewakili sekurang-kurangnya lima buah parti daripada sayap kiri, menengah dan juga kanan. Canselornya, Hermann Muller daripada Parti Demokratik Sosial, tidak

32 *Ibid.*, hlm. 184, *passim*.

33 Fest, *op. cit.*, hlm. 376.

34 G. Barraclough 1979. “The Nazi Boom” dalam *The New York Review of Books*. Jil. XXVI, No. 8, 17 Mei, hlm. 20.

dapat membentuk satu kerajaan sayap kiri kerana partinya dan Parti Komunis Jerman telah berpecah dan bersengketa semenjak tahun 1917 lagi. Parti sayap kanan tidak mempunyai cukup kerusi untuk membentuk kerajaan campuran sayap kanan. Walau bagaimanapun, kerajaan campuran ini bubar apabila berlakunya perselisihan faham tentang dasar bantuan kewangan kepada para penganggur. Kerajaan Muller meletakkan jawatan pada 27 Mac 1930.

Antara bulan Mac tahun 1930 hingga bulan Januari tahun 1933, tiga pilihan raya *Reichstag* telah diadakan: pada bulan September tahun 1930, bulan Julai tahun 1932 dan bulan November tahun 1932. Harapan agar satu parti akan memperoleh kedudukan majoriti di *Reichstag* tidak juga terhasil. Dalam masa yang sama Canselor Jerman telah bertukar ganti sebanyak tiga kali. Tokoh yang menggantikan Muller ialah Heinrich Brüning daripada Parti Tengah Katolik (Mac 1930-Julai 1932); Brüning telah kemudiannya digantikan oleh Baron Franz von Papen, bekas ahli Parti Tengah Katolik (Julai-Disember 1932); Franz von Papen telah kemudiannya digantikan pula oleh Jeneral Kurt von Schleicher. Pada tahun 1932 juga rakyat Jerman turut terlibat dalam pilihan raya bagi memilih presiden serta beberapa pilihan raya peringkat negeri. Oleh sebab tidak ada satu parti memperoleh kedudukan majoriti di *Reichstag*, maka undang-undang di Jerman selalunya diluluskan terus oleh presiden. Presiden pada masa itu, Hindenburg, bertindak berasaskan Artikel 48 Perlembagaan Weimar yang membolehkannya memerintah dengan dikri pada masa darurat. Jadi, seperti kata Paxton, "Dengan pembubaran kabinet Canselor Hermann Müller pada 27 Mac 1930, kerajaan berparlimen tidak lagi terkendali seperti biasa mengikut kehendak Perlembagaan Weimar".³⁵ Mengikut Paxton juga, kegagalan pilihan raya demi pilihan raya untuk menstabilkan keadaan politik "telah menjadikan banyak orang Jerman tawar hati dengan proses pengundian".³⁶

Apabila Parti Sosialis Nasional berjaya mendapat tiga puluh tujuh peratus daripada jumlah undi dalam pilihan raya pada bulan Julai tahun 1932, ia jelas sudah mencapai satu kedudukan yang kukuh. Dengan kemenangan itu, Parti Sosialis Nasional telah menggantikan Parti Demokratik Sosial sebagai parti yang terkuat di *Reichstag*. Hitler bertambah yakin dan cuba mendapatkan jawatan dalam kabinet tetapi dia tidak mendapat restu penuh daripada Presiden Hindenburg. Walaupun tersinggung, Hitler tidak patah hati. Sebaliknya, dia langsung bercita-cita untuk mendapatkan jawatan Canselor.

Setelah Papen menggantikan Brüning pada bulan Julai tahun 1932, dia merencanakan satu strategi untuk mengatasi pengaruh Nazi. Dengan harapan dia akan dapat menarik para pengikut Nazi dan kemudian menghancurkan parti itu, Canselor Papen mengadakan pilihan raya pada bulan November tahun 1932. Walaupun jumlah undi Nazi pada kali ini merosot daripada 37 peratus kepada 33 peratus, Papen masih juga gagal mendapatkan kedudukan majoriti bagi partinya. Oleh itu, Papen bercadang untuk memansuhkan sahaja perlembagaan Republik Weimar dan menubuhkan satu pemerintahan autokratik. General Kurt von Schleicher, Menteri Pertahanannya dan juga kawan rapat Presiden Hindenburg, menegaskan kepada Hindenburg bahawa rancangan Papen tidak

35 R.O. Paxton 1975. *Europe In The Twentieth Century*. New York: Harcourt Brace Jovanovich Inc., hlm. 347.

36 *Ibid.*

akan disokong oleh pihak tentera dan ia akan mencetuskan perang saudara di Jerman. Sebaliknya, Schleicher meyakinkan Hindenburg bahawa dia sendiri boleh mencapai satu gabungan majoriti di *Reichstag* dengan menarik sokongan dari golongan kiri Parti Sosialis Nasional di bawah pimpinan Gregor Strasser serta kerjasama para pemimpin kesatuan sekerja. Hindenburg melantik Schleicher sebagai Canselor pada 2 November 1932 menggantikan Papan. Walau bagaimanapun, rancangan Schleicher gagal kerana para pemimpin kesatuan sekerja dan juga ketua-ketua parti yang berpendirian sederhana enggan bekerjasama dengannya. Apa yang dihasilkannya hanyalah permusuhan daripada Papan dan juga para industrialis. Para industrialis atau pengusaha marah terhadap percubaan Schleicher untuk bekerjasama dengan golongan sayap kiri. Oleh itu, mereka kini rela memberikan sumbangan wang kepada Parti Nazi yang memang pun menghadapi kesulitan kewangan.

HITLER MENJADI CANSELOR

Setelah rancangan Schleicher terkandas, maka Papan pula mengetengahkan rancangannya bagi menubuhkan satu kerajaan campuran yang baharu, iaitu dengan mengadakan kerjasama antara Papan sendiri, Hitler dan Hugenburg (ketua Parti Nasionalis) serta para pengikut mereka. Hitler akan dijadikan Canselor, Papan Naib Canselor dan Hugenburg Menteri Kewangan. Kombinasi begini dijangkakan akan menghasilkan satu kerajaan majoriti. Pengaruh dan kekesanan politik sayap kiri, iaitu Parti Komunis dan Demokratik Sosial, akan dapat dilenyapkan. Dengan ini juga pemerintahan menerusi dikri Presiden tidak lagi diperlukan. Presiden Hindenburg bersetuju; pada 30 Januari 1933, dia melantik Adolf Hitler sebagai Canselor Reich Jerman.

Jika Sieyes gagal menggunakan Napoleon Bonaparte selepas *coup d'état* 18 Brumaire, Papan juga gagal menggunakan Hitler selepas perencanaan politiknya. Seperti Napoleon Bonaparte, Hitler juga tidak mahu diperkudakan sahaja oleh orang lain. Dia pula merencanakan tindakannya sendiri.

Pada mulanya, bukan sahaja Papan tetapi para pemerhati dan ahli politik lain juga tidak menduga Hitler dapat kekal lama sebagai Canselor. Pada masa Hitler dilantik sebagai Canselor, parti Nazinya, walaupun digabungkan dengan Parti Nasionalis, masih belum mendapatkan kedudukan majoriti di *Reichstag*. Dalam kabinet yang mempunyai dua belas orang ahli, Nazi hanya mempunyai tiga orang wakil. Hindenburg masih mempunyai kuasa untuk melucutkan Hitler daripada jawatannya dan pengaruh Hindenburg di kalangan tentera dan rakyat Jerman jauh melebihi pengaruh Hitler. Polis dan media massa masih belum dipengaruhi oleh Hitler. Parti Demokratik Sosial masih merupakan parti yang mempunyai jentera politik yang rapi, berpengaruh di kalangan kesatuan sekerja dan amat anti kepada pemerintahan autokratik. Gereja Katolik juga berpengaruh dan kehandalannya menentang corak pemerintahan autokratik sudah pernah dibuktikannya pada abad ke-19 dahulu.

Lagipun kelemahan dalam parti Nazi sendiri pun amat nyata. Para pemimpinnya bukanlah orang yang berpengalaman dalam politik ataupun bidang tertentu yang lain. Majoriti ahlinya terdiri daripada ahli baru. Jumlah undi yang diperolehnya pada bulan November tahun 1932 sudah pun merosot daripada jumlah undinya dalam pilihan raya sebelumnya. Dalam pilihan raya pada bulan November tahun 1932, sekurang-kurangnya

63 peratus daripada para pengundi telah memilih parti yang selain parti Nazi. Ahli parti Nazi sendiri masih belum teguh bersatu: terdapat golongan sayap kanan dan juga sayap kiri.

Barangkali keadaan politik begini telah melalaikan para penentang Nazi. Hitler sebaliknya terus bertindak untuk mengatasi kelemahan dan masalahnya. Oleh itu, pernah juga dinyatakan, “Sekiranya ada apa yang dikatakan revolusi Nazi, ia berlaku selepas dia [Hitler] sudah menjadi cancelor, bukan sebelumnya”.³⁷

Salah satu langkah terawal yang diambil oleh Hitler bagi mengukuhkan kedudukannya ialah menjadualkan satu pilihan raya baharu pada 5 Mac 1933. Sebelum pilihan raya ini sempat dijalankan, bangunan *Reichstag* telah didapati terbakar pada 23 Februari 1933. Orang yang bertanggungjawab terhadap perbuatan itu ialah bekas ahli Parti Komunis Belanda yang bernama Marinus Van der Lubbe. Dia mendakwa bahawa dia bertindak secara sendirian sahaja – sebagai menyatakan protesnya terhadap pemerintahan Nazi. Sebaliknya, Hitler mendakwa bahawa kebakaran itu merupakan petanda kepada satu rancangan kebangkitan komunis seluruh Jerman. Walaupun Hitler akhirnya melepaskan ketua-ketua komunis yang ditangkap dan hanya Van der Lubbe yang dikenakan hukuman (hukuman mati), Hitler berjaya mengapi-apikan semangat antikomunis. Perasaan takutkan revolusi komunis tersebar di kalangan rakyat Jerman. Dalam pilihan raya yang berikutnya, Nazi memenangi 288 kerusi. Peratus undi yang diperolehnya meningkat hampir 44 peratus. Parti Tengah Katolik masih dapat mempertahankan kedudukannya yang lama. Sementara itu, Parti Demokratik Sosial dan Komunis hanya berjaya mendapatkan hampir satu pertiga daripada peratus undi. Namun begitu, Parti Nazi masih juga gagal untuk mendapatkan kedudukan majoriti. Kedudukannya masih dapat dicabar.

Selepas pilihan raya ini, Hitler membentangkan pula satu rang undang-undang yang membolehkannya, selaku Canselor, menggubal secara sendirian undang-undang bagi tempoh masa empat tahun berikutnya. Rang undang-undang ini, jika diluluskan, jelas akan meminda peruntukan yang terdapat dalam perlembagaan Republik Weimar. Jadi, untuk mendapat kelulusan, ia memerlukan dua pertiga daripada jumlah undi di *Reichstag*. Jumlah dua pertiga undi ini diperoleh oleh Hitler dengan adanya gabungan pengundian di kalangan Parti Nazi, Parti Tengah Katolik dan Parti Nasionalis. Parti Tengah Katolik telah terpengaruh dengan janji Hitler untuk memberikan Gereja Katolik kebebasan dalam segala tindakan dan dasarnya. Hanya Parti Demokratik Sosial yang menentang. (Dua belas orang ahli *Reichstag* Parti Demokratik Sosial dan kesemua para perwakilan Parti Komunis sudah pun dipenjarakan oleh Hitler sebelum pengundian ini). Dengan kelulusan yang diperoleh pada 23 Mac 1933 ini maka Hitler tidak lagi perlu memerintah menerusi *Reichstag* atau pengesahan daripada Presiden Republik. Rakyat yang berhaluan kanan dan sederhana tidak membantah kerana mereka kini percaya bahawa golongan komunis sedang merancang untuk merampas kuasa.

GLEICHSCHALTUNG

Proses atau tindakan Hitler menyelaraskan dan menyeragamkan segala peraturan pentadbiran

37 *Ibid.*, hlm. 351.

negara dan kehidupan rakyat disebut juga sebagai *gleichschaltung* dalam bahasa Jerman. Semua rakyat dan institusi dikehendaki patuh tanpa soal kepada arahan ketua negara atau *fuhrer*. Parti Komunis dan Parti Demokratik Sosial telah diharamkan. Parti Nasional dan Parti Tengah Katolik bersetuju untuk dibubarkan sahaja. Pada 14 Julai 1933, Parti Sosialis Nasional diisytiharkan sebagai parti tunggal yang sah. Autonomi kerajaan negeri dihapuskan. Dewan senat, *Reichsrat*, yang mewakili negeri-negeri dalam republik dimansuhkan. Ciri-ciri persekutuan Republik Weimar kian luntur. Kemudian apabila Presiden Hindenberg mati pada bulan Ogos tahun 1934, Hitler mengambil alih sendiri jawatan tersebut. Hitler tidak lagi mempunyai saingan politik daripada atas.

Dalam partinya sendiri pun Hitler melakukan tindakan “pembersihan” bagi mengukuhkan kedudukannya. Hitler, berlainan daripada para pemimpin Nazi sayap kiri dan pengikutnya yang lain, tidak berpegang secara serius kepada pernyataan Parti Nazi tentang sosialisme. Ini terbukti jelas apabila dia bertindak keras menghapuskan Ernst Rohm, ketua SA, dan sebahagian daripada pengikutnya pada bulan Jun tahun 1934. Ernst Rohm dan para pengikutnya mahukan satu “revolusi kedua” agar mereka dapat memerangi golongan kapitalis, *Junker* dan reaksioner. Sebaliknya, Hitler telah menerima dan masih mahukan bantuan para kapitalis. Pada bulan Jun tahun 1933 lagi Schmitt, Menteri Ekonomi, telah pun mmeberitahu para industrialis bahawa Hitler tidak berhajat untuk mempraktikkan program sosialisnya. Jadi, untuk memastikan dia mendapat sokongan daripada para pengusaha dan golongan sayap kanan lain, Hitler bersedia mengorbankan golongan sayap kiri Nazi. Hitler sendiri kemudiannya mengakui bahawa lebih kurang 77 orang telah ditembak mati pada waktu malam 1 Julai 1934. Bukan hanya Rohm dan pemimpin sayap kiri Nazi seperti Jregor Strasser yang menjadi mangsa tetapi juga beberapa orang tokoh bukan Nazi seperti Jeneral von Schleicher dan Erich Klausener, ketua Pergerakan Katolik. Mereka dituduh mahu menjatuhkan Hitler. Hitler mendakwa tindakannya adalah perlu bagi menyelamatkan Jerman daripada kebangkitan Bolshevik-Nasional.

Janji Nazi untuk membela para peniaga kecil dan memiliknegerakan perusahaan besar juga tidak dipraktikkan. Hanya perusahaan Yahudi yang diambil alih. Para peniaga dan petukang kecil kian pupus pada masa pemerintahan Nazi. Mereka tidak dapat menyaingi para pengusaha besar. Di Berlin sahaja, 10 000 kedai terpaksa ditutup menjelang bulan November tahun 1939. Seperti kata Ryder, “Sikap tidak peduli rejim Nazi terhadap golongan kelas menengah bawahan ini amat menyedihkan dan berbeza sungguh dengan sikap dan kejayaan Hitler memenangi hati mereka sebelum ia berkuasa”.³⁸

S.S. (PENGAWAL KESELAMATAN)

Orang yang ditugaskan oleh Hitler untuk merancang mengendalikan pembunuhan ke atas Rohm dan orang lain pada malam 1 Julai 1934 ialah Heinrich Himmler, ketua pasukan Pengawal Keselamatan Hitler, atau lebih dikenali dengan nama singkatan S.S. Kumpulan ini ditubuhkan pada tahun 1923 sebagai cabangan kepada S.A. yang diketuai oleh Rohm.

³⁸ Ryder, *op. cit.*, hlm. 340.

Pada mulanya, S.S. hanya dianggotai oleh sekumpulan kecil ahli elit yang terpilih. Pada tahun 1929, misalnya, ahlinya hanyalah seramai 280 orang. Tetapi apabila Himmler dilantik menjadi ketua S.S. pada tahun itu, dia telah memperbesarkan S.S. Menjelang tahun 1933, ahlinya sudah meningkat sehingga 52 000 orang. S.S. sudah menjadi pesaing hebat kepada S.A. kemudian dengan peristiwa pada malam 1 Julai 1934, S.A., dengan kematian Rohm, juga menemui kehancurannya. Tempatnya digantikan oleh S.S. Dua tahun kemudian, Himmler dilantik oleh Hitler sebagai ketua polis seluruh Jerman. S.S. mempunyai kuasa yang amat luas bagi menahan dan menangkap musuh pemerintahan Nazi. Perlantikan Himmler merupakan saingan hebat kepada golongan tentera dan mencapai “kedudukan kukuh yang hanya telah dapat dimimpikan sahaja oleh Rohm”.³⁹ Himmler jugalah orang ditugaskan oleh Hitler untuk merencana dan mengendalikan kem tahanan dan pembunuhan Yahudi di Jerman dan di negara taklukan Nazi.

PERHUBUNGAN DENGAN GEREJA

Jika Hitler tidak serius tentang dasar sosialisnya, dia juga tidak serius tentang janjinya untuk memberikan kebebasan kepada Gereja Katolik. Malah *concordat* yang ditandatangani oleh pihak Nazi dan Vatican pada 20 Julai 1933 juga dicabuli oleh Hitler. Persetujuan untuk memberikan kebebasan beramal, mengendalikan sekolah sendiri serta urusan Gereja yang tercapai melalui *concordat* semuanya tidak dipraktiskan. Persatuan Katolik telah diganggu, penerbitannya diharamkan dan ribuan paderi telah ditangkap atas berbagai-bagai macam alasan. *Concordat* nampaknya telah hanya menguntungkan pihak Nazi; ia memperoleh pengiktirafan bukan sahaja di Jerman tetapi juga di arena antarabangsa. Golongan Katolik terpedaya.

Golongan Protestant barangkali lebih ghairah daripada golongan Katolik terhadap penubuhan rejim Nazi. Tetapi keghairahan ini tidak kekal lama. Pihak berkuasa Gereja Protestant tidak bersetuju dengan penubuhan Gereja Reich, perlantikan Ludwig Muller sebagai biskop Reich dan campur tangan negara dalam urusan agama. Ketua golongan Protestant yang menentang Hitler, iaitu Martin Niemoller, telah ditangkap, dibicarakan, dibebaskan tetapi akhirnya ditahan di dalam kem tahanan. Pada tahun-tahun 1937–39, ratusan orang paderi Protestant telah ditangkap. Walau bagaimanapun, kebanyakan paderi Protestant berkompromi dengan Nazi dan memberikan ikrar taat setia mereka kepada Hitler.

TINDAKAN ANTI-YAHUDI

Tindakan anti-Yahudi secara umum dikendalikan buat kali pertamanya pada bulan April tahun 1933, apabila berlakunya permuluan terhadap perniagaan dan kegiatan profesional Yahudi. Pada bulan yang sama, satu akta yang menyingkirkan daripada perkhidmatan awam, termasuk universiti, sesiapa sahaja yang mempunyai datuk atau nenek (atau keduanya sekali) yang berbangsa Yahudi telah dikuatkuasakan. Pengecualian diberikan

39 *Ibid.*, hlm. 313.

hanya kepada mereka yang sudah lama berkhidmat, bekas tentera dan mereka yang mempunyai anak yang gugur di medan perang. Pada bulan-bulan yang berikutnya beberapa badan profesional, seperti persatuan peguam, doktor dan lain-lain, telah pula menyingkirkan ahli-ahlinya yang berbangsa Yahudi atau yang mempunyai isteri berbangsa Yahudi. Dua tahun kemudiannya, orang Yahudi sudah disingkirkan dalam hampir semua lapangan profesional. Orang Yahudi juga ditegah daripada mewarisi tanah ladang. Apabila kerahan tentera dikenakan pada tahun 1935, orang Yahudi diketepikan. Pada tahun 1935 juga, iaitu pada bulan September, Akta Kewarganegaraan Reich dan Akta bagi Melindungi Darah dan Maruah Jerman telah diperkenalkan. Dengan akta kewarganegaraan yang baharu ini semua orang Yahudi, tanpa kecuali, hilang status mereka sebagai warganegara Jerman. Semua Yahudi disingkirkan daripada perkhidmatan awam. Akta bagi Melindungi Darah dan Maruah Jerman, antara lain, menegah perkahwinan antara orang Yahudi dengan orang Aryan.

Antara tahun 1933–38, beberapa peraturan telah dikenakan bagi menyingkirkan orang Yahudi daripada kegiatan ekonomi. Kemudian pada 7 November 1938, seorang diplomat Jerman, iaitu Von Rath, telah mati dibunuh oleh seorang Yahudi. Peristiwa ini telah digunakan bagi memusatkan lagi kegiatan antiperniagaan Yahudi. Pada waktu malam 10 November yang dikenali sebagai *Reichskristallnacht* (Malam Pecahan Kaca atau Malam Kristal *Reich*), para aktivis Nazi telah memusnahkan lebih kurang 7500 buah kedai Yahudi. Orang Yahudi yang terlibat dilarang daripada menuntut insurans. Sebaliknya, mereka dikenakan denda sebanyak satu bilion *Mark*. Mereka diserang dan dipukul, 90 orang mati dan antara 20 000 hingga 30 000 telah dimasukkan ke dalam kem tahanan. Tindakan menyingkirkan Yahudi daripada sekolah, universiti dan institusi awam lain diteruskan ke puncaknya.

Pada masa sebelum Perang Dunia Kedua, orang Yahudi dibenarkan, malah digalakkan, berhijrah ke luar negara. Ini memudahkan Nazi menyelesaikan masalah dan membolehkan mereka mengambil alih harta dan perniagaan Yahudi. Kebanyakan orang Yahudi berhijrah ke Palestin. Menjelang bulan November tahun 1938, lebih kurang 170 000 orang Yahudi telah berhijrah ke Palestin. Di samping itu, banyak pula yang telah berhijrah ke negara Barat seperti Britain dan Amerika Syarikat. Banyak antara mereka ini terdiri daripada golongan cerdik pandai, ahli sains dan profesional. Lebih kurang 5000 orang pakar perubatan Yahudi telah ke Amerika Syarikat antara tahun 1933 hingga tahun 1940. Antara ahli sains yang ke Amerika termasuklah Albert Einstein dan James Franck, dan ratusan ahli sains lain yang terlibat dalam berbagai-bagai projek industri perang. Sumbangan mereka akhirnya membantu juga Kuasa Berikat mengalahkan Jerman dalam Perang Dunia Kedua. Penghijrahan tidaklah begitu popular. Tetapi mereka yang terus tinggal di Jerman terpaksa pula menghadapi segala bentuk tekanan dan pemulauan sosial dalam kehidupan mereka sehari-hari, atau akhirnya, menjadi mangsa kem tahanan Nazi.

KEM TAHANAN DAN PEMBUNUHAN

Kem tahanan Nazi yang pertama telah didirikan di Dachau pada bulan Mac tahun 1933. Kem ini perlu untuk menampung kekurangan tempat tinggal bagi ribuan para penentang Nazi yang telah ditangkap. Beberapa bulan kemudian, lebih kurang sepuluh lagi kem atau pusat tahanan telah didirikan. Jumlah banduan sudah meningkat ke paras lebih daripada

25 000 orang dan mereka ini terdiri daripada para Demokrat Sosial, Komunis, ahli parti-parti pembangkang lain, wartawan dan golongan lain. Kemudian apabila kem ini bertambah banyak maka penyusunan semula telah diadakan dan kem-kem kecil telah disatukan sahaja. Menjelang bulan Mac tahun 1935 terdapat tujuh buah kem yang mempunyai jumlah banduan di bawah angka 10 000; Dachau, yang terbesar, mempunyai 2500 orang banduan. Pada masa dua tahun yang berikutnya, jumlah orang dalam tahanan berkurangan dan kem-kem kecil ditutup sahaja.

Walau bagaimanapun, kemerosotan jumlah orang dalam kem tahanan ini, telah diganti pula dengan penahanan orang dalam kem pembunuhan. Orang yang memenuhi kem pembunuhan ini bukanlah lagi orang Jerman yang menentang Nazi tetapi orang Yahudi, sama ada yang menentang atau tidak. Kem pembunuhan pertama telah didirikan di Jerman berhampiran dengan bandar Lodz. Orang Yahudi mulai dibunuh dengan menggunakan gas di sini pada 8 Disember 1941. Kem pembunuhan yang kedua siap didirikan pada hujung bulan itu juga, iaitu di Belzec. Kemudian, berpuluh-puluh kem pembunuhan lain didirikan bukan sahaja di Jerman tetapi juga di negara-negara yang ditakluki Jerman. Di kem pembunuhan Auschwitz sahaja, lebih daripada 800 000 orang lelaki, wanita dan kanak-kanak mati di kamar-kamar gas. Jumlah keseluruhan orang Yahudi yang terkorban dengan cara ini menjangkau angka antara lima hingga enam juta orang.*

PENENTANGAN DAN MASALAHNYA

Memandangkan keganasan dan kekejaman yang wujud pada masa pemerintahan Nazi, maka tentu juga timbul persoalan tentang penentangan terhadapnya. Sebenarnya, tidak terdapat penentangan secara besar-besaran terhadap Nazi. Ini agak menghairankan juga. Tetapi penjelasan ringkas dan mudah juga boleh diberikan tentang hal ini. Segala faktor yang digunakan bagi menerangkan sokongan rakyat Jerman kepada Nazi tentu boleh diketengahkan sebagai faktor yang juga menjelaskan kenapa mereka tidak menentang Hitler. Kemudian setelah pemerintahan Nazi diperkukuhkan, maka timbul pula hujah bahawa penentangan secara sendirian atau berkelompok, rahsia atau terbuka, amat sukar dikendalikan dalam sistem totalitarian. Ada juga pendapat atau dakwaan yang mengatakan bahawa rakyat Jerman tidak sebenarnya mengetahui tahap kekejaman yang berlaku dalam kem tahanan dan kem pembunuhan Nazi; mereka terikat kepada Hitler kerana Hitler mencapai kuasa menerusi proses yang sah; mereka terkongkong kerana mereka sudah mengangkat ikrar taat setia kepada *fuhrer*; mereka terpengaruh dan mendapat faedah daripada pemerintahan Nazi yang berjaya menghapuskan pengangguran, memajukan ekonomi dan memenangi perang demi perang; mereka tidak mahu dituduh sebagai mengkhianati negara jika mereka menentang Hitler pada masa Perang Dunia Kedua.

Dakwaan bahawa rakyat Jerman tidak mengetahui tahap kekejaman Hitler agak susah untuk dipertahankan. Bukan hanya tangkapan tetapi pembunuhan yang dilakukan oleh rejim Hitler memang menjadi pengetahuan umum. Sebelum teknik pembunuhan dengan gas dikenakan terhadap orang Yahudi, seramai lebih kurang 70 000 orang yang

* Lihat Lampiran III.

cacat, lemah dan dianggap tidak layak untuk hidup sudah dibunuh dengan cara yang sama atau dengan cara suntikan. Ini telah menimbulkan protes daripada Biskop von Galen dari Munster dan juga orang lain. Tindakan Nazi membunuh orang Yahudi secara beramai-ramai juga menimbulkan protes daripada pihak Gereja tetapi ia bukanlah penentangan yang berkesan. Selepas Perang Dunia Kedua berakhir misalnya pihak Gereja daripada berbagai-bagai mazhab mengakui kesalahan mereka kerana tidak mengambil tindakan tegas menentang Nazi. Perhimpunan Protestant yang bersidang di Treysa pada bulan Ogos tahun 1945 mengeluarkan satu pernyataan yang berbunyi, “Kami menuduh diri kami [bersalah] kerana tidak beramal dengan lebih berani, berkeyakinan dengan lebih rela dan berkasih sayang dengan lebih mendalam”.⁴⁰ Jadi, Ryder mengatakan bahawa,

“Jika Reich Ketiga merupakan satu ujian hebat bagi golongan Gereja dan mereka tidak pun memperlihatkan kejayaan yang membanggakan, ia [Reich Ketiga] adalah sesuatu yang mereka langsung tidak sangkakan. Mereka menduga ia menyerupai rejim autoritarian lain sebelumnya; mereka tidak sedar bahawa ia akan menjadi satu pengalaman unik, sesuatu yang memerlukan permutusan kata yang amat berat, pengorbanan sendiri malah penyerahan nyawa”.⁴¹

Persoalannya ialah apakah yang menghalang bukan sahaja golongan Gereja tetapi juga orang lain daripada bersedia untuk mengendalikan “pemutusan kata yang amat berat, pengorbanan sendiri ... penyerahan nyawa”. Persoalan ini dihadapi juga oleh golongan Yahudi sendiri. Apabila berita pembunuhan orang Yahudi secara beramai-ramai ini mula diketahui, terdapat orang Yahudi sendiri yang seolah-olahnya sengaja tidak mahu mempercayai berita tersebut. Jika berita itu dipercayai maka wajar dan patutlah mereka bangun bertindak melakukan sesuatu. Tetapi oleh sebab mereka tidak mahu atau tidak boleh bertindak maka adalah lebih mudah bagi mereka menyangsikan atau menafikan sahaja kebenaran berita tersebut.⁴²

Untuk mengambil sesuatu tindakan menentang rejim totalitarian seperti rejim Nazi, memang sukar dan membahayakan. Ini boleh difahami dan kerap diperkatakan. Memandangkan hal ini, maka istilah penentangan itu sendiri pernah diberikan penakrifan yang amat luas. Hans Rothfels misalnya mengatakan bahawa istilah penentangan itu merangkumi kegiatan terbuka dan terlindung, aktif dan pasif. Tegasnya “... dalam beberapa kes, perlawanan tentangan merangkumi juga berbagai-bagai bentuk pengecualian secara diam-diam”.⁴³

Hans Rothfels nampaknya bersetuju dengan kebuntuan perasaan dan ikhtiar yang pernah dinyatakan oleh Leuschner pada tahun 1939,

“Kami adalah banduan di dalam kemasyghulan yang amat sangat. Untuk bangkit

40 *Ibid.*, hlm. 379.

41 *Ibid.*, hlm. 380.

42 Lihat W. Laqueur 1980. “Hitler’s Holocaust: Who Knew What, When & How?” dalam *Encounter*, Julai, Jil. No. 1, hlm. 6–25.

43 Hans Rothfels, “Appraisal of The German Resistance: Its Motives and Its Historical Significance”, dalam E. Zimmermann & H.A. Jacobsen (ed.) 1969. *Germans Against Hitler: July 20, 1944*. Press & Information Office of the Federal Government of Germany, hlm. 11.

memberontak adalah perbuatan mempergadaikan nyawa seperti juga halnya dengan banduan yang bangun menentang pengawal mereka yang lengkap bersenjata”.⁴⁴

Pendirian begini ialah juga pendirian Lucy Dawidowicz. Dawidowicz misalnya melihat orang awam Yahudi sebagai mereka yang terperangkap dan tidak mempunyai peluang menentang. Malah Dawidowicz memanjangkan hujahnya untuk meliputi golongan ketua kaum Yahudi juga. Ketua kaum Yahudi, kata Dawidowicz, bekerjasama dengan Nazi hanya semata-mata untuk mengelakkan seksaan dan tekanan Nazi yang lebih dahsyat terhadap mereka dan kaum mereka. Misalnya, mereka bersetuju untuk membentuk Majlis Golongan Tua (*Judenrat*) dan menganggotainya seperti yang diarahkan oleh Nazi kerana takut kaum Yahudi tidak akan diwakili langsung dalam pemerintahan Nazi atau akan diwakili oleh orang yang terang-terang memusuhi Yahudi. Tetapi persetujuan mereka membentuk dan menganggotai *Judenrat* seolah-olahnya melambangkan pula penerimaan dan pengesahan mereka terhadap dasar pemerintahan Nazi dan segala diskriminasi dan keganasannya sekali. Nampaknya mereka dilanda dilema. Kata Hannah Arendt, dilema ini jelas diambil kira oleh mereka yang kemudiannya menggubal Undang-undang (Penghukuman) terhadap Orang Nazi dan Pembantu Nazi tahun 1950. Bahagian 10 undang-undang ini mengecualikan hukum terhadap seseorang yang bekerjasama dengan Nazi sekiranya tindakannya itu hanyalah “untuk menyelamatkan dirinya daripada bahaya maut serta-merta”. Bahagian II pula mengecualikan hukuman terhadap mereka yang telah melakukan “apa yang paling terdaya olehnya untuk meringankan akibat daripada kesalahan” atau cuba “mengelakkan akibat yang lebih berat daripada apa yang telah terjadi”.⁴⁵

Hannah Arendt juga bersetuju bahawa orang Yahudi tidak berpeluang menentang. Mereka terpaksa menyerah sahaja. Dalam hal ini, dia juga mendakwa bahawa apa yang menyedihkan ialah “... tidak ada kumpulan atau orang bukan Yahudi telah bertindak dengan cara yang berbeza”.⁴⁶ Dalam keadaan krisis, semua akan memikirkan soal keselamatan serta-merta. Apabila Arendt membicarakan tentang penentangan Yahudi di Belanda dan penyeksaan yang terpaksa ditanggung oleh para pemberontak kemudiannya, dia jelas mengakui betapa sia-sianya tindakan memberontak tersebut. Menurut Arendt, tentulah lebih baik mati di kamar gas sahaja daripada terpaksa mengalami seksaan berterusan yang berbulan-bulan lamanya.⁴⁷

Berdasarkan kepada alasan di atas tentu banyak orang yang bekerjasama dengan Nazi dapat melepaskan diri mereka daripada tuduhan bersalah. Semua orang boleh mengatakan bahawa mereka bekerjasama dengan golongan Yahudi semata-mata kerana mahu mengelakkan diri daripada maut serta-merta atau mahu mengelakkan berlakunya keganasan yang lebih berleluasa. Majlis Golongan Tua yang bekerjasama dengan Nazi tentu boleh mengetengahkan salah satu atau kedua-dua alasan ini. Malah orang Yahudi yang menganggotai *sonderkommandos* (unit-unit khas) Nazi dan turut sendiri membunuh orang Yahudi pun boleh berhujah begitu juga. Para intelektual atau profesional Yahudi

45 H. Arendt 1976. *Eichmann in Jerusalem: A Report on The Banality of Evil*. Middlesex, England: Penguin Books, hlm. 91.

46 *Ibid.*, hlm. 11.

47 *Ibid.*, hlm. 12.

yang bersedia menerima tawaran Nazi untuk dikelaskan dalam golongan “istimewa” juga tidak boleh dikatakan telah mengkhianati bangsa sendiri. Memang boleh dikatakan persetujuan mereka untuk dikelaskan sebagai golongan istimewa membawa makna bahawa orang Yahudi lain tidak istimewa dan oleh itu, wajar dimusnahkan sahaja.⁴⁸ Tetapi sekiranya mereka tidak bersetuju untuk dikelaskan sebagai golongan “istimewa” maka mereka juga akan dimusnahkan dan dengan itu kemungkinan berterusannya zuriat Yahudi akan menjadi lebih gelap lagi. Jika isunya pada masa itu ialah bagaimana sebanyak mungkin orang Yahudi dapat diselamatkan maka golongan “istimewa” tentu dapat mendakwa bahawa strategi yang mereka pilih itu ialah strategi yang paling praktikal diamalkan. Dalam konteks beginilah dapat ditempatkan pernyataan Dawidowicz yang berbunyi,

“Tidak berupayanya orang Yahudi menentang Penyelesaian Akhir [dasar Nazi mahu menghapuskan Yahudi] menambahkan lagi rasa bersalah mereka, kerana tradisi mereka mempertanggungjawabkan kepada setiap orang Yahudi tugas memelihara nyawa sendiri dan pengkalan masyarakatnya. Zelig Kalamnovich berkata bagi pihak semua apabila dia menulis dalam buku catatan hariannya tentang dilema rumit yang dihadapi oleh orang Yahudi pada masa itu: ‘Semua bersalah, atau barangkali lebih tepat lagi, semua tidak bersalah dan suci’.”⁴⁹

Tetapi jika penghujahan begini diterima, ia sepatutnya tidak dihadkan bagi membela orang Yahudi sahaja. Tidakkah golongan Gereja, orang Jerman lain malah orang di luar Jerman pun berhak menggunakan penghujahan yang serupa bagi membela diri masing-masing? Memang pernah diujahkan bahawa ada golongan tentera yang enggan menentang Hitler secara terbuka kerana khuatir akan tercetusnya perang saudara yang boleh melibatkan lebih banyak kemusnahan dan pertumpahan darah. Bukankah ini juga satu strategi bagi mengelakkan keganasan yang lebih berleluasa? Para pegawai Nazi yang dibicarakan di Nuremberg selepas Perang Dunia Kedua menegaskan bahawa mereka hanya mengikut perintah Hitler. Tidakkah boleh tindakan mereka dikelaskan sebagai tindakan bagi mengelakkan maut serta-merta? Chamberlain, Perdana Menteri Britain, masih mahu berbaik-baik dengan Hitler selepas Jerman menakluki Czechoslovakia kerana dia tidak mahukan keadaan menjadi lebih buruk, iaitu jika Hitler ditentang. Dengan aliran penghujahan begini, maka tentu orang yang berpeluang menentang Nazi tetapi tidak menentang pun akan dapat memberikan jawapan atau alasan bagi menjelaskan keputusan yang mereka buat.

Pendeknya, telahan “semua bersalah, atau lebih tepat lagi, semua tidak bersalah dan suci” boleh dimanfaatkan oleh semua orang. Jika semua dikatakan “tidak bersalah dan suci” maka yang mungkin terus dituduh bersalah hanyalah Hitler seorang sahaja. Tersirat di sebalik hujah ini ialah pengakuan bahawa tiada seorang pun dapat menandingi pengaruh dan kekuatan Hitler. Semua terpegun dan tunduk menerima. Ini mungkin sukar sekali diterima, tetapi jika ia diterima sekalipun hujah untuk melepaskan semua orang lain daripada kesalahan mungkin pula sukar untuk dipertahankan. Barangkali ia hanya boleh

48 Perihal orang Yahudi yang bersedia digolongkan kepada golongan “istimewa” ini ada dibicarakan oleh Arendt dan beliau amat mencemuh golongan ini. Lihat *ibid.*, hlm. 131–134.

49 Dawidowicz, *op. cit.*, hlm. 423.

dipertahankan sekiranya kelemahan itu dianggap bukan sebagai satu kesalahan. Walau bagaimanapun, anggapan ini dapat dipertikaikan.

Kelemahan, seperti juga kejahilan, mungkin dikatakan bukan sebagai satu kesalahan atau jenayah jika ia memang tidak dapat diatasi dan tidak pula membawa kepada apa-apa bahaya. Tetapi sekiranya ia sengaja tidak diatasi dan dengan itu mendatangkan bahaya pula kepada diri sendiri dan masyarakat, tentu ia boleh dikatakan sebagai satu kesalahan dan jenayah yang nyata. Jadi, persoalan yang perlu dihadapi ialah bagaimana kita dapat menentukan faktor sengaja atau tidak sengaja yang diperkatakan ini. Persoalan ini boleh juga dikalihkan: bagaimana dapat kita buktikan bahawa seseorang itu telah cuba untuk mengatasi kelemahan atau kejahilannya? Jadi, jika seseorang itu hanya bekerjasama sahaja dengan si penzalim bukankah itu menunjukkan bahawa ia tidak pun berusaha untuk mengatasi kelemahannya? Jika diujahkan bahawa kelemahan itu merupakan lanjutan daripada kelalaian yang sudah lama dan sudah menjadi sesuatu yang begitu tenat, ia masih juga tidak dapat dibela dengan mudah. Sebaliknya, ia barangkali hanya akan menjelaskan kepada kita kenapa sikap menyerah kepada si penzalim itu sudah menjadi begitu keterlaluan, iaitu jika betul ia memang keterlaluan. Isu kejahilan, secara kebetulannya pula, memang boleh dikaitkan dengan isu kelemahan ini. Sekiranya diujahkan bahawa seseorang atau sesuatu golongan itu tidak mengetahui bagaimana untuk mengatasi kelemahan itu, maka persoalan sama ada telah ada atau tidak ada usaha untuk mengatasinya perlu pula diketengahkan dan dijawab. Nampaknya, tanggungjawab untuk mengatasi kelemahan dan kejahilan dipulangkan kepada manusia yang berkenaan itu sendiri. Kejayaan atau kegagalan dalam mengendalikan tanggungjawab ini tentu akan mencorakkan akibat yang bakal dihadapi. Jadi, dalam kes ini, keengganan menerima tuduhan bersalah sebenarnya merupakan keengganan untuk menerima dan mengendalikan tanggungjawab.

Walaupun bagaimanapun, wujudnya seseorang atau sesuatu kumpulan yang enggan menerima dan mengendalikan tanggungjawab sendiri tidak bermakna seseorang atau sesuatu kumpulan lain pula boleh atau patut mengambil kesempatan secara sewenang-wenangnya daripada keadaan tersebut. Golongan lain yang mengetahui bagaimana merbahayanya membiarkan kelemahan atau kejahilan berlarutan sepatutnya berusaha agar keadaan itu tidak berterusan. Dalam keadaan sehari-hari pula amat sukar dikatakan bahawa hanya dua orang atau dua golongan yang terlibat dalam sesuatu peristiwa. Jadi, jika yang lemah bersalah kerana ia hanya membiarkan kelemahan itu berterusan, si penzalim bersalah kerana mengambil kesempatan daripada kelemahan orang lain, maka si pemerhati juga bersalah jika dia hanya membiarkan penzaliman berlaku tanpa berusaha untuk memberhentikannya. Malah, mereka yang tidak mengetahui tentang kezaliman yang berlaku juga boleh disalahkan jika mereka tidak pun berusaha untuk mengambil tahu tentang nasib manusia lain. Segala hujah ini diasaskan kepada dua andaian pokok. Pertama, manusia itu bertanggungjawab bukan hanya untuk memastikan kesejahteraan sendiri, tetapi juga kesejahteraan manusia lain secara keseluruhannya. Kedua, manusia secara keseluruhannya juga bersetuju dengan apa yang dimaksudkan sebagai kesejahteraan dan bukan kesejahteraan atau kezaliman dan bukan kezaliman.⁵⁰ Dengan ini,

50 Hal atau masalah ini, ada saya bincangkan di tempat lain. Lihat Qasim Ahmad "Pengadilan Moral Dalam Sejarah: Kes Nazi Di Jerman" dalam Qasim Ahmad 1992. *Karya Sejarah: Pendekatan dan Persoalan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, Bab 3, hlm. 35–50.

apabila berlakunya sesuatu kezaliman, maka manusia sebagai satu unit masyarakat lebih wajar mengakui sebagai “semua bersalah” daripada “tidak bersalah dan suci”.

Perbuatan mengaku bersalah terlebih dahulu mungkin kelihatan aneh dan berlawanan pula dengan prinsip yang menetapkan seseorang itu sebagai “tidak bersalah melainkan setelah dibuktikan kesalahannya”. Dari segi pengadilan mahkamah, tentu hanya orang yang terbukti mengendalikan sesuatu tindakan yang bersalah dan para pembantunya yang nyata bersuhabat akan dikenakan sesuatu hukuman. Mereka sahajalah yang patut berasa bersalah. Orang yang menjadi mangsa si pesalah sudah pun menerima dan menanggung akibat tindakan si pesalah yang berkenaan, si pemerhati lain yang dekat atau yang jauh tidak langsung melakukan apa-apa tindakan pun: kenapa kedua-dua golongan si mangsa dan si pemerhati patut mengakui dan berasa bersalah? Dari segi pengadilan mahkamah, mereka ini memang lazimnya tidak akan dipersalahkan dan dihukum. Namun begitu, dari segi pengendalian tanggungjawab bagi memelihara kesejahteraan diri sendiri dan umat manusia secara keseluruhannya patut jugakah mereka berasa tidak bersalah? Berdasarkan hujah dan andaian yang dikemukakan sebelum ini tentu sukar agaknya untuk kita mengatakan mereka “tidak bersalah dan suci”.

ISU KEBAIKAN MUTLAK

Jadi, sekiranya kaum Yahudi yang dizalimi bersalah, Nazi yang menzalimi bersalah dan orang atau bangsa lain yang memerhati atau tidak memerhati juga bersalah, iaitu atas sebab dan kadar masing-masing, maka dasar yang melepaskan seseorang yang terlibat dalam tindakan zalim semata-mata kerana ia mahu mengelakkan maut serta-merta atau bencana yang lebih besar perlu diteliti semula. Dasar itu terlalu umum dan longgar. Jika ia diamalkan, maka prinsip yang mahu menekankan tanggungjawab semua manusia menjaga kesejahteraan diri sendiri dan umat manusia seluruhnya tentu pula tidak dapat diamalkan. Jika prinsip ini tidak dapat diamalkan, maka kubu perlindungan bagi memelihara kesejahteraan manusia tentu pula akan runtuh. Oleh itu, dasar yang membebaskan mereka yang bertindak zalim semata-mata kerana mereka mahu mengelakkan maut serta-merta atau bencana yang lebih besar perlu dikorbankan. Pengorbanan atau penolakan dasar ini bukan dibuat semata-mata kerana pemilihan salah satu antara dua dasar mesti dikendalikan. Pemilihan hanya merupakan sebahagian daripada sebabnya. Dasar ini patut diketepikan kerana dasar ini menjadikan tindakan menyelamatkan diri sendiri dan mengelakkan bencana yang lebih besar sebagai matlamat mutlak yang tidak dibatasi langsung oleh pertimbangan lain. Tanpa pertimbangan terhadap faktor lain, tindakan menyelamatkan diri sendiri dan mengelakkan bencana yang lebih besar tentu akhirnya boleh juga diujahkan sebagai sesuatu tindakan yang hanya mementingkan diri sendiri, dayus dan dengan itu, boleh juga pula melemahkan semangat orang lain. Dengan perkataan lain, bolehkah seseorang itu, demi untuk menyelamatkan nyawanya sendiri, membunuh orang lain yang tidak bersalah seperti yang telah dilakukan oleh *sonderkommandos* Yahudi di bawah Nazi? Apakah tindakan menyelamatkan nyawa sendiri merupakan suatu kebaikan mutlak dan segala tindakan lain dibolehkan kerananya? Sebaliknya, jika tindakan memelihara nyawa sendiri hanya dibenarkan sekiranya ia tidak melibatkan pengorbanan nyawa orang lain yang tidak bersalah, maka tentu tindakan menyelamatkan nyawa sendiri tidak boleh dianggap sebagai kebaikan mutlak. Kebaiikannya disandarkan kepada syarat

tertentu. Dengan itu, perbuatan menyelamatkan diri sendiri yang tidak mepedulikan keselamatan orang lain boleh pula dianggap sebagai satu perbuatan mementingkan diri sendiri; malah ia boleh dianggap sebagai satu perbuatan zalim.

Memang seseorang yang menyelamatkan diri dengan membunuh orang lain boleh menyatakan bahawa orang yang dibunuh juga bersalah kerana tidak mengatasi kelemahan sendiri sehingga dirinya terdedah menjadi mangsa pembunuhan. Tetapi seperti yang telah dinyatakan sebelum ini, seseorang itu sepatutnya menolong orang lemah mengatasi kelemahannya dan bukan mengambil kesempatan daripadanya. Sekiranya seseorang itu dibolehkan mengambil kesempatan daripada kelemahan orang lain dan tindakan membunuh orang lain juga dikelaskan sebagai tindakan mengambil kesempatan, maka golongan Nazi jua tidak patut dipersalahkan. Golongan Nazi memang tidak segan silu mempergunakan sahaja konsep pengekalan spesies yang handal seperti yang diutarakan oleh Darwin. Jika konsep Darwinisme sosial ini diterima sebagai suatu amalan biasa manusia, maka nampaknya kita sudah menjunjung pendewaan kekuatan fizikal dan membenamkan terus perhitungan moral. Tidak terdapatnya golongan manusia lain yang bertindak berlainan dalam keadaan krisis (jika betullah tidak terdapat!) tidak menjadikan tindakan sebegitu sesuatu yang patut diterima. Malah semua tindakan itu patut disesali, iaitu jika kita masih yakin tentang adanya, dan masih mahu berusaha mengadakan, moraliti manusia yang dianggap berperikemanusiaan demi menjamin rasa kesejagatan serta keprihatinan sosial insan yang tulen.

Seterusnya pula, jika seseorang itu dibenarkan melakukan sesuatu apa sekalipun bagi mengelakkan berlakunya suatu bencana yang lebih besar maka tindakan mengelakkan bencana yang lebih besar itulah sebenarnya sudah dianggap sebagai kebaikan mutlak. Jadi, Majlis Golongan Tua Yahudi bekerjasama dengan Nazi yang sudah nyata zalim adalah kerana mahu mengelakkan bencana yang lebih besar, kerana takutkan keganasan Nazi lebih berleluasa. Soalnya ialah: antara hidup bekerjasama dengan kezaliman dan mati menentang kezaliman, manakah bencana yang lebih besar? Apakah mati menentang kezaliman sebenarnya satu bencana? Sebaliknya pula, apakah memelihara kehidupan tanpa prinsip suatu tindakan yang sebenarnya mengelakkan bencana? Tidakkah kematian akibat daripada tindakan menentang kezaliman merupakan suatu pengorbanan dan lebih ramai yang mati bukan bermakna berlakunya bencana yang lebih besar, tetapi terlaksananya pengorbanan yang lebih bermakna? Sebaliknya, tidakkah tindakan memelihara kehidupan yang diasaskan kepada pengorbanan prinsip keadilan itu dengan sendirinya mencetus dan membiakkan di kalangan orang ramai perasaan dan sikap menyerah kepada kezaliman? Tidakkah hidup begini sepatutnya dikatakan sebagai suatu bencana? Yang trajis atau ironisnya dalam kes kerjasama antara Yahudi dengan Nazi ialah kerjasama yang diberikan oleh Yahudi tidak sentiasa pula menyelamatkan lebih banyak nyawa. Dalam beberapa kejadian, orang Yahudi tetap juga menjadi mangsa keganasan Nazi walaupun kerjasama telah diberikan. Memang boleh diujahkan bahawa tanpa kerjasama langsung, jumlah orang Yahudi yang menjadi mangsa Nazi tentu akan menjadi lebih tinggi. Tetapi seseorang lain boleh pula mengutarakan hujah yang berbeza. Memandangkan matlamat Nazi ialah penghapusan Yahudi, maka kadar jumlah pembunuhan terhadap orang Yahudi akan sebenarnya ditentukan bukan oleh ada atau tiadanya kerjasama tetapi oleh faktor masa sahaja. Pendeknya, kemanfaatan yang boleh dihasilkan daripada dasar bekerjasama Yahudi-Nazi adalah sesuatu yang amat boleh disangsikan. Malah Arendt sendiri,

walaupun dia juga ada mengatakan bahawa tidak ada golongan orang lain dalam krisis yang telah bertindak berbeza daripada kaum Yahudi, turut juga menegaskan bahawa arahan kepada orang awam Yahudi yang dikeluarkan oleh Majlis Golongan Tua Yahudi telah sebenarnya memburukkan lagi keadaan. Tidakkah bentuk arahan yang dikeluarkan oleh Majlis Golongan Tua ini dipengaruhi oleh kewujudan kerjasama antara mereka dengan Nazi? Arendt menjelaskan bahawa,

“Di mana sahaja orang Yahudi tinggal, terdapat para pemimpin Yahudi yang diakui, tetapi kepimpinan ini, hampir tanpa pengecualian, bekerjasama dengan Nazi, dengan apa cara sekalipun, biar apapun tujuannya. Sebenarnya, jika orang Yahudi betul-betul tidak diurus dan tidak mempunyai pemimpin, akan berlakulah huru-hara dan keperitan yang berleluasa tetapi jumlah mangsa tidaklah menjangkau sampai ke angka antara empat setengah hingga enam juta orang manusia.”⁵¹

Oleh itu, sekiranya kita terima pengakuan “semua bersalah”, walaupun atas sebab dan kadar yang berbeza daripada seorang kepada seorang (atau daripada satu kumpulan kepada satu kumpulan) lain, maka salah satu tugas yang patut dilaksanakan seterusnya ialah menentukan kadar atau beratnya kesalahan seseorang itu. Tentu banyak faktor dan sebab yang patut dilibatkan dalam usaha untuk menjawab persoalan ini dengan memuaskan. Usaha ini tidak akan dibuat di sini. Barangkali, memadamkan jika dinyatakan bahawa usahanya amat rumit dan berat. Hal ini sepatutnya dapat menekankan betapa berat dan luasnya pula isu-isu yang terselindung di sebalik andaian bahawa manusia itu bertanggungjawab memelihara kesejahteraan dirinya dan kesejahteraan manusia seluruhnya.

Walau bagaimanapun, salah satu faktor yang patut diambil kira dalam menentukan kadar kesalahan seseorang itu bersabit dengan keganasan Nazi ialah sejauh mana seseorang itu telah menentang atau tidak menentang keganasan tersebut. Kesan dan matlamat penentangan tentu juga patut dipertimbangkan sekali. Untuk tujuan penghujahan ini kekesanan barangkali bolehlah disamakan dengan keaktifan: lagi aktif penentangan maka lagi berkesanlah penentangan itu dan begitulah pula sebaliknya. Matlamat semua golongan para penentang boleh dikatakan (dan dihadkan) kepada menentang kezaliman Nazi sahaja. Berdasarkan perkiraan begini, maka pemerhatian bahawa tidak terdapatnya penentangan nyata secara besar-besaran yang melibatkan majoriti orang Jerman bermakna memang majoriti orang di Jerman lemah dan bersalah. Penentangan aktif sebelum Perang Dunia Kedua hanya terdapat secara terhad di kalangan para pekerja, golongan kiri, golongan Gereja dan juga para pegawai tentera.

Tindakan penentangan di kalangan pekerja berhaluan kiri berkisar di sekitar kegiatan mengedarkan risalah anti-Nazi, menulis slogan di tembok-tembok dan mengadakan perbincangan sulit. Kadangkala mereka juga mengendalikan sabotaj atau mogok secara kecilan. Kegiatan penentangan secara sulit juga merupakan penentangan yang dikenalpastikan oleh parti-parti sayap kiri seperti Parti Demokratik Sosial dan Parti Komunis. Kegiatan sulit dan menentang kerajaan memang tidak asing bagi golongan ini dan ini membantu usaha mereka. Namun begitu, jumlah bekas ahli mereka yang terlibat dikatakan hanya di sekitar 10 peratus. Lagipun, golongan sayap kiri ini tidak bersatu. Kekurangan

51 H. Arendt, *Eichmann in Jerusalem*, hlm. 125.

ahli dan perpecahan ini melemah dan menggagalkan usaha mereka untuk menghasilkan penentangan melawan Nazi secara teratur dan meluas.

Pertentangan di kalangan ahli Gereja, seperti yang sudah disentuh, juga terhad. Lagipun golongan Gereja tidak mempunyai tradisi menentang kerajaan dan pembentukan pergerakan sulit sehebat golongan sayap kiri. Tradisi konservatif yang menyanjung dan mematuhi kuasa kerajaan, terutama di kalangan golongan Protestant di Jerman, melemahkan usaha dan semangat penentangan mereka.

Memandangkan kelemahan penentangan di kalangan orang awam ini, maka terdapat ahli sejarah yang mengatakan bahawa percubaan para pegawai tentera untuk membunuh Hitler pada 26 Julai 1944 merupakan penentangan terhadap Hitler yang paling utama. Jika diukur dari segi keaktifan (atau kekesanan yang diharapkan?), maka percubaan pada 20 Julai ini juga boleh dikatakan sebagai penentangan yang paling utama. Tetapi percubaan ini juga gagal. Bom yang diletupkan tidak meragut nyawa Hitler dan *coup d'état* tentera yang dirancang terbengkalai. Banyak ketua pakatan atau plot 20 Julai telah diseksa dan dibunuh. Dalam tindakan balas Nazi terhadap percubaan membunuh Hitler dikatakan lebih kurang 5000 orang tentera dan orang awam telah akhirnya dihukum mati oleh pihak mahkamah sivil dan pemerintah.⁵²

Jadi, pada keseluruhannya, penentangan orang Jerman terhadap Hitler jelas gagal. Anthony Williams mengatakan bahawa,

“Dari segi politik, penentangan orang Jerman merupakan satu kegagalan: Hitler memperoleh kuasa pada 30 Januari 1933 dan telah tidak disingkirkan sehinggalah dia membunuh dirinya sendiri di dalam kubunya di Berlin pada 30 April 1945, ditumbangkan bukan oleh orang Jerman yang menentanginya, tetapi oleh kekuatan senjata Kuasa Berikat.”⁵³

DASAR LUAR HITLER

Dasar luar Hitler mempunyai unsur persamaan penting dengan dasar dalam negerinya. Ideologi keunggulan bangsa Jerman atau Aryan dijadikan landasan kepada rancangan dan tindak-tanduknya. Taktik Machiavellian yang digunakan oleh Hitler bagi mencapai matlamat dasar dalam negerinya juga digunakan bagi mencapai matlamat dasar luarnya. Seterusnya, sikap ahli politik Jerman yang percaya bahawa pengaruh dan kuasa Hitler dapat dibendung juga diperlihatkan oleh negarawan Eropah yang terpaksa berhadapan dengan Hitler. Oleh sebab itu, terdapat kerelaan mereka untuk bertolak ansur dengan kuasa Nazi pada peringkat awal pemerintahan Hitler. Salah dugaan ini memudahkan Hitler melaksanakan dasar luarnya yang agresif.

Pada permulaannya, Hitler sendiri memang tidak mampu untuk melaksanakan dasar luar yang agresif. Jerman masih belum mempunyai tentera yang kuat. Pencabulan Hitler terhadap peruntukan Perjanjian Versailles diperlihatkannya seolah-olah sebagai sesuatu yang terhad sahaja. Pada bulan Februari tahun 1933, Menteri Luar Jerman, Konstantin von

52 A. William, “Resistance and Opposition Amongst Germans” dalam S. Hawes & R. White (ed.) 1976. *Resistance In Europe, 1939–1945*. England: Penguin Books, hlm. 169.

53 *Ibid.*

Neurath menegaskan kepada para diplomat asing bahawa Jerman tidak akan “cuba melaksanakan apa-apa eksperimen dalam dasar luarnya” dan “Hitler kian terbukti berpatutan” dalam dasarnya.⁵⁴ Apabila Hitler menarik keluar Jerman daripada Liga Bangsa-Bangsa dan Persidangan Pengurangan Senjata pada bulan Oktober tahun 1933, dia masih seolah-olah memperlihatkan sokongannya terhadap dasar pengurangan senjata. Pada bulan Januari tahun 1934, Hitler menandatangani satu perjanjian persahabatan dengan Poland dan pakatan Jerman-Rusia terus diperbaharui sehingga tahun 1935. Apabila percubaannya untuk menyatukan Jerman dan Austria dengan mempergunakan golongan Nazi di Austria gagal, Hitler menafikan penglibatannya dan bersetuju memisahkan Parti Nazi di Austria dari parti Nazi di Jerman. Menerusi pidato umumnya sehingga tahun 1936, Hitler masih menggambarkan dirinya sebagai seorang bekas tentera yang amat bencikan peperangan.

Pencabulan Hitler yang nyata terhadap salah satu peruntukan penting Perjanjian Versailles berlaku apabila dia mengumumkan pembentukan Tentera Udara Jerman pada 9 Mac 1935. Seminggu selepas itu, dia telah memperkenalkan semula dasar kerahan tenaga bagi membentuk satu angkatan tentera yang mempunyai 500 000 orang anggota. Walaupun negara-negara Kuasa Berikat membangkang dasar Hitler ini, mereka tidak mengambil apa-apa tindakan tegas. Kemudian, pada tahun berikutnya, pada 7 Mac 1936, Hitler telah menghantarkan pula tenteranya ke tebing timur dan barat Rhine. Dengan itu, dia telah melanggar satu lagi ketetapan yang dibuat dalam Perjanjian Versailles. Fasal 44 Perjanjian Versailles yang kemudiannya ditetapkan sekali lagi oleh Pakatan Locarno 1925 melarang Jerman menempatkan tenteranya di kawasan yang bersempadan dengan Perancis ini. Sekali lagi Perancis dan Britain bertolak ansur. Terdapat pihak di Britain yang percaya bahawa sekiranya Jerman diizinkan mengembalikan semula kekuatan tentera dan menggerakkannya di kawasannya sendiri secara berpatutan, maka rasa kemarahan Jerman terhadap Perjanjian Versailles dapat diredakan. Atas perkiraan begini jugalah maka Britain bersetuju menandatangani perjanjian tentang dasar perkembangan tentera laut dengan Jerman pada bulan Jun tahun 1935. Menurut perjanjian itu, Jerman boleh memperbesarkan tentera lautnya sehingga paras satu pertiga saiz tentera laut Britain.

ANSCHLUSS

Berlatarbelakangkan iklim politik beginilah Hitler melancarkan semula dasar penyatuan Jerman-Austria atau *Anschluss*. Pada 12 Februari 1938, Hitler telah bertemu dan berbincang dengan Canselor Austria, Kurt Schuschnigg. Setelah pertemuan ini, Schuschnigg bersetuju melantik ketua Nazi Austria, Seyss-Inquart yang pro-*Anschluss* sebagai Menteri Dalam Negeri. Dia juga bersetuju untuk mengadakan satu pungutan suara pada 13 Mac bagi menentukan sama ada rakyat Austria menyokong *Anschluss* atau tidak. Tetapi sebelum pungutan suara sempat dijalankan, Hitler telah mengarahkan tenteranya mara ke Austria pada 11 Mac, dengan alasan bahawa Menteri Dalam Negeri Austria telah memohon bantuan Jerman bagi mententeramkan keadaan di dalam negeri. Walhal, permohonan itu telah direka sahaja oleh seorang pembantu kanan Hitler. Tentera Hitler telah mendapat sambutan ghairah di Vienna dan tidak ada kuasa Eropah yang bersedia

54 Paxton, *op. cit.*, hlm. 403.

menggunakan kekerasan menghalang Hitler walaupun *Anschluss* sebenarnya melanggar Fasal 80 Perjanjian Versailles. *Anschluss* menjadi satu *fait accompli* dan Jerman kini menjadi negara yang mempunyai 80 juta rakyat.

Selepas *Anschluss* bangsa-bangsa Jerman di negara lain, seperti Poland dan Czechoslovakia juga inginkan perlindungan Jerman. Hitler bertambah yakin dan bertambah agresif. Britain masih mahu bertolak ansur. Lagipun, dari kaca mata Britain, Jerman di bawah Hitler juga dilihat sebagai benteng bagi mempertahankan Eropah daripada ancaman komunisme Rusia. Dasar Britain mahu memuakan harapan Jerman diteruskan walaupun selepas Hitler melanggar Czechoslovakia.

KRISIS DI CZECHOSLOVAKIA

Krisis di Czechoslovakia berpunca daripada tuntutan untuk mendapatkan autonomi ke-daerahan oleh warganegaraanya yang berbangsa dan berbahasa Jerman di Sudetenland. Pada permulaan krisis itu, iaitu pada bulan April tahun 1938, kerajaan Czechoslovakia mendakwa bahawa Jerman sudah menggerakkan tenteranya untuk campur tangan tentang urusan dalam negerinya. Perancis dan Rusia, masing-masing mempunyai perjanjian tentera dengan Czechoslovakia, mengisytiharkan keazaman mereka untuk membantu Czechoslovakia jika ia dicerobohi. Amaran yang sama telah juga diberikan oleh Britain. Hitler menafikan yang dia mempunyai apa-apa rancangan agresif terhadap Czechoslovakia.

Penafian Hitler sebenarnya merupakan satu taktik menunggu masa yang sesuai sahaja. Pada 30 Mei 1938, Hitler telah menegaskan “hajatnya yang tidak dapat diubah untuk mengganyang Czechoslovakia dengan tindakan tentera tidak lama lagi”, iaitu apabila terdapatnya “helah yang nampak sesuai dan alasan politik yang memadai”.⁵⁵ Masa yang sesuai tiba pada bulan September apabila rusuhan berlaku di Sudetenland. Rusuhan ini berlaku berikutan daripada pidato Hitler yang bersemangat di Perhimpunan Parti Nazi di Nuremberg pada 12 September. Dalam pidatonya, Hitler telah menjanjikan bantuan tentera kepada gerakan orang Jerman di Sudetenland. Kerajaan Czechoslovakia mengisytiharkan keadaan darurat. Jerman, Perancis dan Britain semuanya menggerakkan tentera masing-masing.

Walau bagaimanapun, peperangan dapat dielakkan dengan adanya usaha rundingan dan tolak ansur yang dikendalikan oleh Perdana Menteri Britain, Neville Chamberlain. Hasil daripada tiga perjumpaannya dengan Hitler, termaktublah Perjanjian Munich pada 29 September. Menerusi Perjanjian Munich semua kawasan Sudetenland yang tidak pernah pun merupakan sebahagian daripada daerah Jerman, akhirnya menjadi hak Jerman. Hitler bersetuju menghormati kedaulatan daerah Czechoslovakia yang lain. Perjanjian Munich merupakan puncak kepada dasar tolak ansur kuasa Eropah terhadap Hitler.

Malangnya kejayaan Perjanjian Munich tidak kekal lama. Hitler menodai janji yang diberikannya kepada Chamberlain dan melanggar ibu kota Czechoslovakia, Prague, pada 15 Mac 1939 dan menubuhkan apa yang dinamakan Daerah Naungan Bohemia-Moravia. Rusia. Perancis dan Britain membiarkan sahaja Czechoslovakia hancur.⁵⁶ Sebenarnya, dua

55 *Ibid.*, hlm. 420.

56 *Ibid.*, hlm. 423.

hari selepas tentera Hitler memasuki Prague, Rusia menyatakan kesediaannya untuk bekerjasama dengan kuasa lain menentang tentera Jerman. Tawaran ini tidak disambut oleh Britain dan Perancis. Kedua-dua kuasa ini masih mencurigai kejujuran rejim Stalin.

KRISIS DI POLAND

Selepas penaklukan Czechoslovakia, Hitler mengalihkan pula pandangannya ke Poland. Seperti di Czechoslovakia, di Poland juga terdapat golongan minoriti Jerman yang besar, misalnya di kawasan Silesia dan Danzig. Danzig sebenarnya ditempatkan di bawah penyeliaan Liga Bangsa-Bangsa. Lagipun akibat daripada Perjanjian Versailles, daerah Prusia Timur telah dipisahkan daripada kawasan Jerman lain oleh selunjuran kawasan tanah kepunyaan Poland. Pada tahun 1939, Menteri Luar Jerman, Joachim von Ribbentrop (dia menggantikan von Neurath sebagai Menteri Luar pada bulan Februari tahun 1938) menggesa Poland agar memulangkan Danzig kepada Jerman dan membenarkan Jerman membuat jalan kereta api merentasi kawasan Poland ke Prusia Timur. Sebagai balasan, Jerman berjanji akan melindungi Poland daripada serangan Rusia.

Kini, Britain tidak lagi mahu mengamalkan dasar bertolak ansur dengan Hitler. Peristiwa Munich sudah menjadi pengajaran yang jelas baginya. Pada 31 Mac 1939, Chamberlain mengisytiharkan bahawa Perancis dan Britain akan memberikan Poland segala bantuan yang mungkin sekiranya kemerdekaan Poland nyata terancam. Rundingan dengan pihak Rusia juga dikendalikan oleh kerajaan Britain dan Perancis tentang kemungkinan mengadakan pakatan bersama menentang Hitler. Walau bagaimanapun, Britain dan Perancis masih lagi belum begitu ghairah untuk bekerjasama dengan Rusia. Rundingan yang diadakan pun bukanlah pada peringkat tinggi.

Keengganan Perancis dan Britain bekerjasama dengan Rusia akhirnya memberikan peluang kepada Hitler. Hitler khuatir Jerman akan terpaksa berperang di dua perbatasan sekiranya Rusia juga terlibat dalam peperangan mempertahankan Poland. Maka, dia telah mengutuskan Menteri Luarnya, von Ribbentrop, untuk merunding dan memeteraikan perjanjian persahabatan dengan Rusia. Pada 22 Ogos 1939, terhasillah Pakatan Nazi-Soviet – satu pakatan yang telah memeranjatkan Eropah. Dua sistem totalitarian yang selama ini bermusuhan kerana berbeza ideologi, kini mengetepikan ideologi kerana memikirkan kepentingan sendiri. Jika Hitler dapat diselamatkan daripada kemungkinan peperangan di dua perbatasan, Stalin juga memperoleh keuntungan yang sama. Lagipun, jika Stalin menyebelahi Britain dan Perancis, Rusia akan terpaksa bertempur dengan Jerman. Tetapi dengan menandatangani Pakatan Nazi-Soviet, Rusia hanya dikehendaki berkecuali sahaja jika tercetus perang antara Jerman dengan kuasa lain. Peruntukan sulit Pakatan Nazi-Soviet ini pula membahagikan kawasan Eropah Timur kepada daerah pengaruh Jerman dan Rusia. Harapan negara demokrasi Barat untuk menjadikan Jerman sebagai kubu membanteras kemaraan komunisme nampaknya tidak berasas. Ribbentrop kini menegaskan kepada Stalin bahawa musuh Jerman sebenarnya bukanlah Rusia tetapi negara-negara demokrasi.

Pada 25 Ogos, Chamberlain mengesahkan jaminan Britain untuk mempertahankan Poland. Dia mengulangi pernyataannya bahawa Britain akan mengisytiharkan perang sekiranya Poland dicerobohi. Barangkali Hitler masih tidak pasti sama ada Chamberlain benar-benar serius atau tidak. Pada 1 September, tentera Jerman mara ke Poland. Pada 3

September, Britain dan Perancis mengisytiharkan perang. Maka, bermulalah apa yang dinamakan Perang Dunia Kedua.

Kempen tentera Nazi di Poland memakan masa lebih kurang sebulan sahaja. Warsaw, ibu kota Poland, ditawan pada 27 September, dan kubu terakhir Poland tumpas pada 2 Oktober. Bantuan daripada Perancis dan Britain tiba agak lambat. Semasa menakluki Poland, Jerman mengendalikan taktik *blitzkrieg*, iaitu pergerakan kilat yang menggunakan kombinasi kereta kebal, tentera biasa dan sokongan tentera udara.

Pada tahun yang berikutnya, Hitler meneruskan lagi dasar penaklukannya. Denmark dan Norway ditakluki pada bulan April tahun 1940. Serentak dengan itu juga tenteranya memerangi Belanda, Belgium, Luxembourg dan Perancis. Negara ini jatuh satu demi satu. Ramai tentera Perancis dan Britain terpaksa berundur. Antara 27 Mei hingga 4 Jun, sejumlah 338 000 tentera Britain dan Perancis meninggalkan Perancis melalui pelabuhan Dunkirk. Perancis jatuh ke tangan Hitler pada 16 Jun 1940. Bahagian utaranya menjadi sebahagian daripada tanah jajahan Jerman. Bahagian selatannya pula dibentuk menjadi sebuah kerajaan sekutu Jerman di bawah pemerintahan bekas pejuang Perancis dalam Perang Dunia Pertama, Marsyal Petain.

Dengan kejatuhan Perancis, Hitler kini menguasai sebahagian besar daripada benua Eropah, kecuali Rusia, Sepanyol dan beberapa negara kecil yang lain. Dasar luar Hitler yang menghasilkan ini sebenarnya sudah pun dinyatakan oleh Hitler dalam bukunya *Mein Kampf*. Dalam *Mein Kampf*, matlamat dasar luarnya ditumpukan kepada penyemakan semula Perjanjian Versailles, penyempurnaan pembentukan sebuah Reich Jerman berasaskan bangsa atau *Volk*, menentu dan memelihara “kesucian” bangsa Jerman atau Aryan dan mewujudkan daerah yang luas lagi sesuai bagi menampung keperluan bangsa Jerman pada masanya dan juga pada masa yang akan datang. Malah dasar memerangi Perancis juga ditekankan oleh Hitler. Perancis dilihat sebagai negara yang mahu menguasai Eropah dan dengki terhadap kesepaduan dan kekuasaan Jerman. Negara yang boleh dikira sebagai tidak bermusuhan dengan Jerman hanyalah Britain dan Itali.⁵⁷

Tetapi Britain, berbeza daripada Itali, tidak menjadi sekutu Jerman pada masa Perang Dunia Kedua. Setelah Perancis jatuh dan kemudian bekerjasama dengan Jerman, Britain memutuskan untuk terus menentang Jerman. Pada 10 Mei, Winston Churchill menggantikan Chamberlain sebagai Perdana Menteri Britain. Winston Churchill, dengan gaya politiknya yang amat berbeza daripada Chamberlain, menjadi hero Britain menentang Hitler. Dengan penuh semangat dia menggerakkan rakyat Britain untuk memerangi Hitler “jika perlu secara sendiriannya, jika perlu biar bertahun-tahun”.⁵⁸ Perang udara bagi menguasai ruang angkasa Britain, yang dinamakan Perang Britain (Jun 1940 – September 1941), merupakan perang udara yang paling hebat pada masa Perang Dunia Kedua. Lanjutan daripada perang ini, bandar-bandar di Jerman dan Britain juga turut dibom. Ribuan rakyat terkorban di kedua-dua belah pihak. Setiap malam daripada 7 September hingga 2 November 1940, London dibom: 15 000 rakyat mati, ribuan berlindung di kawasan bawah tanah dan ribuan bangunan musnah. Sebagai tindakan balas, tentera udara Britain mengebom bandar-bandar Jerman pula. Di Dresden sahaja 135 000 rakyat Jerman

57 A. Hitler (terj. R. Manheim) 1980. *Mein Kampf*. London: Hutchinson & Co., Cetakan Keempat, hlm. 565.

58 Paxton, *op. cit.*, hlm. 442.

mati akibat bom yang dijatuhkan pada 13 Februari 1945 – angka yang jauh melebihi 78 000 rakyat Jepun yang mati di Hiroshima.

OPERASI BARBAROSSA

Belum lagi Hitler dapat menewaskan Britain (atau kerana tidak dapat menewaskan Britain), dia telah memalingkan perhatiannya ke kawasan Balkans dan Rusia. Yugoslavia dan Greece ditawan oleh Jerman pada bulan April tahun 1941. Pada 22 Jun 1941, Hitler mengarahkan 79 pasukan tenteranya menyerang Rusia di sempadan sepanjang 2000 batu. Operasi tentera yang paling besar dalam sejarah Eropah moden ini, yang digelar Operasi Barbarossa, juga disertai oleh Finland, Hungary dan Rumania. Pada bulan September tahun 1941, Leningrad hampir tewas. Dalam pertempuran paling hebat selama lebih kurang 900 hari hingga bulan Januari 1944 ini, lebih 100 000 bom telah digugurkan oleh tentera udara Jerman. Pada bulan Disember tahun 1941, 3700 orang awam Rusia mati, kebanyakannya akibat daripada kebuluran dan kesejukan musim dingin. Tetapi daripada bulan November tahun 1942 lagi sudah terdapat pasukan tentera Jerman yang mengalami kekalahan. Sampai masanya, kempen tentera Jerman tumpas juga dan kumpulan tenteranya yang terakhir meninggalkan Rusia pada bulan Ogos tahun 1944. Tentera Rusia kemudian mara hingga ke Elba pada 28 April 1945 dan bertemu dengan tentera Britain yang menggempur tentera Jerman daripada bahagian barat semenjak pendaratan tenteranya di Normandy pada 6 Jun 1944. Menjelang 7 Mei 1945, Jerman menyerah kalah di Rheims.

Percubaan Hitler menakluki Rusia ialah bagi menyempurnakan hajatnya untuk memperoleh tanah yang cukup subur dan luas bagi keperluan Jerman. Inilah dasar yang dinamakan *Lebensraum*. Dalam *Mein Kampf*, Hitler mengatakan bahawa,

“... kita para Sosialis Nasional mesti berpegang teguh kepada matlamat kita dalam dasar luar, iaitu, *bagi mendapatkan orang Jerman kawasan dan tanah yang merupakan hak mereka di dunia ini*. Dan tindakan ini sahajalah, di hadapan Tuhan dan masa depan Jerman kita, yang akan mewajarkan apa pun pengorbanan darah”⁵⁹

Tanah yang dimaksudkan oleh Hitler ialah,

“Sekiranya kita berkata tentang tanah di Eropah pada hari ini, maka apa yang utamanya timbul dalam pemikiran kita hanyalah *Rusia* dan negeri-negeri naungan yang bersempadan dengannya”.⁶⁰

Orang Rusia dan orang daerah lain yang bukan Aryan amat patut ditakluki dan dijadikan hamba sahaja kepada bangsa Jerman. Lagipun, Rusia sudah dicemari oleh Bolshevik, dan Bolshevisme menurut Hitler, tidak lain dan tidak bukan adalah satu pakatan antarabangsa kaum Yahudi semata-mata. Kerana adanya sikap keangkuhan bangsa beginilah maka rakyat Poland, Rusia dan daerah lain di Eropah Timur dizalimi dengan begitu teruk oleh tentera Nazi. Kerana sikap begini jugalah Hitler tidak ingin untuk

59 Hitler, *op. cit.*, hlm. 596. Penekanan seperti asal.

60 *Ibid.*, hlm. 598. Penekanan seperti asal.

bekerjasama dengan musuh-musuh Stalin di Rusia bagi menumpaskan pemerintahan Bolshevik, walaupun tentera Rumania dan Yugoslavia turut serta dalam Operasi Barbarossanya. Hitler begitu yakin akan kekuatan tenteranya dan kelemahan tentera Bolshevik sehinggalah dia tidak memikirkan perlu untuk membekalkan para tenteranya dengan pakaian untuk musim sejuk. Pada suatu ketika, Hitler pernah mendakwa bahawa dia tidak pernah “mengambil apa-apa langkah yang menyebabkan dia akan terpaksa berundur” Katanya dia akan mengambil risiko tetapi hanya yang berpadanan dan yang tidak akan menjejaskan keselamatan bangsa Jerman. Katanya “Untuk ini anda memerlukan seolah-olah hidung untuk menghidu”⁶¹ Tetapi keangkuhan dan keyakinan manusia sahaja tidak dapat menjamin kejayaan. Malang tidak berbau; Hitler tidak dapat menghidunya. Risiko yang diambilnya membawa kepada kejatuhan Jerman.

AKIBAT PEPERANGAN

Dalam Perang Dunia Kedua, dianggarkan 600 000 rakyat Jerman terkorban akibat daripada serangan bom, dua perempat juta tenteranya terbunuh dalam pertempuran dan hampir satu perempat daripada bangunannya musnah. Di samping itu pula, lebih daripada enam juta golongan minoriti Jerman di Czechoslovakia dan Hungary telah diarah pulang ke Jerman. Mereka ini dan ratusan ribu pekerja Eropah Timur yang tidak mahu kembali semula ke negara mereka masing-masing semuanya menjadi orang pelarian. Jerman kekurangan makanan, tempat kediaman dan barangan. Dalam keadaan inflasi dan keruntuhan semangat, amalan *black market* merebak luas dan ramai hanya memikirkan kepentingan dan keselamatan diri masing-masing sahaja.

Antara tahun 1945 hingga tahun 1947, tiga belas pembicaraan terhadap penjenayah-penjenayah utama perang telah diadakan di Nuremberg. Orang Jerman yang dituduh dibicarakan oleh para hakim dari Amerika, Britain, Perancis dan Rusia. Satu ratus tujuh puluh tujuh orang Jerman (atau Austria) telah dihadapkan ke muka pengadilan. Dua puluh lima orang telah dikenakan hukuman mati, dua puluh orang dikenakan hukuman penjara yang lebih singkat masanya dan tiga puluh lima orang telah dibebaskan. Dalam tempoh masa ini juga wilayah negara Jerman mengalami proses pembahagian daerah yang akhirnya melahirkan Jerman Barat, Jerman Timur, Berlin Barat dan Berlin Timur.

Di kalangan negara yang menentang Jerman, kadar kehilangan nyawa yang paling tinggi telah dialami oleh Rusia. Lebih kurang tujuh juta orang awamnya terkorban dan 11 juta tenteranya ranap. Britain dan negara-negara Komanwel kehilangan lebih kurang 445 000 orang tentera, lebih separuh daripadanya ialah tentera Britain. 60 000 orang awam Britain mati akibat letupan bom atau roket. Perancis kehilangan 500 000 orang rakyatnya termasuk mereka yang terbunuh semasa terlibat dalam gerakan bawah tanah menentang Nazi. Secara keseluruhannya, 18 juta orang awam Eropah telah terkorban antara tahun 1935 hingga tahun 1945, sama ada akibat daripada letupan bom, serangan roket, penyakit, kekurangan makanan, ketenatan kerja atau pembunuhan sengaja. Semua sekali yang terkorban, orang awam dan tentera, dianggarkan berjumlah antara 25 juta hingga 30 juta orang. Antara 50 juta hingga 60 juta pula kehilangan tempat kediaman. Amerika Syarikat

61 Lihat Dawidowicz, *op. cit.*, hlm. 128.

yang melibatkan lebih kurang 12 juta tenteranya telah mengorbankan seramai lebih kurang 325 000 daripadanya.

Dari segi ekonomi se-Eropah, kemusnahannya juga sukar untuk dapat didatakan dengan wajar. Ratusan bandar hancur. Ribuan batu persegi tanah pertanian rosak. Paras penghasilan pertanian pada tahun 1946 ialah sepertiga sahaja daripada hasil pertanian pada tahun 1938; dan penghasilan industri hanya mencapai semula paras pengeluaran tahun 1938 pada tahun 1947 atau tahun 1948. Dalam perniagaannya dengan Amerika, Eropah secara keseluruhannya mengalami defisit sebanyak empat bilion *dollar* Amerika.⁶² Dalam kehampaan perasaan selepas perang, idea untuk menyatukan Eropah dalam sebuah pemerintahan ala Amerika Syarikat kencang dicanangkan. Idea yang serupa sudah pun tersebar luas sebelum perang lagi, iaitu semasa kemungkinan tercetusnya Perang Dunia Kedua menjadi kian nyata. Idea ini tidak dapat/sempat dipraktiskan. Perang Dunia Kedua meyakinkan para penganjur *Eropah Syarikat* bahawa sememangnya ialah nasionalisme musuh kedamaian.⁶³

EPILOG: PERANG DINGIN

Walau bagaimanapun, arena politik Eropah selepas Perang Dunia Kedua nampaknya tidak lagi dapat diwarnai sendiri oleh negara-negara Eropah. Peranan terpenting kini dimainkan oleh Amerika dan Rusia. Oleh sebab Stalin mendakwa negaranya telah paling teruk memikul beban melawan Nazi, dia mahukan peranan yang besar dalam menentukan corak peta politik Eropah selepas Perang Dunia Kedua. Semasa perang lagi, Churchill sudah menggesa tentera Amerika dan Britain mara pantas menawan Berlin, iaitu sebelum Berlin jatuh ke tangan tentera Rusia. Jeneral Eisenhower, yang mengepalai gerakan tentera Amerika dan Britain, enggan menerima saranan itu. Pada mulanya, dia nampaknya ingin menawan Berlin tetapi menukar rancangannya atas perhitungan strategi ketenteraan, katanya. Keputusan Eisenhower ini selaras dengan sikap Presiden Roosevelt. Roosevelt barangkali tidak begitu menyedari akan implikasi lain yang mungkin timbul daripada keputusan membiarkan Rusia menawan Berlin. Dalam memperkatakan pendirian Eisenhower (dan Roosevelt) Ryder menulis,

“Sebagai seorang soldadu, Eisenhower mendakwa dia tidak berminat terhadap politik, tetapi walau bagaimanapun, dia hanyalah mencerminkan pendapat seorang Presiden yang memperlihatkan sedikit sangat kesedaran tentang kepentingan penawanan ibu kota di Eropah Tengah bersabit dengan (isu) perimbangan kuasa selepas perang”.⁶⁴

Tetapi ada juga pendapat yang mengatakan bahawa Amerika pada masa itu masih

62 Untuk anggaran tentang kemusnahan akibat Perang Dunia Kedua ini, lihat antara lain, Paxton, *op. cit.*, hlm. 467 dan A. Bullock, “The Place of Europe in World History” dalam A. Bullock (ed.) 1971. *The Twentieth Century*. London: Thames & Hudson, hlm. 75. Lihat juga *New Sunday Times*, Kuala Lumpur, 20 Mac 1983, hlm. 10.

63 Untuk perbincangan tentang idea-idea ini dan para penganjurnya lihat R. Vaughn 1979. *Twentieth-Century Europe: Paths to Unity*. London: Croom Helm, antaranya hlm. 45–48, hlm. 50–56 dan hlm. 80–84.

64 Ryder, *op. cit.*, hlm. 449.

inginkan bantuan Rusia melawan Jepun di Pasifik. Bom atom yang kemudiannya digunakan terhadap Jepun masih belum siap direka. Pada masa itu, Jepun masih lagi kelihatan sebagai musuh yang kuat dan mengancam.⁶⁵

Pada peringkat akhir Perang Dunia Kedua dan selepasnya ketua negara Amerika, Britain dan Rusia telah mengadakan tiga sidang kemuncak yang penting bagi mencari satu persefahaman di kalangan mereka. Sidang kemuncak telah diadakan di Teheran (November 1943), Yalta (Februari 1945) dan Potsdam (Julai 1945). Sidang kemuncak ini tidak berjaya menghasilkan persefahaman di kalangan Kuasa Berikat. Kerjasama mereka menentang Hitler jelas terbukti sebagai kerjasama sementara bagi tujuan sementara.

Di Yalta, Britain, Amerika dan Rusia bersetuju mengesahkan pembahagian Jerman kepada empat daerah di bawah kuasa Amerika, Britain, Perancis dan Rusia. Daerah Poland diperluaskan ke sebelah barat. Persetujuan untuk mengadakan pilihan raya bebas di Poland dan negara-negara lain di Eropah Timur juga dicapai. Berlin dan Vienna, kedua-duanya berada di dalam daerah atau zon Rusia, juga diletakkan di bawah pengawasan empat Kuasa Berikat.

Rusia nampaknya telah mentafsirkan persetujuan yang dicapai tentang Poland sebagai pengesahan pengaruh dan kekuasaannya terhadap negara tersebut. Selepas Yalta dan menjelang sidang kemuncak Potsdam pergeseran antara Rusia dengan ahli Kuasa Berikat yang lain sudah kian nyata. Sebelum persidangan Potsdam, Harry Truman sudah pun menggantikan Roosevelt sebagai Presiden Amerika. Roosevelt telah meninggal dunia pada bulan April ketika berusia enam puluh tahun. Stalin menjanjikan Truman penerusan kerjasama antara Rusia dengan Amerika. Tetapi pada masa Truman mula menjadi Presiden, Stalin juga telah menumpaskan para ahli politik bukan komunis di Poland. Truman, berbeza daripada Roosevelt, lebih bersedia untuk bersikap tegas terhadap Stalin. Semasa di Potsdam pada 16 Julai, Truman menerima berita tentang kejayaan Amerika meletupkan bom atomnya di New Mexico. Ini tentu memudahkannya untuk bersikap tegas terhadap Rusia. Pada bulan Mei tahun 1945, Churchill pula sudah menyatakan bahawa Rusia telah menutupi daerah Eropah Timur dengan “tabir besi”.⁶⁶ Di Potsdam, Churchill mengulangi lagi dakwaannya ini. Ia menuduh Stalin memagari Eropah Timur dengan “pagar besi”.⁶⁷

Proses memagari Eropah Timur dengan “pagar besi” ini terlaksana antara tahun 1945 hingga tahun 1947 dan tahun 1948. Antara tahun 1945 hingga tahun 1947, satu demi satu negara di Eropah Timur terseret ke dalam lingkungan pengaruh dan kuasa Rusia. Di Poland, Bulgaria, Romania dan Hungary, para ahli politik bukan komunis telah dihapuskan dan parti petani disabotaj atau diambil alih. Kerajaan-kerajaan campuran telah dilumpuhkan dengan keganasan, ugutan dan pilihan raya yang diselewengkan. Bagi memastikan proses ini terlaksana tanpa gangguan, Stalin juga mengerahkan para tenteranya ke daerah-daerah yang berkenaan. Menjelang tahun 1947, keempat-empat buah negara ini sudah menjadi negara satelit Rusia.

65 Paxton, *op. cit.*, hlm. 486.

66 D. Rees 1971. *The Age of Containment: The Cold War, 1945–1965*. London: Macmillan, Cetakan Semula, hlm. 18–19.

67 Vaughan, *op. cit.*, hlm. 60. Lihat juga W. LaFeber 1985. *America, Russia and the Cold War, 1945–1984*. New York, hlm. 17.

Sementara itu di Eropah Barat, Amerika pula berusaha menyekat atau menumpaskan kegiatan komunis untuk mencapai kuasa. Untuk tujuan ini, pada bulan Mac tahun 1947, Truman meminta pihak Kongres meluluskan peruntukan kewangan bagi membantu kerajaan Greece dan Turki. Inilah permulaan bagi apa yang dinamakan Doktrin Truman, iaitu doktrin yang menyatakan bahawa sebagai satu dasar Amerika Syarikat patutlah “membantu bangsa-bangsa merdeka menentang percubaan golongan minoriti bersenjata atau kuasa luar yang mahu menekan mereka”.⁶⁸ Dengan bantuan Amerika, tentera Greece berjaya mengalahkan gerila komunis setelah pertempuran berlaku hampir satu tahun.

Di samping itu, Amerika juga giat membantu kerajaan-kerajaan di Eropah Barat memulihkan semula kegiatan dan kemajuan ekonomi masing-masing melalui Rancangan Marshall (Jun 1947) dan Pertubuhan bagi Kerjasama Ekonomi Eropah. Rusia melihat bantuan ekonomi Amerika sebagai satu plot untuk memperhambakan Eropah. Oleh itu, semua negara di Eropah Timur diarahkan agar menolak bantuan Amerika. Poland dan Czechoslovakia dikecam kerana menunjukkan minat terhadap Rancangan Marshall. Kemudian *Comecon* ditubuhkan bagi mengusahakan dasar penyelarasan di kalangan negara-negara Eropah Timur. Pada bulan Februari tahun 1948, golongan komunis di Czechoslovakia merampas kuasa. Pagar atau tabir besi Rusia bertambah nyata. Pemisahan Eropah Timur dengan Eropah Barat bertambah nyata. Dari sini bermulalah zaman yang biasanya dikenali sebagai zaman Perang Dingin di Eropah. Ia merupakan satu lembaran lain pula dalam sejarahnya.

68 Lihat W.H. McNeill, “The Complex Web of International Relations” dalam Bullock (ed.), *op. cit.*, hlm. 51; J. Lukacs 1966. *A New History of The Cold War*. New York: Anchor Books, Edisi 1966, hlm. 69; dan A. Fontaine (terj. D.D. Paige) 1970. *History of The Cold War: From the October Revolution To The Korean War, 1917–1950*. New York: Vintage Books, Edisi 1970, hlm. 290, *passim*.

Lampiran I

Perisytiharan Hak-hak Manusia dan Warganegara*

Para perwakilan rakyat Perancis, terbentuk sebagai Dewan Kebangsaan, memandangkan bahawasanya kejahilan, pengetepian atau cemuhan terhadap hak-hak manusia adalah sebab-sebab tunggal di sebalik kemudaratannya awam dan korupsi dalam kerajaan, telah memutuskan untuk mengetengahkan perisytiharan tentang hak-hak manusia yang semula jadi, yang tidak dapat dipindahkan dan suci: agar masyarakat, boleh menyedarkan mereka pada setiap waktu akan hak dan tanggungjawab mereka; bahawasanya tindakan badan perundangan dan badan eksekutif, kerana pada setiap waktu ia boleh dinilai berdasarkan matlamat semua institusi politik, dengan itu akan lebih dihormati; dan bahawasanya tuntutan warganegara, kerana ia diasaskan seterusnya daripada saat ini di atas prinsip yang tidak dapat dicabar, akan sentiasa boleh bersesuaian dengan pemeliharaan perlembagaan dan kesejahteraan umum.

Oleh sebab itu, Dewan ini mengiktiraf dan mengisytiharkan, di hadapan dan di bawah naungan Kejadian Agung, hak-hak manusia dan warganegara yang berikut:

- I. Manusia dilahirkan dan kekal bebas dan mempunyai hak yang sama. Perbezaan sosial hanya boleh diwujudkan berdasarkan kemanfaatan umum.
- II. Matlamat semua persatuan politik ialah untuk memelihara hak-hak manusia yang semula jadi dan yang tidak mungkin dipertuakan. Hak-hak ini ialah kebebasan, harta, perlindungan dan menentang penindasan.
- III. Prinsip segala kedaulatan terletak sebenarnya pada negara. Tiada sesiapa dan tiada individu boleh mengendalikan kekuasaan yang tidak lahir dari negara seperti yang digambarkannya.
- IV. Kebebasan bererti kesempatan untuk melakukan apa sesuatu pun yang tidak menyakiti orang lain; oleh itu, penghayatan hak semula jadi setiap orang tidak mempunyai apa-apa batasan melainkan batasan yang memastikan ahli lain dalam

* Diterjemahkan dari teks dalam bahasa Inggeris seperti yang terdapat dalam G. Lefebvre, *The Coming of the French Revolution*, hlm. 221–223.

- masyarakat juga boleh menghayati hak-hak yang sama. Batasan-batasan ini hanya dapat ditentukan oleh undang-undang.
- V. Undang-undang hanya berhak melarang tindakan yang mendatangkan keburukan kepada masyarakat. Tidak ada sekatan sepatutnya dikenakan terhadap apa-apa perkara yang tidak dilarang oleh undang-undang, sesiapa pun tidak juga boleh dipaksa melakukan sesuatu yang tidak dituntut oleh undang-undang.
 - VI. Undang-undang adalah pernyataan kehendak umum. Semua warganegara mempunyai hak untuk mengambil bahagian, sama ada secara peribadi atau menerusi wakil mereka, dalam pembentukannya. Ia mestilah sama bagi semua sama ada ia memberi perlindungan atau mengenakan hukuman. Semua warganegara, kerana mempunyai kedudukan yang sama di sisinya, sama-sama berhak untuk memperoleh kehormatan awam, jawatan dan pekerjaan, mengikut kebolehan mereka, dan dengan tidak ada perbezaan melainkan yang bersabit dengan kemurnian sifat dan bakat mereka.
 - VII. Tiada sesiapa pun boleh dituduh, ditangkap atau ditahan melainkan dalam kes yang ditentukan oleh undang-undang dan menurut cara yang sudah digariskannya. Mereka yang menghasut, mempercepatkan, mengendalikan atau menyebabkan pengendalian perintah secara sewenang-wenangnya patut dihukum; tetapi mana-mana warganegara yang disaman atau ditangkap berasaskan undang-undang patut patuh dengan serta-merta, dan menjadikan dirinya bersalah sekiranya dia ingkar.
 - VIII. Hanya hukuman yang betul-betul diperlukan sahaja boleh dimaktubkan melalui undang-undang, dan tiada sesiapa pun boleh dihukum melainkan berdasarkan undang-undang yang sudah termaktub dan digubal sebelum masa kesalahan itu dilakukan, dan dikuatkuasakan menurut undang-undang.
 - IX. Oleh sebab setiap orang dianggap tidak bersalah sehingga dihukumkan bersalah, jadi sekiranya penahanan terhadap seseorang itu dianggap sebagai tidak dapat dielakkan, maka segala kekerasan yang tidak diperlukan dalam usaha mendapatkan orang itu patutlah betul-betul dibasmikan melalui undang-undang.
 - X. Tiada sesiapa pun boleh diganggu kerana pendapatnya, walaupun dalam hal agama, selagi penghayatannya tidak mengganggu ketenteraman awam seperti yang diasaskan oleh undang-undang.
 - XI. Kebebasan untuk bertukar-tukar fikiran dan pendapat adalah salah satu hak manusia yang paling berharga sekali. Oleh itu, setiap warganegara boleh bertutur, menulis dan mencetak dengan bebas, atas tanggungjawabnya sendiri tentang penyalahgunaan kebebasan ini dalam kes-kes yang ditentukan oleh undang-undang.
 - XII. Pengekalan hak-hak manusia dan warganegara memerlukan pengwujudan ketumbukan awam. Oleh itu, ketumbukan ini dibentuk bagi faedah semua orang, bukannya bagi kemanfaatan peribadi mereka yang diamanahkan tentangnya.
 - XIII. Bagi menyelenggarakan ketumbukan awam dan menampung kos pentadbiran maka cukai umum diperlukan. Ia patut diperbahagikan sama rata di kalangan semua warganegara mengikut kemampuan mereka untuk membayar.
 - XIV. Semua warganegara mempunyai hak, secara peribadi atau menerusi para wakil mereka, untuk mendapatkan penjelasan tentang keperluan cukai awam, untuk

mempersetujuinya secara sukarela, untuk memerhatikan penggunaan hasil yang diperoleh dan untuk menentukan sumbangan yang patut dibayar, kaedah pentaksiran dan pengutipan dan jangka waktunya.

- XV. Masyarakat berhak untuk mempertanggungjawabkan setiap pegawai pentadbiran awam.
- XVI. Mana-mana masyarakat yang jaminannya terhadap hak-hak tidak dijanjikan atau pengasingan kuasa tidak ditentukan tidaklah mempunyai perlembagaan.
- XVII. Oleh sebab harta adalah hak yang tidak boleh digugat dan yang suci, maka tiada sesiapa pun boleh dilarang daripada memilikinya melainkan untuk tujuan nyata bagi keperluan awam, disahkan oleh undang-undang, dan dengan syarat saguhati yang sewajarnya diberikan terlebih dahulu.

Lampiran II

Jumlah Etnik/Bangsa (Kawasan “Autonomi”) yang Terlibat dan Musnah dalam Pemindahan Semasa Perang Dunia Kedua*

A. Jumlah Sebelum Pemindahan		Bilangan
Chechen	(Banci Soviet Rusia 1939)	407 690
Ingushi	(Banci Soviet Rusia 1939)	92 074
Karachi	(Banci Soviet Rusia 1939)	75 737
Balkar	(Banci Soviet Rusia 1939)	42 666
Kalmyk	(Banci Soviet Rusia 1939)	134 271
Jerman Volga	(1933 <i>Large Soviet Encyclopaedia</i>)	382 000
Tartar Crimea	(1936 <i>Large Soviet Encyclopaedia</i>)	202 000
Jumlah:		1 336 438

B. Anggaran Kemusnahan Akibat Pemindahan**	Peratus	Bilangan
Tartar Crimea	20	40 000
Kalmyk	10	13 000
Chechen dan Ingushi	5	25 000
Karachi dan Balkar	5	6 000
Jumlah:		84 000

C. Mulai tahun 1957 golongan etnik/bangsa Chechen, Inguishi, Karachai, Balkar dan

* Data dan anggaran adalah seperti yang terdapat dalam buku R. Conquest, *The Soviet Deportation Of Nationalities*, hlm. 51, hlm. 54 dan hlm. 170.

** Anggaran terhadap Jerman Volga tidak dimuatkan oleh Conquest kerana kerumitan dan sebab tertentu. Lihat *ibid.*, hlm. 53.

Kalmyk telah dikembalikan semula ke daerah asal masing-masing. Tartar Crimea dan Jerman Volga yang merupakan 43 peratus daripada jumlah asal yang dipindahkan telah tidak dikembalikan. *Pravda* 4 Februari 1960, telah memuatkan data daripada Banci Soviet Rusia 1959 tentang jumlah golongan ini. Jumlah ini semuanya melebihi anggaran yang dibuat oleh Conquest. Anggaran yang dibuat oleh Conquest masih kurang daripada paras jumlah tahun 1939, “sementara bangsa-bangsa Soviet yang lain sudah bertambah” (hlm. 170). Walau bagaimanapun, anggaran Conquest dan Banci Soviet Rusia 1959 tentang jumlah golongan etnik/bangsa yang berkenaan ialah seperti yang berikut:

	Conquest	Banci Soviet Rusia
Chechen	275 000	418 000
Ingushi	50 000	106 000
Kalmyk	70 000	106 000
Karachi	65 000	81 000
Balkar	30 000	42 000
Jumlah:	<u>490 000</u>	<u>753 000</u>

Lampiran III

Anggaran Jumlah Orang Yahudi yang Dibunuh dalam Program “Penyelesaian Akhir” Nazi*

Negara	Anggaran jumlah orang Yahudi sebelum pembunuhan	Anggaran jumlah orang Yahudi yang dibunuh	Peratus
Poland	3 300 000	3 000 000	90
Negara-negara Baltik	253 000	228 000	90
Jerman/Austria	240 000	210 000	90
Daerah Naungan Slovakia	90 000	80 000	89
Greece	90 000	75 000	83
Belanda	70 000	54 000	77
Hungary	140 000	105 000	75
SSR White Russia	650 000	450 000	70
SSR Ukraine**	375 000	245 000	65
Belgium	1 500 000	900 000	60
Yugoslavia	65 000	40 000	60
Rumania	43 000	26 000	60
Norway	600 000	300 000	50
Perancis	1 800	900	50
Bulgaria	350 000	90 000	26
	64 000	14 000	22

* Seperti yang terdapat dalam L. Dawidowics, *The War Against the Jews: 1933–45*, Lampiran B, hlm. 480.

** Tentera Jerman tidak menakluki semua daerah di republik ini.

sambungan

Negara	Anggaran jumlah orang Yahudi sebelum pembunuhan	Anggaran jumlah orang Yahudi yang dibunuh	Peratus
Itali	40 000	8 000	20
Luxembourg	5 000	1 000	20
Rusia (RSFSR)**	975 000	107 000	20
Denmark	8 000	—	—
Finland	2 000	—	—
Jumlah	8 861 800	5 933 900	67

** Tentera Jerman tidak menakluki semua daerah di republik ini.

Bibliografi

- Abel, T. 1938. *Why Hitler Came Into Power?* New York: Prentice-Hall, Inc.
- Adams, E.A. (ed.) 1960. *The Russian Revolution and Bolshevik Victory Why and How?* Lexington, Massachussets: D.C. Heath & Co.
- Anderson, M.S. 1972. *The Ascendancy of Europe Aspects of European History 1914–1915*. London: Longman.
- Arendt, A. 1967. *Origins of Totalitarianism*. London: George Allen & Unwin.
- Arendt, H. 1976. *Eichmann in Jerusalem: A Report on The Banality of Evil*. Middlesex: Penguin Books Ltd.
- Barracrough, G. 17 Mei 1979. "The Nazi Boom" dalam *The New York Review of Books*, Jil. XXVI, Bil. 8, hlm. 20.
- Batt, J. 1991. *East Central Europe: From Reform to Transformation*. London: Pinter Publisher.
- Blom, J.C.H. 1989. "The Persecution of the Jews in the Netherlands: A Comparative Western European Perspective", *European History Quarterly*, Jil. 19, hlm. 333–351.
- Bracher, K.D. 1962. *The German Dictatorship: The Origins, Structure and Effects of National Socialism*. New York: Praeger Publishers.
- Breitman, R. 1991. *The Architect of Genocide: Himmler and The Final Solution*. London: The Bodley Head.
- Brinton, C. 1963. *A Decade of Revolution*. New York: Harper & Row Publishers.
- Brinton, C. 1965. *The Anatomy of Revolution*. New York: Vintage Books, Cetakan Semula.
- Brumfitt, J.H. 1972. *The French Enlightenment*. London: Macmillan.
- Bruun, G. 1965. *Europe and The French Imperium 1799–1814*. New York: Harper & Row, Cetakan Ketiga.
- Bruun, G. 1968. *Revolution and Reaction 1848–1852: A Mid-Century Watershed*. New York: D. Van Nostrand Co.
- Bullock, A. 1962. *Hitler: A Study in Tyranny*. Middlesex: Penguin Books Ltd.
- Bullock, A. (ed.) 1971. *The Twentieth Century*. London: Thames & Hudson.
- Bury, J.P.T. (ed.) 1967. *The New Cambridge Modern History: Volume X The Zenith of European Power 1830–1870*. Cambridge: The University Press.
- Cantor, N.F. & Werthman, M.S. (ed.) 1967. *The Making of The Modern World: 1814–1815*. New York: Thomas Y. Crowell Co.
- Carmichael, J. 1976. *Stalin's Masterpiece*. London: Weidenfeld & Nicolson.

- Carr, E.H. 1969. *1917: Before and After*. London: Macmillan.
- Carr, E.H. 1972–73. *The Bolshevik Revolution 1917–1923*. Jil. 1, 2 dan 3. Middlesex, England: Penguin Books.
- Carr, E.H. 1972. *The Russian Revolution and Bolshevik Victory: Causes and Processes*. Massachussets, London: Macmillan.
- Carr, William 1978. *Hitler: A Study in Personality and Politics*. London: Edward Arnold.
- Carsten, F.L. 1967. *The Rise of Fascism*. London: B.T. Batsford Ltd.
- Cecil, R. 1972. *The Myth of The Master Race: Alfred Rosenberg & Nazi Ideology*. New York: Dodd, Mead & Co.
- Charques, Richard 1972. *The Twilight of Imperial Russia*. London: Oxford University Press. Cetakan Semula.
- Church, W.F. 1964. *The Influence of The Enlightenment on The French Revolution*. Massachussets: D.C. Heath.
- Cobban, A. 1968. *Aspects of the French Revolution*. London: Cape.
- Cobban, A. 1965. *A History of Modern France Volume 1: 1715–1799*. Harmondsworth, Middlesex: Penguin.
- Cobban, A. 1965. *A History of Modern France Volume 2: 1799–1781*. Harmondsworth Middlesex: Penguin.
- Conquest, R. 1968. *The Great Terror: Stalin's Purge of The Thirties*. London: The Macmillan Co. Ltd.
- Conquest, R. 1960. *The Soviet Deportation of Nationalities*. London: Macmillan & Co. Ltd.
- Crawley, C.W. (ed.) 1980. *The New Cambridge Modern History: Volume IX War and Peace in Age of Upheaval 1793–1830*. Cambridge: The University Press.
- Croce, G., (Terj. Furst, H.) 1963. *History of Europe in The Nineteenth Century*. New York: Brace & World Inc.
- Crocker, L.G. (ed.) 1969. *The Age of Enlightenment*. London: Macmillan.
- Curtiss, J.S. 1957. *The Russian Revolution of 1917*. New York: Nostrand.
- Dawidowicz, L. 1975. *The War Against The Jews 1933–1945*. London: Weidenfeld & Nicolson.
- Deutscher, I. 1971. *Stalin: A Political Biography*. New York: Oxford University Press, Cetak Semula, Edisi Kedua.
- Dill, M. 1970. *Germany A Modern History*. Ann Arbor: The University of Michigan Press.
- Djilas, M. Jun 1978. "Stalin's Legacy", *Encounter*, New York: Reinhold, hlm. 47–49.
- Duveau, G. (Terj. Carter, A.) 1967. *1848 The Making of A Revolution*. New York: Random House, Inc.
- East, R. 1992. *Revolutions in Eastern Europe*. London: Pinter Publisher.
- Eyck, E. 1972. *Bismarck and The German Empire*. London: Unwin University Press.
- Farber, S. 1990. *Before Stalinism: The Rise and Fall of Soviet Democracy*. Cambridge: Policy Press.
- Fest, J.C. 1972. *The Face of The Third Reich*. Middlesex: Penguin Books Ltd.
- Fest, J.C. 1974. *Hitler*. London: Weidenfeld & Nicolson.
- Fischer, L. 1952. *The Life and Death of Stalin*. New York: Harper & Brother Publishers.
- Fischer, L. 1954. *The Life of Lenin*. New York: Harper & Row Publishers.
- Fontaine, A. (Terj. oleh Paiye, D.D.) 1970. *History of The Cold War: From The October to The Korean War, 1917–1950*. New York.
- Fukuyama, F. 1992. *The End of History and The Last Man*. New York: The Free Press.
- Furet, F. September 1990. "From 1789 to 1917 & 1989: Looking Back at Revolutionary Traditions", *Encounter*, Jil. IXXV, Bil. 2.
- Gay, P. 1967. *The Enlightenment: An Interpretation-The Rise of Modern Paganism*. London: Weidenfeld.
- Gershoy, L. 1960. *The French Revolution 1789–1799*. Illinois: The Dryden Press.

- Gooch, B.D. 1976. *Napoleon III—Man of Destiny: Enlightened Statesman or Proto-Fascist?* Huntington, New York: Krieger.
- Goodwin, A. (ed.) 1968. *The New Cambridge Modern History: Volume VIII The American and French Revolutions 1763–93*. Cambridge: The University Press.
- Greenup, E. (ed.) 1988. *Case Studies in Modern History*. Melbourne: Thomas Nelson.
- Grenville, J.A.S. 1976. *Europe Reshaped 1848–1878*. New York: Cornell University Press.
- Hage, J. & Hollingsworth, R. 1993. "The End of History, or a New Crisis", *Contemporary Sociology*, Jil. 22, No. 2, Mac, hlm. 199–202.
- Halsted, J.B. (ed.) 1965. *Romanticism, Problems of Definition, Explanation and Evaluation*. Massachussets: D.C. Heath & Co.
- Hamerow, S. (ed.) 1972. *Otto von Bismarck: A Historical Assessment*. Massachussets: D.C. Heath & Co.
- Hampson, N. 1968. *The Enlightenment*. Middlesex: Penguin.
- Hampson, N. 1971. *A Social History of The French Revolution*. London: Routledge & Kegan Paul.
- Heiden, K. 1971. *A History of National Socialism*. New York: Octagon Books.
- Hill, C. 1971. *Lenin and The Russian Revolution*. Middlesex, England: Penguin Books Ltd.
- Hinghley, R. 1974. *Joseph Stalin: Man and Legend*. London: Hutchinson.
- Hinsley, F.H. (ed.) 1970. *The New Cambridge Modern History: Volume XI Material Progress and World-Wide Problems 1870–1898*. Cambridge: The University Press.
- Hitler, A. (Terj. Manheim, R.) 1980. *Mein Kampf*. London: Hutchinson & Co.
- Hobsbawm, E.J. 1962. *The Age of Revolution In Europe*. London: Weidenfeld & Nicolson.
- Holborn, H. 1969. *A History of Modern Germany*. London: Eyre & Spottiswoode.
- Hook, S. Januari 1968. "The Human Costs of Revolution", *Survey*, hlm. 129–137.
- Kafka, F.A. & Laux, J.A. (ed.) 1968. *The French Revolution: Conflicting Interpretations*. New York: Random House.
- Kertesz, G.A. (ed.) 1968. *Documents in The Political History of The European Continent 1815–1919*. Oxford: Clarendon Press.
- Kochan, L. 1962. *The Making of Modern Russia*. Harmondsworth, Middlesex, London: Penguin.
- Kochan, L. & Abraham, R. 1983. *The Making of Modern Russia*. London: Macmillan.
- Kranzberg, M. (ed.) 1969. *1848 A Turning Point?* Massachussets: D.C. Heath & Co.
- Labeledz, L. Januari 1979. "Issac Deutscher's Stalin", *Encounter*, Jil. III, Bil. 1, hlm. 65–82.
- Laue, T.H. von 1964. *Why Lenin? Why Stalin?: A Reappraisal of The Russian Revolution 1900–1930*. New York: J.B. Lippincott Co.
- Lefebvre, G. (Terj. Evanson, E.M.) 1972. *The French Revolution From Its Origin To 1973*. London: Routledge & Kegan Paul.
- Lefebvre, G. (Terj. Anderson, J.E.) 1970. *Napoleon From Tilsit to Waterloo 1807–1915*. New York: Columbia University Press. Cetakan Kedua.
- Lefebvre, G. (Terj. Palmer, R.R.) 1971. *The Coming of The French Revolution 1789*. New Jersey: Princeton University Press.
- Lefebvre, G. (Terj. Stewart, J.H. & Friguglietti, J.) 1972. *The French Revolution From 1793 To 1799*. London: Routledge & Kegan Paul.
- Lefebvre, G. (Terj. Stockhold, H.F.) 1973. *Napoleon From 18 Brumaire To Tilsit 1799–1807*. New York: Columbia University Press, Cetakan Ketiga.
- Legget, G.H. 1975. "Lenin, Terror and the Political Police", *Survey*, Jil. 21, Bil. 4, hlm. 157–187.
- Lennin, V.I. 1971. *Selected Works*. New York: International Publishers.
- Lewis, J. & Whitehead, P. 1991. *Stalin: A Time For Judgement*. London: Thames Mandarin.
- Liebman, M. (Terj. Pomerans, A.J.) 1970. *The Russian Revolution*. New York: Random House.
- Liebman, M. (Terj. Pearce, J.) 1975. *Leninism Under Lenin*. London: Jonathan Cape.
- Lindsay, J.O. (ed.) 1970. *The New Cambridge Modern History: Volume VII The Old Regime*

- 1713–63. Cambridge: The University Press.
- Lukacs, J. 1966. *A New History of The Cold War*. New York: Anchor-Books.
- Machiavelli, N. 1950. *The Prince and The Discourses*. New York: Modern Library.
- Machiavelli, N. 1958. *The Prince*. Diterjemahkan oleh Marriott, W.K. London.
- Machiavelli, N. 1989. *Penguasa*. Diterjemahkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Marx, K. (ed. Fernbach, D.) 1973. *The Revolutions of 1848, Political Writings Volume I*. Middlesex: Penguin Books.
- Marx, K. 1972. *The Eighteenth Brumaire of Louis Napoleon*. Moscow: Progress Publishers, Cetakan Keenam.
- Marx, K. 1972. *The Class Struggles in France 1848–1850*. Moscow: Progress Publishers, Cetakan Kelima.
- Maser, W. 1973. *Hitler, Legend, Myth & Reality*. New York: Harper & Row.
- Mau, H. & Krausnick, H. 1968. *German History 1933–1945*. London: O. Wolff.
- McCauley, M. 1987. *The Soviet Union Since 1917*. London: Longman.
- McClellan, W. 1973. *Russia: A History of the Soviet Period*. Englewood Cliffs: Prentice Hall.
- McManners, J. 1966. *Lectures on European History 1789–1914, Men, Machines and Freedom*. Oxford: Basil Blackwell.
- Medlicott, W.M. 1976. *Bismarck and Modern Germany*. London: Hodder & Stoughton.
- Medvedev, R.A. 1972. *Let History Judge: The Origins and Consequences of Stalinism*. New York: Alfred A. Knopf.
- Meinecke, F. (Terj. Fay, S.B.) 1963. *The German Catastrophe: Reflections and Recollections*. London: Beacon Press.
- Moore, Jr. Barrington 1981. *Social Origins of Dictatorship and Democracy: Lord and Peasant in the Making of the Modern World*. Hardmonsworth, Middlesex: Penguin. Cetakan Semula.
- Moorhead, A. 1958. *The Russian Revolution*. London: Panther Books.
- Mowat, C.L. (ed.) 1968. *The New Cambridge Modern History: Volume XII The Shifting Balance of World Forces 1898–1945*. Cambridge: The University Press.
- Mowbray, Stephen de 1990. *Key Facts in Soviet History Volume 1: 1917 to June 1941*. London: Printer Publisher.
- Nomad, M. 1961. *Apostles of Revolution*. New York: Collier Books.
- Nove, A. 1981. *Stalinism and After*. London: George Allen & Unwin Ltd.
- Palmer, A. 1976. *Bismarck*. London: Weidenfeld & Nicolson.
- Palmer, R.R. 1971. *The World of The French Revolution*. London: George Allen & Unwin.
- Palmer, R.R. & Colton, J. 1965. *A History of The Modern World*. New York: A.A. Knopf. Edisi Ketiga.
- Palmer, R.R. & Colton, J. 1971. *A History of The Modern World*. New York: A.A. Knopf. Edisi Keempat.
- Palmer, R.R. & Colton, J. 1978. *A History of The Modern World*. New York: A.A. Knopf. Edisi Kelima.
- Palmer, R.R. & Colton, J. 1983. *A History of The Modern World*. New York: A.A. Knopf. Edisi Keenam.
- Paxton, R.O. 1975. *Europe in The Twentieth Century*. New York: Harcourt Brace Jovanovich, Inc.
- Pipes, R. (ed.) 1968. *Revolutionary Russia*. New York: Harvard University Press.
- Paxton, R.O. 1985. *Europe in The Twentieth Century*. New York: Harcourt Brace Jovanovich, Inc.
- Qasim Ahmad 1985. “1848: Gagalnya Revolusi di Tangan Nasionalisme?” dalam R. Suntharalingam dan Abdul Rahman Haji Ismail (ed.) *Nasionalisme: Satu Tinjauan Sejarah*, Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti, hlm. 234–258.
- Qasim Ahmad 1991. “Pengadilan Moral: Kes Nazi di Jerman” dalam Qasim Ahmad, *Karya Sejarah*:

- Pendekatan dan Persoalan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Qasim Ahmad 1991. "Machiavellianisme: Satu Realisme Politik?" *dalam* Qasim Ahmad, *Karya Sejarah*, hlm. 51–63.
- Qasim Ahmad 1991. "Pemikiran Kesedaran: Satu Garis Pemisah Revolusioner", *dalam* Qasim Ahmad, *Karya Sejarah*, hlm. 64–82.
- Qasim Ahmad (ed.) 1993. *Kekerasan: Masyarakat dan Pemerintah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Qasim Ahmad 1994. "Penyebab: Penilaian ke Atas Carr" *dalam* Abu Talib dan Cheah Boon Kheng (ed.), *Isu-isu Pensejarahan: Esei Penghargaan kepada Dr. R. Suntharalingam*. P. Pinang: Penerbit USM.
- Rauch, G. von (Terj. Jacobsohn, P. & A.) 1972. *A History of Soviet Russia*. New York: Praeger Publisher.
- Rees, D. 1971. *The Age of Containment: The Cold War 1945–1965*. London: Macmillan.
- Rigby, T.H. (ed.) 1966. *Stalin*. New Jersey: Prentice-Hall, Inc.
- Rosefield, S. 1988. "Excess Deaths and Industrialization. A Realist Theory of Stalinist Economic Development in the 1930" *dalam Journal of Contemporary History*, Jil. 23, hlm. 277–289.
- Rosenberg, A. (Terj. Morrow, I.F.D.) 1970. *Imperial Germany: The Birth of The German Republic 1871–1918*. New York: Oxford University Press, Cetak Semula.
- Rousseau, J.J. 1991. *Darihal Perjanjian Sosial*. Diterjemahkan oleh Puteri Rashidah Megat Ramli. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Rudé, G. 1967. *The Crowd In The French Revolution*. London: Oxford University Press.
- Rudé, G. 1972. *Revolutionary Europe 1783–1815*. New York: Harper & Row Publishers.
- Rudé, G. 1972. *Interpretations of The French Revolution*. Historical Association.
- Ryan, Alan 1992. "Professor Hegel Goes to Washington", *The New York Review*, 6 Mac 1992, hlm. 7–8.
- Ryder, A.J. 1973. *Twentieth Century Germany: From Bismarck To Brandt*. London: The Macmillan Press Ltd.
- Sabine, G.H. 1961. *A History of Political Theory*. New York: Holt, Rinehart & Winston Inc.
- Schapiro, L. 1972. *Totalitarianism*. London: Macmillan.
- Schapiro, L. 1977. *The Origin of Communist Autocracy Political Opposition in The Soviet State: First Phase 1917–1922*. London: Macmillan.
- Seaman, L.C.B. 1963. *From Vienna to Versailles*. New York: Harper & Row Pub.
- Shennan, J.H. 1983. *France Before The Revolution*. London: Methuen.
- Shirer, W.L. 1960. *The Rise and Fall of The Third Reich*. United Kingdom: Secker & Warburg Ltd.
- Shub, D. 1966. *Lenin: A Biography*. Middlesex, London: Penguin Books Ltd.
- Sigmann, J. 1973. *Eighteen-Fortyeight: The Romantic and Democratic Revolution in Europe*. London: Unwin.
- Simon, W.M. 1968. *Germany in The Age of Bismarck*. London: George Allen & Unwin Ltd., Cetakan Kedua.
- Slavemini, G. (Terj. Rawson, L.M.) 1962. *The French Revolution 1788–1792*. W.W. Norton & Co.
- Snell, J.L. 1959. *The Nazi Revolution: Germany's Guilt or Germany's Fate?* Massachussets: D.C. Heath & Co.
- Soboul, A. (Terj. Lewis, G.) 1964. *The Parisian Sans-Culottes and The French Revolution*. Oxford: Clarendon Press.
- Stearns, P.N. 1974. *The Revolutions of 1848*. London: Weidenfeld & Nicolson.
- Taylor, A.J.P. 1961. *The Course of German History*. London: Methuen.
- Taylor, A.J.P. 1965. *Bismarck The Man and The Statesman*. London: Arrow Books Ltd.
- Taylor, A.J.P. (ed.) 1968. *Bismarck: The Man and The Statesman*. New English Library.
- Taylor, A.J.P. 1971. *Europe: Grandeur and Decline*. Middlesex: Penguin Books Ltd., Cetakan Semula.

- The New Cambridge Modern History*. London: Cambridge University Press, Jil. VIII–XII, 1967–70.
- Thompson, J.M. 1965. *Louis Napoleon and The Second Empire*. Oxford: Basil Blackwell, Cetak Semula.
- Thompson, J.M. 1969. *Napoleon Bonaparte His Rise and Fall*. Oxford: Basil Blackwell.
- Thomson, D. 1965. *Europe Since Napoleon*. Harmondsworth: Penguin Books, Harmondsworth, Edisi Disemak.
- Tocqueville, A. (Terj. Gilvert, S.) 1955. *The Old Regime and The French Revolution*. New York: Doubleday Anchor Books.
- Treadgold, D.W. 1986. *Rusia Abad ke-20*. Diterjemahkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Tucker, R.C. 1973. *Stalin As A Revolutionary 1879–1929: A Study in History and Personality*. New York: W.W. Norton & Co., Inc.
- Tucker, R.C. 1981. "Several Stalins", *Survey*, Jil.17, Bil. 4, hlm. 78–165.
- Ulam, A.B. 1965. *The Bolshevik: The Intellectual and Political History of Communism in Russia*. New York: The Macmillan Co.
- Urban, G. November 1981. "Was Stalin (The Terrible) really a 'Great Man'? A Conversation with W. Averell Harriman President Roosevelt's special ambassador to Churchill and Stalin (1941–1946)", *Encounter*, hlm. 21–38
- Watt, D.C. Mei 1978. "Nuremberg Reconsidered", *Encounter*, Jil. 1, Bil. 5, hlm. 81–87.
- Vaughn, R. 1979. *Twentieth Europe: Paths to Unity*. London: Croom Helm.
- Wallbank, T.W., Taylor, A.M.C. & Bailkey, N.M. (ed.) 1976. *Civilization: Past and Present*. Edisi Ketiga, Jil. 2, Illinois: Scott, Foresman & Co.
- Walzer, Michael 1993. "Between Nation and World: Welcome to some new ideologies", *The Economist*, 11–17 September, hlm. 45.
- Westwood, J.P. 1973. *Endurance and Endeavour Russian History 1812–1871*. London: Oxford University Press.
- Wistrich, R.S. 1992. *Anti-Semitism: The Longest Hatred*. London: Thames Mandarin.
- Wolfe, B.D. 1964. *The Three Who Made A Revolution: A Biographical History*. Middlesex, England: Penguin Books.
- Wolfe, B.D. 1969. *An Ideology in Power: Reflections on the Russian Revolution*. New York: Stein & Day Publishers.
- Zeman, Z.A.B. 1964. *Nazi Propaganda*. London: Oxford University Press in association with the Weiner Library.
- Zimmerman, E. & Jacobsen, H.A. 1969. *Germans Against Hitler, July 20, 1944*. Press & Information Office of The Federal Government of Germany.

Indeks

- Abbeville, 7
Afrika, 137
Afrika Utara, 134
Agama Kristian, xi
Agama Kristian (mazhab Katolik), 2
Ahli Gereja Perlembagaan, 21
Ahli Gereja yang Ingkar, 21
Akademi Brienne, 41
Akademi Perancis, 10
Akademi Sains, 10
Akhbar *La Reforme*, 77, 80
Akhbar *National*, 77, 80
Akta 1710, xii
Akta bagi Melindungi Darah dan Maruah Jerman, 221
Akta Kewarganegaraan Reich, 221
Alasce, 42, 130–131, 137
Alexander I, Tzar, (1777–1825) 51, 142
Alexander II, Tzar, (1818–1881), 131, 132, 142, 150
Alexander III, Tzar, (1845–1894), 142
Allilueva, 198
Amalan *laissez-faire*, xviii, *lih. j.* Ekonomi bebas
Amerika, xiii, 72
Amerika Latin, 50
Amerika Syarikat, xxv, 221, 236
Amiens, 39
Anschluss, 231–232
Antigolongan bawahan, 37
Antimonarki, xvi
Anugerah *Legion of Honour*, 47
April Theses, 152
Armenia, 198
Aryan, 213, 221, 230, 234–235
Aschluss, 231
Asia, 166
Asia Tengah, 196
Atasan (kelas), xv, xviii, 8, 23, 99, 152, *lih. j.*
 Bangsawan
Auschwitz, 222
Austrelritz, 40
Austria, xvii, xix, 6, 14, 22, 25, 26, 39–40, 53–54, 56, 63–65, 85–88, 91–92, 86–99, 106, 108–110, 231, 232
Austria-Hungary, xvi, 129, 131–135
Autokratik, 3

Babeuf, (1760–1797), 70
Badan Pengarah, 38–39, 49
Bangsawan tradisional (*Noblesse d'Epee*), 4, 7
Barras, 32
Barrot, Odilon, 77, 79
Bastille, 15, 18
Batt, Judy, xxv
Bavaria, 110
Bawahan (kelas), xviii–xv, xvii–xviii, xxi, xxiii, 8, 11, 16–17, 23, 28, 33–34, 88, 98–99, 115, 145
Bayle, 36
Bebel, August, (1840–1913), 116–117, 124
Belanda, 3, 8, 41, 46, 53–54, 147, 209
Belgium, 1, 4, 41, 48, 53–54, 64, 85, 234
Benedetti, Vincente, (1817–1900), 110
Bengkel Kebangsaan, 79–80, 82, 105
Bengkel Sosial, 105
Bennigsen, Rudolf von, 117, 121
Berends, Julius, 87
Berlin, 75, 87, 219
Bern, 3
Bernadotte, 46–47

- Bernstorff, Count, 107
 Bethusy-Huc, Count, 116
 Biskop, 21, 43
 Biskop von Galen, 223
 Bismarck, Otto Eduard von, (1815–1898), xix, 106–134, 136–141, 211
 Blanc, Louis, (1811–1822), 70, 71, 79–80, 85, 105
 Blanqui, Louis Auguste (1805–1881), xx, 70, 71, 82, 102, 145, 152
 Blok Progresif, 151
 Bober, M., 147
 Bohemia, xvii, 65, 91–92, 94–95, 204
 Bolshevik, xxi–xxii, xxiii, 144, 145, 147–148, 151, 153–160, 162–164, 167, 169–170, 178, 181, 183–184, 187, 189, 196, 199, 211–213, 215, 219, 235–236
 Bolshevisme, 211, 235
 Bonaparte, Jerome, 46
 Bonaparte, Joseph, 46, 50
 Bonaparte, Louis Napoleon (1808–1873), xxiv, 83
 Bonaparte, Lucien, 46
 Bonaparte, Napoleon, *lih.* Napoleon
 Boulevards des Capucines, 78
 Bourbon, xvi, 45, 48, 55, 63, 82, 96
 Bordeaux, 5
 Borjuis, xi–xii, xiv, 7–8, 16, 23–24, 27–28, 48, 51, 70, 73, 77, 84, 144–145, 152, 155–168
 Brandenburgh, Friedrich Wilhelm von, 88
 Brazil, 50
 Brest-Litvsk, 162
 Breton, 19
 Brissotin, 23–24
 Britain, xii, xvi, xxviii, 3, 19, 40, 48–50, 52, 54, 56, 63–65, 84–85, 90, 108–109, 129, 132–134, 182, 201, 221, 225, 231, 232, 236, 238
 Bruning, 216
 Brussels, 72
 Bruun, G., 41–42, 74, 76
 Budapest, xvii
Bugher, 3
 Bukharin, 155
 Buonarrotti (1761–1837), 70
 Burke, E., 17–18, 34
 Byron, 67
 Cabet, 69
Cahiers 1789, 11, 13
 Calvin, 204–205
 Camphausen, Ludwig, 87–88
 Catherine, Maharani, 2, 5
 Cattaneo, Carlo, 97, 98, 100
 Cavaignac, Louis, Jeneral, 82, 83
 Cavour, Camillo Beriso di, (1810–1861), xix
 Chamberlain, Houston, 214, 225
 Chamberlain, Neville, 232–234
Champ de Mars, 18, 23
 Changarnier, Jeneral, 83
 Charles Albert (1798–1849), 81, 96–98
 Charles ke-X (1757–1836), xvi, 77, 82
 Chateaubriand, Rene, 66, 67
Cheka, 165–167, 169, 186
 Churchill, Winston, 166, 200–201, 234, 237–238
Citoyen, 20
Class Struggles in France, 145
 Coleridge, Samuel, 66
 Collot d'Herbois, 26
 Cologne, 13, 72, 87
Comecon, 239
 Compo Formio, 39
Concordat, 40, 43–44, 220
 Conquest, Robert, 159, 187, 196
 Considerant, 82
Conspiration pour l'Egalite, 70
Constitutional Democrates, 150
 Corsica, 41
 Cossack, 55
Coup d'état 18 Brumaire (9 November 1799), 39
Coup d'état 22 Floreal, 38
Coup d'état: coup d'etat 30 Prairial (18 Jun 1799), 38
 Croat, 91–92
 Croatia, 92–93
 Champ de Mars, 22
 Czech, xvii, 1, 86, 91–92, 95
 Czechoslovakia, 233
 Czeck, xxv, 225, 232, 236, 239
 d'Alembert, 10
 Dachau, 221–222
 Daerah Schleswig-Holstein, 90, 108
 Danton, 19, 31–32
 Dantonis, 32
 Danzig, 233
 Darwin, 228
 Dasar Ekonomi Baru (DEB), xxiv, 170, 181–184, 186
 Dasar Ekonomi Baru Lenin, xxiv
 Dasar *kulturkampf* Bismarck, 119, 123–124, 139, *lih.j.* Bismarck
 Dasar *laissez-faire*, 141
 Dasar pengkolektifan pertanian dan pengindustrian, 183, 195
De-Stalinisation, xxiv
 Demokrasi, xii
 Demokrasi langsung, xxii
 Demokrasi terhad, xxvii
 Demokrat Sosial, 144, 151, 198, 201, 206, 221
 Demoulin, 19
 Denmark, 54, 65, 90, 108–109, 199
 Descartes, René, 8, 9

- Despotisme berihisan*, xv
Destient Pereira, 31
Dewan Kebangsaan, 14–15, 19–20
Dewan Negara (*Bundestrat*), 114
Dewan Parlimen Frankfurt, 89
Dewan Perlembagaan, 16, 20–21, 26
Dewan Perundangan, 24–25, 38, 43, 47
Dewan Perwakilan, 68, 82, 83, 156, 160, 164, 186
Dewan Perwakilan Frankfurt, 102, 105
Dewan Rakyat (*Reichstag*), 114
Diderot, Denis, 8, 11
Die Riechsverfassung atau Kemaharajaan Jerman, 113
Dikri 10 Oktober, 30
Dikri Berlin, 49
Dikri Fontainebleau, 49, 51
Dikri Milan, 49
Dikri Tanah, 163
Dikri Tentang Pemiliknegerakan, 168
Dikri Ventose, 30
Dua Puluh Lima Perkara, 211
Dubuisson, 31
Duclos, 10
Duhring, Eugen, 214
Duma, xx, 151

Ekonomi Inggeris, 50
Egalitarianisme, xii
Einstein, Albert, 221
Eisenhower, Jeneral, 237
Ekonimi bebas, xi
Elba, 235
Emigrés, 16, 22, 24, 38, 39
Empayar Austria, 1, 3, 91–93, 95, 100
Empayar Austria-Hungary, 112
Empayar Jerman, 116, 127, 128, 129, 131, 138
Empayar Rom, 4
Empayar Rusia, 1, 3
Empayar Turki, 132
Engels, 72, 91, 149, 189
Enlightenment, xi, 8, *lih. j.* Kesedaran
Enragés, 29
Eropah, xi, xv, xvii, 62, 631, 200, 203, 230, 231, 233, 237
Eropah Barat, xxv, 239
Eropah Syarikat, 237
Eropah Tengah Timur, xxv
Eropah Timur, xvi, xxviii, 199, 201, 233, 236, 238, 239
Estet Kedua, 13, 15
Estet Ketiga, 13–16
Estet Pertama, 4, 7, 16

Faham Fasis, 1, 201, 203–208, 212, 214
Falsafah Kesedaran, 11, 20

Falsafah liberal, 45
Fasis sosial, 201
Ferdinand I, 92–93, 96
Ferdinand II, Raja, 96, 97, 99
Feudalisme, 1, 19, 20, 69
Finland, 154, 159, 162, 163, 235
Fitche, Johann Gottlieb, 53
Falk, Adalbert, 120
Falsafah liberal, 45
Fouche, 32
Fourier, 69
Freron, 32
Francis Bacon, 8
Franck, James, 221
Francois-Marie, Arouet, xiv
Frankfurt, xvii, 86, 89, 90, 93–94, 106
Franklin, Benjamin, 8

Galen, von, Biskop, 223
Galileo Galilie, (1564–1642), 9
Geneva, 48
Georgia, 198, 199
Gereja, 2, 4, 9, 14, 20, 21, 23, 30, 44, 99, 115, 119, 120, 223, 225, 230
Gereja Katolik, 119–220
Gereja Reich 220
Gerlach, Ludwig von, 116
Gilotin, 32
Giradin, 59
Gironde, 24
Girondin, 24–29
Gleichschaltung, 218
Golongan bangsawan, *lih.* Bangsawan
Golongan bawahan, *lih.* Bawahan (kelas)
Golongan borjuis, *lih.* Borjuis
Gorbachev, Mikhail (1931–), xxiv
Gorgey, Jeneral, 92
Gorky, Maxim, 165
Grand Armee, 54, 55
Grand Duchy of Warsaw, 54
Greece, 86, 235, 239
Gregory VII, Paus, 121
Grossdeutsch, 90, 91
Guizot, Francois, 77

Hak Kebangsaan, xvii
Hak memiliki harta perseorangan, 33
Hak mengundi, xiii, xvii
Hak milik harta, 37
Hari-Hari Julai, 153–155
Hari-Hari Jun, 82–83
Harriman, Averell, 200
Hegel, 204–205
Henry IV, Maharaja, 121

- Herbert, 19, 27, 29, 31
 Herder, Johann Gottfried, 53
 Hierarki masyarakat, xi
 Himmler, Heinrich, 219, 220
 Hindenberg, Presiden, 216, 219
 Hiroshima, 235
 Hitler, Adolf (1889–1945), xxvi, xxvii, 59, 107, 203, 208, 210, 212, 214–215, 217, 218, 220, 222, 225, 230, 236, 238, 232, 235
 Hitlerisme (Nazisme), xxvi
 Hobbes, Thomas, 8
 Holy Roman Empire, 86
 Hume, Joseph, 8, 10–11
 Hungary, xvii, xxv, 65, 86, 90–94, 235–236, 238
 Hyedt, Von der, 107
- Idea *populis*, 150
 Ideologi, xxii
 Ideologi Marxis, *lih.* Marxisme
 Ideologi Marxis-Leninis, 176
 Ideologi sayap kiri, xvi
 Ideologi sosialis, xiii
 Ikatan Agung Para Pekerja Yahudi, 144
 Ikatan Dua Kuasa, 133, 134, 135, 136
 Ikatan Tiga Kuasa, 134, 135
 Ikrar Gelanggang Tennis, 14
 Ilyria, 52, 54
 Industrialisme, 73–74
 Internasional Komunis, 205–206
 Ireland, 65
 Itali, xvi, xxviii, 38–39, 41, 48, 52, 54, 64–65, 85, 96, 97, 99, 103, 206, 234
 Ivan yang Dahsyat, Tzar, 180
- Jacobin, xvi, 19, 24–32, 34, 35, 38, 39, 47
 Jawatankuasa Belanjawan, 107
 Jawatankuasa Kesejahteraan Awam, 28–29, 31–33
 Jawatankuasa Keselamatan Am, 28
 Jawatankuasa Pembekalan Rakyat, 167
 Jawatankuasa Petrograd, 157
 Jawatankuasa Pusat Bolshevik, 154, 157, 158, *lih. j.* Bolshevik dan Bolshevisme
 Jawatankuasa Revolusioner Militer, 158
 Jefferson, Thomas, 8
 Jelacic, Josip, 93
 Jepun, xx, 238
 Jerman, xvi–xvii, xix, xx, xxvii, 1, 39, 52, 54, 64–65, 73, 85–88, 90, 94, 100, 104–106, 108, 110, 115–117, 119–121, 130–138, 140, 162, 197, 201, 236, 238
 Jerman Raya, 103
 Joseph, Francis, 92, 110
 Joseph I, Francis, 92
- Kamanev, 154, 157, 180–181, 213
 Kant, Immanuel, 8, 11
 Kanun Napoleon, 40, 42, 44–45
Kapital, 143
 Kardoff, Wilhelm von, 116
 Karnilov, 155
 Kaum *emigrés*, 22
 Kaum menengah, 44
 Kaum pekerja, 44
 Kazakhstan, 195
 Kebangkitan “Lima Hari”, 97
 Kecemasan Besar, 16
 Kediktatoran proletariat, xxi, 71, 160
 Keganasan Merah, 167
 Keganasan Putih, 37, 167
 Kegiatan perindustrian, 7
Kehendak umum, xxii, 62
 Kelab Breton, 19
 Kelab Cordelier, 19, 32, 35
 Kelab Jacobin, 19–20, 22, 23, 25–27, 29, 31–35, 37, *lih. j.* Jacobin
 Kemaharajaan Austria, xvii
 Kemaharajaan Jerman, 113
 Kempfen Wagram 1809, 50
 Kerajaan beraja, 37
 Kerensky, Alexander (1881–1970), xxi, 152, 155, 158, 160
 Kesamarataan, xiii
 Kesatuan Republik Soviet Sosialis (KRSS), xxiv, xxv
 Kesedaran, xviii, 8–12, 35, 36, 41, 42, 60, 61, 66, 142, 143, *lih. j.* *Enlightenment*
 Ketua Biskop (*Archibishops*), 14
 Khrushchev, 196
 Klausener, Erich, 219
 Kliendeutsch, 90, 91
 Kokoshkin, F.F., 164
 Komun Paris, 29, 118
 Komunisme Perang, 167–168, 173, 181, 184, 186
 Komunisme, 1, 69–70, 176, 203, 233
 Konfederasi Swiss, 3
 Kongres Antarabangsa Hague, 147
 Kongres Berlin, 132, 137
 Kongres Kedua Soviet-Soviet se-Rusia, 161
 Kongres Kumpulan Demokrat Sosial, 198
 Kongres Parti yang Keempat Belas, 181, 183
 Kongres Parti yang Kelima Belas, 182
 Kongres Soviet-Soviet se-Rusia, 160
 Kongres Vienna 1815, 86
 Koniggratz (Sadova), 111
 Konsep “penggerak revolusioner”, 101
 Konsep Darwinisme, 228
 Konsep *grossdeutsch*, 90
 Konsep *kliendeutsch*, 90
 Konservatisme, 8, 64, 66, 87, 102

- Konsul Lima Ratus, 38, 39
 Konsul Orang Tua, 38, 39
 Konsul seumur hidup, xv
 Konvensi Gastein, 109
 Kossuth, Louis (1802–1894), xvii, 90, 92
 Kronstadt, 169–170
 Krupskaya, 153, 181
 Kuasa Berikat, 151, 209, 221, 231, 238, 243
 Kuasa monarki, 64
 Kugelman, Ludwig, Dr., 145
Kulaks, 163, 168, 171, 178, 181, 182
Kulturkampf, 120
 Kumpulan Dataran, 28
- La grande industrie*, 75
 Lafayette, 17
 Lamartine, 24, 77–79, 80, 82–86
 Lasker, Eduard, 116–117
 Lassalee, 205
Lebensraum, 235
 Leclerc, 31
 Ledru-Rollin, 77–78, 80–81, 83, 85
Legion of Honour, 59
 Lenin, 176, 181–189, 199–200
 Leninisme, 173, 183, 187–188
 Leopold II, 22
 Lessing, Goltbold Ephrain, 8
Letters de cachet, xv, 45
 Letupan Peluru Meriam, 38
 Leuschner, 223
 Liberal demokrasi, xvii
 Liberalisme, 63, 65, 66, 69, 74, 86, 102, 105, 121, 127, 128, 138, 140
 Liga Bangsa-Bangsa, 211, 231
 Liga Komunis, 72
 Liga Si Adil, 72
 Liga Tiga Maharaja, 131–134
 Liguria, 48
 Liverpool, 5
 Lodz, 222
 Loewe, K.W., Dr., 89
 Lombardy, 96–99
 Lombardy-Piedmont, 97–98
 Lubbe, Marinus Van der, 218
 Louis ke-XIV, Raja, 2, 12, 14–15, 22, 26, 42
 Louis ke-XVI, Raja, 5, 6–7, 13
 Louis ke-XVIII, Raja, 55
 Lvov, Putera (1861–1925), xx, xxi, 151, 152, 155
- Machiavelli, Niccolo (1469–1527), 106, 108
 Machiavellian, 108, 230
 Machiavellianisme, xix, 191
 Magyar, 86, 93
 Maharaja Perancis, xiv
- Mahkamah Revolusi, 30
 Majlis Golongan Tua, 224, 228, 229
 Majlis Komisar, 165
 Majlis Tertinggi Ekonomi 168
 Majlis Tertinggi Tentera Berikat, 166
 Manifesto 12 Jun, 95
 Manifesto 17 Oktober 1905, 150
 Manifesto Brunswick, 26
Manifesto of the Communist Party, 147
 Manin, Daniele, 99, 100, 103
 Mao Tse Tung, 201
 Marat, 19
 Marengo, 43
 Marie Antoinette (1755–1793), 14, 22, 24, 30
 Markas Soviet Petrograd, 158
 Marx, Karl (1818–1883), xx, xxii, 70–73, 84, 101, 103, 143–148, 162, 172–174, 179, 183–184, 187–189, 193, 198, 205
 Marxis, 144, 146–148, 165, 174, 176, 184, 189, 194
Marxism and the National Question, 198
 Marxisme, xx, 70, 143, 145–146, 167, 176–177, 178, 189, 193, 211
 Marxisme-Leninisme, xxi, xxii, 186
 Mathiez, 33–34, 101
 Mazhab Dominik, 19
 Mazzini, Joseph (1809–1872), xvii, 96, 98–99, 102
Mein Kampf, 210, 234–235
 Menengah, xvii
 Menshevik, xxi, 144, 151, 153, 156, 184, 198
 Metternich, Klemens von (1773–1859), xvi, 87
 Michael, Grand Duke, xx
 Milan, 75, 97
 Miliukov, Profesor, 151
 Milosevic, Slobodan (1941–), xxviii
 Mirabeau, 17
 Mobiliti sosial, xii
 Momora, 31
 Monarki, 3, 14, 16, 20
 Montesquieu, Charles de Secondat Baron de la Brede et de (1689–1755), 8
 Moravia, 92, 95
 Moscow, 51, 55, 154, 158, 169
 Muhler, Heinrich von, 120
 Muller, Hermann, Canselor, 215, 216
 Muller, Ludwig, 202
 Munster, 223
 Murat, 46
 Mussolini, Benito, 204
- Naples, 46
 Napoleon Bonaparte (1769–1821), xiv, xv, xvi, xix, 38–59, 44–57, 60–64, 83, 85, 86, 217
 Napoleon III, 83–84
 Nasionalisme, 74, 203

- Nassau, 86, 87
 Naumann, Friedrich, 211
 Nazi, 141, 199, 201, 210, 211, 214, 217–220, 222, 225, 227–230, 233–236
 Nazisme, xxvii, 205
 Necker, 14
 Negara bangsa, xviii, xix
 Negara-negara Komanwel, 236
 Nelson, Horatio, 40, 49
 Neo-konservatisme, xvi
 New Mexico, 238
New Rhenish Gazette, 72
 Newton, Isaac, 8, 9
 Nice, 54
 Nicholas I, Tzar, 149
 Nicholas II, Tzar (1894–1917), xx, 142
 Nielmoller, Martin, 220
 Nietzsche, 205
 Nobiling, Karl, Dr., 123
Noblesse d'Epee atau Bangsawan Pedang, 4, 7, 13
Noblesse de Robe, 7–8
 Normandy, 235
Nouveaux riches, 48
 Novalis, Friedrich, 66
 Nuerath, Konstantin von, 231
 Nuremberg, 214, 225, 232, 236
- On The Tax In Kind*, 171
One Step Forward, Two Steps Backward, 145
 Operasi Barborossa, 236
 Organisasi Caucasia Raya, 198
 Organisasi Tentera Bolshevik, 157, *lih. j.* Bolshevik Orleanist, 82
- Pact of Young Europe*, 102
 Paderi Yang Ingkar, 38
 Parti Progresif, 114
 Pakatan Jerman–Austria–Hungary, 133
 Pakatan Nazi–Soviet, 200, 233
 Palacky, Frantisek (1798–1876), xvii, 94, 95
 Palermo, xvii, 77
 Palmer, R.R., xiv, xvi, 3, 21, 29, 32
 Papen, Franz von, 216–217
 Para “Bolshevik lama”, 159
 Parti Tengah Katolik, 119
 Paris, xvii, 19–20, 22, 26, 29, 72, 77, 79, 81–82, 85
 Parlimen Frankfurt, xvii, 90–91, 106
 Parti Bolshevik, 154, 157, 159, 162, 188, *lih. j.* Bolshevik dan Bolshevisme
 Parti Demokratik, xx, 208
 Parti Demokrat Sosial, xix, xxi, 114, 116–117, 121, 122, 127, 153, 199, 208–209, 215, 218–219, 229
 Parti Demokratik Katolik, 208
 Parti Demokratik Sosial Pekerja, 117
 Parti Fasis, 204
 Parti Guelf, 118
 Parti Kebangsaan, 209
 Parti Komunis Belanda, 218
 Parti Komunis Jerman, 215
 Parti Komunis, 153, 217–219, 229
 Parti Konservatif Jerman, 117
 Parti Konservatif Bebas, 116–118
 Parti Liberal, 150
 Parti Liberal Kebangsaan, 114, 116–119, 121–124, 209, 126–128,
 Parti Nasionalis, 217–219
 Parti Nazi, 217–218, 231
 Parti Pekerja Sosialis Nasional Jerman (N.S.D.A.P.) atau Nazi, 204, 212, 213, 219
 Parti Progresif, 107, 108, 117, 119, 128, 208
 Parti Rakyat, 209
 Parti Sosial Kristian, 118, 123
 Parti Sosialis Nasional, 210, 211, 216–217
 Parti Tengah Katolik, 118–119, 121, 123–124, 126, 208, 209, 216, 218, 219
 Pasifik, 238
 Pembicaraan yang Dipamerkan, 196, 200
 Pemerintahan Ganas, 33
 Pemikiran Kesedaran, xi, xii, xiii
 Pemujaan Kejadian Agung, 31, 33
 Pendemokrasian, xii
 Pengawal Kebangsaan, 22, 78, 99
 Pengawal Keselamatan Hitler, 219
 Pengawal Merah (*Red Guards*), 158
 Penyelesaian Vienna, 108
 Penyinkingiran Besar-besaran Stalin, 177, 180, 196
 Peperangan Austria-Lombardy, 99
 Peperangan Austria-Perancis, 39
 Peperangan Kemerdekaan, xiii
 Peperangan Perancis-Jerman, 130
 Peperangan Perancis-Prusia, 113
 Perancis, xii, xiv, xv, xvi, xvii, xxi, xxv, 2, 5, 57, 64–65, 71, 79–80, 81, 82, 84–87, 88, 96, 97, 100, 131–132, 134, 210, 231, 232–234, 236
 Perancis-Austria, 50
 Perang Dingin, 239
 Perang Dunia Kedua, xxvii, 190–191, 197, 199, 221, 222–223, 225, 229, 234, 236–238
 Perang Dunia Pertama, xx, 137, 143, 151, 166, 208–209, 234
 Perang Hohenlinden, 43
 Perang Kemerdekaan Amerika, 5–6, 12, 143
 Perang Prusia-Austria, 110
 Perang Rusia-Jepun, xx, 150
 Perang Saudara, 163, 166–169, 200
 Peraturan Dalam Majlis, 49–50, 57
 Peraturan *lettres de cachet*, xv

- Perdamaian Frankfurt, 90, 130
 Perdamaian San Stefano, 132
 Pergerakan Hasrat Rakyat, 149
 Pergerakan anti-Tzar, 148
 Pergerakan Babeuf, 37
 Pergerakan *Chartist*, 65
 Pergerakan *friekorps*, 213
 Pergerakan Kesedaran, 8–9
 Perhimpunan Kebangsaan, 16, 26–29, 31–33, 37–38
 Perhimpunan Parti Nazi, 232
 Peristiwa Schleswig-Holstein, 108
 Peristiwa Trafalgar, 49
 Perisytiharan Diraja tentang Persidangan Parlimen
 Sekarang, 14
 Perisytiharan Hak-hak Manusia dan Warganegara, xii,
 11, 20–21, 23
 Perisytiharan Pillnitz, 22
 Perjanjian Brest-Litovsk, 162, 184
 Perjanjian Campo Formio, 39
 Perjanjian Damai Amiens, 39
 Perjanjian Damai Austria-Perancis, 39
 Perjanjian Damai Luneville, 43
 Perjanjian Fontainebleau, 55
 Perjanjian Frankfurt, 113
 Perjanjian Insurans Berlapis, 134–135
 Perjanjian London 1852, 109
 Perjanjian Munich, 232
 Perjanjian Olmutz, 106
 Perjanjian Paris, 55
 Perjanjian Perdamaian Vienna, 109
 Perjanjian Versailles, 209, 230, 231–234
 Perlembagaan 1793, 37
 Perlembagaan Perancis, xiii
 Perlembagaan Persekutuan, 106
 Perlembagaan Prusia, 108
 Perlembagaan Sivil Gereja, 21, 22, 43
 Persatuan Golongan Miskin, 19
 Persatuan Kebangsaan Itali, 103
 Persatuan Kebebasan, 19
 Persatuan Pemusuh Despotisme, 19
 Persatuan Pencinta Undang-undang, 19
 Persatuan Persaudaraan Lelaki Wanita, 19
 Persatuan Sahabat Kebenaran, 19
 “Persatuan Sahabat Perlembagaan yang bertempat di
 Jacobin Paris”, 19
 Persatuan Selatan, 148
 Persatuan Utara, 148
 Persekutuan Jerman Utara, 111, 112
 Persekutuan Jerman, 86, 90–91, 106, 111
 Persidangan Pengurangan Senjata, 231
 Pertubuhan bagi Kerjasama Ekonomi Eropah, 239
 Petrograd, 152–155, 159, 162, 165, 169
 Philippe, Louise (1773–1850), xvi, 77, 80
 Piedmont, 48, 96–99
 Pius IX, Paus, 96, 98
 Place de la Madeleine, 78
 Plato, 204–205
 Plekhanov, Georgi V., 144
 Poland, xxv, 54, 56, 65, 86, 92, 144, 166, 233–235,
 238–239
 Popper, Karl, 205
 Portugis, 54, 86
 Potresnov, A.N., 160
 Potsdam, 238
 Prague, 75, 233
Pravda, 166, 181
 Presiden Suruhanjaya Luxembourg, 80
 Program Eisenach, 117
 Program Gotha, 117
 Program pengkolektifan pertanian, xxiv
Proletariat, xx, 24, 37, 70, 89, 145, 157, 164,
 115–116, 80, 84, 170–171, 199, *lih. j.* Bawahan
 (kelas)
 Proli, 31
 Proses *historical materialism*, 193
 Proudhon, Pierre Joseph (1809–1865), xxiv, xxv,
 xxvi
 Prusia, xix, xvi, 16, 22, 26, 53–56, 63, 70, 72, 86, 87,
 88–89, 108–109, 110–111, 114–115, 119, 122,
 129, 138–139
 Puak *émigrés*, 190
 Pulau Poplars, 59
 Putera Mahkota Prusia, 109
 Quiberon, 38
 Radetzky, Jeneral, 97
 Raja berperlembagaan, xvii
Raison d'état, xix
 Rampasan kuasa 18 Fructidor, 38
 Rancangan Lima Tahun Pertama 1928–33, xxiv, 182,
 191
 Rancangan Marshall, 239
 Rang Undang-undang Anti-Sosialis, 122, 123–124
 Rang Undang-undang Tentera 1874, 119, 122
 Raspail, 83
 Rath, Von, 221
 Reformasi ekonomi, xvii
 Reformasi pertanian, xx
 Regim Lama, 6
 Reaksioner, xvi
 Reich, Wilhelm, 207, 220, 234
Reich, 115
 Reichstag, 210, 211, 215, 216–218, 219
Reichsaktienallnacht (Malam Pecahan Kaca atau
 Malam Kristal *Reich*), 221
Representation of the People Act 1918, xii
 Republik Belanda, 3

- Republik Czech, 95
 Republik Danton, 32
 Republik Genoa, 3
 Republik Poland, 3
 Republik Rusia, xxi
 Republik Venice, 3
 Republik Weimar, 209, 215, 216, 218, 219, 210, 214
 Revolusi 1789, xv
 Revolusi 1905, 150
 Revolusi Amerika (1776), xiii, 1, 35
 Revolusi Bolshevik, 164, *lih. j.* Revolusi Rusia
 Revolusi Industri, xviii, 50, 68–69, 73–74, 76, 103, 192
 Revolusi Inggris (1688), xii, 1
 Revolusi Komunis, 201
 Revolusi Oktober 1917, 156, 158–159
 Revolusi Para Intelektual, 62
 Revolusi Perancis Kedua, 26–27
 Revolusi Perancis 1789, xi, xii, xiv, xvi, xxiii, 1, 3, 4–5, 8, 10–14, 15, 16–18, 19, 21, 23–23, 34–36, 47, 49, 56, 59, 61, 66, 68–69, 72, 84–85, 101, 102, 121, 142, 144, 158, 161, 181, 191
 Revolusi Rusia, xx, 33, 101, 142–144, 148, 151, 159, 170, 172, 174, 177, 181, 183–184, 190, 192–193, 197, 199, 203, 213
 Revolusi Tiga Penjuru, xviii
 Revolusi-revolusi 1848, xvi, xviii, xx, xxi, xxv, xxvi, 62, 64–65, 68, 70–73, 74, 75–76, 100, 103–104, 158, 160
 Revolusioner Sosial, xx, 100, 150, 152–153, 160, 163, 164, 166, 168, 188
 Rheims, 235
Rhenish Gazette, 72
 Rhineland, 48, 87
 Ribbentrop, Joachim von, 233
 Robespierre, 20–21, 25, 28–29, 30–33, 37, 39, 46, 101, 191
 Rothfels, Hans, 223
 Rohm, Ernst, 219, 220
 Rom, 40, 96, 97, 121
 Romantisme, xviii, 66, 68–69, 104
 Rome, 75, 90
 Ronsin, 31
 Roon, Albert von, 107
 Roosevelt, Presiden, 200, 201, 237, 238
 Rosenberg, Alfred, 113, 115, 181, 189, 205, 214
 Rousseau, Jean Jacques, (1712–1778), xiv, xxii, xxiv, 8–9, 11–12, 35, 53, 59, 62
 Roux, Jacques, 29
 Rubel, Maximilien, 144, 146, 148, 186
 Rudé, G., 3, 6–8, 11, 17, 58, 60
 Rumania, 65, 86, 91–94, 235–236
 Rusia, xvi, xx, xxv, 3, 5, 8, 42, 51, 54, 56, 63, 65, 85, 90, 92, 95, 105, 108, 109, 129, 131–137, 143, 144, 148, 150, 152, 155, 157, 162, 164–167, 169, 176, 177–178, 181, 182–186, 190, 191, 193, 196–201, 209, 215, 233, 234–239
 Saint Just, 20, 28, 30, 33, 35, 46, 192
 Saint Simon, 69, 71
 Salvemini, 15, 18
Sans-culottes, 17, 26, 27, 29–31, 34–35, 37, 42
 Sardinia, 96, 97
 Savoy, 54
 Scheidemann, 209
 Schleicher, Kurt von, Jeneral, 216, 217, 219
 Schmidt, Friedrich, 87, 219
 Schschnigg, Kurt, 231
 Sektor perindustrian, 7
 Sekularisme, 21
Senatus-consultum, 39
 Sepanyol, 3, 50, 54, 64–65, 86, 112, 206, 234
 Serbia, xxviii
 Shelly, 67
 Shingarev, A.I., 164
 Siberia, 196
 Sieyes, Abbes (1748–1836), xiv, 39, 217
 Silesia, 95, 233
 Sinoviev, 181
 Sistem ekonomi terkawal, 29, 33
 Sistem feudal, 28, 51
 Sistem feudal prarevolusi, 34
 Sistem Kebenuaan, 48–52, 54, 56, 57
 Sistem kongres, xvi, 85
 Sistem *laissez-faire* (ekonomi bebas), 7
 Sistem masyarakat terbuka, 1
 Sistem Metternich, xvi
 Sistem monarki, 2–3, 22, 34, 38
 Sistem parlimen Inggris, 118
 Sistem parlimen Jerman, 118
 Sistem pengintip, 45
 Sistem pengundian, xv
 Sistem politik Barat, xxviii
 Sistem *Prefect*, 45, 58, 81
 Sistem totalitarian, 203
 Sistem undi, 2
 Slav, 91, 93, 95, 133, 199
 Slogan “Jangan Berperang untuk Bismarck”, 111
 Slogan “Persamaan, Persaudaraan dan Kebebasan”, 64
 Slovakia, xxv, 225, 232, 236, 239
 Smilga, I.T., 163
 Smith, Adam, 173
Society of Jesus, 120
 Soldadu revolusi, 41
Sonderkommandos (unit-unit khas), 224, 227
 Sophie, Maharani, 93
 Sosial Demokratik, xx

- Sosialisme, 65, 68–70, 72, 96, 144, 161, 171, 183, 184, 189, 201, 219
 Sosialisme nasional 203, 204, 211–212
 Sosiopolitik, xi
 Southley, Robert, 66
 Spinoza, Baruch, 8–9
Stadholder, 3
 Stalin, Joseph, (1879–1953), xxii, 59, 176–180, 182, 185, 198–191, 193–194, 196–197, 199, 201, 236
 Stalinisme, xvi, 176, 178, 186, 201, 211, 237
State and Revolution, 161
Status quo, xii, 10, 12, 19, 35, 69, 88, 92
 Stocker, Adolf, 118
 Strasser, Gregor, 219
 Strasser, Otto, 212
Stormtroopers, 210
 Sudetenland, 232
 Sukhanov, 153, 159
Sunday Express, 211
 Sungai Moskva, 55
 Sungai Nieman, 54–55
 Suruhanjaya Luar Biasa bagi Membanteras Revolusi Balas dan Sabotaj, 165
 Suruhanjaya Luxembourg, 80
 Sweden, 3, 54, 56, 90, 108
 Swiss, 3, 4, 5, 15
 Switzerland, 41, 64, 65, 85–86, 102
 Syess-Inquart, 231
Syllabus errorum, 121
 Tahun Pertama Republik, 26
 Taine, 17–18, 34
 Taktik *blitzkrieg*, 234
 Tallien, 32
 Tanjung Trafalgar, 40, 49
 Tarif Trianon 1810, 52
 Tentera Merah, 166, 197
 Tentera Putih, 166
 Teori ekonomi, xx
The Authority of the Scripture, 10
The Communist Manifesto, 71
The Foundations of Leninism, 183
The German Ideology, 162
The Infantile Disease of Leftism, 145
The Organisation of Labour, 79
 “The October Revolution and the Tactics of the Russian Communists”, 183
The Old Testament, 9
The Organisation of Labour, 71
The Prince, 106
The State and Revolution, 172
 Thermidor, 37, 47
 Thiers, Adolphe, 79
 Thomas, Emile, 80
 Thomas Marie, Pierre, 80
 Thompson, J.M., 42, 61, 69, 83, 85
 Thomson, David, xv
Tier Etat (Estet Ketiga), 4, 7
 Tito, 201
 Tkachev, Peter, 149, 150
 Tocqueville, 5–6, 8, 13, 41, 58, 142
 Totalitarianisme, 1, 204–205
 Tradisi Marxis, 188–189
 Tradisi Marxis-Leninis, 185–186, 194
 Treysa, 223
 Trotsky, 145, 154, 158, 160, 163, 169, 180–182, 184, 189, 213
 Truman, 238, 239
 Tucker, 188, 215
 “Tujuh Belas Tuntutan Parti Komunis di Jerman”, 72
 Tzar, 56, 144, 151, 177–178, 190
 Ukraine, 166, 195
 Ulam, A.B., 164
 Ulm, 40
 Ulyanov, Vladimir Ilich atau Lenin (1870–1924), xxi, xxii, 101, 144–146, 149–151, 153–165, 169, 179, 182–187, 189, 199. *lih. j. Lenin*
 Undang-undang 22 Prairial, 30, 33
 Undang-undang Anti-Sosialis, 123
 Undang-undang Insurans Kesihatan, 125
 Undang-undang Le Chapelier, 24
 Undang-undang liberal Jerman, xxviii
 Undang-undang Mei 1873, 120
 Undang-undang Syak, 30
 Undang-undang terhadap Kegiatan Bahaya Para Demokrat Sosial, 123
 Universiti Berlin, 53
 Unruh, Hans von, 89
 Urals-Kuznetsk, 191
Utilitarian, xv, 58, 60
Utopian socialists, xx
 Uzbekistan, 196
 Vandal, 59
 Vandee, 32
 Varlet, 27, 29
 Vatican, 220
 Venice, 75, 96, 97, 99
 Versailles, 14–15, 22, 113, 209
 Vienna, 75, 87, 88, 103, 231, 238
 Vincent, 31
 Vinchow, Rudolf, 120
 Voltaire (1694–1774), xiv, 8, 9
 Wangsa Bourbon, 63
 Warganegara Aktif, xii, 23
 Warganegara Pasif, 23

Waterloo, xvi
Wellington, 54
Westphalia, 46, 52
William, Raja Frederich, 87, 88, 89
William I, 110, 113, 128, 131, 133
William II, Maharaja, 113, 128, 209
Williams, Anthony, 230
Wilser, 214
Windhorst, 116, 124–128
Windischgratz, Jeneral, 94, 96
Wordsworth, William, 66
Workers councils, 150
Württemberg, 87

Yahudi, xxvi, 4, 93, 227
Yalta, 238
Yugoslavia, 92, 201, 235–236

Zaman Bismarck, 113
Zaman Ganas, 28
Zaman Kesedaran, 8
Zaman Pemulihan, 63
Zaman Pertengahan, 9, 204, 212
Zaman *thermidor*, 181
Zasluich, Vera, 143, 145, 149
Zinoviev, 157, 180–181, 213